PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)

DR. 27 TAHUN 2026

PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
4. YB Puan Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
7. YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Sekijang]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan[Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (*EX-OFFICIO* PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Ekonomi (KE)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen Malaysia

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	
INFOGRAFIK	
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG	4
4.1 Program Kawalan dan Subsidi Minyak Masak	4
4.2 Peruntukan dan Perbelanjaan Kerajaan	4
4.3 Dapatan Audit dan Isu Pelaksanaan	5
4.4 Syor Penambahbaikan	5
5. KETERANGAN SAKSI	7
5.1. Keterangan Ketua Setiausaha KPDN	7
5.1.1. Kelemahan Pengurusan dan Pemantauan Program Subsidi Minyak Masak	8
5.1.2. Pemantapan Pelaksanaan serta Penguatkuasaan SOP dan Dasar	10
5.1.3. Pemerkasaan Sistem eCOSS	11
5.1.4. Kajian Semula Syarat Lesen CSA dan Pemantauan Premis	12
5.1.5. Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan	13
5.1.6. Tatacara Pengurusan Minyak Masak Rosak	14
5.1.7. Kepatuhan Terhadap Pensijilan Halal	14
6. PENEMUAN PAC PARLIMEN	18
6.1. Pengurusan Kuota & Impak Belanjawan	18
6.1.1. Keperluan Minyak Masak Bersubsidi Sebenar dan Isu Agihan Kuota	18
6.1.2. Analisis Peruntukan Belanjawan dan Ketirisan Akibat Lebih Kuota	20
6.2. Kawalan Sempadan & Isu Penyeludupan	21
6.2.1. Lawatan Kerja PAC Parlimen di Kelantan	22
6.2.2. Peranan Agensi Penguatkuasaan bagi Membanteras Penyeludupan	25
6.2.3. Cabaran Penguatkuasaan Sempadan	27
6.2.4. Penyelewengan ke Sektor Komersial dan Penyeludupan Sempadan	28

PERKARA	MUKA SURAT
6.3. Cadangan Reformasi & Penyasaran Subsidi	30
6.3.1 Inisiatif Pendigitalan dan Pemantauan Rantaian Bekalan	30
6.3.2 Cadangan Peralihan Mekanisme Subsidi Bersasar	33
6.3.3 Cadangan Reformasi Penguatkuasaan dan Penyasaran Subsidi	34
6.3.4 Kelemahan Mekanisme Subsidi dan Cadangan Penambahbaikan Sistem	36
6.4. Isu Peruncitan & Kesan kepada Pengguna	37
6.4.1 Peranan Peruncit dan Cabaran Pengurusan Stok	37
6.4.2 Kekurangan Bekalan dan Amalan Runcit Tidak Adil	39
6.4.3 Kekurangan Bekalan dan Isu Kerugian Operasi Peruncit	40
6.5. Struktur Pasaran & Rantaian Bekalan	41
6.5.1 Impak Kenaikan Harga CPO	42
6.5.2 Isu Kartel dalam Rantaian Bekalan	44
6.5.3 Peranan FGV	45
6.5.4 Justifikasi Caj Tambahan dan Isu Penguasaan Syarikat Asing	46
6.6. Pensijilan Halal	48
6.6.1 Status Pensijilan Halal Syarikat Pembungkus	48
6.6.2 Tempoh Proses dan KPI Pensijilan Halal	51
6.6.3 Syarat Beroperasi Tiga (3) Bulan sebelum Permohonan Sijil Halal	53
6.6.4 Isu Penggunaan Logo Halal Palsu dan Penguatkuasaan	55
6.6.5 Cabaran Utama Pensijilan Halal Syarikat Pembungkus	56
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	59
8. SYOR PAC PARLIMEN	60
GAMBAR PROSIDING	
AGENDA MESYUARAT	
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	

GLOSARI

`

GLOSARI	
AP	Arahan Perbendaharaan
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
COSS	Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak
CPO	Minyak Sawit Mentah
CSA	Lesen Barang Kawalan Berjadual
CSR	Tanggungjawab Sosial
FGV	FGV Holdings Berhad
FOMCA	Federation of Malaysian Consumers Associations
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KE	Kementerian Ekonomi
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KPI	Petunjuk prestasi utama
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LPG	*Liquefied Petroleum Gas*
MEOMA	The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association
MKHMM	Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MRA	Malaysia Retailers Association

`

GLOSARI	
Mydin	Mydin Mohamed Holdings Berhad
NCR	Rekod Ketidakpatuhan
NGO	Badan Bukan Kerajaan
Ops Tiris	Operasi Tiris
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
PM	Peraturan Mesyuarat
PORAM	The Palm Oil Refiners Association of Malaysia
PPH	Program Penyeragaman Harga
PPHSSL	Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan
PPMMDR	Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
PTG	Pejabat Tanah dan Galian
PUU	Penasihat Undang-Undang
SJR	Sekatan jalan raya
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SWASLA	Sistem Pengawasan Laut

PARLIMEN MALAYSIA

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

LATAR BELAKANG

ISU UTAMA

2019-2024

- Ketirisan dana awam
- Jualan melebihi had
- Subsidi gagal sampai ke golongan sasar

Jumlah peruntukan
RM12.138 Bilion

DANA TERLIBAT

Subsidi dibelanjakan
RM10.879 Bilion

Di mana 83.9% khusus untuk Skim COSS
RM9.124 Bilion

MATLAMAT PROSIDING

- Meneliti pemantauan pembayaran subsidi kilang penapis/pembungkus
- Membanteras kelompongan rantaian bekalan.

SAKSI YANG TERLIBAT

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
- Kementerian Dalam Negeri — merangkumi Polis Diraja Malaysia (Pasukan Gerakan Am dan Pasukan Polis Marin), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Bahagian Pengurusan Halal)
- The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association
- The Palm Oil Refiners Association of Malaysia
- Malaysia Retailers Association
- Federation of Malaysian Consumers Associations
- Mydin Mohamed Holdings Berhad
- FELDA Global Ventures Holdings Berhad

DAPATAN AUDIT DAN ISU PELAKSANAAN

Hasil pengauditan yang dijalankan telah mengenal pasti beberapa kelemahan dalam pelaksanaan, pemantauan, dan penguatkuasaan program minyak masak bersubsidi ini. Antara isu utama yang dibangkitkan adalah

Sasaran Subsidi yang Tidak Tepat

Dasar sedia ada didapati tidak menetapkan agihan minyak masak kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Akibatnya, minyak masak bersubsidi turut dijual kepada warga asing dan pihak yang tidak layak seperti restoran, kedai makan, penjaja, dan badan bukan kerajaan (NGO).

Pelanggaran Syarat Jualan

Masih berlaku jualan melebihi had yang ditetapkan (tiga paket bagi setiap transaksi) serta jualan melebihi harga kawalan iaitu RM2.50.

Isu Pensijilan Halal

Audit mendapati 9 daripada 72 syarikat pembungkus (12.5%) tidak mempunyai sijil Halal yang sah. Malah, ada syarikat yang mencetak logo Halal pada pembungkusan tanpa kebenaran.

Kelemahan Pengurusan

Tiada tatacara tetap bagi menguruskan stok minyak masak yang rosak, selain tiada penetapan harga jualan yang jelas di setiap peringkat rantaian bekalan.

PENEMUAN PAC

Pengurusan Kuota & Impak Belanjawan

Kuota Berlebihan
Skim COSS menetapkan 60,000 metrik tan (60 juta paket) sebulan vs keperluan domestik sebenar hanya 19,000–30,000 metrik tan sebulan (1.5 kg seorang sebulan).

Dominasi Asing
67% kuota penapisan dikuasai syarikat asing (Singapura seperti Wilmar) vs GLC tempatan (FGV & SD Guthrie) hanya 10.6% (6,154 tan).

Margin Pembungkus Tinggi
Subsidi pembungkus semula *(repackers)* RM600/metrik tan (60 sen/paket) terlalu tinggi vs kos proses sebenar RM120–RM130. Kelonggaran memicu kes nota serahan palsu dan pemborong tidak wujud.

Rekod eCOSS Lemah
Lebih 18% data eCOSS fasa awal tidak lengkap/tidak sah kerana kegagalan mengemas kini transaksi secara *real-time.*

Kawalan Sempadan & Isu Penyeludupan

Geografi Terbuka
Sempadan Sungai Golok (PGA mengawal 44.86 km, ATM mengawal 85.43 km, jumlah tebing sungai 136.59 km) sempit dan cetek, membolehkan pemindahan bot berlaku dalam beberapa saat.

212 Pangkalan Haram
Sebanyak 138 berstruktur dan 90 tidak berstruktur (136 aktif, 76 tidak aktif) dibina tanpa izin di atas tanah rizab sungai sebagai gudang transit haram.

Taktik Seludup Runcit
Aktiviti malam menggunakan bot/perahu, kenderaan tangki diubah suai, atau motosikal orang Thailand membawa 3 paket secara berulang-alik 10 hingga 15 kali sehari (keuntungan atas jurang harga: Malaysia RM2.50 vs Thailand RM6.00).

Risiko Integriti Sempadan
Keberhasilan Ops Tiris 3.0 membongkar sindiket yang melibatkan penahanan beberapa orang penjawat awam di pintu sempadan yang disyaki terlibat dalam penyelewengan minyak masak.

Cadangan Reformasi & Penyasaran Subsidi

Inisiatif Digital
Pengenalan sistem eCOSS (sejak 2023) dan Mobile eCOSS (peringkat rintis di Johor) untuk merekod jualan masa nyata *(real-time).*

Mekanisme Apungan Harga
Cadangan harga minyak paket dimansuhkan dan diapungkan secara terbuka seperti ayam/telur. Perlindungan golongan sasar disyorkan melalui infrastruktur MyKad atau sistem MySARA *(point of sale).*

Analisis Unjuran Mydin
Jualan bersasar kepada 5.8 juta penerima layak (kuota 5kg sebulan melalui MyKad) hanya memerlukan RM1.5 Bilion setahun, menjimatkan RM1.5 Bilion dana kerajaan. Bantuan disyorkan pada tengah bulan (15 hari bulan).

Isu Peruncitan & Kesan kepada Pengguna

Rugi Operasi Peruncit
Margin untung runcit minyak paket hanya 5 sen (Kos beli RM2.45–RM2.47 vs Jual RM2.50). Peruncit tanggung kos logistik kendiri 18.5 sen seunit (jumlah kos 20 sen) sebagai *loss leader.*

Rak Kedai Kosong
Cawangan runcit besar mengalami ketiadaan stok hingga 28 hari sebulan (Kadar pemenuhan/*fulfilment* jualan hanya 18%).

Eksploitasi Komersial
Peniaga/restoran mengupah pekerja warga asing untuk membeli had maksimum 3 paket secara transaksi berulang kali bagi kegunaan kedai.

Manipulasi Harga Runcit:
Lambakan amalan jualan bersyarat *(bundling)*, penyorokan stok, dan jualan melebihi had (Minyak paket dijual RM2.60–RM4.00, atau RM5.00/kg).

Struktur Pasaran & Rantaian Bekalan

Impak Lonjakan Harga CPO Global
Harga CPO global mencecah RM4,500 per tan mengakibatkan pengilang menanggung kerugian/margin negatif pada produk minyak botol bukan subsidi (5kg siling RM30.90) apabila CPO melepasi harga ambang RM3,900. Isu ini kritikal bagi pembungkus kecil tanpa ladang sendiri *(standalone repackers).*

Amalan Monopoli Pasaran Bebas
Pasaran barangan keperluan asas dibelenggu amalan kartel dan monopoli, yang mana syarikat pembungkus semula *(repackers)* sering kali terdiri daripada golongan "kroni" yang mendapat kuota kerajaan.

Pensijilan Halal

Ketiadaan Sijil Halal
9 syarikat (12.5% daripada 72 sampel) pembungkus semula dikesan tiada sijil halal sah pada peringkat awal / wujud kes guna logo halal palsu. Semakan semula menunjukkan 7 syarikat telah ada sijil halal, manakala baki 2 syarikat masih gagal memiliki sijil sah (1 di Kelantan sedang memohon, 1 di Johor tiada status sah).

Birokrasi & Garis Masa
Manual JAKIM mewajibkan operasi 3 bulan sebelum audit lapangan (kebersihan, makhluk perosak, bahan-bahan); syarikat senarai putih *(whitelist)* diproses pantas 14 hari. KPI standard proses halal adalah 30 hari daripada tarikh bayaran fi. Pencapaian KPI 30 hari tahun 2025 adalah 86.53% (5,307 daripada 6,133 permohonan selesai).

Isu Stok Rosak
Ketiadaan SOP bertulis menguruskan minyak masak rosak/pecah di peringkat pembungkus membuka ruang manipulasi tuntutan subsidi penuh.

RUMUSAN PAC

Penetapan kuota Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) adalah sebanyak 60,000 metrik tan sebulan, manakala keperluan domestik sebenar rakyat Malaysia dianggarkan sekitar 19,000 ke 30,000 metrik tan sebulan.

Ketiadaan mekanisme pengagihan bersasar menyebabkan dana subsidi Kerajaan (RM10.879 bilion bagi tempoh 2019-Februari 2025) tidak sampai sepenuhnya kepada golongan sasar. Minyak masak paket 1kg sering disalahgunakan oleh pihak yang tidak layak, termasuk warga asing dan pengusaha sektor komersial.

Didapati masih terdapat dua (2) syarikat pembungkus yang masih tidak memiliki sijil halal daripada keseluruhan sembilan (9) syarikat pembungkus yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana JAKIM telah menambahbaik proses pensijilan halal.

KPDN telah membangunkan sistem eCOSS sejak tahun 2023 bagi memantau rantaian bekalan minyak masak bersubsidi dari peringkat kilang penapisan hingga ke peruncit. Sistem ini membolehkan semakan silang *(cross-check)* dilakukan terhadap kuantiti bekalan di setiap peringkat rantaian pengedaran.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan serius dalam pengurusan stok minyak masak rosak kerana tiada SOP khusus untuk menguruskan minyak masak rosak di peringkat syarikat pembungkus, yang menyebabkan kerajaan masih menanggung subsidi ke atas stok rosak yang tidak akan sampai kepada pengguna.

Pemantauan yang kurang berkesan di peringkat peruncit telah mengakibatkan berlakunya amalan jualan bersyarat, penyorokan stok, dan jualan melebihi harga kawalan RM2.50 semakin berleluasa di pasaran.

Penguasaan pasaran minyak masak bersubsidi di peringkat penapisan didapati tidak seimbang yang mana 67% kuota dikuasai oleh syarikat asing, manakala penglibatan GLC tempatan seperti FGV dan SD Guthrie hanya sebanyak 10.6%, manakala selebihnya oleh syarikat tempatan.

Margin keuntungan bagi pembungkus *(repacker)* yang menerima subsidi RM600 per metrik tan dilihat terlalu tinggi berbanding kos pemprosesan sebenar yang jauh lebih rendah, sekali gus meningkatkan beban subsidi Kerajaan tanpa justifikasi kos operasi yang munasabah.

SYOR PAC

KPDN perlu melakukan semakan semula terhadap keseluruhan rantaian bekalan minyak masak, dan mengurangkan kuota 60,000 metrik tan sebulan agar selari dengan keperluan domestik sebenar bagi mengelakkan ketirisan dan pembaziran dana awam.

KPDN hendaklah menyemak semula kadar subsidi RM600 per metrik tan kepada syarikat pembungkus agar lebih munasabah dan kompetitif selaras dengan kos operasi semasa bagi menjimatkan dana awam.

KPDN perlu membuat penetapan bahawa pembayaran subsidi kepada syarikat pembungkus hanya dibuat ke atas stok minyak masak yang tidak rosak bagi mengurangkan pembayaran subsidi berlebihan yang tidak perlu.

Kerajaan hendaklah mempercepat peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar secara digital sepenuhnya melalui sistem eCOSS bagi memastikan bantuan hanya dinikmati oleh warganegara yang layak dan mengelakkan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

KPDN perlu mengkaji kewajaran pengapungan harga minyak masak di pasaran secara terbuka, mengambil contoh daripada kejayaan model pengapungan harga ayam dan telur, bagi menjamin kestabilan bekalan, mengurangkan perbelanjaan subsidi serta merangsang persaingan harga yang sihat di peringkat peruncitan.

Kerajaan perlu mengkaji kemungkinan agihan semula kuota penapisan minyak masak dengan memberikan keutamaan kepada syarikat tempatan yang berdaya saing bagi mengurangkan dominasi syarikat asing.

KPDN dan KDN perlu memantapkan lagi koordinasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi lain dalam pengawalan sempadan di samping meningkatkan penggunaan teknologi seperti AI, dron, dan pemasangan CCTV di kawasan *hotspot* sempadan serta stor-stor transit penyeludupan termasuk perobohan pangkalan haram.

KPDN perlu memperkukuh pemantauan pematuhan secara berkala di setiap peringkat rantaian bekalan termasuk syarikat pembungkus dan mengenakan tindakan tegas bagi sebarang ketidakakuran syarat pemegang kuota.

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

BERHUBUNG

PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

1. PENDAHULUAN

Pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 – Aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Berdasarkan sesi taklimat Jabatan Audit Negara (JAN) kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung LKAN 2/2025 pada 8 April 2025, didapati bahawa terdapat kelemahan serius dalam pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penguatkuasaan program minyak masak bersubsidi yang melibatkan ketirisan dana awam. Pengauditan bagi tempoh 2019 hingga 2024 mendedahkan isu seperti penjualan minyak masak bersubsidi melebihi had, ketidakpatuhan Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA), serta kegagalan memastikan subsidi hanya dinikmati oleh golongan sasar.

Justeru, setelah mendengar sesi taklimat JAN berkenaan, PAC Parlimen membuat keputusan untuk memulakan prosiding berhubung isu ini bagi memastikan akauntabiliti terhadap peruntukan Kerajaan berjumlah RM12.138 bilion yang telah diperuntukkan bagi program ini.

2. OBJEKTIF PROSIDING

2.1. PAC Parlimen telah memulakan prosiding mengenai pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di bawah KPDN melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)*(c)* Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
ii. PM 83(2) PPMMDR;
iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
iv. AP (Pindaan 2023) 304(a); dan
v. Seksyen 5(3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

2.2. Prosiding yang diadakan bertujuan untuk menilai keberkesanan pengurusan minyak masak bersubsidi dalam mencapai objektif kestabilan harga dan kecukupan bekalan di pasaran. PAC juga ingin meneliti mekanisme pemantauan bagi membanteras ketirisan dan memastikan ketelusan dalam pembayaran subsidi kepada kilang penapis serta syarikat pembungkus bagi melindungi kepentingan rakyat dan Kerajaan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

a. Memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak bagi memberikan keterangan dan penjelasan iaitu:

i. Ketua Setiausaha KDN;
ii. Ketua Setiausaha KPDN;
iii. Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
iv. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad;
v. Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin);
vi. Pengerusi The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM);
vii. Presiden The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA);
viii. Naib Presiden Malaysia Retailers Association (MRA); dan
ix. Ketua Pegawai Eksekutif Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA).

b. Menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Ekonomi (KE), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen untuk menghadiri prosiding PAC berhubung isu ini.

3.2. Sebanyak sepuluh (10) prosiding telah diadakan seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	5 Ogos 2025 / 12.00 tengah hari	Bil. 6(a)/2025	**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN):** Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha
2.	6 Ogos 2025 / 12.00 tengah hari	Bil. 6(b)/2025	**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):** Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal
3.	6 Ogos 2025 / 3.00 petang	Bil. 6(c)/2025	**Kementerian Dalam Negeri (KDN):** Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha
4.	25 Ogos 2025 / 12.00 tengah hari	Bil. 6(d)/2025	**The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA):** Tuan Mahyuddin bin Bolong, Presiden **The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM):** Tuan Mohd Haris Mohd Arshad, Pengerusi
5.	26 Ogos 2025 / 1.00 petang	Bil. 6(e)/2025	**Malaysia Retailers Association (MRA):** Tuan Yong Eng Kwang, Naib Presiden
6.	26 Ogos 2025 / 1.00 petang	Bil. 6(f)/2025	**Federation of Consumers Associations (FOMCA):** Dr. Saravanan Thambirajah, Ketua Pegawai Eksekutif
7.	27 Ogos 2025 / 3.00 petang	Bil. 6(g)/2025	**Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN):** Datuk Wira Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan
8.	14 Oktober 2025 / 12.00 tengah hari	Bil. 6(h)/2025	**FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV):** Tuan Fakhrunniam Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
9.	15 Oktober 2025 / 12.00 tengah hari	Bil. 6(i)/2025	**Kementerian Dalam Negeri (KDN):** Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha
10.	15 Oktober 2025 / 3.00 petang	Bil. 6(j)/2025	**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN):** Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha

3.3. PAC turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:

i. Slaid pembentangan LKAN 2/2025 pada 24 Julai 2025;
ii. Slaid pembentangan KPDN pada 5 Ogos 2025 dan 15 Oktober 2025;
iii. Slaid pembentangan KDN pada 6 Ogos 2025 dan 15 Oktober 2025;
iv. Slaid pembentangan FOMCA pada 26 Ogos 2025; dan
v. Slaid pembentangan FGV Holdings Berhad pada 14 Oktober 2025.

4. LATAR BELAKANG

4.1. Program Kawalan dan Subsidi Minyak Masak

Berdasarkan LKAN 2/2025, KPDN telah melaksanakan empat (4) program utama bagi menguruskan bekalan dan subsidi minyak masak di negara ini. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

i. **Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS);**
ii. **Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL);**
iii. **Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM); dan**
iv. **Program Penyeragaman Harga (PPH) yang merangkumi pengedaran barang perlu, *liquified petroleum gas* (LPG) dan *Community Drumming*.**

Tujuan utama program-program ini adalah untuk memastikan bekalan minyak masak bersubsidi sentiasa mencukupi di pasaran, mengelakkan berlakunya ketirisan, serta memastikan harga jualan runcit sentiasa stabil untuk rakyat.

4.2. Peruntukan dan Perbelanjaan Kerajaan

Bagi tempoh antara tahun **2019 sehingga Februari 2025**, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM12.138 bilion** untuk keempat-empat program

ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM10.879 bilion** telah dibelanjakan untuk bayaran subsidi. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini, iaitu sebanyak **RM9.124 bilion (83.9%)** digunakan khusus untuk Program COSS.

4.3. Dapatan Audit dan Isu Pelaksanaan

Hasil pengauditan yang dijalankan telah mengenal pasti beberapa kelemahan dalam pelaksanaan, pemantauan, dan penguatkuasaan program minyak masak bersubsidi ini. Antara isu utama yang dibangkitkan adalah:

i. **Sasaran Subsidi yang Tidak Tepat**

Dasar sedia ada didapati tidak menetapkan agihan minyak masak kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Akibatnya, minyak masak bersubsidi turut dijual kepada warga asing dan pihak yang tidak layak seperti restoran, kedai makan, penjaja, dan badan bukan kerajaan (NGO).

ii. **Pelanggaran Syarat Jualan**

Masih berlaku jualan melebihi had yang ditetapkan (tiga paket bagi setiap transaksi) serta jualan melebihi harga kawalan iaitu RM2.50.

iii. **Isu Pensijilan Halal**

Audit mendapati 9 daripada 72 syarikat pembungkus (12.5%) tidak mempunyai sijil Halal yang sah. Malah, ada syarikat yang mencetak logo Halal pada pembungkusan tanpa kebenaran.

iv. **Kelemahan Pengurusan**

Tiada tatacara tetap bagi menguruskan stok minyak masak yang rosak, selain tiada penetapan harga jualan yang jelas di setiap peringkat rantaian bekalan.

4.4. Syor Penambahbaikan

Berdasarkan penemuan audit tersebut, Jabatan Audit Negara mencadangkan tiga (3) langkah utama untuk diambil oleh KPDN:

i. **Memantapkan Penguatkuasaan**

Memperkukuh pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) melalui sistem eCOSS dan menjalankan pemeriksaan premis secara lebih kerap.

ii. **Subsidi Bersasar**

Melaksanakan program subsidi minyak masak secara bersasar dengan memperkemas skop penerima yang layak.

iii. **Pemantauan Harga Runcit**

Meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk memantau harga runcit minyak masak bersubsidi di pasaran dengan lebih efektif.

Perincian latar belakang dan penemuan audit adalah seperti **Rajah 1** berikut:

RAJAH 1



Sumber: LKAN 2/2025 Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan Persekutuan

Syor audit adalah seperti **Rajah 2** berikut:

RAJAH 2



Sumber: LKAN 2/2025 Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan Persekutuan

5. KETERANGAN SAKSI

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan untuk meneliti secara holistik isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak. Maklum balas terhadap isu LKAN dan perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Keterangan Ketua Setiausaha KPDN

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN dalam prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025 telah menerangkan rantaian bekalan minyak masak dan Program Subsidi KPDN seperti **Rajah 3** berikut:

RAJAH 3



[Sumber: Slaid pembentangan KPDN bertarikh 5 Ogos 2025]

Beliau juga telah memberi maklum balas terhadap penemuan dan isu audit seperti berikut:

5.1.1. Pengurusan dan Pemantauan Program Subsidi Minyak Masak

Kementerian melaksanakan beberapa program utama bagi mengawal harga dan memastikan kestabilan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran.

Antara program utama yang dilaksanakan ialah **Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)** yang melibatkan penjualan minyak masak paket pada harga kawalan RM2.50. Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2007 di bawah seliaan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebelum diambil alih oleh KPDN pada 2016. Menurut beliau, sebahagian besar isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah berkaitan dengan pelaksanaan program ini.

Selain itu, KPDN turut melaksanakan **Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan** (PPHSSL) yang diperkenalkan pada 2014 (sebelum ini dikenali sebagai Program 1Malaysia 1Harga). Program ini bertujuan memastikan harga barangan keperluan termasuk minyak masak tidak meningkat secara mendadak di Sabah, Sarawak dan Labuan berbanding Semenanjung Malaysia melalui pemberian subsidi kos pengangkutan. Pada masa ini, program tersebut melibatkan barangan seperti gula dan minyak masak.

Seterusnya, KPDN juga melaksanakan **Program Penyeragaman Harga** (PPH) bagi kawasan luar bandar melalui pengedaran barangan keperluan ke pos-pos tertentu dengan pemberian subsidi kepada pihak pengangkutan bagi memastikan harga jualan di kawasan tersebut setara dengan kawasan bandar.

Di samping itu, Kerajaan turut memperkenalkan **Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak** (MKHMM) kemasan botol pada 2021 susulan peningkatan harga akibat pandemik COVID-19. Melalui mekanisme ini, syarikat pembotol diberikan insentif bagi memastikan harga jualan kekal pada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan.

*"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: Next saya akan pergi detail apa program-program itu. Pertama, Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Ini kalau ringkasnya yang ini yang kita tengok minyak masak paket yang dijual kepada RM2.50 itu lah yang di bawah Program COSS ini. Program ini dari segi latar belakangnya telah bermula sejak 2007 lagi yang dulunya di bawah kendalian Kementerian Perladangan dan Komoditi. Secara khususnya dikendalikan oleh MPOB. KPDN mengambil alih pada tahun 2016 program ini. Sehingga kini kita masih meneruskan dan kalau ikutkan penemuan-penemuan di dalam laporan audit ini banyak berkisar kepada di bawah program ini.*

Seterusnya, kita juga ada Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan. Program ini telah pun diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2014. Dulunya dikenali sebagai Program 1Malaysia 1Harga. Kita telah pun menjenamakan semula program ini kepada Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan. Program ini lebih kepada bagi membantu memastikan harga itu tidak melonjak terlalu tinggi berbanding dengan harga yang dijual di Semenanjung. Ini lebih kepada pemberian subsidi bagi kos-kos pengangkutan yang terlibat bagi pengangkutan barang-barang perlu sebagai contohnya minyak masak, tepung dan juga gula.

...

Program yang ketiga ini Program Penyeragaman Harga. Ini akan melibatkan beberapa barangan perlu. Sebagai contoh petroleum, diesel dan juga petrol. Juga barang-barang perlu yang kita edarkan kepada pos-pos di luar bandar. Tujuannya kita nak supaya mereka yang di luar bandar juga dapat membeli pada harga yang dijual di kawasan bandar setempat. Ini melibatkan subsidi yang kita berikan kepada transporter yang akan membawa barang-barang perlu ini untuk dijual di pos-pos yang kita telah tentukan di kawasan-kawasan yang terlibat.

Seterusnya program yang keempat ialah mekanisme kawalan harga minyak masak. Ini khusus kepada minyak masak kemasan botol sahaja. Dasar ini diperkenalkan pada tahun 2021 akibat COVID-19 semasa itu di mana harga minyak masak telah pun melonjak terlalu tinggi di pasaran disebabkan bekalan kurang kerana COVID— peladang tidak dapat keluar untuk menuai hasil. Pada

ketika itu bagi memastikan harga minyak masak botol ini tidak melambung begitu tinggi, kerajaan memperkenalkan skim ini. Syarikat-syarikat pembotol akan diberikan insentif bagi memastikan harga semasa itu yang kita tetapkan adalah bagi satu kg kemasan botol RM6.70, 2kg RM12.70, 3kg RM18.70 dan 5kg RM29.70 semasa itu."

[Muka surat 3-4, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.2. Pemantapan Pelaksanaan serta Penguatkuasaan SOP dan Dasar

KPDN sedang melaksanakan penambahbaikan terhadap SOP sedia ada di bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS), khususnya berkaitan pengurusan minyak masak rosak, kawalan golongan sasar serta pemantauan pensijilan halal.

Beliau menjelaskan bahawa pada masa ini, tiada SOP khusus berhubung pengurusan minyak masak rosak di peringkat syarikat pembungkus, yang boleh menyebabkan ketidaktepatan tuntutan subsidi oleh syarikat pembungkus berbanding pengeluaran sebenar.

*"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: Isunya di sini, kalau kita tidak ada SOP yang jelas, kita telah pun membayar subsidi kepada syarikat ataupun kepada pengilang ya, refinery. Kita dah bayar, kerajaan dah bayar di situ. Dan seterusnya, bila sampai ke syarikat pembungkus kita akan bayar berdasarkan kepada pengeluaran dia. Itu sepatutnyalah. Tetapi, selalunya kalau kita tak ada SOP yang jelas ini syarikat pembungkus dia akan buat tuntutan penuh. So, tidak ada — bagaimana kita nak kawal kalau dia hanya — contoh dia dapat dalam 600 metrik tan, tetapi the final produk dia mungkin dalam 550 metrik tan. 50 metrik tan itu di mana? Itu ada keperluan di — sebab itulah yang di mana audit mencadangkan supaya kita adakan SOP yang jelas. So, yang ini dalam proses sebenarnya."*

[Muka surat 11, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

Sehubungan dengan itu, KPDN sedang memperhalusi pembangunan SOP baharu dengan kerjasama MPOB bagi mentakrifkan minyak masak rosak serta menetapkan kaedah pelarasan subsidi berdasarkan pengeluaran sebenar. Syarikat pembungkus juga akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung kerugian bagi kuantiti yang tidak dapat dibuktikan.

Selain itu, KPDN sedang membangunkan mekanisme kawalan jualan di peringkat runcit melalui aplikasi Mobile eCOSS bagi memastikan minyak masak bersubsidi hanya dapat dibeli oleh golongan sasar, termasuk cadangan integrasi dengan sistem MyDigital ID. Langkah ini adalah bertujuan untuk mengawal pembelian oleh bukan warganegara, menetapkan

had pembelian secara lebih sistematik, dan menganggarkan keperluan sebenar penggunaan minyak masak seperti **Rajah 4** berikut:

RAJAH 4

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
1.	**7.1 Pemantapan Pelaksanaan serta Penguatkuasaan SOP dan Dasar** KPDN perlu menyemak dan menambah baik SOP COSS secara berkala untuk menangani jurang pelaksanaan program sedia ada, termasuk pengurusan minyak masak rosak dan pemantauan pensijilan halal. Selain itu, KPDN juga perlu menetapkan dasar penyaluran bersasar agar subsidi hanya diperoleh oleh golongan isi rumah yang layak mengikut kriteria dan syarat yang ditetapkan. Maklumat berkaitan golongan sasar boleh dirujuk kepada sumber pangkalan data sedia ada seperti eKasih dan PADU. Langkah ini bertujuan menghalang akses kepada subsidi oleh warga asing atau entiti komersial yang tidak layak. Had pembelian minyak masak bersubsidi juga perlu disemak semula supaya selaras dengan keperluan sebenar rakyat dan mengelakkan pembelian berskala besar untuk tujuan komersial yang tidak termasuk dalam dasar yang ditetapkan.	SOP COSS sedang ditambahbaik : a. Mewujudkan SOP / Tatacara Pengurusan Minyak Masak Sisa (Rosak) dengan kerjasama MPOB / KKM. b. Mewujudkan SOP bagi mengawal jualan minyak masak di peringkat runcit melalui penggunaan aplikasi mudah alih Mobile eCOSS. c. Mekanisme menghadkan jualan minyak masak kepada warganegara melalui mobile eCOSS. d. Membangunkan integrasi sistem eCOSS dengan sistem MyDigital ID. e. Kesesuaian bekalan diberikan keutamaan kepada kilang penapisan tempatan. KPDN berpandangan dengan kawalan jualan melalui *mobile* eCOSS di peringkat runcit akan membolehkan : a. Anggaran keperluan sebenar minyak masak boleh ditetapkan secara lebih sistematik. b. Membolehkan suatu had pembelian ditetapkan termasuk kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaftar. c. Menghalang pembelian oleh bukan warganegara. 8

[Sumber: Slaid pembentangan KPDN bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.3. Pemerkasaan Sistem eCOSS

KPDN telah membangunkan sistem eCOSS sejak 2023 bagi memantau rantaian bekalan minyak masak bersubsidi dari peringkat kilang penapisan hingga ke peruncit. Sistem ini membolehkan semakan silang (*cross-check*) dilakukan terhadap kuantiti bekalan di setiap peringkat rantaian pengedaran.

> *"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: Apabila kita melihat banyak isu yang berlaku dalam kita menguruskan skim di bawah COSS ini dan kita telah pun membangunkan satu sistem, sistem eCOSS. Fasa pertama yang kita bangunkan eCOSS itu hanya melibatkan daripada refinery sehinggalah kepada peruncit sahaja. Refinery, pembungkus, pemborong, peruncit. Yang itu kita cuba nak pastikan bahawa tuntutan yang dibuat oleh sama ada syarikat refinery, syarikat pembungkus itu kita boleh ada ini semak silang bagi memastikan berapa yang mereka dapat bekalan daripada syarikat pengilang ataupun penapis dan sampai kepada pemborong itu — pembungkus itu kita dapat buat cross check berapa diterima, berapa ini, berapa yang dihantar kepada pemborong hinggalah kepada peruncit."*
>
> [Muka surat 15-16, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]
>
> *"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: …Ini saya ingat saya dah sentuh tadi tentang Sistem eCOSS yang telah kita bangunkan sejak 2023 tetapi ia hanya sampai peringkat peruncit tadi."*
>
> [Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa sistem sedia ada masih belum melibatkan pengguna akhir. Justeru, aplikasi Mobile eCOSS sedang dirintis bagi membolehkan pemantauan transaksi di peringkat pengguna. Melalui sistem ini, KPDN akan dapat merekod transaksi jualan secara masa nyata, mengenal pasti pembeli akhir, dan memantau baki stok di peringkat peruncit

> ***"Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]:*** *Melalui sistem ataupun kita sebut pendigitalan ini memang kita dapat detect dalam masa real time sebenarnya. Dalam masa yang sama apabila kita dah laksanakan eCOSS ini sepenuhnya ke seluruh negara dan kerajaan, KPDN memang ada cadangan untuk kita nak membangunkan satu sistem data analysis yang boleh memproses data-data ini dan membantu penguat kuasa KPDN to detect any abnormally yang berlaku dalam sistem ini supaya kita boleh kenal pasti awal dan kita ambil tindakan awal. Kita bukanlah hanya collect data dan simpan data itu sahaja tetapi kita akan analisa untuk tujuan pemantauan dan juga penguatkuasaan secara berterusan."*
>
> [Muka surat 42, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.4. Kajian Semula Syarat Lesen CSA dan Pemantauan Premis

KPDN telah mengambil tindakan terhadap syarikat yang memiliki dua (2) lesen (borong dan runcit) di premis yang sama, selaras dengan syor audit. Arahan telah dikeluarkan pada Oktober 2024 bagi melarang amalan tersebut, dan tindakan penarikan lesen telah diambil terhadap syarikat yang tidak mematuhi. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan penjualan minyak masak bersubsidi secara pukal di premis pembungkusan yang boleh menyebabkan ketirisan dalam pengedaran.

> *"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: … berhubung dengan kajian semula syarat lesen CSA dan juga pemantauan premis. Ini tindakan yang telah kita buat adalah sebab ada isu dia pemborong, dia juga ada lesen runcit. So yang ini kita telah keluarkan arahan pada Oktober tahun lepas. So, kita tak benarkan lagi mereka memiliki dua lesen inilah. Tindakan kita adalah kita akan tarik salah satu lesen dan mereka kena buat pilihanlah. Sejak 2 Oktober tahun lepas, kita telah pun tarik tiga syarikat pembungkus sebab dia ada lesen runcit. So, kita tarik lesen runcit dia tu. Dia tidak boleh lagi jual di premis pembungkus dia. Ini sebenarnya kita nak elakkan daripada dia boleh menjual in bulk kepada mana-mana orang yang datang ke premis dia lah."*
>
> [Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.5. Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan

KPDN telah mewartakan harga kawalan minyak masak paket bersubsidi pada kadar RM2.50, bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil secara lebih berkesan. Sebelum ini, kawalan harga hanya dilaksanakan secara pentadbiran tanpa pewartaan rasmi, yang menyukarkan tindakan undang-undang diambil.

> *"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: … ini harga kawalan. Ini yang harga RM2.50 sepaket ini. Sebelum ini kita tidak mewartakan harga itu sebagai harga kawalan. Kita hanya membuat kawalan secara pentadbiran. Oleh itu, bila kita tidak wartakan untuk kita ambil tindakan penguatkuasaan dari segi sudut perundangannya agak sukar dan kita telah pun wartakan baru-baru ni. Selepas pewartaan itu kita telah pun ada 10 kes yang telah pun kita ambil tindakan bagi mereka yang telah menjual melebihi harga kawalan iaitu RM2.50. Kompaun kita keluarkan sebanyak RM2,250 dan on top of that kita rampas minyak masak di premis yang jual melebihi harga kawalan."*
>
> [Muka surat 20-21, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

Selepas pewartaan, tindakan penguatkuasaan telah diambil termasuk pengeluaran kompaun dan rampasan terhadap premis yang melanggar harga kawalan. Selain itu, operasi penguatkuasaan seperti Ops Tenera dilaksanakan secara berkala bagi memantau pematuhan syarikat pembungkus dan pemegang kuota seperti **Rajah 5** berikut:

RAJAH 5

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
4.	**7.4 Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan** KPDN perlu memantau harga runcit minyak masak bersubsidi secara agresif melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti PBT untuk memastikan pematuhan harga kawalan RM2.50 sepeket. Seterusnya, tindakan penguatkuasaan yang tegas perlu diambil serta-merta ke atas penjual yang mengenakan harga runcit melebihi harga kawalan termasuk denda, pembatalan lesen, dan penyitaan barang.	KPDN telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di seluruh negara memantau harga runcit minyak masak bersubsidi secara agresif termasuklah mengadakan operasi bersama agensi penguatkuasa lain seperti PDRM, ATM, APMM dan PBT. Sepanjang tahun 2024 sehingga 31 Julai 2025, sebanyak 2,512 operasi bersama agensi penguatkuasa PBT telah diadakan dan antara tujuan operasi tersebut adalah memantau bekalan serta harga runcit minyak masak di pasaran. KPDN telah mewartakan harga siling bagi jualan runcit minyak masak paket bersubsidi selari dengan pemakaian Seksyen 4, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Warta harga siling telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2025. Sejak 1 Mei 2025 hingga 31 Julai 2025 sebanyak 10 kes berjaya dihasilkan dengan jumlah kompaun sebanyak RM2,250.00 dan nilai rampasan sebanyak RM 4,647.50 Selain itu, tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan dan pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan kecekapan pemantauan bekalan serta harga minyak masak bersubsidi dipasaran. Antaranya: 1. Penguatkuasaan ke atas syarikat pemegang kuota COSS dilaksanakan melalui operasi bersepadu OPS TENERA yang dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan secara berterusan di seluruh negara dan dilaporkan terus kepada Pengurusan Tertinggi. 11

[Sumber: Slaid pembentangan KPDN bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.6. Tatacara Pengurusan Minyak Masak Rosak

KPDN sedang membangunkan SOP khusus bagi pengurusan minyak masak rosak dengan penglibatan pelbagai agensi berkaitan. SOP ini akan merangkumi kaedah pelupusan, pelaporan serta kawalan bagi memastikan minyak masak rosak tidak disalahgunakan atau dimasukkan semula ke dalam rantaian bekalan.

*"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: …minyak masak rosak yang kita maksudkan ini adalah semasa handling di syarikat pembungkus. Ada kadang-kadang dia pecah dan sebagainya.*

Isunya di sini, kalau kita tidak ada SOP yang jelas, kita telah pun membayar subsidi kepada syarikat ataupun kepada pengilang ya, refinery. Kita dah bayar, kerajaan dah bayar di situ. Dan seterusnya, bila sampai ke syarikat pembungkus kita akan bayar berdasarkan kepada pengeluaran dia. Itu sepatutnyalah.

Tetapi, selalunya kalau kita tak ada SOP yang jelas ini syarikat pembungkus dia akan buat tuntutan penuh. So, tidak ada — bagaimana kita nak kawal kalau dia hanya — contoh dia dapat dalam 600 metrik tan, tetapi the final produk dia mungkin dalam 550 metrik tan. 50 metrik tan itu di mana? Itu ada keperluan di — sebab itulah yang di mana audit mencadangkan supaya kita adakan SOP yang jelas. So, yang ini dalam proses sebenarnya.

Perbincangan kita, kita cuba dapatkan kerjasama daripada MPOB untuk bantu kita bagaimana kita nak define minyak masak rosak itu dan dari segi kaedah yang kita akan cadangkan nanti adalah kita hanya akan bayar kepada syarikat pembungkus itu berdasarkan apa yang dikeluarkan sahaja. Dan seterusnya, mana-mana yang kekurangan itu mereka juga perlu bayar balik kepada kerajaan kerana kita dah bayar subsidi kepada syarikat ataupun pengilang itu sendiri. So, itu syarikat pembungkus itu kena tanggung. Itu antara penambahbaikan yang kita akan laksanakan dalam SOP itu nanti."

[Muka surat 20-21, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

5.1.7. Kepatuhan Terhadap Pensijilan Halal

Pensijilan halal merupakan keperluan di bawah SOP sedia ada, yang mana syarikat pembungkus perlu memperoleh sijil halal dalam tempoh enam bulan selepas beroperasi.

Beliau turut menegaskan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap syarikat yang gagal mematuhi keperluan tersebut, termasuk pemberhentian bekalan.

*"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: … semua syarikat pengilang ataupun refinery ini memang hanya yang mereka mempunyai sijil halal sahaja yang boleh membekalkan minyak kepada syarikat pembungkus. Dari segi jaminannya mereka memang minyak datang daripada sumber yang dah halal. Cuma untuk syarikat pembungkus ini, kita nak tengok dari segi pengendalian itu supaya tidak berlaku contamination dan sebagainya, itu juga kita syaratkan supaya mereka ada dapat pensijilan halal lah. So, dalam tempoh enam bulan tu mereka perlu dapatkan halal dan sekiranya sijil halal tu tidak diperoleh dalam tempoh tersebut, tindakan tegas yang kita buat pada masa ini adalah kita menghentikan bekalan supaya mereka selesaikan dulu halal itu barulah kita sambung semula bekalan daripada syarikat ataupun pengilang refinery."*

[Muka surat 22, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

*"**Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Maknanya sumber itu dah halal, pensijilan dah ada. Cuma pembungkusan itu, takkan susah sangat nak keluar isu halalnya. Saya — boleh, boleh tak tahulah saya macam mana. JAKIM perlu di-engage dengan lebih lanjut rasa sayalah untuk proses itu berjalan supaya apabila dia bungkus saja, dan mempunyai sijil dan membawa keyakinan lebih tinggilah because saya tak nampaklah.*

***Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]:** Cuma yang ni macam saya sebut tadi Yang Berhormat kita nak pendekkan daripada enam bulan kepada tiga bulan. So, kita ambil maklum apa cadangan Yang Berhormat. Kalau boleh kita dapat bincang dengan JAKIM boleh pendekkan lagi sebab saya pasti pihak JAKIM akan tengok juga bagaimana kilang tu beroperasilah. Cuma, tempoh masa itu mungkin ada ruang untuk kita pendekkan lagi."*

[Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

*"**Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]**: Setakat ini kita pun tak ada isu dengan JAKIM sebenarnya. Cuma kadang-kadang syarikat pembungkus ini ambil mudah, Yang Berhormat. Saya sebut tadi kadang-kadang sijil halal tamat tempoh mereka tak renew. Cuma sekarang ini kita akan ambil tindakan lebih tegas. Dulu kita bagi masa. Sekarang ini kalau lebih masa sahaja saya tutup terus.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tutup terus maksudnya dia dah tak boleh beroperasi dan dia...*

***Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]:** Sehingga dia dapatkan halal itu saya buka balik.*

***Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Setakat ini ada tak tindakan yang dah dibuat terhadap berapa syarikat itu?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Ada. Kita dah menutup beberapa syarikat dan ekoran daripada itu lajunya mereka pergi proses halal dan datang balik.*

[Muka surat 24-25, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

Selain itu, KPDN turut meningkatkan pemantauan melalui operasi penguatkuasaan (Ops Tenera), pengauditan dalaman, dan keperluan penyerahan dokumen halal secara berkala melalui sistem eCOSS.

"Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *...Kita tahu kadang-kadang company orang yang sama juga yang operate dan kita boleh monitor sejauh mana saya nak tahu pemantauan yang dibuat oleh KPDNHEP kerana saya ada mengikuti perkembangan KPDNHEP, negeri-negeri dia buat pergi cek dan juga buat serbuan dan sebagainya. Tahniah saya ucapkan. Bagus satu usaha yang sangat baik.*

Cuma saya nak tahu beberapa kerap kah, apakah SOP untuk dibuat pemantauan itu. Boleh kongsikan dengan pihak PAC?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Untuk syarikat pembungkus ini kita memang ada satu operasi yang di bawah penguatkuasaan yang kita panggil Ops Tenera. Tapi dari segi kekerapan...*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Siapa?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Ops Tenera.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Tenera?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Tenera ini kalau saya Google tadi dia salah satu baka pokok kelapa sawit. Sebelum ini operasi ini kita namakan Ops Goreng sebab minyak goreng.*

So, kita jenamakan semula kepada Ops Tenera ini pada 2023 yang lalu. Ops ini kita membuat pemantauan terhadap semua syarikat-syarikat pembungkus yang memegang kuota dengan kementerian. Dari segi kekerapannya itu dalam dua atau tiga kali setahun yang kita buat kita akan adakan operasi itu untuk memastikan mereka patuh.

Saya melihat dari segi halal ini, saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat Wangsa Maju tadi. Sebelum ini memang kita tidak nyatakan mereka perlu mengemukakan sebelum tamat tempoh. Itu antara penambahbaikan yang kita akan buat dalam SOP kita nanti kerana selama ini kita memberi tanggungjawab itu sepenuhnya kepada syarikat pembungkus ini untuk dapatkan sijil halal.

Dari segi kekerapan kita menyemak itu saya akui sebelum ini memang kita kurang. Mulai 2023 itu apabila kita melihat banyak isu itu kita dah ada beberapa siri pengauditan yang kita buat sendiri bagi melihat kepatuhan syarikat pembungkus kepada syarat-syarat yang kita telah tetapkan. Sekarang ini kita lihat dari segi pemantauan kita lebih tersusun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Dato' Seri, yalah isu halal ini isu rakyat Malaysia agak sensitif sikit kan. Halal, haram. Tak ada cap, ada cap palsu dan sebagainya. Adakah cukup dengan pemantauan dua ke tiga sekali setahun yang dibuat oleh pihak KPDNHEP mampu untuk menangani isu ini pada pandangan Dato' Seri.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Yang saya sebut dua tiga kali itu adalah Ops Tenera tapi dalam eCOSS kita pun kita masukkan mereka perlu submit dokumen halal itu setiap tahun. Kita nak pastikan supaya sebab halal ini dia ada tempoh sijil dia, kan? Setiap tahun dia kena renew. Setiap kali renewal dia kena submit dalam sistem itu lebih mudah untuk kita track.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Yang dalam sistem itu siapa yang akan kenal pasti? Siapakah, department mana yang akan kenal pasti oh, ini dia akan trigger, oh ini dah tamat tempoh tak diperbaharui. So department mana?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Setiap syarikat pembungkus itu perlu mengemukakan dokumen halal yang baru setiap tahun dalam sistem.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okey sistem itu milik KPDNHEP, kan?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *KPDN.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okey siapa, department mana yang akan mengenal pasti?*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Ini yang di bawah urus setia ini Bahagian Subsidi dan Bekalan."*

[Muka surat 25-27, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

6. PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC adalah seperti berikut:

6.1. Pengurusan Kuota & Impak Belanjawan

Pengurusan kuota minyak masak yang tidak teratur telah memberikan impak kepada belanjawan tahunan negara dan seterusnya menjadi satu keutamaan ekoran isu kerugian terhadap dana awam. Ini melibatkan kerugian besar dana awam merangkumi ketirisan dana kerajaan, ketidakpadanan antara peruntukan belanjawan dengan keperluan sebenar, serta masalah dalam agihan kuota subsidi.

i. Kuota minyak masak sedia ada yang melebihi keperluan;
ii. Ketirisan subsidi ke luar negara (Thailand); dan
iii. Penyalahgunaan oleh sektor komersil.

6.1.1. Keperluan Minyak Masak Bersubsidi Sebenar dan Isu Agihan Kuota

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN dalam prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025 menyatakan bahawa kelulusan kuota oleh Jemaah Menteri adalah 60,000 metrik tan sebulan. Namun, pihak Kerajaan telah meminta pihak KPDN mengurangkan kuota kepada 45,000 metrik tan sebulan.

> ***"Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]:*** *Bagi negeri-negeri yang berlaku kekurangan kuota, kita akan minta sebagaimana yang saya sebut tadi, kita akan minta bantuan negeri yang ada syarikat pembungkus mereka yang lebih daripada kuota negeri tersebut untuk menampung keperluan di sana.*
>
> *Dasar sekarang ini, sebagaimana yang saya sebut tadi, kelulusan daripada Jemaah Menteri adalah 60,000 metrik tan sebulan dan kita telah pun di minta untuk mengurangkan kuota ini kepada satu angka iaitu 45,000 metrik tan."*
>
> [Muka surat 7, Laporan Prosiding Bil. 6(a)/2025 bertarikh 5 Ogos 2025]

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (Pengerusi, The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)) dan **Encik A. Fadzli Abdul Aziz (Ketua Pegawai Eksekutif, PORAM) dalam prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025** memaklumkan bahawa tiada keseimbangan antara kuota yang ditetapkan oleh kerajaan dengan keperluan sebenar rakyat Malaysia. Penetapan kuota minyak masak bersubsidi sebanyak 60,000 tan sebulan adalah hampir dua kali ganda daripada keperluan domestik sebenar yang dianggarkan hanya sekitar 30,000 tan sebulan berdasarkan data penggunaan per kapita.

Lebihan kuota yang sangat besar ini dikenal pasti sebagai punca utama berlakunya ketirisan subsidi ke luar negara (seperti di pasaran Thailand) serta penyalahgunaan oleh sektor komersial seperti pengusaha kedai makan dan penjaja kecil yang tidak sepatutnya menikmati subsidi tersebut. Ketiadaan mekanisme penguatkuasaan yang ketat di peringkat agihan menyebabkan minyak subsidi ini tidak sampai secara khusus kepada golongan sasar B40, sebaliknya mengalir keluar dari rantaian bekalan domestik yang sah.

> ***"Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]:*** *... Tadi yang saya dengar daripada wakil PORAM yang kata kerajaan yang memberi subsidi kepada 60 tan?*
>
> ***Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]:*** *60,000 tan.*
>
> ***Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:*** *60,000 tonnes itu sebenarnya adalah lebih daripada keperluan. So, we want to hear from you, maybe you can be frank to us. So that, we can go straight to the point lah. In our laporan dan rumusan dan syor daripada PAC.*
>
> ***Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]:*** *... Jadi sebagai kasarnya sebab two times lah. We don't need 60,000 tonnes. The calculation come out about 30,000.*
>
> ***Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:*** *30,000 tonnes?*
>
> ***Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]:*** *Kalau for every single Malaysian, will consume and every single Malaysian pakai minyak sawit, we only need 30,000 tonnes a month, as supposed to 60,000. Tapi YB, mengapa 60,000 tonnes and kita tengok consumption pun lebih kan kerana minyak COSS ini diguna untuk menggoreng pisang. Kalau kita pergi makan di kedai mamak, minyak COSS juga digunakan untuk memasak mi goreng sebagai contohnya.*
>
> *So, why is this the case because there's no enforcement. In other words, pengilang cuma jual kepada pembungkus. Pembungkus ada kuota. Dia dapat kuota, dia akan dibayar RM600 setan.*
>
> *What happened after that? Where it sends to? Who's actually distributing to the right people? Itu kami tak tahu. Memang tak ada mekanisme.*
>
> *Jadi, macam-macam cadangan lah Yang Berhormat. Ada cadangan daripada KPK. Kami selalu berbincang dengan KPK, bagaimana kah cara untuk kita tighten a bit. So, as long as, there is no enforcement YB, benda ini akan— ketirisan ini akan terjadilah. Sebab we don't needs 60,000 tonnes actually, especially kalau kita target B40 sebagai contohnya. Itu lagi rendah dia punya keperluan itu."*
>
> [Muka surat 22-23, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]

...

"Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: *Jadi, untuk populasi Malaysia sebanyak 34 juta orang, jumlah 60,000 sebulan adalah lebih daripada mencukupi. Untuk — bukan sahaja untuk B40, tetapi mencukupi untuk seluruh rakyat Malaysia. Kalau ini kita tengok daripada data yang dikongsikan oleh FAO-lah untuk per capita consumption."*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]

...

"Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *So, kesimpulannya ialah 60,000 tan itu terlampau banyak untuk diguna pakai untuk suri rumah. Sebab itu kita nampak minyak ini dijual di Golok dan sebagainya.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Surpluslah itu, maknanya over consumption kita.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Surplus. Very much so."*

[Muka surat 24, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]

6.1.2. Analisis Peruntukan Belanjawan dan Ketirisan Akibat Lebih Kuota

Encik Yong Eng Kwang (Naib Presiden, Malaysia Retailers Association (MRA)) dalam prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa terdapat percanggahan yang ketara antara kuota minyak masak bersubsidi yang sering disebut (60,000 metrik tan sebulan) dengan peruntukan belanjawan yang disediakan oleh kerajaan. Berdasarkan unjuran MRA terhadap peruntukan subsidi sebanyak RM916 juta dalam Belanjawan 2025, kapasiti bekalan yang mampu ditampung secara logik hanyalah sekitar 19,000 metrik tan sebulan. Sekiranya kuota 60,000 metrik tan benar-benar dilaksanakan, ia akan memerlukan belanja sebanyak RM2.88 bilion setahun, iaitu tiga kali ganda daripada bajet asal.

MRA berpendapat kuota 19,000 metrik tan sebenarnya sudah mencukupi untuk keperluan keluarga B40 dan sebahagian M40 di Malaysia sekiranya ketirisan dapat dikawal. Walau bagaimanapun, disebabkan jurang harga yang besar antara minyak paket (RM2.50) dan minyak botol (RM6.50), berlaku ketirisan yang mana pihak pembungkus atau orang tengah menjual stok secara tidak sah kepada peniaga komersial atau pasaran luar negara bagi mendapatkan margin keuntungan yang lebih tinggi.

"Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *...By right, kalau kita info yang kita MRA dapat, maksimum kuota ialah 60,000 metrik tan sebulan. Tapi padahalnya, apa yang kita tahu ialah dekat market ialah — I think ialah 19 — tadi ialah 60,000 metrik tan, tapi apa yang dekat market ialah 19,000 metrik tan sebulan."*

...

"Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *...19,000 metric tonne kuota ini, kita dapat ialah kiraan daripada Belanjawan 2025. Belanjawan 2025 menunjukkan peruntukan untuk minyak paket subsidised ini ialah total nilai dia ialah RM916 million. So, after you buat kiraan dengan harga minyak semasa, so dia membawa kepada maksimum sebulan 19,000 metric tonne."*

[Muka surat 5, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

...

"Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *...Sebulan, subsidi kena cecah RM240 million. Kalau saya times setahun, dia akan mencecah — saya punya phone pun kena pusing. [Ketawa] RM2.88 billion. RM2.88 billion — 'b', boy. Billion. Banding dengan data saya, Belanjawan 2025, peruntukan untuk subsidi ialah cuma RM916 million, 'm' untuk setahun. Jauh beza. 2.88 banding dengan 0.916."*

[Muka surat 12, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

...

"Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Secara jujur cakap YB, saya ada dengar re-packer jual lebih mahal untuk survive. Dia jual even satu peket RM3.00.*

...

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Yes. RM51. Contoh saya pernah dengar, dia jual RM50 per carton kepada hawker. Hawker beli. Sebab after you kira, masih murah daripada botol. So, ini ketirisan berlaku."*

[Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.2. Kawalan Sempadan & Isu Penyeludupan

Aspek kawalan sempadan sangat kritikal kerana jenayah penyeludupan dan penyelewengan komersial menjadi punca utama kebocoran minyak subsidi ke luar negara. Skop penilaian merangkumi keselamatan sempadan, peranan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), serta modus operandi penyelewengan minyak masak ke luar negara atau ke sektor komersial.

6.2.1. Lawatan Kerja PAC Parlimen di Kelantan

Pada 2 hingga 4 September 2025, PAC telah mengadakan sesi lawatan kerja ke beberapa lokasi seperti berikut:

i. Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan;

ii. Pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok, Kelantan; dan

iii. Lokasi-lokasi yang dikenal pasti berkaitan aktiviti penyeludupan minyak masak bersubsidi di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

Selain ahli jawatankuasa PAC Parlimen, lawatan ini turut disertai oleh wakil Ex-Officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Pemerhatian dan penemuan PAC hasil lawatan kerja tersebut adalah seperti berikut:

a. Ketirisan di Sempadan Kelantan

ACP Ijid Landu Binju (Asisten Komisioner Polis, Pasukan Gerakan Am (PGA)) dalam prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025 menjelaskan bahawa penyeludup menggunakan stor transit di sepanjang Sungai Golok untuk mengumpul minyak masak bersubsidi sebelum dibawa ke Thailand menggunakan perahu. Faktor utama yang mendorong aktiviti ini adalah perbezaan harga pasaran yang tinggi di negara jiran iaitu RM6 berbanding harga kawalan yang ditetapkan iaitu RM2.50.

*"**ACP Ijid Landu Binju [PGA]**: ...So, ini adalah modus operandi lah yang kita dapati, iaitu penyeludup mendapatkan bekalan minyak masak paket bersubsidi dari pemborong dan peruncit. Seterusnya, mengangkut menggunakan kenderaan persendirian. Kemudian, menyimpan di stor transit berhampiran Sungai Golok, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat kita tinjau tempoh hari.*

Minyak ini seterusnya diseludup ke Thailand melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok menggunakan perahu atau bot. Kebanyakan aktiviti penyeludupan ini berlaku pada waktu malam.

Jadi, maknanya stor dan pangkalan haram ini dua entiti yang tidak boleh dipisahkan. Maksudnya, stor ini adalah pusat menyimpan barang-barang sementara. Maka, di belakang stor itu terdapat pangkalan haram untuk memudahkan kerja-kerja untuk pengagihan barangan itu ke seberang. Jadi, itulah dia punya gambaran dalam keadaan-keadaan kegiatan-kegiatan para penyeludup kita ini dan pangkalan haram ataupun hotspot yang kita kenal pasti adalah seperti Stor Tualang, Stor Pak Ngah, Pangkalan Haram MCA. Sebab, itu hari kita ada melawat lebih kurang empat sahaja pangkalan haram so itulah rangkaian dia itu."

[Muka surat 12, Laporan Prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

*"**ACP Ijid Landu Binju [PGA]**: Jadi, salah satunya yang kalau kita galakkan itu, perbandingan harga. Okey? Kalau di Thailand, RM6. Kalau di Malaysia, RM2.50. Jadi, nampak ada untunglah, kan? Kalau dia bawa ke Thailand itu, ada untung sedikit. Bukan sedikit lah. Dalam RM4 lebih."*

[Muka surat 10, Laporan Prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

b. Tindakan Perobohan Pangkalan Haram Secara Bersepadu

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud (Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan) dalam prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025 menjelaskan bahawa kerajaan Negeri Kelantan melalui PTG telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara bagi merobohkan 212 pangkalan haram (136 aktif, 76 tidak aktif) yang dibina secara tidak sah di atas tanah rizab sungai.

*"**Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]**: **...**Kita jangkakan tindakan penguatkuasaan perobohan ini kita akan segerakan pada 27 Oktober dan dia akan memakan masa lebih kurang enam hingga ke-10 minggulah untuk proses.*

Itu pun Yang Berhormat, bergantung kepada keadaan cuaca. Kita sebab di Kelantan ini dah kira dah start hujanlah, kira dah mula hujan dah turun dan pergerakan MTL dah mula — kira dia angin dah kira MTL, Monsun Timur Laut bergerak. Jadi kita akan tengok berapa yang sempat dan berapa tidak sempat dalam proses cadangan kita di antara enam minggu hingga 10 minggu. Kita akan lihat di situ Tumpat lebih kurang ada 44 berstruktur dan tidak berstruktur lapan. Pasir Mas kita ada 80, tindakan struktur ada 45. Tanah Merah kita ada berstruktur dua, tidak berstruktur 33. Jeli kita ada berstruktur 12 dan tidak berstruktur empat. Jumlah keseluruhan ialah berstruktur 138 dan tidak berstruktur ialah 90 Yang Berhormat."

[Muka surat 19-20, Laporan Prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

*"**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Apakah — Boleh saya tahu, apakah isi kandungan notis yang disebutkan oleh Pengarah?*

***Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]:** Notis kandungan itu...*

***Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh baca.*

***Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]:**... Okey. Notisnya begini, okey.*

"Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Notis berkenaan tindakan perobohan di bawah seksyen 426A Kanun Tanah Negara...".

Untuk makluman Yang Berhormat, 425 dan 426 ini dia berkait dua-dua itu. Jadi, "...Kanun Tanah Negara. Binaan struktur haram di atas tanah kerajaan.".

Apabila dia duduk di rizab tanah tebing sungai ini dia duduk atas rizab sungai. Takrif tanah rizab sungai ini ialah tanah kerajaan. Mana-mana tanah dalam sungai, tanah tepi jalan semua itu dikatakan sebagai rizab jalan ataupun rizab

sungai. Rizab sungai itulah kita katakan ia ialah tanah kerajaan. Masih ditakrifkan sebagai tanah kerajaan.

"Adalah dimaklumkan bahawa binaan/struktur didapat ini didapati dibina/berada di atas tanah kerajaan. Pembinaan di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran sah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda hingga 500,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.". Memang bersalah dah Yang Berhormat dia duduk atas rizab jale, dia duduk atas rizab sungai.

"Sila ambil perhatian. Notis dengan ini diberikan bahawa tindakan perobohan ke atas binaan/struktur berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen

426A Kanun Tanah Negara 1965 akan dijalankan dalam masa 14 hari selepas tarikh notis ini tanpa apa-apa amaran lagi, titik."

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: *Titik Yang Berhormat. Ada yang tulis titik.*

Sebarang halangan ke atas tindakan ini boleh dianggap sebagai menghalang penjawat awam dan merupakan kesalahan yang di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan. Sekian dimaklumkan." Kita pun sign, Pengarah sign. Ha, itu. Jelas itu, okey."

[Muka surat 20-21, Laporan Prosiding Bil. 6(k)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

6.2.2. Peranan Agensi Penguatkuasaan bagi Membanteras Penyeludupan

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin (Timbalan Ketua Setiausaha, KDN) dalam Prosiding Bil.6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa KDN melalui agensi di bawahnya memainkan peranan penting dalam membanteras penyeludupan barang-barang kawalan khususnya minyak masak bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Strategi KDN merangkumi pengukuhan operasi penguatkuasaan tetap di sempadan, perairan, dan pintu masuk negara yang dijalankan 24 jam sehari melalui rondaan serta penggunaan radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA). Selain itu, kolaborasi inter-agensi melalui Operasi Tiris (Ops Tiris) yang diterajui KPDN turut diperkasakan bagi menyasarkan stor simpanan tidak berlesen dan premis industri yang terlibat dalam penyelewengan.

Data rampasan terkumpul bagi 2023 sehingga 2025, yang mana Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mencatatkan 318 kes tangkapan yang melibatkan rampasan sebanyak 333,346 kilogram minyak masak dengan nilai anggaran RM813 juta. Manakala bagi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM), sebanyak 19 kes telah direkodkan membabitkan rampasan 36,590 kilogram minyak masak bernilai RM101 juta. Penemuan ini menekankan kepentingan integrasi strategik antara agensi untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan memaksimumkan keberkesanan tindakan di lapangan.

"Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *... Untuk makluman Yang Berhormat, KDN melalui agensi di bawahnya memainkan peranan penting dalam membanteras penyeludupan barang-barang kawalan khususnya minyak masak bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta mempunyai peranan yang jelas bagi melaksanakan penguatkuasaan terhadap*

barang kawalan. Agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

...

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *APMM pula melaksanakan penguatkuasaan dan mengawal serta mengawasi perairan Malaysia melalui rondaan udara, laut dan radar sistem pengawasan laut yang dikenali sebagai SWASLA, S-W-A-S-L-A.*

...

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *...Manakala, bagi APMM menjalankan aktiviti penguatkuasaan sama bagi barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk membuat tangkapan serta punca kuasa di bawah Akta APMM 2004 dan (Pindaan) 2009 bagi tindakan selanjutnya sehingga pendakwaan kes serta pelupusan barang rampasan.*

Yang Berhormat, KDN serta agensi di bawahnya mengekang ketirisan subsidi serta aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barangan kawalan oleh sindiket atau individu yang tidak bertanggungjawab melalui dua strategi iaitu memperkukuhkan operasi penguatkuasaan serta kolaborasi intra dan inter-agensi. Operasi penguatkuasaan tetap di sempadan, perairan dan pintu masuk dijalankan 24 jam, tujuh hari seminggu untuk mengesan aktiviti mencurigakan seperti penyeludupan dan pemindahan haram barang-barang kawalan. Operasi penguatkuasaan ini diperkukuhkan dengan menjalankan operasi khas dan bersepadu melibatkan inter dan intra-agensi. Tindakan pengesanan dan penahanan juga dibuat ke atas lori, kapal, vesel, stor atau premis yang disyaki menyimpan minyak masak bersubsidi secara haram. Jika terkesan kesalahan, tindakan diambil melalui tangkapan dan penyitaan barang kawalan, dokumen dan peralatan berkaitan."

[Muka surat 2-3, Laporan Prosiding Bil. 6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.2.3. Cabaran Penguatkuasaan Sempadan

ACP Rizal bin Mohamed (Penolong Pengarah Pengoperasian PGA, PDRM) dalam Prosiding Bil. 6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa antara cabaran utama penguatkuasaan di sempadan darat terutamanya di Sungai Golok adalah geografi sungai yang sempit yang memudahkan pemindahan barangan menggunakan bot atau perahu dalam tempoh beberapa saat sahaja. Beliau mendedahkan modus operandi sindiket yang membina bangunan stor atau menggunakan rumah persendirian di tebing sungai sebagai gudang transit haram untuk menyimpan minyak masak peket sebelum diseludup keluar ke Thailand.

Seterusnya, terdapat kesukaran dari sudut perundangan untuk membuktikan niat menyeludup barangan tersebut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Memandangkan kebanyakan stor berada dalam premis persendirian dan jarak antara tebing sungai dengan sempadan antarabangsa (garis tengah sungai) adalah sangat dekat, pihak berkuasa sering kali hanya mampu melakukan tangkapan atas kesalahan memiliki barang kawalan tanpa lesen dan bukannya atas tuduhan menyeludup.

Selain penyeludupan melalui jeti haram, beliau juga menyatakan bahawa penyeludup turut menggunakan laluan sah melalui pengangkutan darat seperti lori atau kenderaan yang telah diubah suai untuk membawa bekalan secara berlapis bagi mengaburi mata penguat kuasa di sekatan jalan raya (SJR).

> ***"ACP Rizal bin Mohamed [PDRM)]:*** *Kalau kata untuk PGA, kita laksanakan terutamanya di laluan-laluan haram terutamanya di Sungai Golok. Banyak laluan haram. Kalau kita tengok pun, salah satu sebab kenapa bekalan kita, bekalan minyak masak peket itu, kita boleh dapati di pasaran Thailand, ya.*
>
> *...*
>
> ***ACP Rizal bin Mohamed [Polis Diraja Malaysia (PDRM)]:*** *... Salah satu punca dia adalah apabila bangunan-bangunan stor dibina secara sah ataupun secara haram di Sungai Golok itu. Berhampiran di tebing Sungai Golok tu. Ya, rumah mereka sendiri pun dijadikan sebagai stor dan juga gudang. Jadi, untuk pergerakan itu ke seberang itu hanya mengambil masa beberapa saat sahaja untuk lepas bekalan itu ke seberang menggunakan jalan air.*
>
> *...*
>
> ***ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]:*** *Okey, kalau kata nak menyeludup, tak ada satu kes pun yang kita tangkap atas kesalahan menyeludup. Sebab sukar untuk kita buktikan bahawa barangan ini untuk diseludup, sangat sukar. Sebab bila kita*

tangkap adalah di bawah akta bekalan, Akta Kawalan Bekalan 1961. Itu kesalahan dia. Kita tak pernah tangkap lagi di bawah akta nak menyeludup keluar, tak pernah. Sebab nak dibuktikan, walaupun kita tangkap, kita syaki tapi kita semua faham, semua sedia maklum. Tapi, untuk dibuktikan bahawa barangan ini adalah untuk diseludup sangat sukar, sangat sukar."

[Muka surat 5-12, Laporan Prosiding Bil. 6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said (Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim), APMM) dalam Prosiding Bil. 6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 turut memaklumkan bahawa peranan APMM yang memfokuskan penguatkuasaan di perairan Malaysia, khususnya di laut wilayah sehingga 12 batu nautika. APMM mempunyai kuasa menyiasat dan mendakwa bagi kes-kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 hasil daripada kerjasama strategik dan penyerahan kuasa oleh pihak KPDN. Kelebihan ini membolehkan pegawai APMM mengukuhkan kertas siasatan berdasarkan elemen teknikal di laut bagi mewujudkan *prima facie* yang lebih kuat berhubung niat menyeludup barangan kawalan tersebut ke negara jiran seperti Filipina.

"Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: *...Izinkan saya untuk memaklumkan bahawa tangkapan di perairan Malaysia juga ada dilakukan oleh APMM, di perairan Malaysia yang mana di laut wilayah dari pesisir pantai tu sehingga 12 baru nautika. Itu adalah laut wilayah yang mana undang-undang yang kita domestik ni terpakai.*

...

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: *Jadi, di situ APMM juga diberi kuasa melalui Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia [Akta 633] yang masa kuasa agensi juga boleh untuk menyiasat apa-apa kesalahan. Jadi, maknanya untuk Akta Kawalan Bekalan ni, APMM mempunyai kerjasama strategik yang kukuh di antara APMM dan KPDN yang mana menyerahkan kuasa menyiasat ini kepada pegawai APMM itu sendiri dan seterusnya ke peringkat pendakwaan di mahkamah.*

That's why maknanya kes-kes yang melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961 ni yang ditangkap oleh APMM di laut, disiasat oleh APMM."

[Muka surat 26-27, Laporan Prosiding Bil. 6(c)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.2.4. Penggunaan Minyak Masak Bersubsidi oleh Sektor Komersial

Dr. Saravanan Thambirajah (Ketua Pegawai Eksekutif, FOMCA) dalam Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa minyak masak bersubsidi yang sepatutnya dikhaskan untuk kegunaan isi

rumah telah disalahgunakan secara meluas kepada pihak komersial dan restoran. Beliau menjelaskan modus operandi restoran yang menggunakan pekerja warga asing untuk membeli minyak paket secara pukal dalam kapasiti individu bagi mengumpul bekalan untuk perniagaan.

Beliau turut membangkitkan isu penyeludupan rentas sempadan yang sistematik di negeri-negeri utara, yang mana minyak subsidi Malaysia dijual di negara jiran pada harga yang lebih tinggi. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan ketirisan dana kerajaan tetapi juga memaksa pengguna domestik menanggung beban kos sara hidup yang lebih berat apabila terpaksa membeli minyak botol yang tidak bersubsidi.

> ***"Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:****...Contohnya, di Semenanjung pekerja restoran warga asing membeli tiga paket setiap seorang. This is very well known-lah. I think if you go and ask any of your restaurant friends and everything, memang dia akan suruh pekerja dia pergi. Setiap pekerja akan diberi duit pergi beli tiga paket dan balik. So, kalau satu pekerja beli tiga paket, imagine kalau ada lima pekerja ya. Lima atau lebih. Seterusnya, mereka mengumpul bekalan pukal dan menyalurkan subsidi daripada isi rumah kepada perniagaan.*
>
> *...*
>
> ***Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:****...So, orang Thailand, dia akan bawa motorbike masuk Malaysia. Going back, dia akan beli tiga paket. Tiga paket minyak masak. Dia akan letak atas bakul motorbike tersebut. He is free to go. But dia akan pergi sebanyak 10 hingga 15 kali sehari. Okay, this is a simple case. It's just a small person. Small, one-person punya modus operandi and — so, I mean that issue just information for PAC members-lah.*
>
> *...*
>
> ***Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:****...Seterusnya isu nombor enam, beban belanjawan ini, what is the impact to the penggunalah. Beban belanjawan isi rumah (household budget burden) apabila minyak bersubsidi tidak bersedia, keluarga terpaksa membeli botol lima kg tanpa subsidi pada harga lebih daripada 30 hingga 40 peratus lebih mahal dan kesannya subsidi gagal meringankan kos sara hidup untuk golongan B40."*
>
> [Muka surat 6-7, Laporan Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.3. Cadangan Reformasi & Penyasaran Subsidi

Bagi memastikan isu kebocoran tidak berulang, penekanan diberikan kepada reformasi struktur merangkumi agenda pendigitalan serta pelaksanaan sistem subsidi bersasar seperti penggunaan MyKad.

6.3.1. Inisiatif Pendigitalan dan Pemantauan Rantaian Bekalan

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN dalam prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025 memaklumkan bahawa KPDN telah memperkenalkan sistem eCOSS dan Mobile eCOSS sebagai langkah proaktif untuk memantau keseluruhan rantaian pengedaran minyak masak paket bersubsidi secara masa nyata (*real-time*). Inisiatif ini bertujuan untuk menangani syor Ketua Audit Negara berkaitan pemantapan penguatkuasaan dan pelaksanaan subsidi bersasar bagi memastikan hanya warganegara yang layak menerima manfaat tersebut.

"Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]*: Saya nak tanya sikit. Kalau ada nak sambung lagi saya berhenti dulu. Tapi kalau tak ada, saya tanya. [Ketawa] Pasal kita ada data ini kan. RM2 juta nak bangunkan okey lah, tak apalah. Cuma, macam tadi kata kalau nak data yang lebih besar kena subscribe dengan Cloud pula lagi. Tidakkah, akhirnya nanti dia sepatutnya semuanya akan di-consolidate dan juga di-integrate dengan sistem PADU yang selalu disebut-sebutkan itu. Itu soalan yang pertama.*

Keduanya saya tadi cuba — saya download apps. Lepas itu, saya cuba masuklah. Tapi bila masuk itu sampai ke satu bahagian itu, saya rasa saya memang tak layak. So tak jadilah [Ketawa]. Cuma untuk disahkan, adakah dia kata pendapatan, lepas itu kan. Maknanya, mungkin ada ramai juga yang cuba nak masuk kan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Sistem ini masih terbuka. Kita tidak ada hadkan kepada sesiapa kecuali warga asing saja yang tak boleh.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Sistem boleh masuk, boleh disahkan tapi sama ada layak, tak layak itu... [Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Semua layak, semua warganegara layak.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Oh, okey.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Kecuali warga asing saja yang tak layak sebab dia tak boleh buat KYC, sebab dia tak ada IC.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Ya, ya, ya. Okey. So, akhirnya nanti ke mana hala tuju KPDN dari segi sudut sinilah? Maksudnya kalau kita nak katakan yang bersasar, maksudnya yang hanya benar-benar layak dapat itu. Terima kasih.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Kita akhirnya, kita ke arah pembelian itu yang kita nak rekodkan pembelian, setiap warganegara yang ini*

dan kita — sistem ini bertujuan untuk menghalang selain daripada warganegara daripada membeli atau mendapatkan minyak peket ini. Itu fungsi sebenarnya. Kita jangkakan sistem ini pelaksanaannya — sebenarnya jangkaan kita, kita nak laksanakan mulai tahun depan."

[Muka surat 16-17, Laporan Prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

Selain itu, **Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar (KSU, KPDN) dalam prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025** turut memaklumkan bahawa KPDN melalui Jawatankuasa Penggantungan Lesen CSA dan Kuota COSS (J2P2C) telah mengambil tindakan tegas ke atas syarikat yang memalsukan maklumat di dalam sistem pemantauan, selaras dengan dapatan audit mengenai pelanggaran syarat jualan dan kelemahan pengurusan bagi mengukuhkan integriti program subsidi.

"Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *...di peringkat KPDN, kita ada satu Jawatankuasa Penggantungan Lesen dan juga Kuota ataupun yang kita panggil sebagai J2P2C yang dipengerusikan oleh Dato' Seri KSU selaku pengawal bekalan Malaysia untuk mengambil tindakan yang segera dan punitif ke atas syarikat-syarikat yang disyaki melakukan kesalahan."*

[Muka surat 4, Laporan Prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

"Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *Dato', tadi di cerita agak panjang berkaitan dengan mekanisme kita menggunakan eCOSS ini ya. Dalam laporan audit sendiri disebut lebih 18 peratus rekod eCOSS ini tidak lengkap dan tidak sah. Dalam laporan audit itu sendiri. Iaitu sebenarnya ada di kalangan pengilang kecil ini dan pembungkus ini dia tidak membuat — dia tak update transaksi secara tepat masa itu ya. Dan dia situ akhirnya, data itu tidak real time dan maknanya di situ ada shortage-lah dari segi bekalan dan juga pengagihan itu sendiri.*

Jadi, pihak kementerian melihat mungkin ada kelemahan di sini. Bagaimana proses yang kita nak memperbaiki sistem ini? Sebab sistem ini sangat-sangat baik saya nampak untuk kita nak tracking pergerakan minyak masak dan sebagainya ini, untuk yang subsidi ini. Jadi, mungkin ada sistem yang lebih kita update dari segi teknologi itu sendiri atau macam mana? Itu yang pertama."

...

"Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya berkaitan dengan eCOSS. eCOSS ini kita telah – kita mula laksanakan pada 2023, dan apa dapatan audit itu memang di peringkat awal, memang ada dari segi penerimaan pihak-pihak yang terlibat contoh refinery, repacker, pemborong, peruncit.*

Dalam rantaian itu, peringkat awal memang ada kelemahan dari segi penerimaan dan kita dah pun membuat beberapa sesi engagement, tambah baik dan termasuklah kita dah mula untuk mengambil tindakan yang lebih drastik di mana, mana-mana maklumat yang tidak tepat yang dimasukkan dalam sistem itu, kita dah, bila kita siasat, kita dapati memang betul maklumat tak tepat. Kita dah buat data cleaning, kita nyahaktifkan mereka daripada sistem dan beberapa tindakan juga kita buat.

Macam saya sebut tadi, kita telah pun menggantung beberapa repacker kerana mereka memasukkan maklumat yang tidak tepat dalam sistem itu antara penambahbaikan. Saya fikir, kalau tanpa tindakan yang lebih tegas, hukuman mereka ini akan lambat menerima. Itu antara yang penambahbaikan yang kita buatlah. Dan, insya-Allah perkara ini kita akan teruskan penambahbaikan dan mudah sahaja YB, siapa yang tak nak masuk dalam – tak nak naik bot kami, kami tinggal. Itu prinsip yang kita pakai.

Maknanya, kalau sistem itu telah pun diperkenalkan, semua orang kena guna sistem yang sama. Tujuan kita adalah untuk kebaikan bagi memastikan program ini berjalan dengan baik dan tidak ada berlaku penyelewengan, ketirisan yang merugikan wang rakyat."

[Muka surat 26-27, Laporan Prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Nak tanya fasal slide yang fasal slide sebelum ini. Ada melibatkan 11 pemegang lesen ditarik, digantung dan sebagainya. Boleh kongsi tak apa kesalahan-kesalahan yang terlibat sehinggakan mereka ditarik ataupun digantung? Jenis-jenis kesalahan. Ada boleh tolong kongsi?"*

...

"Datuk Azman bin Adam [KPDN]: *Disebabkan pemalsuan dokumen, tuntutan dan sebagainyalah YB. Sebab dalam pemeriksaan dan juga operasi yang kami jalankan, pernah juga kami jumpa di syarikat repacker ini, semua cop syarikat yang dibekalkan ada dengan dia. Maksudnya, dia ada cop sendiri. Seolah-olah dia membekalkan kepada orang tersebut, orang itu cop terima. Padahal syarikat tersebut, syarikat yang kononnya dibekalkan tidak pernah terima. Jadi, itu antara — dan melibatkan kuantiti yang besarlah biasanya. So, yang ini akan kita establish-kan melalui siasatan kamilah. Siasatan kami yang pertama, kita akan siasat di bawah Akta Kawalan Bekalan sebagai kesalahan predikat. Dan yang kedua, kami juga bergantung pada keseriusan nilai dan juga kekerapan, kesalahan, kuantiti. Kami juga boleh siasat di bawah AMLA. Jadi, itu yang kami telah laksanakan sekarang."*

[Muka surat 8-10, Laporan Prosiding Bil. 6(I)/2025 bertarikh 15 Oktober 2025]

6.3.2. Cadangan Peralihan Mekanisme Subsidi Bersasar

Encik Yong Eng Kwang (Naib Presiden, MRA) dalam prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa penyelesaian jangka panjang terbaik untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan dan ketirisan subsidi adalah dengan melaksanakan mekanisme subsidi bersasar secara digital. Beliau mencadangkan agar harga minyak masak di pasaran diapungkan secara terbuka seperti mana kejayaan penyasaran subsidi ayam dan telur, yang terbukti telah menstabilkan bekalan di pasaran dan menggalakkan persaingan harga yang sihat dalam kalangan peruncit.

Bagi melindungi golongan sasar, Kerajaan boleh menggunakan infrastruktur terminal pembayaran sedia ada yang menyokong MyKad atau sistem MySARA untuk menyalurkan subsidi terus kepada individu yang layak. Dengan cara ini, kawalan jumlah pembelian boleh dilakukan secara automatik di peringkat kaunter (*point of sale*), sekali gus menghalang peniaga komersial atau warga asing daripada mengeksploitasi subsidi minyak masak yang diperuntukkan khas untuk kegunaan isi rumah.

> ***"Encik Yong Eng Kwang [MRA]:*** *...cadangan daripada member, daripada peruncit-peruncit, actually kita— ini ialah satu servis yang kita so-called tak untung. Kita harap ialah kalau for us, RM2.50 kawalan macam ini, dimansuhkan. So subsidi bersasar. Terus pergi ke orang yang memerlukan. So biar terapung. Apungkan market ini."*
>
> [Muka surat 7, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

> ***"Encik Yong Eng Kwang [MRA]:*** *...MySARA ini ialah under project by this DIALOG Company, DIALOG Berhad under MyKasih Foundation dia. Dia yang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan. Dia guna terminal, terminal apa yang saya cakap ialah so called terminal credit card. Itu sistem yang kawalkan. That's why cucuk IC masuk dia akan tahu IC— dia dapat read you tinggal berapa lagi balance tersebut. So kita pun ada whitelist so called sebab ini ialah bantuan daripada kerajaan.*
>
> *Kita tidak benarkan dia untuk beli benda-benda yang bukan keperluan. Contohnya dia hendak beli rokok, tidak dibenarkan. Bila dia scan tak dapat approve. Ini so called whitelist, ada whitelist daripada kerajaan dia dah kontrol apa barang yang dia boleh beli. So, that's why bila you scan barangan kita scan barcode kita dah tahu ini boleh beli atau ini tak boleh beli. Kerajaan kontrol dan kita dapat data. So, that's why saya cakap kalau kita guna sistem ini, kita boleh per IC guna sistem kontrol contoh Datuk Wira cuma boleh beli tiga under IC you. Dia dapat buat ini programmer ini dapat buat ya."*
>
> [Muka surat 20-21, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.3.3. Cadangan Reformasi Penguatkuasaan dan Penyasaran Subsidi

Dr. Saravanan Thambirajah (Ketua Pegawai Eksekutif, Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)) dalam Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa keperluan untuk melaksanakan hukuman yang lebih berat dan konsisten di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, termasuk pembatalan lesen perniagaan bagi pesalah berulang ditekankan sebagai cadangan FOMCA untuk memperkukuhkan sistem sedia ada bagi mengurangkan ketirisan.

FOMCA turut menyokong peralihan kepada sistem subsidi bersasar seperti penggunaan MyKad untuk verifikasi pembeli bagi memastikan hanya mereka yang layak menerima manfaat. Selain itu, kementerian disaran untuk meningkatkan ketelusan dengan menerbitkan kemas kini bulanan mengenai peruntukan dan hasil tindakan penguatkuasaan bagi mengembalikan kepercayaan awam terhadap sistem subsidi negara.

> ***"Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...Nombor enam, terbitkan kemas kini bulanan peruntukan tindakan penguatkuasaan dan rampasan dan penalti dan berikan kuasa kepada pengguna untuk membuat aduan dan menjejaki hasil tindakan penguatkuasaan.*
>
> *Dan nombor tujuh, memperkukuhkan sistem di mana hukuman lebih berat dan konsisten daripada denda kecil, mahkamah boleh mengenakan penalti maksimum atau membatalkan lesen perniagaan."*
>
> [Muka surat 8-9, Laporan Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]
>
> *...*
>
> ***"Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...I mean we have been pushing for subsidi bersasar. Memang subsidi it's for those who really needs, there are those vulnerable. Kami sokong on that.*
>
> *So, even memperkenalkan you buy, you must show MyKad to get minyak paket, we sokong that. Not an issue. As long as that subsidy disalurkan kepada pihak yang memerlukan. Bukan untuk pihak business lah ya."*
>
> [Muka surat 14, Laporan Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin (Pengarah Urusan, Mydin) dalam prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 27 Ogos 2025 membentangkan analisis matematik yang menunjukkan bahawa sekiranya subsidi diberikan secara bersasar kepada 5.8 juta penerima yang layak dengan kuota 5kg sebulan melalui MyKad, kerajaan hanya perlu membelanjakan RM1.5 bilion.

Beliau menyarankan agar mekanisme subsidi berbentuk paket dimansuhkan dan diganti dengan bantuan tunai terus ke dalam sistem digital seperti MySARA atau MyKad yang lebih mudah dipantau melalui sistem terminal peruncit sedia ada, sekaligus menghapuskan keperluan untuk penguatkuasaan manual yang tidak efektif di lapangan.

> ***"Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:****...Sebetulnya we were also know that one household, need only five kilo oil per month. Lima kilo je cukup.*
>
> *...*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *So kalaulah kita pakai sistem YB, semua orang dapat — IC five kilo, habis cerita. Harga RM6.90 kalau kita pakai 5.8 million packet, 5.8 million recipient, lima paket seorang, 29 million packet, subsidi RM4.40, subsidi RM127 million per month. Total subsidy per year only RM1.5 billion. So automatically daripada yang kita subsidi RM3 bilion ini, kita akan untung RM1.5 bilion. [Dicelah] A very simple mechanisme."*
>
> [Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]
>
> ***"Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *You don't need to give subsidy for anything because subsidy doesn't help the rakyat in anyway.*
>
> ***Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:*** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Setuju, setuju.*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *Alright. So, you might as well remove subsidy. You see ya, many years ago, many years ago we didn't have a choice. We didn't have the data. Kita tak ada SARA, okey. We have reached a stage that we have the data.*
>
> *...*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *...So, all you have to do it increase this amount that you're giving, where is needed, when is needed and I also suggested don't give end of the month, give on the 15th month because when you give end of the month dia orang dapat gaji and you know I mean unfortunately bila kita cakap orang yang kat bawah itu kadang-kadang tak pandai bajet, orang yang kaya lah pandai bajet sebab itu dia kaya.*
>
> *...*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *…So, in the retail industry when MySARA is release and 99 can voice for it, hari ini release esok bisnes double. So, it shows the poverty level, the need."*
>
> [Muka surat 17-18, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.3.4. Kelemahan Mekanisme Subsidi dan Cadangan Penambahbaikan Sistem

Encik Fakhrunniam Othman (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)) dalam prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025 memaklumkan bahawa FGV bersetuju dengan dapatan audit mengenai kelemahan Program COSS, terutamanya isu subsidi pukal yang membolehkan warga asing dan entiti komersial turut mendapat manfaat secara tidak sah. Beliau membangkitkan isu margin keuntungan yang diterima oleh pihak pembungkus (*repacker*) iaitu sebanyak RM600 bagi setiap metrik tan, yang mana beliau sifatkan sebagai terlalu tinggi berbanding kos pemprosesan sebenar yang hanya sekitar RM120 ke RM130 sahaja.

Beliau mencadangkan agar jumlah subsidi dikurangkan dan struktur harga jualan minyak paket disemak semula (contohnya kepada RM3.50/kg) bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan serta mengecilkan jurang harga dengan minyak pasaran. Selain itu, beliau menyarankan agar diwujudkan pusat pengedaran khas yang berdaftar bagi memastikan akses terus kepada golongan sasar yang benar-benar memerlukan, sekaligus mengekang penyelewengan bekalan di peringkat peruncit.

> ***"Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]:*** *...Apa pandangan FGV jika kerajaan hari ini, kita hapuskan subsidi minyak masak ini, macam mana kita hapuskan petrol, diesel dan sebagainya? Sebab, bagi saya, biarlah pasaran terbuka, tetapi bantuan itu direct kepada pengguna yang berhak melalui skim-skim seperti Budi, SARA, macam-macamlah eh. Supaya adakah FGV — pada pandangan FGV, sudah sampai masanya kerajaan mengubah skim-skim subsidi ini untuk mengelakkan ketirisan, mengelakkan penyeludupan, minyak masak ini banyak digunakan oleh pihak industri dan lain-lain? Terima kasih.*
>
> ***Encik Fakhrunniam Othman [FGV]:*** *Saya jawab soalan yang kedua dulu ya. Mengenai penghapusan subsidi ini ya. Kalau mengikut niat asal adalah untuk penstabilan harga dan memastikan minyak pada harga yang berpatutan sampai kepada golongan-golongan yang memerlukan.*
>
> *Saya rasa niat itu betul. Isunya adalah implementation-lah. Pada pandangan kami, mungkin jumlah subsidi agak tinggi dalam RM1.6 bilion. Ia boleh dikurangkan ya. Keduanya, enforcement kena lebih rapi tapi enforcement ini pun bukanlah perkara senang YB, pasal kita kena pergi setiap kedai runcit. Yang ketiganya, nak menjadikan dia daripada general subsidy kepada targeted subsidy.*
>
> *...*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *...Yang RM600 bagi claim in comparison dengan harga memproses itu. Kalau kos sebenar dalam RM120, RM130 dapat claim sebanyak RM600 itu marginnya terlalu banyaklah. I mean saya berkata fasal YB hendak honest opinion-lah. How to balance-lah between government dengan keperluan rakyat.*

Yang ini menyebabkan keuntungan pihak repacker dan juga syarikat yang mengendalikan subsidi ini more than what they need-lah in ini. Kalaulah contohnya dikurangkan daripada RM600 ke RM500 atau RM450, it is still workable dan masih dikira sebagai government yang care for the people-lah."

[Muka surat 16-26, Laporan Prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

"Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *...So, saya rasa tak ada shortcut dari segi ini, dari segi monitoring-lah dan, dan penguatkuasaan, satu. Dan kena ada pusat yang ditentukan ada big allocation untuk special needs ini dan yang berdaftar ke pusat-pusat tersebut.*

...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *...So that, yang layak adalah somebody yang dah register."*

[Muka surat 29-30, Laporan Prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

6.4. Isu Peruncitan & Kesan kepada Pengguna

Isu di peringkat peruncitan memerlukan penelitian rapi kerana melibatkan ekosistem yang memberi kesan langsung kepada pengguna dan peniaga kecil di pasaran. Penekanan utama adalah melihat kepada realiti di peringkat lapangan, termasuk isu ketiadaan stok minyak paket, kerugian operasi yang ditanggung peruncit, serta manipulasi pasaran yang merugikan orang awam.

6.4.1. Peranan Peruncit dan Cabaran Pengurusan Stok

Encik Yong Eng Kwang (Naib Presiden, MRA) dalam prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa bagi pihak peruncit besar, jualan minyak masak paket bersubsidi (1kg) sebenarnya tidak memberikan sebarang keuntungan komersial, sebaliknya ia merupakan satu bentuk tanggungjawab sosial (*CSR*) atau servis kepada pelanggan. Margin keuntungan bagi produk ini sangat nipis memandangkan kos belian daripada pembungkus (*repacker*) adalah sekitar RM2.45 hingga RM2.47 per paket, manakala harga jualan dikawal ketat pada paras RM2.50.

Selain margin yang rendah, peruncit menghadapi beban kos operasi tambahan kerana kebanyakan pembungkus tidak menyediakan khidmat penghantaran terus ke cawangan atau gudang peruncit, sebaliknya peruncit perlu menyediakan logistik sendiri dan membuat bayaran secara tunai (*no credit terms*) untuk mendapatkan stok. Isu kekurangan bekalan sering berlaku kerana peruncit bergantung sepenuhnya kepada kuota yang dilepaskan oleh pembekal, selain menghadapi rungutan dan tekanan daripada pengguna, terutamanya peniaga kecil yang cuba membeli dalam kuantiti besar melebihi had tiga paket yang ditetapkan.

> ***"Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:*** *...apakah faktor utama permasalahan yang berlaku yang disuarakan oleh peruncit-peruncit apabila dibincangkan tentang perkara itu bersama dengan MRA berkenaan dengan kekurangan minyak masak dan sebagainya?"*
>
> *...*
>
> ***"Tuan Yong Eng Kwang [MRA]:*** *...Untuk kita peruncit, minyak paket sebenar tidak membawa keuntungan kepada kita.*
>
> *Pada halnya, kita kena keluar lagi kos. Jual kepada pelanggan RM2.50. Sometimes kita dapat RM2.48, RM2.45. Paling murah RM2.40. So, ini ialah kos yang kita dapat. Belum campur lagi kita kena employ pekerja, transport, logistik hantar pergi ke cawangan. So, ada pula repacker sebenarnya kalau kita alias dengan dia, apa yang dia require our peruncit, you kena pergi angkat sendiri maksudnya. So, dia tak hantar pergi ke — either gudang kita ataupun kedai-kedai peruncit. Dia tak hantar. You yang kena sediakan lori, datang ke repacker, ambil sendiri."*
>
> [Muka surat 3-4, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]
>
> **...**
>
> ***"Tuan Yong Eng Kwang [MRA]:*** *...for us actually kita— saya sentiasa cakap dengan my staff. Kita kena ada satu cara lah. By right rungutan ini bukan rungutan daripada isi rumah, rungutan yang sentiasa kita terima daripada peniaga. Peniaga tak dapat stok, dia membuat rungutan."*
>
> *...*
>
> ***"Tuan Yong Eng Kwang [MRA]:*** *Peniaga yang buat rungutan. That's why ini masalah bukan daripada isi rumah. Daripada peniaga."*
>
> [Muka surat 21-22, Laporan Prosiding Bil. 6(e)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.4.2. Kekurangan Bekalan dan Amalan Runcit Tidak Adil

Dr. Saravanan Thambirajah (Ketua Pegawai Eksekutif, FOMCA) dalam Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025 memaklumkan bahawa pengguna di seluruh negara, terutamanya golongan B40, sering berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan minyak masak paket 1kg yang tidak konsisten. Beliau mendedahkan amalan peruncit yang tidak adil seperti jualan bersyarat, yang mana pengguna dipaksa membeli barangan lain untuk melayakkan mereka membeli minyak masak bersubsidi.

Selain itu, terdapat isu penyorokan stok oleh peruncit yang mendakwa tiada bekalan tetapi sebenarnya dialihkan kepada pelanggan tetap atau pengusaha restoran. Masalah ini lebih meruncing di kawasan luar bandar dan Sabah serta Sarawak akibat rantaian pengedaran yang lemah dan bilangan kilang pembungkusan semula yang terhad.

> ***"Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...Masalahnya ialah apabila pengguna itu pergi ke kedai untuk membeli minyak masak dan seterusnya, selalunya berdepan dengan rak kosong, pengisian semula yang tidak menentu dan selalunya, di luar-luar bandar ini, ada isu catuan dan juga, bundling-lah.*
>
> *...*
>
> ***"Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...Contohnya, di Lembah Klang, pasar raya mengenakan catuan di mana, satu hingga dua peket setiap keluarga kerana permintaan tinggi.*
>
> *Di luar bandar, contohnya di Kelantan dan Kedah, pengguna terpaksa menunggu berminggu-minggu tanpa stok dan ada juga keluarga yang terpaksa pergi jauh untuk membeli minyak peket. Namun, kadang-kadang mereka juga tidak menemui minyak peket. Akhirnya, mereka terpaksa membeli minyak botol yang mahal.*
>
> *...*
>
> ***Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...Contohnya, beberapa negeri seperti di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan, pengguna terpaksa berbelanja lebih daripada RM10 untuk barangan lain bagi melayakkan membeli minyak bersubsidi ya.*
>
> *...*
>
> ***Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]:*** *...Maksudnya, dia ada senarai dialah untuk dia jual. Siapa? Mungkin restaurant owners ataupun kawan-kawan dia ataupun selalunya kami jumpa juga di mana selalunya yang bekerja di kedai ini warga asing. Selalunya dia simpan untuk kawan-kawan dialah."*
>
> [Muka surat 2-3, Laporan Prosiding Bil. 6(f)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.4.3. Kekurangan Bekalan dan Isu Kerugian Operasi Peruncit

Datuk Wira Ameer Ali Mydin (Pengarah Urusan, Mydin) dalam prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 27 Ogos 2025 memaklumkan bahawa ketersediaan bekalan minyak masak paket 1kg di rak jualan pasar raya adalah sangat rendah, yang mana data menunjukkan purata cawangan Mydin di Semenanjung Malaysia mengalami ketiadaan stok sehingga 28 hari dalam sebulan. Beliau menjelaskan bahawa kadar pemenuhan bekalan (*fulfilment*) hanya pada tahap 18%, manakala 82% lagi adalah tempoh ketiadaan barang di pasaran.

Beliau turut mendedahkan bahawa peruncit sebenarnya menanggung kerugian bagi setiap unit minyak masak paket yang dijual. Walaupun harga jualan ditetapkan pada RM2.50 dan kos belian daripada pembungkus adalah RM2.45, margin 5 sen tersebut langsung tidak mencukupi untuk menampung kos logistik sebanyak 18.5 sen seunit, menjadikannya perniagaan yang merugikan bagi pihak peruncit demi menjalankan tanggungjawab sosial kepada rakyat.

> ***"Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *...Sebetulnya ini semua cawangan Mydin yang saya tak masuk cawangan saya ke Sabah dan Sarawak.*
>
> *...*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *...So, bila kita tengok kolum kedua itu, it*
>
> *is the jualan sehari, bila minyak masak sampai itu, kata lah dia sampai 500 peket, satu hari ini di Jasin 170 peket dah habis. So, maknanya dalam tiga hari dah habis lah kalau 510 paket.*
>
> *Okey, if we go to the red kolum yang saya highlight itu, ini menunjukkan dekat Jasin, daripada satu bulan, 27 hari itu tak ada minyak masak.*
>
> *...*
>
> ***Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *...Ini menunjukkan sebetulnya fulfilment is 18 percent, 82 percent tak ada barang."*
>
> [Muka surat 2-4, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]
>
> ***"Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]:*** *...So mere package sebetulnya harga jualan semua sedia maklum, RM2.50. Kos kita, semua orang RM2.45. So, sebetulnya kita untunglah lima sen. Kalau kita kira jual RM2.50, kos RM2.45,*

untung lima sen. Tetapi barang ini dihantar kepada macam 99 lagipun. Lagi 99 ini, Mydin macam banyak dia hantar pada warehouse, sama macam 99. Ada yang kata Jualan RAHMAH dia orang hantar dekat branches.

Tetapi primarily we have to look at hantar ke warehouse. So bila dia hantar ke warehouse, logistic cost per packet is 0.185 sen. Maknanya satu paket 20 sen. Fasal satu kotak itu, ada 17 paket. Nak transport satu kotak, kan? Barang itu akan hantar pada warehouse kita. Central warehouse kita.

Dia ada dua tau. Kadang-kadang antara dia akan hantar central warehouse, kadang-kadang kita kena pergi ambil. Kita ini desperado sangat terpaksa hantar lori kita pergi ambil. Fasal kalau macam itulah, you nak marilah. Kalau you tak nak tak apa. Orang lain nak. Okey, so kita kena pergi ambil.

So that logistic cost is 0.185 sen. So maknanya satu paket yang kita jual, kita pula bagi subsidi 15 sen, 14 senlah. So, ini kerja bodohlah untuk kita pun. Dok minta-minta sebetulnya kita minta masak. Tetapi kita buat bodoh fasal — every paket kita dapat, kita rugi. Ini tak masuk nak masuk beg lagi. Kalau koyak, you know it's a very lousy packing. Very easy to koyak, pecah, jatuh pecah.

Kita akan rugi. Ini kita tidak boleh bagi balik kata siapa pembekal ini you minta maaf. Rosak, pecah bagi balik. So, it is a seriously a loss-making business minyak masak satu paket.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Memang kalau pecah, dia punya terms itu memang tak boleh dipulangkan balik?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Tak boleh return. Beli pun cash."*

[Muka surat 8, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.5. Struktur Pasaran & Rantaian Bekalan

Analisis dilakukan terhadap ekosistem industri dan makroekonomi yang mempengaruhi rantaian bekalan, kawalan harga, serta persaingan pasaran. Penilaian secara makro merangkumi peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), monopoli asing, pakatan kartel, dan kesan turun naik harga komoditi CPO terhadap pengilang.

6.5.1. Impak Kenaikan Harga CPO

Encik Mahyuddin bin Bolong (Presiden, MEOMA) dalam prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025 memaklumkan bahawa terdapat tekanan kewangan yang dihadapi oleh industri akibat turun naik harga minyak sawit mentah (CPO) global yang kini mencecah paras RM4,500 per tan.

Beliau menjelaskan bahawa bagi produk minyak masak bukan subsidi (berbotol), pengilang terpaksa berhadapan dengan margin keuntungan negatif atau kerugian apabila harga CPO melepasi paras RM3,900, sedangkan harga jualan siling ditetapkan pada kadar RM30.90 bagi botol 5kg.

Situasi ini amat kritikal terutamanya bagi pembungkus kecil yang tidak mempunyai ladang sendiri (*standalone repackers*) kerana mereka perlu membeli minyak pada harga pasaran tinggi tetapi menjual pada harga kawalan yang rendah demi mengekalkan kelangsungan jenama di pasaran.

Selain itu, **Encik Andy Lee Yiew Meng (Setiausaha Eksekutif, The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)) dalam prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025** memaklumkan bahawa mekanisme sedia ada untuk melaraskan harga siling atau mengaktifkan insentif sokongan oleh KPDN adalah terlalu perlahan dan birokratik. Walaupun industri telah berulang kali membangkitkan isu harga CPO yang telah melepasi tahap ambang, proses kelulusan di peringkat kementerian dan kabinet mengambil masa yang lama sehingga menyebabkan pengilang terpaksa menanggung kerugian berterusan dalam tempoh yang panjang. Hal ini bukan sahaja menjejaskan aliran tunai syarikat pembungkus, malah turut menyumbang kepada gangguan bekalan di pasaran domestik sekiranya insentif pemulihan tidak diaktifkan segera.

> ***"Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA****]: ...dalam semenjak 10 tahun ini, MEOMA berperanan menjadi medium kepada industri dan KPDN di mana kita cuba mencari satu cara untuk mengawal ataupun memastikan bekalan minyak masak di negara ini stabil di mana MEOMA bertindak aktif sebagai medium apabila — contohnya, pada semasa sekarang, CPO berharga 4,500 di mana daripada perbincangan dengan KPK dan KPDN apabila CPO melebihi paras 3,900, saya bagi average dengan ceiling price yang diberi oleh KPDN RM30.90. Pengilang-pengilang menghadapi kerugian kerana harga CPO yang terlalu mahal. Maknanya, apabila kita memproses ataupun membungkus, kos kita lebih daripada apa yang boleh kita jual."*
>
> [Muka surat 2, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]
>
> ***"Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:*** *That means— mungkin saya tambah. Maksudnya macam syarikat besar, let's say like Sime Darby ataupun FGV kerana syarikat-syarikat ini dia ada plantation. So, dia masih boleh bila harga CPO itu naik dan dia juga keluarkan yang minyak berbotol ini dengan jenama sendiri, so they can still like survive kerana ada plantation itu dia boleh guna untuk itulah.*
>
> *Tapi bagi syarikat yang purely what do you call that, packed the bottle macam brand Helang kah, apa-apa kah, mereka ini syarikat ini tak ada plantation. So, mereka sebenarnya yang susah.*

…

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Betul, YB. Kalau…*

…

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]:*...Bermakna kalau the standalone refinery ini dapat subsidi, yang integrated pun patut dapat subsidi.*

...

"Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Kita untuk memastikan brand itu ada dekat pasaran, pengilang akan menanggung kerugian - Sebab kita dah ada brand kan. Sebab kita tak nak tiba-tiba brand itu hilang - Itu sebabnya fungsi MEOMA. Kita akan berbincang dengan KPDN insentif ini kena diaktifkan. Insentif apabila harga CPO...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Ditambahlah? Ditambah.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Ya, betul. Memberi subsidi kepada pembungkus supaya kita boleh survive."*

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]

"Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *...Sebab apa buat masa sekarang yang lima kilo di luar sana, harga siling dia RM30.90 satu botol lima kilo. Dan, harga ini harga siling yang ditetapkan oleh KPDN dengan threshold CPO pada RM3,890. Ini threshold.*

So, kalau memandangkan harga CPO sekarang hari ini mungkin dalam tahap 44..."

...

"Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *44. So, itu sepatutnya harga siling ini sudah perlu dinaikkan. So, mekanisme ini ada dengan KPDN tapi tidak diaktifkan. Tidak diaktifkan. Setiap kali kita perlu pergi berjumpa dengan KPDN, bincang dengan dia orang cakap itu threshold sudah melepasi threshold."*

…

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *…Dia mekanisme sekarang ialah KPDN — mekanisme yang sepatutnya ialah kita akan memantau bulan lepas. Macam sekarang bulan lapan, kita memantau harga purata CPO bulan tujuh. Kalau harga purata itu melebihi RM3,890 kita akan adjust untuk bulan Ogos punya ceiling price. Itu sepatutnya mekanisme yang industri setujui dengan KPDN. Tetapi, dukacitanya ini tidak dilaksanakan.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *That means the government didn't change the price?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *Ya. That is why every time kita harga threshold sudah melepasi, kita berhubung dengan KPDN. KPDN cakap dia kena bentang dalam Kabinet. So, dia pihak KPDN pun bercakap sebelum pergi Kabinet dia kena melepasi KPK, MOF, MOE. So, kita kena tunggu. So, tunggu — kita tengah tunggu."*

[Muka surat 40, Laporan Prosiding Bil. 6(d)/2025 bertarikh 25 Ogos 2025]

6.5.2. Isu Kartel dalam Rantaian Bekalan

Datuk Wira Ameer Ali Mydin (Pengarah Urusan, Mydin) dalam prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 27 Ogos 2025 memaklumkan bahawa pasaran barangan keperluan asas di Malaysia, termasuk minyak masak dan beras, masih dibelenggu oleh amalan kartel dan monopoli yang sukar dipecahkan. Beliau mendedahkan bahawa pembungkus minyak masak (*repackers*) sering kali terdiri daripada golongan "kroni" yang mendapat kuota daripada Kerajaan, manakala rantaian bekalan beras dikawal ketat melalui perjanjian monopoli import yang menjejaskan harga pasaran.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan memerlukan keberanian politik (*political will*) untuk memansuhkan kawalan harga yang tidak realistik dan menggalakkan persaingan terbuka demi menjamin kelestarian bekalan. Tanpa reformasi struktur ini, masalah ketirisan dan kekurangan stok barangan bersubsidi akan terus berulang walaupun pelbagai sistem penguatkuasaan diperkenalkan.

"Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okey, my next question is a lot of time, we know there's cartel in the supply chain. So, take example, just now you raised about possible cartel of the telur and all this. How does it work? Can you give us some of your insight, insight along this supply chain.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *YB, Malaysia is full of cartels. Everywhere is a cartel. Okey.*

…

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, unless the government through some GLCs, and we like to waste money on GLCs, can go and do something, only there are two parts. DOC and the feed. Which can be done. It's not that it cannot be done but someone needs the willpower and actually the government has to do it because to break the cartel. Otherwise, the cartel cannot be broken."*

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Quite very interested bila Datuk sebut fasal kartel itu. You talked about chicken punya itu, you are talking about DOC dengan feed punya isu. What about minyak masak? Where is the critical yang need to be addressed-lah?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *…The only thing about minyak masak is tirisan dan siapa yang packer semua — minta maaflah, untuk saya semua kronilah, kan? Okey, so that is the minyak masak.*

Beras, the problem with beras are also seriously very few players, very few players, okey, and then you have our good friend BERNAS there, Tan Sri, who makes billion of dollars, seriously. You know, I import basmati rice from India, every kilogram I have to pay him one dollar."

[Muka surat 25, Laporan Prosiding Bil. 6(g)/2025 bertarikh 26 Ogos 2025]

6.5.3. Peranan FGV

Encik Fakhrunniam Othman (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FGV) dalam prosidingfF Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025 memaklumkan bahawa FGV adalah berkedudukan strategik sebagai sebuah syarikat perladangan negara yang memainkan peranan kritikal dalam rantaian bekalan minyak masak bersubsidi negara. Beliau menjelaskan bahawa FGV, melalui anak syarikatnya Delima Oil Products Sdn. Bhd., merupakan pembekal utama bagi jenama Saji dan Seri Pelangi serta membekalkan kira-kira 10.6% daripada kuota minyak masak bersubsidi negara, iaitu sekitar 60,000 metrik tan sebulan.

"Encik Fakhrunniam Othman [FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)]: *FGV Holdings Berhad merupakan syarikat perladangan negara. Kami adalah anak syarikat FELDA – Federal Land Development Authority.*

...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *...Perniagaan FGV Holdings meliputi lima strim. Pertamanya, perladangan. Keduanya, oil and fat, minyak dan lemak. Ketiganya, logistik dan lain-lain. Keempatnya, gula di bawah MSM – Malaysia Sugar Manufacturing iaitu sebuah listed company dan yang kelimanya adalah consumer products. So, berkaitan dengan isu ataupun tajuk minyak masak bersubsidi, anak syarikat yang berkaitan adalah Delima Oil Products, dan Delima Oil Products adalah di bawah strim consumer product yang berkaitan dengan retail dan pasaranlah.*

...

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *...Jadi di sini saya ingin menekankan bahawa pihak FGV adalah syarikat yang bersedia untuk proses seterusnya sekiranya diperlukan untuk menambah kuantiti yang diperlukan untuk minyak subsidi untuk bekalan rakyat.*

Seterusnya mengenai laporan poin satu di mana kita ingin membincangkan apa yang telah dilaporkan oleh pihak Laporan Ketua Audit Negara. Di dalam muka surat 3 ke muka surat ke-12, kita setakat ini telah membekalkan hampir 10.6 peratus daripada jumlah minyak masak subsidi negara yang berjumlah daripada 60,000 metrik tan sebulan."

[Muka surat 2-4, Laporan Prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

6.5.4. Justifikasi Caj Tambahan dan Isu Penguasaan Syarikat Asing

Encik Shammim Azad Kamruzaman (Ketua Pegawai Eksekutif, FGV) dalam prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025 memaklumkan mengenai penemuan audit berkaitan caj tambahan yang dikenakan oleh kilang penapis kepada syarikat pembungkus (*repackers*) yang didakwa meningkatkan kos belian melebihi harga asas RM2,300 per metrik tan. Beliau memberikan justifikasi bahawa FGV mengenakan caj kawalan kualiti antara RM130 ke RM170 bertujuan menampung kos pemprosesan tambahan bagi menukar gred minyak daripada CP10 kepada CP8, selaras dengan spesifikasi mandatori yang ditetapkan oleh KPDN untuk program minyak masak bersubsidi.

Selain itu, beliau turut menyentuh isu penguasaan pasaran yang mana penemuan Audit mendedahkan hampir 67% bekalan minyak masak bersubsidi di peringkat penapisan dikuasai oleh syarikat asing daripada Singapura dan Jepun, manakala GLC tempatan seperti FGV dan SD Guthrie hanya membekalkan sekitar 10.6% sahaja. Beliau menyatakan kesediaan FGV untuk meningkatkan sumbangan mereka memandangkan kapasiti pengeluaran maksimum FGV adalah empat kali ganda lebih tinggi daripada kuota semasa yang diberikan.

"Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *...Penemuan audit menunjukkan kaitan ini merupakan telah meningkatkan kos belian syarikat pembungkus melebihi daripada harga asas RM2,300 per metrik tan yang telah ditetapkan di dalam SOP. Di sini kami ingin menekankan justifikasi yang telah ditemukan — adalah diberitahu di bawah ini caj tambahan yang dikenakan adalah di bawah caj kawalan kualiti di mana ia telah ditetapkan daripada Gred CP10 ke CP8.*

Maksud CP ini adalah Cloud Point ataupun gred minyak masak di mana minyak masak yang telah ditetapkan oleh KPDN adalah CP8. Tetapi yang telah ditetapkan dalam harga asal 2003 adalah untuk CP10. Jadi caj yang dikenakan adalah bergantung kepada beberapa faktor tapi daripada pihak FGV caj yang dikenakan adalah dalam lingkungan RM130 ke RM170."

[Muka surat 2-4, Laporan Prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

"Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *...Di sini ditekankan bahawa penemuan Ketua Audit Negara lebih kurang hampir 67 peratus daripada jumlah bekalan 60,000 yang diberikan adalah kepada syarikat asing. Ini termasuk syarikat yang dikuasai oleh yang berinduk di Singapura dan juga di Jepun.*

Cuma dua syarikat GLC terutamanya syarikat FGV dan juga Syarikat SD Guthrie ya kita dibekalkan minyak sawit berjumlah 6,154 sebulan ataupun bersamaan hanya 10.6 peratus daripada jumlah monthly subsidi yang diberikan.

...

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Seperti yang telah dimaklumkan tadi bahawa kapasiti pengeluaran FGV buat masa sekarang kita boleh mencapai sehingga 23,000 berbanding dengan 6,000 metrik tan yang kita terima secara purata setiap bulan…"*

[Muka surat 5, Laporan Prosiding Bil. 6(i)/2025 bertarikh 14 Oktober 2025]

Pecahan data agihan adalah seperti **Rajah 4** berikut:

RAJAH 4

LAPORAN KAN 2/2025
4.0 PENGUASAAN PASARAN OLEH SYARIKAT ASING

4.3 DATA AGIHAN SUBSIDI MENGIKUT SYARIKAT

SENARAI KILANG PENAPIS YANG MENJADI PANEL PEMBEKAL MINYAK MASAK SAWIT BERSUBSIDI

BIL.	KTEGORI	NO. SSM KILANG PENAPIS	NEGERI	SYARIKAT INDUK TEMPATAN	NEGARA ASAL PEMEGANG SAHAM MAJORITI	KUOTA (MT/BULAN)			JUMLAH BEKALAN	
						SYARIKAT PEMBUNGKUS	KILANG PENAPIS	JUMLAH	MT	%
1	MNC - Singapura	14202-V	P.Pinang	XXXX SDN. BHD.	Singapura	5,253	-	5,253	29,231	50
2		28300-A	P.Pinang			3,670	-	3,670		
3		1313149-D	Selangor			5,221	-	5,221		
4		188264-X	Sarawak			4,717	500	5,217		
5		1034263-K	Pahang			3,680	-	3,680		
6		156983-K	Sabah			3,567	300	3,867		
7		14202-V	Johor			753	800	1,553		
8		14202-V	Perak			770	-	770		
9		76965-H	Selangor	XXXX SDN. BHD.	Singapura	8,143	-	8,143	8,921	15
10		213028-M	Johor	XXXX SDN. BHD.		778	-	778		
11	MNC - Jepun	62068-U	Selangor	XXXX SDN. BHD.	Jepun	1,291	-	1,291	1,291	2
12	GLC	23120-H	Pahang	FGV HOLDINGS BERHAD (800165-P)	Malaysia	2,625	-	2,625	6,154	11
13		23120-H	Johor			1,483	1,250	2,733		
14		23120-H	Sabah			546	250	796		
15		1427735-A	Selangor	XXXX BERHAD	Malaysia	-	GANTUNG	-		
16	Tempatan	1840-V	Selangor	XXXX SDN. BHD.	Malaysia	6,262	-	6,262	12,674	22
17		954412-H	Johor	XXXX SDN. BHD.	Malaysia	2,310	-	2,310		
18		332650-P	Perak	XXXX BERHAD	Malaysia	1,782	-	1,782		
19		57450-X	Sabah	XXXX BERHAD	Malaysia	820	250	1,070		
20		569738-H	Johor	XXXX SDN. BHD.	Malaysia	-	500	500		
21		538248-X	Sarawak	XXXX SDN. BHD.	Malaysia	400	-	400		
22		13160-W	Sarawak	XXXX SDN. BHD.	Malaysia	-	350	350		
23		8157-D	Johor	XXXX BERHAD	Malaysia	-	-	-		
JUMLAH						54,071	4,200	58,271	58,271	100

[Sumber: Slaid pembentangan FGV bertarikh 14 Oktober 2025]

6.6. Pensijilan Halal

Pensijilan halal merangkumi kawalan operasi, prosedur teknikal, dan pematuhan dokumentasi oleh pihak syarikat pembungkus. Penilaian memfokuskan kepada aspek birokrasi, pematuhan, garis masa, dan cabaran penguatkuasaan yang dihadapi oleh syarikat pembungkus minyak masak.

6.6.1. Status Pensijilan Halal Syarikat Pembungkus

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari (Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa berdasarkan data sistem, terdapat 439 syarikat berkaitan minyak masak yang telah dipersijilkan, merangkumi 99 kategori dagangan dan 340 kategori pengeluaran.

Manakala, **Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim (Timbalan Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara (JAN)) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025** menjelaskan bahawa bagi isu sembilan (9) syarikat yang dibangkitkan oleh Audit, tujuh (7) daripada syarikat tersebut kini telah mempunyai sijil halal. Semakan audit mendapati baki dua (2) syarikat masih belum memiliki sijil, yang mana sebuah syarikat di Kelantan sedang dalam proses permohonan manakala sebuah lagi di Johor masih belum mempunyai status sah. Pihak Audit turut mendedahkan bahawa ada syarikat yang pernah memohon pada 2010 dan 2017 namun tidak meneruskan pembaharuan sehingga isu ini dibangkitkan semula.

> ***"Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:*** *Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya JAKIM. Daripada pengalaman JAKIM kan berapa permohonan untuk minyak masak yang daripada terpakai. Minyak terpakai yang diberi packaging dah diproses untuk dijual semula. Itu pertama dulu. Ada tak?*
>
> ***Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]:*** *Berkait dengan minyak terpakai ini kita setakat ini kita tak certified kan kerana di sana memerlukan penelitian dari segi hukum sebagai penggunaan minyak itu diambil dekat mana, kita perlu jelas. Kita tak certified setakat ini minyak-minyak masak yang terpakai ini. Sebab kecuali untuk biomass punya penggunaan untuk kenderaan dan sebagainya yang itu tak ada keperluan untuk pensijilan. Tapi kalau untuk digunakan semula kita tak certified kan dia kerana sumber minyak masak itu dia pelbagai. Jadi yang itu memerlukan pandangan hukum Jawatankuasa melalui muzakarah dulu sebelum apa-apa tindakan berkaitan dengan pensijilan.*
>
> ***Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:*** *Jadi, maknanya minyak yang packaging yang bersubsidi sekarang ini yang dikatakan tak ada lagi pensijilan halal kan*

sebab tak ada permohonan kah apa? Yang ada sekarang yang botol-botol yang biasa-biasa yang komersial itu kan yang bersubsidi. Maknanya untuk B40 ini. Ada ke tak?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *Sekejap ya, saya rujuk kejap.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Ada tak?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *Ada yang ada. Saya ingat ada yang ada, ada yang tak ada.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Dia tak menyeluruh.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *Kalau data yang ada dalam sistem kita, dia ada sebanyak 439 syarikat yang berkaitan dengan minyak masak yang kita dah persijilkan.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Itu menyeluruh. Bukan yang packaging kecil-kecil yang saya maksudkan ini? Ini untuk yang besar, untuk sendiri, persendirian itu.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *Maklumat ini saya kena semak kalau nak detail yang company itu. Tapi daripada 439 ini, 99 ini kategori dagangan dan 340 adalah kategori pengeluaran. Pengeluaran meaning kilang, yang lain itu untuk jualan — 99 itu."*

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

"Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: *Saya Hely daripada Jabatan Audit Negara. Izinkan saya memberikan sedikit pencerahan lah, YB.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okey.*

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: *Untuk isu halal ini sebenarnya mengikut SOP KPDN, tempoh enam bulan itu adalah enam bulan setelah beroperasi di mana syarikat pembungkus perlu mengemukakan sijil halal kepada KPDN lah.*

Hasil semakan audit terhadap sampel 72 itu kita dapati sembilan syarikat pembungkus tiada sijil halal di mana setelah semakan semula baru-baru ini pihak audit mendapati daripada sembilan itu tujuh telah ada sijil halal yang mana mengikut sijil itu permohonan terdahulu itu adalah ada yang memang permohonan baru, maksudnya memang tiada sijil halal sebelum ini. Ada juga permohonan yang last permohonan adalah pada tahun 2010, 2017. Maksudnya pernah mengemukakan permohonan tapi saya tidak pasti, mungkin tidak proceed dengan tidak luluskan atau apa then memang sembilan itu baru mohonlah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Maksudnya enam bulan yang KPDN itu telah beroperasi.*

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: *Setelah beroperasi. Betul.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Maksudnya dia tidak mengemukakan apa-apa.*

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: *Bukan enam bulan perlu mengemukakan sijil setiap tahun itu, bukan.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Habis yang tadi yang enam bulan itu memang di JAKIM itu memang betul ada ya?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Itu untuk renew, untuk dia renew.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Renew ya.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Untuk renew. Tapi saya rasa YB, untuk tempoh tiga bulan di peringkat JAKIM itu kalau KPDN syaratkan enam bulan meaning that dia ada time yang untuk dia mohonlah dan kita boleh bagi kelulusanlah kalau daripada awal dia dah dapat itu, dia ada masa untuk mohon dan boleh dapat kelulusanlah kalau dia mempunyai persiapan yang cukuplah."*

[Muka surat 31-32, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.6.2. Tempoh Proses dan KPI Pensijilan Halal

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari (Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa JAKIM menetapkan KPI selama 30 hari bagi pengurusan proses pensijilan halal, bermula dari tarikh bayaran fi sehingga keputusan mesyuarat panel. Proses ini merangkumi semakan dokumen, audit kecukupan, penilaian ramuan, audit lapangan, dan penyediaan laporan syor. Walau bagaimanapun, melalui inisiatif *whitelist* bagi syarikat yang mempunyai rekod pengauditan cemerlang dan tiada rekod ketidakpatuhan (NCR), proses kelulusan boleh dipercepatkan kepada 14 hari melalui mekanisme *fast-track*.

Berdasarkan Maklumat Tambahan JAKIM, peratusan pencapaian permohonan selesai dalam tempoh 30 hari bagi 2025 adalah sebanyak 86.53%. Statistik menunjukkan bahawa daripada 6,133 permohonan yang diselesaikan antara Januari hingga Disember 2025 (yang mana perincian data fizikal adalah sehingga Julai 2025), sebanyak 5,307 permohonan berjaya diputuskan dalam tempoh KPI yang ditetapkan. Kelewatan yang berlaku melebihi 30 hari biasanya berpunca daripada faktor teknikal sistem, keperluan

pandangan hukum terhadap produk tertentu, atau kegagalan industri mengemukakan keputusan analisis makmal dengan segera.

"Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Ustaz, ya lah, boleh tak nanti — saya yakin dan percaya dalam simpanan Ustaz ada. Apa nama ini, dia punya flowchart tersebut.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Awal permohonan, serah dokumen, penilaian ramuan, proses audit, laporan auditan, panel persijilan, dia sebenarnya — berapa lama proses itu sebenarnya? Dia punya SOP ataupun KPI.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Berdasarkan KPI kita sekarang adalah 30 hari daripada tarikh dia buat bayaran, tarikh permohonan sampailah kepada tarikh akhir untuk kita keluarkan keputusan itu adalah 30 hari.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *30 hari daripada fi auditankah ataupun...*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Daripada permohonan dia.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Permohonan bila — permohonan akan bayar?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Permohonan — ya. Permohonan itu, dia bila kita semak, kemudian kita akan keluarkan caj. Surat caj dan dia lepas bayaran itu akan bermula proseslah. Sebab dia Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita 30 hari itu adalah masa yang kita ambil di peringkat pengurusan, bukan di peringkat industri. Sebab dia akan ada two way proses pengauditan.*

Macam contohnya — Yang Berhormat ya. Bila kita menerima permohonan dan kita membuat pengauditan. Kemudian, bila pergi — bila pengauditan di lapangan dilakukan, di mana ada perkara-perkara yang tidak kita keluarkan non-compliant, ketidakpatuhan dia. Jadi, dari situ, kita bagi masa lima hari kepada syarikat untuk buat penambahbaikan dan sebagainya.

Dan ada kalanya, mereka ambil masa yang lebih. So, di peringkat masa mereka itu, kita tak, tak boleh nak calculate lah. So, kita akan tolak masa di peringkat industri. Kita ambil masa untuk kita uruskan sahaja dalam tempoh 30 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okey. Daripada tempoh tersebut — yang ini sebenarnya proses ini adalah terpakai kepada sebarang apa nama ini — makanan ataupun permohonan untuk sijil halal. Betul? Maknanya, untuk minyak masak.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Ya, betul, betul. Termasuk.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Betul? Okey standard prosedur.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Standard prosedur.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Standard prosedur. Okey, misal kata semua daripada tarikh permohonan, semua berjalan baik dan lancar, berapakah waktu yang paling cepat untuk dikeluarkan sijil halal tersebut?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Secaranya umumnya, ada di peringkat pengurusan kita. Ada kategori syarikat yang kita masukkan dia di bawah whitelist. Di bawah whitelist ini maknanya syarikat yang kita certified-kan dia dan dia telah — ini untuk — especially untuk pembaharuan ya Yang Berhormat ya. So, kalau dia masuk di bawah kategori whitelist, kita boleh proses dia di bawah 14 hari.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Senarai putih (whitelist)?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Whitelist. So, whitelist ini dia ada rekod yang baik dari segi pengauditan, tidak ada NCR sewaktu kita turun buat pemantauan dan sebagainya, dan kita akan masukkan dia di bawah senarai whitelist. Dan kita akan maklum kepada syarikat, dia macam satu apa — penghargaan untuk syarikat itu sendiri. So, dia akan lebih cepat prosesnya berbanding dengan yang biasa.*

Kalau permohonan baru ini, kita turun untuk pengauditan ataupun sebahagiannya kita untuk macam premis berangkai contohnya, yang di bawah JAKIM. Dia berangkai dia banyak kan? So, kita randomly, kita buat — sebahagian kita gunakan juga remote audit untuk premis-premis yang sedemikian.

So, within 14 hari ataupun untuk yang fast — untuk — sorry. Untuk whitelist tadi, 14 hari dan yang lain itu bergantung kepada masa yang pihak industri boleh, boleh sediakanlah."

[Muka surat 3-5, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

"Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Okey YB, kalau dari segi tempoh yang saya sebut 30 hari itu untuk permohonan ini. Secara perinciannya, kalau secara keseluruhannya permohonan semakan dokumen, satu hari. Untuk audit kecukupan dan penilaian ramuan, kita pergi antara tiga ke 14 hari untuk kita buat proses."*

[Muka surat 18, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.6.3. Syarat Beroperasi Tiga (3) Bulan sebelum Permohonan Sijil Halal

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari (Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa Standard Prosedur Operasi (SOP) JAKIM melalui Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia menetapkan bahawa setiap pemohon baharu perlu beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum layak memohon. Rasional di sebalik syarat ini adalah untuk membolehkan juruaudit melakukan semakan terhadap dokumen rantaian bekalan, rekod pembelian bahan mentah, pengurusan stor, dan proses pembungkusan yang sebenar di premis.

Syarat ini bagaimanapun tidak terpakai kepada pengilang sedia ada yang ingin memohon pembaharuan atau penambahan produk baru, yang mana mereka boleh terus memohon dan mendapat kelulusan dalam tempoh 30 hari sekiranya semua kriteria dipenuhi.

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Okey, soalan. Berbalik kepada pasal minyak masak ini, kita semalam ada sesi dengan KSU kementerian dan sebagainya. Dari segi minyak masak ini pensijilan halal itu datang dalam dua peringkat. Satu pengilangan, satu pembungkusan. Pengilangan itu rasa saya tidak— bukan setiap hari ada pengilang baru lah. Pengilang itu is a repeat punya client kepada JAKIM untuk pengeluaran sijil halal itu. Itu satu bab.*

Lagi satu bab dari segi pembungkusan. Pembungkusan, kita dimaklumkan pembungkusan ini, pengeluaran sijil halal untuk pembungkusan ini mereka perlu siapkan semua dulu baru boleh buat permohonan pensijilan halal. Pada pandangan saya lah, kalau pengilangan itu boleh juga lah maknanya kita tak ada barang yang kilang ini. Dari segi pembungkusan itu apa rasional dia, apa sebab dia sehinggakan pembungkusan itu kena semua siap dulu baru mereka boleh apply. Walhal pada saya kalau pembungkusan itu lebih kepada mechanics ataupun machine-machine yang nak bungkus sahaja because barang yang halal tak halal itu datang daripada kilang. Jadi kenapa, apakah rasional dia?

Adakah kemungkinan proses pengeluaran pensijilan itu untuk pembungkusan yang melibatkan banyak machine sahaja boleh dibuat sebelum mereka beroperasi? Kerana kita difahamkan semalam mereka dah siap semua itu lepas itu baru nak apply. Jadi, dia memerlukan kata sampai enam bulan. Jadi, itu yang

difahamkan semalam lah. Jadi, nak dapatkan penjelasan lah. Terima kasih.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam manual persijilan halal kita menetapkan untuk semua permohonan syarikat perlu beroperasi tiga bulan sebab bila kita– –rasionalnya bila kita nak buat pengauditan, kita nak tengok dokumen-dokumen dia berkaitan. So, kalau dia baru start beroperasi, kita tak ada dokumen apa untuk kita buat semakan. That's why overall, secara keseluruhannya kita menetapkan syarikat kena beroperasi tiga bulan then baru kita akan —- untuk membolehkan kita membuat pengauditan.*

Contohnya kalau, contoh premis makanan. Kita ada sembilan skim sekarang ini di bawah persijilan halal. Jadi kita nak tengok dia supplier dia di mana, apa dia punya pembekal dia macam mana, semua itu kita nak dia beroperasi dulu. Sebab itu ada sesetengah saya boleh sebut Pengerusi ya, contohnya kalau kita macam syarikat bila dia —- ini syarikat, luar sikit. Syarikat kalau dia masuk tender ada syarikat contoh especially macam kantin, kan? Kalau kita mensyaratkan dia perlu ada sijil halal dulu bermakna dia dah ada katering dan dia kena certified dia punya katering itu baru dia boleh masuk tender. Tapi kalau kita mensyaratkan dia, kita boleh terima contohnya syarikat itu dia masuk sedangkan dia menggunakan premis itu untuk memasak, dia kena beroperasi dulu tiga bulan baru kita certified dia sebab kita akan tengok everything, dokumen apa semua.

So, sama juga permohonan produk ini maknanya dia kena beroperasi, kita syaratkan dia beroperasi tiga bulan untuk bila kita menjalankan pengauditan kita boleh semak semua dokumen-dokumen dia yang ada dan selain kita akan tengok macam mana tempat operasinya lah macam mana dari segi dia punya storage dia, macam mana packaging dia dan sebagainya, perkara-perkara yang demikian lah. Sebab itu kita dalam manual persijilan halal itu menetapkan tiga bulan untuk dia beroperasi. Terima kasih."

...

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Jadi kalau —- sebelum. Maknanya– –soalan lanjutan, maknanya dalam SOP sekarang ini tiga bulan beroperasi, dia buat permohonan. Maknanya paling cepat empat bulan lah. Maknanya tiga bulan beroperasi, sebulan permohonan yang disebutkan tadi lah. Jadi dalam masa empat bulan mereka boleh dapat kecuali mereka ada nine compliances yang berbagai-bagai. Terima kasih.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *YB, saya nak tambah sikit berkaitan tempoh yang tiga bulan dan empat bulan tadi itu. Kalau dia adalah permohonan yang dah sedia ada memproses, tempoh tiga bulan itu dia dah maksudnya kita nak dia bukannya kilang baru nak bina supaya ada mesinnya yang boleh diaudit. Ada bahan mentahnya yang boleh kita tengok. Itu sebab kita meletakkan syarat-syarat begitu. Dari segi peraturan undang-undang dia perlu ada lesen PBT yang mengambil masa. Biasanya untuk dia dapat lesen dia kena ada building dulu dan ada tempoh dia.*

Sebenarnya, tempoh tiga bulan itu adalah lebih pendek daripada tempoh yang dia boleh mendapat lesen-lesen yang berkaitan. Tapi sekiranya pengusaha pengilang itu telah beroperasi — sedia ada beroperasi, keperluan tiga bulan itu tak ada. Dia boleh terus memohon dan boleh mendapat pensijilan dalam tempoh 30 hari."

...

***"Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]:** Kalau dari segi permohonan kalau ditolak biasanya dia ada dokumentasi-dokumentasi yang perlu dikemukakan. Macam contoh dia perlu dari segi maklumat SSM, lesen PBT, pekerja dia dan sebagainya. Bila mana dia buat permohonan dokumen-dokumen ini tak dikemukakan. Ada yang tak lengkap, jadi kita akan menolak lah permohonan sebab benda itu tak boleh untuk dilakukan proses selanjutnya tapi kita terpaksa tolak. Tapi dia boleh memohon semula."*

[Muka surat 10-13, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.6.4. Isu Penggunaan Logo Halal Palsu dan Penguatkuasaan

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari (Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan terhadap pemalsuan logo halal dilakukan secara bersepadu bersama pihak KPDN. Beliau menjelaskan bahawa bagi syarikat yang bukan pemegang sijil tetapi menyalahgunakan logo, tindakan diambil berdasarkan aduan yang diterima dan dipanjangkan kepada KPDN kerana agensi tersebut mempunyai autoriti yang lebih luas untuk memasuki premis. Bidang kuasa JAKIM dalam kerjasama ini tertumpu kepada aspek teknikal halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Selain penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan logo, beliau turut menyatakan bahawa JAKIM menjalankan pemantauan secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sah pensijilan ke atas syarikat yang memegang sijil halal yang aktif. Sekiranya pemantauan tersebut menemui ketidakakuran besar (*Major NCR*), terutamanya pelanggaran dari sudut syariah seperti penggunaan ramuan haram atau kemasukan bahan tidak halal yang dibuktikan melalui invois atau pemeriksaan lapangan, JAKIM mempunyai kuasa untuk menarik balik sijil pengesahan halal syarikat tersebut secara serta-merta. Bagi kesalahan kecil, sijil mungkin digantung sehingga tindakan pembetulan diambil oleh pihak syarikat.

***"Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Sambung kepada isu penemuan tadi 12.5 peratus yang tidak ada sijil halal tetapi dijumpa juga yang penggunaan logo halal yang secara palsu. Jadi persoalannya bagaimanakah JAKIM akan membendung isu ini daripada*

disalahgunakan? Terima kasih.

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *Untuk tindakan penguatkuasaan ini kita akan laksanakan bersama dengan KPDN. Biasanya oleh kerana kita JAKIM ini kita laksanakan pemantauan kepada pensijilan yang pemegang sijil sahaja. Untuk yang bukan pemegang sijil ini biasanya sama ada aduan disampaikan kepada pihak JAKIM ataupun dipanjangkan kepada KPDN. Kita akan buat tindakan penguatkuasaan sebab bidang kuasa itu antara KPDN dan juga JAKIM.*

So, bergantung kepada aduan yang disampaikan dan kita akan ambil tindakan terhadap aduan-aduan berkaitan dengan pemalsuan dan sebagainya."

[Muka surat 39, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

6.6.5. Cabaran Utama Pensijilan Halal Syarikat Pembungkus

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari (Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM) dalam Prosiding Bil.6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025 memaklumkan bahawa terdapat beberapa cabaran utama yang menyebabkan syarikat pembungkus minyak masak tidak memiliki atau mengekalkan sijil halal:

a. Dasar Sukarela

Secara dasarnya, pensijilan halal di Malaysia adalah bersifat sukarela dan JAKIM tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang mereka untuk mewajibkan mana-mana pihak mendapatkan sijil tersebut. Pengusaha biasanya hanya akan memohon sekiranya diwajibkan melalui perundangan atau syarat agensi lain, seperti syarat kontrak pembekalan minyak bersubsidi oleh KPDN atau undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b. Isu Kebersihan dan Kos

Syarikat pembungkus berskala kecil sering merasa terbeban dengan syarat-syarat teknikal pensijilan yang merangkumi aspek kebersihan (*hygiene*) dan kawalan makhluk perosak (*pest control*). Pengusaha beranggapan bahawa pematuhan kepada standard ini akan meningkatkan kos operasi kerana perlu melantik kontraktor kawalan serangga dan menguruskan dokumentasi yang lebih rapi.

c. Verifikasi Ramuan

Melalui penjelasan pegawai teknikal JAKIM dalam prosiding tersebut, cabaran besar bagi industri adalah pembuktian status halal bagi bahan

ramuan campuran (*additive*) yang digunakan dalam formulasi produk, seperti pengayaan vitamin. Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan yang sah atau ketiadaan sijil halal daripada pembekal ramuan asal menyebabkan bahan tersebut dikategorikan sebagai kritikal dan menyukarkan proses verifikasi oleh pihak berkuasa. Selain itu, amalan pengusaha kecil yang membeli bahan mentah tanpa rekod kebolehkesanan (*traceability*) yang jelas sering menjadi punca utama permohonan mereka gagal diproses.

"Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okey, pada pandangan ustaz ya, mengapakah masih lagi terdapat pembungkus minyak subsidi yang tidak memiliki sijil halal? Maksudnya dia buat sahaja tapi dia tidak ada usaha pun untuk mendapatkan sijil halal. Pernah tak berhadapan dengan kes-kes seperti ini?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Secara umumnya pandangan, saya boleh katakan bahawa mungkin dalam konteks kita di Malaysia ini walaupun dia tidak ada sijil halal, tapi produk dia orang beli juga, maknanya itu sahaja isu dia dan dia boleh dijual di pasaran dalam keadaan walaupun dia tidak ada sijil halal. Minyak, orang anggap minyak ini seolah-olah tidak ada bahan kritikal. Minyak daripada pokok kelapa sawit dan sebagainya so dia boleh jual dan orang beli tanpa rasa perlu kepada penandaan halal itu sendiri. Itu di antaranyalah.*

Yang kedua, soal mereka tidak mohon sijil ini pertama kita kadang-kadang berdasarkan apa yang maklumat yang saya dapat ada kilang yang agak kecillah. Bila dia jalankan penapisan, repackaging itu pekerja dia tidak banyak, dia tidak perlu pekerja yang banyak. Beberapa orang sahaja dah cukup. Jadi, ada driver lori bawa cukup, lepas itu yang isi jaga mesin apa semua isi dia dan tiga, empat orang mungkin dalam jumlah yang kecil dah cukup.

So, tetapi keperluan-keperluan persijilan halal ini termasuk soal kebersihan dia dan sebagainya yang itu bila kita tengok dalam persijilan halal bukan hanya soal ingredient dia sahaja tapi soal hygiene dia, soal pematuhan kepada peraturan dan sebagainya yang itu mungkin dia akan rasa agak susah sikitlah untuk dia. Dia rasa mungkin dia memerlukan tenaga yang lebih ramai, kena gaji pekerja dan sebagainya. Kalau kontrak serangga dan sebagainya, kawalan makhluk perosak dia kena ada supaya kita pastikan keselamatan dan sebagainya. Mungkin itu di antara perkara yang syarikat rasa kalau nak minta sijil halal ini dia kata nanti kos dia nanti akan jadi banyak dan sebagainya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Pengerusi, nak tanya tentang pengalaman JAKIM mengenai minyak ini. Apakah pendapat, apakah yang pernah ditemui oleh pihak JAKIM bila memproseskan sijil halal ini daripada segi menyebabkan mereka ini tidak layak mendapat sijil halal daripada segi kehalalannya, yang kebersihan satu hal tadi. Daripada segi kehalalannya apakah dia isu-isu utama yang ditemui oleh pihak JAKIM?*

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: *Okey, selain daripada isu kebersihan dan ketersediaan premis, kebanyakan dalam permohonan halal ini yang menjadi masalah kepada industri adalah dari segi penentuan status halal bahan ramuan yang digunakanlah. Sebab bila kita nak buat pengesahan halal, perakuan halal semua bahan mentah yang digunakan itu perlu ada dokumentasinya, perlu ada sijil halal. Kalau tidak ada sijil halal, dia ada dokumen-dokumen yang lain yang perlu dia beri pembuktian. Dari segi itu biasanya yang menyebabkan pemohon-pemohon ini tidak dapat nak memberi pembuktian terhadap bahan-bahan yang digunakanlah.*

Terutamanya bagi industri kecil, kadang-kadang dia beli di kedai-kedai runcit, pasar raya dia beli itu tak ada traceability, tidak ada bukti dari segi sijil halal itu yang menyebabkan untuk memenuhi keperluan pihak berkuasa untuk buat verifikasi bahan itu halal kebanyakannya selain dari kebersihan itu adalah dari segi ingredients yang digunakanlah. Ada kalanya industri dia akan berlaku pertukaran bahan mentah. Dia tukar ingredient dari A kepada B kepada C. Itu yang menjadi masalah jugalah. Kebanyakan permohonan halal ini tidak dapat diberi status halal sebab dari segi pihak berkuasa kita perlu pastikan kawalan kepada bahan mentah ingredient-ingredient itu adalah selari macam mana yang dimaklumkan kepada kitalah."

[Muka surat 32-34, Laporan Prosiding Bil. 6(b)/2025 bertarikh 6 Ogos 2025]

RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhannya, PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara seperti berikut:

7.1. Penetapan kuota Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) adalah sebanyak 60,000 metrik tan sebulan, manakala keperluan domestik sebenar rakyat Malaysia dianggarkan sekitar 19,000 ke 30,000 metrik tan sebulan.

7.2. Ketiadaan mekanisme pengagihan bersasar menyebabkan dana subsidi Kerajaan (RM10.879 bilion bagi tempoh 2019-Februari 2025) tidak sampai sepenuhnya kepada golongan sasar. Minyak masak paket 1kg sering disalahgunakan oleh pihak yang tidak layak, termasuk warga asing dan pengusaha sektor komersial.

7.3. Didapati masih terdapat dua (2) syarikat pembungkus yang masih tidak memiliki sijil halal daripada keseluruhan sembilan (9) syarikat pembungkus yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana JAKIM telah menambahbaik proses pensijilan halal.

7.4. KPDN telah membangunkan sistem eCOSS sejak 2023 bagi memantau rantaian bekalan minyak masak bersubsidi dari peringkat kilang penapisan hingga ke peruncit. Sistem ini membolehkan semakan silang (*cross-check*) dilakukan terhadap kuantiti bekalan di setiap peringkat rantaian pengedaran.

7.5. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan serius dalam pengurusan stok minyak masak rosak kerana tiada SOP khusus untuk menguruskan minyak masak rosak di peringkat syarikat pembungkus, yang menyebabkan kerajaan masih menanggung subsidi ke atas stok rosak yang tidak akan sampai kepada pengguna.

7.6. Pemantauan yang kurang berkesan di peringkat peruncit telah mengakibatkan berlakunya amalan jualan bersyarat, penyorokan stok, dan jualan melebihi harga kawalan RM2.50 semakin berleluasa di pasaran.

7.7. Penguasaan pasaran minyak masak bersubsidi di peringkat penapisan didapati tidak seimbang di mana 67% kuota dikuasai oleh syarikat asing, manakala penglibatan GLC tempatan seperti FGV dan SD Guthrie hanya sebanyak 10.6%, manakala selebihnya oleh syarikat tempatan.

7.8. Margin keuntungan bagi pembungkus (*repacker*) yang menerima subsidi RM600 per metrik tan dilihat terlalu tinggi berbanding kos pemprosesan

sebenar yang jauh lebih rendah, sekali gus meningkatkan beban subsidi Kerajaan tanpa justifikasi kos operasi yang munasabah.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

8.1. KPDN perlu melakukan semakan semula terhadap keseluruhan rantaian bekalan minyak masak, dan mengurangkan kuota 60,000 metrik tan sebulan agar selari dengan keperluan domestik sebenar bagi mengelakkan ketirisan dan pembaziran dana awam.

8.2. KPDN hendaklah menyemak semula kadar subsidi RM600 per metrik tan kepada syarikat pembungkus agar lebih munasabah dan kompetitif selaras dengan kos operasi semasa bagi menjimatkan dana awam.

8.3. KPDN perlu membuat penetapan bahawa pembayaran subsidi kepada syarikat pembungkus hanya dibuat ke atas stok minyak masak yang tidak rosak bagi mengurangkan pembayaran subsidi berlebihan yang tidak perlu.

8.4. Kerajaan hendaklah mempercepat peralihan daripada subsidi pukal kepada subsidi bersasar secara digital sepenuhnya melalui sistem eCOSS bagi memastikan bantuan hanya dinikmati oleh warganegara yang layak dan mengelakkan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

8.5. KPDN perlu mengkaji kewajaran pengapungan harga minyak masak di pasaran secara terbuka, mengambil contoh daripada kejayaan model pengapungan harga ayam dan telur, bagi menjamin kestabilan bekalan, mengurangkan perbelanjaan subsidi serta merangsang persaingan harga yang sihat di peringkat peruncitan.

8.6. Kerajaan perlu mengkaji kemungkinan agihan semula kuota penapisan minyak masak dengan memberikan keutamaan kepada syarikat tempatan yang berdaya saing bagi mengurangkan dominasi syarikat asing.

8.7. KPDN dan KDN perlu memantapkan lagi koordinasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi lain dalam pengawalan sempadan di samping meningkatkan penggunaan teknologi seperti AI, dron, dan pemasangan CCTV di kawasan hotspot sempadan serta stor-stor transit penyeludupan termasuk perobohan pangkalan haram.

8.8. KPDN perlu memperkukuh pemantauan pematuhan secara berkala di setiap peringkat rantaian bekalan termasuk syarikat pembungkus dan mengenakan tindakan tegas bagi sebarang ketidakakuran syarat pemegang kuota.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

GAMBAR PROSIDING

Y.B. DATUK WIRA HAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN
PENGERUSI

PARLIMEN
MALAYSIA

Y.B. DATO' WIRA DR. HJ ABD RAHMAN
BIN HJ ISMAIL

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

PARLIMEN
MALAYSIA

LAPORAN PENYATA RASMI (HANSARD)

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 5 Ogos 2025

Bil 6(a) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar,
Ketua Setiausaha

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 5 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Mohd Sukri Bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah Binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi Bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]
Encik Johan Ariff bin Salim Khan [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

(samb/-)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Farah Salma binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah (Pejabat Belanjawan Negara)]
Puan Fatimah Saedah binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Wang Awam 3 (Bahagian Pengurusan Aset Awam)]
Puan Nur Athirah binti Ngah [Penolong Pengarah Belanjawan Negara (Pejabat Belanjawan Negara)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Intra Agensi (Bahagian Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Siasatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)
Puan Norbaizura binti Nasuron [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Puan Rozalinawati binti Che Roslee [Timbalan Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]
Puan Fairina binti Jantan [Ketua Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]
Puan Sheela A/P Inthiram [Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit]
Encik Yaseer Othman [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Prestasi)]

HADIR BERSAMA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [Ketua Setiausaha]
YBhg. Dato’ Dr. Stanley Tan [Pengarah Kanan (Sektor Barang Kawalan dan Subsidi)]
Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Subsidi dan Bekalan)]
Cik Maryam binti Muhamad Yusni [Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Subsidi dan Bekalan)]
Puan Siti Fasihah binti Ahmad Supian [Akauntan (Bahagian Subsidi dan Bekalan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

SELASA, 05 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.00 tengah hari.

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas; ahli-ahli ex officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan juga Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam Mesyuarat pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat Mesyuarat sekalian, Prosiding Pengurusan Kawalan Harga dan juga Subsidi Minyak Masak hari ini adalah bertujuan bagi mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan juga Kos Sara Hidup mengenai isu-isu yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 Aktiviti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman semua Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara telah pun memberikan taklimat kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini pada 24 Julai yang lepas. Jadi berdasarkan laporan tersebut, Jawatankuasa mendapati bahawa dasar sedia ada tidak menetapkan agihan minyak masak kepada golongan sasaran. Tiada tatacara mengenai pengurusan minyak masak rosak. Jualan melebihi had tiga paket per transaksi. Sampel syarikat pembungkus tidak memiliki pensijilan halal. Harga jualan melebihi harga kawalan dan juga tiada penetapan harga jualan di setiap rantaian bekalan minyak masak bersubsidi.

Sehubungan dengan itu PAC berpandangan adalah penting untuk PAC mendengar penjelasan daripada saksi yang hadir pada hari ini berhubung dengan pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak terutama sekali dalam

mengenal pasti isu-isu berbangkit serta strategi dan juga bagaimana untuk mengatasi isu tersebut.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada hari ini Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha; Yang Berbahagia Dato' Dr. Stanley Tan, Pengarah Kanan Sektor (Barang Kawalan dan Subsidi); dan Encik Norzam Adhar Mohd Nor, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Subsidi dan Bekalan) serta seluruh ahli delegasi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang hadir pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan daripada pihak PAC kepada Dato' Seri dan seluruh pasukan hadir di hadapan PAC untuk memberikan penjelasan. Tanpa membuang masa saya dengan ini mempersilakan Dato' Seri KSU untuk memulakan pembentangan. Saya difahamkan ada pembentangan ya, berapa muka surat ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Banyak. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Banyak. YB Seputeh dia baru masuk dia terus cakap banyak. Dia tak tengok lagi. *[Ketawa]*

Okey, lebih kurang ada 23 muka surat. Tapi kita sebab PAC ini kita dah boleh agak banyak kah sekejap, kan? Okey. Teruskan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex officio, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terima kasih saya ucapkan kepada PAC kerana memberi peluang kepada KPDN untuk tampil memberikan penerangan ke atas beberapa isu yang telah pun dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bil. 2/2025 yang terkait dengan Program Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak yang diuruskan oleh KPDN.

Dalam sesi taklimat saya pada tengah hari in,i saya akan menumpukan pertamanya kepada Program Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak. Di bawah itu ada empat program utama yang kita laksanakan. Seterusnya saya akan pergi kepada syor dan juga penemuan audit. Saya akan fokus kepada tujuh yang syor penambahbaikan daripada Jabatan Audit. Seterusnya saya juga akan menerangkan penambahbaikan di bawah program hala tuju dan saya juga ingin berkongsi satu projek rintis yang itu *mobile eCOSS* yang telah pun kita laksanakan secara rintis. Ini yang kita lihat boleh membantu bagi menjawab beberapa persoalan-persoalan yang telah pun dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut.

Seterusnya, sedikit perkongsian berhubung dengan rantaian bekalan minyak masak dan juga program subsidi yang dilaksanakan oleh KPDN. Kita lihat ia bermula

daripada kilang penapis itu sendiri. Kemudiannya ia akan pergi kepada proses pembungkusan. Seterusnya, pengedaran dan sampai kepada peruncit dan akhirnya ia akan sampai kepada pengguna. Ini akan melibatkan empat program yang saya sebutkan tadi yang di bawah kendalian KPDN.

Next saya akan pergi detil apa program-program itu. Pertama, Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Ini kalau ringkasnya yang ini yang kita tengok minyak masak paket yang dijual kepada RM2.50 itu lah yang di bawah Program COSS ini. Program ini dari segi latar belakangnya telah bermula sejak 2007 lagi yang dulunya di bawah kendalian Kementerian Perladangan dan Komoditi. Secara khususnya dikendalikan oleh MPOB. KPDN mengambil alih pada tahun 2016 program ini. Sehingga kini kita masih meneruskan dan kalau ikutkan penemuan-penemuan di dalam laporan audit ini banyak berkisar kepada di bawah program ini.

Seterusnya, kita juga ada Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan. Program ini telah pun diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2014. Dulunya dikenali sebagai Program 1Malaysia 1Harga. Kita telah pun menjenamakan semula program ini kepada Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan. Program ini lebih kepada bagi membantu memastikan harga itu tidak melonjak terlalu tinggi berbanding dengan harga yang dijual di Semenanjung. Ini lebih kepada pemberian subsidi bagi kos-kos pengangkutan yang terlibat bagi pengangkutan barang-barang perlu sebagai contohnya minyak masak, tepung dan juga gula. Untuk makluman Ahli-ahli PAC, tepung bersubsidi sekarang tidak lagi dikeluarkan. Yang tinggal hanya gula dan juga minyak masak.

Program yang ketiga ini Program Penyeragaman Harga. Ini akan melibatkan beberapa barangan perlu. Sebagai contoh petroleum, diesel dan juga petrol. Juga barang-barang perlu yang kita edarkan kepada pos-pos di luar bandar. Tujuannya kita nak supaya mereka yang di luar bandar juga dapat membeli pada harga yang dijual di kawasan bandar setempat. Ini melibatkan subsidi yang kita berikan kepada *transporter* yang akan membawa barang-barang perlu ini untuk dijual di pos-pos yang kita telah tentukan di kawasan-kawasan yang terlibat.

Seterusnya program yang keempat ialah mekanisme kawalan harga minyak masak. Ini khusus kepada minyak masak kemasan botol sahaja. Dasar ini diperkenalkan pada tahun 2021 akibat COVID-19 semasa itu di mana harga minyak masak telah pun melonjak terlalu tinggi di pasaran disebabkan bekalan kurang kerana COVID— peladang tidak dapat keluar untuk menuai hasil. Pada ketika itu bagi memastikan harga minyak masak botol ini tidak melambung begitu tinggi, kerajaan memperkenalkan skim ini. Syarikat-syarikat pembotol akan diberikan

insentif bagi memastikan harga semasa itu yang kita tetapkan adalah bagi satu kg kemasan botol RM6.70, 2kg RM12.70, 3kg RM18.70 dan 5kg RM29.70 semasa itu.

■1210

Sekarang harga yang kita tetapkan bagi 5kg adalah RM30.90 di bawah yang berkuat kuasa sekarang.

Empat, program yang dilaksanakan di bawah Program Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah KPDN.

Seterusnya, saya boleh... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang minyak botol ini, dia tulis situ dilaksanakan pada 1.8.2021 sampai 30 Jun 2022. Maksudnya sekarang dah — yang ini memang tak ada lagi kah, macam mana?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kerajaan akan *intervene* semasa harga minyak botol itu, harga minyak CPO sebab ia ada *threshold* yang kita tetapkan untuk kita tentukan harga di mana harga *threshold* yang kita tetapkan adalah pada 3,700 per tan.

So, jika sekiranya berlaku kenaikan harga CPO melebihi harga 3,700, syarikat-syarikat pembungkus ini akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan.

Baru-baru ini, pada tahun ini kita telah pun melaksanakan skim ini untuk kali yang kedua bagi memastikan harga kekal dapat dijual pada RM30.90 bagi kemasan botol 5kg.

So, setakat ini untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, dua kali kita telah laksanakan skim ini.

Okey, seterusnya saya nak pergi terus kepada... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh saya tanya sikit.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sila.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dato' KSU nak tanya sikit mengenai MKHMM itu yang minyak botol itu, 5kg RM30.90. Adakah ada harga ini juga terikat dengan turun naik harga CPO?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia ikut CPO punya harga kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Itu yang saya sebut tadi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sebab kalau kita tengok kadang-kadang dia turun harga dan kadang-kadang dia naik di pasaran.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu yang kerajaan telah menetapkan *threshold* pada 3,700. *So,* sekiranya harga CPO itu masih di bawah 3,700. Kita tidak akan melaksanakan mekanisme ini. Maknanya, mereka masih boleh menjual pada harga yang telah kita kawal-lah. Kalau 5kg tadi saya sebut RM30.90.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Threshold* dia RM3,700?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau dia naik jadi 4,000?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu kita akan berunding dengan pihak industri.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pasal CPO ini harganya *quite stable* jugalah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Kalau ikut trend sekarang ini dia dah melebihi 4,000 per tan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That's right. So, you* kena runding dengan dia oranglah. Tak boleh *fixed* dengan RM30.90 lagi dah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Biasanya kita runding...

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Soalan Pengerusi. Boleh Dato' *explain further for the* berdasarkan kuota syarikat pembungkus di Sabah dan Sarawak dan Labuan. Dia ada satu kuota yang telah ditetapkan kah dan berapa jumlah syarikat pembungkus minyak di Sabah dan Sarawak sekarang?

Sebab, saya dimaklumkan juga kuota yang diagihkan adalah tidak adil *based on the* syarikat-syarikat yang dimaklumkan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk makluman Ahli-ahli PAC, di bawah ini di bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Yang YB sebut ini untuk RM2.50 ya, minyak paket?

Untuk minyak paket, setakat ini kita ada — okey, kuota yang telah pun diluluskan oleh kerajaan untuk sebulan adalah 60,000 metrik tan yang diluluskan oleh kerajaan dan kuota-kuota ini kita akan agihkan kepada syarikat-syarikat pembungkus mengikut negeri-negeri.

Setakat ini keseluruhannya kita ada 317 syarikat pembungkus — 330 syarikat, minta maaf, yang telah pun kita luluskan. Yang aktif adalah 317 syarikat. Kuota ini kita agihkan mengikut negeri-negeri dan setiap negeri itu — saya sebut kalau kita rujuk kepada Sabah ini kita ada 38 syarikat pembungkus yang telah pun kita agihkan kuota iaitu sebanyak 5,733 metrik tan sebulan yang kita agihkan untuk Sabah.

Setiap syarikat pembungkus ini mereka akan menerima jumlah kuota yang berbeza mengikut kemampuan atau kapasiti yang mereka boleh *produce.* Itu yang kita laksanakan sekarang.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi. Dato' KSU. Dalam Laporan Ketua Audit Negara, mungkin Dato' ada selepas ini cerita ini. Kuota yang diberikan kepada negeri-negeri ini ada yang terlebih. Keperluan dia kurang daripada kuota yang diberikan. Ada negeri yang terkurang daripada kuota negeri. Jadi dia kena *go cross* sempadan. Adakah ini suatu yang baik ataupun dia sepatutnya dikira betul-betul berapa keperluan negeri-negeri untuk kuota ini?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini selepas kita menerima skim ini daripada KPK. Dulu kita tidak ada kawalan berkaitan dengan pengagihan kuota mengikut negeri tetapi sebagaimana yang saya maklum tadi kita membuat satu formula bagaimana kita nak agihkan kuota ini mengikut negeri.

Dulunya memang tidak ada dasar yang menetap... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, sekarang dah ada dasar itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sekarang ini ada dan isunya kebanyakan syarikat-syarikat pembungkus dahulu mereka ini tertumpu lebih kepada kawasan di mana ada kilang penapis yang beroperasi. Biasanya jarak antara syarikat pembungkus dengan kilang penapis itu yang menjadi antara pilihan kenapa sesuatu negeri itu kita lihat banyak jumlah syarikat pembungkus.

Saya ambil contoh macam Selangor, memang jumlahnya besar dan kalau kita jumlahkan kuota dengan syarikat pembungkus itu memang lebih daripada keperluan. Dulu juga kita tidak pernah mengawal dari segi penghantaran.

So, langkah penambahbaikan kita yang telah pun kita laksanakan, *in fact* semasa pihak audit datang membuat pengauditan pun kita telah pun merancang dan melaksanakan beberapa penambahbaikan termasuklah kita dah pun mula melaksanakan pengezonan pengedaran.

Ini kita akan tentukan syarikat-syarikat pembungkus itu di mana mereka boleh dan perlu mengedar minyak-minyak masak paket inilah dan akan berlaku juga *cross* sempadan antara negeri bagi memenuhi keperluan negeri yang ada kekurangan kuotanya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sekarang ini kita tak pakai lagi panduan kilang yang memproses untuk kita tetapkan kuota bagi negeri? Kita tak pakai lagi dah?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Bagi negeri-negeri yang berlaku kekurangan kuota, kita akan minta sebagaimana yang saya sebut tadi, kita akan minta bantuan negeri yang ada syarikat pembungkus mereka yang lebih daripada kuota negeri tersebut untuk menampung keperluan di sana.

Dasar sekarang ini, sebagaimana yang saya sebut tadi, kelulusan daripada Jemaah Menteri adalah 60,000 metrik tan sebulan dan kita telah pun di minta untuk mengurangkan kuota ini kepada satu angka iaitu 45,000 metrik tan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kurang daripada 60,000?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kalau kita nak menambahkan syarikat pembungkus baharu, saya fikir kita tak ada ruang itu lagi dan kita perlu melihat. Antara langkah penambahbaikan yang kita buat adalah bagaimana kita boleh mengagihkan kuota-kuota yang ada di syarikat pembungkus sedia ada ini kepada kawasan-kawasan yang tidak ada bekalan... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kuota ini untuk yang paket RM2.50?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya, paket RM2.50

■1220

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya, paket RM2.50.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia kalau untuk yang paket RM2.50 itu berapa jumlah subsidi yang kerajaan perlu tanggung kalau sekarang ini 60,000 tan itu berapa?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Dia ada dua subsidi yang kita perlu bayar. Pertamanya kita akan bayar kepada syarikat penapis yang membekalkan RBD *olein* ini dan yang keduanya kita akan bayar subsidi kepada syarikat pembungkus berdasarkan kuota, yang itu kita akan bayar dalam RM600 per metrik tan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: RM600?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Per metrik tan bagi jumlah kuota yang dimiliki oleh syarikat pembungkus. Untuk syarikat penapis ini, kita telah pun menetapkan satu harga di mana harga yang kita telah tetapkan adalah pada harga RM2,300 per metrik tan bagi RBD yang mereka beli. Sekiranya — *kat* sini ada elemen harga ini berubah-ubah, di situ yang akan kerajaan perlu tanggung banyak subsidilah yang perlu dibayar kepada kilang penapis.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau harga turun kerajaan bayar kuranglah subsidi?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Harga naik, subsidi lebih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Macam RON95 lah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sebab syarikat pembungkus akan dapat harga pada harga RM2,300 per matrik tan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak menjuruskan soalan saya dengan berkenaan dengan PPH ya. Dari segi subsidi yang kita beri pada dalam program ini, maknanya kita kasi dua subsidilah? Satu subsidi minyak itu sendiri dan juga subsidi kepada pengangkutan. Betul, tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Jadi, berapakah jumlah ataupun *ratio* subsidi yang kita beri untuk pengangkutan itu? *What is the quantum like*? Setiap tahun, subsidi yang kita beri kepada pengangkutan untuk Sabah Sarawak dan empat negeri Semenanjung ini, *what is the quantum and what is the percentage like* ya?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dan — dan, dan formula apa yang kita bagi ya dari segi pengangkutan ini? *What is the formula for that* subsidi pengangkutan yang kita beri? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk program penyeragaman harga yang kita buat di Sabah, Sarawak, di Semenanjung ini Kelantan, Kedah, Pahang, Terengganu. Dia — program ini kita laksanakan secara tender untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, kita buat secara tender di mana syarikat-syarikat yang masuk tender ini mereka akan mengemukakan hargalah termasuk kos pengangkutan yang mereka perlu bayar bagi memastikan barang itu sampai ke lokasi. Sebab dalam satu-satu kawasan pengedaran itu kita akan tentukan jumlah pos dan lokasi pos. Itu yang mereka akan letak hargalah.

So, kalau kita nak kira kuantum itu saya kena — detil itu saya kena ambil masa sikit untuk saya berikan secara detillah. Kalau *off-hand* ini sebab harga berbeza-beza mengikut lokasi ataupun kawasan pengedaran merekalah. Cuma, apa yang YB sebut itu saya faham. Pertamanya kalau melibatkan minyak masak memang ada *double* subsidilah. Tetapi kalau yang untuk barang-barang lain, minyak masak dan juga petroleum, ada subsidilah. Yang lain barang-barang perlu macam gula dan sebagainya itu yang itu mungkin tidak terlibatlah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadinya, cuba dapat gambaran saja berapa dari segi jumlah subsidi pengangkutan itu setiap tahun. Jumlah lebih kurang RM1 bilion? RM2 bilion?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Bajet kita untuk program setahun dalam RM250 juta.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh, untuk pengangkutan punya subsidi?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang untuk program penyeragaman harga itu tadi ke kawasan pedalaman. Kalau di Semenanjung ini melibatkan pulau-pulau dan beberapa lokasi pedalaman contoh di Pahang, di kawasan-kawasan yang penempatan Orang Asal ataupun Orang Asli, di Kelantan juga di Gua Musang dan sebagainya melibatkan pos-pos Orang Asli di sana.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh Pengerusi ya. Saya hanya nak tanya tentang minyak botol itu. Adakah ini bermaksud semua minyak masak buatan Malaysia yang kita beli dari kedai runcit adalah sudah pun diberi subsidi oleh kerajaan? Bukan Jualan Rahmahlah ya, yang kita beli dari kedai runcit. Bila CPO melebihi RM3,700 lah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Untuk makluman, sememangnya saya terangkan tadi setakat ini yang kerajaan *intervene* dalam bentuk pemberian insentif ataupun subsidi ini setakat ini hanya berlaku dua kali untuk minyak masak tulen kemasan botol. Dan sekarang ini dia kembali kepada asal. Maknanya tidak ada lagi subsidilah. Dia bertempoh, Yang Berhormat sebenarnya. Yang baru ini kita laksanakan untuk tempoh tiga bulan tetapi apabila harga berubah kembali turun di paras di bawah RM3,700 *so* kita tarik balik. Secara automatis kita hentikan pembayaran insentif itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh teruskan ini.

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. seterusnya, saya nak pergi kepada syor-syor audit. Ada tujuh syor audit yang telah pun dilaporkan dalam Laporan LKAN itu tadi. Yang pertama — *next*. Yang pertamanya berkaitan dengan pemantapan, pelaksanaan serta penguatkuasaan SOP dan dasar. Ada syornya supaya kita menambah baik SOP sedia ada yang melibatkan pertamanya, tatacara pengurusan minyak masak sisa ataupun rosak.

Seterusnya, ada maklumat berkaitan dengan golongan sasar boleh dirujuk ini bagaimana kita nak mengagihkan ataupun memastikan minyak masak ini hanya boleh dibeli oleh mereka golongan sasar ya. Dan seterusnya juga disentuh tentang

pensijilan halal dan antara tindakan penambahbaikan yang kita telah buat pertamanya saya nak jelaskan berhubung dengan isu bagaimana kita nak kawal minyak masak rosak. Dan ini berlaku apabila proses pembungkusan ya di syarikat-syarikat pembungkus. Setakat ini memang kita tidak ada satu SOP yang khusus bagaimana kita nak kendalikan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri, minyak masak rosak itu boleh jelaskan pada PAC? Apakah yang dimaksudkan dengan rosak? Adakah disebabkan oleh pembungkusan yang pecah dan sebagainya ataupun kandungan dalam itu yang tak boleh digunakan ataupun bagaimana?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Yang Berhormat Pengerusi, minyak masak rosak yang kita maksudkan ini adalah semasa *handling* di syarikat pembungkus. Ada kadang-kadang dia pecah dan sebagainya.

Isunya di sini, kalau kita tidak ada SOP yang jelas, kita telah pun membayar subsidi kepada syarikat ataupun kepada pengilang ya, *refinery*. Kita dah bayar, kerajaan dah bayar di situ. Dan seterusnya, bila sampai ke syarikat pembungkus kita akan bayar berdasarkan kepada pengeluaran dia. Itu sepatutnyalah.

Tetapi, selalunya kalau kita tak ada SOP yang jelas ini syarikat pembungkus dia akan buat tuntutan penuh. *So*, tidak ada — bagaimana kita nak kawal kalau dia hanya — contoh dia dapat dalam 600 metrik tan, tetapi *the final* produk dia mungkin dalam 550 metrik tan. 50 metrik tan itu di mana? Itu ada keperluan di — sebab itulah yang di mana audit mencadangkan supaya kita adakan SOP yang jelas. *So*, yang ini dalam proses sebenarnya.

Perbincangan kita, kita cuba dapatkan kerjasama daripada MPOB untuk bantu kita bagaimana kita nak *define* minyak masak rosak itu dan dari segi kaedah yang kita akan cadangkan nanti adalah kita hanya akan bayar kepada syarikat pembungkus itu berdasarkan apa yang dikeluarkan sahaja. Dan seterusnya, mana-mana yang kekurangan itu mereka juga perlu bayar balik kepada kerajaan kerana kita dah bayar subsidi kepada syarikat ataupun pengilang itu sendiri. *So*, itu syarikat pembungkus itu kena tanggung. Itu antara penambahbaikan yang kita akan laksanakan dalam SOP itu nanti.

■1230

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, maksudnya kalau sebelum ni, kalau minyak masak rosak tu maksudnya di pertengahan proses dia nak *handle* tu — *let's say* kata ada 1,000 bungkus pecah dan sebagainya. *So*, selama ni, adakah syarikat tersebut kena bayar semula, ganti balik?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Itu sebelum kita adakan sistem eCOSS, Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Bila kita telah laksanakan sistem eCOSS ini, kita akan bayar berdasarkan apa yang dia laporkan dari segi pengeluaran dia sahajalah. Contoh, kalau dia daripada 600 metrik tan. Dia boleh *produce* 500 metrik tan, maknanya 5,500 bungkus itu, itu kena bayar berdasarkan itu sahaja. Kalau kita secara ringkasnya, mereka akan dapat — syarikat pembungkus akan dapat subsidi 60 sen bagi setiap peket. Kalau kita bahagi 600 itu kepada — di peket, dia dah 60 sen setiap peketlah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, setakat pembentangan ni, maknanya subsidi kita bagi kepada di peringkat kilang, kita kasi subsidi.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lepas tu, pembungkusan kita kasi subsidi. Berapa lagi peringkat yang kita akan subsidi dalam proses *the whole value chain — supply chain* ya?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kalau untuk sistem eCOSS ni, hanya dua tu lah, dua subsidi. Tetapi bila kita hantar ke kawasan luar bandar, dia masuk di bawah program PPH itu...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. Dia ada tigalah?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: ...Ada lagi subsidi pengangkutan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Oh, maknanya dua dan tigalah? Kalau PPH tu tiga peringkat subsidi yang kita bagi.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Sebab kita nak pastikan Yang Berhormat, harga tu kekal dijual RM2.50 di kawasan luar bandar. Kebiasaannya kawasan luar bandar ni kalau tidak ada program PPH ni, minyak masak RM2.50 tu mungkin boleh jadi RM4.50 ataupun RM5.50 disebabkan kos pengangkutan untuk sampai terlalu tinggi.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dari segi *ratio* — nisbah, subsidi peringkat proses dekat kilang dengan pembungkusan, *ratio* dia berapa subsidi dari segi *ratio of subsidy* yang kita bagi? Untuk pembungkusan 50 sen, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia ada — 60 sen. *Fixed per kg.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ah, 60 sen. Yang kalau di peringkat kilang?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu bergantung kepada harga-harga CPO.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. Yang pembungkusan tetap.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Fixed.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Yang tu bergantung kepada nilai?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Naik turun harga ni lah, perbezaan harga.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dato' KSU, dalam pemantapan pelaksanaan dan penguatkuasaan SOP ini, salah satu perkara yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara ialah dasar sedia ada tidak komprehensif. Umpamanya kita tak *clearly clarify* siapa yang layak. Kita hanya sebut isi rumah, ya. Kita tak sebut yang benda-benda lain, tapi yang saya tengok dia ada satu langkah tindakan yang dicadangkan iaitu eCOSS ya.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: eCOSS ni boleh membantu. Adakah Dato' yakin betul-betul eCOSS ni dapat kita selesaikan isu ini? Isu orang yang tak layak mendapat minyak subsidi yang peket RM2.50 ini. Sebab pengalaman saya *pi* kedai-kedai runcit, kadang-kadang kita kena beli minyak dan sebagainya, nak bagi pada orang yang memerlukan kat kampung ya. Orang miskin, sakit terlantar ni. *Very free*-lah *to get this packet* ni. Saya tengok semua orang pergi beli *ja*. Dia tak ada nak *check* dia punya latar belakang dia, layak *ka* tak layak *ka*. Sekarang eCOSS belum lagi *fully implemented*-kan, Dato' ya?

Saya, saya — *I mean not that I'm not confident but I* rasa ada *reservation* kalau eCOSS dilaksanakan pun, perkara ini akan terus berlaku. Mungkin dia berkurangan sebab sampaikan orang di selatan Thailand pun...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ...Di kedai *depa* ada peket ni.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini dekat Thailand.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, saya tak tau dia *pi* kut mana. Kalau isi rumah, patutnya isi rumahlah kan. Tapi dalam masa

yang sama, kita juga prihatin kepada gerai-gerai yang kecil, yang tak banyak mana dia punya *revenue* pun kan. Yang tu pula perlu diambil perhatian. Kita kalau eCOSS kata dia orang ini tak dapat, yang gerai-gerai makan sehari dapat mungkin untung RM50 dan sebagainya, kalau dia tak dapat minyak yang bersubsidi ni, mungkin dia akan tertekanlah dengan masalah ini. *So,* persoalan pertamanya ialah adakah kita *fully confident* bahawa isu ini dapat ditangani sepenuhnya jika pakai eCOSS ini?

Keduanya, macam mana kita nak kontrol tiap-tiap kedai betul-betul ikut? Saya kedai yang saya beli tiap-tiap minggu saya balik nak bagi kat orang miskin dan sebagainya ni, eh senang-senang saya *pi* beli berapa peket-peket pun dia tak tanya. Okeylah, macam saya dia tau nak bagi kat orang kampung yang miskin eh, tapi yang lain-lain datang pun beli dan tak ada had. Jadi, itu yang mendatangkan sikit *reservation* bagi sayalah. Itu pertama dalam isu pemantapan pelaksanaan dan penguat kuasa dari segi kita kena betul-betul *define* layak tu. Kena *very clear definition of* layak dan yang di luar daripada itu tak layak dan kita kena ada sikit *study*-lah.

Dan, lagi satu dia prosedur SOP COSS ini yang menetapkan 60,000 metrik tan setahun ya untuk subsidi ini, dia berdasarkan setiap rakyat Malaysia ni dia — bukan makanlah. Dia guna minyak 1.5 kg sebulan ya, tapi dia tak munasabah. Satu orang sebulan sebab saya ingat banyak orang makan lebih daripada tu lah. Bukanlah makan minyak tu tapi minyak tu diguna untuk masak dan sebagainya. Dan, perlu itu mengikut laporan LKAN ni, dia perlu dilihat kembali sama ada sesuai atau tidak, tepat atau tidak dengan amaun itu untuk rakyat Malaysia guna minyak masak 1.5 kg sebulan. Saya rasa Tampin makan banyak daripada tu minyak, saya rasa.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya lebih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ha, lebih. Saya *tau.* Saya tengok perut — Saya tengok muka pun saya cam. Silakan Dato'. *[Ketawa]*

[Beberapa Ahli ketawa]

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Sedikit saya nak kongsi dari segi latar belakang. Dulunya masa semasa kerajaan memperkenalkan program ini pada 2007, jumlah kuota yang telah pun diperuntukkan adalah sebanyak 85,000 metrik tan sebulan. Cuma, kita cuba dapatkan maklumat daripada Kementerian Perladangan dan Komuniti bagaimana mereka *derives* kepada 85,000 metrik tan ni, tapi kita tak dapat bagaimana formula itu.

Dan, selepas ia nya diserahkan kepada KPDN pada 2016, kuota itu telah pun diturunkan kepada 60,000 metrik tan dan semasa itu memang tidak ada SOP yang agak komprehensif. *So*, selepas kita terima tanggungjawab ini, kita telah pun membangunkan satu SOP dan formula yang kita nyatakan di situ adalah mengambil kira jumlah kuota yang diluluskan oleh kerajaan semasa itulah, 60,000 metrik tan dan sehingga sekarang. Itu yang kita cuba kira berapa sebenarnya yang kita boleh sebab subsidi untuk minyak masak peket ini adalah berbentuk pukal sebenarnya, dan dulu tidak adapun bentuk kawalan siapa yang boleh beli dan siapa yang tak boleh beli dan sebagainya. Ini kerana semasa itu, harga minyak masak kemasan botol ini sangat murah dan dulunya kalau ada yang ingatlah, rata-rata masyarakat menganggap seolah-olah minyak masak peket itu kualitinya lebih rendah daripada kemasan botol kerana botol nampak cantik. Tapi sebenarnya sama.

Dan, apabila berlaku kenaikan harga minyak masak botol semasa COVID-19 itu, di situlah kementerian memperkenalkan dasar mengehadkan pembelian kepada tiga peket. Sebelum ini, tidak ada. Sebelum ini tidak ada kerana kita nak pastikan supaya bekalan yang ada itu dapat dinikmati oleh lebih ramai rakyat di luar sanalah, kalau kita tak kawal. Sebelum ini memang tidak ada kawal had pembelian. Satu, dua, tiga, memang tidak ada. Semasa COVID-19 itu, kita terpaksa sebab kita bimbang bila berlaku pembelian panik dan sebagainya, *hoarding* atau simpan, itu yang kita tetapkan dasar itu dan dasar itu kita masih gunakan sehingga sekarang. Ini kerana kita lihat minyak masak kemasan botol ini harganya semakin tinggi dan orang ramai telah beralih kepada minyak masak peket satu kg. Itu dari segi sejarah ataupun kenapa perkara ini berlaku.

■1240

Apabila kita melihat banyak isu yang berlaku dalam kita menguruskan skim di bawah COSS ini dan kita telah pun membangunkan satu sistem, sistem eCOSS. Fasa pertama yang kita bangunkan eCOSS itu hanya melibatkan daripada *refinery* sehinggalah kepada peruncit sahaja. *Refinery*, pembungkus, pemborong, peruncit. Yang itu kita cuba nak pastikan bahawa tuntutan yang dibuat oleh sama ada syarikat *refinery*, syarikat pembungkus itu kita boleh ada ini semak silang bagi memastikan berapa yang mereka dapat bekalan daripada syarikat pengilang ataupun penapis dan sampai kepada pemborong itu — pembungkus itu kita dapat buat *cross check* berapa diterima, berapa ini, berapa yang dihantar kepada pemborong hinggalah kepada peruncit.

Bagi menjawab persoalan YB sama ada kementerian yakin atau tidak, buat masa ini kita baru sampai ke peringkat peruncit. Kita tidak tahu siapa pembelinya. Kita telah pun membangunkan satu aplikasi Mobile eCOSS— dalam *presentation*

saya pada hujung nanti saya akan sentuh di mana kita dapat kenal pasti siapa pembeli akhir kepada minyak masak paket 1kg ini. Sekarang ini kita dah laksanakan secara rintis dalam Program-program Jualan RAHMAH yang dianjurkan oleh kementerian. Kerajaan Negeri Johor telah pun menawarkan diri untuk menjadi sebagai projek rintis keseluruhan negeri Johor yang kita telah buat fasa pertama. Fasa kedua kita akan laksanakan pada 11 Ogos nanti di beberapa lokasi kita panggil *point of sale*, kedai ya yang terpilih seluruh negeri Johor. Di situ nanti kita nak kata yakin 100 peratus pun perkara ini banyak yang kita — contoh kalau kata kenapa YB sebut minyak itu boleh sampai di Selatan Thai, kalau kita laksanakan Mobile eCOSS ini kalaulah pengguna itu sendiri dia beli, dia kumpul-kumpul, dia hantar secara runcit akan berlaku juga lah.

Kalau ikut maklumat yang kita dapat sekarang risikan kita, kebanyakan minyak yang dibawa ke Selatan Thai itu bersifat runcit kerana di sempadan itu kita dengan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa di sempadan kita ada satu ops bersepadu yang kita namakan Ops Tiris itu memang kita ada kerjasama dan banyaklah tangkapan yang kita buat, rampasan yang kita buat terhadap minyak masak. Tetapi risikan kita pada dua bulan lepas kita ke Selatan Thai kita dapati mereka membawa secara runcit lah, makna dalam 10 paket, 20 paket selepas dia beli, dia kumpul, dia bawa secara runcit. Bawa *in bulk* itu *alhamdulillah* setakat ini kita dapat kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa untuk kita kawal.

Berbalik kepada eCOSS itu nanti apabila kita boleh dapat data pembelian dan kita boleh buat semak silang dengan peruncit itu sendiri kerana apabila minyak itu keluar daripada syarikat pembungkus, semuanya perlu direkodkan dalam sistem dan kita boleh tahu contoh peruncit A berapa dia terima dan kita boleh *check* pengguna yang beli di kedai runcit A itu tadi. *So*, kita boleh *check* berapa yang dah keluar kepada pengguna, berapa *balance* stok yang ada di kedai itu kita boleh...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So*, dalam sistem eCOSS lah?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak tanya lagi apa asas kita mengurangkan daripada 60,000 tan kepada 45,000 tan? Kita nak kurangkan lagi 15,000 tan, apa asas dia?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pernah tak sampai 45,000 tan itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Setakat ini belum dan kita masih mengekalkan 60,000 metrik tan. Antara sebab adalah dari segi kerajaan perlu menanggung subsidi yang tinggi lah disebabkan kenaikan harga CPO RBD ini yang

sukar dikawal. Itu antara sebab lah. Tapi kita setakat ini kita cuba mempertahan, kita masih mempertahankan 60,000 metrik tan itu dan kita hanya akan mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat semula dari segi kuota ini selepas kita melaksanakan Mobile eCOSS sepenuhnya. Di situ kita akan tahu keperluan sebenar dari segi penggunaan minyak masak paket.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So*, akan diputuskan selepas inilah selepas pelaksanaan eCOSS?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu adalah cadangan daripada kementerian sendiri kepada Kementerian Kewangan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri KSU, antara syor audit bagi 7.1 ini adalah sebabkan pembelian oleh bukan rakyat Malaysia...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Minyak subsidi ini. Boleh tak jelaskan kepada PAC apakah sekiranya— sebab saya pun pernah nampak juga lah ada orang *Bangla* beli, dia tidak beli banyak pun. Dia dua, tiga orang dia beli dua paket okey. *So*, kita pandang pun— ya lah pandang dia pun kesian juga dengan keadaan dia macam itu tapi sebenarnya dia mengambil hak rakyat Malaysia. Jadi, boleh tak tahu apakah peruntukan di bawah undang-undang, di bawah KPDNHEP sekiranya mereka di — bukan lah ditangkap maksudnya disedari mereka membeli oleh pihak KPDNHEP ada kesalahan ataupun hukuman?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya dari segi dasarnya kita tidak pun melarang ataupun menghalang mana-mana mereka yang tinggal di Malaysia ini untuk membeli minyak masak ini, tidak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Memang bukan satu kesalahan ya.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Bukan. Perkara ini kita akan selesaikan apabila kita melaksanakan sepenuhnya Mobile eCOSS itu nanti kerana dalam Mobile eCOSS itu nanti dia adalah satu mekanisme yang kita rangka untuk memastikan minyak masak bersubsidi ini selepas ini hanya boleh dibeli oleh rakyat Malaysia sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Dato' Seri sebab isu ini saya rasa dah berlarutan lama, kan? Lebih 10 tahun isu bukan warga Malaysia yang membeli ini. Bila buat yang eMobile?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Mobile eCOSS.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Mobile eCOSS itu bila diperkenalkan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Mobile eCOSS ini dia masih dalam projek rintis kita.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kenapa ambil masa...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terlalu lama. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terlalu lama sedangkan kita dah tahu dah perkara itu yang menjadi...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak, saya fikir isu warga negara asing itu masih baru dalam dua tahun, dua, tiga tahun kebelakangan ini. Sebelum ini tidak ada isu disebabkan macam saya sebut tadi harga minyak masak paket dengan botol ini dia tidak ada perbezaan yang terlalu besar. *So*, macam kita ini lebih kepada minyak masak botol. *So*, tidak ada isu.

Bila berlaku isu itu yang di kementerian kita memikirkan bagaimana kaedah untuk kita nak pastikan kerana kalau kita nak kawal, nak kuatkuasakan larangan pembelian oleh warga asing pada minyak masak paket ini di peruncit agak sukar. Berdasarkan sesi libat urus kita dengan peruncit ini, peruncit angkat tangan lah kata bagaimana kita nak pastikan setiap pembelian itu kita boleh — terpaksa, *I mean* dia kena...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi sekarang pun dah boleh laksanakan. Nak beli minyak itu tunjuk IC. Tak ada IC tidak boleh beli.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Lepas itu *you* jual pada *Bangla. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Itu yang peruncit...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang itu yang peruncit agak *reluctant* untuk menguatkuasakan perkara ini. Itu yang kita memikirkan kaedah lebih baik adalah kita pergi kepada pendigitalan sistem ini yang banyak boleh membantu kita lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi ya lah, kaedah itu nak kena betul-betul sebab yang bila keadaan kalau peruncit itu orang Malaysia okey lah. Ini kalau peruncit pun bukan orang Malaysia yang jual pun masalah juga nak minta IC nak ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ramai ini tomyam, tomyam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dato' Seri boleh...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Berniaga daripada Selatan Thailand, Patani apa semua itu, kan? Lagi ramai.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Boleh saya tanya *how* eCOSS ini berfungsi secara inilah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Boleh, nanti dalam slaid...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ada ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kita dalam slaid yang ini...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ha, okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Last* sekali saya tunjuk, saya tunjuk.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kita slaid 28 sekarang ini.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Fasal kita dah bincang eCOSS tapi kita tak tahu apa benda dia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat kita bagi Datuk Seri KSU terangkan dulu.

■1250

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Teruskan dulu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, yang seterusnya ada isu yang dibangkitkan berhubung dengan isu halal. Isu halal ini tujuh poin — belakang ya? Isu halal, okey. Berhubung dengan isu halal... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 7.2 dah selesai? Dah ini... Kita *based on* apa muka surat ataupun...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Minta maaf, minta maaf. 7.2 ini dari segi pemantauan dan juga pelaporan. Ini saya ingat saya dah sentuh tadi tentang Sistem eCOSS yang telah kita bangunkan sejak 2023 tetapi ia hanya sampai peringkat peruncit tadi. Yang ini saya dah terang tadi.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma, satu pemerhatian kecillah. Dalam slaid ini dia sebut fasal pelaksanaan eCOSS ini sejak 1 Januari 2023. Saya rasa lebih tepat kalau kata sistem rintis eCOSS *because* kalau dari segi ini seolah-olah benda tu bukan rintis dah. Dia memang dilaksanakan sepenuhnya ataupun macam mana itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia dua fasa pembangunan eCOSS ini. Yang ini fasa pertama yang melibatkan daripada *refinery* sampai ke peruncit sahaja. Yang *mobile eCOSS* itu dia sampai ke peringkat pengguna. Yang itu masih dari fasa rintis.

Okey, 7.3 ini berhubung dengan kajian semula syarat lesen CSA dan juga pemantauan premis. Ini tindakan yang telah kita buat adalah sebab ada isu dia pemborong, dia juga ada lesen runcit. *So* yang ini kita telah keluarkan arahan pada Oktober tahun lepas. *So,* kita tak benarkan lagi mereka memiliki dua lesen inilah. Tindakan kita adalah kita akan tarik salah satu lesen dan mereka kena buat pilihanlah. Sejak 2 Oktober tahun lepas, kita telah pun tarik tiga syarikat pembungkus sebab dia ada lesen runcit. *So,* kita tarik lesen runcit dia tu. Dia tidak boleh lagi jual di premis pembungkus dia. Ini sebenarnya kita nak elakkan daripada dia boleh menjual *in bulk* kepada mana-mana orang yang datang ke premis dia lah.

7.4 ini harga kawalan. Ini yang harga RM2.50 sepaket ini. Sebelum ini kita tidak mewartakan harga itu sebagai harga kawalan. Kita hanya membuat kawalan secara pentadbiran. Oleh itu, bila kita tidak wartakan untuk kita ambil tindakan penguatkuasaan dari segi sudut perundangannya agak sukar dan kita telah pun wartakan baru-baru ni. Selepas pewartaan itu kita telah pun ada 10 kes yang telah pun kita ambil tindakan bagi mereka yang telah menjual melebihi harga kawalan iaitu RM2.50. Kompaun kita keluarkan sebanyak RM2,250 dan *on top of that* kita rampas minyak masak di premis yang jual melebihi harga kawalan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Jap* itu lah, saya nak tanya sikit Dato' Seri KSU. Restoran-restoran yang besar tu dia orang layak tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak layak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak layak kan tapi ada laporan...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ...Ketua Audit Negara, banyak juga dia simpan banyak dalam stor dia, minyak masak berpaket.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu kita tidak nafikan berlaku dan itu sebab penguatkuasaan itu yang kita perlu tingkatkanlah.

Okey. Seterusnya 7.4 ini harga kawalan — ini sambung.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh kongsikan pada PAC yang denda itu berapa ya? Kalau setiap satu kesalahan itu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Denda yang kita keluarkan...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau kesalahan itu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ini jumlah yang kita kenakan. Yang itu mungkin saya minta saya jawab secara bertulis nanti.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. Nanti...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Setiap kesalahan itu kan, berapa maksimum, berapa minimum dia punya kompaun.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh. Tak ada pegawai undang-undang dekat sini, tak ada? KPDNHEP tak ada bawa? Tak bawa hari ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak bawa hari ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Nanti boleh berikan kepada PAC.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, seterusnya 7.5 pengurusan minyak masak rosak. Tadi saya sebut kita dalam proses untuk menyediakan SOP bagaimana pengurusan minyak masak ini dapat kita kendalikan.

Seterusnya, okey. Kepatuhan kepada Sijil Halal, 7.6. Sijil halal ini dalam SOP sedia ada, memang kita telah pun menjelaskan tanggungjawab kepada pemegang kuota ataupun syarikat pembungkus untuk mereka mendapatkan pensijilan halal daripada JAKIM dalam tempoh enam bulan setelah mereka beroperasi. Cuma dalam ini, teguran audit ini, audit mencadangkan supaya dijadikan syarat kepada syarikat pembungkus sebelum mereka boleh beroperasi. Sebenarnya, proses mendapatkan sijil halal itu dia kena beroperasi dulu. Cuma sekarang daripada tindakan kita, SOP sedia ada enam bulan. Kita akan kurangkan kepada tiga bulan, mengambil kira proses pensijilan halal di JAKIM ini telah pun ditambah baik dan telah pun dicepatkanlah.

Cuma, saya nak tegaskan di sini bahawa semua syarikat pengilang ataupun *refinery* ini memang hanya yang mereka mempunyai sijil halal sahaja yang boleh membekalkan minyak kepada syarikat pembungkus. Dari segi jaminannya mereka memang minyak datang daripada sumber yang dah halal. Cuma untuk syarikat pembungkus ini, kita nak tengok dari segi pengendalian itu supaya tidak berlaku *contamination* dan sebagainya, itu juga kita syaratkan supaya mereka ada dapat pensijilan halal lah. *So,* dalam tempoh enam bulan tu mereka perlu dapatkan halal dan sekiranya sijil halal tu tidak diperoleh dalam tempoh tersebut, tindakan tegas yang kita buat pada masa ini adalah kita menghentikan bekalan supaya mereka selesaikan dulu halal itu barulah kita sambung semula bekalan daripada syarikat ataupun pengilang *refinery*.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, dalam konteks sijil halal untuk pembungkusan ini, boleh tak kita bincang dengan JAKIM untuk memproseskan pensijilan itu sebelum beroperasinya kilang itu oleh kerana saya kiralah, apa nak katakan mesin itu halal kah haram, takkan nak *check* besi itu halal ke tak haram.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia macam ini Yang Berhormat. Dia nak tengok dari segi proses dia itu. Maknanya kilang itu kena beroperasi dulu dan barulah JAKIM boleh menilai sama ada proses di kilang itu patuh halal atau tidak.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah maknanya saya kira itu *very, very technical* pada saya, pada sayalah. Kalau... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Macam restoran pun sama juga YB. Kena buka restoran dulu baru tahu halal tak halal sebab dia nak tengok proses di dapur itu semua itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tapi kalau proses pembungkusan ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu yang saya sebut tadi dari segi jaminan halal, minyak itu sebenarnya datang daripada sumber yang halal.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Betullah. Maknanya sumber itu dah halal, pensijilan dah ada. Cuma pembungkusan itu, takkan susah sangat nak keluar isu halalnya. Saya — boleh, boleh tak tahulah saya macam mana. JAKIM perlu di-*engage* dengan lebih lanjut rasa sayalah untuk proses itu berjalan supaya apabila dia bungkus saja, dan mempunyai sijil dan membawa keyakinan lebih tinggilah *because* saya tak nampaklah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma yang ni macam saya sebut tadi Yang Berhormat kita nak pendekkan daripada enam bulan kepada tiga bulan. *So,* kita ambil maklum apa cadangan Yang Berhormat. Kalau boleh kita dapat bincang dengan JAKIM boleh pendekkan lagi sebab saya pasti pihak JAKIM akan tengok juga bagaimana kilang tu beroperasilah. Cuma, tempoh masa itu mungkin ada ruang untuk kita pendekkan lagi.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tapi saya kira yang pembungkusan yang 330 syarikat itu, *is already there* kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Very few* yang pembungkus baru yang akan masuk industri ini. Jadi, 330 itu sepatutnya dah selesai dah oleh kerana *they are already in the market.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia ada kadang-kadang mereka ini gagal untuk memperbaharui. Itu yang kita akan ambil tindakan tegas, kita akan tutup bekalan dia supaya mereka dapatkan dulu baru kita *release* bekalan tu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah saya kira yang 330 *generally* semua dah ada sijil.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma yang enam bulan ke tiga bulan untuk... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang baharu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Yang baharu itu kan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sekarang ini tidak ada yang baru lagi sebab itu kita tak tambah kuota *[Ketawa].*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah dia. Maknanya isu itu tak perlu berulang lagilah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya, ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pada pandangan sayalah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, seterusnya kalau saya pergi kepada hala tuju.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap ya. Yang pasal halal ini, sebab dalam tindakan KPDN ini dia kata memang sedia ada itu memang dah ada dah ditetapkan. Sebab dalam syor audit kata kena mewajibkan sijil halal atas semua syarikat pembungkusan minyak masak bersubsidi, ya sebagai salah satu syarat lesen dan daripada respons tindakan KPDN, memang dah sedia ada diletakkan.

■1300

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma dalam SOP kita itu selepas beroperasi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kalau ikut saya faham syor audit ini dia kata sebelum operasi pun dah kena dapat halal.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada apa-apa isu kah dengan pihak JAKIM berkenaan hal ini? *I mean* antara pihak KPDN dan juga JAKIM.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tanggungjawab untuk mendapatkan halal ini adalah tanggungjawab pembungkus.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Setakat ini kita pun tak ada isu dengan JAKIM sebenarnya. Cuma kadang-kadang syarikat pembungkus ini ambil mudah, Yang Berhormat. Saya sebut tadi kadang-kadang sijil halal tamat tempoh mereka tak *renew*. Cuma sekarang ini kita akan ambil tindakan lebih tegas. Dulu kita bagi masa. Sekarang ini kalau lebih masa sahaja saya tutup terus.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tutup terus maksudnya dia dah tak boleh beroperasi dan dia...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sehingga dia dapatkan halal itu saya buka balik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Setakat ini ada tak tindakan yang dah dibuat terhadap berapa syarikat itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ada. Kita dah menutup beberapa syarikat dan ekoran daripada itu lajunya mereka pergi proses halal dan datang balik.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Dari segi *procedure wise* untuk dapat pembaharuan lesen itu dia boleh *apply* berapa bulan sebelum tamat?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, itu mungkin soalan kepada JAKIM kut.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kalau kementerian tahu...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Terima kasih YB tolong jawab.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya kalau misalnya nak pembaharuanlah, kan? Maknanya SOP dia kena *apply* berapa? Tiga bulan? Sebulan sebelum tamat kah apa, kan? Jadi kalau misalnya prosedur itu sebulan sebelum tamat, JAKIM perlu tiga bulan nak keluarkan itu memang...

Dato’ Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Mungkin yang itu kita boleh tambah baik. Menetapkan mereka perlu kemukakan pembaharuan itu lebih awal. Terima kasih YB cadangan itu untuk kita tambah baik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang didapati sembilan daripada 72 yang tak ada sijil halal ditetapkan. Boleh tak kongsikan dengan pihak PAC bagaimanakah dari segi penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak KPDNHEP terhadap isu halal tak halal ini? Sebab yalah kita tahu, kan? *Company* berapa banyak. *Company* tak banyak mana pun.

Kita tahu kadang-kadang *company* orang yang sama juga yang *operate* dan kita boleh *monitor* sejauh mana saya nak tahu pemantauan yang dibuat oleh KPDNHEP kerana saya ada mengikuti perkembangan KPDNHEP, negeri-negeri dia buat pergi cek dan juga buat serbuan dan sebagainya. Tahniah saya ucapkan. Bagus satu usaha yang sangat baik.

Cuma saya nak tahu beberapa kerap kah, apakah SOP untuk dibuat pemantauan itu. Boleh kongsikan dengan pihak PAC?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk syarikat pembungkus ini kita memang ada satu operasi yang di bawah penguatkuasaan yang kita panggil Ops Tenera. Tapi dari segi kekerapan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ops Tenera.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tenera?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tenera ini kalau saya Google tadi dia salah satu baka pokok kelapa sawit. Sebelum ini operasi ini kita namakan Ops Goreng sebab minyak goreng.

So, kita jenamakan semula kepada Ops Tenera ini pada 2023 yang lalu. Ops ini kita membuat pemantauan terhadap semua syarikat-syarikat pembungkus yang memegang kuota dengan kementerian. Dari segi kekerapannya itu dalam dua atau tiga kali setahun yang kita buat kita akan adakan operasi itu untuk memastikan mereka patuh.

Saya melihat dari segi halal ini, saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat Wangsa Maju tadi. Sebelum ini memang kita tidak nyatakan mereka perlu mengemukakan sebelum tamat tempoh. Itu antara penambahbaikan yang kita akan buat dalam SOP kita nanti kerana selama ini kita memberi tanggungjawab itu sepenuhnya kepada syarikat pembungkus ini untuk dapatkan sijil halal.

Dari segi kekerapan kita menyemak itu saya akui sebelum ini memang kita kurang. Mulai 2023 itu apabila kita melihat banyak isu itu kita dah ada beberapa siri pengauditan yang kita buat sendiri bagi melihat kepatuhan syarikat pembungkus kepada syarat-syarat yang kita telah tetapkan. Sekarang ini kita lihat dari segi pemantauan kita lebih tersusun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri, yalah isu halal ini isu rakyat Malaysia agak sensitif sikit kan. Halal, haram. Tak ada cap, ada cap palsu dan sebagainya. Adakah cukup dengan pemantauan dua ke tiga sekali setahun yang dibuat oleh pihak KPDNHEP mampu untuk menangani isu ini pada pandangan Dato' Seri.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang saya sebut dua tiga kali itu adalah Ops Tenera tapi dalam eCOSS kita pun kita masukkan mereka perlu *submit* dokumen halal itu setiap tahun. Kita nak pastikan supaya sebab halal ini dia ada tempoh sijil dia, kan? Setiap tahun dia kena *renew*. Setiap kali *renewal* dia kena *submit* dalam sistem itu lebih mudah untuk kita *track*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang dalam sistem itu siapa yang akan kenal pasti? Siapakah, *department* mana yang akan kenal pasti oh, ini dia akan *trigger*, oh ini dah tamat tempoh tak diperbaharui. *So department* mana?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Setiap syarikat pembungkus itu perlu mengemukakan dokumen halal yang baru setiap tahun dalam sistem.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey sistem itu milik KPDNHEP, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: KPDN.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey siapa, *department* mana yang akan mengenal pasti?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ini yang di bawah urus setia ini Bahagian Subsidi dan Bekalan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Stanley ada nak kata apa-apa *on that*? Ada nak *clarify*? Nak memberi apa-apa sebarang justifikasi *on that*?

Dato' Dr. Stanley Tan [KPDN]: Yang dimaklumkan oleh Dato' Seri KSU tadilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi kalau tengok Laporan Ketua Audit Negara ini, mengenai minyak masak bersubsidi tiada status halal. Disebutkan dengan jelas pemegang kuota perlu mengemukakan dokumen pensijilan halal Malaysia kepada KPDN enam bulan sekali. Ertinya dua kali setahun.

Satu, kenapa tidak diikuti dua kali setahun? Kedua, mereka kena kemukakan kepada KPDN. KPDN tak pernah buat macam lawatan pemeriksaan mengejut tak tempat-tempat ini? Dia macam-macam. Restoran pun macam itu juga. Kalau kita tak buat apa, dia relaks sahaja. Tak payah nak pergi dapat *another* sijil dan sebagainya. Boleh Dato' Seri KSU beri sedikit pencerahan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tadi yang enam bulan itu yang saya sebut tadi itu adalah bagi yang syarikat baru beroperasi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi dalam Laporan Ketua Audit Negara tak disebut baru ataupun lama. Hanya disebut perlu mengemukakan setiap enam bulan. Dia tak sebut baru atau lama. Muka surat 3-40 dalam laporan. 3-40. Dia tak sebut baru atau lama. 5.4.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ini yang enam bulan ini selepas beroperasi. 3-40? Sekejap YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya. Muka surat tiga, *dash* 40 nombor 5.4. Minyak masak bersubsidi tiada status halal.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dua kali...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 5.4, *first paragraph*. Perenggan satu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: A? 5.4A?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 5.4A. *Last sentence* itu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dalam tempoh enam bulan selepas beroperasi, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Selepas beroperasi?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Bukan dua kali setahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ertinya dia dah mula beroperasi sahaja *every year* dia kena buat dua kali setahun?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak yang ini untuk yang baharu ini sebenarnya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi tak disebut sini, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya, tak disebut secara jelas.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi sini tak disebut.

■1310

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ini sebenarnya merujuk kepada syarikat baharu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi tak disebut di sinilah? Betul tidak? Ia tak disebut kerana kalau betul, itu ia punya prosedur SOP, *then* perlu disebutlah. Mungkin ini terlepas pandang pihak LKAN. Saya tak tahu.

Kalau Dato' Seri tengok Jadual 21 tu, *page* yang sama juga itu. Ia tiga syarikat di bawah, 7, 8, 9 tiada sijil halal. *[Merujuk kepada senaskhah dokumen].* Bukan kata dia tak hantar tapi tiada. *[Ketawa].* Ini tiada terus ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang ini yang gagal.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadual 21.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia tiga syarikat itu. Kelantan dua, Sarawak satu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, ini memang kita akui berlaku perkara ini Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa sebab sebenarnya, adakah kerana — saya tahu banyak *limitation, constrain,* tak cukup penguat kuasa dan sebagainya. Tapi ini *glaring* dia tak ada sijil halal. *Glaring* ertinya tak ada penguat kuasa yang pergi melawat tempat itulah. Bila *pi, pi* tengok, dia tak ada sijil halal tapi minyak masak ini susah nak kata halal tak halal ini kita — tapi kena ada sijillah daripada...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma itu saya nak maklumkan tadi itu, sumber ia memang kita pastikan halal sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi kena ada sijillah kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kadang kita pergi restoran, dia kata ini semua halal sebab ia tak ada *pork. So,* ia tak boleh. Ia kena ada sijil daripada JAKIM lah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, kita ambil maklum itu Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya. Okey, terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Boleh saya teruskan *ke*?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, seterusnya hala tuju. Ini hala tuju ni kebanyakan saya dah sentuh tadi apa yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak tanya sebelum *you move into* hala tuju. Dalam Laporan Ketua Audit Negara disebut ini yang *based on* minyak subsidilah ya. Lebih 60 peratus daripada minyak subsidi ini penapisnya adalah syarikat luar negara. Kita tak ada apa-apa garis panduankah supaya? Ini daripada MPOB lagi saya tahu. Ini bukan KDN punya kerja. Daripada MPOB lagi, lebih daripada 60 peratus syarikat penapis ini yang *most of it from Singapore* dan ada satu syarikat dari Jepun. Boleh bagi pencerahan Dato'? Saya terkejut juga kata, "Eh, minyak masak pun luar negarakah, orang Malaysia tak buat kah?"

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma sedikit penjelasan Yang Berhormat, memang sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, selama ini kita tak

ada dasar yang hanya membenarkan bekalan di terima daripada syarikat tempatan sahaja.

Keduanya, syarikat-syarikat ini yang mana pemegang sahamnya adalah pemegang saham yang daripada luar ini, mereka ini sebenarnya membuka kilang penapis di Malaysia. Mereka ini adalah pelabur yang membuka kilang di Malaysia yang memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia jugalah.

Satu lagi, saya fikir semasa kerajaan melaksanakan skim ini dulu ada beberapa faktor kenapa kilang-kilang ini dipilih. Semasa itu, kita beri ruang kepada syarikat pembungkus ini yang memilih pembekal. Mereka yang pilih.

Pertama dari segi lokasi. Lokasi yang dekat dengan kilang pembungkusan mereka.

Keduanya, dari segi kapasiti kilang itu sendiri. Dulunya kilang-kilang tempatan ini ia tidak ada keupayaan memberi bekalan yang konsisten kepada syarikat pembungkus. *So,* kebanyakan kilang pelabur luar ini, kilang mereka ini skala besar dari segi kapasiti pengeluarannya tinggi dan dari segi bekalan mereka ini *reliable* kepada syarikat pembungkus. Itu mungkin antara faktor kenapa kebanyakan pembungkus ini memilih kilang-kilang yang ini.

Ketiganya, dari segi *credit terms* ataupun *terms* yang diberikan itu mungkin lebih menarik berbanding dengan syarikat tempatan. Dalam penambahbaikan yang kita akan buat nanti, kita akan menetapkan kalau ada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Tidak jelas]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: ...Kalau ada — saya sebut mana-mana pembungkus baharu, mereka ini akan diminta untuk mengutamakan syarikat tempatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu antara penambahbaikan yang kita boleh buatlah. Kebanyakannya yang ini memang kita *inherit* daripada kementerian yang terdahululah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri, susulan daripada soalan Kubang Pasu. Boleh nyatakan pada PAC, nama syarikat tersebut yang merupakan pelabur.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ada dalam buku ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen].*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak, nak rekod sahaja. Nak rekod sahaja.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tambah satu lagi Datuk Pengerusi. Bolehkah dasar baharu dibuat oleh kementerian untuk memberi laluan kepada syarikat-syarikat GLC Malaysia? Contoh, FELDA, FELCRA, RISDA.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul, FELDA berapa banyak.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Dia pun pengeluar yang besar sekarang.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu pun soalan tambahan saya yang patut ditanya. Adakah pihak KPDNHEP juga merasakan bahawa dah sampai masa bahawa kita patut melahirkan, maksudnya anak syarikat GLC dan sebagainya yang membuat — maksudnya dari segi yang ada tiga kelebihan itulah, lokasi, kapasiti, dan juga *credit terms* tersebut?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sebenarnya Yang Berhormat, memang kita ke arah itu sekarang. Kita nak mengutamakan syarikat-syarikat tempatan dan kita mengalu-alukan kalau ada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan. Contoh, GLC ataupun GLIC yang mampu.

Cuma kadang-kadang ini fokus mereka mungkin sedikit berbeza. Saya ambil contoh, bila kita melaksanakan mekanisme kawalan harga minyak masak itu yang bila kemasan botol harga tinggi dan sebagainya itu, penyertaan daripada syarikat tempatan ada, kita ada daripada FGV. Kita ada daripada Sime Darby. Tetapi, kadang-kadang dari segi mesin yang dia ada, kemampuan dia untuk buat *packaging* itu ada limitasi jugalah. Contoh, Sime Darby baru-baru ini, Sime Darby kita *offer* kuota yang banyaklah tapi dia kata dia hanya mampu ini sahajalah sebab mesin.

Tetapi, yang ini antara keutamaan kita untuk pembungkusan minyak masak paket ini. Ini yang kita akan laksanakan. Kita nak supaya dikenal pasti dulu syarikat tempatan yang ada keupayaan. Kalau tak ada, sama ada kita tak benarkan atau *you* kena tukar lokasilah yang hampir kepada ni. Cuma ada beberapa masalah *since* YB Vivian masih ada lagi. Di Sabah ini, masalah kita nak wujudkan kilang pembungkus di pantai barat ini masalah. Sebab kebanyakan syarikat *refinery* ini di pantai timur di Sandakan, di Tawau. Itu masalah antara yang kami cuba kenal pastilah bagaimana kita nak atasi masalah untuk wujudkan lebih banyak syarikat pembungkus di pantai barat. Sebab dari segi populasi pantai barat Sabah ini populasinya lebih tinggilah berbanding pantai timur.

Berbalik kepada Yang Berhormat Pengerusi tanya tadi, kalau boleh saya sebutkan ini ada beberapa syarikat yang kita kenal pasti milikan asing. Pertamanya Bintulu Edible Oils Sdn. Bhd. Keduanya, Intercontinental Specialty Fats Sdn. Bhd., Jepun. Tadi itu Singapura. Seterusnya, Mewaholeo Industries Sdn. Bhd., Singapura.

[Dicelah] Ngo Chew Hong Oils and Fats Sdn Bhd, Singapura. PGeo Edible Oils Sdn. Bhd., Singapura. Ia ada tiga cawangan di Perak, di Johor, di Pulau Pinang — ada tiga ya. Itu PGeo semua Singapura. Seterusnya, Sandakan Edible Oils. Ini juga milikan Singapura. Seterusnya, Wilmar Edible Oil Sdn. Bhd., Pulau Pinang. Wilmar Kuantan Edible Oils Sdn. Bhd. juga Singapura walaupun dimiliki oleh warganegara Malaysia. Seterusnya, Wilmar Palm Products Sdn. Bhd., ini di Selangor.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri yang paling besar sekali kapasiti, ada tak dalam pengetahuan KPDNHEP?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Wilmar, PGeo antara yang besar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, saya nak tanya. Saya juga lihat satu *chart* yang saya cari dalam *internet*.

■1320

Macam syarikat— saya, saya boleh faham kesusahan kementerian *because like* Wilmar, *I* lihat dia semua *refinery* sini, macam Wilmar Edible Oils Sdn. Bhd. Butterworth ia adalah Malaysia. Tetapi kalau kita lihat Wilmar di tempat-tempat lain ia *it could be* Singapura, ada yang juga Indonesia. So, *it's the same companies but* dia punya ...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Shareholder*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ha, saya pun agak keliru kerana bagi saya *public listed company how do you define* sama ada ia adalah *Malaysian companies* ataupun Singapura *companies*.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Shareholder*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dia *public listed*.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ini subsidiari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh, ini *you consider* ini subsidiari.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Subsidiari.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *So, you are*...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *The parent company is Singapore*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Semua anak syarikat. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Parent company Singapore.* Dia dibuka, dia *invest* di sini *under* subsidiari.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Semua kilang itu anak syarikat, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Subsidiari.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Subsidiari.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, maksudnya ialah audit negara kita ini dia lihat *parent company* dia lah? *So, whether* — kerana saya lihat yang semua ini *refinery* ya, *public list of refineries and crushers* semua ini dia memang nama agak sama tetapi dia *could be* Indonesia ataupun Malaysia ataupun Singapura. *So, it's quite mixed* lah. *So,* saya pun tak faham yang LKAN *Report* bila sebut yang kilang penapis itu ialah *foreign companies* sama ada dia rujuk kepada cawangan *like what you say* ini semua cawangan di tempat-tempat yang berlainan ataupun *just parent company* ya?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang itu LKAN kena jawab. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada yang nak respons *on that*? Tak ada?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Saya rasa yang itu saya tak boleh nak menjawab persoalan itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya boleh tolong respons, Dato' Seri.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Kubang Pasu tolong.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau *the parents company belong to foreigner*, dia ada subsidiari, subsidiari itu pun *belong to foreigner* lah *based on shareholding. Very simple. [Ketawa]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak, *normally the parent company* takkan bagi *share more than 50 percent to others. They still control* lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *For 100 percent*. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Some might be 100 percent*. Boleh saya bergerak?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Teruskan. Ya.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Hala tuju ini lebih kepada apa yang kita akan buat penambahbaikan. Macam saya sentuh tadi termasuklah isu-isu sama ada kita boleh jual kepada bukan warganegara. Ini akan selesai apabila kita dah laksanakan *mobile* eCOSS ini memang kita tak benarkan lagi kepada warganegara. Sebab dalam — hanya warganegara sahaja yang boleh mendaftar kepada *mobile* eCOSS itu, *apps*. Di proses nanti seperti yang saya terang

dia ada — kita akan ada proses e-KYC bagi memastikan pemegang IC saja yang boleh daftar dan dia saja yang boleh buat pembelian nanti.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi warganegara pun bukan semua boleh, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Komersial tak boleh.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Warganegara *mean* kita sebagai warganegara kita layak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Hat* yang komersial, yang buat restoran besar.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu syarikat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak boleh lah, kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia makna dia kena beli atas individu. Bila beli atas individu ini kita ada had pembelian.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kita kawal had pembelian lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Macam mana — contoh, ada restoran okey. Kapasiti agak besar, kalau dia — ya lah, dengan eCOSS punya sistem ini dan dibeli bukan melalui syarikat tetapi dibeli melalui dia punya kakitangan pun — banyak benda itu berlaku kan, banyak kali berlaku. *So,* bagaimana nak mengatasi...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Akan ada *loophole* itu tetapi cuma kita boleh kawal — kita boleh minimumkan. Kalau dulu dia boleh beli dalam bentuk kotak tetapi kalau kali ini dia perlulah beratur dan saya — berulang-ulang lah dia kena beli. Itu macam saya sebut tadi yang penyeludup pun boleh berlaku kalau dia kumpul dekat rumah dia dalam sebulan itu boleh dapat 20 pek dia hantar. Macam itulah.

Okey. Yang seterusnya kita akan beri tumpuan kepada sistem pengesanan bekalan — seperti mana yang saya maklumkan tadi eCOSS ini membolehkan kita membuat semakan di semua peringkat bagi memastikan kita boleh *cross check* data-data itu kalau ada penyelewengan dekat situ boleh *trigger* dekat kita. Contoh kalau kata dia terima bekalan daripada syarikat pembungkusan *certain amount* dan kenapa barang itu tidak pergi kepada peruncit *that one* kita boleh *check* di peringkat pemborong nanti. Kenapa barang itu ataupun dia ada simpan ataupun dia ada buat penjualan secara tidak sah ataupun tidak dibenarkan dalam peraturan.

Yang seterusnya kita nak — untuk memastikan bekalan itu sampai dan dapat dinikmati oleh semua rakyat, yang saya sebut dalam awal tadi kita akan laksanakan pengezonan pengedaran. Yang ini antara langkah yang kita dah telah pun buat. Cuma, kita ada lagi beberapa penambahbaikan lah bagi memastikan pengezonan ini pun akan dapat memastikan bekalan sampai lah. Dan dalam masa yang sama kita juga telah pun menetapkan syarat semua Program Jualan Rahmah MADANI yang dijalankan oleh KPDN. Ini memang kita pastikan ada bekalan minyak masak paket lah. Itu antara juga langkah kawalan kerana di Jualan Rahmah MADANI ini kita tak benarkan warganegara selain daripada Malaysia untuk beli lah.

Okey. Itu yang antara *way forward* kita lah yang kita akan buat dan kita mengharapkan apabila kita dapat laksanakan sepenuhnya eCOSS dan juga *mobile* eCOSS nanti, isu-isu yang dibangkitkan ini dapat kita kurangkan kepada tahap yang paling minimum lah. Dan saya yakin sepanjang kita melaksanakan penambahbaikan ini akan ada lagi penambahbaikan yang perlu kita buat lah. *It has to be a continuous improvement* yang kita perlu buat dalam kita nak pastikan supaya tidak ada isu penyelewengan, ketirisan berlaku dalam pemberian subsidi oleh kerajaan melalui program-program yang di bawah kendalian KPDN.

Seterusnya saya nak kongsi, ini apa yang kita sebut eCOSS, eCOSS tadi. Fasa pertama kalau kita tengok sebelah kiri itu Yang Berhormat, ini fasa yang saya sebut tadi yang melibatkan daripada kilang penapis, syarikat *repacker*, pemborong dan sehingga peruncit. Yang sebelah kanan ini yang kita kotakkan merah ini ialah inilah aplikasi *mobile* eCOSS di mana daripada peruncit itu kita boleh *detect* siapa yang beli kerana yang dibenarkan membeli adalah mereka yang ada aplikasi *mobile* eCOSS sahaja lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, setiap rakyat Malaysia yang nak membeli...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kena *download*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Minyak masak paket ini kena *download*. Secara percuma?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Percuma.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh saya tahu kos bangunkan eCOSS ini adalah *in-house* ataupun ada pihak luar yang membangunkan ini? Kalau pihak luar, berapakah kos ini yang membangunkan eCOSS ini?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk pembangunan *mobile* eCOSS — sebenarnya kita pun tak ada kapasiti nak bangunkan sendiri tetapi kita melantik vendor untuk membangunkan *mobile* eCOSS ini. Dan setakat ini, untuk kos

keseluruhan untuk eCOSS termasuk *mobile* eCOSS adalah berjumlah RM2.148 juta sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa nama syarikat yang mengendalikan? Satu syarikat saja ke?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ada beberapa syarikat lah. Ada beberapa syarikat. Sebab bermula daripada 2018 kita dah— kita tambah baik, tambah baik sampai lah kita boleh membangunkan aplikasi *mobile* eCOSS.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, tentang yang eCOSS ini, adakah ia macam satu *app* yang mana kalau nak beli kena *scan* dekat sana...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya rasa mungkin perlu — kalau ini digunakan secara besar-besaran mungkin kena ada hadkan berapa paket dia beli.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya, itu yang saya sebut had pembelian tadi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Had pembelian. *That's one*. *Number two,* setakat sini ya kalau — kerana *office service center* saya selalu ada mereka yang bawah B40 yang datang minta duit semua itu, kan?

■1330

So, saya rasa mungkin mereka juga tak mampu ada *handphone* yang ada *apps* untuk buat semua ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Mereka juga tidak tahu macam mana nak buat.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *[Ketawa]* Cuma...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Itu sebab mereka datang kepada saya.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma YB, kita kenal pasti akan ada masalah. Dia ada dua atau tiga kaedah yang kita cuba akan laksanakan. Selain daripada mereka perlu *download* sistem eCOSS, bagi kawasan betul-betul luar bandar, kita bercadang untuk melaksanakan sistem kawalan ini secara manual sehinggalah seluruh rakyat Malaysia nanti mampu untuk ada *mobile.*

Yang keduanya, kita ada lagi satu platform yang boleh kita pakai adalah melalui SARA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ha.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *So*, kita akan — SARA sekarang ini apa yang kita laksanakan sekarang, setiap Jualan Rahmah KPDN yang mana operator mereka ini berdaftar dengan SARA, kita benarkan dibawa terminal SARA supaya mereka yang menerima bantuan SARA itu dapat *redeem* peruntukan SARA itu di Jualan Rahmah kita. *Where* dia orang boleh beli juga minyak masak peket di situlah. Yang itu kita akan benarkan. Maknanya, nanti kita akan *integrate* data antara SARA dengan eCOSS — *mobile* eCOSS kita. Mereka boleh beli di SARA-lah kalau mereka tidak ada dan kita boleh *detect* siapa pembeli di SARA itu juga untuk kita sebagai elemen kawalan dalam eCOSS kitalah.

Ketiganya di luar bandar betul itu manual lah. Kalau kawasan pedalaman Orang Asli takkan kita nak gunakan *mobile* eCOSS juga.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' KSU, kalau sekiranya tidak ada misal kata, pengguna ini dia tak *download* dan dia pun tak nak buat manual ya, *so* kesan dia tak dapat beli minyak peket?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia tak dapat beli minyak masak peket. Dia kena beli minyak masak botol lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, semalam kan yang Menteri Kewangan II, dia kata kerajaan kalau nak *control* itu apa RON95, akan guna PADU kan — maklumat sistem dalam PADU. Mungkin ini bolehkah ini — saya tak pastilah bila kerajaan nak buat melaksanakan ini *control* RON95 itu. Mungkin semua ini boleh disatukan di bawah satu *apps.* Jadi, kita tak perlu beli minyak masak, satu *apps* RM2.50. Lepas pergi RON95, satu *apps.* Semua — *apps* terlalu banyak dalam *handphone* kita sekarang.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Memori...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma yang untuk penyasaran subsidi petroleum, saya sebut petroleum lah. Dia *apps* dia berbeza, Yang Berhormat. Kalau *apps* yang akan digunakan nanti adalah bergantung kepada syarikat minyak itu sendiri. Kalau kita pergi PETRONAS, kita kena *download* Setel. Kalau kita pergi Shell, kita ada *apps* yang Shell.

So, dan *on top of that*, dia ada juga yang mereka terminal SARA *I think* — bukan SARA. Terminal MyKasih juga ada *and,* yang *Outside Terminal Payment* (OTP), *Inside Terminal Payment* (ITP) yang dikendalikan oleh syarikat — *dealer* minyak itu sendirilah. Dia berbeza. Dia tak sama dengan kita. *So*, kalau kita nak satukan satu *apps* itu, sekarang ini yang kita boleh lihat adalah melalui terminal SARA. Itu mungkin, tapi terminal SARA ini dari segi *coverage* dia, masih terhad.

Setakat ini dia hanya ada lebih kurang 4,100 premis yang ada terminal SARA. Buat masa ini termasuklah *retail* dan juga kedai-kedai runcit.

Okey, boleh saya sambung *next* ni, sebelum — tinggal dua, tiga slaid. Ini antara — saya nak maklumkan di sini ini ialah projek-projek rintis yang kita telah buat di program-program Jualan Rahmah. Kita telah bermula sejak Mei yang lalu di beberapa lokasi, di Putrajaya, Selangor, KL dan juga di Johor. Okey, *next.*

Seterusnya*,* saya nak kongsikan projek rintis di Johor yang kita telah buat. Fasa 1, kita telah mula pada 15 Mei bermula dengan di PGRM dan beberapa lokasi kedai runcit yang kita panggil *Point-of-Sale*. Ini *alhamdulillah*, kita dapat sokongan daripada Kerajaan Negeri Johor. Mereka memang bersama dengan KPDN dalam merancang dan menentukan lokasi-lokasi POS bagi penjualan minyak masak peket bersubsidi.

Fasa 2 kita akan buat pada 11 Ogos yang akan melibatkan 29 lagi POS. *Next.* Ini adalah lokasi mengikut daerah di mana POS, POS yang kita telah tetapkan untuk projek rintis ini. *Next,* dan ini adalah taburan yang merangkumi kesemua daerah di negeri Johor tu ada premis yang kita akan laksanakan projek rintis ini bersama dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Johor, dan kita harap selepas kita dapat laksanakan ini, kita dapat *roll out* ke seluruh negaralah. Itu yang kita nak melihat dari segi operasi, perjalanan sistem itu sendiri dan juga penerimaan masyarakat sebelum kita *roll out* seluruh negara.

Okey, *next.* Ini gambar-gambar yang kita buat program-program rintis kita di beberapa lokasi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak tanya. Apa kejayaan yang kita dah siap ialah 510 metrik tan itu kat Johor? *What is the result*?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dari segi penerimaannya, setakat ini positif, dan Kerajaan Negeri Johor memang memandang serius dari segi pengedaran minyak masak peket ini sebenarnya. Itu yang kita dapat *buy in* daripada Kerajaan Negeri Johor untuk kita buat secara rintis di negeri Johor dululah.

Alhamdulillah. Cuma, kita akan bantu dari segi pendaftaran itu sebenarnya. Kadang-kadang, ya lah telefon ini bila eKYC ni, dia tengok juga *brand*. Kadang kita nak ambil gambar pun, dia tak boleh cam gambar kita dan sebagainya. Itu yang kita akan ada *technical team* untuk ada di setiap program rintis kita ini untuk bantu pendaftaran lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Setengah tempat tak ada Wi-Fi itu Dato' Seri. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ha, yang ini kita pilih lokasi-lokasi yang memang ada *coverage*-lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kedai yang dekat kampung ini...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Itu yang saya sebut tadi. Ada yang mungkin kita terpaksa pergi manual terutamanya yang di bawah program pengedaran barang perlu kita tu memang betul-betul jauh pedalaman lah. Itu memang kena manual lah. Rekod.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato', saya ucap tahniah lah untuk penambahbaikan kecil pada modul pengguna. Okey, ini saya ambil ayat itu dekat dalam eCOSS sebab saya dah *download.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ha.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya baru *download* dan saya *test,* saya *test.* Okey. Tapi, saya tengok... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: YB *download* dan daftar? Dah daftar?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya tak daftar.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh, belum.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya tak daftar. Belum.

[Beberapa Ahli ketawa]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya baru ni, baru ni. Cuma, saya tengok dia belum ada *review. Instead of* buat *review* dekat sini kan *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*, jadi saya cadangkan pada KPDNHEP mungkin boleh minta kalau siapa itu, terus *review* cara penggunaan dia itu bagus ataupun — *so that* macam ada *trust,* dapat bina kepercayaan.

Sebab, *especially* bukan saya nak kata — maksudnya, ada pihak yang skeptikal...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...dengan *apps, apps* yang nak di-*download* dalam telefon mereka dikhuatiri dengan *scammer* dan sebagainya. Jadi, mungkin boleh ada *review* daripada pengguna-pengguna itu, boleh ditambah baik. *So that* macam mereka tahulah *apps* ni, *apps* yang betul. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Juga Pengerusi, mungkin KPDN perlu melalui semua pengurus Jualan Rahmah. Kena ada satu *survey*, pandangan saya lah yang bila kerajaan jual minyak masak yang 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Sebenarnya ia memang dapat membantu banyak keluarga. *So,* adakah ini — adakah kita masih perlu begitu banyak ini kos *you know*, itu paket *polybag* punya *oil* dijual kepada orang ramai. Sedangkan ramai melalui Jualan Rahmah sudah boleh beli minyak yang kualiti yang lebih baik dalam bentuk botol itu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma, untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita lihat yang kita bawa dalam Jualan Rahmah ini adalah kemasan botol lima kilo. Biasanyalah kita bawa dan kita bagi diskaun maksimum *30 percent.*

■1340

Tapi kalau kita *total up* harga itu dia masih lebih mahal berbanding dengan minyak masak paket. Minyak masak paket RM2.50 kali lima baru berapa? RM12.50, yang selalunya RM22 berapa sen kita bagi, maksimum. Itu maksimum diskaun yang kita bagilah RM22 lebih lagi.

Sama juga isunya di sempadan Thailand dan sebagainya. Minyak kita ini terlalu murah berbanding dengan harga yang dijual di Thailand-lah. Itu antara tarikan yang menyebabkan yalah, sempadan kita ini ada sungai, ada bukit, ada gunung masih lagi bolos.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Seri, boleh jelaskan pada PAC penggunaan eCOSS Mobile ini bagaimanakah dari segi pemantauan dari sudut digital masa nyata. Adakah memang tidak boleh dibuat pemantauan dari dia punya maksudnya waktu dan sebagainya supaya tidak ada elemen kecurangan yang berlaku dalam mana-mana *frame* waktu pembelian tersebut?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Melalui sistem ataupun kita sebut pendigitalan ini memang kita dapat *detect* dalam masa *real time* sebenarnya. Dalam masa yang sama apabila kita dah laksanakan eCOSS ini sepenuhnya ke seluruh negara dan kerajaan, KPDN memang ada cadangan untuk kita nak membangunkan satu sistem *data analysis* yang boleh memproses data-data ini dan membantu penguat kuasa KPDN *to detect any abnormally* yang berlaku dalam sistem ini supaya kita boleh kenal pasti awal dan kita ambil tindakan awal. Kita bukanlah hanya *collect data* dan simpan data itu sahaja tetapi kita akan analisa untuk tujuan pemantauan dan juga penguatkuasaan secara berterusan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagaimana pula dengan dari segi penguat kuasa sebab dia melalui proses digital, kan? Jadi, bagaimanakah dari segi *upgrade* pengetahuan ataupun latihan kepada...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk penguatkuasaan untuk makluman Yang Berhormat, memang kita ke arah penguatkuasaan yang moden menggunakan teknologi terkini, digital.

Kita telah membangunkan satu sistem penguat kuasa yang kita sebut *Integrated Enforcement Management System* (IEMS). *So* ada beberapa modul yang kita telah bangunkan, *insya-Allah* akan siap sepenuhnya pada tahun inilah keseluruhan modul itu.

Yang ini antara yang akan membantulah bagi mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan kerana kita tidak lagi boleh bergantung kepada *human resource* semata-mata dan kita kena pergi kepada teknologi.

Memang KPDN ke arah itu sekarang dan termasuklah apa yang kita sebut tadi kita nak bangunkan satu sistem analisis itu yang ini akan digunakan oleh penguat kuasa sebenarnya untuk...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah Dato' Seri berpandangan bahawa penguat kuasa yang berada di KPDNHEP hari ini dah mencukupi untuk melakukan semua penguatkuasaan dan dah dalam proses ke arah peralihan sebagaimana yang dinyatakan dan tak memerlukan pun lagi tambahan sumber manusia daripada — untuk ditambah baik *team* penguat kuasa ini? Pandangan Dato' Seri.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, buat masa ini sebenarnya sejujurnya memang KPDN kita memerlukan tambahanlah anggota. Ini disebabkan ada beberapa dasar baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan ini yang memerlukan penglibatan anggota penguat kuasa KPDN untuk membantu menguatkuasakanlah.

Saya ambil contoh misalnya penyasaran subsidi yang memerlukan pegawai penguat kuasa KPDN untuk turun dan memantau dari segi pergerakan harga yang berlaku di bawahlah. Tetapi saya melihat perkara ini bersifat musim. Bila bermusim, saya fikir apabila selesai semua inisiatif-inisiatif pasaran subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan, kita di KPDN ini akan kembali stabil.

So, buat masa ini apa yang kita lihat adalah bagaimana kita nak memenuhi keperluan sedia ada ini, kita melihat kepada teknologi dalam membantu. Saya mengambil sikap tidak terburu-buru untuk menambah pegawai dan juga kakitangan sehinggalah kita lihat dalam keadaan yang benar-benar perlu sahaja kita akan minta.

So, tindakan yang kita buat sekarang ini untuk makluman Ahli-ahli PAC, kita hanya memohon untuk kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kita buat pengisian penuh kepada perjawatan sedia adalah. Yang itu *alhamdulillah*. Terima kasih kepada JPA telah luluskan permohonan kita. Buat masa ini kita masih mampu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada KPDN setakat inilah.

Kita juga sebenarnya bukan buat secara bersendirian, Yang Berhormat. Kita juga minta bantuan daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, selaras dengan pendekatan *whole-of-government, whole-of-nation approach* yang kita buatlah. Yang itu pendekatan saya rasa banyak membantu agensi-agensi penguat kuasa bukan sahaja KPDN tapi juga agensi penguat kuasa yang lain dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Ahli Yang Berhormat ada soalan lain? Tidak ada, tidak ada. Okey, jadi saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan Dato' Seri KSU dan seluruh pasukan KPDNHEP kepada PAC pada hari ini.

Sekali lagi PAC mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan juga kerjasama yang diberikan kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha dan seluruh pasukan daripada KPDNHEP. Jadi kita tangguhkan persidangan kita pada jam 1.47 petang. *Insya-Allah,* kita akan sambung pada esok hari jam 12 tengah hari. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Terima kasih banyak Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli PAC. Cuma Yang Berhormat saya minta maaf saya nak betulkan sikit sahaja. KPDN sahaja, tidak ada H-E-P.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: KPDN.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia asyik bertukar-tukar. Itu yang *confuse*.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu yang kita tidak nak tukar dah. Kita kekal KPDN.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha, eloklah itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dulu yang "K" itu koperasi.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tak, "KK", dulu "KK". "KK", koperasi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi dulu. Saya pernah jaga di Kedah dulu KPNKK. Saya Exco Kedah jaga KPDNK Kedah dulu. Ada koperasi dulu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Pegawai, makan boleh ada dekat luar ya.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.48 tengah hari]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 6 Ogos 2025

Bil 6(b) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari
Pengarah (Bahagian Pengurusan Halal)

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 6 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Iffah Husna binti Rossid [Penolong Setiausaha (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Puan Fairina binti Jantan [Ketua Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]
Puan Sheela a/p Inthiram [Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Intra Agensi (Bahagian Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Siasatan)]
Encik Azizi Abdul Latif [Penolong Pesuruhanjaya (Bahagian Penyiasatan)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)
Puan Norbaizura binti Nasuron [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [Pengarah (Bahagian Pengurusan Halal)]
Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [Penolong Pengarah Kanan (Dasar)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 6 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.06 tengah hari

[Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi* wabarakatuh dan salam sejahtera serta selamat tengah hari saya ucapkan. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Teresa Kok, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara, Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini kita akan sambung semula. Ini adalah merupakan prosiding kedua berkenaan dengan isu pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di bawah KPDN dan juga kos sara hidup yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit 2/2025 – Aktiviti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Jadi, untuk makluman semua, Dato' Seri Ketua Audit Negara telah pun memberikan taklimat berkenan dengan Pengurusan Kawalan Harga dan juga Subsidi Minyak kepada seluruh Ahli Jawatankuasa PAC pada 24 Julai yang lalu. Jadi, berdasarkan taklimat diberikan, kita mendapat beberapa perkara, termasuklah kelemahan pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap program minyak masak bersubsidi. Termasuk, sebanyak sembilan daripada 72 sampel syarikat pembungkus tidak memiliki pensijilan halal.

Jadi, sehubungan dengan itu, PAC berpandangan bahawa adalah penting untuk kita mendengar penjelasan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhubung isu pensijilan halal bagi syarikat-syarikat pembungkus minyak sawit.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada hari ini ialah Yang Berbahagia Ustaz Muhyiddin bin Aziz @ Saari, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah JAKIM. Terima kasih dan juga setinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Ustaz kerana sudi hadir di hadapan PAC bagi memberikan penjelasan kepada PAC. Jadi, ustaz hari ini datang seorang, ya? Ada *team*?

Ustaz Muhyiddin bin Aziz@Saari [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada pegawai seorang.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada pegawai seorang, ya? Okey. Kalau pegawai nak duduk sebelah pun, boleh juga membantu. Jadi, kita senang nampak kerusi itu selalu penuh tetapi hari ini, JAKIM hantar dua orang sahaja. Panglima, kan? Okey. Senang kita nak nampak. *[Ketawa]* Panglima.

Okey. Ustaz, sebelum kita mula, ustaz ada taklimat ke ada *presentation* ke? Tak ada?

Ustaz Muhyiddin bin Aziz@ Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau setakat ini, tak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kalau tak ada, *then* saya boleh teruskan dengan soalan-soalan. Boleh tak maklumkan kepada PAC, ustaz sebenarnya adalah merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAKIM, ya? Bahagian Pengurusan Halal ini dah berapa lama diwujudkan?

Ustaz Muhyiddin bin Aziz@ Saari [JAKIM]: Kalau sejarahnya, pensijilan halal ini daripada tahun 74 lagilah dan struktur dari segi bahagian pengurusan ini sentiasa berubahlah, dan selaras dengan kedudukan JAKIM, penstrukturan semula JAKIM tahun 1997 itu, ada penstrukturan dan rujukan Bahagian Pengurusan Halal lah.

Yang terkini, sebenarnya yang menguruskan bahagian halal ini di JAKIM ada dua. Satu, Bahagian Sekretariat Majlis Halal Malaysia dan satu lagi, Bahagian Pengurusan Halal. Jadi, kedua-dua itu ada peranan yang tersendirilah, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Boleh tak ustaz jelaskan serba sedikit tentang peranan bahagian yang ustaz kendalikan ini? Berapakah kekuatan anggota yang ada di bawah unit ini? Terima kasih.

■1210

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Untuk Bahagian Pengurusan Halal ini, dari segi fungsinya yang utama adalah melaksanakan proses Pensijilan Halal Malaysialah dan proses pensijilan ini

dia akan bermula daripada permohonan. Kemudian, selepas kita terima permohonan, akan disemak dokumen dah lengkap sebagainya.

Selepas itu, akan pergi kepada proses pegawai akan semak dari segi dokumen dan penilaian ramuan. Di peringkat ini, penelitian kepada permohonan itu, lebih detil dan kita akan semak sama ada dokumennya lengkap ataupun tidak. Dan selepas itu, akan dikeluarkan surat caj untuk proses dan akan dikenakan bayaran untuk fi pengauditan. Dan selepas melalui proses semakan dokumen dan penilaian, selepas itu barulah akan ada proses pengauditan di lapangan dilaksanakan oleh juruaudit yang kita — yang di bawah JAKIM.

Dan setelah selesai proses pengauditan, maka selepas itu barulah apa ini, laporan daripada pengauditan tadi ini akan dibawa ke yang Mesyuarat Panel untuk kelulusan. Itu proses yang kita laksanakan dalam konteks pensijilan. Selain daripada itu, di Bahagian Pengurusan Halal juga, kita ada cawangan — kita ada seksyen yang melaksanakan pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Pemantauan adalah bagi pemegang-pemegang pensijilan halal. Kita akan buat pemantauan secara berkala ke atas syarikat-syarikat yang telah menerima pensijilan. Dan sekiranya ada aduan-aduan yang berkaitan dan sebagainya, maka pemantauan akan turun dan juga penguatkuasaan — dan sekiranya ada kes yang melibatkan perlanggaran dari segi Akta Perihal Dagangan, akan diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ustaz, ya lah, boleh tak nanti — saya yakin dan percaya dalam simpanan Ustaz ada. Apa nama ini, dia punya *flowchart* tersebut.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti serahkan kepada sekretariat PAC supaya kita senang. Cuma, dari segi permohonan ya.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Awal permohonan, serah dokumen, penilaian ramuan, proses audit, laporan auditan, panel persijilan, dia sebenarnya — berapa lama proses itu sebenarnya? Dia punya SOP ataupun KPI.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Berdasarkan KPI kita sekarang adalah 30 hari daripada tarikh dia buat bayaran, tarikh permohonan sampailah kepada tarikh akhir untuk kita keluarkan keputusan itu adalah 30 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 30 hari daripada fi auditankah ataupun...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Daripada permohonan dia.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Permohonan bila — permohonan akan bayar?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Permohonan — ya. Permohonan itu, dia bila kita semak, kemudian kita akan keluarkan caj. Surat caj dan dia lepas bayaran itu akan bermula proseslah. Sebab dia Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita 30 hari itu adalah masa yang kita ambil di peringkat pengurusan, bukan di peringkat industri. Sebab dia akan ada *two way* proses pengauditan.

Macam contohnya — Yang Berhormat ya. Bila kita menerima permohonan dan kita membuat pengauditan. Kemudian, bila pergi — bila pengauditan di lapangan dilakukan, di mana ada perkara-perkara yang tidak kita keluarkan *non-compliant,* ketidakpatuhan dia. Jadi, dari situ, kita bagi masa lima hari kepada syarikat untuk buat penambahbaikan dan sebagainya.

Dan ada kalanya, mereka ambil masa yang lebih. *So,* di peringkat masa mereka itu, kita tak, tak boleh nak *calculate* lah. *So,* kita akan tolak masa di peringkat industri. Kita ambil masa untuk kita uruskan sahaja dalam tempoh 30 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Daripada tempoh tersebut — yang ini sebenarnya proses ini adalah terpakai kepada sebarang apa nama ini — makanan ataupun permohonan untuk sijil halal. Betul? Maknanya, untuk minyak masak.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya, betul, betul. Termasuk.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Betul? Okey standard prosedur.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Standard prosedur.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Standard prosedur. Okey, misal kata semua daripada tarikh permohonan, semua berjalan baik dan lancar, berapakah waktu yang paling cepat untuk dikeluarkan sijil halal tersebut?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Secaranya umumnya, ada di peringkat pengurusan kita. Ada kategori syarikat yang kita masukkan dia di bawah *whitelist.* Di bawah *whitelist* ini maknanya syarikat yang kita *certified*-kan dia dan dia telah — ini untuk — *especially* untuk pembaharuan ya Yang Berhormat ya. *So,* kalau dia masuk di bawah kategori *whitelist*, kita boleh proses dia di bawah 14 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Senarai putih *(whitelist)?*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Whitelist. So, whitelist* ini dia ada rekod yang baik dari segi pengauditan, tidak ada NCR sewaktu kita turun buat pemantauan dan sebagainya, dan kita akan masukkan dia di bawah senarai *whitelist.* Dan kita akan maklum kepada syarikat, dia macam satu apa — penghargaan untuk syarikat itu sendiri. *So,* dia akan lebih cepat prosesnya berbanding dengan yang biasa.

Kalau permohonan baru ini, kita turun untuk pengauditan ataupun sebahagiannya kita untuk macam premis berangkai contohnya, yang di bawah JAKIM. Dia berangkai dia banyak kan? *So,* kita *randomly,* kita buat — sebahagian kita gunakan juga *remote audit* untuk premis-premis yang sedemikian.

So, within 14 hari ataupun untuk yang *fast* — untuk — *sorry.* Untuk *whitelist* tadi, 14 hari dan yang lain itu bergantung kepada masa yang pihak industri boleh, boleh sediakanlah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, sikit saja. Ada *whitelist,* ada tak *blacklist?* Yang baru itu satu hallah. Ada yang biasa kan? Ada tak *blacklist?*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Ah,* kita tak ada lah — kita guna istilah *whitelist* untuk permohonan ini, setakat ini tak ada lah. *So,* kalau dia kena penarikan balik sijil pun, dia boleh mohon baliklah nanti untuk dimasukkan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada *blacklist* lah?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tidaklah kita *blacklist* secara total.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ustaz, Ustaz kata tadi ini adalah sebahagian daripada pembaharuan.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelaskan pada PAC sejak bila pembaharuan ini dibuat?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Yang ini, secara umumnya untuk tempoh — *whitelist* ini memang kami amalkan. Memang telah kami praktis kan. Cuma masih di peringkat kami nak kemas kini dia dan saya ada mencadangkan untuk dimasukkan dalam inisiatif bajet — insentif bajet sebagai impak daripada insentif bajet itu adalah 14 harilah yang mempercepatkan proses itu. Supaya kita *official* kan dia lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey Ustaz. Maksudnya...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 30 hari — dah bagi tempoh pengurusanlah...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:...Untuk proses *everything* dan sebagainya ya. *So,* maksudnya 14 hari daripada tarikh tempoh yang kata kalau *whitelist* itulah.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya. Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang itu yang paling cepat?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Paling cepat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So,* maksudnya, ambil masa daripada tarikh hantar permohonan, kalau semua okey 30 hari, 14 hari...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, tiga — *eh,* 44 hari. Betul?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *No, no, no.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bukan?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dia *separate.* kalau *whitelist* itu, dia — kategori syarikat-syarikat. Yang *whitelist* itu, dia memang biasanya *below* 14 hari, kita boleh selesaikanlah. Sebab ada *fast-track* dia. Dia, kita akan jimatkan dari segi pengauditan dia di lapangan. Kita boleh terus bawa untuk kelulusan audit segera. *Fast-track* lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, kurang daripada 44 hari boleh diselesaikan sekiranya tak ada masalah dan juga dalam senarai *whitelist.* Betul?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kita memang KPI 30 hari YB. Kalau yang normal tadi itu, 30 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Oh,* maksudnya 30 saja dah boleh dah issue?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya, ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Oh,* okey. Boleh tak dalam rekod JAKIM sendiri ya, bagi tahun 2024, berapakah sijil halal yang dikeluarkan kurang daripada tempoh 45 hari? Maksudnya, 30 hari ya, 30 hari. Macam itulah. 30 ke 45 hari. Ada tak dalam senarai?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *[Ketawa]* Ada YB, saya kena semak. *Umm* — boleh saya semak dulu YB yang itu dari sudut tahun statistik 2024?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey Ustaz. Nanti Ustaz bagi kat kita...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Baik.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya cuma nak *clear* balik sebab saya macam ada keliru sedikit. Minta diperbetulkan. Maksudnya, kurang daripada 30 hari pun pernah — maksudnya dalam tempoh 14 hari, dah boleh *settle.* Betul? Dari tempoh permohonan itu?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ada yang kurang daripada 30 hari, ada yang kurang 14 hari. Tapi, sebenarnya *report* kita, masih kita pakai 30 harilah. Walaupun dari segi proses kerja yang berjalan sekarang ini, ada yang kurang daripada tempoh 30 hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya perlukan data tersebut. Maksudnya yang kurang 30 hari, kurang 14 hari semua itu, boleh serahkan pada sekretariat PAC?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan paling lama pernah ambil masa untuk pihak JAKIM keluarkan sijil halal berapa lama?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Umm,* ada yang lebih 30 hari itu kita ada data juga YB. Nanti, nanti...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti serahkan kepada kita.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Nanti saya bagi sekalilah data yang — data yang berkaitan yang ada berlaku, yang lebih daripada 30 hari tapi banyak faktorlah di antaranya. Tapi, *by the way,* saya akan bagi data yang berkaitan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nampak Wangsa Maju. Saya bagi pada Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sebelum soalan asal saya — nak soal soalan lanjutan ya. Maknanya yang lebih daripada 30 hari itu...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh kongsi sikit *dak,* sebab-sebab utamalah yang menyebabkan mengambil masa lebih daripada 30 hari?

■1220

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ada sebahagian itu dia teknikal punya *part* di peringkat sistem yang kita *calculation* untuk 30 hari itu dia ada

sedikit *error* dan sebagainya jadi dia tempoh itu dikira lewat. Contohnya kita bagi sesuatu permohonan apabila telah dibuat keputusan — KIV, maka itu adalah keputusan. Itu dianggap sebagai keputusan lah. Tetapi dia belum akhir lagi. Jadi, ada sesetengah keputusan bila dia KIV ini sebab-sebabnya kadang-kadang kita menunggu supaya industri memenuhi *requirement*, keperluan untuk persijilan. Contohnya, ada kes-kes yang dia memerlukan tambahan masa untuk dia dapatkan *result* ataupun keputusan analisis makmal dari segi produk dia. *So*, dia akan *delay time* untuk dia ambil masa macam itulah. *So*, itu akan menyebabkan proses itu lebih panjang daripada 30 hari lah yang kita tetapkan itu. Itu memang kita ada berlaku lah dalam sesetengah keadaan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Okey.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dan satu lagi Yang Berhormat ada sesetengah isu di-KIV-kan itu kerana memerlukan pandangan hukum terhadap sesuatu produk. Pandangan hukum ini dari segi Islam lah tentang produk itu halal ataupun tidak halal dan sebagainya. *So*, yang itu kadang-kadang proses itu ambil sedikit masa menyebabkan berlaku kelewatan dari segi kelulusan lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, soalan pertama soalan umum, soalan kedua yang khusus pada industri minyak masak inilah. Yang umum dia bila keluar contoh dia ada tanda halal, contoh dia *dye* rambut...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Bahan *dye* rambut untuk perempuan, ada tulis halal. Tapi kita tahu kalau perempuan kalau ikut — kecuali ada mazhab lain lah, *dye* rambut perempuan ini ada halal, yang halal dekat botol *dye* rambut itu apa yang halal dia? Boleh cerita sikit tak? Itu umumnya.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey, dia ada dua perkara Yang Berhormat. Satu adalah dari sudut *ingredient* yang digunakan itu adalah benda-benda yang suci dari segi syaraknya, *it's okay*. Tidak ada penggunaan perkara-perkara yang tidak dibenarkan oleh syarak. Tetapi hukum penggunaan itu satu hukum yang lain lah. Untuk menggunakan itu ada satu hukum yang lain pula lah dari segi penggunaan kerana setakat ini kita — mungkin ada sedikit tambahan pegawai saya.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey YB. untuk *dye* rambut ini dari segi prosedur-prosedur persijilan kita, dia termasuk dalam produk yang kita — yang tidak layak dipersijilkan dari segi persijilan halal Malaysia lah. Namun begitu, ada produk-produk yang dari luar negara yang dipersijilkan di luar negara yang memasuki Malaysia yang dari segi pemahamannya berbeza lah daripada kita sebab dari segi persijilan kita, kita nak menjaga dari segi sosialnya *dye*

rambut itu ada sesuai ataupun tidak. Jadi dari segi persijilan halal Malaysia tiada produk *dye* rambut yang dipersijilkan halal berikutan dia termasuk dalam produk-produk yang tidak layak memohon persijilan lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan, sebelum saya bagi kepada Wangsa Maju, boleh jelaskan nama, boleh terangkan pada kita siapa nama dan juga jawatan. Minta maaf ya.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Maaf YB. Nama saya Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin dari Cawangan Dasar, Seksyen Polisi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, balik kepada *dye* rambut itu. Maknanya, saya rasa itu produk Malaysia itu. Produk Malaysia tapi ada sijil halal Malaysia lah. Itu yang bila cakap halal itu kalau saya yang tak dalam, cetek pemahaman Islam, *"Oh, ada halal. Aku spray jelah."* Apa— *spray* ke apa kan. Maknanya, itu yang nak tahu itu. Maknanya, halal dalam bahan itu saya tahu, saya tahu lah dari segi bahan itu *insya-Allah.* Halal tapi dari segi kalau halal itu dari segi ramuan, penggunaan itu haram, kenapa kita letak halal dekat situ kecuali mengelirukan. Kalau dekat seksyen 36(4) dalam Dewan Parlimen ini itu mengelirukan. *[Ketawa]*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Setakat ini dalam kita punya persijilan memang kita tidak bagi. *So*, kalau boleh kita minta untuk kalau YB ada maklumat untuk kita semak sama ada, ada pemalsuan kepada logo halal atau sebagainya untuk kami semak produk berkenaan. Sebab setakat ini kita tak bagi untuk produk yang berkaitan lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah, saya tak pakai. Kebetulan saya tengok...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB, kita pun tahu YB tak pakai. *[Ketawa]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, soalan. Berbalik kepada pasal minyak masak ini, kita semalam ada sesi dengan KSU kementerian dan sebagainya. Dari segi minyak masak ini pensijilan halal itu datang dalam dua peringkat. Satu pengilangan, satu pembungkusan. Pengilangan itu rasa saya tidak–– bukan setiap hari ada pengilang baru lah. Pengilang itu *is a repeat* punya *client* kepada JAKIM untuk pengeluaran sijil halal itu. Itu satu bab.

Lagi satu bab dari segi pembungkusan. Pembungkusan, kita dimaklumkan pembungkusan ini, pengeluaran sijil halal untuk pembungkusan ini mereka perlu siapkan semua dulu baru boleh buat permohonan pensijilan halal. Pada pandangan saya lah, kalau pengilangan itu boleh juga lah maknanya kita tak ada barang yang

kilang ini. Dari segi pembungkusan itu apa rasional dia, apa sebab dia sehinggakan pembungkusan itu kena semua siap dulu baru mereka boleh *apply.* Walhal pada saya kalau pembungkusan itu lebih kepada *mechanics* ataupun *machine-machine* yang nak bungkus sahaja *because* barang yang halal tak halal itu datang daripada kilang. Jadi kenapa, apakah rasional dia?

Adakah kemungkinan proses pengeluaran pensijilan itu untuk pembungkusan yang melibatkan banyak *machine* sahaja boleh dibuat sebelum mereka beroperasi? Kerana kita difahamkan semalam mereka dah siap semua itu lepas itu baru nak *apply*. Jadi, dia memerlukan kata sampai enam bulan. Jadi, itu yang difahamkan semalam lah. Jadi, nak dapatkan penjelasan lah. Terima kasih.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam manual persijilan halal kita menetapkan untuk semua permohonan syarikat perlu beroperasi tiga bulan sebab bila kita– – rasionalnya bila kita nak buat pengauditan, kita nak tengok dokumen-dokumen dia berkaitan. *So*, kalau dia baru *start* beroperasi, kita tak ada dokumen apa untuk kita buat semakan. *That's why overall*, secara keseluruhannya kita menetapkan syarikat kena beroperasi tiga bulan *then* baru kita akan — untuk membolehkan kita membuat pengauditan.

Contohnya kalau, contoh premis makanan. Kita ada sembilan skim sekarang ini di bawah persijilan halal. Jadi kita nak tengok dia *supplier* dia di mana, apa dia punya pembekal dia macam mana, semua itu kita nak dia beroperasi dulu. Sebab itu ada sesetengah saya boleh sebut Pengerusi ya, contohnya kalau kita macam syarikat bila dia — ini syarikat, luar sikit. Syarikat kalau dia masuk tender ada syarikat contoh *especially* macam kantin, kan? Kalau kita mensyaratkan dia perlu ada sijil halal dulu bermakna dia dah ada katering dan dia kena *certified* dia punya katering itu baru dia boleh masuk tender. Tapi kalau kita mensyaratkan dia, kita boleh terima contohnya syarikat itu dia masuk sedangkan dia menggunakan premis itu untuk memasak, dia kena beroperasi dulu tiga bulan baru kita *certified* dia sebab kita akan tengok *everything*, dokumen apa semua.

So, sama juga permohonan produk ini maknanya dia kena beroperasi, kita syaratkan dia beroperasi tiga bulan untuk bila kita menjalankan pengauditan kita boleh semak semua dokumen-dokumen dia yang ada dan selain kita akan tengok macam mana tempat operasinya lah macam mana dari segi dia punya *storage* dia, macam mana *packaging* dia dan sebagainya, perkara-perkara yang demikian lah. Sebab itu kita dalam manual persijilan halal itu menetapkan tiga bulan untuk dia beroperasi. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi kalau — sebelum. Maknanya– – soalan lanjutan, maknanya dalam SOP sekarang ini tiga bulan beroperasi, dia buat permohonan. Maknanya paling cepat empat bulan lah. Maknanya tiga bulan beroperasi, sebulan permohonan yang disebutkan tadi lah. Jadi dalam masa empat bulan mereka boleh dapat kecuali mereka ada *nine compliances* yang berbagai-bagai. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Shah Alam dulu. Terima kasih Kapar. Saya khususkan pada minyak masak sahaja ustaz. Ya lah, minyak masak ini secara umumnya dia benda yang halal lah, tak ada apa-apakan kecuali ada *additive* yang ditambah ke dalam situ yang mungkin ada campuran bahan lain. Jadi saya nak tahu lah dalam minyak masak ini daripada pengauditan oleh JAKIM adakah mereka memasukkan *additive* ke dalam minyak masak ini untuk— itu satu, satu soalan, yang mungkin itu antara penyebab kenapa yang membolehkan dia menjadi tak halal lah.

■1230

Keduanya — pada saya dia lebih mudah. Nombor duanya kalau dia mudah, apakah elemen-elemen yang mungkin yang menyebabkan dia ini sama ada ditolak kah ataupun yang menyebabkan pengusaha-pengusaha khususnya yang pembungkus ini menyebabkan mereka ini tidak berminat untuk mendapatkan sijil halal itu. Terima kasih.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey YB, dari segi minyak masak dia bergantung kepada *formulation product* itu. Kalau sekiranya ada produk yang dia *enhance* dari segi vitamin dan sebagainya ada kebarangkalian bahan mentah lain dimasukkan ke dalam minyak masak itu. Kita perlu tengok bahan apa. Kalau sekiranya bahan itu adalah bahan yang boleh daripada sumber haiwan, dia akan jadi kritikal dan boleh jadi tidak halal.

YB, saya nak tambah sikit berkaitan tempoh yang tiga bulan dan empat bulan tadi itu. Kalau dia adalah permohonan yang dah sedia ada memproses, tempoh tiga bulan itu dia dah maksudnya kita nak dia bukannya kilang baru nak bina supaya ada mesinnya yang boleh diaudit. Ada bahan mentahnya yang boleh kita tengok. Itu sebab kita meletakkan syarat-syarat begitu. Dari segi peraturan undang-undang dia perlu ada lesen PBT yang mengambil masa. Biasanya untuk dia dapat lesen dia kena ada *building* dulu dan ada tempoh dia.

Sebenarnya, tempoh tiga bulan itu adalah lebih pendek daripada tempoh yang dia boleh mendapat lesen-lesen yang berkaitan. Tapi sekiranya pengusaha pengilang itu telah beroperasi — sedia ada beroperasi, keperluan tiga bulan itu tak ada. Dia boleh terus memohon dan boleh mendapat pensijilan dalam tempoh 30 hari.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Soalan saya tadi itu kalau ada yang macam ditolak.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey ditolak. Kalau dari segi permohonan kalau ditolak biasanya dia ada dokumentasi-dokumentasi yang perlu dikemukakan. Macam contoh dia perlu dari segi maklumat SSM, lesen PBT, pekerja dia dan sebagainya. Bila mana dia buat permohonan dokumen-dokumen ini tak dikemukakan. Ada yang tak lengkap, jadi kita akan menolak lah permohonan sebab benda itu tak boleh untuk dilakukan proses selanjutnya tapi kita terpaksa tolak. Tapi dia boleh memohon semula.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya JAKIM. Daripada pengalaman JAKIM kan berapa permohonan untuk minyak masak yang daripada terpakai. Minyak terpakai yang diberi *packaging* dah diproses untuk dijual semula. Itu pertama dulu. Ada tak?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Berkait dengan minyak terpakai ini kita setakat ini kita tak *certified* kan kerana di sana memerlukan penelitian dari segi hukum sebagai penggunaan minyak itu diambil dekat mana, kita perlu jelas. Kita tak *certified* setakat ini minyak-minyak masak yang terpakai ini. Sebab kecuali untuk *biomass* punya penggunaan untuk kenderaan dan sebagainya yang itu tak ada keperluan untuk pensijilan. Tapi kalau untuk digunakan semula kita tak *certified* kan dia kerana sumber minyak masak itu dia pelbagai. Jadi yang itu memerlukan pandangan hukum Jawatankuasa melalui muzakarah dulu sebelum apa-apa tindakan berkaitan dengan pensijilan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jadi, maknanya minyak yang *packaging* yang bersubsidi sekarang ini yang dikatakan tak ada lagi pensijilan halal kan sebab tak ada permohonan kah apa? Yang ada sekarang yang botol-botol yang biasa-biasa yang komersial itu kan yang bersubsidi. Maknanya untuk B40 ini. Ada ke tak?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Sekejap ya, saya rujuk kejap.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ada tak?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Ada yang ada. Saya ingat ada yang ada, ada yang tak ada.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia tak menyeluruh.

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Kalau data yang ada dalam sistem kita, dia ada sebanyak 439 syarikat yang berkaitan dengan minyak masak yang kita dah persijilkan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu menyeluruh. Bukan yang *packaging* kecil-kecil yang saya maksudkan ini? Ini untuk yang besar, untuk sendiri, persendirian itu.

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Maklumat ini saya kena semak kalau nak *detail* yang *company* itu. Tapi daripada 439 ini, 99 ini kategori dagangan dan 340 adalah kategori pengeluaran. Pengeluaran *meaning* kilang, yang lain itu untuk jualan — 99 itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Keduanya setakat ini berapakah permintaan untuk sijil halal di Sabah dan di Sarawak? Sebab kita tengok tak banyak *kot*. Bukan minyak masak sahaja lah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Saya boleh katakan di Sabah dan Sarawak ini agak — di Sabah *especially* agak kurang berbanding tempat lain. Untuk di Sabah ini pengurusan pensijilan halal diuruskan oleh pihak Majlis Agama Islam Sabah untuk pensijilan di peringkat negeri.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak sama standard dengan JAKIM lah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Kita guna standard yang sama Yang Berhormat tapi di peringkat JAKIM dalam penyelarasan antara JAKIM dengan negeri ini antara yang masuk di bawah JAKIM adalah kategori premis berangkai ataupun — premis berangkai macam KFC apa semua itu yang berangkai. Sekarang ini banyak yang *coffee, coffee* yang berangkai-rangkai itu sebab dia *cross border* negeri. *So*, itu justifikasi bawah JAKIM akan laksanakan pensijilan. Tapi untuk yang di negeri itu sahaja, *located* di negeri itu sahaja maka negeri yang akan buat pensijilan ke atas kilang ataupun syarikat berkenaan tetapi standard sama dan logo satu, standard sama digunakan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Logo sama dengan JAKIM?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Logo satu. Satu logo. Tapi urusan semakan dokumen, audit dan pengeluaran sijil — panel dia pun akan panel negeri yang akan keluarkan pengesahan itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ustaz, jadi maknanya itu bererti balik kepada isu minyak masak ini. Maknanya kalau pembungkusan berlaku di *state* itu, dia satu premis sahaja yang membungkusnya di negeri Selangor, contoh. Jadi yang akan buat pensijilan dia, proses semua itu adalah di peringkat?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Peringkat negeri.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Peringkat negeri. Maknanya JAIS lah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* JAIS.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh begitu. Juga menggunakan SOP yang sama?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* SOP sama.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Ada tak kisah-kisah di mana JAKIM didapati bahawa di peringkat negeri yang proses-kan menggunakan SOP yang sama dan sebagainya itu tidak memenuhi SOP itu di peringkat negeri?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Dari segi macam penolakan permohonan YB contohnya. Kalau berdasarkan *in general* sesetengah negeri permohonan dia tidak begitu banyak untuk permohonan pensijilan. Contoh lah kan. Mungkin sebab dia rasa dah halal lah. Dah halal. *So* permohonan itu agak tak banyak. *So*, negeri dia akan biar lah dulu. Tak apa. Janji supaya mereka dapat pensijilan halal juga *so* dia tak tolak permohonan itu terus-terus. Kalau sepatutnya dia boleh tolak terus permohonan itu bila tak lengkap tapi negeri bagi masa lagi dan sebagainya.

Itu yang pertimbangan-pertimbangan yang negeri bagi lah kerana kadang-kadang permohonan pun tak banyak. Mereka lebih *consider* supaya nak galakkan orang mengambil pensijilan halal itu di *certain* negeri. Tapi kalau tengok dari segi jumlah permohonan Selangor memang tinggi. Beberapa negeri ini memang tinggi. Selangor ini antara yang tertinggi dari segi jumlah permohonan setiap tahun.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Berbalik kepada ini sebab kita, okey Selangor ini mungkin mudah sikit. Lagipun dekat dengan JAKIM kan. Walaupun maknanya — dua soalan saya. Satu, kalau negeri-negeri yang memantau dan mengesahkan, bagaimana pemantauan daripada pihak JAKIM sebab dia menggunakan logo JAKIM yang sama tadi kan. Berapa kerap? macam mana buat? siapa yang buat dan sebagainya? Satu.

Kedua, orang kata nak dapat sijil halal ini susah lah. Kompleks. Kalau katakan wanita, ibu tunggal kata dia nak buat masak-masak dan sebagainya, dia *complicated* sangat. Susah sangat nak buat sijil halal ini. Apa komen ustaz?

Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Kita ada pensijilan yang bersifat *home-based,* YB. Contohnya *home-based* itu kita boleh *certified* kan dan dia lebih rendah daripada *requirement* dia berbanding dengan *requirement* untuk pensijilan halal. Sebab kalau pensijilan biasa perlukan lesen PBT dan sebagainya untuk beroperasi.

■1240

Tapi untuk yang *home-based,* kita panggil bawah *cottage* ini ia boleh beroperasi dengan syarat tidak ada — beberapa syarat ditentukan dalam garis

panduan. Antaranya tidak boleh ada kacau ganggu kepada masyarakat setempat. *Since* tak ada itu, dia boleh *apply* dan memang ada negeri pun yang laksanakan industri *cottage* ini memang di Selangor pun ada. Di Negeri Sembilan pun dah jalankan industri *cottage.*

Cottage ini *home-based,* dia buat di rumah. Tapi, kita punya syarat ini tak boleh guna dapur samalah. Dapur tak boleh guna dapur sama, peralatan sama dekat rumah dia tak boleh. *So,* dia kena *separately.*

Ini ada institusi-institusi yang menawarkan, sebagainya contohnya Kerajaan Negeri Sembilan menawarkan insentif RM5,000 untuk mereka bina kelengkapan dan sebagainya. Ada kerajaan negeri yang ambil inisiatif sedemikianlah. Dan ada juga pihak-pihak lain yang menawarkan dari sudut Hal-Cube Bank Islam untuk mereka beroperasi dengan kemudahan itu dan mereka bayar kepada Bank Islam-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Daripada segi kos itu ustaz? Kalau *home-based* mungkin yang kecil-kecilan, dia orang kata susah nak jadikan halal, kompleks dia kata. Lepas itu menambahkan kos lagi. Macam mana komen ustaz?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kita lihat kalau dari sudut *business,* kalaulah syarikat itu dah memenuhi *requirement* pihak berkuasa tempatan. SSM dia daftar. *So,* tambahan dia adalah untuk nilai tambah dia adalah persijilan halal.

So, kalau dia dah lepas dari sudut PBT dari segi kebersihan, KKM pun dah selesai, *meaning just* tambah untuk persijilan halal sahaja, itu tak akan ada bebanan kosnya. Dia kena bayar fi pengauditan dan fi proses sahaja. Untuk dua tahun RM200 kalau industri kecil — RM200 untuk dua tahun dan RM20 untuk fi proses. Itu bayaran yang dikenakan.

Tapi, mungkin YB dari sudut kami punya *observation,* yang jadi masalah kalau dia *start from zero.* Kalau dia baru nak *start business* dan dia nak kena buat semua, rumah dia kena buat, kedai dia kena nak *renovation,* apa semua. Dan semua itu sebahagiannya ada *requirement* di bawah KKM punya *requirement,* PBT punya *requirement.* Tapi dia mohon sijil halal.

Jadi bebanan itu dia kata nak dapat sijil halal ini susah, nak dapat sijil halal ini mahal dan sebagainya. Sebenarnya, *in terms* kita nak *business* benda itu kalau *requirement* itu dah wajib dah sepatutnya di bawah Akta Makanan, di bawah akta-akta PBT dam sebagainya, dah masuk dah sebenarnya. Itu kami punya *observation*-lah, setakat *observation.* Tapi kalau untuk RM200 itu adalah untuk industri kecillah, yang besar ia ada *rate* yang berbeza sikit.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ustaz saya nak patah balik pada proses ini. Yang untuk, yalah kata 30 hari. Cuma saya nak

tahu, ada tak KPI yang ditetapkan oleh JAKIM? Misalnya kalau dia tak cukup borang itu dan dia patah balik kepada — daripada JAKIM lihat dokumen itu tidak mencukupi. Jadi maklumkan kepada dia dalam tempoh berapa lama? Setelah pihak panel dapati macam tak cukup, berapa lama keluar *notify* kepada pemohon? Satu.

Then, pemohon, *once* dia bagi, misal kata dia ambil masa seminggulah. Dia bagi balik kepada JAKIM dan berapa hari KPI yang ditetapkan JAKIM untuk *revert* balik? Maksudnya, oh dokumen dah lengkap dan sebagainya. Jadi kita nak tahu itu.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Pertama, permohonan persijilan halal ini secara *online.* Dia hantar secara *online.* Kalau dokumen dia tidak lengkap, sistem akan tolak. Satu. Penolakan itu boleh berlaku di peringkat sistemlah. Kalau dia *submit* dokumen dan ada keperluan yang tidak dipenuhi sistem akan tolak.

Kemudian selepas dia *submit* dalam sistem, dia kena hantar *hardcopy document, right now*-lah dia kena hantar *hardcopy document* di pejabat, sama ada di JAKIM ataupun di negeri-negeri, hantar *hardcopy document.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada tempoh masa tak diberikan untuk hantar dokumen itu setelah dia...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Within* lima hari selepas dia *submit document.* Dia kena hantarlah. *So,* kalau dia tak hantar juga mungkin akan berlaku penolakan jugalah.

So, nanti bila dia hantar di kaunter, kalau ada dokumen-dokumen ataupun dia punya *requirement* yang tidak dipenuhi juga mungkin kaunter akan tolak juga. Itu di peringkat penolakanlah.

So, selepas itu kalau dokumen dia lengkap dia akan proseslah. Sebab kita tak nak nanti dia akan *delay* dan ramai orang akan menganggap bahawa JAKIM melambatkan proses. Sedangkan tanggungjawab di peringkat pemohon itu yang menyediakan dokumen selengkapnya. Kadang-kadang dia tak bagi lampiran sijil yang kita nak sahkan pematuhan halal dan sebagainya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, sebab saya tanya KPI itu sebab ada persepsi di luar sana yang menyatakan bahawa, *"Oh, ini JAKIM-lah ini yang lambat-lambatkan."* Saya rasa ustaz pun *aware* dengan kebanyakan *remark* yang dibuat terhadap JAKIM sampai ada, *"Oh, ada sampai nak dekat setahun baru dapat sijil."*

Jadi dia meletakkan label kelewatan itu kepada JAKIM. Jadi soalan saya tadi yang KPI hari itu memang tidak ada KPI? Ia berdasarkan kepada bagaimana?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey YB, kalau dari segi tempoh yang saya sebut 30 hari itu untuk permohonan ini. Secara perinciannya,

kalau secara keseluruhannya permohonan semakan dokumen, satu hari. Untuk audit kecukupan dan penilaian ramuan, kita pergi antara tiga ke 14 hari untuk kita buat proses.

Sebab ia penilaian ramuan ini agak rumitlah YB, agak rumit sebab ada — contohlah, kita ambil ada hotel yang dia hantar menu dia sahaja pun dah 800, 1,000. Belum lagi pergi *ingredient* dia.

So, ingredient kita *verified* satu, satu, *source* dia. *So, that's why* ia akan ambil masalah untuk semakan. Semakan dokumen dan juga proses penilaian ramuan.

Ada juga bahan mentah yang ada bahan yang dia tak ada sijil halal tapi kita nak tengok macam mana dia punya analisis dia? Ada melibatkan benda-benda yang — *so,* yang itu pun kita terima kalau dia boleh jelaskan dari sudut proses tak ada melibatkan perkara-perkara yang berkaitan.

Kemudian kita akan terima bayaran dan keluar resit bayaran satu hari. Penjadualan dan persediaan audit kita ambil enam hari. Pelaksanaan audit pengeluaran satu hari. Penyediaan laporan dan syor lima hari dan akhir sekali mesyuarat panel dan pengurusan dalam tempoh satu hari.

So...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ustaz nanti boleh bagi kepada sekretariat senarai itu?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Boleh, *insya-Allah. So,* kalau tengok sini YB ia ada yang kita boleh proses 19 hari, 21 hari, 26 hari dan 30 hari. Itu ia punya proseslah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi, ya ustaz.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: YB Dato'.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak dapatkan pencerahan lebih sikit mengenai kolaborasi *state* dengan JKM dalam memberikan sijil halal. Saya pun dulu ada juga terlibat juga dengan Jabatan Agama Islam dan ramai kawan-kawan di situ di Kedah-lah.

Ia macam mana, JKM ini dia bagi kuasa kepada negeri untuk bagi sijil halal atau bagaimana? Apakah jenis perniagaan yang Jabatan Agama Islam Negeri boleh buat dan yang lain hanya JKM boleh buat? Ada perbezaan tak?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Pertama di dalam Akta Perihal Dagangan 2011, ia menyatakan bahawa pihak berkuasa berwibawa di bawah persijilan halal adalah JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri ataupun Majlis Agama Islam Negeri.

So, sebab itu untuk pensijilan itu memang diletakkan di bawah negerilah dari segi autoriti, di bawah APD 2011 di-*state*-kan begitu, bidang kuasa negeri di dalam persijilan halal.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi sijil halal itu JKM punya sijil halallah?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: JAKIM, JAKIM.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: JAKIM-lah. *And then* yang menandatangani sijil itu pihak...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ketua Pengarah JAKIM.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: JAKIM juga.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: JAKIM.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, JAKIM bagi sijil...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Sebab sijil ini semua sistem. Permohonan melalui sistem. Lepas itu, kalau negeri dah buat keputusan bagi sijil. Sistem akan keluarkan sijil itu. Sijil itu JAKIM yang *control* dari segi pengeluaran sijil.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So,* negeri ini ia hanya buat proseslah sahaja? Saya dulu pernah terjumpa ustaz, sijil JAKIM di Koh Samui, dia jual burger. Luar negara pun boleh minta dengan JAKIM? *[Ketawa].* Saya pun terkejut juga. Baguslah saya katakan. Kita nak makan pun puaslah.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih YB. Ia menarik juga soalan. Sebenarnya kita buat persijilan — selain kita buat persijilan di dalam negara, JAKIM juga *certified* kilang tapi bukan yang premis jual burger, Dato' ya, kilang yang dia ada *branch* dekat Malaysia ataupun kilang Malaysia yang dia —— syarikat di Malaysia kilang dia di luar negara.

■1250

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mungkin macam Ramly Burger itulah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya, contoh Ramly.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia jual dalam itu, dia boleh jual halal lah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Betul, betul. Tetapi, yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang di sana, tak ada orang boleh *check*-lah, kan?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Yang premis itu, kita tak bagi — yang jual di tepi jalan itu, tak ada. Kita tak *certified* sebab di Thailand, ada badan

persijilan dia sendiri. CICOT yang akan bagi *certified* untuk produk halal di Thailand lah. Jadi, kilang itu contohnya, kilang sos cili Malaysia, syarikat di Malaysia tetapi kilang dia di Thailand. *So,* dia boleh mohon pensijilan halal sebab produk dia akan masuk Malaysia. Kita akan pergi audit di sana dan keluar sijil.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang ini, dia jual pun di Thailand ini tetapi sijil JAKIM.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Itu pemalsuan. *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak tahulah macam manalah dia buat. Saya pun — kita syoklah tengok itu kan, JAKIM punya. *[Ketawa]* Lagi satu ini ustaz, sebenarnya bab halal ini, dia *very big scope*-lah.

Semua orang berminat. Bukan sahaja peniaga-peniaga orang Islam, peniaga-peniaga yang bukan Islam pun *depa* minat benda ini sebab dia nak pastikan kedai itu, restoran dia itu terutamanya orang Islam masuk ya. Jadi, dia untung. Kalau yang tak ada ini, yang tak sijil itu, orang bukan Islam sahaja dia punya pelanggan. Kalau dia ada, dua-dua ada.

Hospital UKM baru ini, dia keluar dalam Laporan Ketua Audit Negara, ada disebut mengenai halal apakah, kantin *ke* apakah. Dia macam mana itu, ustaz? Apa — *depa* kata, JAKIM bagi lambatlah, apa lah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih, YB. Itu saya sebut dalam tadi itu, isunya adalah kalau kita syaratkan dalam tender, dia kena dapat sijil halal, *right?* Maknanya, kalau dia — kita syaratkan dalam tender, dia kena dapat sijil halal, maknanya orang yang masuk tender itu, dia mesti dah ada katering. Dia mesti bersifat katering.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Awal-awal dia dah ada?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Awal-awal itu, dia kena ada katering yang dah *certified* halal. Tetapi, model di UKM ini adalah dia masak dekat situ.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *So,* bila dia masak dekat situ, *meaning that* dia kena operasi, baru dia boleh mohon sijil halal. Tiga bulan dari dia sebut tadi itu, baru kita boleh *certified.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, kes UKM macam itulah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kesnya macam itulah. Tetapi, ada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, tiga bulan yang orang *duk* makan itu tak ada sijillah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tak ada sijil, tak haramlah. *[Ketawa]* Kita dah berhubung dengan UKM. Dia kata, memang dia pastikan daripada awal pun halal. *Insya-Allah.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okeylah itu. Lagi satu ustaz, ini kes dari kita ini, yang kita benarkan daging lembu daripada Amerika Syarikat masuk Malaysia ini, macam mana? Dulu kita tak luluskan, tetapi sekarang kita dah luluskan. Apa isu dia?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dalam isu loji penyembelihan di luar negara ni, amalan kita amalan yang berlaku sekarang ini ialah JAKIM — kita akan *certify* badan persijilan luar negara. Badan yang *certified* di negara-negara itu, kita akan *certify*-kan. Sekarang ini, kita ada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya ingat Taiwan pun ada kan? Taiwan.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Banyak negara.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Taiwan pun ada.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Saya ingat lebih 90, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So,* macam mana? Hubungan dia macam mana? Dia pakai JAKIM punya *certificate?*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tak, dia *certificate* sendiri.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Selepas itu?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tetapi, kita akan *recognise* dia *as a* badan yang dia *follow* kita punya standard.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, kita pergi *check*-lah? Oh.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Badan Islam itu, dia *follow* kita punya standard dan kita *recognise* dia *as a* badan Islam. *So,* sebab itu produk-produk yang masuk dekat Malaysia ini, sebahagiannya itu dia *recognise* sebab ada logo halal daripada China, daripada Shandong, daripada badan Islam sana, yang itu tak ada masalah, kan.

Cuma, di Amerika ini, kita ada badan Islam, syarikat ini yang saya ingat ada tiga badan Islam yang kita *recognise* persijilan untuk mereka buat pensijilan. Mereka buat pensijilan, termasuk loji sembelihan. Loji-loji sembelihan.

Amalan yang berlaku sekarang ini adalah walaupun badan Islam ini *certified*, tetapi DVS akan pergi untuk tengok bersama dengan JAKIM, loji-loji ini berdasarkan

kepada kita punya *protocol meet* dan sebagainya, maka Veterinar akan pergi dengan JAKIM untuk buat auditan di sana.

So, sekarang ini kita masih kekal dengan benda yang sama. Cuma, kita kata JAKIM tak akan pergi audit sana. Kita serah kepada badan Islam sana untuk melaksana pengauditan dan kita akan pantau dia punya...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sebelum ini, daging *made in America* tak masuk Malaysia, kan? Yang halal dah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tak ada lagi setakat ini. Tak ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So,* ini prosedur barulah? Tetapi, orang JAKIM tak pergi *check* ke?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Proses ini berjalan di negara-negara yang lain. Cuma, untuk Amerika ini, kita akan pergi audit dia punya *certification body.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: JAKIM pergi audit lah?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kita akan audit dan dalam *certification audit* itu, kita boleh pergi tengok dia punya loji sekalilah. *So,* dari segi pentadbirannya, kita mudahkan sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Last,* Dr. Ustaz, *last.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Menjurus kepada minyak masak, *please. [Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia tak minyak masak, hari ni benda lain. Saya — *la* ini macam-macam benda di Malaysia fasal kita dah *open* ini, negara-negara ASEAN ini, kan. Kopi Saigon lah, kopi-kopi. Jangan-jangan, kopi kita lagi sedap daripada *depa* punya.

Saya dimaklumkan oleh seseorang. Semalamlah, saya ada *dinner* dengan dia. Dia kata, Kopi Saigon itu sebenarnya dia digoreng dengan minyak babi. Kopi itu dibawa daripada sana, kan? Tetapi, dia buka banyak restoran *la* ini, gerai-gerai ini. Orang Malaysia pun kerja situ.

So, ini sebagai maklumatlah. *Kut-kut,* ustaz nak atur pergi *check ka* apa. Sungguhpun, dia tak hal ini tetapi orang *duk* minum.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Saigon ada halal tak setakat ini?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang kerja pun orang-orang Islam. Yang pergi minum pun ada orang Islam, ada orang bukan Islamlah. Dua-dualah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey. Nanti, kita semak Saigon ini dah ada sijil halal *ke* belum. Tetapi, *by the way,* kalau kita dah bagi *certification* halal, kita dah semak, kalau dia kopi itu daripada luar negara, *meaning that* daripada negara Kemboja *ke* apa *ke*, dia dah *certified* oleh badan Islam sana, tidak ada perkara-perkara yang... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi ustaz, yang ini dia tak ada *certification.* Tetapi, orang ini kopi dia kata, kira halallah. *Hampa* kopi semua halallah *kut.* Itulah isu dia. Terima kasih.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Boleh. Ustaz, apa ini — satu soalan umum, satu soalan pasal minyak masaklah. Yang umum dululah, apa pandangan JAKIM berkenaan dengan dalam *negotiation* kita, rundingan *reciprocal tariff* dengan Amerika Syarikat?

Satu daripada pemerhatian mereka ataupun *argument* mereka untuk mempertimbangkan peratusan *reciprocal tariff* kepada Malaysia ini adalah dia kata, bahawa pensijilan halal sana, khususnya dalam ubat-ubatan datang ke Malaysia perlu melalui proses A kepada Z juga sekali lagi.

Jadi, mereka memberi tekanan untuk mendapatkan — untuk kita iktiraf pensijilan halal sana, masuk Malaysia tak perlulah melalui proses A *to* Z di Malaysia ini. Itu nak dapat pandangan ustazlah berkenaan itu. Yang keduanya, ustaz ada sebut tadi.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Mudah sahaja. Yang keduanya, berkenaan dengan definisi rantaian tadi. Contohnya tadi, okey. Kita ada kalau satu — dia ada pembungkusan minyak masak itu di Selangor sahaja, itu kita faham tadi. Apa definisi rantaian itu?

Maknanya, kalau dia ada apa? Dia ada — apa definisi rantaian itu? Kalau misalnya dia ada pengurusan di Selangor dan Kuala Lumpur sahaja ataupun di Selangor ada dua kilang pembungkusan ini dikira rantaian, yang melibatkan JAKIM dan tidak melibatkan Jabatan Agam Islam Negeri-negeri? Terima kasih.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih, YB. Yang pertama, berkaitan dengan tarif daripada Amerika tadi, berkaitan dengan produk kosmetiklah. Produk kosmetik ini, kita akan terima *certification* daripada badan Islam di sana dan kita tak akan pergi buat audit di sana, tak.

So, kalau dia dah *certified* halal di sana, masuk di sini dan ada proses untuk *repack* dan sebagainya, *then* kita akan *certified* produk itu guna logo halal Malaysia. Tetapi, kita tak pergi dah sana. Kita *based on certification* yang dibagi oleh badan

Islam sana. Tetapi, kalau sana tak keluarkan *certification* halal, *then* kita takkan *certify* produk tu. Kita takkan *certify* produk itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kalau barangan itu, kosmetik ataupun ubatan itu, masuk di sini ada sijil halal sana...*[Dicelah]* dia cuma — proses dekat sini cuma apa? Cuma *verification* sahaja ataupun kita *endorse* sahaja ataupun macam mana?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kita akan....

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dia tak ada *repacking ke* apa? Dia tak *repacking,* sebiji-sebiji datang ke Malaysia. Dekat sini, kalau dah ada sijil halal sana, dekat sini perlu melalui proses *ke* tak?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey. YB, untuk bagi produk-produk kosmetik, mungkin perlu dijelaskan. *[Dicelah]* Farmaseutikal dan lain-lain produklah, produk makanan dan sebagainya. Kita di Malaysia, dia boleh masuk ke Malaysia tanpa ada apa-apa semakan semula oleh JAKIM lah.

Maksudnya, kalau di bawah APD, kalau dia — itu adalah daripada CB yang kita iktiraf. Dia boleh tandakan halal dan kita terima. Tak ada masalah.

■1300

Kalau dia tak ada halal, dia pun boleh masuk ke Malaysia tanpa buat perakuan halal. Melainkan kalau dia buat penandaan halal, tulis halal tapi dia bukan daripada badan Islam yang kita iktiraf, itu menyalahi undang-undang lah. Tapi, dia tetap masih boleh masuk Malaysia tanpa sebarang penandaan halal. Bermaksud, dia berbeza dengan daging tadi, yang perlu kepada permit import. Permit import — yang berlaku pada daging adalah untuk permit import, bukan persijilan.

Tapi selain daripada daging termasuk farmaseutikal tadi, tak ada halangan untuk masuk Malaysia dari segi keperluan halal. Syaratnya, badan Islam yang diiktiraf yang membawa masuk produk itu.

Seorang Ahli: Yang kedua tadi YB...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Soal, soal

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kejap, nak faham kejap itu, sebab saya daripada inilah, perubatan. Jadi, *pharmaceutical product* tadi — ubat, *injection* termasuk vaksin yang *Meningococcal* dan sebagainya dikatakan ini daripada — dan sebagai. *So* maknanya, biasanya, syarikat farmaseutikal yang bawa daripada luar negara masuk ke dalam.

Macam mana dia boleh ini kan, melalui badan apa yang nak sahkan dia halal di sana? Dia tak akan — bukan mereka yang memproseskan pengimportan dan

bagikan kepada segala syarikat farmasi, doktor dan sebagainya. Itu, itu tak faham itu.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey. Bagi produk yang dikilangkan di luar negara. Kilangnya bukan di Malaysia, dibuat di luar negara. Yang akan mempersijilkan produk itu adalah badan Islam yang kita iktiraf. Macam yang Ustaz Muhyidin, Pengarah terangkan tadi. Badan Islam ini adalah badan yang standardnya sama dengan kita. Kita dah audit dia. Badan ini, standard yang sama.

Jadi, sijil halal yang diberikan adalah badan Islam, kalau contoh lah di USA, badan Islam yang tiga tadi di USA, yang tiga saja kita iktiraf. Selain daripada itu, kita tak iktiraf. Dia bawa masuk Malaysia dengan penandaan logo halal yang daripada tiga badan Islam yang kita iktiraf inilah. Sebab kilangnya di sana.

Tapi, kalau dia nak bawa masuk Malaysia, nak tandakan sebagai halal, bukan daripada tiga badan ini tak boleh. Dari segi undang-undang, salah. Sebab kita hanya mengiktiraf tiga ini. Tapi walau bagaimanapun, dia tetap boleh bawa masuk Malaysia. Kata dari segi perdagangan, produk itu boleh masuk Malaysia tanpa sebarang logo halal ataupun perakuan halal. Masih boleh masuk Malaysia tapi yang ada di Malaysia ini adalah tak ada apa-apa status yang menyatakan produk itu halal lah.

Vaksin kah*, Meningococcal* dan sebagainya, dia masuk Malaysia tanpa ada perakuan halal. Memang statusnya tidak diketahui. Yang ada sijil halal sahaja yang masuk, kita tahu lah status dia.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, kalau saya rakyat Malaysia, saya baru tahu yang tiga badan yang kat sana yang kita iktiraf. Baru tahu hari ini...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Baru tahu? *[Ketawa] [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Semalam saya tak tahu. Tapi kalau semalam ada logo halal yang daripada USA yang selain daripada tiga ini — setakat saya, saya halal lah. Tak tahu, tak tahu. Isu tak tahu, kan? Jadi, kalau misalnya ya lah selain daripada tiga badan itu daripada US punya barang, maknanya kira dia boleh masuk, dia boleh jual, dia boleh gunakan. Sendiri, sendiri lah. Siapa yang yakin halal, siapa yang tak yakin halal.

Maknanya kalau kes COVID-19 hari itu, semua yang vaksin COVID-19 itu semua daripada satu daripada tiga itulah? Yang daripada US?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Lagi tak ada — bila masa dia nak... *] [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kah yang COVID-19 itu tak ada lah kira? Darurat, darurat...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Darurat, darurat YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Darurat? Okey. *[Ketawa]*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Yang itu kita tak, tak inilah. Itu keputusan Jawatankuasa Muzakarah sahaja dari segi hukum penggunaan dia dan dia tak *certified* lah. Tapi dalam waktu sekarang ini, memang kita tengah bincang dengan beberapa syarikat farmasi untuk berikan persijilan halal kepada syarikat-syarikat vaksin dan juga produk-produk yang inilah di Malaysia ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Ustaz. Saya nak kembali...*[Dicelah]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Untuk — tak. Pengerusi sikit, sikit ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kalau dapat yang tiga, tiga...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lari jauh dah ini dia orang ini.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya lah. *Oversea.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita dah...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tiga, tiga badan...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah. Saya nak bawa mereka kembali ke pangkal jalan Ustaz.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *[Ketawa] Eh,* terbalik dah ini. Yang tiga — boleh rekodkan untuk PAC lah yang tiga badan yang diiktiraf itu, untuk rekod saja lah. Okey.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dia...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Lepas itu, soalan kedua saya tadi itu. Maknanya kalau pembungkusan itu *[Ketawa]*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Definisi rantaian itu...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *Oh,* rantaian.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Yang melibatkan JAKIM dan melibatkan Jabatan Agama Islam Negeri.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya definisi sama ada kalau dua kilang pembungkusan dalam satu negeri, adakah itu dikira rantaian ataupun mesti di — berbeza negeri dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebelum Ustaz jawab yang itu, saya pun nak sambung balik soalan daripada Wangsa Maju. Contoh, kilang itu ada dekat Sabah.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Lepas itu, dia pun ada di bawah syarikat yang sama, dia ada juga kilang dekat Melaka, contoh.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey, Melaka.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So,* adakah permohonan itu nak di — adakah itu dipanggil sebagai rangkaian? Dan adakah permohonan itu kena dibuat HQ ataupun negeri? *So,* macam mana untuk membezakan? Terima kasih.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey. Terima kasih YB. Untuk rangkaian ini, kita tengok produk dia kan, dia *based product.* Bukan kilang dia itu. Kita, *certified* itu adalah produk dia. Okey. *So,* produk ini kalau dia mempunyai jenama yang sama, ada tiga...

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Tiga dan ke atas. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tiga dan ke atas, untuk premis makanan, dia tiga — yang tadi itu produk. Produk itu macam minyak tadi itu, dia di kilang tapi kita *certified* dia punya produk dia. Tapi untuk premis berangkaian, saya maksud tadi itu adalah rangkaian-rangkaian itu ialah dia ada tiga premis dan dia guna jenama yang sama. Contohnya boleh saya sebut jenama-jenama? Contohnya ZUS Coffee. Dia ada jenama ZUS Coffee, dia ada rangkaian restoran lebih daripada tiga.

So, dia adalah kategori restoran berangkai. Yang itu, memang JAKIM akan *certified.* Tapi kalau YB sebut tadi, Pengerusi sebut tadi. Satu kilang di Sabah, satu kilang di Selangor contohnya. Yang itu, dia berbeza keadaan dia. *So, certification* dibuat di negeri, di bawah Jabatan Agama Islam Negeri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Walau, walaupun minyak, contoh minyak masak Bestari dekat Sabah ada, dekat Melaka pun ada.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So* — Kita bercerita fasal produk itu.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Yang itu memang di negeri juga.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira, yang ini pangkal jalan, nak tanya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Pangkal jalan saya bagi, tak pangkal jalan saya tolak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Berbalik kepada Minyak subsidi *all that ah.* Penemuan-penemuan Ketua Audit Negara dalam laporan, kalau tak silap saya 12.5 peratus yang dibungkuskan itu dia tak ada sijil halal. Sebab kalau nak ada, dia kena — tak tahu dia pakai lama punya. Dia kena buat — JAKIM kena *check* tiap-tiap enam bulan. Ertinya dua kali setahun, Ustaz. Tapi, perkara itu tidak dilaksanakan. Itu berdasarkan kepada laporan daripada Ketua Audit Negara. Apa sebenarnya yang terjadi itu, Ustaz?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Boleh saya *clear* sikit YB. Dia kata apa? Enam bulan?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia patutnya dia dalam laporan itu dia sebut, patutnya dia kena dihantar ataupun hantar lah ya, hantar hasil pemeriksaan halal itu, dua kali setahun. Tapi itu tidak berlaku. Sebab itu Laporan Ketua Audit Negara, dia sebut 12.5 peratus pembungkus-pembungkus ini tidak ada sijil halal. Itu maknanya.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Saya rasa saya faham macam ini *kot.* Mungkin dia, bila dia mohon sijil — dia pemegang halal. Kalau dia pemegang sijil halal, dia kena *renew* enam bulan sebelum tamat tempohnya lah. Tapi yang YB sebut itu, saya tak berapa...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia yang ini KDN saja. KDN punya SOP, peraturan. Dia kena buat enam bulan sekali. Dua kali setahun.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Yang itu mungkin di bawah peraturan KDN. Di peringkat JAKIM, kita punya persijilan — dalam tempoh persijilan itu, kita akan buat pemantauan. Dia tak perlu hantar *report* apa-apa dekat kita dan kita *just* turun untuk pemantauan. Dan kalau berlaku ketidakpatuhan dan sebagainya, kita akan keluarkan NCR.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia selalunya JAKIM bagi sijil itu untuk tempoh berapa lama masa dia? Yang *valid*.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kita bagi, kita bagi tempoh biasa untuk dua tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Untuk dua tahun? Jadi, satu setengah tahun dia kena dapatkan...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dia bila nak habis itu, dia kena *renew* lah. Dia buat permohonan untuk...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Enam bulan sebelum habis lah? Enam bulan sebelum habis?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada *reminder* daripada pihak JAKIM ataupun ada notifikasi dikeluarkan dalam laman sesawang ataupun sebagainya?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Setakat ini kita...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ataupun ada e-mel, mesej dan sebagainya? Ada tak?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Setakat ini kita tak ada *notification,* YB. Yang itu — peringkat ini, kita tak ada notifikasi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak boleh buat macam insurans? Insurans kereta macam itu, dia awal-awal dia *habaq* dah...

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Ada juga yang — ada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]*

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kebiasaannya ada, ada e-mel juga dimaklumkan. Ada e-mel yang dihantar. Cuma, saya kena *verified* balik lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebab yang ini — sebab kita nak buat dalam pelaporan ini. Sebab e-mel yang dihantar itu adakah *compulsory* ataupun kita pilih-pilih ataupun macam mana JAKIM?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Saya semak balik YB yang itu. Ya?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh, nanti bagi secara bertulis?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Untuk persoalan spesifik tersebut. Wangsa Maju ada nak tanya kah?

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)]: *Assalamualaikum* YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, siapa itu?

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Saya Hely daripada Jabatan Audit Negara. Izinkan saya memberikan sedikit pencerahan lah, YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Untuk isu halal ini sebenarnya mengikut SOP KPDN, tempoh enam bulan itu adalah enam bulan setelah beroperasi di mana syarikat pembungkus perlu mengemukakan sijil halal kepada KPDN lah.

■1310

Hasil semakan audit terhadap sampel 72 itu kita dapati sembilan syarikat pembungkus tiada sijil halal di mana setelah semakan semula baru-baru ini pihak audit mendapati daripada sembilan itu tujuh telah ada sijil halal yang mana mengikut sijil itu permohonan terdahulu itu adalah ada yang memang permohonan baru, maksudnya memang tiada sijil halal sebelum ini. Ada juga permohonan yang *last* permohonan adalah pada tahun 2010, 2017. Maksudnya pernah mengemukakan permohonan tapi saya tidak pasti, mungkin tidak *proceed* dengan tidak luluskan atau apa *then* memang sembilan itu baru mohonlah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya enam bulan yang KPDN itu telah beroperasi.

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Setelah beroperasi. Betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya dia tidak mengemukakan apa-apa.

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Bukan enam bulan perlu mengemukakan sijil setiap tahun itu, bukan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Habis yang tadi yang enam bulan itu memang di JAKIM itu memang betul ada ya?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Itu untuk *renew*, untuk dia *renew*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Renew* ya.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Untuk *renew*. Tapi saya rasa YB, untuk tempoh tiga bulan di peringkat JAKIM itu kalau KPDN syaratkan enam bulan *meaning that* dia ada *time* yang untuk dia mohonlah dan kita boleh bagi kelulusanlah kalau daripada awal dia dah dapat itu, dia ada masa untuk mohon dan boleh dapat kelulusanlah kalau dia mempunyai persiapan yang cukuplah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *But* di peringkat JAKIM tiga bulan beroperasikan?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nak tanya, adakah persijilan halal merupakan syarat wajib dalam kontrak pembekalan minyak masak bersubsidi dalam JAKIM punya hemat?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Di peringkat kita tidak ada syaratlah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tiada syarat ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tidak ada syarat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, pada pandangan ustaz ya, mengapakah masih lagi terdapat pembungkus minyak subsidi yang tidak memiliki sijil halal? Maksudnya dia buat sahaja tapi dia tidak ada usaha pun untuk mendapatkan sijil halal. Pernah tak berhadapan dengan kes-kes seperti ini?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Secara umumnya pandangan, saya boleh katakan bahawa mungkin dalam konteks kita di Malaysia ini walaupun dia tidak ada sijil halal, tapi produk dia orang beli juga, maknanya itu sahaja isu dia dan dia boleh dijual di pasaran dalam keadaan walaupun dia tidak ada sijil halal. Minyak, orang anggap minyak ini seolah-olah tidak ada bahan kritikal. Minyak daripada pokok kelapa sawit dan sebagainya *so* dia boleh jual dan orang beli tanpa rasa perlu kepada penandaan halal itu sendiri. Itu di antaranyalah.

Yang kedua, soal mereka tidak mohon sijil ini pertama kita kadang-kadang berdasarkan apa yang maklumat yang saya dapat ada kilang yang agak kecillah. Bila dia jalankan penapisan, *repackaging* itu pekerja dia tidak banyak, dia tidak perlu pekerja yang banyak. Beberapa orang sahaja dah cukup. Jadi, ada *driver* lori bawa cukup, lepas itu yang isi jaga mesin apa semua isi dia dan tiga, empat orang mungkin dalam jumlah yang kecil dah cukup.

So, tetapi keperluan-keperluan persijilan halal ini termasuk soal kebersihan dia dan sebagainya yang itu bila kita tengok dalam persijilan halal bukan hanya soal *ingredient* dia sahaja tapi soal *hygiene* dia, soal pematuhan kepada peraturan dan sebagainya yang itu mungkin dia akan rasa agak susah sikitlah untuk dia. Dia rasa mungkin dia memerlukan tenaga yang lebih ramai, kena gaji pekerja dan sebagainya. Kalau kontrak serangga dan sebagainya, kawalan makhluk perosak dia kena ada supaya kita pastikan keselamatan dan sebagainya. Mungkin itu di antara perkara yang syarikat rasa kalau nak minta sijil halal ini dia kata nanti kos dia nanti akan jadi banyak dan sebagainya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak tanya tentang pengalaman JAKIM mengenai minyak ini. Apakah pendapat, apakah yang pernah ditemui oleh

pihak JAKIM bila memproseskan sijil halal ini daripada segi menyebabkan mereka ini tidak layak mendapat sijil halal daripada segi kehalalannya, yang kebersihan satu hal tadi. Daripada segi kehalalannya apakah dia isu-isu utama yang ditemui oleh pihak JAKIM?

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey, selain daripada isu kebersihan dan ketersediaan premis, kebanyakan dalam permohonan halal ini yang menjadi masalah kepada industri adalah dari segi penentuan status halal bahan ramuan yang digunakanlah. Sebab bila kita nak buat pengesahan halal, perakuan halal semua bahan mentah yang digunakan itu perlu ada dokumentasinya, perlu ada sijil halal. Kalau tidak ada sijil halal, dia ada dokumen-dokumen yang lain yang perlu dia beri pembuktian. Dari segi itu biasanya yang menyebabkan pemohon-pemohon ini tidak dapat nak memberi pembuktian terhadap bahan-bahan yang digunakanlah.

Terutamanya bagi industri kecil, kadang-kadang dia beli di kedai-kedai runcit, pasar raya dia beli itu tak ada *traceability*, tidak ada bukti dari segi sijil halal itu yang menyebabkan untuk memenuhi keperluan pihak berkuasa untuk buat verifikasi bahan itu halal kebanyakannya selain dari kebersihan itu adalah dari segi *ingredients* yang digunakanlah. Ada kalanya industri dia akan berlaku pertukaran bahan mentah. Dia tukar *ingredient* dari A kepada B kepada C. Itu yang menjadi masalah jugalah. Kebanyakan permohonan halal ini tidak dapat diberi status halal sebab dari segi pihak berkuasa kita perlu pastikan kawalan kepada bahan mentah *ingredient-ingredient* itu adalah selari macam mana yang dimaklumkan kepada kitalah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah nak kembali kepada yang maklumat yang terkini yang Jabatan Audit Negara sebutkan yang maknanya daripada sembilan, dua yang ada yang 2010 pernah ada sijil tapi tidak diperbaharui dan sebagainya. Dalam senario sebegitu, pandangan JAKIM lah siapa yang perlu *take the lead* dalam memastikan penghidupan persijilan halal itulah? Maknanya memang syarat yang membungkus semua kena ada sijil tapi dalam rekod JAKIM pula adalah rekod dia, saya andaikan ada rekod cuma tidak diperbaharui dan sebagainya. Jadi, dalam senario itu apa pandangan dan pendirian JAKIM berkenaan dengan ini?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih YB. Dari sudut dasar pensijilan halal ini kita semua jelas bahawa sifatnya adalah sukarela dan kita tidak boleh mewajibkan mana-mana pihak untuk mendapatkan sijil halal kecuali di bawah perundangan yang lain. Contohnya, sebab itu macam KPDN mungkin boleh wajibkan di bawah undang-undang dia tapi kami, peringkat kami, peringkat persijilan dasar dia

selamanya — dasarnya adalah sukarela. Kalau nak diwajibkan mungkin PBT boleh buat undang-undang dia atau pihak-pihak yang lain boleh buat di bawah undang-undang mereka tapi di peringkat JAKIM dasarnya adalah sukarela. Sebab itu, kita tidak boleh nak — kita tak *take part*-lah dalam konteks yang sedemikian melainkan agensi bertanggungjawab dia kena kuatkuasakan peraturan di peringkat agensi berkenaan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nak tahu ada tak JAKIM dapat maklumat lengkap daripada pihak KPDN berkenaan dengan senarai semua syarikat pembungkus subsidi yang aktif. Ada tak dalam simpanan?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Setakat ini, tidak ada YB. Kita ada yang bawah kita punya yang mohon persijilan halal dengan kita itu adalah syarikat-syarikat yang berkaitan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah pihak JAKIM rasa perlu juga untuk dapat maklumat secara rasmi daripada pihak KPDN supaya mudah untuk membuat pemantauan?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Kami dengan — di peringkat JAKIM dan KPDN ini walaupun kami mempunyai bidang kuasa penguatkuasaan juga dilantik sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan, tapi untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan halal sahaja. Jadi, untuk akta bekalan itu kita tidak diberi kuasalah tapi sekiranya berlaku penemuan-penemuan dalam proses pemantauan kami, kami akan laporkan jugalah kepada semua pihak yang berkaitan. Tapi dari satu segi kita lihat kerjasama dengan KPDN itu berlaku di antara JAKIM dalam banyak operasi dan sebagainya dan kita juga bekerjasamalah dari sudut penguatkuasaan dan sebagainya. Kalau dimaklumkan untuk kita notis-kan dalam pemantauan dan sebagainya, kita akan bekerjasama dengan KPDN dari segi senarai yang ada itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nak tanya. Tadi ada dah jawab tapi *just* untuk keperluan pelaporan nanti. Jadi, adakah pemantauan audit halal dilakukan secara berkala ke atas syarikat pembungkus ini? Kalau ada, apakah hasilnya?

■1320

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Untuk pemantauan kita, JAKIM pemantauan ke atas pemegang sijil halal. Itu memang kita buat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pensijilan tetapi lazimnya akan berlaku lebihlah. Sekurang-kurangnya disebut sekali dalam tempoh pensijilan dan kita akan lakukan beberapa pemantauan keadaan itu.

Tapi kalau syarikat itu tak mohon sijil halal memang kita tidak akan buat pemantauan. Di luar daripada kita punya bidang.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya pemantauan itu dibuat antara HQ dan juga dengan negeri-negeri ya?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, apakah mekanisme tindakan apabila syarikat pembungkus gagal mematuhi keperluan halal ini? Maksudnya dia dah memang dalam senarai lepas itu dia tak patuhi keperluan tersebut. Apakah tindakan yang diberikan oleh pihak JAKIM diberikan notis atau dipanggil ataupun bagaimana ataupun boleh tak saya nak tahu tindakan di pihak JAKIM sekiranya berlaku?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Dalam kita punya manual kita ada beberapa kategori kesalahan dalam konteks pensijilan. Kalau berlaku ketidakakuran yang besar, boleh menyebabkan kita tarik sijil.

Ini biasanya kalau berlaku isu-isu pelanggaran dari sudut syariah. Contoh kalau konteks syarikat minyak ini dia masukkan *ingredient* dan kita temui invois pembelian kah apa kah bukti bahawa ada *ingredient* yang tidak halal dimasukkan. *So*, itu adalah satu kesalahan besar, ketidakakuran yang besar dan kita akan tarik sijil dia. Tarik sijil pengesahan halal yang diberikan.

Kalau berlaku ketidakakuran yang kecil sama ada kita gantung sijil dia dan kita akan minta dia untuk buat penambahbaikan. Kalau dia dah contoh soal kebersihan dan sebagainya, kalau yang kecil-kecil. Selepas dia melakukan tindakan pembetulan kita akan pulangkan balik sijil dia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ustaz, sebab kita bila minyak masak ini yalah kita orang Melayu Islam dia sensitif sikit sebab dia ada, *"eh, ini minyak babi kah minyak apa, kan?*" Kita biasa macam itu. Ada tak berlaku banyak maksudnya minyak masak yang dijual itu sebenarnya bukan minyak masak *100 percent* daripada kelapa sawit tetapi campuran dengan elemen macam saya sebut tadi. Minyak babi kah dan sebagainya. Ada tak terdapat dalam kes?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Sebab itu bila kita bila kita buat pengauditan, kita akan tengok di mana sumber yang dia ambil sumber itu. Kita akan *verify* dia betul-betul. Kilang mana dia ambil, *supplier* mana dan sebagainya dan pengesahan. Kita tak akan buat ujian kimia ke atas minyak itu tapi berpandukan kepada dokumen itu yang mengesahkan bahawa sumber minyak itu adalah halal dan dia daripada kilang yang betul.

Cuma dalam sesetengah isu yang saya ingat pernah berlaku tak lama juga baru-baru ini ialah ada syarikat yang dia syarikat minyak masak tapi dia dah bagi kelulusan di peringkat negeri. Dia dah dapat cuma proses untuk sijil dia itu, negeri *on the way* proses untuk kita keluarkan sijil tapi dah viral isu dia dulu bahawa dia dah guna logo halal dan sebagainya.

Itu adalah berlaku tapi setakat ini dalam kita punya *observation* dan kes kita tidak lagi kita jumpa yang campur dengan bahan-bahan yang haramlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pernah tak JAKIM buat aduan ataupun cadangan kepada pihak KPDN supaya pensijilan halal ini diwajibkan secara dasar?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Setakat ini tak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kenapa tak dibuat?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Untuk semua kah untuk minyak masak?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Rujuk kepada minyaklah. Kita tak tersasar lari. Kita minyak sahaja supaya senang. *[Ketawa] M*inyak masak.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Setakat ini memang kita tak ada mendapat aduan yang serius tentang berkaitan dengan ketidakhalalan minyak masak ini. Contohnya berlaku pencampuran yang jelas dan sebagainya. Kes-kes yang melibatkan sedemikian.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi ustaz rasa tak ada keperluanlah?

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Buat masa ini kita tak ada lagilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, berkaitan. Soalan berkaitan. Tapi saya nak tanya audit. Pihak audit yang buat audit itu, kan? Sampel mana yang diambil yang di mana ditemui tidak ada sijil halal itu? Dekat mana yang diaudit itu? Sampel minyak di mana sebab JAKIM pun nak tahu juga.

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Sekejap ya, YB. Kena buka kertas kerja.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sementara itu boleh tak saya — dia tadi yang tanggungjawab untuk mengemukakan dokumen itu, kan? Dokumen *source of ingredient* adalah kepada pengilang ke pembungkus.

Maknanya kalau — adakah dokumen yang diiktiraf oleh JAKIM itu juga, dokumen itu harus mengandungi pengiktirafan daripada badan-badan? Ataupun kalau dia katalah *ingredient* dia itu A. Tapi dalam katalah paket *ingredient* itu dia tulis dia kata *ingredient* dia ialah *corn oil* dan *salt* dan tepung (*flour*). Adakah itu contoh yang boleh diterima oleh JAKIM ataupun mesti ada juga *certification of* halal untuk produk itu? Nak tahu macam mana kaedah penerimaan di peringkat.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey terima kasih, YB. Berkaitan penerimaan bahan mentah pertamanya kalau bahan mentah itu adalah bersumberkan daripada haiwan. Kalau ada haiwan tak dapat tidak dari segi kita punya prosedur mesti ada sijil halal sebab isu sembelihan ataupun tidak dari segi dokumentasi sukar untuk dibuktikan.

Kedua bagi bahan mentah yang seperti contoh YB sebut *corn oil, flour* dan sebagainya yang *simple*, itu boleh diterima dengan dokumentasi pembuktian bahan itu adalah halal. Dia perlu bagi *flow process*. Dia perlu bagi sumber tapi bahan-bahan ini bukanlah bahan yang ada *mixing* campuran sebagai contoh yang diterima dengan dokumentasi sebagai contoh tadi adalah garam. Okey, jadi untuk penghasilan garam kita tahu dia tak ada *source* yang terlalu kritikal untuk dihasilkan. Jadi industri dia boleh kemukakan dokumen sokongan iaitu *flow process,* macam mana garam ini diproses. Kita nak tahu dari segi proses itu ada tak keraguan halal.

Kemudian dia kena bagi sebagai contoh dia perlu bagi *Manual Safety Data Sheet* (MSDS) itu yang menyatakan sumber garam itu. Itu memadai sebab bahan itu bukan bahan *high risk critical* halal tapi bagi bahan yang ada *mixing* kita tak terima sebab dari segi dokumentasi sukar untuk dibuktikan dan terutamanya bahan berasaskan daging memang kita tak terima dokumentasi. Dia wajib ada sijil halal. Itu yang tertera dalam prosedur pensijilan halal.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada soalan? Ada?

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Okey, YB saya *update* pertanyaan daripada YB tadi. Untuk sampel penemuan audit yang sembilan tiada sijil halal itu adalah satu di negeri Johor, tujuh di Kelantan dan satu di Sarawak.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Yang tujuh dah dapat dah, yang dua tak dapat dekat mana?

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: Dua tak dapat itu satu di Johor dan satu di Kelantan. Kelantan dalam proses.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Di Kelantan. Mana itu Sik?

Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [JANM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betong.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Sambung kepada isu penemuan tadi 12.5 peratus yang tidak ada sijil halal tetapi dijumpa juga yang penggunaan logo halal yang secara palsu. Jadi persoalannya bagaimanakah JAKIM akan membendung isu ini daripada disalahgunakan? Terima kasih.

Encik Ustaz Muhyidin bin Aziz @ Saari [JAKIM]: Untuk tindakan penguatkuasaan ini kita akan laksanakan bersama dengan KPDN. Biasanya oleh kerana kita JAKIM ini kita laksanakan pemantauan kepada pensijilan yang pemegang sijil sahaja. Untuk yang bukan pemegang sijil ini biasanya sama ada aduan disampaikan kepada pihak JAKIM ataupun dipanjangkan kepada KPDN. Kita akan buat tindakan penguatkuasaan sebab bidang kuasa itu antara KPDN dan juga JAKIM.

■1330

So, bergantung kepada aduan yang disampaikan dan kita akan ambil tindakan terhadap aduan-aduan berkaitan dengan pemalsuan dan sebagainya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada tak JAKIM merancang untuk memperketatkan lagi syarat ataupun meningkatkan garis panduan bagi program minyak masak subsidi ini pada masa akan datang?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Untuk perancangan di peringkat JAKIM, bukan setakat minyak masak sahaja, kita sedang dan *Insya-Allah,* akan dalam waktu terdekat, kita akan menggunakan sistem *MyIngredient* yang mana, *MyIngredient* ini maknanya dalam proses permohonan sijil halal, kita ada satu sistem yang semua syarikat akan memasukkan *ingredient* dalam *MyIngredient* dan kalau dalam itu dah ada bahan-bahan yang telah disahkan halal, mereka *just tick* sahaja dan itu akan memudahkan — termasuk minyak masak jugalah. Kalau dari segi bahan-bahan yang mereka gunakan dah didaftarkan dalam sistem itu, itu akan memudahkan dan itu kita akan laksanakan dalam waktu terdekat, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Apa nama ini — ya lah. Sebab, JAKIM terlalu banyakkan perkara nak tengok untuk yang sijil halal. Sama juga dengan pihak KPDN. Jadi, bagaimana JAKIM nak memastikan pengguna — *especially* pengguna Muslim ya, tidak terdedah kepada produk yang tidak disahkan halal?

Apakah usaha yang dibuatkan oleh pihak JAKIM, terutama sekali untuk produk-produk yang menerima subsidi daripada kerajaan?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Memandangkan — oleh kerana penemuan-penemuan yang seperti ini dan kita akan ambil maklum tentang penemuan-penemuan itu. Sebelum ini, kita tak ada spesifiklah isu berkaitan dengan isu subsidi minyak seumpama ini, yang dikaitkan dengan halal.

Saya rasa, ini antara penemuan yang kami akan notiskan perkara ini dan akan melihat langkah-langkah yang boleh kami laksanakan juga dalam konteks persijilan untuk memastikan isu-isu syarikat tidak memohon sijil halal ini, mungkin kita akan bekerjasama dengan KPDN dan kita boleh adakan *session* khas untuk pemegang, untuk syarikat-syarikat yang mendapat — dilesenkan untuk minyak subsidi ini untuk bersama dan kita akan buat program kesedaran untuk mereka mohon pensijilan halal.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, soalan terakhir. Soalan terakhir ini, soalan *general*-lah, Datuk. Okey, bukan *general*, soalan yang dah tersasar daripada landasanlah sebab saya nak tanya.

Misal kata, ada kedai makan, kita nampak ramai orang Melayu makan dekat situ tetapi dia — contoh makan Thailandlah, Thailand. Dan kita pun macam makan dekat situ juga. Nampak semua okey, tak ada *serve liquor* dan bagaimana macam kita ada macam tiba-tiba macam bila ada kawan tanya, *then* baru kita ada was-was. Boleh *ke* kita buat aduan kepada pihak JAKIM untuk masuk, tengok dan sebagainya, kalau ada dicampurkan benda-benda yang tak halal *ke*, dan mengelirukan orang ramai dengan apa nama — dipamerkan apa nama ini, *serve no pork* kan? Macam itulah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih, YB. Selalunya kes yang kalau ada isu-isu berkaitan dengan halal dan sebagainya, ataupun *serve no pork* yang YB sebut tadi itu, yang itu sekiranya — itu di bawah bidang kuasa KPDN untuk ambil tindakan, dari sudut penguatkuasaan berkaitanlah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau macam itu, maksudnya orang ramai boleh membuat laporan kepada pihak KPDN? Jadi...

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Aduan boleh kepada JAKIM pun boleh, kepada KPDN pun boleh, tapi kita akan panjangkan kepada KPDN untuk...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lebih baik kepada KPDN betul? Ia *straight.*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Betul, betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi kalau di CC kan kepada pihak JAKIM yang itu. Selalunya kalau dalam tindakan

macam itu, berapa lama yang dia akan ambil tindakan oleh pihak KPDN setakat pengalaman JAKIM?

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Dalam isu-isu yang tular biasanya cepatlah. Kalau yang tular itu saya nampak...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kena tular dululah. *[Ketawa]*

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tapi isu-isu yang ini saya tak berapa pasti ia punya piagam pelanggan di peringkat KPDN sebab biasanya itu dia untuk masuk ke premis perlu kepada kuasa dan sebagainya, bidang kuasa. *So,* KPDN lebih berautoriti untuk masuk ke premislah. Dalam konteks kami ini, lebih kepada halal tadilah YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ini sebab ada soalan *general* dibenarkan. Jadi saya ambil peluang kebetulan pengurusan halal JAKIM ada. Saya nak tanya fasal alkohol ustaz. Saya belajar *chemical engineering.* Jadi, saya tahulah fasal bila minyak-minyak wangikah, kosmetik ini ia ada sebut *"Oh, kata ini ada alkohol, alkohol tak boleh."* Sebab orang *refer* alkohol ini kepada arak. Sedangkan petrol itu adalah sejenis alkohol. Yang menghasilkan minyak wangi ini ada dua sumber. Satu, sumber alkohol daripada...*[Dicelah]* metanol apa semua ini produk minyak yang dikeluarkan inilah, yang berkualiti tinggi.

Satu lagi daripada... *[Dicelah]* pemeraman macam anggur, buah-buahan apa semua itu, okey. Peram anggur ini kalau kita peram, kita jadikan...

Seorang Ahli: Penapaian.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Penapaian. Okey. Penapaian ini kalau kita peram jadi — ia jadi untuk diminum ia jadi araklah. Tapi, kalau dia peram itu untuk menghasilkan minyak wangi bukan untuk minuman itu. Jadi dalam penemuan-penemuan JAKIM lah untuk menguruskan persijilan halal bagi bahan-bahan kosmetik ini.

Jadi macam mana pandangan? Pandangan saya orang biasa ini alkohol ini *is* bukan benda yang— alkohol kalau istilah *chemical*-nya bukan benda haramlah fasal ia bukan untuk minuman. Itu dari segi statistik sikit. Mungkin pandangan umumlah ya. Kalau detil itu, kita ikut ia punya logo itulah. Kalau ada itu, kita lebih yakinlah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Terima kasih, YB. Secara umumnya, alkohol ini kita akan tengok dari segi sumber dan proses bagaimana dihasilkanlah, satu. Kalau penghasilan itu melalui industri arak dan sebagainya,

kemudian alkohol itu walaupun — kalau digunakan memang kita takkan benarkan penggunaanlah.

Tapi, kalau dalam proses yang lain, yang bukan melalui proses pembuatan arak. Itu dibenarkan. Saya ingat fatwa berkaitan dengan penggunaan dalam minyak wangi ini. Walaupun ada pandangan kata tak boleh dan sebagainya, tapi ada pandangan yang membolehkan dari sudut penggunaan alkohol dalam minyak wangi kerana ia bukan dibuat, diproses pembuatan arak dan sebagainya.

Dalam industri sendiri, ada keputusan Jawatankuasa Muzakarah berkaitan dengan kandungan alkohol dalam makanan dan minuman. Nanti boleh semak. Sebab itu kami pun dari segi persijilan, kita akan berpandukan kepada kadar kandungan itu juga seperti yang diputuskan dalam Jawatankuasa Muzakarah.

Kalau dalam minuman, ia tidak lebih daripada satu peratus *volume per volume,* dalam minuman. Jadi itu dalam urusan Muzakarah lah. *So,* sebab itu setakat nak *share* dengan panel juga, kita sedang mengkaji berkaitan dengan jenis minuman teh kombucha. Kombucha kan? Ia satu minuman tenaga yang — ia ada SCOBY untuk ia itu — penghasilan itu dimasukkan SCOBY dan akan berlaku proses *fermentation.* Proses *fermentation* itu... *[Dicelah]* ia akan meningkatkan jumlah alkohol dalam beberapa dapatan kita lebih daripada satu peratus *volume per volume.*

So, sekarang ini kita — JAKIM di peringkat kajian. Kita ada makmal halal di Enstek dan kita sedang buat kajian macam mana kaedah kalau kandungan alkohol itu boleh dikurangkan kepada satu, itu kita boleh persijilkan. Tapi kalau ia *fermentation,* ia akan meningkat lebih. Itu kita takkan persijilkan minuman sedemikianlah. Itu berkaitan dengan kandungan alkohol. Terima kasih YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, oleh kerana dah terpesong, kita terpesong lagilah. *[Ketawa].*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ini terpesong habis.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini memang kita dah bagi untuk terpesong.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lagi satu, kita dari segi ubat. Ubat ada cop halal. Lepas itu ia tulis kapsul. *Origin capsule, bovine.* Jadi yang halal itu adalah barangan dalam kapsul itu ataupun barangan dalam kapsul dan juga kapsul ataupun macam mana itu? Terima kasih.

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Okey, YB. Untuk kapsul, kalau yang dipersijilkan itu adalah kapsul kosong, jadi dia adalah kapsul itu sendirilah. Tetapi, bila mana dia dah jadi ubat, bila kapsul itu dah ada dijadikan ubat,

jadi dari segi pensijilan dia, dia mesti kandungan bahan yang dibuat ubat itu pun halal dan kapsul itu sendiri mesti daripada sumber yang halal juga.

Ini bermakna, bila ubat itu yang dah tersedia, dah ada sijil halal, kapsul dan isi kandungannya dan ubat-ubatnya sekali itu adalah halallah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, kalau sumber dia, *origin of capsule* itu *bovine, bovine* yang halal jugalah?

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Ya, kalau ada yang kita persijilkan halallah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dia letak dekat ubatlah. Botol ubat itu ada tulis halal...

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Ya, kalau botol ubat itu ada tulis sijil halal, selepas itu dekat kapsul...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Selepas itu, dekat botol itu tulis kapsul *origin bovine?*

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, *bovine* yang dalam — *bovine* yang digunakan untuk buat kapsul itu pun halal jugalah?

Encik Muhamad Hannan Syafiq bin Jamaludin [JAKIM]: Ya, ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak tanya lagi, Datuk Wira. Yang ini, Datuk Wira pun selalu makan benda ini. Dia tapai macam mana? Saja tanya *pi* lah. Kadang-kadang, ada *depa* makan banyak-banyak, *melelong* juga.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Tapai boleh makan walaupun dia punya kandungan alkohol dia tinggi, tetapi kalau air tapai itu, ada hukum lainlah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dah makan tapai, dengan *ayaq* sekalilah.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Itu tak apa. Yang itu, setakat ini fatwa kita membolehkan dia.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh ya? Okey.

Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari [JAKIM]: Walaupun kandungan alkohol dia lebih tinggilah. Cuma, orang kencing manis tak bolehlah, YB. *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang itu pun tak bolehlah *[Ketawa]* Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Baik. Saya rasa, itu sahaja. PAC nampaknya — apa nama ini gembira dengan penjelasan yang diberikan oleh pihak JAKIM. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih

lagi kepada Yang Berbahagia Ustaz Muhyidin bin Aziz@Saari, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah JAKIM bersama dengan pegawai di Bahagian Dasar ya.

Saya ucapkan semoga sukses dan juga selamat menjalankan tugas. Jadi, kita tangguh kita punya prosiding ini pada jam 1.42 petang dan kita akan kembali pada jam 3.00 petang bersama dengan pihak KDN. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.42 petang]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 6 Ogos 2025

Bil 6(c) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

(i) Kementerian Dalam Negeri (KDN)
YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]

(ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Tuan ACP Rizal bin Mohamed
Penolong Pengarah Pengoperasian PGA, Bukit Aman

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 6 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin - *Pengerusi* [Masjid Tanah]
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia)]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan JPA)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Intra Agensi (Bahagian Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Siasatan)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi)]
Encik Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi)]
Encik Yaseer Othman [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Puan Rozalinawati binti Che Roslee [Timbalan Pengarah (Sektoral), Bahagian Industri Perkhidmatan]
Puan Fairina binti Jantan [Ketua Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]
Puan Sheela a/p Inthiram [Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Norbaizura binti Nasuron [Akauntan (BPOPA)]
Puan Salwah binti Aris [Akauntan (BPOPA)]

HADIR BERSAMA

SAKSI

Kementerian Dalam Negeri (KDN)
YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]
Tuan Azunan bin Daud [Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam KDN)]
Puan Maizatul Khairumie binti Mansoruddin [Timbalan Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam KDN)]
Puan Mimmi Suriati binti Mat Khalid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam KDN)]

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
Puan Sarinah binti Apisah [Timbalan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara (Operasi) (Pejabat TKP(O), Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia)]
Encik Badrul Hisham bin Alias [Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftaran Negara)]

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Tuan ACP Zulkifli bin Mahmood [Timb Komander (Operasi/Risik) Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman]
Tuan ACP Faris Ammar bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah Risikan / Siasatan / Operasi (Wildlife Crime Bureau / Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Bukit Aman)]
Tuan ACP Rizal bin Mohamed [Penolong Pengarah Pengoperasian PGA, Bukit Aman (Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan KDNKA Bukit Aman)]

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim)]
Kepten (M) Muhd Nur Syam Asmawie bin Yaacob [Pengarah (Bahagian Pengangkutan)]
Kepten (M) Mohammad Rosli bin Kassim [Pengarah Maritim Negeri Selangor]

Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Negara (AKPS)
YBrs. Dr. Mohd Zahirin bin Adnan [Timbalan Pengarah (Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 6 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
***mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi* wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat petang Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen – YB Teresa Kok; Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas; ahli-ahli ex officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan juga Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada petang ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini PAC kita akan sambung semula prosiding ketiga berhubung dengan isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak di bawah KPDN. Jadi, ini adalah prosiding yang ketiga. Yang pertama diadakan semalam dan PAC juga telah mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN mengenai isu ini. Tengah hari tadi kita telah pun mendengar daripada pihak JAKIM iaitu Yang Berbahagia Ustaz Encik Muhyidin bin Aziz, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM.

Jadi, Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, hadir di hadapan PAC pada prosiding pada petang ini ialah Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin. Mahyuddin lagi? Tadi Mahyudin, banyak *nau* nama Mahyudin ini...*[Dicelah]* Okey. Kemudian — yang itu Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan), Kementerian Dalam Negeri yang menggantikan Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha. Seterusnya, DCP Redzuan tak datang ya? Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; ACP Rizal bin Mohamed yang menggantikan DCP Redzuan dan semua ahli-ahli delegasi daripada KDN yang hadir pada hari ini.

Jadi, saya difahamkan pihak KDN ada pembentangan untuk dibentangkan kepada Ahli PAC. Jadi, dengan itu saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa PAC; Yang Berhormat Naib Pengerusi; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC; ahli-ahli ex officio dan semua yang terlibat dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, turut hadir bersama saya mewakili Kementerian Dalam Negeri pada sesi pada petang ini ialah wakil dari Polis Diraja Malaysia, wakil daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, wakil daripada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia dan wakil daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, KDN melalui agensi di bawahnya memainkan peranan penting dalam membanteras penyeludupan barang-barang kawalan khususnya minyak masak bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta mempunyai peranan yang jelas bagi melaksanakan penguatkuasaan terhadap barang kawalan. Agensi yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

PDRM menjalankan penguatkuasaan di sempadan darat dan perairan negara melalui penglibatan Pasukan Gerakan Am yakni PGA, Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) serta *Wildlife Crime Bureau* (WCB) atau Perisikan Siasatan Khas (PSK) selain dibantu oleh dengan kepakaran nadi perisikan PDRM iaitu Bahagian E5 Cawangan Khas.

APMM pula melaksanakan penguatkuasaan dan mengawal serta mengawasi perairan Malaysia melalui rondaan udara, laut dan radar sistem pengawasan laut yang dikenali sebagai SWASLA, S-W-A-S-L-A. Manakala, AKPS menjalankan kawalan dan pemeriksaan serta pelepasan ke atas pergerakan pengembara, barangan dan kenderaan melalui 22 lokasi pintu masuk negara.

PDRM dan AKPS menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang mana segala tangkapan dan hasil rampasan diserahkan pada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan lanjut dan tindakan seterusnya. Manakala, bagi APMM menjalankan aktiviti penguatkuasaan sama bagi barang kawalan di bawah Akta

Kawalan Bekalan 1961 untuk membuat tangkapan serta punca kuasa di bawah Akta APMM 2004 dan (Pindaan) 2009 bagi tindakan selanjutnya sehingga pendakwaan kes serta pelupusan barang rampasan.

Yang Berhormat, KDN serta agensi di bawahnya mengekang ketirisan subsidi serta aktiviti penyeludupan dan penyelewengan barangan kawalan oleh sindiket atau individu yang tidak bertanggungjawab melalui dua strategi iaitu memperkukuhkan operasi penguatkuasaan serta kolaborasi intra dan inter-agensi. Operasi penguatkuasaan tetap di sempadan, perairan dan pintu masuk dijalankan 24 jam, tujuh hari seminggu untuk mengesan aktiviti mencurigakan seperti penyeludupan dan pemindahan haram barang-barang kawalan. Operasi penguatkuasaan ini diperkukuhkan dengan menjalankan operasi khas dan bersepadu melibatkan inter dan intra-agensi. Tindakan pengesanan dan penahanan juga dibuat ke atas lori, kapal, vesel, stor atau premis yang disyaki menyimpan minyak masak bersubsidi secara haram. Jika terkesan kesalahan, tindakan diambil melalui tangkapan dan penyitaan barang kawalan, dokumen dan peralatan berkaitan.

Selain kolaborasi PDRM dan APMM bersama KPDN, juga turut dilaksanakan bagi tujuan perkongsian maklumat perisikan tentang laluan penyeludupan dan sindiket. PDRM melalui JKDNKA, Cawangan Khas, JSJ dan cawangan-cawangan lain di bawah PDRM melaksanakan juga operasi di pesisir pantai yang mana sering berlaku penyeludupan barang-barang terkawal.

Untuk makluman Yang Berhormat, PDRM dan APMM bertindak secara langsung sebagai ahli Jawatankuasa Bertindak Operasi Tiris (Ops Tiris) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penguatkuasaan, KPDN. Operasi ini dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan di seluruh negara termasuk kawasan sempadan bagi mengekang ketirisan subsidi dan aktiviti penyelewengan barangan kawalan oleh sindiket atau individu yang tidak bertanggungjawab.

Ops Tiris 1.0 dan 2.0 pada tahun 2023 dijalankan dengan memfokuskan kepada kawasan panas sempadan yang menjadi laluan utama penyelewengan dengan menyasarkan stor-stor simpanan tidak berlesen, aktiviti penyewaan haram dan premis industri. Manakala, Ops Tiris 3.0 yang dijalankan pada tahun 2024 dan 2025 turut memperkasakan risikan strategik yang melibatkan kerjasama antara agensi serta analisis maklumat oleh elemen siasatan dan risikan PDRM.

Pada tahun 2025, usaha ini diperkemaskan lagi apabila PDRM diberi kepercayaan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk menerajui Operasi Bersepadu Integrasi Strategik Inter dan Intra Agensi yang turut merangkumi penguatkuasaan ke atas Akta Kawalan Bekalan 1961. Kerjasama ini bertunjangkan kepada prinsip

pemerkasaan keberkesanan tindakan penguatkuasaan secara komprehensif dan total, perkongsian aset dan mengurangkan kerenah birokrasi dengan cara perbincangan untuk penambahbaikan tindakan secara berkala melibatkan setiap agensi melalui platform ini.

Selain itu, operasi penguatkuasaan juga dibuat melalui rondaan dan sekatan sempadan berdasarkan operasi tetap pemantauan dan pengawasan yang dijalankan di laluan utama darat dan laut sempadan negara termasuk bagi mengawal ketirisan barang kawalan. Di peringkat KDN, perkara-perkara yang telah dibentangkan ini dikemukakan untuk sebarang persoalan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Wang Negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk ya. Jadi, saya melihat bahawa terdapat Ops Tiris itu daripada 2023 yang dah dibuat termasuk dengan 2024 dan juga 2025 dan melibatkan pelbagai agensi yang terlibat. Jadi, boleh tak jelaskan kepada PAC bagaimanakah Ops Tiris dibuat? Adakah berdasarkan kepada maklumat orang ramai ataupun bagaimana? Maksudnya, KPDN bertindak itu dan mungkin hasil intipan beberapa lama kah? Boleh tak kongsikan dengan pihak PAC.

ACP Rizal bin Mohamed [Polis Diraja Malaysia (PDRM)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi PAC, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Saya, ACP Rizal daripada Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia. Baik, Ops Tiris ini dilancarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Itu dia punya inilah, peneraju dia.

■1510

Manakala elemen lain, penguat kuasa yang lain termasuk PDRM adalah sebagai sokongan kepada Ops tersebut. Bagaimanapun, kalau — soal dia tanya macam mana kita? Pelaksanaan dia tidak bersepadu. Pelaksanaan dia kalau KPDN dia laksanakan sendiri, PDRM pun melaksanakan sendiri, setakat ini. Belum ada lagi secara bersepadu di antara KPDN, PDRM dan lain-lain. Saya rasa maritim pun dia akan laksanakan sendiri. Dalam PDRM pun, dia PGA melaksanakan sendiri. Begitu juga dengan elemen-elemen lain di dalam PDRM.

So, kita melaksanakan Ops Tiris ini atas tiket Ops Tiris. Masing-masing melaksanakan sendiri. Sebab, kita tak boleh nak bersekali sebab kalau bersekali ini, dia bukan tempoh masa yang kita kata selalu. *So* kalau bersendirian atau ini, kita boleh laksanakan bila-bila masa ya, sepanjang masa. Sebab itu, dia katakan tidak melaksanakan secara bersepadu. Masing-masing melaksanakan secara bersendirian.

Kalau kata untuk PGA, kita laksanakan terutamanya di laluan-laluan haram terutamanya di Sungai Golok. Banyak laluan haram. Kalau kita tengok pun, salah satu sebab kenapa bekalan kita, bekalan minyak masak peket itu, kita boleh dapati di pasaran Thailand, ya. Kita boleh dapati. Di situ memang kita nampak dengan jelas ada ketirisan barangan subsidi lepas digunakan oleh rakyat negara lain.

Kalau kita tengok punca dia bagaimana. Salah satu punca dia adalah apabila bangunan-bangunan stor dibina secara sah ataupun secara haram di Sungai Golok itu. Berhampiran di tebing Sungai Golok tu. Ya, rumah mereka sendiri pun dijadikan sebagai stor dan juga gudang. Jadi, untuk pergerakan itu ke seberang itu hanya mengambil masa beberapa saat sahaja untuk lepas bekalan itu ke seberang menggunakan jalan air. Ya, menggunakan bot ataupun perahu. Ya, sangat mudah. Sebab sungai di antara Sungai Golok di antara sempadan Malaysia dengan Thailand itu, bukannya besar pun, ya. Sangat mudah.

Jadi, kalau kita nak kawal agak sukar sebab bangunan itu adalah bangunan persendirian kecuali kita wujudkan satu peraturan ataupun akta yang tidak membenarkan mendirikan bangunan sebagai stor ataupun gudang di sepanjang Sungai Golok itu. Baru kita boleh kawal dan banyak tangkapan dan rampasan kita laksanakan adalah di sempadan tu. Maknanya di darat, bukan di air. Sebab kalau ikut sempadan itu di atas air. Adalah tak logiklah kalau kita tangkap atas air itu sebab bukannya laut besar. Air dia sungai itu terlalu bukannya besar pun, ya. Boleh berenang, boleh kalau dengan sampan itu tolak dengan kaki pun boleh sampai ke seberang. Kan? Terlalu kecil. Mudah, dia sangat mudah.

Nak cerita pun dia sangat mudah untuk diseludup keluar daripada Malaysia ke Thailand. Ini kita paling banyak berlaku adalah kalau daripada segi tangkapan PGA, banyak kes yang kita dapat adalah di sebelah Sungai Golok berbanding daripada jalan darat. Sebab apa? Menggunakan jalan air dia boleh bawa dalam kuantiti yang besar, ya. Kalau jalan darat ini, kalau besar dia berat. Kalau air ini, dia tak lama dia tak berat ya. *So*, memang kalau kata daripada segi penguatkuasaan, kita laksanakan penguatkuasaan, tapi tidak ada kesudahan selagi tidak ada peraturan ataupun undang-undang yang kita tak mahu ada bangunan, gudang atau stor di sepanjang Sungai Golok tu.

Kalau boleh kita nak kan jangan ada sebarang bangunan untuk menyimpan sebarang. Kalau kita tengok, bukan setakat minyak masak, petrol dan sebagainya pun diseludup keluar.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan, tadi tuan cakap banyak dapat seludup, dapat tangkap eh?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya baca dekat ini pun ada yang terkini bulan April, 7,735 kilogram subsidi yang bernilai RM70,000. Sama juga dekat rumah yang dijadikan transit di Tendong.

Jadi, soalan saya. Berapakah banyak rampasan minyak masak bersubsidi yang telah pun dilakukan oleh pihak KDN? Tak kisah lah daripada PGA ke, daripada mana-mana pihak di bawah KDN dalam tempoh tiga tahun yang terakhir ini? Itu satu.

Kedua, ada tak KDN terlibat dalam jawatankuasa untuk mengesan kegiatan haram tersebut bersepadu dengan pihak KPDN ataupun dengan agensi lain yang terbabit?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB Pengerusi, sekarang ini kita ada data yang di bawah tangkapan, di bawah PDRM dan juga di bawah APMM. Di bawah KPS, kita tidak ada data kerana mereka baru mengambil alih fungsi tersebut dari kastam dan fungsi tersebut hanya berlaku di Rantau Panjang sahaja. *So*, data tersebut yang kita tak ada rampasan pun di Rantau Panjang untuk bekalan masak.

So, inilah data-data yang kita kata maknanya bagi PDRM, 318 kes yang melibatkan 333,346kg melibatkan RM813 juta, dan di bawah APMM, kita ada 19 kes dan melibatkan 36,590kg dan RM101 juta. Itu data kita. Data yang kita boleh bawa pada hari ini untuk tujuan maklumat terkumpul bagi tahun 2023-2025. Selain itu... *[Dicelah]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang logo tu APMM eh?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Yang logonya ialah APMM.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab saya dulu cita-cita nak jadi polis. *So,* saya tak faham logo APMM tu.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Ha, logo APMM.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Polis lah *ek*. Polis saya tahulah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya ini fasal di Rantau Panjang sahaja ke?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Eh, tak.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *Dak, dak,* ini keseluruhan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Keseluruhan negara?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Keseluruhan negara. Makna sekarang ini, tiga agensi utama penguatkuasaan kita ialah PDRM. PDRM melibatkan PGA dan juga polis marin.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Marin...

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Polis marin...

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...dan WCB.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: ...dan WCB yang — APMM satu lagi dan satu lagi kita ada AKPS. *So,* AKPS sekarang ini dia masih lagi baharu dan dia mengambil fungsi penguatkuasaan untuk barangan sahaja hanya di Rantau Panjang. Walaupun dia dah ada 22 agensi, tetapi mungkin pada 1 Januari 2026, dia akan mengambil alih fungsi sepenuhnya daripada kastamlah, pemeriksaan barangan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So* — kejap *ek* sebelum saya bagi kepada Kuala Pilah. Kalau kita tengok *pattern* itu, 2023, 2024, 2025. 2025 belum berakhir lagi. Boleh tak tahu dia punya statistik itu? Ada tak dalam bentuk statistik?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *Details*, *details* tiga tahun. Statistik tiga tahun. Statistik tiga tahun YB, kita ikut agensi. Kita ada data mengikut agensi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh tunjukkan kepada kita?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang ini nanti boleh kongsikan dengan pihak PAC untuk kita bantu buat pelaporan nanti.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sementara nak cari itu boleh saya serahkan kepada Kuala Pilah nak tanya soalan.

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya nak menujukan soalan ini kepada Tuan ACP Rizal lah.

Tuan ada menyatakan tadi bangunan-bangunan sepanjang sungai itu yang mengakibatkan kesukaran dalam mungkin operasi dan sebagainyalah. Jadi, soalan saya, bangunan ini sepanjang Sungai Golok ini, *side* Malaysia ke ataupun *side* sebelah sana? Bangunan ini banyak?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Side* sebelah sana.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey. Terima kasih...

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Fasal saya nak *relate*-kan dengan bidang kuasa. Terima kasih.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Baik. Terima kasih Dato'. Yang saya sebut tadi adalah bangunan Malaysia, Dato'. Kan? Kalau di bangunan Malaysia ini, barang untuk diseludup keluar. Dia ada kelapa untuk diseludup lah. Kelapa, minyak masak, minyak petrol dan sebagainyalah. Itu yang digunakan untuk seludup keluar.

Kalau di sebelah Thailand itu, kita akan tengok bangunan dia kita nampak. Daripada seberang Malaysia pun kita boleh nampak. Bangunan itu dia ada stor beras. Dia ada stor macam-macam. Daripada seberang Malaysia pun kita dah boleh nampak dah. Memang benda tu... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia pelbagailah.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya betul. Dia pelbagai.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Datuk, yang sebelah, belah Thailand itu saya boleh sahkan stor beras itu sebab saya pernah nampak dengan mata kepala saya sendiri.

[Beberapa Ahli ketawa]

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, dalam mesyuarat pra kita, kita nampak bahawa sekarang ini, di rumah dijadikan stor. Rumah yang berhampiran dengan sempadan dijadikan stor. *So,* sekarang ini kita — bila PGA nak buat penguatkuasaan, stor itu bukan untuk tujuan diseludup. Mereka disimpan di situ.

So, bila kita pergi jumpa dengan stor, dia ada stor tetapi bukan untuk tujuan seludup. Tapi bila sampai peringkat tertentu, dia akan hantar untuk penyeludupan. *So,* masa dia menyeludup kita tak sempat dah nak buat tangkapan sebab seperti yang dimaklumkan oleh ACP tadi, dia terlalu dekat. Terlalu dekat, *so* maknanya penguatkuasaan itu takkan berlaku. Ketika itu kita tidak akan dapat buat rampasan kepada barang tersebut.

So, that's why dicadangkan, mungkin PAC boleh cadangkan supaya satu akta ditubuhkan, diwujudkan supaya ada jarak-jarak yang sesuai untuk penyimpanan barang-barang melibatkan barangan-barangan yang dalam kawalan tersebut. Mungkin dalam tempoh empat kilometer, dua kilometer. Kalau kita buat panjang sangat, mungkin orang-orang yang ada tanah yang berhampiran itu akan rasa kerugianlah sebab tanah-tanah dia tidak boleh digunakan untuk membuat stor.

■1520

Tapi, kalau jarak yang bersesuaian dan mungkin PDRM boleh bantu dalam ini. *So,* maknanya operasi tersebut kita dapat mengesanlah bila ada punggahan yang nampak lebih besar, Tuan ACP? Dan kita boleh mengesan dan kita boleh buat tangkapan sebelum dia sampai kepada gigi air untuk ke sempadan dengan Thailand.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Bahagian Dato', setakat ini ada tidak jawatankuasa di antara dua negara bagi isu ini?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Kalau kita ada bilateral, kita lebih kepada dari segi memudahkan pergerakan yang di jalan utama. Kalau kita bilateral untuk dari segi pergerakan *movement of people,* kita banyak berbincang mengenai dari segi aspek di pintu-pintu masuk rasmi. Tapi, mungkin dari aspek keselamatan mungkin ada — Tuan ACP ada apa-apa?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey Dato', di PGA kita ada. Kita ada bilateral, kita ada RBC, kita ada *Regional Border Committee,* lepas itu kita ada *Border Management Working Group (BMWG),* kita memang ada, memang ada hubungan dengan Thailand. Tetapi, kita sebenarnya itu lebih fokus kepada keselamatan, lebih fokus kepada keselamatan.

Kalau kita nak bawa — tapi, kali ini, pada hujung bulan ini ada *meeting* dengan Thailand, saya rasa saya nak bawa jugalah isu penyeludupan. Apa yang berlaku adalah kalau kata penyeludupan itu, barangan itu memang Thailand perlukan, memang dia tak ambil kisah. Kalau barangan itu yang berisiko macam ketum, yang itu dia ambil kisah.

Kalau barangan-barangan yang tak berisiko dan dia memerlukan, macam kelapa, ya kenapa bekalan kelapa dalam negara kita tak cukup? Kita ambil kelapa daripada Indonesia, kan? Naik dekat Batu Pahat. Lepas itu, stok bekalan kelapa bawa ke Kelantan, lepas itu diseludup.

Jabatan Pertanian sendiri tak ada kata, *"Tidak ada menerima sebarang permohonan untuk eksport kelapa",* tetapi Siam sangat memerlukan kelapa untuk industri, untuk *virgin oil*-lah dan sebagainyalah. Begitu juga dengan minyak ini, sangat memerlukan. Minyak kelapa, minyak petrol dan sebagainya. Mereka memerlukan, jadi mereka tak ambil kisah sangat. Yang menguntungkan mereka dia tak ambil kisah.

[Ketawa]

Tapi, kelapa dia, dia haramkan untuk eksport, kelapa tua dia diharamkan untuk eksport keluar, kelapa muda sahaja dibenarkan untuk eksport keluar di Thailand. Jadi, kalau kita buat pun, dia tak ada ini, dia lebih pentingkan kepada keselamatan. Sebab kalau kita buat bilateral pun dengan Thailand, dia fokus keselamatan, dia tidak berapa nak titik berat — sebab kita hanya bincang...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan, tapi kalau benda itu menjadi kebimbangan di pihak kita...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan Tuan pun cakap tadi Tuan rasa nak bawa benda itu, kan? Dan saya rasa *it's a high time* kut untuk Malaysia bawakan tentang perkara ini.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya, betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan mungkin boleh tengok — memang tak pernah dibawa perbincangan?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Tak pernah. Tak pernah lagi dibawa.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Sebab kita polis dengan polis fokus kepada keselamatan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya. PAC pun berpandangan bahawa perlu untuk pihak PGA ataupun pihak negara kita untuk bawakan kepada RBC supaya dapat diperkemaskan dari segi kedua-dua negara, maksudnya dua-dua dapat kepentingan itulah.

Saya nak tanya, tadi Tuan ACP sentuh tentang modus operandi penyeludupan yang dibuat, dengan ada rumah dan sebagainya. Boleh tak jelaskan pada PAC modus operandi yang lain? Maksudnya, jalan utama, sebab saya baca pun ada juga yang ditangkap melalui jalan utama yang dapat ditangkap, kan?

Jadi, modus operandi penyeludupan minyak subsidi, maksudnya lokasi-lokasi panas selain yang dah dinyatakan tadi termasuklah jenis pengangkutan dan juga kaedah yang digunakan sewaktu penyeludupan tersebut. Kongsikan dengan PAC.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, terima kasih Datuk Wira. Baik, MO yang digunakan seperti yang saya sebut tadi, di mana menggunakan rumah ataupun untuk stor di tepi sungai sebagai gudang sebelum dibawa keluar. Dia bukan sepanjang masa, dia apabila — dia pun kaji juga, bila *line clear,* maknanya tidak dipantau, masa itu PGA ronda dah jauh ke, dia akan — sebab benda itu mudah.

Sebab mereka ini — kita pun sedia maklumlah mereka ini ada *relationship*-lah, ada perhubungan di antara seberang sana dengan seberang sini. Ya, jadi, memang agak sukar kalau kita nak dapatkan maklumat-maklumat sebab mereka sangat kuat daripada ikatan kekeluargaan itu masih ada lagi sampai hari ini.

Baik, selain daripada itu juga, kita ada buat SJR. Untuk PGA, kita ada buat sekatan jalan raya (SJR). Untuk sekatan jalan raya ini, fokus kepada laluan yang masuk melalui jalan sah ataupun jalan utama. Yang itu kalau ada maklumat dan juga secara *random* pun kita dapat juga, tak semestinya ada maklumat, secara *random* pun kita dapat. Dia pun membawa melalui jalan utama ataupun jalan yang sahlah.

Jadi, bukan sahaja secara seludup melalui jeti haram ataupun laluan haram tapi mereka juga menggunakan laluan sah berdasarkan daripada tangkapan di sekatan jalan raya. Kalau kata kenapa — benda — perkara ini Datuk Wira, dia dah jadi satu pekerjaan utama bagi mereka.

Benda ini bukan baru, benda ini dah berkurun, dah berabad lama sangat. Mereka tak pandai nak buat kerja lain, tak tahu dan mereka memang inilah kerja dia. Inilah kerja daripada dulu sampai ke hari ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya Tuan ACP, pihak KDN adalah rekod mereka, individu ataupun syarikat yang melakukan kesalahan berulang kali? *You all* ada rekod ataupun tidak, mereka yang melakukan kesalahan cuba menyeludup minyak masak bersubsidi ini?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, kalau kata nak menyeludup, tak ada satu kes pun yang kita tangkap atas kesalahan menyeludup. Sebab sukar untuk kita buktikan bahawa barangan ini untuk diseludup, sangat sukar. Sebab bila kita tangkap adalah di bawah akta bekalan, Akta Kawalan Bekalan 1961. Itu kesalahan dia. Kita tak pernah tangkap lagi di bawah akta nak menyeludup keluar, tak pernah. Sebab nak dibuktikan, walaupun kita tangkap, kita syaki tapi kita semua faham, semua sedia maklum. Tapi, untuk dibuktikan bahawa barangan ini adalah untuk diseludup sangat sukar, sangat sukar. *So,* sebab kes...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau bawah akta bekalan itu boleh bagi tahu punca kuasa dia dan juga...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Itu — kita tangkap, polis ini dia tangkap sahaja. Lepas itu, kes ini dia akan serah kepada KPDN untuk disiasat. Siasatan dilaksanakan oleh KPDN, segala tangkapan dan rampasan pun kita serah kepada KDN — KPDN, *sorry,* KPDN.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, berbalik kepada soalan tadi. 337 kes tangkapan, ada tak yang didakwa di bawah penyeludupan tadi ke cuma bekalanlah, kan?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Di bawah akta bekalan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Di bawah akta bekalan?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Di bawah akta kawalan bekalan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Boleh saya tahu berapa denda di bawah akta bekalan ini? Mungkin PAC boleh cadangkan dendanya ataupun pendakwaan ini lebih ketatlah supaya benda ini tak berlaku...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dinaikkan?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ya.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Saya ingat untuk rekod — sebab dia disiasat oleh KPDN sebab kami tak ada rekod itu. Yang ada rekod adalah KPDN sebab dia yang siasat, dia yang tuduh, dia yang lupuskan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah Tuan rasa undang-undang sedia ada itu dah mencukupi ataupun perlu ada lagi lanjutan daripada pihak PDRM untuk seterusnya?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia macam ini Datuk Wira, daripada pandangan sayalah, pandangan saya. Mereka ini dia tak takut dengan kes yang bukan melibatkan penjara tempoh yang panjang. Maknanya, kes-kes yang lazim ditangkaplah, kes-kes yang melibatkan hukuman yang lama di penjara. Denda tak ada masalah bagi mereka sebab mereka tak takut. *So,* kalau — kalaulah terdapat, kan? Kita ketatkanlah undang-undang termasuk kita libatkan AMLA sekali.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh — kejap. Sebelum saya bagi pada – boleh *explain* ini, kalau melibatkan AMLA, kenapa Tuan rasa begitu?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, memanglah kalau kata dia melibatkan jenayah. Itu yang saya kata, dia agak sukar sebab apa? Dia bukan satu jenayah macam yang lain-lain, dia hanya melaksanakan kesalahan menyeludup barangan ke ini — kalau kita tak ada satu perkara ataupun satu akta yang keras kan, sampai bila masalah ini tak akan selesai. Sebab kita nak pindahkan mereka yang berada di pinggir Sungai Golok itu pun dah lama dah, sampai sekarang pun tak selesai lagi. Memang sukar.

So, PGA ini menghadapi masalah bila — kalau kita tengok di sebelah Thailand, mereka mewujudkan ban, ban yang mana kalau banjir itu tak masuk ke dalam Thailand-lah. Daripada sungai itu, dia ada ban dia, ada penahan banjir itu. Di sebelah kita, kita punya ban ini di sebelah dalam sedangkan rumah penduduk ini betul-betul tepi sungai.

■1530

So, kita tak pindahkan. Kalau kita boleh pindahkan penduduk ni daripada tepi sungai ke dalam tu, kita boleh atasi masalah penyeludupan. Sebab di situ, kita dah faham bahawa di sepanjang sungai itu adalah kawasan keselamatan, maksudnya kawasan sempadan. Tak boleh didirikan sebarang bangunan sama ada untuk persendirian ataupun untuk komersial. Selagi mereka ni masih kekal berada di tebing Sungai Golok tu, ingat sampai bila pun — Jadi kalau kita nak kekalkan mereka di sana, kena ada satu undang-undang yang keras. Kalau tak kita pindahkan mereka daripada tebing Sungai Golok tu.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Boleh saya dapat tahu tak denda yang dikenakan terhadap 337 kes tangkapan ni? Mungkin saya boleh dapat tahu denda dia — hukuman yang dia orang terima.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ada tak wakil KPDN, tak ada?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, seperti katakan tadi, kita — selepas kita tangkap, kita serahkan kepada KPDN. *So*, KPDN yang membuat pendakwaan dan KPDN yang akan *collect* denda tersebut. *So...*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Hari tu KPDN bagi tahu kes-kes penyeludupan dah berkurangan eh? Tapi itulah tengok *the numbers* tu...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Makin naik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Makin naik, kan? So, dia punya — ya lah, berkuranganlah tu di bawah PDRM. Okey, soalan saya nak bagi pada Saratok, Seputeh, Sik.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey, terima kasih Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Berebut Datuk. Tadi masa JAKIM, tak ada macam ni.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya ada dua soalan. Yang pertama adalah macam mana dengan penyeludupan ataupun tangkapan yang dibuat di sempadan Kalimantan-Sarawak dan Sabah-Filipina? Ini tak ada rumah di sempadan tu dan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak ada Sungai Golok.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: ...Apakah jenis penyeludupan itu? Adakah kecil-kecilan untuk penggunaan rumah di sana ataupun adakah dia melibatkan ejen? Yang satu lagi adalah yang soalan kedua, pernahkah terlibat ejen-ejen gelap dalam kontrol minyak masak subsidi ini? Ada tak kes-kes yang melibatkan sindiket, sindiket gelap ini? Dia orang kontrol ni. Oh, *you* tangkap polis tak apa, kita akan bayar denda. Saya rasa ini — penyeludupan ini dia terancang. Jadi, macam mana dalam kes yang sebegini? Ada dua soalan tadi.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, terima kasih. Yang di Sarawak, di Sarawak di antara Sarawak dengan Indonesia tu. Baik, dia ada beberapa faktorlah. Tetapi dia bukan dalam bentuk kuantiti yang besar tapi dia berlaku. Berlaku mungkin dia bawa pelbagai. Dia bawa pelbagai barangan keperluan termasuk minyak masak. Kalau kita tengok dia pun ada bawa barangan mentah, gula dan sebagainya. Barangan mentah ya. Dia bawa bukannya — dia macam orang peruncit

mendapatkan bekalan daripada pemborong. Sebab dia bekalan tu dia mudah dan murah; dan mudah didapati.

Dia banyak faktor. Satu adalah jarak dia untuk dapatkan bekalan tu di negara dia, jauh, jauh ya, satu. Dan, kalau dia masuk ke Malaysia, dekat. Dia dekat dan murah sebab dia mudah dapat berbanding dengan di negara dia, kan? Dan, dia bukan *syndicated,* tidak sebab apa dia bukan kutip, dia *just* ambil untuk bekalan penduduk ataupun kalau dia ada kedai runcit, dia ambil bekalan tu untuk kedai runcit di tempat dia. Bukanlah dalam kuantiti yang besar kan? Sebab kita tak pernah dapat kontena tetapi kita dapat pun dalam *four by four* saja. Kita dapat dalam *four by four* saja. Kalau kata yang *syndicator* ni, saya minta PSK. Tuan, boleh ini...

Seorang Ahli: Tak adalah.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *So far,* setakat ni PGA tak nampaklah yang sindiket menyeludup minyak masak ni, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Okey Pengerusi, saya nak tanya. Adakah wujudnya *strategic discussion* di antara pihak penguat kuasa KPDN dengan PGA? Saya nak rujuk di Kelantan lah. Kerana tadi, saya — kami diberitahu oleh pihak JAKIM, tujuh kilang yang mengeluarkan minyak masak itu tidak ada sijil halal. *So,* kalau terdapatnya tujuh kilang yang keluarkan minyak masak, ini *polybag* minyak itu, *so*, maksudnya, nampaknya ada kerjasama di antara pihak mungkin kilang pengeluaran sawit dan juga pihak *transporter* dan yang semua ini pakat sekali lepas tu mereka seludup ke arah Thailand.

Saya tak pasti sama ada, ada pegawai KPDN di sini. Adakah ini bermaksud yang mungkin terlalu banyak yang — kos minyak masak yang di-*subsidise* oleh kerajaan itu dikeluarkan di dekat negeri Kelantan sedangkan mungkin tidak ada penduduk yang cukup untuk nak belilah yang minyak masak yang ada subsidi ini? Apakah pandangan tuan tentang ni?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Pandangan PGA kah atau pandangan KPDN?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: *I* tak tahulah, saya dengar senario yang disebutkan oleh tuan tadi, saya rasa mesti ada — kalau yang penyeludupan begitu rancak dekat *border,* dekat Golok sana, mesti mereka ada pakat dan mungkin yang kilang-kilang pengeluaran minyak sawit yang ada subsidi itu mungkin terlalu banyak yang penawaran lebih daripada permintaan tempatan. *So,* itu sebab berlakunya mereka nak jual yang semua ini minyak sawit yang ada subsidi itu ke sebelah Thailand.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Saya rasa tak. Dia bukannya — bekalan tu lebih daripada permintaan, saya bagilah — macam saya cakap tadi,

perkara ni dah lama berlaku dan dia menjadi salah satu *business* ataupun sumber pendapatan kepada mereka yang melaksanakan pekerjaan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Jadi, peranan KPDN dalam aspek ini adakah kerjasama strategik — *you know,* kerjasama yang strategik di antara PGA dengan KPDN, bahagian penguat kuasa?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Kita ada *inter-agency* dengan — tapi bukan bersama-sama melaksanakan operasi dan tangkapan, rampasan. Maksudnya, apabila PGA ada membuat rampasan, tangkapan, kita akan berhubung dengan KPDN, kita akan serahkan. Semua kes dan tangkapan ni kita akan serahkan kepada KPDN. Jadi, KPDN melalui daripada mesyuarat yang kita dah bersetuju bersama, mereka akan terima semua kes yang kita serahkan.

Untuk operasi, kita tak boleh nak bersekali sebab apa? Dia *random,* dia tak spesifik dan benda ni memang selalulah. Mudah, mudahlah, mudah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya sedikit mungkin mohon pencerahan. Dari segi penguatkuasaan itu, saya nampak yang terpentingnya ialah dari soal kolaborasi di antara agensilah. Tadi disebut jugalah maksudnya ada beberapa agensi ini telah pun ada — sama ada *taskforce* ataupun jawatankuasa bersama sebab macam kita lihat antara puncanya ialah kolaborasi di antara agensi tu agak lemah ya.

Kalau dilihat ada dalam laporannya, ada 150 lorong-lorong tikus di sempadan. Jadi, makna ada sudah dikenal pasti. Mungkin di situ juga mungkin tuan mungkin boleh memberi penjelasan bahawa kolaborasi ini perlu lagi diperkemaskan termasuk maknanya *joint taskforce* yang perlu ada secara rasmilah ya dan itu penting.

Sebab kita lihat dari segi modus operandi penyeludupan ni, dia akan bermula dengan *step* pertama ialah penyamaran sebagai pembeli tempatan. Ada *runner* ni akan pergi beli di *supermarket,* di kedai-kedai besar. Contohlah, katalah di Golok tu dia akan pergi beli di Kota Bharu kan? Lepas tu dia akan kumpul *runner* ni, dia pergilah tadi yang disebut di stor atau di rumah-rumah itu dan di situ juga maknanya dia lihat ada waktu-waktu yang tertentu yang mungkin dari segi penguatkuasaan itu agak mungkin longgar. Contoh tengah malam atau waktu pagi, subuh. Makna waktu tu dia dah set ya, ini dia orang ni — dan teknik yang dipanggil *smuggling* berlapis ini. Dia susun ya.

■1540

Ada yang saya pernah baca minyak masak itu dia buka, dia bubuh dalam tong minyak lain. Dia bubuh dalam tong air. Jadi kita tak tahu lah, kan? Lepas itu dia pergi sana, dia *packing* balik gitu dan sebagainya lah. Sudah pasti lah ada kebocoran

maklumat ya soal penguatkuasaan itu dari segi soal mungkin ada — integriti di pihak mungkin ada ini di kalangan agensi ini. Itu mungkin ada ruang situ.

Jadi beberapa lapisan proses modus operasi yang kita tahu ini mungkin perlunya ada kolaborasi di antara agensi itu supaya kita dapat tutup — kalau kata lima tadi, lima lubang-lubang tadi. Jadi itu isu soal penguatkuasaan lah.

Pengerusi, yang kedua soalan saya. Mungkin — tak tahu lah sama ada ini sama ada di pihak KDN atau pun KPDN. Soalnya dari segi pengagihan minyak masak daripada gudang besar itu kepada negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand ini. Kelantan, Perlis, Kedah itu ya.

Jadi syarat maknanya itu mungkin perlu dilihat keseluruhan lah. Makna KPDN perlu ada dia punya garis panduan dia. Berapa jumlah minyak masak yang bersubsidi ini di negeri sempadan dan mungkin tak sama dengan negeri lain. Jadi situ kita mungkin boleh kontrol berapa jumlah yang terlepas ataupun bagaimana dia tercicir di tengah jalan apabila diseludup masuk. Jadi itu mungkin perlu dilihat secara keseluruhanlah. Itu yang soalan saya lah. Terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey, YB. Untuk soalan pertama seperti yang Tuan ACP maklumkan tadi, dia dah menjadi suatu pekerjaan mereka penyeludupan. *So*, KSN melalui mesyuarat STAR, S-T-A-R yang dilaksanakan setiap bulan telah membuat keputusan supaya PDRM menjadi peneraju kepada operasi bersepadu integrasi strategik inter dan intra agensi.

Apa maksud dia sekarang ini? Contohnya dalam mesyuarat yang kita bincangkan. Contohnya penyeludupan diesel. Dalam penyeludupan diesel, dia *modify*-kan kenderaan mereka untuk memuat diesel. Bermakna dia *modify* kenderaan, dia masukkan diesel yang banyak dan dia pergi sebagai seolah-olah pergi ke Thailand untuk melancong. Tetapi sebenarnya mereka telah membawa bilangan diesel yang terlalu banyak dalam tangki mereka.

So bila dia pergi dia balik tetapi bila ditangkap, ditangkap oleh KPDN, KPDN hanya mengambil tindakan untuk tujuan penyeludupan diesel tersebut. Tetapi sebenarnya ada isu JPJ di situ dalam pengubahsuaian tangki tersebut. Kalau ditangkap diesel tersebut, dia membayar denda kemudian tangki tersebut masih lagi macam itu besoknya dia isi lagi minyak. Dia masuk lagi. Mungkin yang membawa penumpangnya — yang bawa kenderaan itu bukan orang yang sama. Mungkin orang berbeza dan nombor kenderaan pun mungkin telah ditukar. *So* pengecaman tidak berlaku tetapi tangkinya besar.

So apa yang dilaksanakan ialah bila ditangkap bermakna semua agensi mengambil tindakan. Bermakna JPJ pun menyita kenderaan tersebut. *So* bermakna

kita boleh mencegah pelaksanaan berulang yang berlaku seperti yang dimaklumkan oleh Tuan ACP tadi bahawa menjadi pekerjaan mereka.

So mereka perlu — kita tangkap kenderaan tersebut dan minta mereka supaya kembalikan kepada kenderaan tersebut seperti asal. Membuang tangki-tangki yang besar dan baru kita serahkan balik kenderaan kepada mereka. Tetapi kalau KPDN sahaja menangkap dan mengecaj atas diesel, kenderaan dipulangkan pada mereka besok lusa dia akan menggunakan kenderaan yang sama.

So itulah operasi bersepadu. Bukan mengambil tindakan ke atas kes yang ditangkap tetapi semuanya disiasat yang melibatkan kenderaan, melibatkan agensi-agensi lain. *That's why* PDRM telah diberi mandat untuk menerajui operasi bersepadu ini bila kita akan boleh mengekang isu-isu tersebut.

Sekiranya dia membawa lori, membawa beras yang besar, banyak, beras juga ditangkap. Lori juga dicaj dan semua yang berkaitan dalam rantaian pembawa itu tersebut akan diambil tindakan. Bermakna kita bukan caj kepada satu perkara tetapi caj kepada dua, tiga rantaian. Itu menjawab persoalan pertama operasi bersepadu dan telah dilaksanakan dan KSN mempengerusikan mesyuarat tersebut dan PDRM menjadi agensi induk untuk menerajui pelaksanaan ini, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, maksudnya jawatankuasa kolaborasi ini dia inter kementerian atau hanya di bawah KDN?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Diterajui oleh PDRM dan melibatkan semua kementerian. Ini ialah berikutan dengan berlakunya E-waste yang ini. Bila E-waste ialah melibatkan pelbagai agensi. Melibatkan PBT, kilang-kilang haram. Melibatkan kastam, melibatkan banyak rantaian tersebut. *So*, kalau kita nak — E-waste kita hanya tuduh kerana PBT kerana operasi haram tetapi kita kena melihat kepada aspek-aspek yang lain. Rantaian menjadikan kepada E-waste tersebut. *So* punca daripada situ lah.

KSN telah membuat keputusan untuk membuat operasi bersepadu integrasi strategik antara inter dan intra ini dan PDRM menerajui jawatankuasa ini. *So*, maknanya PDRM sedang melaksanakan SOP-SOP untuk menangani isu-isu penyeludupan termasuk penyeludupan barang-barang terkawal ke negara sempadan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, minta saya— YB, saya sambung sedikit tadi. Soalan YB tadi berkenaan dengan ada dia kata lebih kurang dalam 150 laluan haram yang dijadikan sebagai laluan lah untuk menyeludup keluar

minyak masak ini. Okey, saya nak bagi penjelasan berkenaan dengan lebih daripada 100 laluan haram ini.

Dia laluan haram ini dia ada lebih kurang 100 lebih, betul? Tetapi mereka ini bukannya 150 ini memang itulah laluan dia. Tak. Kita dah tahu laluan — memang itulah laluan dia. Tak ada laluan yang lain lah. 100 lebih itu memang maksimum lah laluan dia. Orang yang buat ini dia akan tengok dia pun ada air dia. Dia ada tonto dia, kan? Dia akan guna — dia mudah sahaja. Dia *relax* sahaja. *So* dia akan gunakan mana laluan yang dia rasa mudah, selamat dia akan jalan. Bukan dia — daripada 150 itu kalau kita nak pantau. *Ai* 24 jam nak, kan? *[Ketawa]*

Sebab dia bukannya gunakan semua sekali secara serentak. Tak ada. Dia akan guna mana yang dia rasakan paling selamat. Itu. Dia pun ada kaji juga kita. Dia bukan main buat sahaja. Dia pun ada orang dia. Dia kata tengok ini, PGA ini ada dekat pos kah, ronda kah, tak kah.

Seorang ahli: Dia pun ada komunikasi canggih juga. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *[Ketawa]* Okey, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: PGA ini di sempadan sekarang di Golok itu berapa jumlah anggota?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, kita sekarang ini ada lebih kurang 150 orang untuk...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Cukup kah?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Kita ada 46 pos. 46 pos. Di Kelantan sahaja. Di Kelantan sahaja daripada Rantau Panjang sampai ke Tumpat itu. Maknanya Pos Ibrahim Pencen sampai Pos Sungai Ular itu. Ular itu kita ada lebih kurang dalam 150 orang.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Datuk, boleh saya *interject* sedikit?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya, ya. Boleh.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ini saya berfikiran agak simplistik sedikit lah. Minta maaf. Tetapi kalau 150 *hotspot* itu ataupun yang dikenal pasti sebagai laluan itu, tak bolehkah kita pasang CCTV ke ataupun *something like that* lah, *I* tak tahu.

Seorang ahli: Dron, dron.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dron itu nak kena tiap-tiap kali pula. Tetapi kalau yang *fix,* kan? Tak tahu. Ini *I just very simplistic* punya pandangan.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Sebelum ini tak ada. Dalam perancangan untuk kita naik taraf daripada untuk perkasakan kawalan keselamatan sempadan itu dalam perancangan. KDN dalam perancangan untuk perkasakan

kawalan keselamatan sempadan ini menggunakan teknologi AI. Jadi dia bukan sahaja CCTV, dia juga melibatkan dron, *naval drone. So* kami pun ada buat POC dengan syarikat-syarikat untuk jalankan uji kaji menggunakan dron dan sebagainya. Alat pengesan dan sebagainya. Benda ini dalam proses.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya punya mukadimah ini — mukadimah ya. Datuk Wira Pengerusi, mukadimah ya. bukan soalan. Mukadimah pengalaman saya sendiri masa saya kerja di Desaru, radar ada. Radar ada dekat situ. Tetapi penyeludupan barangan yang berkaki, yang boleh berjalan sendiri. Manusia lah. Masuk sempadan dan apabila kita *confront,* dia naikkan M16. Jadi saya *instruct* saya punya staf, jangan *confront*. Kita *withdraw* suruh pihak berkuasa *handle* lah. Itu pengalaman saya sendiri lah. Maknanya dengan radar, dengan apa dan sebagainya penyeludupan itu berlaku. Itu dari segi mukadimah dia.

Now, coming back to the subject matter fasal ini. Kalau ikut data ini, 369,000 kilogram lebih kurang yang dia kena tangkap dan banyak disebut di Sungai Golok, Sungai Golok, Sungai Golok. Adakah keseluruhan ini kebanyakan berapa peratus daripada 369,000 kg ini di Sungai Golok atau pun di tempat-tempat lain lagi? Itu soalan sub, soalan yang pertama.

Keduanya saya yakin kalau lah banyak itu kena tangkap, apakah anggaran yang tak kena tangkap, yang lepas itu?

■1550

Ada tak anggaran dia? Maknanya, yang kena tangkap banyak itu. Kalau banyak itu, saya kira-kira, congak-congak ya, lebih kurang satu bulan 12,000 kilogram lebih sahaja kena tangkap. Sebulan. Jadi, berapa banyak yang dianggarkan yang lepas? Itu soalan yang kedua, sub soalan yang kedua.

Sub soalan yang ketiga, yang telah disebut tadi bahawa, "*Tidak ada orang yang ditangkap dan dicaj di atas dasar penyeludupan.*" Tidak ada kes kah di mana ditangkap semasa dia atas bot? Maknanya, kalau atas bot nampaklah. Boleh kita caj dia nak seludup, kan? Maknanya, seolah-olah tidak ada penangkapan barangan itu di atas bot. Ke ada? Kalau ada, kenapa tak caj di atas dakwaan penyeludupan itulah? Itu subseksyen soalan tiga.

Soalan yang berikutnya, saya difahamkan juga tadi — *[Ketawa]* bahawa pendakwaan boleh dibuat oleh KPDN dan juga APMM. Dua-dua ada punca kuasa untuk buat pendakwaan. Apakah perbezaan dia? Kenapa perbezaan dan kenapa dia perlu — ya lah, sebelum ini mungkin ada sejarah di belakangnya, tetapi adakah usaha-usaha untuk selaraskan dari segi pendakwaan isu ini kah, diselaraskan? Itu soalan ketiga, subseksyen soalan yang pertama.

Subseksyen soalan kedua, AKPS ini. Kita dimaklumkan bahawa AKPS dengan kepimpinan Ketua Pengarah baharu dan sebagainya, di bawahnya semua agensi di bawah AKPS ini. *What is the vision ahead*, kan? Maknanya, kalau bawah AKPS pun ada kastam di situ, imigresen di situ, polis di situ dan sebagainya dan peranan AKPS itu tidak dapat main peranan *to coordinate* semua agensi-agensi penguatkuasaan ini. *Then*, polis akan bertindak bersendirian, APMM bertindak bersendirian dan sebagainya. Jadi, fungsi AKPS ini saya tak nampak keberkesanannya akan dapat kita rasailah. Itu pandangan saya, Yang Berhormat. Terima kasih.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Tak apa, yang APMM saya bagi APMM jawab. Saya pergi kepada soalan tadi berkenaan dengan statistik di apa — sebab apa kena — kenapa saya sebut Kelantan, kenapa saya sebutkan Sungai Golok? Untuk PGA, ya. Saya bagi tahun 2023, ini PGA, bukan data keseluruhan PDRM. Untuk PGA, pada tahun 2023, kes 41. 36 di Sungai Golok. Itu contoh, ya. Itu contoh. Jadi, rampasan keseluruhan tahun 2023 di Sungai Golok adalah lebih daripada 50 tan minyak masak.

Untuk tahun 2024, kes keseluruhan, satu Malaysia, 39 termasuk Sabah, Sarawak, tetapi untuk di Kelantan sahaja ada 23 kes dan nilai rampasan minyak masak lebih daripada 20 tan. Nampak? Dia dari 50, 20. Manakala, tahun ini disebabkan penguatkuasaan yang ketat di Sungai Golok itu, tahun ini sehingga Julai kita hanya ada lima kes sahaja di Kelantan dan rampasan kita hanya lebih kurang tiga tan sahaja sehingga kini. Selepas kita *start* bulan Disember tahun lepas, kita ketatkan Sungai Golok itu, tetapi berlaku juga. Berlaku juga dan ini yang kita dapat termasuk yang kita laksanakan sekatan jalan raya ini. Ini untuk makluman YB, ya.

Kalau nak tanya anggaran yang lepas, saya tak boleh nak bagi jumlah. Saya pun tak tahu sebab ya lah, kalau kata dia orang yang buat kerja ini, bila dia tak dapat, *income* dia tak ada, dia tetap akan buat juga. Mungkin dia gunakan kaedah lain. Mungkin dia gunakan laut ke, sebab sungai dah tak lepas. Darat dan sebagainya.

Okey, untuk kenapa yang kita ini tidak ada caj penyeludupan sebab atas air. Okey, sempadan kita, sungai itu sempadan dia adalah di tengah-tengah sungai itu. Di tengah-tengah sungai itu adalah sempadan antarabangsa di antara negara kita dengan negara Thailand, kan? Jadi, jarak di antara tebing dengan tengah itu berapa depa sahaja, kan? Jadi, kalau kata kita nak tangkap dia menyeludup itu, kena dia berada di atas bot. Dia kena berada di atas bot ataupun sampan. Maknanya, itu menunjukkan ada niat untuk menyeludup.

Tetapi, kalau dia ada, dia nampak kita, dia tak bawa. *[Ketawa]* Ataupun kalau dia nak pergi ke seberang pun, kita tak boleh buat apa. Kita duduk darat, kan?

Takkan kita nak terjun atas air, kalau kita ada bot. Tetapi, kita bot ada, kita ronda, dia tak bergerak sebab dia terlampau dekat. Di antara garis sempadan tengah itu dengan tebing sangat — hanya berapa depa sahaja. Sangat dekat. *So*, kalau kata kita nak mengecaj dia menyeludup, sangat susah, sangat sukar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak faham itu. Nak faham tadi. Maknanya, kalau pihak tuanlah. Kalau dia duduk *je* diam situ, minyak masak itu banyak dalam bot dia, tetapi dia tak bergerak. Tak boleh caj juga? Tak boleh tangkap?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Kita tangkap. Itu kita tangkap, tetapi tak boleh nak — sebab apa? Kita serah kepada KPDN, tetapi nak buktikan bahawa benda itu untuk diseludup, susah. Dia mungkin gunakan bot itu untuk tak keluar daripada sempadan. Dia boleh gunakan pesisir itu. Jadi, susah untuk dibuktikan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jadi, *case closed*-lah?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Bukan *case closed*, tetap kena di bawah Akta Kawalan dan Bekalan. Ha, itu yang kita ambil tindakan di bawah Akta 1961 itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Boleh tak minta perinci? Okey, di Golok berapa? Kita kadang ada Perlis, ada Kedah lagi, ada Sabah, ada Sarawak, apa tadi? Johor? Mana? Dan saya ini Ahli Parlimen Kapar, Maritim Selangor itu di Parlimen Kapar dan saya dah pun melawat secara rasmi ke Maritim itu. Saya tengok dia orang punya macam mana keadaan peralatan mereka. Sebab yang nak menyeludup yang Sungai Golok tadi, dia boleh dekat-dekat sahaja, kan?

Tetapi yang di Port Klang ini, dia boleh pecut lari, pecut laju. Ini Indonesia pula lah, ya kalau nak seludup apa-apalah. Sedangkan, yang nak tangkap dia itu bolehkah pecut? *Are we healthy, equipment* kita ini daripada segi nak inikan dia, nak tangkap dia? Sebab, saya tengok ada peralatan itu juga, saya tak ingatlah bahasa *you all* punya apa itu, bising. Jadi, orang yang nak ditangkap itu dah tahu awal-awal dah *you all* nak buat operasi. *So*, dia takkan buat apa-apalah.

Okey, yang kami nak syor ini, nak bantulah, kan? Apa daripada segi — tadi kalau apa tanya tadi daripada segi anggota, cukup ke tidak. Daripada segi peralatan, nak buat berfungsi secara berkesan, efektif. Apa yang diperlukan?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tambah sikit daripada soalan Kapar itu. Ada tak penggunaan teknologi dron ataupun sistem pengesanan dalam kes penyeludupan ini?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, saya jawab dulu. Ini Datuk Wira, untuk PGA memang kita ada. Kita guna dron dan dron itu sama ada bersama PGU, yang memang Unit Dron, PGU ataupun PGA sendiri pun ada lah yang elemen yang

ada lesen itu untuk menggunakan dron itu. Tetapi, dron ini dia bukannya sepanjang masa. Dia bukan sepanjang masa. Dia ada masa-masa dia, satu.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan ACP, BGU itu apa?

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: PGA.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: PGA? Tak, BGU. Tadi sebut...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: (PGU) Pasukan Gerakan Udara.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, okey.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Yang Unit Dron PDRM ini di bawah PGU.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kita tak biasa *terms* itu.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Jadi, dia tak boleh nak *running* sepanjang masa. Jadi, dia ada masa-masa dia sahaja dan satu. Yang kedua dia pun, jarak untuk dia terbang itu pun tak boleh jauh, yang kedua. Yang ketiganya, bangunan ini, atap dia sampai terus ke gigi air. Jadi, kalau daripada atas pun kita tak nampak. Gambar daripada dron ini kita dah tengok dah. Yang bangunan yang dijadikan sebagai stor ini atau tempat seludup, memang dia rapat...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya tak nampak ini gambaran tuan cakap ini. Saya cuba, macam tak nampak. Saya kena pergi tempat itu, baru tengok.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ha, boleh Datuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Boleh, boleh. Saya sokong. Boleh, boleh.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira, soalan yang ketiga belum jawab lagi, tetapi...

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, okey. Untuk ini YB, soalan tiga tadi itu berkenaan dengan punca kuasa APMM, KPDN itu saya minta APMM lah jawab ya. Begitu juga dengan yang di laut lepas, apa semua itu. Saya minta APMM yang jawab.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Sebelum itu, soalan susulan tadi. Kita, kerajaan telah meluluskan untuk Projek Tebatan Banjir di Sungai Golok, akan dilaksanakan lebih daripada RM1 bilion.

■1600

Dalam menaik taraf Sungai Golok tu, ada tak faktor-faktor mengambil kira isu penyeludupan ini di mana penaiktarafan Sungai Golok tu ambil kira buat apa-apa yang diperlukan untuk menyukarkan penyeludupan berlaku? Ada tak perkara itu dibincangkan dalam reka bentuk projek menaik taraf Sungai Golok? Itu untuk banjirlah, tapi ada tak ambil kira untuk buat tebing-tebing ke yang tertentu yang kita boleh menghalang...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak relevan kat dia orang.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tak relevan tapi nak tanya. Benda ni pernah tak dibincangkan, mengambil kiralah dalam reka bentuk penaiktarafan tambatan banjir tu mengambil kira isu yang penyeludupan ni. Pernah tak? Nak tanya.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia, dia macam ni, YB. Dia apa yang ada di Sungai Golok tu sekarang ni adalah telah dibina jalan keselamatan ataupun KESBAN. Dalam KESBAN tu ada dibina di sepanjang Sungai Golok, tapi masih dalam pembinaan lagi tu.

Dia nak jadikan sebagai tebatan. Kalau banjir, dia tak masuk ke dalam ni. Tetapi, penduduk kita masih kekal. Masih lagi kekal di tebing Sungai Golok tu walaupun ada KESBAN, ban ataupun bukit batas tu yang menghalang di antara tebing Sungai Golok dengan yang sebahagian dalam, tetapi penduduk masih ramai lagi tinggal di rumah mereka, di rumah persendirian ni di tebing Sungai Golok. Ni masalah dia.

Selagi penduduk...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia pagar saja. Saya rasa Ahli Parlimen Tumpat dan Rantau Panjang minta dipagarkan supaya ada persempadanan tu *clear.* Tak boleh masuk. Patut tak buat.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia, dia, dia tebing tu ataupun jalan KESBAN tu dengan Sungai Golok tu, dia tak jauh. Dia tak sampai 100 meter pun. Kan?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, okey, okey.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia dekat dan jadi, walaupun dibina jalan KESBAN tu, untuk tebatan banjir, tetapi rumah penduduk tu masih lagi kekal.

[Pembesar suara dimatikan]

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Soalan saya.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya menuntut soalan ketiga saya tadi. *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Awak tak jawab lagi soalan saya tau. Tadi potong *line*.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Yang maritim ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Soalan ketiga apa YB?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya punya — soalan ketiga saya berkenaan dengan ni. Maknanya, pendakwaan boleh dibuat oleh KPDN...

Tuan ACP Zulkifli bin Mahmood [PDRM]: Ah, betul.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: ...dan juga APMM. Jadi, apa perbezaan dia? Kalau ada sejarahlah ataupun lebih berkesan kalau kita ambil kira satu proses atau satu-satu jalur untuk kita buat pendakwaan. Dan, mengambil kira peranan AKPS tu.

Jadi, AKPS, di bawah AKPS ada berapa agensi di bawahnya dan kalau AKPS, PDRM, Imigresen, Kastam di bawah AKPS, jadi masih berlaku di mana PDRM buat sendiri, Kastam buat sendiri dan sebagainya. Jadi, peranan AKPS ni tak nampak keberkesanan dia.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey, YB. Kita *split* dua jawapan ya. Satu yang APMM buat pendakwaan. Kenapa APMM boleh buat pendakwaan? Kenapa PDRM tak buat pendakwaan? Yang AKPS tu soalan yang seterusnya. Saya jawab soalan yang AKPS.

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya Kapten Maritim Mohamad Soharto dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Saya teringat merujuk kepada soalan Yang Berhormat tadi yang sebelum kuasa menyiasat dan mendakwa daripada pihak APMM tu. Izinkan saya untuk memaklumkan bahawa tangkapan di perairan Malaysia juga ada dilakukan oleh APMM, di perairan Malaysia yang mana di laut wilayah dari pesisir pantai tu sehingga 12 baru nautika. Itu adalah laut wilayah yang mana undang-undang yang kita domestik ni terpakai.

Jadi, mengikut data saya dalam tahun 2025 ni, di bawah Akta Kawalan Bekalan, secara spesifiknya minyak masaklah memang ada lima kes di Sabah-lah. Ada dua di Tawau dan di Sandakan-lah. Kita syaklah bawa keluar ke Philippines. Tapi tu adalah kalau kira fasa penyeludupan tu maknanya dia dah berada di atas bot di perairan Malaysia dan dia dah bolos dari pantai dan daratlah. Sebab benda tu berasal daripada darat, bukan datang daripada negara luar masuk ke Malaysia.

Tetapi, dalam melaksanakan operasi dan rondaan berkala APMM, maknanya kita — bila kita syak kapal-kapal yang melakukan kesalahan tu, kita akan siasat dan sekiranya kita jumpa barang-barang yang ataupun perkara yang melakukan kesalahan tu, seperti juga yang melibatkan Akta Kawalan Bekalan, maknanya kita akan tangkaplah.

Jadi, di situ APMM juga diberi kuasa melalui Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia [Akta 633] yang masa kuasa agensi juga boleh untuk menyiasat apa-apa kesalahan. Jadi, maknanya untuk Akta Kawalan Bekalan ni, APMM mempunyai kerjasama strategik yang kukuh di antara APMM dan KPDN yang mana menyerahkan kuasa menyiasat ini kepada pegawai APMM itu sendiri dan seterusnya ke peringkat pendakwaan di mahkamah.

That's why maknanya kes-kes yang melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961 ni yang ditangkap oleh APMM di laut, disiasat oleh APMM. Kita tak serah kepada KPDN sehinggalah ke peringkat pendakwaan. *That's why* maknanya KPDN tu tak siasat sebab mungkin beberapa perkara teknikal di laut ni pihak KPDN pun tak tahu, kan?

Tapi kalau APMM siasat maknanya kita tahu *intention* dia, kita boleh maknanya dalam kertas siasatan tu kita boleh kuatkanlah untuk mewujudkan *prima facie* terhadap kes itulah. Yang mana *intention* untuk bawa barang di bawah Akta Kawalan Bekalan tu untuk diseludup keluar tu maknanya kuat sekiranya pegawai APMM yang menyiasat.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya APMM memang jelaslah di kawasan laut dan sebagainyalah, kan?

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Ya, ya. Hanya...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Macam kes kat Golok ni, contoh APMM punya peranan *very, very, very minimal*-lah oleh kerana sedepa saja air tu, kan?

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Tak ada, tak ada YB. Di Sungai Golok, kita tak kuat kuasakan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan dia orang.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Taklah. Maknanya ada air juga di situ.

[Ketawa]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tapi bukan air laut.

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Itu di sungai, sungai. Sungai Golok, tak.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: APMM air masin sajalah? Air tawar tak masuk?

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Ah, tak, tak. Tak masuk.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh, air tawar tak masuk.

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Itu dipanggil *internal water* ataupun perairan dalaman tu mungkin pihak PDRM.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Itu di — itu, itu oleh polis marin.

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Polis PJ. Polis marin mungkinlah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey YB untuk soalan yang seterusnya ialah mengenai fungsi AKPS, YB. Okey, dalam kawalan sempadan kita YB, kita ada beberapa agensi. Bermakna kalau di laut yang lepas tersebut, kita bagi pada APMM. Di laut-laut di sungai dan di kawasan-kawasan tertentu, kita bagi pada polis marin.

Dan, di sempadan yang sempadan yang bukan digazetkan sebagai pintu masuk utama, kita bagi pada PGA dan AKPS hanya akan berfungsi di pintu masuk yang digazetkan. Dan, pada masa ini terdapat 143 pintu masuk yang digazetkan yang beroperasi.

So, itu sahaja yang akan diambil alih oleh AKPS. Bermakna pintu masuk yang digazetkan akan dilaksanakan oleh AKPS. Bermakna sekarang ini, AKPS hanya berada di 143 tempat, PGA akan berada di sempadan-sempadan darat yang lain, dan PDRM — APMM dan polis marin akan berada di sempadan-sempadan laut yang dalam kuasa masing-masing.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, nak tahu saja. Apa maksud definisi pintu masuk tu?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Pintu masuk yang digazetkan adalah pintu masuk yang kita membenarkan pelawat dari luar masuk ke Malaysia dan pelawat kita boleh keluar kepada negara lain.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *That means* dekat *point*...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Imigresen.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ...imigresen sajalah?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Yang mana kita ada yang kalau kastam saja, tak ada imigresen barangan saja pun itu di bawah APMM.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itu di pintu masuklah. Maknanya, AKPS kalau misalnya — ini bangunan imigresen, bangunan kastam.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Ha.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Orang tak masuk melalui bangunan tu, dia tepi bangunan tu, di luar kawasan AKPS lah. Bidang kuasa?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Kalau kawasan tu yang digazetkan seluas itu...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ha.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: ...itulah kawasan dalam bidang kuasa.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: APMM. Maknanya di luar tu, AKPS?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: PGA.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: PGA. Okey, faham, faham.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: PGA akan ambil alih. *So*, ***that's*** *why* sekarang ni pintu masuk yang digazetkan sahaja yang ada pemeriksaan oleh AKPS.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ada rancangan untuk memperluaskan lagi tak bidang AKPS ni ataupun memang macam itulah akan berlaku sehingga pertambahan pintu masuk? Kalau tidak, skop dia setakat tu sajalah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Setakat ini kita akan hadkan kepada itu sebab kita ada fungsi-fungsi masing-masing. PGA pun telah berpengalaman dan mempunyai fungsi tersebut dan kita serahkan kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk menjaga sempadan negara kita, YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

■1610

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Saya tadi tanya fasal Port Klang tadi. Maritim Selangor, daripada segi peralatan navigasi dan pemantauan, usang yang saya lihat. *So,* saya nak bantu sebenarnya. Kita nak syorkan ini apakah keperluan. Sebab saya difahamkan ketiadaan sistem *maritime domain*— apa orang panggil itu? *Awareness?* MDA *ke* apa itu kan. Nak kesan aktiviti penyeludupan ataupun pencerobohan ini. *Is that true? So,* macam mana *you all?* Dan saya difahamkan ada banyak kapal tua dah, yang dah agak usang dah sikitlah. *So, is that part of your* keperluan?

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Yang Berhormat, sememangnya antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh APMM adalah maknanya dari segi melaksanakan penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia sama ada di negeri Selangor ataupun tempat-tempat lain adalah cabaran asetlah yang mana ada di antaranya aset-aset yang telah sangat lama, yang dulu dipindahkan daripada agensi-agensi lain ke APMM. *In fact,* sekarang dalam proses penggantianlah. Jadi, melalui...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dah ada lah? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]: Sudah ada...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dah lulus? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Kepten (M) Mohamad Soharto bin Mat Said [APMM]:...Pelan penggantian dah ada, kapal-kapal baru. Jadi, dia dah fasa berfasa tapi dah mula ada bot-bot baru. Cuma, kita juga dalam perancangan Pelan Perancangan Strategik APMM pun dari segi peningkatan kapasiti dan juga sumber manusia pun kita dalam proses untuk meningkatkan bilangan keanggotaanlah. Cuma, dalam waktu yang terdekat, serentak itu, maknanya dia memerlukan sedikit masa tapi proses itu sedang berjalan sekarang YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, *alhamdulillah.* Tentang AI, saya dan Saratok ini baru balik daripada... *[Ketawa]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Fuh. Wah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kilang di China. Kita mahu lihat kerana asal dron itu. Dron itu bukan sahaja dia melihatkan *traffic jam* dan sebagainya, dia boleh tengok *plate number* orang pun dia boleh nampak. Tapi, tentang fasal yang ini tadilah, fasal pencerobohan, *military* dan sebagainya. Tak mahal kan Saratok kan? CN¥2 juta je, CN¥2 juta dia, dia punya dron itu. Saya rasa 40 kilogram punya apa kan. Dia boleh beroperasi, dia boleh naik 200 meter, 200 meter dan dia boleh tahan lama. Kalau tadi tuan kata sekejap sahaja dan sebagainya kan, itu di antara yang saya rasa Malaysia boleh lihat untuk menjaga persempadanan kita daripada penyeludupan termasuklah pemerdagangan manusia dan sebagainya. Adakah itu di dalam perancangan pihak KDN?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey YB, untuk makluman, KDN ini YB Menteri dah *start*-kan slogan, *"AI for KDN, KDN for AI". So,* memang itulah yang menjadi agenda, setiap kali *meeting* itulah agenda KDN. *So,* sekarang ini kita dah ada satu *task force* yang untuk memodenkan KDN berdasarkan AI. Ini— *that's why* yang YB Menteri Dalam Negeri telah membuat MoU dengan UEE dan akan menandatangani MoU dengan China dan kita dah bagi latihan kepada semua dan semua peralatan kita pun diminta supaya ke arah AI. Itulah selalu Menteri selalu cakap bahawa, *"AI for KDN, KDN for AI"* dan kita nampak dalam RMKe-13 pun setiap bidang-bidang keselamatan pun semua kita akan — dah diletakkan AI sebagai fokus utama untuk pelaksanaan tersebut.

So, kalau dengar ucapan YB Menteri Dalam Negeri, *"AI for KDN, KDN for AI",* YB. *So,* semua jabatan, semua *means* perlu pergi kepada AI dan perkara yang

sekarang ini yang telah dilaksanakan ialah kita *massage* semua data yang ada dan kita cari data-data tersebut untuk mendapat *policy making* berdasarkan data-data yang ada. Dari segi *infra*, kita akan bergerak tetapi kekangan kita adalah dari segi kos tapi kita tidak *stop* di situ seperti mana yang dimaklumkan bahawa setiap jabatan mempunyai perancangan jangka panjang tetapi tidak boleh membuat dalam tempoh yang terdekat. *So, insya-Allah,* dengan kepimpinan sekarang ini, AI adalah menjadi fokus utama dalam pelaksanaan pengurusan di KDN YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya bagi Betong, Sik dan juga Saratok.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Kita tadi semua bercakap dari pihak sebelah sini, Malaysia iaitu membanteras barang kita yang diseludup keluar. Adakah pihak penguat kuasa kita ini mempunyai maklumat bagi yang sebelah sana? Contohnya, di sempadan kita dengan Thailand. Sudah tentu memang ada juga barang Thailand yang mereka tak benarkan diseludup keluar. Sebagai contoh, kelapa ini tadilah. Adakah pihak sana — adakah kita mempunyai maklumat keberkesanan pihak berkuasa mereka untuk mengekang barang-barang itu diseludup? Sekiranya ada maklumat, apakah strategi ataupun kaedah mereka berjaya untuk memastikan barang penting mereka tidak diseludup keluar? Sekiranya ada, mungkin boleh berkongsilah. Terima kasih.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, terima kasih YB. Ini yang ini — sebenarnya isu ini, bagi saya menarik sebenarnya. Sebab negara kita mengekang penyeludupan keluar dan masuk. Tapi, ini secara inilah ya, secara *ground* punya ini. Sebenarnya, negara Thailand dia tak kisah pun. Dia cuma benda yang melibatkan teroris, militan, senjata api, itu sahaja yang ini — dadah, itu sahaja. Kalau setakat isu beras, dia lagi suka. Lagi suka kita beli banyak, menguntungkan dia. Begitu juga kalau kata minyak masak, petrol. Dia lagi suka, kelapa *ke*, lagi suka dibawa ke sana sebab dia boleh dapat dengan harga yang murah dan dia memerlukan. Sebab itu dia sebenarnya dia tidak — dia sangat tidak menitik berat tentang isu ini berbanding dengan kita.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Tak, maksud saya barang yang dikawal oleh mereka, yang diseludup keluar daripada Thailand ke Malaysia. Contohnya, mereka takut nak barang — contohnya, benih. Benih kelapa.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Mereka memang kontrol supaya tidak dibawa keluar. Apakah mereka mempunyai strategi tertentu untuk memastikan barang mereka payah nak diseludup? Itu maksud saya.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia memang, dia memang keras. Sebab itu, dia memang — kelapa memang dia tak benarkan. Negara dia memang tak benarkan untuk dieksport keluar. Kelapa tua, bukan kelapa muda. Kelapa muda dibenarkan. Kelapa tua dia tak nak kita ambil benih dia itu.

Seorang Ahli: Ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Dia memang tak bagi kelapa dia keluar. Di sana, rakyat dia, dia tak ada seludup kelapa, dia tak seludup kelapa sebab mereka memerlukan kelapa, bekalan kelapa yang ada di negara dia pun tak mencukupi.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Tak, sebab kita sini banyak yang memerlukan benih itu. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ah, tapi memang kita tak ada, memang kita tak ada. Sebab memang dia — dia tak ini, dia tak berapa — rakyat dia tidak sangat — mungkin ada seludup dalam dua, tiga benih, dua, tiga pokok macam itulah tapi bukan dalam kuantiti yang besar macam kita. Kita ini memang kuantiti bertan-tan itu seludup kelapa ke negara dia. Itu beza dia.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum saya bagi pada Sik, kejap. Bagi Saratok kejap ya. Kalau seludup orang, orang panggil tekong kan? Kalau seludup orang, dia punya yang kepala itu dipanggil tekong eh? Kalau yang seludup ini panggil apa eh? Ada *term* ke?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tonto *ke*? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Tonto ini jaga *line.* Ha, tonto ini bukan ini. Kalau — ada? *[Merujuk pada pegawai]*

Tak ada, kita tak ada ini. Kalau orang memang betul tekong. Sebab manusia, sebab yang selain daripada manusia ini kita panggil *smuggler* je lah. *[Ketawa]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Ini susulan dengan AI tadi. Sebab AI ini, kalau kita gunakan AI, kita kena ingat yang penyeludup pun akan gunakan AI juga, dron. Sekarang ini banyak dron yang boleh membawa muatan sampai 50 kilogram dan dia *available* di market. Bayangkanlah kalau penyeludup, dia dengan 50 kilogram dron itu, dia boleh satu hari bawa barang-barang yang dia seludup, berapa kali merentas sempadan. Ini memang menggerunkanlah bagi sayalah. Bukan hanya minyak sawit, bukan hanya gula tetapi benda-benda yang lebih ringan macam dadah, batu apa semua, *amphetamine* semua itu.

■1620

Ini yang bagi saya lah betul-betul menggerunkan, AI teknologi ini betul-betul mencabar kita. Kita pakai, nanti si penyeludup pun pakai juga. *So, this is one area*

yang saya rasa pihak KDN kena lihat lah lebih mendalam. Dan fasal penyeludupan tadi, saya dulu di PERHILITAN dan di PERHILITAN, mereka menghitung berapa jumlah harimau itu memasang kamera lebih 4,000 kamera di hutan. Jadi, untuk menghalang penyeludupan ini, mungkin kita boleh letak kamera. Dia tak mahal sangat ini, kamera ini dan dia *direct to the headquarters*. Kalau ada orang lalu lalang, dia akan ambil gambar. Kalau dia orang sabotaj, pun tak apalah sebab dia banyak dan dia murah. Ini *more toward*, saya rasa pencegahan.

Kalau penyeludup itu tahu ada 1,000 kamera di sepanjang satu kilometer, saya rasa dia fikir dua, tiga kali fikir itu. Inilah sistem yang kita boleh guna pakai itu. Dan mungkin kita boleh pakai untuk sempadan untuk menghalang pencegahan. Penyeludup tahu ada kamera banyak, dia takkan buat itu. Ini pandangan saya lah, macam mana pandangan daripada KDN? Ada dua itu tadi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercuap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sambung sikit Saratok.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Fasal kamera sebagainya. Negara kehilangan pendapatan hampir RM5 bilion setahun akibat penyeludupan rokok masuk ke Malaysia lah. *So* ini berkaitan juga lah, kan? *So,* mungkin benda-benda macam ini amat penting lah bagi negara. Mungkin rokok itu sukar juga kita nak tangkap, kan? Tapi yang sekarang ini yang orang kampung marah sangat adalah lembu yang masuk ke dalam negara mengakibatkan penternak-penternak kerugian besar.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Okey, YB. Baik yang tadi berkenaan dengan AI, kamera, banyak apa semua kan? Kena letak di sepanjang sungai, boleh bukan tak boleh. Tetapi kita kena faham, dah pasti kamera kita itu akan dijahanamkan sebab apa duduk depan rumah dia. *So,* satu. Okey, kita boleh, benda itu boleh kalau kita buat dia kan tapi contoh lah, kan? Kita boleh buat tinggi.

Sekarang ini pun kita dah ketatkan tapi bocor juga, okey. Macam ini, orang macam saya cakap tadi, mereka ini dia akan dengan segala usaha upaya dia akan tetap nak buat juga, itu kerja dia. Itu punca pendapatan dia. Kalau jalan air itu dia rasa tak berapa kena, orang kata kenapa — dia akan gunakan yang laut sebab bot itu dia boleh susur tepi sampai ke laut. Tak semestinya dia nak gunakan di tebing itu, dia boleh gunakan yang laluan yang lebih di kuala itu, di muara itu. Benda ini berlaku. Sebab kita punya maritim pun ada buat tangkapan dan rampasan di situ.

Negara rugi sebab rokok ya. Okey, ini PGA punya pandangan. Ini maritim dia ada pandangan dia, marin ada, BPSK ada pandangan dia. Okey, ini PGA punya

pandangan. Baik, rokok masuk sebab ada permintaan. Kan? Sebab ada permintaan. Permintaan itu yang nak murah. Sebab rokok seludup dia tak mahal. Rokok seludup itu sebab dia murah, kan? Rasa dia hampir macam yang ada di pasaran itu, kan? Kalau JDB John D-Blend lagi popular berbanding dengan Dunhill tapi harga JD-Blend berapa sekotak?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: RM7.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: RM7, RM8, berapa harga Dunhill? RM17.40. Orang akan pilih mana? Dia akan pilih itu. Orang yang hisap Dunhill pun dia tukar. Dia tukar trend, dari hisap Dunhill, dia akan hisap JDB sebab rasa dia kata lagi sedap daripada Dunhill, kan? Jadi permintaan. *So,* bila ada permintaan adalah penawaran. Bila penawaran sekarang ini — orang kita ataupun rakyat kita, dia akan berusaha untuk mencari. Sebab apa, benda itu dia memerlukan dan dia ketagihan, kan? Jadi yang masuk ini dia akan berbagai-bagai cara. Jalan darat ada, jalan laut ada tapi yang banyaknya jalan laut.

Okey, kalau jalan laut — okey terus terang cakap lah kalau jalan laut, kalau ikut jalan lorong tikus atau laluan darat berapa banyak boleh masuk? Berapa banyak yang boleh masuk berbanding jalan gajah, kan? Berbanding jalan gajah dengan jalan tikus berapa banyak jalan tikus boleh masuk, kan? Lepas itu risiko lagi, kan? Itu kita tengok. Tapi risiko jalan tikus itu lebih tinggi dari jalan gajah. Kalau jalan tikus ni dia kena hati-hati, kena *line clear,* kena tonto dia main peranan apa semua dan dia kena pantas.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Apa jalan gajah?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Jalan yang diwartakan, itu jalan gajah. Besar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Sik, ya. Banyak *nau term...*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Itulah *term* nak bagi mudah faham lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Banyak kita belajar lah hari ini.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Macam di port, macam di— sekali itulah. Jalan-jalan besar lah, jalan diwartakan. Kalau jalan tikus ini, jalan haram ini laluan haram ini, berapa banyak dia boleh bawa? Tak banyak pun. Kalau dia ambil dalam kuantiti yang besar, dia mengambil masa yang lama untuk pemunggahan, kan? Kalau jalan ini, jalan besar ini dia macam selamba aje. Benda masuk macam arak masuk, kan? Tak ada siapa pun nak ambil ini kecuali kita ada maklumat aje baru ambil tindakan, kan? Beribu-ribu kontena takkan kita nak periksa semua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya, Datuk Wira. Okey, sikit soalan kalau tidak rumusan — Kubang Pasu ya. Saya berbalik kepada...

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ada soalan, soalan lembu lagi saya tak jawab lagi itu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Lembu dulu, sila. *[Ketawa]*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Soalan lembu ini memang saya nak jawab. Okey, lembu masuk ke Malaysia ya. Okey, kita polis di PGA ini banyak tangkap tahu. Banyak tangkap lembu yang masuk ke Malaysia. Dia berenang ada. Dia naik bot ada. Okey, masalah lembu ini adalah masalah — kalau di Kelantan itu adalah penggawa dia mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil kepada mana-mana individu sebagai pemilik lembu itu. Ini masalah dia.

So, kalau kita PGA ini kadang-kadang kita ini sebagai penguat kuasa ini kadang-kadang buat kerja macam kerja bodoh senang cakap lah ya. Kita tangkap lembu, tangkap orang dia lepas itu kita akan serah kepada veterinar. Masa serah dekat veterinar, serah dekat MAQIS apa semua, dia akan...

Seorang Ahli*:* *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kuarantin.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: ...Kuarantin kan, kuarantin kan. Jadi dalam tempoh itu nanti penggawa dia akan keluarkan kepada siapa-siapa orang saja, kadang-kadang orang yang menyeludup ini, dia keluarkan kepada penyeludup ini surat mengesahkan lembu itu milik dia. *So*, bila dia bawa surat tu kepada veterinar, veterinar akan serah balik lah kat dia lembu itu. Padahal itu lembu seludup.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Penggawa beri lesen? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Penggawa — memang kerajaan negeri memang ini, memang penggawa ada kuasa. Itu yang kita sekarang ini dalam proses untuk kaji balik kuasa yang diberi kepada penggawa yang boleh memberi surat hak milik lembu kepada orang kerana penyeludup itu dapat, dia untung. Ini masalah dia.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey Datuk Wira.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tapi Tuan — *sorry* pasal lembu itu tadi. Apabila dia ditangkap lembu yang seludup masuk mungkin veterinar terus buat pakai cip, dia pasang di sini, *so* pada masa kuarantin, kalau penggawa tadi dia mengesahkan itu ada tuan tapi bila di-*detect* sana dia masih ada cip bahawa itu adalah lembu seludup, mungkin tidak ada kuasa untuk dia menyerah dengan orang itu.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ini undang-undang kena inilah, kena ditambah baiklah, ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ini soalan cocok sikit lah. Zaman— dia ada musim-musim bawa masuk lembu, kambing banyak sempena atau menjelang hari raya korban ini. Adakah semua itu halal ataupun diseludup juga yang kita buat korban di Kuala Lumpur ini, adakah dia itu — ya lah, dia ada seludup ataupun tidak?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: *Wallahualam. [Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, mungkin saya berbalik kepada tujuan prosiding kita ini ialah untuk kita melihat. Maksudnya nak melihat bagaimana langkah-langkah untuk nak mengatasi masalah penyeludupan dan nak meningkatkan keberhasilan subsidi kepada rakyat itu sendiri, maknanya nilai subsidi itu biarlah sampai kepada rakyat kita.

Tadi saya pun tanya berkaitan dengan soal kolaborasi di antara kementerian dan agensi ya dan telah pun diwujudkan, dia ada cerita tadi.

■1630

Jadi, di pihak KDN sendiri sebagai maknanya di–*ground* dilihat bagaimana masalah-masalah yang kita kata tadi lah penyeludupan ini dia ikut mana pun dia akan bagi makna tak boleh nak 100 *percent* lah kita nak banteras. Dia akan ada lah lubang-lubang dia itu. Adakah yang pihak KDN setuju bahawa soal dalam maknanya dalam pertemuan jawatankuasa bersama tadi ini bahawa asas kepada sistem subsidi bersasar itu perlu diperbaiki?

Jadi, itu mungkin KDN juga kena beri pandangan kepada jawatankuasa ini ya. Kalau tidak kita dok soal — maknanya kita tak ubat benda yang asas dia jadi di bawah ini dia tak akan selesai. Soal subsidi itu kan sebab dia dah bocor di situ. Contoh, soal berapa orang di pihak peruncit dan pemborong yang kita tangkap. Sebab, mulanya daripada dia orang kan? Daripada di gudang-gudang ini kan. Kalau dia orang tak *supply* kepada *runner-runner* tadi ini benda itu dia akan *stuck* di situ.

Jadi, ini maksudnya itulah yang dilihat sistem minyak masak subsidi bersasar ini maknanya perlu di *push* oleh semua pihaklah kita ini supaya kerajaan dengan seriuslah laksana termasuklah maksudnya soal kata yang cadangan nak beli itu mesti guna MyKad ya, sistem PADU dan sebagainya. Jadi itu, biar kita nampak dalam prosiding kita nanti ini dalam rumusan PAC bahawa itu yang perlu di laksana segera oleh pihak kerajaan atas pandangan semua kementerian. Jadi, itu yang pertama.

Yang kedua, soal kita tadi penguatkuasaan di sempadan itu sudah pastilah dia banyak cabaran dia. Dia akan bersimpang siur lah orang yang nak buat ini dia akan banyak jalan dia. Sudah pasti mungkin yang disebut tadi soal AI semuanya itu. Maknanya kami mohon untuk maknanya kementerian ada dia punya hasrat besar itu

dan kita boleh memberi pandangan, beri syornya supaya ditambah lagi bajet kepada kementerian untuk ditingkatkan dari segi peralatan kita itu.

Yang terakhir juga ialah soal pendidikan kepada rakyat kita sendiri lah yang buat jenayah ini ya. Saya ingat tak ada siapa peduli soal ini. Dah jadi macam halal dah di sempadan itu. Jadi, nampak macam tak ada dosa dah sebab dia kata kami jual, bukan kami curi. Ada untung belah sana dapat manfaat dia. Jadi dia berfikiran begitu kan. Sebab, soal kesedaran itu sudah hilang di setengah individu ini kerana dia nampak benda itu bukan ada masalah yang lain.

Jadi, itu yang saya nampak maknanya penekanan kepada KDN sendiri supaya jawatankuasa yang kolaborasi tadi ini kita lihat balik dasar di atas itu, soal subsidi itu barulah soal-soal di bawah ini dapat kita selesaikan dengan baik. Itu pandangan saya, terima kasih Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi...Oh *sorry*. Jawab dulu.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Tuan, daripada segi struktur subsidi itu. *So* saya rasa yang dari segi KDN, kita menghadapi cabaran untuk melaksanakan dari segi penguatkuasaan sebab *demand* dan *supply* tersebut. *So*, mungkin dari segi *statement* YB dari segi struktur asas subsidi bersasar tersebut, kita akan menyokong mana-mana yang dicadangkan oleh KPDN.

Sebab, sekarang ini dari segi aspek kita, kita melaksanakan penguatkuasaan dan kita menghadapi cabaran bila ada *supply and demand* yang begitu tinggi, itulah cabaran seperti yang dikatakan oleh Tuan ACP Rizal tadi.

Memang kita mencuba sedaya upaya tetapi pihak yang sebelah sana pun mempunyai kaedah-kaedah yang — dan menjadi periuk nasi mereka dan ini akan mereka teruskan. *So,* kalau dari segi *statement* YB dari segi struktur tersebut, kita akan menyokong lah mana-mana subsidi untuk menggunakan kad pengenalan untuk pembeli apa semua itu. Kita akan menyokong YB sebab itu kita serahkan kepada KPDN lah.

So dari segi pendidikan juga, kita rasa KPDN perlu memainkan peranan lah sebab kita pun agensi penguatkuasaan kita *more* kepada — kita *concentrate* dalam bidang tugas kita *more* penguatkuasaan. Saya nampak cadangan YB, saya rasa banyak kepada KPDN untuk melaksanakan hala tuju baru dari segi pengurusan subsidi. Itulah, di pihak KDN kita akan menyokong sepenuh lah apa-apa yang dicadangkan oleh kerajaan, Tuan ACP?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Ya, ya. Okey, sedikit saya sambung tadi berkenaan dengan penguatkuasaan di sempadan lah. Kita di dalam KDN. Bukan di dalam KDN, maksudnya menyeluruh ya. KDN jadi kementerian utama dan bawah

itu adalah PDRM. PDRM pula dia bagi kepada (JKDNK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Dia jadi *lead* untuk berkolaborasi secara *inter* dan *intra* agensi sebanyak 36 penguat kuasa secara bersepadu.

Kita dah mulakan mulai tahun inilah. Mulai bulan April, bulan Mei lah. Bulan Mei. Kita dah mulakan ini pada bulan Mei tahun ini. Kita baru sahaja benda ini. Maksudnya, KDNKA dalam bawah PDRM dia menjadi teraju utamalah untuk menyelaras dengan semua agensi dan kita akan melaksanakan — kita dah laksanakan pun operasi terutamanya yang berkaitan dengan seperti Datuk TKSU sahabat tadi, dia buat *e-waste* secara bersepadu ya.

Dia melibatkan AMLA, melibatkan JAS, melibatkan PBT, melibatkan agensi-agensi yang lain juga ya. Baik. Selain daripada itu juga yang dicadangkan supaya mengadakan pendidikan kepada rakyat kan? Pendidikan ini kena berterusan. Dia tak boleh. Pendidikan ini kena terus. Tetapi meraka yang melaksanakan apa kerja itu, itu peranan penguat kuasa untuk siapa yang buat kerja ini, kan?

Tetapi, kalau kata kita nak hapus 100 *percent*, kita boleh hapus 100 *percent* kalau segala aset mereka ini kita ambil. Itu yang paling penting. Itu yang saya kata AMLA itu. Kita rampas. Dia tak boleh nak edar kalau tak ada bot, tak ada perahu, kan? Dia nak kerja macam mana? Kenderaan pun tak ada. Nak buat kerja macam mana? Itu saya cadangkan macam itu. Kita rampas aset dia, dia tak boleh nak buat lah aktiviti itu. Itu sahaja daripada saya, YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Last question*, Kubang Pasu. Sudah ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira. Kita amat faham tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penguatkuasaan sempadan. Sempadan kita bukan kecil terutamanya sempadan laut. Tetapi dalam perkara ini, kita sempadan darat lah kan antara Thailand dengan Malaysia.

Dia kalau harga sesuatu benda dia ada perbezaan antara Malaysia dengan Thailand. Selalunya kita yang lebih rendah daripada Thailand dan benda itu akan pergi ke sana lah. Ada tak yang Thailand punya masuk, kita seludup? Saya ingat tak ada *kot noh*? Tak berapa dengar yang bandar Thailand diseludup ke Thailand. Itu senjata pun ada kan?

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Barangan Thailand masuk ke negara kita pun banyak. Bukan setakat beras, beras itu adalah produk utama.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Beras, pulut.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Beras pulut itu adalah produk utama. Selain daripada itu juga, barang-barang kosmetik. Barang-barang kosmetik

dia banyak masuk negara kita. Selain daripada itu juga, barangan keperluan harian dia. Maggi mi, perencah itu, perencah ini apa semua itu. Memang banyak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi dia, kalau dia punya masukkan dekat kita, depa untung fasal depa jual, depa meniaga.

Tuan ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kita hanya minyak *pi* ke sana, kita rugi fasal kita subsidi. *So, there the two big difference between* negara kita kan. Dia ini kita penyeludupan ke Malaysia ini bukan setakat barang. Orang pun orang seludup juga. Dekat KLIA pun *depa* seludup macam-macam. Kaunter inilah, apalah apa macam kan.

So, saya tengok daripada kita berbincang tadi itu macam tak ada jalan keluar lah. Tak ada penyelesaian. *So, there must be something* yang kita perlu buat untuk menyelesaikan benda ini. Terbaik, *of course* lah penguat kuasa sempadan *and all the top and the* KDN.

Tadi, tuan ada sebut tentang kalau kita nak *stop altogether*, kita ambil semua peralatan dia betul tak? *Then,* baru dia tak boleh jalan. Kalau itu perkara yang perlu kita buat *why not* kita buat? Kita *must* tunjukkan ketegasan kita tentang *how* kita nak menangani isu ini yang mendatangkan banyak kerugian kepada negara kita, Malaysia. Dia bukan sahaja minyak masak, RON95. Dulu diesel kan.

Diesel kurang sedikit fasal kita dah naik harga diesel sedikit tetapi perbezaan masih ada iaitu diesel kita ini harganya lebih rendah berbanding dengan Thailand. Sungguhpun kita naik harga baru-baru ini kan? *So*, saya ingat jalan penyelesaian perlu dicari. Kalau tidak sampai bila-bila kita akan jumpa macam ini, cerita sama juga *hat nu* tak boleh buat, yang ini tak boleh buat.

■1640

I think, there must be a real task force-lah *to look into these* cara bagaimana kita nak menyelesaikan isu-isu barang-barang kita yang murah macam subsidi dibawa ke sana dan sebagainya. Sama juga, kita kena selesaikan isu-isu orang diseludup, bukan di dalam laut, tetapi di KLIA. *Airport* pun diseludup. *So*, saya ingat di Singapore tak berlaku kut *airport* diseludup, tetapi dia berlaku di tempat kita.

ACP Rizal bin Mohamed [PDRM]: Macam itu saya cakap, kita terlalu fikirkan laluan tikus, tetapi laluan gajah ini memang besar. Ha, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Besar daripada tikus. Fasal tikus ini kecil, nak masuk kecil, kan? Ini, *lagu ni* besar. Ini dahlah KLIA.

Itu gajah, lagi besarlah itu. KLIA ini dengan segala imigresen *check* dan sebagainya. Tak tahulah apa pandangan, respons tuan-tuan, Dato', Datuk sekalian. Terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey YB, untuk kisah KLIA yang penyeludupan migran tersebut dan seperti kita tahu bahawa negara kita adalah negara yang menjadi destinasi, negara destinasi sebab kita mempunyai peluang pekerjaan yang besar. *So*, sekarang ini hampir setiap hari kita membuat *not to land* (NTL), hampir 100 orang, tetapi ada juga yang terlepas.

So, dalam kita membuat pemeriksaan, kita ada SOP-SOP yang tertentu. Tetapi, kadang-kadang ada berlaku sedikit kesilapan sama ada pertama ialah dari segi integriti daripada pegawai kita. *So*, sekarang ini *because demand*-nya macam Tuan ACP maklumkanlah. Maknanya, memang dah menjadi lumrah bila kita ada *reward* kepada kewangan dalam urusan-urusan tersebut, mereka akan melaksanakan.

Tetapi, dengan kepimpinan baru yang sekarang ini, kita telah membuat SOP yang lebih ketat dan SOP-SOP tersebut bukan boleh menghalangnya, tetapi dia mengurangkan. Kita dah bagi signal kepada mereka bahawa sekiranya datang ke KLIA dan dalam keadaan mencurigakan, kita akan membuat polisi untuk kita *not to land*-lah. Mereka kita akan membuat...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi dari segi *the other side* orang nak masuk, tetapi orang yang nak jaga orang masuk itu pun masalah juga kita. Tiap-tiap hari keluar berita macam-macam. Yang itu pun kena selesaikan, berkenaan dengan integriti yang disebutkan tadi. Amat penting, ya.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Yalah, itu integriti yang kita sedang — kita sedang memperkemaskan melalui agensi baru AKPS yang kita akan cadangkan mungkin...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kita harap pegar, tetapi pegar makan padi, kan? Kita harap pegar itu jaga jangan orang lain masuk, tetapi pegar makan padi *at the end*. *So, this is our — I think our biggest problems is that one*-lah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *So*, kita akan memperkemaskan dan mungkin kita dah — dulu yang kita buang kerja mereka, sekarang ini kita cadangkan mereka untuk dibawa, didakwa di bawah SPRM atau di bawah jenayah. *So*, bila macam Tuan ACP katalah, bila kita membuat dah buang kerja, mereka dah mendapat habuan yang besar dan mereka berada di luar dan tidak dipenjarakan, tidak dihukum, apa semua. *So*, menjadi — tidak menjadi satu ketakutan kepada mereka.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia kena dihukumlah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Dan sekarang ini dengan kepimpinan baru...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau tidak, dia bebas lagi dia seronok.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: ...kita dah serahkan kepada SPRM dan kita serahkan kepada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: ...Polis Malaysia untuk membuat sebagai kes jenayah. Bila dah kes jenayah, kemudian yang berada dalam perkhidmatan sekarang ini akan lebih gerunlah untuk melaksanakan kerja tersebut. Tetapi, apa-apa pun, *because reward*-nya terlalu besar, mungkin akan ada lagilah usaha-usaha ke arah untuk membuat integriti — kerja-kerja yang kita jangka tidak bermaruah untuk menjaga keselamatan negara kita.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih Datuk Haji Makhzan, Timbalan Ketua Setiausaha yang mewakili Datuk KSU pada hari ini. Saya kira semua persoalan telah pun ditanya.

Saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Datuk TKSU dan juga kepada Kepten (M) Mohamad Soharto daripada APMM. Begitu juga dengan ACP Rizal daripada PGA dan semua yang terlibat dalam prosiding pada hari ini.

Insya-Allah, kita akan ada PC selepas ini dan kita tangguhkan prosiding kita pada jam 4.44. Terima kasih sekali lagi daripada pihak PAC kepada seluruh *team* KDN yang telah pun memberi kerjasama baik bagi memberikan penjelasan dalam prosiding kali ini. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.44 petang]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 25 Ogos 2025

Bil 6(d) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)

(i) Encik Mahyuddin bin Bolong,
Presiden

(ii) Encik Mohamad Faizal Aris,
Timbalan Presiden

(iii) Encik Andy Lee Yiew Meng,
Setiausaha Eksekutif

The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)

Encik Mohd Haris Mohd Arshad,
Pengerusi

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 25 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

URUS SETIA

Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Taufiq bin Abd Rahman [Penasihat Undang-undang II (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]
Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Intra Agensi (Bahagian Siasatan)]
Puan Nor Faemah binti Ismail [Pegawai Siasatan (Bahagian Siasatan)]
Encik Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)
Encik Hafizal bin Ahmad [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Puan Zawati Yusrah binti Zainuddin [Timbalan Pengarah (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]
Encik Mohd Zainal bin Otham [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]
Puan Marlina binti Mohd Lazim [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Ekuiti]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)
Puan Zirawati binti Kadir [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi]
Encik Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah (Sektor Audit Prestasi)]

HADIR BERSAMA

The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)
Encik Mahyuddin bin Bolong [Presiden]
Encik Mohamad Faizal Aris [Timbalan Presiden]
Encik Andy Lee Yiew Meng [Setiausaha Eksekutif]

The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)
Encik Mohd Haris Mohd Arshad [Pengerusi]
Encik A. Fadzli Abdul Aziz [Ketua Pegawai Eksekutif]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

ISNIN, 25 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.00 tengah hari

[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat tengah hari dan selamat datang. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Teresa Kok; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio daripada JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Jabatan Akauntan Negara dan juga Penasihat Undang-undang Parlimen.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada tengah hari ini. Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, hari ini kita akan sambung semula prosiding yang telah pun diadakan pada 6 Ogos yang lalu berhubung dengan isu pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan ini adalah merupakan prosiding yang keempat membabitkan isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak.

Dalam prosiding pertama yang kita adakan pada 5 Ogos yang lepas, kita telah pun mendengar keterangan daripada pihak KSU KPDN berkaitan dengan perkara ini dan hari ini yang hadir di hadapan PAC iaitu yang pertamanya, Tuan Mahyuddin bin Bolong, Presiden Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA) dan yang keduanya Tuan Mohd Haris Mohd Arshad, Pengerusi Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM) dan semua ahli delegasi daripada MEOMA dan juga PORAM yang turut hadir bersama pada hari ini. Selamat datang saya ucapkan.

Jadi tanpa membuang masa, kita akan mulakan prosiding pada hari ini. Saya difahamkan kedua pihak tuan tidak mempunyai slaid untuk membuat pembentangan. Jadi, kita akan mula dengan persoalan. Boleh tak saya mulakan dengan pihak MEOMA. Boleh tak tuan terangkan, apakah peranan ataupun fungsi penubuhan MEOMA?

Encik Mahyuddin bin Bolong [The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan ahli mesyuarat. Okey. MEOMA ditubuhkan pada — yang MEOMA adalah satu pertubuhan di mana industri akan menjadi ahli dan ahli-ahli dalam MEOMA adalah pengilang-pengilang sama ada pengilang sawit yang memproses buah sawit ataupun *refinery*. Ada ahli-ahli MEOMA kami adalah *refinery,* ada ahli MEOMA kami juga adalah *repackers.*

Cuma dalam semenjak 10 tahun ini, MEOMA berperanan menjadi medium kepada industri dan KPDN di mana kita cuba mencari satu cara untuk mengawal ataupun memastikan bekalan minyak masak di negara ini stabil di mana MEOMA bertindak aktif sebagai medium apabila — contohnya, pada semasa sekarang, CPO berharga 4,500 di mana daripada perbincangan dengan KPK dan KPDN apabila CPO melebihi paras 3,900, saya bagi *average* dengan *ceiling price* yang diberi oleh KPDN RM30.90. Pengilang-pengilang menghadapi kerugian kerana harga CPO yang terlalu mahal.

Maknanya, apabila kita memproses ataupun membungkus, kos kita lebih daripada apa yang boleh kita jual. Jadi, MEOMA sebagai satu pertubuhan, kita akan *interact*, berkomunikasi dengan KPDN untuk biasa yang kita akan cuba lakukan adalah aktifkan kembali COS atau MKHS di mana benda ini kita akan cuba aktif apabila musim perayaan sebab kita pun khuatir semasa musim perayaan tak ada bekalan minyak disebabkan kita terdedah dengan margin yang negatif.

So, itulah peranan MEOMA sekarang. Kita lebih kepada medium dan kita pengantara di antara industri dan kementerian terutamanya KPDN dan KPK.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh saya tahu berapa ramai jawatankuasa MEOMA dan yang kedua bagaimanakah mereka ini dipilih ataupun dilantik? Dan yang ketiga, berapakah keanggotaan, keahlian MEOMA?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: MEOMA. Okey, ahli jawatankuasa adalah sebanyak 17 ahli *(members)...*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 13 *ke* 17?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: 17.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 17?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: 17. Di mana dalam ahli ataupun komuniti itu ada bahagian *crushing plant* ataupun pelumat ada bahagian *refinery,* ada bahagian untuk bekalan minyak masak dan ahli untuk MEOMA adalah seramai

67 — 87 orang, 87 *members* di mana *members* dia adalah *refinery* tadi yang seperti saya sebut tadi, *refineries, crushing plant,* kilang pelumat dan juga kilang sawit.

So, disebabkan MEOMA ini adalah ditubuhkan — sebab dia dah berusia 65 tahun di mana MEOMA ini salah satu pertubuhan yang terawal semasa Malaysia ke arah ke industri. *So,* MEOMA ni lebih kepada *general industry*. Maksud saya kebanyakan industri yang ada terutamanya — sebab ada ahli MEOMA ni adalah daripada *rubber* untuk makluman Datuk, macam Lee Rubber adalah salah satu *members MEOMA.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi nak pencerahan boleh tak? *So, your members are manufacturers, refiners,* begitu kan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Betul.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Crushing.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Crusher*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dan *you're registered under ROS ke* apa?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: ROS.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *ROS? I see.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Yup.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Adakah tuan menyedari ataupun mengetahui tentang isu yang telah pun dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara ini?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kita, ahli MEOMA telah *review mostly* isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan ni dan ada beberapa yang isu itu adalah bagi pendapat MEOMA, adalah di dalam kawal selia KPDN. Dan kita juga berpendapat ada kelemahan di segi apabila barang rosak ataupun minyak masak yang telah di-*packing,* mengalami kebocoran, kita memang setuju, memang tidak ada SOP ataupun prosedur untuk melupuskan minyak-minyak yang telah diisytiharkan sebagai COS.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Jadi, apabila keluarnya isu ni dalam Laporan Ketua Audit Negara, jadi banyak perkara yang telah pun kita lihat. *That's why* kita panggil MEOMA hari ini untuk memberikan sedikit maklum balas untuk memudahkan pihak PAC membuat laporan nanti untuk kami bentangkan di Dewan Rakyat.

Jadi, saya ingin bertanya. Menurut MEOMA, bagaimanakah pengilang memastikan agihan minyak masak subsidi ini benar-benar sampai kepada golongan sasaran sedangkan dasar sedia ada tidak pun menetap kumpulan penerima?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Okey, untuk makluman Puan Pengerusi, ahli MEOMA yang menjalankan operasi *packing* ini cuma 10 persen

daripada jumlah *repackers* yang ada dekat Malaysia ini. Jadi, kenapa saya perlu *highlight* ini sebab cuma ahli-ahli 10 persen ini sahaja yang aktif di mana *mostly* kebanyakan ahli, contohnya seperti FGV, Delima Oil Product adalah ahli dalam MEOMA ataupun Sime Darby ahli dalam MEOMA ,

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dalam 30 orang ya?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Roughly*, ya. Dalam 30 orang.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya. Jadi — ya, bagaimana tuan melihat walaupun jumlahnya tidak ramai hanya 10 peratus. Tapi macam mana MEOMA boleh mainkan peranan tentang isu yang ini?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Okey, dari segi kawalan...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau ada nak perlukan bantuan daripada apa — ini pun boleh juga. Boleh minta ahli untuk jawab tapi kenalkan nama dan juga ini. Terima kasih.

■1210

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mungkin saya boleh *pass* kepada saudara Faizal.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Beritahu nama dan juga jawatan.

Encik Mohamad Faizal Aris [The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)]: *Assalamualaikum.* Nama saya Mohamad Faizal Aris, Timbalan Presiden MEOMA. Okey, untuk jawapan dari segi agihan minyak masak, *normally* setiap kuota yang dibekalkan oleh KPDN kepada *re-packers*, dia akan melalui penjualan kepada *wholesaler* dan juga *retailer* lah untuk memastikan bekalan itu sampai kepada *targeted* market lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak fahamkan sikit. Tadi kata, *association* kata, MEOMA kata hanya 10 peratus ahli yang aktif. Nak tahu *what is it in for me* bagi orang yang berdaftar dan aktif di dalam MEOMA. *Why are you not capturing the 90 percent?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [The Malayan Edible Oil Manufacturers' Association (MEOMA)]: *Hello*, saya Andy Lee, *Executive Secretary MEOMA*. Pada persatuan kita ini adalah itu sukarela. *So*, di luar sana ada 300 lebih, 350 kah pembungkus minyak masak tapi terpulang lah kepada mereka untuk menjadi Ahli MEOMA. *So*, kita tak paksa.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Apa untungnya kalau dia, mereka bersama menjadi Ahli MEOMA bandingkan mereka tak jadi ahli. *What is it for them?* Apa istimewa?

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Sebab kalau jadi ahli kepada MEOMA, dia ada berkomunikasi dengan MEOMA, ada apa-apa hal atau masalah yang dihadapi macam kadang-kadang ada pembayaran *claim* dari KPDN terlambat kah, kita tolong membawa pesanan ini kepada KPDN juga. *So*, sebagai tadi macam presiden saya cakap, sebagai pengantara di antara industri dengan kementerian.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mungkin saya tambah sikit Puan. Apabila kita terlibat dalam COSS, kadang-kadang kalau bukan ahli MEOMA dia akan suarakan *claim* mungkin akan lewat selama dua tahun ataupun setahun. Tapi *alhamdulillah,* setakat ini untuk ahli MEOMA yang paling lama kita tengok berapa, enam bulan. Enam bulan ke tujuh bulan. Dan yang bukan ahli MEOMA mungkin akan sampai ke dua tahun.

Kenapa ini berlaku? Sebab kita punya hubungan MEOMA dengan KPDN agak rapat dan kita boleh berinteraksi dengan lebih baik. Dalam masa yang sama kita juga memberi *support* dengan KPDN. Apa-apa isu berkenaan dengan *re-packers*, kita akan cuba memberi input kepada kementerian.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah ahli MEOMA terlibat dalam sebagaimana yang direkodkan dalam Laporan Ketua Audit Negara? Ada yang terlibat?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada, ada.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, okey yang...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah ini yang berkenaan dengan yang tidak mempunyai pensijilan halal? Ataupun yang mana?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Bukan, Datuk yang Kelantan punya kes, kan?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang menjual lebih daripada had tiga paket per transaksi?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Yang mempunyai dua lesen. Dua lesen, COS— Andy tolong.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Ada satu kes yang satu daripada ahli saya adalah terlibat dengan— dia ada lesen pembungkus dan CSA untuk runcit. *So*, kita pun sudah beritahu *check* dengan dia syarikat itu. Syarikat itu bilang, dia

punya CSA *license* runcit itu untuk minyak masak sudah dikeluarkan. Sudah tak ada lagi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagaimana pihak persatuan mengendalikan isu seumpama ini sekiranya berlaku kepada ahli-ahli yang terlibat dalam isu perundangan ataupun tata kelola ataupun apa-apa yang tidak *inline* dengan persatuan punya— peraturan ataupun ini lah, garis panduan.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Setakat ini pihak persatuan kami cuma menasihatkan apa-apa prosedur SOP daripada KPDN dan apa yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat ahli ini. Pihak kami pun harap syarikat-syarikat akan mematuhi peraturan dari KPDN.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *So*, macam *last year* kita ada buat satu *session* dengan KPDN lah. *So, just to educate re-packers* apa yang *updated in terms of regulation* dan apa sistem *online* yang ada. Jadi, kita membantu dari segi medium di antara KPDN dan *re-packers*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya tadi yang fasal pensijilan halal itu. Ada yang di inikan oleh audit ini, kan? Okey, bagaimana MEOMA memantau ahli yang tidak memiliki pensijilan halal? 12.5 peratus daripada 72 sampel syarikat pembungkus. *Is it* ahli MEOMA kah yang kes dekat Kelantan itu? Tidak?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Yang dekat Kelantan itu cuma dia ada dua lesen, Puan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dua lesen? Maksudnya? Tak ada kena mengena dengan pensijilan kah? Tapi dia bagi minyak subsidi itu juga, kan? *Open market.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Dalam kes— dalam laporan ini kita cuma ada kenal pasti satu ahli kita yang terlibat, dia mempunyai dua lesen. Tapi untuk halal ini bukan ahli kita lah. Bukan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, dalam Laporan LKAN dia sebut kilang penapisan banyak berpihak kepada syarikat asing. Saya ingat *more than 70 percent syarikat* asing. Mengapa perkara ini terjadi? Adakah kilang-kilang tempatan tidak berminat? Dan apakah langkah-langkah persatuan untuk menarik minat lebih banyak syarikat-syarikat Malaysia untuk kilang penapisan minyak bersubsidi ini?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mungkin saya bagi senario sikit lah. Biasanya untuk bukan ahli MEOMA, apabila *claim* lambat, dia nak roll untuk modal itu agak susah lah. *So*, ada kilang penapisan yang menawarkan *credit terms* yang lebih baik. Bagi pendapat MEOMA, faktor pembayaran, faktor kedudukan,

faktor keberadaan minyak itu amat penting. *So*, faktor-faktor itu saya ingat perlu diperincikan lagi sebelum kita menjawab kenapa syarikat luar lebih banyak.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Apakah cadangan-cadangan oleh persatuan kepada kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Sebab nama pun minyak bersubsidi. Dah tentulah untuk negara kita, kan? *So*, apakah langkah-langkah persatuan yang mungkin boleh kami bawa dalam cadangan-cadangan PAC untuk menaikkan apa cadangan-cadangan daripada persatuan lah? Itu penting untuk pihak kerajaan tahu apa sebenarnya masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan pengilang.

Encik Mohamad Faizal Aris: Baik, untuk menjawab kepada langkah persatuan. Kita boleh buat satu libat urus dengan pihak KPDN. Kita akan membentangkan di mana kedudukan kilang yang boleh *supply* minyak kepada *re-packers*. Di situ kita akan— satu libat urus diperlukan dan kita boleh memberikan berapa kapasiti. Sebab kita tertakluk juga kepada kapasiti pengeluaran di mana kita ada— tak semua pengilang tertumpu kepada pasaran domestik. Kita ada domestik dan juga eksport juga lah.

So, jika kapasiti itu dibentangkan, mungkin pihak KPDN boleh memberikan tumpuan pemberian subsidi kepada syarikat tempatan lah.

■1220

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kita ada banyak syarikat. Saya tak pasti sama ada mereka ini ada dalam persatuan ataupun tidak. Kita banyak syarikat-syarikat kita yang berkaitan kerajaan. Contoh, FELDA, FELCRA, RISDA. Dia pun ada kilang dia sendiri kan? Ada tak terlibat dalam persatuan?

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: Okey. Untuk, untuk isu ini, dia bekalan minyak masak ini dia macam RISDA, FELDA, dia tak ada *refinery*. FELDA ada *refinery*, di mana kita terdapat empat *refinery*. Di Kuantan, di Pasir Gudang, di Sabah dan juga — di Sabah ada dua. *So, limited* kepada empat. Berbanding kepada syarikat yang lain, dia ada di Penang, di Perak, di *central*, di *southern*, di Sarawak, di Sabah. *So*, bekalan itu memang untuk boleh diberikan kepada *re-packers* lah. Salah satu sebab bekalan lebih banyak kepada mereka disebabkan kedudukan *refinery* itu sendiri.

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Adakah persatuan — kadang-kadang kita menghadapi bekalan terputus terutamanya di musim perayaan...

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: Betul.

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: ... ataupun ada waktu-waktu tertentu lah. Ada tak persatuan lihat perkara ini ada cubaan-cubaan lah untuk

mengehadkan pengeluaran ataupun pelbagai aktiviti lain lah jika ada faktor — waktu puncak kita tak dapat bekalan, mungkin musim perayaan. Ada usaha pihak-pihak tertentu tak untuk mungkin nak menaikkan harga ataupun nak manipulasi dan lain-lain?

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: Untuk pasaran domestik, untuk menaikkan harga tidak lah sebab kita dah, dia ada *threshold*. Cuma, dari segi terputus bekalan. Kalau kita lihat baru-baru ini contoh, di mana pihak kementerian KPDN memberikan satu mekanisme kawalan harga. Dia beri insentif kepada pihak industri untuk memastikan bekalan cukup. Sebab apa? Sebab *threshold* pada harga CPO 3,890. Sekarang ini jika industri beli luar, CPO pada harga 4,300 atau 4,400. *So*, untuk memastikan bekalan cukup, kementerian kena intervensi lah untuk memastikan bekalan cukup.

Yang kedua, lagi terputusnya bekalan jika musim monsun lah. Itu akan terganggu sedikit lah di mana tak dapat buah yang cukup untuk kita proses. Itu ada isu sedikit lah terutama di belah Pantai Barat... *[Dicelah]* Timur, *sorry*. Timur dan Johor lah.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mungkin saya sambung sikit. Berkenaan dengan bekalan ini, apabila contohnya macam musim perayaan bulan empat, kita MEOMA kita akan *start* berkomunikasi dengan KPDN dah untuk memastikan — sebab pihak industri kita dah *forecast* dah kan, harga minyak ini akan meningkat ke ataupun menurun. Jadi, apabila kita berbincang dan kita rasa harga minyak CPO ini akan meningkat, apa yang MEOMA lakukan adalah kita akan *start* komunikasi dengan KPDN untuk aktifkan balik insentif itu. Sebab jika kita tak aktifkan insentif itu, syarikat satu dua bulan mungkin boleh lah menanggung kerugian, tapi kalau pada *volume* yang besar masa musim perayaan, *volume* akan meningkat, meningkat berbanding pada bulan-bulan yang sebelum ini, bulan-bulan biasa kan.

Jadi, kita punya peranan itu lah, untuk memastikan bekalan ada dan kita pun meminta pihak KPDN aktifkan balik insentif itu. Cuma, apa yang kita alami adalah bila kita ber-*start* komunikasi dengan KPDN, dia mengambil masa yang lama. Contohnya macam tahun lepas, dari bulan 11 lagi kita dah *start communicate* dengan KPDN, tapi dia melibatkan beberapa kementerian dan dia mengambil masa lah. Tapi untuk bekalan, memang kita syorkan industri untuk *sustain brand* yang sedia ada itu, industri dia akan tetap menjual walaupun pada margin negatif, kerugian sebab dia nak *sustain brand* itu. Tapi, mungkin *volume* ataupun kuantiti akan berkurangan sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. Pengerusi, saya sebenar nak tanya tentang kilang penapisan yang merupakan *foreign*, luar negara.

So, kalau — bagi saya, macam Sime Darby, IOI ke atau KLK, semua ini lokal kan? *So*, yang *foreign*, yang dikatakan *foreign* yang terkandung dalam Laporan Audit Negara, bagi saya lah ialah mungkin Wilmar. Selain daripada Wilmar, Wilmar kerana Singapura kan. Apa lagi? Syarikat apa lagi?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mewah.

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: Mewah.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mewah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Mewah, Indonesia?

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: Mewah Oils.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Mewah Oils.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Mewah Oils. Jadi, dua saja?

Encik Mohamad Faizal Aris [MEOMA]: *Singapore, Singapore*.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Based in Singapore, but… [Dicelah]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh, *based in Singapore*?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Beroperasi di Pasir Gudang, *Port Klang*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *So*, sebenarnya dua saja kan? Betul?

Seorang Ahli: Tiga.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Siapa lagi satu?

Seorang Ahli: Jepun, ISF.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Oh, ISF. ISF. I-S-F.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: I-S-F. Dari mana?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Jepun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jepun? Tapi, mereka yang keluarkan itu *polybag oil* itu tak banyak kan? Berapa peratus? Banyak ke?

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Dia, syarikat-syarikat ialah ini ialah penapis *refinery*. Dia yang *supply* COSS *bulk* kepada pembungkus. Dia orang penapis, lepas tapis baru jadi *olein*, dia jual kepada pembungkus. *So*, dia orang jual *olein* ini pada harga ditentukan oleh KPDN. *That is a* 2,300 kepada pembungkus. Dia orang tak ada pembungkusan — Oh, Wilmar ada *under* SFM, dia punya subsidiari.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Di *Port Klang* itu di mana? *Port Klang* di mana? Westports?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [Pengerusi, The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)]: Kalau Wilmar di Westports, Pasir Gudang — *edible oil also* di Westports, yang baru ya. SD Guthrie di Northport.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Northport?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ya, Pelabuhan Utara.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Northport itu di Kapar tau.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ya. Jadi, Puan Pengerusi, *I just to clarify* ya. Dari *finals* itu yang memproseskan minyak, *all PORAM's members. So*, saya sebagai *PORAM's Chairman* mewakili *the processes* yang memproseskan CPO kepada *olein*. Sesudah itu, *olein* itu akan dijual kepada pembungkus. Jadi, yang itu yang beza dia lah di antara pemproses dengan — pemproses dan pembungkus.

So, your question YB Teresa, *about the foreign owners, these are the foreign owned refiners. People like Wilmar,* ISF dengan Mewah*. So, they operated refineries in Malaysia,* tetapi *their headquarters in Singapore and in Japan.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Are they the majority* ya? *I mean for all the refineries* kan *in the country, are they the majority*?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *The biggest group is Wilmar* di Malaysia *and you will also note from the auditor* punya *report, more than half. But, half of the quota given to refiners to produce COSS* ini *is actually with Wilmar.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh, *it's actually Wilmar.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebelum kita pergi ini, saya nak apa nama ini, berpindah kepada pihak PORAM, boleh jelaskan kepada PAC, apakah fungsi penubuhan PORAM dan siapakah ahli-ahlinya dan berapa ramai dan jawatankuasa berapa ramai.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey. Terima kasih Puan Pengerusi. Nama saya Mohd Haris, saya Pengerusi PORAM. Bersama saya ialah Encik Fadzli. *Encik Fadzli is the CEO of PORAM* ya. *So*, kami berdua mewakili organisasi kami. PORAM ditubuhkan pada tahun 1975. Dia *under* ROS ya Fadzli? *[Dicelah] We have 26 what we called full refiner members.* Bermakna*, for you to become a member of PORAM* ini*, you* mesti ada kilang. *So, you must be a processor*. Itu kalau *you* tak ada kilang, *you* boleh jadi *associate members. So,* kita ada 26 *full members* dan 95, *about 95 associate members*.

Dari segi jawatankuasa, kami ada *management* di mana Encik Fadzli ialah CEO dan kami ada *Board Management*. *Board Management* ini *can only be made of full members.* Sebagai contoh, FGV, Wilmar, SD Guthrie dan sebagainya. *Associate*

members tidak boleh duduk sebagai *management, Board Management*, tetapi boleh diajak untuk duduk di dalam, dalam jawatankuasa.

■1230

So, we have two jawatankuasa or *two committees.* Yang pertamanya ialah *technical committee,* di mana komiti ini akan *review contract.* Yang uniknya PORAM ini, kami mengeluarkan *contract, contract* untuk *trade. So, FOB contract, CIF contract, and today,* PORAM *contract* ini *is recognised globally.* Dan kontrak ini pula, akan dipantau oleh *this technical committee.*

Komiti yang satu lagi ini, juga penting ialah *arbitration committee. So,* bila kita ada kontrak, kita mesti ada *arbitration committee* sekiranya ada *disagreement between not just members, anybody* — sesiapa yang menjual beli minyak sawit menggunakan PORAM *contract,* dia sekiranya ada *disagreement or arbitration, they can come to* PORAM. *So,* PORAM juga ialah satu organisasi yang ada *arbitration function* dan kami juga aktif dalam *arbitration* ini.

Juga, kami berfungsi sebagai *the voice of the Malaysian refiners. So, we deal a lot with* MPOB, KPDN dan sebagai Pengerusi PORAM dan CEO, kami juga *sit on boards.* Sebagai contohnya, Encik Fadzli *sit on the board of* MPOB. Saya *sit on the board of the Malaysian Palm Oil Council.* Jadi, itulah sedikit sebanyaknya fungsi MPR PORAM ini ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Oh, I *chair* ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ada soalan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, okey. Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. *So*, bagaimana PORAM memastikan kilang penapis mengutamakan bekalan domestik berbanding eksport? Sedangkan kuota siling adalah 4.32 juta metrik tan, kan? Ha, tapi purata sebenarnya hanya 3.57 juta metrik tan saja — 2019 hingga 2024. *So, you are not achieving...*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *...your ceiling. Your quota?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Jadi, soalannya bagaimana — apakah fungsi PORAM ya? *So,* dari segi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Memastikan, *you achieve.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey. PORAM *does not get involved with COSS distribution ni. Our members do.* Jadi, kami ada juga — kami tidak masuk campur dari segi memastikan minyak ini adakah di — kuota itu akan

dipenuhkan atau tidak. Itu bukan fungsi kami sebagai *association. It is not even in our article of association.* Jadi, kami tak masuk campur ya. Jadi, kami tidak ada kuasa untuk memantaulah. Itu secara ringkasnya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang tentang ketirisan subsidi ke, di peringkat penapisan, pengedaran? *Are you involved? PORAM involved?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ha, *our — we are not involved as an association.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Auditing?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tidak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Auditing your members.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tidak, tidak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tidak. Jadi, yang ini mungkin akan jatuh kepada KPDN ataupun KPK. Bukan di bawah PORAM.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Even the* memantau harga? *How are you...*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tidak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *...synergising with KPDN?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Even* harga *also is beyond us.* Sebabnya PORAM ini ialah sebagai satu *association to look after the interest of the refiners. So,* bermakna tentang polisi, *export policy, taxes* dan sebagainyalah. Tetapi *not as an enforcement association or body*-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *You* jaga *refiners? Not the* pengguna? *Product?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Betul. Ha, betul, betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan [pembesar suara]* Ya, Sik. Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Ya, sedikit pencerahan ya, mohon untuk pihak MEOMA dengan PORAM, ya.

Dalam — maknanya data KPDN 2024, mungkin sama jugalah 2025 ini ya, dari segi keperluan minyak masak bersubsidi ini untuk setiap bulan 60,000 tan ya, sebulan. Itu betul ya? 60,000 tan.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Itu yang kami diberitahulah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Sama ada betul atau tidak tu, yang itu kita boleh lihatlah berapa banyak yang dibeli dan sebagainya, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey. Ya, ada berapa waktu tu berlaku maknanya, kehabisan stoklah ya, di pasar-pasar ya. Minyak *one kilo* itu.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *One kilo*, ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ha, *one kilo.* Kan, minyak plastik itu. Jadi, tak tahulah mungkin ada punca-punca yalah, yang bersifat semasalah, kan?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Betul.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Mungkin kerana keperluan tinggi begitu ya. *Demand* yang tinggi. Namun, mungkin bolehkah pihak persatuan ini cerita bagaimana maknanya, adakah persatuan terlibat dari segi agihan yang bersubsidi ini mengikut negeri, ya? Sebab mungkin ada negeri dia kuota dia jumlah begini, kan? Mungkin sebelah Kedah utara, jumlahnya tak sama dengan selatan, ya.

Isu yang kita bangkit ini ialah bila dipanggil hari tu prosiding, apabila disebut oleh pihak berkuasa daripada KPDN — KDN-lah ya, yang menjaga *border* kita ni, sempadan ni. Contohnya di Kelantan ya, ketiga yang saya sebut tadi ni waktu bekalan tidak ada di pasaran tempatan. Tetapi, ada penangkapan kes di sempadan. Maknanya, ada penyeludupan, ya.

Jadi, bagaimana persatuan ini yang saya kata tadi sudah — maknanya disediakan data ataupun tidak dan soal pengagihan mengikut negeri itu, ya. Itu — yang keduanya, adakah 60,000 tan sebulan itu dia statik jumlah itu ataupun dia berubah setiap bulan ya, berdasarkan kuota pengeluaran itu dengan permintaan pengguna itu sendiri?

Jadi, adakah dia bersifat anjal di situ ataupun dia *fixed* jumlah itu? Itu soalan pertama saya. Terima kasih.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey, saya akan cuba jawab ya. Mungkin saya boleh *invite colleague* saya sekalilah, dan mungkin Encik Fadzli untuk komen.

Dari segi jumlah kuota 60,000 tu, memang telah ditetapkan. Bagaimana jumlah itu ditetapkan, kami sebagai PORAM, mungkin tak tahulah. Kami tak tahu macam mana logiknya dapat 60,000 tu. Akan tetapi, mungkin Encik Fadzli boleh terangkan pendapat kami. Ini pendapat PORAM ya. Yalah, ini besar jumlahnya. Kalau kita ikutkan dari segi *consumption per capita,* minyak masak ini memang besar. Yang itu pertamanya, Tuan YB ya.

Keduanya, tentang pengagihan ini. Bukan di bawah *mandate* PORAM juga. Kita tahu, sebagai contoh, mungkin di Kuala Lumpur, permintaan untuk B40 mungkin

lebih tinggi daripada di Kedah, sebagai contohnya. Sebab lagi ramai duduk di Kuala Lumpur. Tetapi tidak ada mekanisme dari — setahu kamilah yang mengatakan 6,000 tan harus dijual di Kuala Lumpur. 3,000 tan harus dijual di Kedah. Jadi mekanisme itu bagi kami, kami tak nampaklah sebab kami tidak *involved* dari segi pengagihan ini sebagai satu *association.*

Encik Fadzli ada *anything to comment?*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Nanti, dia nak tanya.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [The Palm Oil Refiners Association of Malaysia (PORAM)]: *Assalamualaikum warahmatullah.* Nama saya Fadzli. Saya dari PORAM. Untuk soalan berkenaan dengan penggunaan ataupun *consumption of edible oils*, kalau kita ikutkan data daripada FAO, penggunaan per kapita untuk *fats and oils* adalah 18 kilo setahun per kapita ataupun lebih kurang dalam 1.5 kilo sebulan untuk setiap orang.

Jadi, untuk populasi Malaysia sebanyak 34 juta orang, jumlah 60,000 sebulan adalah lebih daripada mencukupi. Untuk — bukan sahaja untuk B40, tetapi mencukupi untuk seluruh rakyat Malaysia. Kalau ini kita tengok daripada data yang dikongsikan oleh FAO-lah untuk *per capita consumption.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* YB Ku?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya nak bertanya sedikit mengenai apa yang awal-awal tadi disebutkan tentang harga minyak kelapa sawit. Sekarang dah FAB ya dalam RM4,500 satu tan ya, *very high. And then,* dia memberikan kesan dari segi *profit* kepada pembungkus.

Boleh diberikan pencerahan tak bagaimana mekanisme pengiraan tentang *income* yang diperolehi oleh pembungkus berdasarkan kepada harga minyak semasa? Kenapa RM4,500 serta harga lebih tinggi? *Your profit margin is getting* lebih rendahlah. Boleh beri maklumat kepada kita mengenai dia punya mekanisme? Terima kasih.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Saya cuba ya, YB. Mungkin MEOMA pun boleh *chip in*-lah. *The* mekanisme *is actually simple* sahaja, YB.

■1240

Dia — daripada segi pembungkus, dia akan dapat RM600 daripada kerajaan untuk setiap tan minyak yang dijual. Harga yang dia beli daripada pemprosesan, pemproses *(refinery)* seperti FELDA ataupun SD Guthrie ialah dalam RM2,300. RM2,300 dia jual RM2,500. Jadi, *profit* dia dekat situ, margin dekat situ ...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: RM2,500 ke RM2,300?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: RM2,500.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: RM2,500.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: RM2,500 itu harga jualan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Harga jualan ya?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Di *supermarket* sebagai contohlah. Tetapi RM2.50 sen ini or RM2,500 ini termasuk kos, *merchandising cost* dia, nak *distribute* semua itu, semua ada dalam itu. RM2,500 ini harga *retail* yang kita beli.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: RM2,600?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Lima, RM2,500. Senang cakap RM2.50 lah satu kilo. Harga yang dia beli, pembungkus beli dari *refiner* ialah RM2.30. Bermakna dia punya margin itu ialah 20 sen. 20 sen ini ialah untuk *to cover all of the other expenses*. Dia nak membungkus, dia nak *distribute*, dia nak bayar margin kepada *retailer*, semua dah termasuk dalam itu. Jadi, 20 sen ini nampak macam sikit ya sebab boleh *ke* dia *cover* 20 sen ini? Dalam akaun — dalam repot akaun pun dia ada mengatakan *refinery* akan *charge* ada *extra cost* lagi. Dia *charge transportation cost*, dia caj macam-macamlah. Jadi, tak boleh buat duit. Tetapi, kita ingat ya, *government* akan bagi RM600 untuk pembungkus itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Per matrik tan?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ha, RM600 per tan. Jadi, RM600 per tan inilah yang dia akan gunakan untuk membayarlah, untuk *cover* dia punya kos itu. Itu yang itu dari segi — dari sudut pembungkus. Dia ada 600 tan margin itu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ertinya RM6.00 per kilo lah?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: RM6.00 per kilo. Yang itu margin yang dia ada. 60 sen, 60 sen per kilo.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 60 sen per kilo.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ha. Yang itu margin dia untuk dia mainlah, nak *cover* dia punya kos semua itu, dengan *extra cost* yang pengilang bagi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *What happens* bila harga naik *certain up to...*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tak ada, tak ada *effect*.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Sebelum pergi jauh, izinkan saya *interrupt* sikit ya. Okey. Untuk makluman, bila kita cerita pasal COSS ini adalah minyak paket satu kilo kan. Apa yang mungkin YB tanya ini adalah minyak pek botol.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Pek botol yang lima kilo, dua kilo kan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak, lebih kepada ini *you* punya *subsidise*.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kalau COSS sebab kita dah disubsidikan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: COSS, COSS.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Sepatutnya tak ada masalahlah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ha, tak ada kan.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tak ada masalah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *It doesn't matter the price* ini.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi kalau yang lain-lain?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kalau yang lain-lain macam pek botol akan menjadi isu kepada pengilang disebabkan margin negatif.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Negatif? Jadi negatif?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Sebab, sebab pembungkus akan membeli minyak masak itu pada harga pasaran mungkin RM5,000 kan, RM5,000. Jadi, bila RM5,000 kali lima dah RM25, campur lagi *packaging material*, *transport cost*, kos mungkin sampai ke...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa dia punya *threshold*? Dia punya ini berapa? *Your breakeven point.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Jadi, benda ini kita dah *actively discussed* dengan KPK dengan KPDN. Kita dalam tahun ini banyak berbincang fasal *threshold pricing* ini macam mana untuk pastikan bekalan tidak terganggu apabila minyak CPO meningkat. Yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, you* punya *breakeven point, how about price*?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: 39 lah saya cakap, 3,890.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 3,900?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya. *Sorry*...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Above that, you* rugilah?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Rugilah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So*, apa *you* buat kalau ...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: CPO untuk *packed bottle* ya YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Packed bottle* lah.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ha, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau rugi, apa *you* buat? *You* tak buat — *you* tak proses?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Yang itu yang tak dijual itu. Jadi...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Itu yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu yang kadang-kadang *shortage* minyak itu?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Betul.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kita untuk memastikan *brand* itu ada dekat pasaran, pengilang akan menanggung kerugian.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi, tak...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Sebab kita dah ada *brand* kan. Sebab kita tak nak tiba-tiba *brand* itu hilang.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi kena proses juga.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tetapi, pada, pada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau kata ia — kalau kata sementara tak apa. Kalau berpanjangan? Tak kanlah *you running at loss for the time*?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Itu sebabnya fungsi MEOMA. Kita akan berbincang dengan KPDN insentif ini kena diaktifkan. Insentif apabila harga CPO...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ditambahlah? Ditambah.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya, betul. Memberi subsidi kepada pembungkus supaya kita boleh *survive*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, sekarang *very tough* lah *for you*?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Untuk hari raya baru-baru ini tiga bulan kita dapat insentif. Tetapi untuk bulan ini pun kita dah *start* jumpa, *I think* dua bulan lepas kan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapinya selalunya KPDN layanlah *you* punya permintaan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya, ya. Dia...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tidak, tak ada minyak dalam pasaran.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Dia akan berbincang dan — itulah maksud saya, ada beberapa kementerian lagi yang terlibat dalam proses ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau tidak, tak ada minyak dalam pasaran, kan? Kalau dia orang — KPDN tak layan *you* punya permintaan.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Betul, betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maaf ya, saya celah sikit. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Okey, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Pasang *mic*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksudnya dia ada *ceiling price ke*?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada. Ya, ada *ceiling price*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Ceiling price* untuk kos saja kan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tak. *Ceiling price* harga jualan pek botol ada *ceiling price.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *I thought* ini bukan untuk *public market* kan? *Public market* pun ada *ceiling price*.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini pek botol itu untuk *public* kan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya, betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *It's a market* punya...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada *ceiling price*.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *We have*...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada *ceiling price of*...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *...ada ceiling price.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *We have two situations here. Here we are talking about* COSS iaitu di mana harga minyak ialah RM2.50, subsidi.

Tetapi untuk yang lain-lain itu macam Saji, minyak Saji, minyak Buruh sebagai contohnya itu, harganya untuk lima kilo botol itu maksimum RM29. *[Dicelah]* RM39*, sorry*. RM30, RM30. Ha, betul. Bermakna kalau harga minyak *olein* di pasaran dunia tinggi daripada RM30, kami akan rugilah. Jadi, yang mengeluarkan minyak *The Lead* Saji, sebagai FGV dia akan rugi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Hanya lima kilogram ada *ceiling price?* Tetapi ...

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tak, semua. Yang lima kilogram, tiga kilogram, semuanya yang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau 20 kilogram?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Kami tak jual 20 kilogram YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Five* saja, *max five?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Mana-mana yang dijual untuk pengguna, untuk *domestic use,* yang itu ada *capped*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tetapi untuk restoran besar yang beli *bulk* itu, macam mana?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Yang itu tak ada pek, tak ada siling. Tidak ada siling.

Seorang Ahli: Itu sahaja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pasaran dia hanya lima kilogram *max* kah?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ada dua.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: I ingat saya beli 10 kilogram punya.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tak ada. Tak ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tetapi berat oh.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Paling besar lima kilogram. Pengguna tak larat nak bawa 10 kilogram.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *My Home Minister* pergi. *So*, saya — *you know.*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada — Pengerusi, ada satu artikel. Kalau nak bandingkan negara-negara ASEAN lah, Malaysia antara yang tertinggi minyak, minyak masak ini. Dan ada artikel itu menulis, kalau nak *compare* Singapore pun dia harga sama ataupun Singapore itu kurang sikit harganya daripada Malaysia. Adakah ini benar?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Itu mungkin...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Dan, kalau betullah Singapore tak ada sawit pun. Tetapi kenapa harga dia lebih — sama ataupun rendah? Boleh bagi pandangan? Ataupun artikel ini tak betul?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Saya rasa artikel itu mungkin tak betul YB. Di Singapura, memang *confirm* harga minyak masak lagi tinggi. Jadi orang Singapore datang ke Johor, dia cuma boleh beli satu saja. Kalau dia beli dua, kastam Singapore akan tahan. Jadi, memang minyak di Singapore lebih tinggi. Kemungkinan di Indonesia lagi rendah. Kemungkinan. Sebab di Indonesia itu dia *capped*-kan harga minyak masak seperti juga di Malaysia. Dia ada *capped* dia. *Capped* dia sekitar Rp14,000 per kilo. Itu kalau kita *translate*-kan memang mungkin rendah sikitlah daripada harga yang kita beli di Malaysia.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kalau Thailand pun dia lebih rendah daripada kita?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tak, tak. Tinggi lagi. Lebih tinggi. Di Thailand pun lebih tinggi dari di Malaysia.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Seludup itu minyak subsidi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Okey. Saya nak tanya. *Packers, that's one I mentioned about packers,* yang *refineries* akan hantar minyak kepada *packers* kan? *Packers* ini adakah mereka ini di bawah MEOMA *ke*? *Or is there association* untuk *packers?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *Excuse me. Within* dalam persatuan MEOMA cuma ada 30 ahli terlibat dalam pembungkusan. *So*, tadi ada bilang kurang daripada 10 peratus pembungkus di luar sana. *So*, di luar sana ada 350 pembungkus COSS — yang ini saya bilang ialah COSS yang satu kilo punya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: *So*, actually yang kalau kita lihat Laporan Audit Negara, Ketua Audit Negara, mereka nak bincang fasal keciciran kan, kebocoran yang COSS ini.

Dalam perbahasan di Dewan pun, ada Ahli Parlimen yang kata kenapa dia dapat beli yang *our subsidise oil* COSS dekat Golok, dekat Thailand. *So, this is the issue. So, we want to hear from you* lah *maybe — this is a closed-door,* macam mana ini yang boleh berlaku dan apakah cadangan dari pihak MEOMA dan juga PORAM supaya kita boleh ketatkan, mengurangkan kemungkinan kebocoran ini ke negara lain ataupun di — jatuh dalam tangan orang yang sepatutnya ambillah.

■1250

You have your opinion or not on this? Tadi yang saya dengar daripada wakil PORAM yang kata kerajaan yang memberi subsidi kepada 60 tan?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): 60,000 tan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *60,000 tonnes* itu sebenarnya adalah lebih daripada keperluan. *So, we want to hear from you, maybe*

you can be frank to us. So that, we can go straight to the point lah. *In our* laporan dan rumusan dan syor daripada PAC.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): *So, YB want to hear from MEOMA* dulu ataupun PORAM dulu? *Maybe PORAM can kick off* lah. *Just to build on Encik Fadzil* punya komen. Jadi sebagai kasarnya sebab *two times* lah. *We don't need 60,000 tonnes. The calculation come out about 30,000.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *30,000 tonnes?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): Kalau *for every single Malaysian, will consume and every single Malaysian* pakai minyak sawit, *we only need 30,000 tonnes a month, as supposed to 60,000.* Tapi YB, mengapa *60,000 tonnes and* kita tengok *consumption* pun lebih kan kerana minyak COSS ini diguna untuk menggoreng pisang. Kalau kita pergi makan di kedai mamak, minyak COSS juga digunakan untuk memasak mi goreng sebagai contohnya.

So, why is this the case because there's no enforcement. In other words, pengilang cuma jual kepada pembungkus. Pembungkus ada kuota. Dia dapat kuota, dia akan dibayar RM600 setan.

What happened after that? Where it sends to? Who's actually distributing to the right people? Itu kami tak tahu. Memang tak ada mekanisme.

Jadi, macam-macam cadangan lah Yang Berhormat. Ada cadangan daripada KPK. Kami selalu berbincang dengan KPK, bagaimana kah cara untuk kita *tighten a bit. So, as long as, there is no enforcement YB,* benda ini akan— ketirisan ini akan terjadilah. Sebab *we don't needs 60,000 tonnes actually, especially* kalau kita *target B40* sebagai contohnya. Itu lagi rendah dia punya keperluan itu. *Fadzli, am I making sense or not?*

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Betul.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *Okay, I would like to* tambah sikit tentang itu 60,000 metrik tan sebulan *under* di bawah COSS. Kalau mengikut FOA, data-data *per capita consumption* itu sebenarnya di Malaysia kita bukan setakat 60,000 metrik tan sahaja yang digunakan di Malaysia. Sebab kita ada minyak masak berbotol lagi. Dari sana tiap-tiap bulan lebih kurang 20 ke 30 ribu metrik tan dijual *on top of this 60,000 metric tonnes.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *About 80,000 over tonnes* lah?

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *So, you can imagine how much the local Malaysian is consuming. Okay. Then, you are focusing on the* ketirisan, *what are the* punca-punca ketirisan. *I think you should look at the whole mechanism in*

Malaysia. If you look at it, this particular price RM2.50 ini sudah berapa tahun harga ini di pasaran. Sudah lebih kurang 20 tahun.

Ada sesiapa yang tanya tak harga yang 20 tahun dulu masih kekal sampai sekarang? Itu pun menjadi satu beban untuk negara sebab anggaran lebih kurang RM2 bilion kerajaan menampung COSS ini.

So, kalau *you* tak *adjust* ini RM2.50 memang itu *gap* kerajaan kena tanggung.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kejap tadi *60,000 tonnes.* Sebenarnya, *we only need 30,000,* betul? *That's domestic consumption.* Betul ya? *So, 30* itu mungkin yang jual-jual, kan?

Seorang Ahli: *Commercial.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tadi 20 tadi pergi yang mana pula? Tambahan 20 pula.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): Saya buat-buat— apa yang saya nak gambarkan di sini ialah kalau kita *put aside COSS,* kita *put aside* minyak-minyak semua inikan, kita cuma *required about 30,000 tonnes a month* sahaja, *of which it can be a combination of COSS* dengan minyak botol inilah yang *brand* Saji, *brand* Alif dan sebagainya.

Tetapi kita tahu B40 ini *population*-nya berapa ramai? Jadi sebagai contohnya, mungkin separuh daripada penduduk Malaysia ini ialah B40 sebagai contoh YB. Jadi *requirement* itu cuma separuh daripada 30,000...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: 60,000.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): ...cuma 15,000 sahaja. Bermakna lagi 15,000 itu ia tak *qualify as B40,* dia boleh beli minyak masak yang botol ini 5KG ini.

So, kesimpulannya ialah 60,000 tan itu terlampau banyak untuk diguna pakai untuk suri rumah. Sebab itu kita nampak minyak ini dijual di Golok dan sebagainya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Surpluslah itu, maknanya *over consumption* kita.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): *Surplus. Very much so.*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *If you go back to my question on challenging the* RM2.50 itu. Itulah *the starting point. Because* kalau sesiapa yang menyeludup itu pergi Golok mungkin sana sudah naik RM2.50 jadi jual RM5.00 sudah boleh dapat di sana. Mana satu perniagaan yang bagi 100 peratus *profit margin.* Itu satu.

Lagi satu, saya rasa polisi kerajaan pun kena tengok balik sebab sekarang itu minyak masak terpakai *or used cooking oil* yang...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *How much is that?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: RM3.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *No, no, how many tonnes is that?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): Keperluan, *how much— what's the demand for used cooking oil?*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tadi yang 60,000 *is the original* punyalah? Ini yang *recycle* punya, kan?

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Tak, tak. *I mean…*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terpakai *means?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *I mean there is like PETRONAS.* Ia ada kumpul itu beli balik.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, lah yang goreng-goreng minyak itu.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Minyak masak yang terpakai. Dia beli dengan RM3.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *And then,* dia *refined?*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Ya, untuk biodiesel punya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Oh, biodiesel. Bukan untuk minum lah, makan lah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *It's used for biodiesel. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad (PORAM): Lagi mahal.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *So,* kalau *logical you* pakai otak sikit. Sini beli dari *supermarket,* botol masuk tong. Sebelah sana hantar PETRONAS satu kilo 50 sen untung.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *So, I just* nak *chip in,* semenjak kita tetapkan RM2.00 – 2,500, kita punya COSS itu. Pasa masa itu harga CPO mungkin dalam 1,800, 2,000. Sepanjang 10 tahun minyak CPO dah meningkat sehingga pada tahun ini ia punya *average* lebih kurang 4,000 ke atas. Maknanya peningkatan harga CPO *as a yearly average* ini dah meningkat.

Jadi apa yang Tuan Andy cakap ini 2,500 itu kena *revise.* Sebab walaupun kuantiti 60,000 mungkin tak cukup sebab *gap* 4,500 ke 2,500 itu RM2,000 *to be subsidised* untuk COSS kan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ya, Pengerusi sikit. Apa cadangan persatuan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kena *revise* balik...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Harga lah?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Harga.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ya, kalau ikut saya. Tak payah ada subsidi. Sama sahaja. Itu yang kita— selamat lah 30,000 kita itu. Tapi, rakyat akan marah lah. Pembangkang akan gunakan alasan. Tapi tak akan ada kerajaan yang akan berani.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pembangkang pula. Okey, UMNO setuju naikkan. *[Ketawa].*

■1300

Okey, *sorry,* Encik apa, Andy tadi ya. *You* sebut dah 25 tahun tak disemak harga itu ya, RM2.50. Jadi, kalau dia nak disebut harga yang kompetitif, harga yang wajar itu, itu satu cadangan lah ya. Berapa yang sebenarnya kalau dia sekarang? Berapa margin tadi, dari segi kos dan sebagainya itu? Sebut lah sebut. Ini kira satu lontaran ya.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ini saya minta KPK lah, KPK, dia ada *expert* kan, jadi dia boleh anggarkan berapa.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Berapa persen agak-agak perlu ada kenaikan itu?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...*kalau harga mesin.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *For now is 2.50* sekarang, *2.50...*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya lah, itu agak tinggi juga lah — Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sekarang, sekarang. Kata nak apa itu yang *reasonable,* yang apa, kata *breakeven. Ke* apa.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sama harga. RM6.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: RM6? *That is [Ketawa]* Tak menang nanti itu.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Selain tadi yang disebut antara puncanya kerana harga itu yang sudah pun agak...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bagi derma.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *I, I think...*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bagi duit saja.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: *I think this is up to the PMX* punya *decision.* Sebab, kalau — *of course,* kalau *you* dari RM2, *you* naik mendadak terlalu tinggi, *of course,* rakyat akan membantah. *So,* kita kena tengok apakah tahap yang munasabah. Sebab, kalau *you* naik sikit, 50 sen ke*,* itu pun kena marah juga. *[Ketawa] So, you* kena tengok apakah strategi yang — *and then* tengok kerajaan, ada berapa bilion atau dari kewangan boleh menampung ini COSS.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tapi bagi saya lah, saya lihat KPDN pun sudah ambil langkah untuk lihat macam mana mengawal penjualan COSS. Saya lihat mereka sekarang guna ada *apps* kan, kena ada *apps.* Saya ada hadir beberapa kali di Jualan RAHMAH di bawah KPDN. *So, all this is a bit under control now. I think it's a good move* dan mungkin dari situ kita boleh *convince the government that we don't need to subsidize 60,000 tonnes of oil. But we can reduce.* Mungkin *reduce* kuantiti itu, rakyat akan kurang sedar dan marah kerana selalunya mereka yang memang perlu minyak COSS itu, mereka tak dapat beli.

So, and also now KPDN, the Jualan RAHMAH yang semua yang 5kg itu apa minyak masak, juga is 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Sebenarnya ini sudah banyak membantu kebanyakan orang yang perlu minyak masak yang murah lah. Ini pandangan saya lah.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Itu memang betul. KPDN, pihak KPDN ada mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawal supaya COSS ini sampai ke pembeli, pengguna yang tersasar sana. *Like,* dia sekarang dia ada dalam *trial, trial kat* Johor. Dia ada yang *mobile* e-COSS dia bilang. *So,* pembeli akan kena tunjuk itu IC untuk beli tiga paket maksimum itu. *So* — tapi untuk pada pandangan MEOMA ialah kita — sebab pihak ahli MEOMA terlibat dalam COSS dan juga yang botol, pembungkus botol juga.

Sebab kalau ini dia ada dua sistem untuk pengiraan *or* subsidi. Itu sebelah COSS ini ada, memang ada subsidi 60,000 metrik tan setiap bulan. Ada, tetap ada. Tapi yang botol ini adalah yang satu masalah besar kepada pembungkus botol minyak masak berbotol. Sebab, harga siling dah ditetapkan oleh KPDN. Tak boleh dinaikkan. Tapi tadi dibincangkan itu, sekarang minyak CPO sudah naik 4,500. *So,* pihak pembungkus memang — sekarang tak ada mekanisme yang untuk bayar subsidi untuk pembungkus minyak berbotol sini.

Kita sudah banyak kali berbincang dengan KPDN. Tapi menurut KPDN ialah untuk *adjust ceiling price* itu, dia orang kena bentangkan kepada itu KPK, MOF, MOE dulu sebelum dimasukkan di Kabinet. *So,* itu proses banyak lama. *So,* kadang-kadang nak berbincang dengan KPDN, dia orang nak buat *proposal,* harga CPO

turun pula. *Then — so,* kita perlu ada mekanisme yang lebih *stable* untuk *support* yang pembungkus minyak berbotol sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Saya ada tiga soalan. Saya tanya satu persatu lah, senang sikit. *First* adalah, *what is the cost of production* ya? Okey, katakan sekarang CPO adalah 4,500. *What is your cost of production, cost — cost price* dekat penghilang, *then* dekat... *[Dicelah]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pembungkus.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ...pembungkus dan juga... *[Dicelah]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pengedar.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: ...pengedar dan sampai ke *retail. What is supposed to be the price*? Supaya kami boleh tahu, okey pada 4,500 setiap peringkat itu, dia patutnya harga berapa, tanpa subsidi?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey. *So, maybe for PORAM* ya, *I can give you an estimate*-lah YB, sebab *different producer have different costing* ya, Fadzli. *So, what was the range if you recall* masa kita buat *survey* hari itu? *Just, just for the refiner*? *Refiner.*

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Ya, *just for the refiner. Cost for refining* adalah lebih kurang dalam RM200 ke RM450.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Give me per kg. Per kg* senang.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Okey. Sekiranya *per kg,* pada harga CPO sekarang, 4,500 lebih kurang. Harga yang sepatutnya di pasaran, satu kilo, RM7.08.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Itu adalah sampai ke pasaran lah? Sampai ke pasaran lah?

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Harga yang sepatutnya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *From refinery,* sudah lebih — *refinery,* pemborong, *packaging, distribution,* semua sudah selesai.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Harga di atas *shelf,* di *retailers.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Atas *shelf,* termasuk keuntungan di *retailers?* Betul ya? Setiap peringkat, sudah ambil itu punya keuntungan lah.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Itu belum. Itu belum termasuk keuntungan *retailers.* Kalau kita masukkan lagi keuntungan *retailers,* lebih kurang dalam lapan peratus. Jadi, jumlah dia, pada masa harga CPO adalah 4,500. Satu kilo termasuk dengan *retailers* punya margin, lebih kurang RM7.64.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: RM7.60?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Empat.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Empat sen.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: 64 sen? *Okay, like this. I want to ask you* dari segi *refinery, you* punya keuntungan biasanya margin berapa?

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Bergantung pada jenis prosesnya, tetapi lebih kurang dalam 50 sen, satu kilo.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:*Okay, then* dekat *packaging*?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, MEO ada, MEO — MEOMA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 10 percent of their members. [Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Patut tahu lah industri *what.*

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Saya, saya boleh bagi *estimate* ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya.

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Untuk *packing cost,* lebih kurang dalam 80 sen, satu kilo. *Filling cost,* lebih kurang dalam 25 sen, satu kilo, *transportation,* lebih kurang dalam 25 sen satu kilo. Ini belum masuk *financing cost* dan juga lain-lain *fixed cost.*

Jadi, kalau untuk *packers* sahaja, lebih kurang harga kos dia adalah lebih kurang dalam RM1.35. Ini kos-kos yang paling mudah. Penyediaan yang paling mudah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry,* dekat apa, *retail* berapa dia punya keuntungan?

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: *Retailer* selalunya margin untuk *retailer* adalah dalam lapan peratus.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Lapan peratus?

■1310

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Lebih tinggi daripada *refinance* punya margin sebenarnya dan pengeluar punya margin. Lebih kurang, kurang daripada lima peratus.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, dari segi kalau katakan *CPO at RM4,000 — CPO at RM4,057.64. Let's say RM4,000, CPO RM4,000 supposed to be how much?*

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: Lebih kurang RM7.04.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: RM7.04. *The global CPO* punya, dia *goes up and down. So, I'm sure you have a median line. What is the median line now?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *So, you have to do an average-*lah *what would it be right now.*

Encik A. Fadzli Abdul Aziz [PORAM]: *For this year the average is about RM4,004 from January until July, it's about RM4,004 per tan.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okay, all right. This is the first question so that we understand the* dia punya *margin aspect.*

Okey, kedua adalah — saya tak faham adalah PPHSSL. Di Sabah, Sarawak banyak kelapa sawit. Kenapa kita perlua ada PPHSSL? Tak boleh kita semua *COSS* saja? COSS saja? C-O-S-S saja? Kenapa kita kena tambah satu PPHSSL? *I'm sure there is a refinery in Sabah, Sarawak.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Ada, ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So, why do we need extra PPHSSL?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *YB talking about the add ons that refine charge when they sell to repackers?*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya. *That's extra subsidy.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Extra subsidy, is it?*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MOEMA]: *I think* ini PPH — ini untuk pengangkutan, kan? Mana-mana membawa Sabah, Sarawak barang-barang bawa ke Semenanjung, dia ada *extra cost.* Jadi, dia merupakan insentif kepada pembungkus dekat sana.

Jadi, yang ini disebabkan oleh perbezaan koslah, YB. Sebab kalau kita membeli *packed bottle* dekat Semenanjung Malaysia adalah lebih murah berbanding dengan Sabah dan Sarawak. Mungkin dari segi palet ataupun tiub untuk membuat *packed bottle* itu lebih mahal di Sabah, Sarawak berbanding di Semenanjung.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi di Sabah, Sarawak minyak masak banyak — *I mean* kelapa sawit banyak.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MOEMA]: Kelapa sawit ...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Overflow. I mean demand and supply*, kan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MOEMA]: CPO, YB. Yalah, selepas menjadi CPO kita kena melalui proses penapisan. Selepas penapisan ...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *You* ada *refinery* di sana juga, kan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MOEMA]: Ha, cuma *refinery* yang ada di Sabah ini banyak tertumpu di bahagian Tawau, Lahad Datu dan kurang di bahagian KK. Mungkin dari segi pengangkutan untuk membawa minyak masak itu daripada Tawau ataupun Lahad Datu ke Kota Kinabalu akan memberi kos tambahan untuk logistik.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, soalan ketiga saya adalah — okey, sekarang*, I mean of course you complaint about* sekarang harga siling dan sebagainya. *I just want to understand* sebab Malaysia ini pengeluar terbesar, kedua terbesar di dunia.

I'm sure most of your business is outside of Malaysia. Bukan di Malaysia, kan? *So, can you give me how many percent is actually for export market? How many percent is domestic market?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Domestic market is very small, YB. I think roughly about 85 percent* yang kita *produce* ini kita eksport, *in one form or another.* Sama ada kita eksport sebagai *refine* ataupun kita *make it into a specialty fats*, kebanyakannya semua kita eksport. *So, not much is consumed domestic*-lah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So, actually it's fair, right? I mean Malaysian government gives so much support to palm oil, for your industry whatever you want,* tanah boleh dapat murah. *You want to plant everywhere, you plant. Can't you subsidise a bit for the country? Why you complaint about, you know you ceiling price and all these? I mean it fair, right?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *We are also the heaviest-taxed industry, YB.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *But the things that you got — I'm trying do devil's advocate*-lah.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Sure, sure.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *I mean the because in that one people say, Malaysia is the highest producer in the world. Why can't we have two prices? One is for Malaysian, one is for overseas. Then, you cross subsidy*-lah.

After all you make 85 of your thing is export and you make good money-lah. *Everyone is smiling to the bank now, you know the CPO price so high and your* pengilang *ke* apa, *your supply chain* sebenarnya, *you* bukan hanya *refinery* saja sebab *you* punya business pun ada *plantation, like MEOMA is the entire value chain. Your entire value change makes money, isn't that fair to subsidise a bit for the Malaysian public?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Conceptually we can say that may be there's a role that the industry can play.* Tetapi *we have been giving more than our fair share compared to say, oil and gas industry as YB Teresa knows, she was our Minister before.* Kami ada *windfall tax,* kami ada ses dan sebagainya.

So, our effective corporate tax — sorry, our effective tax direct and indirect is well in excise of 30 percent. So, kami memang *heavily-taxed industry and on top of this* kalau *we've been asked as to subside domestic cooking oil and the fact that* kita

tahu banyak ketirisan *today, I think it's going to be an issue for the industry*-lah, YB. *Downstream in particular will be affected.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit saja nak faham itu. *So, 60,000 metric tonnes for* Malaysia, yang lain semua luar Malaysia, betul?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Yang itu yang kami sangkalah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sangka?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *We think. We don't know.* Tapi kalau kita lihat itu, YB memang banyaklah, kuotanya banyak tetapi yang menggunanya itu tak seberapa banyak. Jadi, mungkin ada ketirisan itulah. *It is must be. There must be a* ketirisan *some form or the other.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, dah berapa lama yang dapatan? Maksudnya — minta maaf saya baru masuk daripada perbahasan dekat luar. *So*, saya difahamkan ada 60,000 itu *actually* berlebihan. Itu tak termasuk pun — itu termasuk dengan yang subsidi dengan minyak botol. Sepatutnya yang itu adalah — ini subsidi saja.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Subsidi saja.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maksudnya ini sangat-sangat berlebihan. Jadi, sejak bila yang pihak industri dah tahu tentang perkara ini dan dimaklumkan pada pihak kerajaan? Satu.

Yang kedua, apakah tindakan apabila perkara itu dimaklumkan dengan pihak kerajaan, apakah tindakan ataupun respons pihak kerajaan terhadap perkara ini?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey. Saya mula, ya YB. Jadi, memang kami dah selalu bila kami berinteraksi dengan KPK memang selalulah, memang dah ada *this conversation between industry* dengan KPK tentang 60,000 tan ini. Jadi, tadi soalan tanya bagaimanakah 60,000 tan ini *came out in the first place.* Kami pun tak tahu. Jadi, memang dah lama macam itu.

Jadi, sebab bila kita tengok *consummation* itu kurang daripada 60,000 tan, yang itu *tells you that actually demand is not as high as 60,000 tonnes*. Tadi, rakan saya Encik Fadzli tadi buat *rough calculation* menyatakan bahawa kalau setiap *Malaysian consume* dalam 18 kilo minyak setahun, *every Malaysian* campur semua, semua ini cuma dalam 30,000 tan sahaja yang kita perlukan. Jadi, 60,000 itu terlampau banyaklah.

Jadi, bila kami berbincang dengan *ministry* semuanya, jadi, yang isu sekarang ini ialah pemantauan. Sekiranya pemantauan itu ialah suatu yang dibuat dengan *diligent*, kita akan lihat *demand* untuk *cooking oil*, untuk COSS ini akan berkurangan sebab yang membeli itu cuma orang yang layak saja membeli bukannya

yang mamak, buat kedai mamak ini, yang menjual goreng pisang di tepi jalan dan sebagainya.

Di situlah sekarang penggunaan banyak kami lihat. Kalau YB pergi sendiri di tepi jalan tengok orang jual minyak masak ini, dia tak pakai minyak Saji, YB. Dia akan pakai minyak satu paket ini yang subsidi ini.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada soalan lain? Ya, Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Laporan oleh KPDNHEP ini 2023, dia sebut bahawa dalam dasar COSS itu bahawa tidak ada syarat pengeluar itu daripada syarikat tempatan. Betul itu, ya? Dan apa yang berlaku dalam laporan media, ada syarikat yang berpangkalan di Singapore, lapan buah kilang penapisan dan dia mendapat kuota yang besar, 50 peratus lebih. Jadi, terdapat lebih kurang 29,000 tan.

■1320

Jadi, bagaimana pihak persatuan melihat? Adakah benda ini antara punca juga ketirisan itu? Dan maknanya, ada perlu penambahbaikan dari segi tatakelola apa ini, COSS itu. Jadi, supaya tidak — benda itu akhirnya, kita nak apa ini — dalam masa yang sama, nak bantu rakyat kan, tapi akhirnya duit subsidi kita itu mengalir ke negara lain. Jadi, bagaimana pandangan persatuan?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Terima kasih YB. Jadi, soalan itu ialah berkenaan dengan ahli kami jugalah kerana yang terbesar itu ialah Wilmar ataupun Pasir Gudang Edible Oils ya. Memang betul, kalau lihatkan dari segi kuota yang diberikan, dia hampir separuh, 50 peratus daripada 60,000 tan itu. Tapi kalau kita ikutkan sejarahnya ya, memang Pasir Gudang Edible Oils ini ialah antara kilang proses yang terlama di Malaysia. Masa dulu dipanggil Kwok Edible Oils Sdn Bhd. Jadi sekarang ini bila dah semuanya dah berpusat di Singapura. Tetapi yang keuntungan yang besar ya YB, yang saya lihat di sini, bukannya berada di proses — di tahap proses. Keuntungan besar ini jatuh kepada pembungkus. Jadi, akan tetapi, kalau Kwok atau Pasir Gudang Edible Oils dapat kuota ini, dia ada marginlah untuk dia. Tetapi, margin ini tidak sebesar margin yang dapat kepada *repackers* ini.

Tetapi, bila Wilmar yang ada keuntungan untuk memproses minyak ini — kami tahu dia akan bayar *income tax* di Malaysia, dia adalah juga yang — bukan semuanya keluar ke Singapura sebagai contohnya YB. Dia akan *remain within our circular economy*. Fokusnya bagi saya ialah siapa yang membungkus itu. Yang membungkus itu yang penting. Yang memproses ini dia terpulang kepada kapasiti kerana sebab dia dah lama. Wilmar ini dah lebih lama daripada ramai yang —

sebagai contoh, SD Guthrie ataupun Mewah ataupun FELDA ya. Dia antara yang tertua di Malaysia, Wilmar ini.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Saya ingin tambah sikit di sini. Sebenarnya, pihak *refinery* bukan terima kuota. Dia tak terima kuota, dia sebagai penjual minyak *olein* COSS. Yang kuota itu semua dari pembungkus. KPDN bagi kuota kepada pembungkus. Okey pembungkus A *you* dapat 100 metrik tan, pembungkus B 150. Itu semua campur-campur, 600,000 metrik tan tiap-tiap bulan. *[Dicelah]* 60,000 metrik tan tiap-tiap bulan. Jadi, pembungkus ini pergi cari *refinery* yang berdekatan dengan — biasanya berdekatan dengan kilang pembungkus dia. Sebab, kalau itu kilang *refinery* terlalu jauh, harga — kos penghantaran pun tinggi. *So*, itulah sebabnya itu *refinery* tak ada kuota. Dia cuma *supply* saja. *Then*, kita pun kena bersyukur dengan macam Syarikat Wilmar ini, sebab dia ada *scattered, coverage* dia banyak di seluruh Malaysia. *So, that's why* saya rasa agak dia punya pembungkus beli dari Syarikat Wilmar ini lebih. Itu pandangan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ini bermaksud, kalau kerajaan nak — *Let's say* dia kurangkan yang kos ini daripada 60,000 tan kepada *let's say* 30,000 tan, *the most affected one are the* pembungkus*, right*? *So, the one that will make noise most are the packers*. Betul? Kita akan menjejaskan pendapatan *the packers*. *[Ketawa]* Ada berapa ribu *packers*? *[Dicelah] 300 only? [Dicelah] 350. You packer* kah *you? [Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *You are a politician. You are the…*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Politician.* Saya nak tanya Pengerusi, tentang *packers* tadi kata *packers* itu *make the most money. What is the margin?* Boleh terangkan sedikit?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *I think* untuk COSS kita dah *understood* RM600 itu adalah margin yang itu, yang *cover* untuk semua dia punya kos-kos pembungkusan, logistik dan apa-apa kos yang terlibatlah. *[Dicelah]* RM6 lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: 600 per tan?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: 600 per tan, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Biasanya satu syarikat itu berapa tan dia punya kuota dibagi?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Itu di dalam kuasa KPDN. Info itu kami tak dapat. Kami tak ada. *Information* siapa yang dapat kuota, berapa banyak, kami tak ada. *All that information* ada dengan KPDN sebab dia yang mengawal kuota itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Apa yang *qualified* untuk menjadi *packers* ya?

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Setahu saya, KPDN memerlukan syarikat ini mempunyai kilang membungkus. Dia mesti ada kilang dia sendiri untuk membungkus.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Satu, dia kena ada lesenlah YB.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *MPOB license*, ya.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: MPOB akan *check premises* itu sama ada dia layak untuk membungkus. Dia akan tengok dari segi *hygienic*, dari segi simpanan. Contohnya, macam simpanan minyak itu dia kena *stainless steel* ataupun memenuhi keperluan standard pemakanan. *So*, dalam proses itu, MPOB akan terlibat sebelum dia mengeluarkan lesen untuk menjual minyak masak.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Saya, saya tak dapat *imagine* ya, sebab *refinery*, you sudah *refined* semua. Paket ini satu plastik kecil saja. Dia tuang dalam, *seal*, *that's it* lah. Betul tak? Kosnya sangat rendah. *Why — so, I think*, dia punya margin sangat tinggilah, *25 cent per pack*. Wah, *very good* ya.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Untuk makluman kan, macam plastik dipengaruhi oleh harga petroleum kan. Sebab, *pack bottle* asas dia adalah daripada *petroleum-based*. Jadi, dari segi kos pun, kos pembungkusan dia akan *fluctuate* YB.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Tapi *I think what YB think...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi plastik itu murahlah. *I think hardly one cent, two cent, settle already, plastic.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Sebab tak 100 peratus apa yang kita bungkus itu akan terjual kan. Maksud saya, ada yang dibungkus akan mengalami kerosakan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *That's efficiency. That's how they manage the stock, right?* Tapi *to me, the costs of production in terms of packing* itu, sangat-sangat rendah. *Am I right?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *YB, you talking from the* COSS punya *point of view ke* ataupun *packing in general?*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *I think…*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Packing in general.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Enlighten because I am not in the industry. I* belum *apply* lagi. *[Ketawa] So,* saya tak tahu. Tak layak, tak layak. Nanti SPRM — *so, just joking, just joking. So, what I am saying, can you tell us? Because we don't understand the industry.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Okey, okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, *thank you.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *So,* secara ringkasnya, kalau *— if you are a repacker for COSS*, *then you have this RM600 margin that the government will give you. So, you play with this RM600 margin.* Yang ini memang secara rata-ratanya *the repackers can makes money. That's why everybody wants to get this repacking license. What we do as a refiner, we also have a packing line.* Tetapi*, may not be the COSS, but we sell mostly* yang *the non-subsidised, we call it. The non-subsidised* ini ialah *the five kg* tadilah yang *we mentioned* ya dan sekarang harga pasaran ini ada siling dia *which is RM30 per ton.*

Dulunya tak ada siling ya, tetapi *because the government is worried* harga minyak naik, melambung terlebih tinggi, nanti rakyat akan komplen kenapa harga minyak lima kilo ini sekarang terlampau tinggi. *So, they capped*-kan *to RM30. So,* kalau tidak ada *cap* ini, makna *refiners are free to set whatever price. There will be stiff competition.* Sekarang ini YB, yang paling *champion is* FGV lah. Dia memang *very aggressive. So,* dia boleh *compete and* dia akan *compete to a point when they can make some money. Refiners margin* ini YB, margin dia sangat rendah. Saya *even though I am a PORAM's Chairman, I am also the Chief Operating Officers for SD Guthrie, Guthrie* ya*.* Di *downstream YB,* kami punya margin ini, *net margin* kami dalam empat peratus sahaja. *So, very thin. So*, memang keuntungan itu ada, tapi tak tinggilah. Jadi, *packing* pun sama. Keuntungan ada, tetapi tak tinggi. Yang tinggi ini ialah yang *packing* untuk COSS ini.

■1330

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, *my imagination getting wild.* Jadi, saya nak dapat kepastian daripada *all these experts. [Ketawa] So, okay. Your COSS it's the* subsidi punya, kan? Okey. *So,* bila *repacking* dia ini tak ada lain. *Only the subsidy one.* Dia tak ada yang botol-botol ke, tak ada yang biasa? Kan? Betul ke?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ada yang ada, ada yang tak ada. Macam...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *And, the quality, the quality of* yang COSS dengan yang lima kilo kah, yang baru perasan 10 kilo itu.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Okey. Dari segi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Is that the same quality?*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Is that the same oil?*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tak. Tak sama. Kualiti dia tak sama. Kenapa? Sebab dari segi yang *packed* itu, yang COSS itu, kualiti agak rendah sikit berbanding yang kita jual dalam botol tu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So,* makna *you all refine, refine* tu tadi, yang *very refine, very pure, very* apa, itu yang mahal sikit? Betul?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Ya. Sebab bila kita simpan ataupun letak di *shelf* kan dekat *supermarket* pada suhu 25 *degree* atau 18, kita tak nak tengok minyak kita ada macam...

Seorang Ahli: Kuning? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kan. Ada mendap-mendap kan.

Seorang Ahli: *Cloudy. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *Cloudy* lah. Dia macam berawan kan. Jadi, untuk mengelakkan macam itu, kita akan *extend* sikit kita punya proses dengan kos tambahan. Jadi, dari segi kualiti minyak, memang berbeza. *So,* cuma *I*— saya ada satu soalan lah berkenaan dengan kalau katalah COSS kuota dikurangkan kan. Saya nampak sini daripada laporan itu pada tahun 1 November 2016, kan? Pengurangan kuota 60,000 metrik tan itu dikurangkan kepada 45,000 metrik tan. Cuma, kita punya kerisauan apabila COSS dikurangkan, maknanya bajet untuk penstabilan harga minyak ini mungkin akan berkurang.

Cuma, kerisauan kita adalah harga minyak apabila ada *ceiling price* untuk *packed bottle* ataupun minyak dalam botol kan. Kalau industri tidak dapat insentif seperti yang ada sekarang ataupun sebelum-sebelum ini, pengilang akan menanggung kerugian. Kita tidak mampu untuk menanggung sepanjang tahun menanggung kerugian. Jadi, soalan saya sama ada apabila kuota ini sama ada dia digabungkan di antara COSS ini ataupun— penstabilan harga minyak masak ini, sama ada dia dalam satu bajet ataupun dia asing-asing. Kalau dia dalam satu bajet, mungkin insentif untuk *packed bottle* diharap perlu dipertimbangkan. Sebab ini perlu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ini sekarang tak ada? *So,* yang 600 itu hanya untuk COSS ini.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang biasa ini, yang botol yang apa ini yang orang kaya-kaya minum itu, kan? Ambil itu, kan? Yang itu tak ada subsidi?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tapi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Right now, right now.*

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Kalau ada *ceiling price,* industri tak boleh nak *survive.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *That means*— mungkin saya tambah. Maksudnya macam syarikat besar, *let's say like* Sime Darby ataupun FGV kerana syarikat-syarikat ini dia ada *plantation. So,* dia masih boleh bila harga CPO itu naik dan dia juga keluarkan yang minyak berbotol ini dengan jenama sendiri, *so they can still like survive* kerana ada *plantation* itu dia boleh guna untuk itulah.

Tapi bagi syarikat yang *purely what do you call that, packed the bottle* macam *brand* Helang kah, apa-apa kah, mereka ini syarikat ini tak ada *plantation. So,* mereka sebenarnya yang susah. Jadi, apa tuan yang sebut tadi ialah *the government need to look into the whole cycle,* kan? Yang syarikat tengah-tengah ini tak ada ladang ini, mereka mungkin harus bagi lebih subsidi atau bantuan bila CPO naik. *Am I summarise it correctly?*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Betul, YB. Kalau...

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Tapi, *in terms of* macam mana pengawalan minyak masak itu, kena ada satu mekanisme yang holistik lah maksud saya. Jangan fokus kepada COSS sahaja ataupun PET.

Seorang Ahli: Betul.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Jadi, kita kena tengok dari segi menyeluruh.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Dari pendapat PORAM pula ya, memang kita tahu rakyat yang perlu dibantu, perlu dibantu. Tetapi, proses membantu ini mungkin terlampau orang kata apa, tidak ada fokus. Semua orang dapat. Jadi, sebab itu kita lihat banyak ketirisan ini. Kalau YB— *just expand* YB Teresa punya *point* tadi ya. *Just because you are integrated* YB, kita ada *upstream,* kita ada *downstream we should not be penalised* lah. Bermakna kalau *the standalone refinery* ini dapat subsidi, yang *integrated* pun patut dapat subsidi.

Tetapi *today,* COSS ini berbeza daripada yang siling ini. *So,* siling ini tak ada langsung subsidi. Jadi, bila harga naik lebih daripada RM30, kami pun *struggle* ini nak jual minyak lima KG ini sebab kami akan mendapat kerugian. Sekarang ini margin kami *downstream* memang kecil, cuma empat peratus sahaja. Jual dengan minyak lebih daripada harga pasaran lebih daripada RM30, kami akan rugi. Tetapi yang COSS ini, memang sentiasa untung sebab dapat subsidi daripada kerajaan.

Jadi, ada dua sistem lah sekarang ini. Jadi, nanti kalau boleh dicantumkan— disatukan, yang itu nanti mungkin lebih baik lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, adakah anda cadangkan supaya kerajaan kurangkan subsidi dalam bentuk COSS ini, tapi bagi subsidi kepada yang syarikat yang membotolkan keluarkan minyak berbotol itu.

Maybe there should be a fund lah. Bila CPO naik, jadi yang dana itu digunakan untuk *subsidised* yang *bottled oil.*

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: *Perhaps that maybe we clean sheet it. Meaning* kalau kita nak *target* subsidi ini *to B40, perhaps there's a better mechanism.* Bermakna kita jangan *produce* lagi COSS ini. Kita sama, lima kilo botol kah, tiga kilo botol kah, tetapi yang B40 ini dia dapat *and we called it cash* kah, ataupun dalam melalui MyKad, dia boleh beli dua botol sebulan. Sebegitu lah.

Jadi, kita *simplify*-kan. Tidak ada lagi *re-packer* ni yang jual satu KG. Minyak semua sama. Tapi kalau dapat yang bantuan ini, dia boleh gunakan dia punya MyKad untuk dapat satu subsidi beli minyak lima KG ni tetapi dia dapat diskaun. Mungkin harga dia RM3— murah RM10 kah, RM5 kah. Begitulah. Jadi, kita *streamline*-kan *the domestic cooking oil industry* ini satu gred sahaja. *B40* akan dapat subsidi. Jadi, kita yang lain ini beli dengan harga yang tidak ada subsidi.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Bagi MEOMA pula, kita perlu lakukan secara berperingkat lah, YB. Kan? Kalau kita tiba-tiba mematikan ataupun *stop*-kan COSS, jadi, syarikat yang baru memulakan perniagaan itu dengan perbelanjaan *machinery* apa semua kan. *So,* bagi saya benda ini dilakukan secara berperingkat, kan? Maksud saya mungkin dari segi kuota itu dikurangkan, *and then allocation budget* itu dilebihkan kepada insentif untuk pengawalan harga minyak masak dalam negara.

Seorang Ahli: *Ada any...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya percaya semua poin ini sudah dibangkitkan kepada dengan pihak kerajaan, kan?

Seorang Ahli: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *So,* kalau ada memo kah ataupun kenyataan akhbar, mungkin boleh kongsikan dengan PAC lah, bagi kita rujukan.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Cuma, bila kita minta satu macam *threshold* kan, setakat ini tak ada betul-betul persetujuan lah. Maksud saya bila ada harga naik, kata lah RM4.50. Berapa *threshold ceiling price* yang patut ada dalam pasaran? Yang itu tidak ada dalam persetujuan di antara industri dan kementerian. Ini kita cuma berbincang dari segi perbincangan sahaja. Mungkin Andy nak tambah sikit.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Ya. Sebab apa buat masa sekarang yang lima kilo di luar sana, harga siling dia RM30.90 satu botol lima kilo. Dan, harga ini harga siling yang ditetapkan oleh KPDN dengan *threshold* CPO pada RM3,890. Ini *threshold.*

So, kalau memandangkan harga CPO sekarang hari ini mungkin dalam tahap 44...

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: RM4,400. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: 44. *So,* itu sepatutnya harga siling ini sudah perlu dinaikkan. *So,* mekanisme ini ada dengan KPDN tapi tidak diaktifkan. Tidak diaktifkan. Setiap kali kita perlu pergi berjumpa dengan KPDN, bincang dengan dia orang cakap itu *threshold* sudah melepasi *threshold.*

■1340

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Kalau apabila CPO turun kepada RM3,500, RM3,000 adakah harga minyak masak akan turun kepada RM25 ke RM15 ke?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Jawapan dia YB, sudah pasti turun sebab kos pembuatan setiap *competitor* itu dah menurun, kan? Jawapan dia pasti akan turun.

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Ya. Dia mekanisme sekarang ialah KPDN — mekanisme yang sepatutnya ialah kita akan memantau bulan lepas. Macam sekarang bulan lapan, kita memantau harga purata CPO bulan tujuh. Kalau harga purata itu melebihi RM3,890 kita akan *adjust* untuk bulan Ogos punya *ceiling price*. Itu sepatutnya mekanisme yang industri setujui dengan KPDN. Tetapi, dukacitanya ini tidak dilaksanakan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *That means the government didn't change the price*?

Encik Andy Lee Yiew Meng [MEOMA]: Ya. *That is why every time* kita harga *threshold* sudah melepasi, kita berhubung dengan KPDN. KPDN cakap dia kena bentang dalam Kabinet. *So*, dia pihak KPDN pun bercakap sebelum pergi Kabinet dia kena melepasi KPK, MOF, MOE. *So*, kita kena tunggu. *So*, tunggu — kita tengah tunggu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] By the time* dekat Kabinet, dah naik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, YB Sik. YB Tampin ada nak tanya soalan?

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada, tak ada.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tadi ingatkan macam nak tanya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tadi pun dah dijawab dah sebenarnya. Ini mungkin soalan *last* saya ya. Jadi, mungkin tadi lah maksudnya cadangan di pihak persatuan sendiri ya dari segi mekanisme untuk *targeted subsidize* ini ya, walaupun nampak sedap dengar itu tetapi nak *implement* itu mungkin agak sukar ya. Mungkin juga persatuan juga pada perbincangan dengan KPDN sendiri lah. Nak menggunakan *QR tracking* sebagainya itu pun bukan mudah juga kan. Nak guna data PADU itu.

Jadi, itulah. Mungkin juga persatuan bantu kita di PAC ini untuk kita nak buat syor ya itu. Mungkin ada apa-apa perkara yang lebih spesifik lah ya bagaimana untuk nak kita kata tadi keberkesanan pengagihan subsidi itu sebagai satu *reform* kepada langkah yang kita laksana hari ini yang nampak agak maknanya tidak capai *target* lah ya dari segi ketirisan dan sebagainya itu. Jadi, itulah mungkin kalau dapat — kalau tak boleh beri sekarang mungkin selepas ini boleh bagi secara bertulis ke. Saya ingat boleh ya Pengerusi ya? Terima kasih.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Boleh, boleh. Ya. boleh *insya-Allah*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada apa-apa lagi yang *you all* nak tambah ataupun *you all* nak menyatakan untuk penambahbaikan ke? Ada apa-apa nak tambah?

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: *So*, kalau kita respons secara bertulis YB, kita nak — kita akan *forward* kepada siapa? Sekretariat, Farah ya?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kepada sekretariat, Ketua Sekretariat PAC. Kejap lagi boleh berhubung dengan ini Sukri dan boleh serahkan terus kepada sekretariat.

Encik Mahyuddin bin Bolong [MEOMA]: Boleh, boleh. Okey, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau tidak ada apa-apa, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Mahyuddin bin Bolong daripada pihak MEOMA dan juga Tuan Mohd Haris Mohd Arshad daripada pihak PORAM dan semua ahli delegasi yang turut bersama hari ini bagi prosiding dan juga membantu untuk PAC membuat laporan yang mana isu ini di bawah Laporan Ketua Audit Negara. Untuk itu, kita tangguhkan prosiding ini pada jam 1.44 petang. Terima kasih.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad [PORAM]: Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.44 tengah hari]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 26 Ogos 2025

Bil 6(e) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Malaysia Retailers Association (MRA)

(i) Encik Yong Eng Kwang,
Vice President

(ii) Encik Mohd Mahrus bin Mohd Faizal,
Council Member

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 26 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]

URUS SETIA

Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Nadeema binti Kamruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Puan Sumathi Padavadah [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

PKPj. Premraj a/l Isaac Dawson Martin Victor [Pegawai Penyiasat (Bahagian Siasatan)]
Puan Norsyahida binti Alias [Penolong Pesuruhjaya(Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
Puan Zirawati binti Kadir [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit, Cawangan Audit Prestasi 15 (MOF), (Bahagian Audit Prestasi III)]
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit, Seksyen Prestasi 1, (Bahagian Audit Prestasi III)]
Encik Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit, Seksyen Prestasi 3, (Bahagian Audit Prestasi III)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Encik Imran bin Abdullah [Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]
Puan Rozalinawati binti Che Roslee [Timbalan Pengarah (Sektoral) (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris [Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan Maklumat Perakaunan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]
Encik Shalleh bin Hussain [Ketua Penolong Pengarah, Unit Perakaunan Negeri dan Agensi (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]

SAKSI

Malaysia Retailers Association (MRA)
Encik Yong Eng Kwang [Vice President]
Encik Mohd Mahrus bin Mohd Faizal [Council Member]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

SELASA, 26 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 1.18 tengah hari

[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat tengah hari saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen ke-15, ahli-ahli ex officio daripada JPA, Kementerian Kewangan, daripada Jabatan Audit Negara, pihak SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan juga Penasihat Undang-undang Parlimen Malaysia, saya siap pandang lagi nampak, ada, okey. Terima kasih kerana hadir pada mesyuarat hari ini ya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini PAC akan sambung semula prosiding yang telah pun diadakan pada 6 Ogos yang lalu berhubung dengan isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak di bawah KPDN. Dan ini adalah merupakan prosiding kita yang kelima membabitkan isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak dan kita telah pun mengadakan prodising yang pertama pada 5 Ogos. Dan kita telah pun mendengar keterangan daripada KSU, KPDN mengenai isu ini.

Jadi hari ini hadir di hadapan PAC dalam prosiding pada petang ini adalah Yang Berusaha Tuan Yong Eng Kwang, Naib Presiden Malaysia Retailers Association (MRA) yang mewakili Datuk Andrew Lim Tatt Keong, Presiden MRA. Dan saya difahamkan juga Tuan Yong Eng Kwang juga adalah merupakan Speedmart 99, boleh terangkan jawatan dalam Speedmart 99?

Encik Yong Eng Kwang [Malaysia Retailers Association (MRA)]: Nama saya Yong. Saya juga ialah Ketua Pegawai Operasi, 99 Speedmart Retail Holding Berhad.

■1320

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, ahli Yang Berhormat juga boleh bertanyakan atas kapasiti Tuan

Yong. Sebab kita sepatutnya memanggil wakil daripada 99 Speedmart, tetapi saya difahamkan tidak dapat hadir pada hari Khamis.

Jadi, kita boleh bertanya terus kepada Tuan Yong atas kapasiti MRA dan juga 99 Speedmart.

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Betul YB. Saya pun wakilkan untuk 28 hari bulan juga *[Ketawa]* Hari ini sekali.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Tapi, kalau Tuan Yong dah ada? Ataupun kita panggil juga? *[Dicelah]* Dah tak perlu panggillah, tak perlu datang.

Okey, yang keduanya Yang Berusaha Tuan Mohd Mahrus bin Mohd Faizul, Ahli Majlis MRA. Jadi, terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan pada petang ini dan juga atas komitmen tuan-tuan. Jadi, tanpa membuang masa, kita akan mulakan prosiding ini. Adakah ada *presentation*? Saya difahamkan ada *presentation*?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Oh, tak ada.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, tak ada. Okey. Jadi, kita bukakan kepada soalan ya. Boleh tak terangkan kepada PAC, apakah fungsi penubuhan MRA ini pada yang utama dan berapakah keanggotaan — berapa ramaikah keanggotaan MRA?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: MRA, so *Malaysia Retailer Association* ataupun Persatuan Peruncit Malaysia. So, kita ialah ditubuhkan sebagai satu persatuan yang merangkumi peruncit-peruncit di Malaysia. Okey. *So,* di *under* satu payung MRA ini, *actually* semua syarikat seperti 99 Speedmart, AEON, Econsave, Mydin, KK Mart, 7-Eleven, AEON, Sogo, semua *under one roof*. Termasuk juga yang *retail, retail* dekat *shopping centre* seperti Chanel, Adidas pun ialah *under RMA member.*

Currently kita dah ada hampir 300 ahli di bawah RMA. Sebagai satu persatuan yang mewakili suara peruncit-peruncit di Malaysia. So, kita sentiasa ada berurusan dengan KPDN, berurusan dengan Kementerian Pelancongan untuk membawa pelancong ke Malaysia dalam — dari segi *so-called* — ini Cuti Cuti Malaysia, berbelanja di Malaysia. *So*, ini ialah ringkasan berkaitan dengan MRA.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bila MRA ditubuhkan ya?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: MRA ditubuhkan — kejap ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan, soalan tambahan daripada saya, adakah keahlian MRA itu atas dasar sukarela ataupun apakah — dan yang keduanya apakah *benefit*, keistimewaan yang diperoleh sekiranya mereka menganggotai MRA?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Ahli-ahli yang kita join MRA ini, kita kenakan *minimum charge*, okey. Setahun, ada yang RM2,000, ada yang RM3,00 *based on* keahlian tersebut. *So, benefit* yang *join* MRA ini, kita dapatlah info yang berkaitan dengan info daripada — contoh kerajaan. So, kita akan ambil daripada info ini dan kita akan bagi tahu *so called distribute to our members*. So, dia orang lebih faham tentang dasar dan juga hala tuju kerajaan.

Kedua, kita akan sebagai satu persatuan yang kita akan mengumpulkan data-data statistik pembelian dan juga *spending power in Malaysia.* Melalui data ini, ahli-ahli — *members* boleh rujuklah dan dapat ini trend pembelian di Malaysia.

So, MRA ditubuhkan pada Jun 1982. *Founder* dia sebenar ialah boss Parkson, Tan Sri Datuk Sri Utama William Cheng.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah lama dah eh, MRA ini ditubuhkan. Dan, soalan saya seterusnya, adakah MRA ini mempunyai segmen-segmen? Contoh maksudnya — peruncit yang — kedai-kedai ada isu *on* minyak masak ini ada dibincangkan dalam MRA dalam kumpulan MRA? Ada tak untuk isu minyak masak ini ada usaha ataupun ada perbincangan dibuat di kalangan *retailers* MRA?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Perbincangan ini ada, tapi dia ialah *back* kepada *I think,* satu tahun yang lepas, okey. Sebab ini bagi kita dah jadi satu trend. Apa yang kita bincang ialah kekurangan stok di antara kalangan kita peruncit. *So*, data sebenarnya YB, kita tak kumpul tapi kita sendiri adalah data daripada peruncit-peruncit.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tapi apakah faktor utama permasalahan yang berlaku yang disuarakan oleh peruncit-peruncit apabila dibincangkan tentang perkara itu bersama dengan MRA berkenaan dengan kekurangan minyak masak dan sebagainya? Satu.

Yang kedua, apakah yang permasalahan yang telah pun dikenal pasti puncanya?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Saya terangkanlah. *For* peruncit, kita sebenarnya minyak paket ini ialah kita anggap sebagai satu servis. Untuk kita peruncit, minyak paket sebenar tidak membawa keuntungan kepada kita.

Pada halnya, kita kena keluar lagi kos. Jual kepada pelanggan RM2.50. *Sometimes* kita dapat RM2.48, RM2.45. Paling murah RM2.40. *So*, ini ialah kos yang kita dapat. Belum campur lagi kita kena *employ* pekerja, *transport,* logistik hantar pergi ke cawangan. *So*, ada pula *repacker* sebenarnya kalau kita *alias* dengan dia, apa yang dia *require our* peruncit, *you* kena pergi angkat sendiri maksudnya. *So*, dia

tak hantar pergi ke — *either* gudang kita ataupun kedai-kedai peruncit. Dia tak hantar. *You* yang kena sediakan lori, datang ke *repacker*, ambil sendiri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *And cost* pun bertambah lagi.

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Kos bertambah. Kedua, *you* kena *pay by cash. You* tak boleh hutang-hutang, *no credit. Pay on the spot* baru ambil minyak. *So, that's why* bagi peruncit kalau kita cakap ini ialah satu servis. Kalau cakap untung, dia tak untung. Setakat berapa kuota yang kita dapat, itu yang kita juallah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Disebabkan itu, boleh tak saya nyatakan di sini, benar atau pun tidak, mungkin Tuan Yong boleh mengesahkan. Disebabkan itu, banyak peruncit tidak mahu mengambil banyak stok, sebab akhirnya nanti bebanan itu akan diletakkan kepada peruncit-peruncit apabila mereka mengambil stok yang banyak.

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Ya. Betul YB. *So, that's why* saya cakap ini adalah satu servislah. *That's why* kita pun tak *demand*-kan. Ada berapa stok, itu yang kita jual. *So*, dia ada banyak benda yang kita dalam pengurusan minyak paket ini. Untuk jual minyak paket, *first* ialah kos. Kos itu ialah sangat tinggi, okey.

Kedua, dia kena mengurus dari segi pengawalan. Satu *family*, kita kena kawal tiga paket. *So, sometimes* kita hadapi pelanggan. Rungutan daripada pelanggan. Pelanggan *even* gaduh dekat cawangan pun ada, sebab kita limit tiga. So, dia ulang-alik. Dia keluar masuk, keluar masuk *until* kita cakap "*Stop*-lah encik, *you* dah beli banyak kali". Tapi dia cakap, "Mana ada *law* kawal macam ini".

Lepas itu, ada yang suruh *even foreigner*, staf dia datang beli. Kita tak benarkan. *For Malaysian*. Tapi dia pula — majikan dia *call* pergi ke *customer service*, dia nak kita tunjukkan mana satu *Malaysian law* yang menunjukkan bahawa *foreigner* tidak boleh beli minyak paket? *So*, ini ialah dari segi pengurusan.

By right, kalau kita info yang kita MRA dapat, maksimum kuota ialah 60,000 metrik tan sebulan. Tapi padahalnya, apa yang kita tahu ialah dekat market ialah — *I think* ialah 19 — tadi ialah 60,000 metrik tan, tapi apa yang dekat market ialah 19,000 metrik tan sebulan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Semalam baru kata 30,000, ini 19,000 je?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: 19,000 saja. Sebab...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, saya nak faham, *who sets the quota? Who sets the quota?*

■1330

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Ini ialah daripada— set kuota ini *I think 60,000* ialah daripada, kuota ini daripada 2016 lagi tapi siapa yang set kuota ini saya memang tak tahu. Tapi *19,000 metric tonne* kuota ini, kita dapat ialah kiraan daripada Belanjawan 2025. Belanjawan 2025 menunjukkan peruntukan untuk minyak paket *subsidised* ini ialah *total* nilai dia ialah RM916 *million. So, after you* buat kiraan dengan harga minyak semasa, *so* dia membawa kepada maksimum sebulan *19,000 metric tonne.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi nak tanya, adakah semua *retailers under MRA?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Semua *retailers* yang besar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang besar?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Besaq* punya lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So 19,000 is under your radar?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *No. 19,000 metric tonne* ialah satu negara termasuk kepada *so-called* kedai-kedai runcit.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang *not under MRA?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Not under MRA.* Semua kena kongsi *19,000 metric tonne* ini.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, where's the other 30,000 minus 19,000.* Mana pergi?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. *How do you justify* yang besar dan yang kecil? *Then can you also explain, in Sabah how many is consider* besar *and in* Semenanjung? *Can you maybe just give us a rough figure.*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Maksud YB ialah besar itu ialah *retailer* yang besar?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Because just now you said are only retailer* yang besar *is in your MRA, right?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Betul.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *So how do you justify is* besar *and how many total members in Sabah and also Semenanjung?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Sabah Sarawak kita kena *calculate again.* Tanya *Suirngam. For us actually* kalau *you* ada dua cawangan dan ke atas, kita *consider you* besarlah. *So register under MRA. By* kedai-kedai runcit, *actually* dia orang diwakili oleh ini ialah Persekutuan Peruncit-peruncit Malaysia, *under another*

satu peruncit. Itu ialah mewakili semua runcit-runcit kecilan. *I think* itu *member* banyak. Ada 20,000. Itu ialah *so-called solo. One* kedai runcit itu, biasa dia tak *join* MRA. Dia *join another* peruncit persatuan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *And your total members?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *300.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sandakan dulu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih YB *Chairman.* Saya nak bertanya sikit. *You* sebut pasal minyak subsidi ini, *you* tak buat untung kan? *Your cost more than the sale price.* Pertama, apa sebabnya? Boleh tak kongsi dengan kita *your costing?* Sebab pelik juga bagi kerajaan, peruncit-peruncit ini untuk jual paket bersubsidi tetapi mereka terpaksa mengalami kerugian. *Something* yang pelik. Boleh *share* dengan kita *the costing* tak?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Contoh YB, saya ambil satu contoh lah. Kita ambil daripada FFM yang jenama Seri Murni, minyak paket sekilo. Kos bagi kita ialah seunit RM2.45.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: RM2.40? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: RM2.45.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tinggal lima sen lagi. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Lima sen. Tapi ini belum campur *transport.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *You* tak pernah bincang lagi dengan kerajaan, KPDN, isu ini?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Kita pernah bincang berkenaan isu ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Siapa yang nak buat berniaga tak untung. Kalau *breakeven* pun *it's not good already. You* tak pernah bawa perkara ini kepada KPDN?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Ada. *By right YB,* cadangan daripada *member,* daripada peruncit-peruncit, *actually* kita— ini ialah satu servis yang kita *so-called* tak untung. Kita harap ialah kalau *for us,* RM2.50 kawalan macam ini, dimansuhkan. *So* subsidi bersasar. Terus pergi ke orang yang memerlukan. *So* biar terapung. Apungkan *market* ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh apungkan.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Hmm?*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Just* apungkan *the market?*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Yes.* Bekalan akan ada. Sebab kalau minyak— kalau kita cakap kita tak mahu cakap minyak subsidi lah, minyak paket.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Minyak paket ya.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *So* kalau kita cakap minyak botol sekilo, itu ialah *not* subsidi. *Not subsidised by government.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Right, right.*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Dah RM6.50. *That's why* ini bekalan tidak akan mencukupilah *for us.* Minyak paket subsidi, sejarah dia adalah daripada 2007, skim ini. Di-*introduce*-kan 2007.

Saya bekerja dengan 99Speedmart *start* daripada 2006. 2007 saya punya pengalaman bagi saya tahu, daripada 2007, skim ini diperkenalkan *until now,* 2025 bekalan tidak pernah mencukupi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *You* sebut tadi pembeli hanya boleh ambil tiga paket saja, kan? *You* punya ahli-ahli semua *very strict* lah. Dekat kampung saya, berapa paket pun boleh ambil. Dia orang tak tanya. Saya tengok sendiri. 10 paket pun ada *[Ketawa]. Maybe you* punya ahli baguslah, *very strict.* Tiga paket, tiga paket. Tapi dia tak berlaku di banyak tempat termasuk restoran-restoran besar pun beli banyak.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Actually* YB untuk minyak paket, *domestic users,* peniaga tidak dibenarkan. Tapi ini yang menjadi kita sentiasa— kita *so-called* bergaduh lah dengan pelanggan yang mana peniaga itu *insist* nak beli. Ini yang menjadi masalah. *So why,* kenapa kita ikut YB tiga paket *per family. Enforcement* daripada KPDN sangat tegas dan dia sentiasa mengambil tindakan ke atas peruncit-peruncit besar ini. *So* kita kena pesan kepada staf kita, ikut. *Even* kita pernah ada KPDN *enforcement officer,* dia *rush into our storeroom,* kita ada minyak paket dekat dalam. Belum sempat *top up* pun kena saman. Sebab cukup cepat. *Once you top up,* sekejap sudah habis. Belum sempat lagi nak pergi *top up* lagi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya Tuan Yong punya— pada pandangan Tuan Yong, peranan yang dimainkan oleh pihak KPDNKK dari segi penguatkuasaan itu sangat memuaskan?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Memuaskan lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sampai kadang-kadang pula ada menyusahkan? *[Ketawa].*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Tak ada *[Ketawa].*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada menyusahkan.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Actually,* kita *agree* lah tiga paket *per family.* Kalau kita tak ada *limit*-kan, memang tak cukup lah. Satu pelanggan datang terutamanya peniaga, yang jual goreng-goreng pisang itu. Sekarton pun tak cukup.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab dalam data Audit Negara, sebanyak RM10.8 bilion subsidi telah pun dibuat untuk empat program daripada tahun 2019 sampai Februari 2025. Ini angka yang cukup besar. Sebab itu penguatkuasaan yang dibuat oleh KPDNKK itu sangat penting untuk memastikan segala semua *level* itu mengikut aturan yang telah ditetapkan. Saya nampak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *How to enforce?* Boleh saya tanya Pengerusi. Satu keluarga tiga paket ya. *How do you know?* Orang datang dia yang maksimum dia boleh beli adalah tiga *polybag* sahaja lah. Tapi kita tidak tahu sama ada dia keluarga ada 10 orang. 10 orang, setiap orang datang beli tiga paket, kan?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: YB, daripada— kalau ikut *law,* dia memang tak ada cakap *limit* ini. Ini ialah inisiatif daripada KPDN *themselves* yang bagi arahan ini. Tapi arahan ini bukan kepada *family.* Dia adalah mengehadkan tiga paket minyak per transaksi. Satu transaksi tiga paket. *So* orang ambil kesempatan ini, keluar masuk. Dia sekarang beli satu transaksi tiga, dia keluar, pergi kereta letak. Dia masuk balik, dia beli lagi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey saya nak tanya. Kan KPDN ada memperkenalkan Sistem eCOSS. *So* maksudnya setiap pembeli selepas ini mereka boleh beli sekiranya mereka menunjukkan. Okey dari sudut peruncit, adakah perkara itu menyukarkan peruncit-peruncit dalam membuat setiap transaksi ataupun bagaimana? Dari sudut pandang peruncit.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Untuk pengetahuan YB, ini ialah *so called* projek perintis daripada KPDN. *Start* daripada Johor. *So* belum sampai satu negara. *So* kita pun tak berapa fasih lagi tentang mekanisme ini. Tapi *for us* kalau ada satu *mechanism* yang boleh *control, I think* ialah bagus. Tapi kena lah *so called user-friendly* .

■1340

Tapi *I think our Malaysia very fast to adapt into this system* daripada MyKasih. Orang-orang tua pun pandai guna sekarang.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *You, yourself* tak pernah tengok e-COSS punya sistem itu melalui telefon bimbit?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Belum lagi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Belum. Tak pernah lagi?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Belum.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Belum cuba lagi?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Belum.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey Datuk Wira, saya cuba nak faham. *We are* — kita PAC ini, *we want to get to the bottom of the problem. Problem*-nya kerajaan kata dia dah bagi subsidi itu dan ini banyak juga tetapi *customer* kata tak ada dekat kedai, kan? *And you are saying that, okay your limit* satu *family*. Satu *family* ya tiga peket, *three kilos* minyak. Dikatakan semalam lah kita orang dengar ini ada 60,000 metrik tan *of this* COSS ini, subsidi. Minyak subsidi ini. *And you are saying today*, ada hanya 19,000 yang digunakan, betul kah itu? *Am I trying to get* apa.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Betul YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, and* — dan juga *we understand* dia kata *this is part of your CSR* lah kalau tak jual pun tak apa, kan? *It doesn't make* untung *for you retailers* kan? *So, how do you help the* rakyat yang kata dia tak dapat minyak *and you* pula kata *you* tak dapat untung *and you are using your people* masa, *storage and all that* lah, kan? Segala api, air *and all that costing operational cost for this non-profit* punya kan? *Non-profit* punya *selling* minyak bersubsidi ini. *So*, yang kata tak cukup ini, *is it really* tak cukup kah *or is it* yang saya katakan tadi is not ROI-nya tak ada sangat. *What is the actual problem*? *We want to go to the source of the problem*.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: YB, walaupun ini ialah satu kita *so call* SKU lah. SKU ialah item jual, okey. Dia tidak menguntungkan tapi kita tetap kena jual. Ini ialah kepada kebaikan rakyat. Kalau boleh kita nak dapat lebih tapi memang dekat pasaran ialah tak ada. Ini ialah *based on* kalau kita cakap maksimum kuota ialah 60,000 metrik tan, saya buat kiraan ialah tak dapat sebab Belanjawan 2025, peruntukan untuk minyak peket subsidi ialah RM916 *million, divided by* pasaran kalau sekarang jual RM2.50, saya dah cakap sekarang punya pasaran sekilo minyak ialah RM6.00 *plus*. *So*, perbezaan ialah RM4.00. *You* guna — naik RM916 *million* bahagi kepada RM4.00, *you* cuma akan dapat kuota ialah 19,000 metrik tan. Kalau 60,000 metrik *times* RM4.00.

Okay, negotiation sangat baik lah, RM3.00. Itu ialah wang yang lebih besar. Mesti melebihi paras RM916 *million. So,* ini ialah kiraan yang saya dapat. *So, plus and minus* 200,000 metrik tan dekat pasaran, tidak mungkin 60,000 metrik tan. Kiraan, kalau kita cakap dia *why* 19,000 metrik tan, ini ialah satu angka yang boleh dipercayai sebab kalau kita *control* satu transaksi tiga, saya anggap per *family* tiga kilo, dia akan menjadi enam juta plus. Enam juta plus ngam-ngam cukup untuk B40 dan juga M40 keluarga. Tapi isu sekarang ialah peniaga pun nak. Ini yang menjadi susah nak *control.* Kalau ikut DOSM, isi rumah penggunaan minyak ialah dalam *four point something to five kilo, maximum* lah, sebulan. *So*, ini ialah satu angka yang kita boleh kira lah.

Tapi kenapa isu tak cukup ialah saya percaya peniaga. Daripada pengalaman bagi saya tahu sentiasa subsidi tak cukup ialah sebab peniaga.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maksudnya memang tak cukup beg minyak? Memang tak cukup? Bukan dia *somewhere* pergi ke Siam, pergi ke Indon ke mana kah? *We talking about* Malaysia, *consumption of Malaysia, from your point of view cause* kita yang daripada *source lain... [Dicelah]*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Kalau YB merujuk kepada berapa metrik tan, *60,000 or 19,000*? *Currently 19,000* ah cukup. Tadi saya dah cakap, kalau satu *family* tiga kilo minyak... *[Dicelah]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *19,000 is* cukup?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Cukup *for* B40 dan M40. B40 *and* M40 *family* dekat Malaysia ialah *six point something million* saja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So*, 60,000 *is* lebih daripada cukup?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Lebih daripada cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] No is not 60.000 is 19,000 you* cakap?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] No, no.* Semalam lain.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: 19,000. Kalau kuota 60,000 lebih daripada cukup. *That why I think* ialah daripada dulu *I think yes, 60,000.* Tapi *I* rasa lah ketirisan berlaku. *That why* kita *control.* Banyak berlaku yang tadi YB cakap seludup pergi ke luar negara, ada. *My staff even* cakap Sungai Golok dia pun dapat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan Yong mewakili 99Speedmart, saya difahamkan terdapat banyak cawangan di seluruh Malaysia yang semakin bertambah. *If I am not mistaken* dalam 2,000 lebih, betul? Jadi bagaimana kah — mungkin boleh kongsikan dengan pihak PAC,

bagaimanakah pihak 99Speedmart menguruskan dalam mengambil stok minyak masak ini untuk seluruh kegunaan di setiap cawangan 99Speedmart.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Kita memang ada berurusan dengan pembekal, *re-packer* dan juga ada *some re-packer* ialah *recommend by this* KPDN untuk kita pergi berunding dengan dia ambilkan stok. *That's why* setiap *re-packer* bagi kita punya harga ialah berlainan.

Okey, dan untuk pengetahuan YB, *actually* minyak peket ialah CP8. Minyak botol ialah CP6 or CP5. So, *filtration* dia. Kenapa boleh ada yang lebih murah sebab ialah CP8. Tapi harga memang berbeza. Pengurusan dalam minyak peket ialah kawal *by* KPDN, tidak boleh merentasi sempadan. Maksudnya, negeri *by zone*. Tapi *for us,* kita ada 2,000 lebih cawangan okey. Sebenarnya kita perlu lah *transfer* lah untuk cukupkan kepada setiap kawasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Tapi Pengerusi dan macam YB Kapar yang tanya tadi. Semalam pihak kerajaan — bukan. Semalam bukan pihak kerajaan. Semalam itu syarikat. Syarikat PORAM *refiners association.* Mereka yang kata 60,000. *That why I think accounting* yang angka mana yang betul lah? Semalam dia kata 60,000 — 6,000 *is about subsidize oil* ya? 60,000 dan bagi PORAM, mereka rasa 30,000 sudah pun cukup lah. *So*, sekarang kami dengar daripada Tuan, sebenarnya adalah lebih kurang 20,000 sahaja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] 19,000.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: 19,000 — *okay. Let say* 20,000 sahaja*. So, that is a gap a 40,000. This 40,000* mana pergi lah? *Am I right*? *You know you are also questioning this big amount* yang manakah 40,000 ini pergi. *I think they should ask KPDN to give us an answer also. And also, I am not sure whether* itu 60,000 dia betul-betul kerajaan ada bagi kah *or just figure you know in general*?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Betul YB. *That why* peruntukan itu kalau kita boleh dapat tahu, kita akan dapat kira. Kalau saya kira *60,000 metric ton. 60,000 metric ton times* subsidi kalau RM2.50, *government* kena *subsidize about RM4.00 times four.*

■1350

Sebulan, subsidi kena cecah RM240 *million.* Kalau saya *times* setahun, dia akan mencecah — saya punya *phone* pun kena pusing. *[Ketawa] RM2.88 billion. RM2.88 billion* — 'b'*, boy. Billion.* Banding dengan data saya, Belanjawan 2025, peruntukan untuk subsidi ialah cuma RM916 *million,* 'm' untuk setahun. Jauh beza. 2.88 banding dengan *0.916.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bermakna, *just to get this straight, so you were saying,* kalau 19,000 metrik tan, dia ngamlah dengan *what you said. The subsidy,* kan? Sebab *this is* minyak subsidi. Bukannya botol itu, kan? Yang disubsidi oleh kerajaan. Kalau 60,000 metrik tan, subsidi itu tak cukup. Dia lari, kan? *So, that's why we have to ascertain which one is the real subsidy.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Chairman, one-*lah. Kalau *you* kira tadi RM4, ertinya satu bulan RM240 juta. Ya? Satu tahun, *RM2.88 billion?* Betul?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Betul, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Where is the money?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau 60,000?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 60,000 tan kali dengan 1,000, baru dapat kilogram. *[Tidak jelas]*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *That's why,* saya cakap Belanjawan 2025, kalau senang cakaplah ialah RM1 bilionlah, dengan 2.88 jauh beza. Jauh beza.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lebih tiga kali.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Laporan Ketua Audit Negara melaporkan penjualan pukal kepada pengusaha restoran dan juga penjaja. Jadi, apakah jenis tekanan yang dihadapi oleh peruncit daripada pembeli pukal ataupun komersial ini?

Mungkin, boleh kongsikan dengan PAC dan apakah bentuk sokongan ataupun perlindungan yang diperlukan oleh peruncit daripada pihak KPDN untuk membantu pihak peruncit? Maksudnya, menolak permintaan sedemikian.

Maksudnya, ada pihak yang nak minta lebih dan sebagainya, yang memberi tekanan kepada pihak peruncit, yang mana bantuan tersebut boleh dimaklumkan pada pihak KPDN. Boleh kongsi tak dengan pihak PAC? Tanpa ia nya menjejaskan perniagaan peruncit.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Maksudnya YB ialah macam mana nak melindungi peruncit ini daripada tekanan, daripada peniaga-peniaga, betul tak? Untuk beli minyak paket? *I think,* kena ubahkan — mengubahkan aktalah. Menjadikan dia sebagai satu *law.*

Sebab, sekarang ini pengguna pandai. Dia *tends to* ambil *law* untuk *question us. Where is the law? Show us. So,* ini yang kita cuma boleh beritahu ialah arahan

daripada KPDN. *That's why,* kita *keep in — keep memo* KPDN juga. Apa yang kita boleh tunjuk ialah memo. Kita ialah ikut arahan kepada — daripada kementerian.

Actually, for us, minyak paket memang tak cukup. *For* peniaga, kita ialah *push* dia pergi ke minyak botollah. Yang mana buat *promotion, you* beli itulah. Minyak Buruh ke, minyak Seri Murni lima kilogram ke. *Actually, for* peruncit ini, dia kenalah. Dia kena tahulah. Bukan peruncit, peniaga seperti *hawker* semua.

Minyak paket ialah memang tak cukup punyalah. Tetapi, apa boleh buat? RM2.50 dengan RM6.50, beza RM4. Dia *tends to sourcing for lower price.* Tetapi, apa yang kita harap KPDN boleh buat ialah kalau *continue* subsidi minyak paket, *law* itu kena ada. Undang-undang kena ada. Jangan cuma arahan. Susah kita nak kawal *public* ini.

Tetapi, *for us* lebih baik kita punya cadangan ialah mansuhkan subsidi ini. Kita bukan cakap mansuh subsidi tetapi subsidi ini bersasar. Terus pergi ke golongan yang perlu. Kalau saya kira, kerajaan kalau menggunakan subsidi bersasar, jauh kurang daripada RM1 bilion yang kena keluar untuk minyak paket ini dan memang kita dapat mengawal ketirisan.

Ini ialah daripada bertahun-tahun kita bincang dekat persatuan. Okey? Bersasar. *So,* kita senang. Stok memang ada. *Examples,* saya bagi tahu YB. Setiap kali kalau kerajaan buat subsidi, memang bekalan stok ada masalah. Termasuk juga, dulu ayam, telur. Telur kalau ikut pengalaman saya, dekat 99 Speedmart, setiap cawangan saya ada dua pembekal.

Satu ialah Lay Hong Bhd. Satu ialah QL Bhd. Dua-dua ialah jual telurlah, bagi telur. Sebelum *government control* telur itu, stok memang banyak. Kita Malaysia ialah terkenal dengan pengeluaran telur. Ada banyak ini *poultry company* berhad, *listed company. Even,* kecil-kecil pun boleh cari makanlah, yang mana *poultry* yang kecil.

Memang stok banyak. *Until,* kita boleh eksport. Kalau pergi Singapore, kebanyakan ialah *Malaysian eggs produced. Even,* kita boleh eksport pergi ke Hong Kong. Tetapi, *once* kalau kerajaan *control* hari itu, bekalan stok tak cukup. Pengalaman saya dekat cawangan. *Once* sebelum kerajaan *control,* bergaduh. Dua pembekal bergaduh.

So, kita dah set pembekal A ini, dia datang pada Isnin, contoh. Pembekal B dia datang pada Jumaat. *So,* Isnin ini, dia datang, dia turun banyak stok. *So,* Jumaatnya, *second* pembekal ini dia datang, dia tak dapat turun, dia marah. Wah, macam ini mana boleh. Itu ialah waktu kerajaan tak ada *control* telur itu.

Once controlled sebab subsidi *paid to poultry, I think YB* semua tahulah sebab kos punya masalah semua. Dia pun tak mahu bela ayam. *That's why, controls* bekalan *until* bekalan tak cukup. Dua pembekal pun tak cukup. Kita panggil dia, dia

tolak dia. Kita panggil dia turun, dia tolak dia. Sebelum kawalan *by* kerajaan, berlambak stok. Kawalan *by* kerajaan, kurang stok.

So, I think ini kena diapungkan. Subsidi bersasar. Bekalan *confirm* cukup. Pernah sekali lagi, ini *experience* saya sendiri. Bergaduh dengan *customer.* Waktu *I* lupa, mana satu tahun sudah, *control* gula. Gula menjadi tak cukup. Ini menjadi isu negara. Ini gula pun tak cukup.

Sekarang, YB kalau tanya saya, gula cukup. Banyak. Okey. *Once controlled,* bekalan menjadi masalah. Kalau subsidi ini, *that's why* pengalaman kita, jangan *control. That's why you* tengok kejayaan KPDN dalam menguruskan ayam dan juga telur ini, kurangkan subsidi, ayam dah tak ada subsidi semua, bekalan cukup. Tak menjadi masalah.

Harga macam mana? Harga pun murah lagi. Sebab, YB saya boleh bagi tahu. Peruncit-peruncit ini pun cari makan. *Pricing,* kita dah *so-called internal regulations. Regulate ourselves. Self-regulations.* Kalau Lotus jual mahal, Giant jual murah, orang pergi Giant. Tak mahu pergi Lotus. Kalau Speedmart naik harga, orang pergi lain tempat.

So, antara kita pun dah *competitive*-lah. *Competition.* Tak ada orang akan pergi jual murah — eh, jual murah pula. Jual mahal. Siapa nak pergi *you* punya kedai? Satu lagi pembekal telur, sama juga. Kita ada Lay Hong, ada QL, ada Huat Lai, ada Teo Seng. Kalau dia bagi saya punya harga mahal, saya tak ambil stok dengan dia.

Okey. Telur *freshness* ialah sebulan. Berapa lama *you* boleh tahan, pembekal ini? Saya ambil dengan Lay Hong, saya ambil dengan QL. Teo Seng *you* mahal, saya tak mahu ambil dengan *you.* Seminggu, dua minggu, *third week* dia akan datang jual murah kepada saya. Kalau tidak, telur dia akan buang. *So, self-regulate.*

Kerajaan dah ada cukup akta untuk mengawal. Anti Pencatutan Harga. *So,* untuk *control pricing* tersebut. *So,* tidak perlu subsidi. Subsidi *direct* pergi ke golongan sasar. *Thank you,* YB.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya tertarik jugalah dengan komen tuan tadi mengenai subsidi bersasar ini.

■1400

Jadi, setujukah tuan bahawa kita lupuskan segala program COSS ini, jangan lagi buat *repacking* plastik satu kilogram lagi? *You* buat satu produk sahajalah. Satu produk untuk semua orang dan untuk yang kumpulan yang memerlukan itu, B40 contohnya, M40, mungkin kita bagi subsidi bersasar. Kerajaan, macam kita bayar duit SARA itulah.

Jadi, kalau B40 mungkin dia — kelayakan dia sekian. Yang M40 sebab dia mampu lagi, mungkin dia punya subsidi itu dikurangkan dan kerajaan membayar secara bersasar, terus kepada penerima-penerima ini. Sebab sekarang dunia digital. Kita semua ada data dan maklumat itu. Jadi, setujukah kalau kita buat dia cara macam itu? Terima kasih.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: YB, setuju. *I* tadi pada awal saya dah cakap *Malaysian is very wonderful, very* hebat. *So, we adapt to the current situation very fast like — For information* YB, Malaysia ialah *advance*. Kalau saya cakap tentang *retail* ini, kita ialah *advance*. Kita guna *bio-bag*, kita guna *recycle bag, Singaporean* masih guna *plastic bag*. Dia *advance country*, tetapi dia guna *plastic bag.*

Starting, I think YB Kapar, *I think* YB pun tahu Kerajaan Selangor *starting* guna tak ada plastik. Caj RM0.20, orang marah gila. Kita peruncit susah tetapi sekarang macam mana? Semua dah biasa. *So,* 99 Speedmart menjadi perintis. Kita — *I think* YB Nik Nazmi lancar, *I think* dah dua tahun dah. Kita ialah *first retailer* yang *totally* tak ada bagi plastik. Okey.

Kita guna *recycle bag. Recycle bag* 99 kita jual — buat jualan dekat sinilah. Saya *introduce RM2 recycle bag* ini ialah sebagai deposit. *Customer pay* RM2 seumur hidup. Rosak, tukar dengan 99. Kalau *recycle bag* tak mahu, pulang balik kepada 99, kita pulang balik RM2 kepada *you*. Tak payah dia keluar wang.

Kalau tidak, dulu kita sakit kepala. Sebab kenapa? Majlis, setiap majlis berlainan. Dekat Selangor RM0.20, dekat Melaka RM0.20, Pulau Pinang RM0.50 jadi RM1. Ada yang kita kena pulang balik wang ini kepada kerajaan negeri. Ada yang cakap seminggu kena sekali, ada yang cakap dua minggu sekali, ada yang cakap sebulan sekali. Akhirnya, kita mansuhkanlah. Tak mahu guna *plastic bag* lah, guna *recycle bag. So*, masih berjaya *until now*. *That's why* subsidi ini boleh dikurangkan.

Tetapi, kita tak mahu *totally stop. Totally stop*, orang marah. Mungkin beransur, kita dah kena kurangkan. Lepas itu, kita guna *alternative way* untuk bersasar. *I always calculate.* Kalau kita bantu *family for B40. B40, I think three point something million. I calculate per family* ialah *RM4 million*, kita bagi peruntukan kepada dia tiga kilogram cukuplah. Tiga kilogram, RM12 kali dengan setahun baru guna RM576 *million*. Jauh beza, kurang daripada kerajaan peruntukkan. Sekarang ialah RM916 *million. I think* bersasar lebih bagus. Itu pun ialah kiraan yang saya dah *up*-kan.

So, saya memang bersetuju apa yang YB cakaplah. Kita bukan mansuhkan, kita guna cara yang lain untuk kita bagi dekat B40.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya sokong Tampin.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *Chairman*, sikit ya. Soalan tambahan kepada Encik Yong ya. Saya sangat setuju ya pandangan tadi. Kita berbalik kepada — prosiding ini ialah untuk kita memantau dan melihat Laporan Ketua Audit Negara yang sangat seriuslah ketirisan minyak masak bersubsidi ini. Ya lah, dia kalau tidak ada penyelesaian yang tuntas ini, kerugian di pihak kerajaan itu akan berterusan.

Kalau tengok 2024 sahaja, laporan mengatakan lebih — maknanya 55,000 kg minyak masak ini yang tidak — yang dijual kepada bukan pihak yang sepatutnya terima subsidi kan. Dalam soal peruncit ini, khususnya kerajaan dia *test* untuk nak *apply* subsidi bersasar ini iaitu pembelian minyak masak paket ini hanya maksimum tiga paket di setiap pembelian itu. Jadi, itu pun banyaklah orang yang ambil kesempatan juga. Dia cilok itu.

Jadi, bagaimana kaedah yang sekarang ini dilaksanakan oleh *you* punya kedailah? Dari segi kaedah pembelian itu untuk dia tidak — maknanya dia kena *follow* pembelian individu itu untuk tiga paket itu. Sebab diberitahu kita nak kena verifikasi menggunakan MyKad ya. Jadi, itu juga nampak ada *loose* soal keberkesanan proses pembelian itu. Kalau sekarang juga, dia perlu beli maknanya secara *cash*. Maknanya untuk nak rekod berapa orang yang — nama dia yang beli minyak paket itu.

Jadi, itu juga pun nampak gagal ya. Saya nampak gagal untuk kita nak memastikan bahawa pembelian minyak itu betul-betul bersasar. Jadi, kerajaan sebut, *you* pun sebut tadi. Subsidi bersasar, tetapi mekanisme untuk nak laksana itu bukan mudah kerana akan ada orang *manipulate* benda itu. Dia kedai, dia restoran besar. Dia suruh dia punya pekerja dia pergi beli, kata untuk individu, tetapi dia bawa balik untuk restoran dia. Jadi, macam-macamlah orang akan buat, kan?

Jadi, *you* nampak tadi — maksudnya, mungkin boleh detilkan lagi bagaimana nak masukkan mungkin dua, tiga langkah awal subsidi bersasar itu yang kalau kita nak *apply* supaya — maknanya kita kena mula dah proses itu, untuk ke depan ini. Baik, terima kasih.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Kita sebenar ada kaji berkaitan dengan kekurangan stok semua. Kenapa *re-packer* minta kita bayar *cash*, dia minta kita pergi ambil sendiri? Dia pun *facing* masalah. *I* tak berapa ariflah tentang *plan* balik. Tetapi

pengalaman saya, ada daripada pihak kerajaan ambil stok dengan saya. Saya tiga bulan baru dapat *claim* balik *money* tersebut.

So, for re-packer, kalau subsidi ini dia tak dapat *claim* dengan cepat, *cash flow* dia akan jadi masalah. *That's why* dia perlu *cash* dengan kita. Kalau tidak, dia tidak dapat buat. *So, for me,* kalau *I* ialah *re-packer*, lebih baik saya *repack* dalam botol, saya jual harga biasa. Saya *cash flow* tak jadi masalah. *That's why* dia *tends to limit* dalam *packing* minyak paket. Ini ialah salah satu faktor.

For us peruncit, YB yang cakap tadi, kita macam mana nak kontrol. Memang kita kena kontrol*. For us big retailer, enforcement* ialah sangat *strict.* Saya kena beberapa samanlah. Ribu-ribu setiap kompaun kena bayar, daripada KDPN. Itu pun ialah tadi yang awal-awal saya cakap dengan YB. Kita tak sempat *top up*. Dia serbu stor, dia cakap kita sogok. Kita simpan.

Beberapa Ahli: Sorok, sorok.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Sorok. Sogok pula. Sogok. *[Ketawa]* Sorok minyak, okey. *For us big retailer*, kita tak perlu untuk simpan minyak inilah. Memang kita untuk juallah. Okey. Tetapi, apa boleh buat? *After* bincang, bincang, kompaun pun kena bayar. *So*, apa mekanisme kita ialah jangan simpan dekat dalam. Ada berapa you dapat, kita pesan kepada staf kita, "*Susun habis. Habis, you susun lagi. Jual sehingga habis. Cepat-cepat jual habis*". Ini yang kita boleh buatlah. *So*, kita pun tak nak nanti kita ambil risiko.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, adakah ini mungkin kerana di sesetengah tempat, *let's say* Damansara, PJ, Bangsar. Penduduk dia dekat sana adalah lebih macam golongan atasanlah. Mereka tak akan beli ini *polybag oil*. Jadi, mungkin lebih stok haruslah dijual di mini market yang dekat dengan rumah pangsa, PPR dan sebagainyalah.

■1410

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Ini susah kontrol YB. Kita tak boleh kontrol *by* lokasi. Sangat susah. *So*, sebab kita sekarang pun *facing* kalau KPDN pun kontrol tak boleh rentas sempadan maksudnya dia kontrol *by* negeri memang tak cukup. Kalau *you* kontrol *by* negeri, kalau *you* kontrol *by* kawasan lagi susah. *So I* think ialah kalau *mechanism* kita peruncit ialah kita ambil tanggungjawab kontrol tiga paket per transaksi apa lagi *mechanism* yang kita boleh melaksanakan ialah bersasar— kita tahu susah.

Tapi ada banyak contoh yang kita berjaya menggunakan aplikasi sewaktu COVID kita berjaya guna aplikasi MySejahtera setiap orang guna. *So, even* sekarang berjaya ialah daripada Kementerian Kewangan MySARA guna IC, guna IC pergi kat peruncit. Paling baru information ialah mencecah 7,000 peruncit di seluruh negara

yang boleh *accept* IC tersebut. Okey, *I think* daripada YB Perdana Menteri annouce 18 tahun ke atas I think YB-YB semua pun ada RM100 dah boleh cek dekat sistem. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Dah, dah cek dah pun. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Boleh guna terminal tersebut *so* bersasar itu kalau kita nak buat kita boleh menggunakan sistem, kita boleh ambil *advantage of this* MySARA kita boleh guna sistem tersebut untuk membuat kawalan secara bersasar. Sistem dah ada cuma tengok macam mana hendak pergi kita *introduce* kan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey Pengerusi, saya hendak tanya satu lagi soalan yang berkaitan. Sekarang kita ada, KPDN ada anjurkan Jualan Rahmah di banyak tempat. Macam di kawasan saya setiap minggu, tentu ada satu, dua tempat ada Jualan Rahmah. *So,* di Jualan Rahmah mereka ada jual *polybag oil,* mereka juga ada jual itu macam lima botol itu minyak berbotol 5KG dan dengan tawaran tiga diskaun 30 peratus daripada harga pasaran.

Okey, soalan saya ialah bila Jualan Rahmah diadakan di merata-rata tempat, adakah ini menjejaskan juga penjualan minyak masak di kedai macam 99Speedmart?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Bagi saya this Jualan Rahmah *not so called sustainable sustain,* dia tak *sustain.* Dia ialah sekali gus dan *stock one off*, stok pun terhad dia tidak akan menjejaskan pasaran. Dia tidak akan disebabkan Payung Rahmah ini menjadikan penjualan minyak paket dekat sana banyak menjejas yang lain, tidak. Dia *one-off.* Okey dan ini subsidi ialah daripada KPDN, tak banyak. Dia ialah *mechanism* macam mana. Kalau saya jual ikan sardin Ayam Brand sekarang ialah mencecah RM9 lebih, RM10.

Sekarang Jualan Rahmah dekat kawasan tersebut dia jual RM7. Beza RM2 itu kena *claim* dengan KPDN lah dia *under* Inisiatif Payung Rahmah ini*. I check* balik kalau Inisiatif Payung Rahmah, peruntukan ialah RM300 *million. So, is not so called sustainable* jualan lah. *One-off* sahaja, okey dia tidak akan menjejas apa pun kalau berkaitan dengan minyak paket pun.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak tanya tadi tentang yang maksimum, kan? Sekarang ini macam mana kaedah yang *you* kontrol kalau seorang, kan? Saya pergi beli, saya beli tiga paket. *And then* kalau saya datang lagi katakan beberapa hari lepas *you wouldn't know* kan, *you* takkan tahukan? *So* macam mana?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *YB that's why* saya cakap KPDN kontrol ialah bukan per *family actually* dia kontrol per transaksi. *You* keluar, masuk pun boleh tapi kita akan cakap dengan *customer* lah cukuplah. Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Itu kalau *you* kenal lah?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Kalau kenal. Biasa akan kenal lah dia dah ulang-alik beberapa kali, kita kenal lah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tapi kalau saya kawan baik pun saya boleh angkat, kan?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *That's why* ini ialah *limitation of the KPDN instruction*, dia per transaksi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maaf Datuk Wira Pengerusi. Jadi untuk sistem ini kalau macam dia guna SARA itu dia boleh tak *capture* apa berapa banyak kali dia beli tak *particular* barang termasuklah minyak paket kah apa, dia boleh *capture* tak dalam sistem itu?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Nowadays digitalisation yes you got data*. *So* MySARA ini ialah *under project by this DIALOG Company*, DIALOG Berhad *under* MyKasih Foundation dia. Dia yang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan. Dia guna terminal, terminal apa yang saya cakap ialah *so called terminal credit card*. Itu sistem yang kawalkan. *That's why* cucuk IC masuk dia akan tahu IC— dia dapat *read you* tinggal berapa lagi *balance* tersebut. *So* kita pun ada *whitelist so called* sebab ini ialah bantuan daripada kerajaan.

Kita tidak benarkan dia untuk beli benda-benda yang bukan keperluan. Contohnya dia hendak beli rokok, tidak dibenarkan. Bila dia *scan* tak dapat *approve.* Ini *so called whitelist*, ada *whitelist* daripada kerajaan dia dah kontrol apa barang yang dia boleh beli. *So, that's why* bila *you scan* barangan kita *scan barcode* kita dah tahu ini boleh beli atau ini tak boleh beli. Kerajaan kontrol dan kita dapat data. *So, that's why* saya cakap kalau kita guna sistem ini, kita boleh per IC guna sistem kontrol contoh Datuk Wira cuma boleh beli tiga *under* IC *you*. Dia dapat buat ini *programmer* ini dapat buat ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya nampak ini isu minyak masak ini *subsidised* ini terutama kawasan luar bandar, ramai *retailer* yang bagi tahu kalau boleh kita orang tak nak jual dia cakap sebab pertama tak ada untung, kedua dia payah selalu kena *check*. Dan pada pandangan Tuan, *if given the opportunity, do you want to not to sell it? [Ketawa]* Tapi orang lain ada kedai kena jual sebab kalau dia beli minyak satu, dia beli barang lain. Itu *attraction* dia tapi the minyak itself memang tak ada untung dia orang cakap. Betulkah?

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: *Yes* betul. Macam tadi saya cakap dengan YB semua memang tak untung. *That's why* tapi untuk sebagai satu sebab kita ialah *so called the big retailer* peruncit-peruncit besar kena ada bertanggungjawab walaupun tak untung ini ialah *so called* satu servis. *So* kalau YB boleh pergi ke pasaran bersama dengan saya, *you* akan mendapati peruncit-peruncit yang kecil tidak jual. Sebab ini tidak membawa keuntungan kepada dia orang tapi *for us* kita perlu jual, kalau kita tak jual penduduk macam mana?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya di luar bandar ya ini memang *clear* lah dia orang memang...

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Memang tak jual. Saya ada 260 cawangan dekat Sabah, sampai ke Ranau atas, sampai ke— saya tahu dekat pasaran, peruncit kecil tak jual.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tambah sikit je. Dia sama dengan beras tempatan tuan? Sama tak? Senario dia.

Encik Yong Eng Kwang [MRA]: Sama. Bila kontrol beras tempatan tak ada stok. *So,* bagi subsidi stok ada tapi *for us actually* kita— saya sentiasa cakap dengan *my staff.* Kita kena ada satu cara lah. *By right* rungutan ini bukan rungutan daripada isi rumah, rungutan yang sentiasa kita terima daripada peniaga. Peniaga tak dapat stok, dia membuat rungutan. YB, kalau kita punya famili sekarang satu rumah guna berapa kilo beras? 10 kilo cukup, lebih-lebih 20 kilo.

Even ada *health conscious people* sekarang cakap makan nasi kurang, kurang, kurang sampai lima kilo pun tak habis sebulan. Gula berapa kilo *you* boleh guna dekat rumah? Minyak berapa kilo *you* boleh guna dekat rumah. Semua barang-barang asas ini walaupun *you* subsidi dia tak boleh guna banyak.

■1420

Peniaga yang buat rungutan. *That's why* ini masalah bukan daripada isi rumah. Daripada peniaga. Saya boleh bagi tahu kalau saya, kenapa tadi saya nak cakap CP8 dengan CP6, minyak peket RM2.50 satu kali *filtration*. Kita *so-called* CP8. Kalau YB tahu, *you* tidak akan guna minyak tersebut. *You* akan beli botol, minyak Buruh contoh. Dia ialah CP6.

So you akan macam mana bezakan saya bagi tahu ialah minyak peket *you* letak bawah *aircond*, you akan nampak dia beku. Tapi, kalau *you* tengok minyak botol, bawah *aircond* dia pun tak beku. *Filtration* punya masalah, CP8, CP6, CP5. Tapi siapa yang guna? Kita tahu. Peniaga. Rungutan ialah daripada peniaga.

Peniaga kalau *keep on* beli, isi rumah tak dapat. Kenapa? Saya ada *experience*. Kita ialah peruncit, peniaga *hawker* ini dia tahu, lori kita bila datang, lori

datang, dia datang sapu. Isi rumah, saya dah habis kerja *office hour*, pukul 6.00 pergi, dah habis stok. Ini ialah senario sekarang. Peniaga yang mengambil kesempatan.

Beras, 10 kilo, siapa beli? Jual nasi ayam punya orang beli banyak. Bukan isi rumah yang beli banyak. *So*, ini yang kita kena selesaikan ini. kalau kita tak selesaikan, berapa subsidi keluar ialah ketirisan akan berlaku, tidak dapat selesaikan. *So*, kita kena *look for this big picture*-lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tuan Yong, ada tak keadaan di mana peruncit menjual minyak masak dengan harga sedikit mahal kepada pengguna dengan harga *cash*-lah. Maksudnya, terutama sekali untuk mereka yang peniaga-peniaga ini? *So*, satu.

Apakah mekanisme yang dilakukan oleh pihak KPDNK untuk mengawal situasi ini?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Secara jujur cakap YB, saya ada dengar *re-packer* jual lebih mahal untuk *survive*. Dia jual *even* satu peket RM3.00. Dia se-*carton* ialah 17 kali tiga... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Masih murah daripada minyak botol.

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: *Yes*. RM51. Contoh saya pernah dengar, dia jual RM50 *per carton* kepada *hawker*. *Hawker* beli. Sebab *after you* kira, masih murah daripada botol. *So*, ini ketirisan berlaku. *So, I think enforcement* kena *enforce* dekat sana juga lah. *So, that's why* saya cakap ini ialah satu sangat *complicated issue*.

Betul YB. *You* tengok, saya beli RM50, walaupun saya tahu ini kerajaan baru *control* RM2.50. Tak apa. Mahal sikit 50 sen. Tapi banding dengan botol, botol ialah RM6.50. Saya beli sini RM3.00, saya tahu. *You* tengok, masih murah. *So*, orang rela beli.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada terdapat pengilang yang membuat *series number* dekat setiap plastik di minyak masak. Okey, maksudnya dia ada dia punya *series number* dekat setiap plastik dan juga tarikh *production* dan juga *batch number* di setiap plastik untuk memudahkan dari segi pemantauan penguat kuasa.

And how do you think that benda ini keberkesanannya bagi pihak peruncit?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Dia berkesan kalau kita *control*. Tapi, saya boleh cakap dengan YB, semakin banyak *control* yang *introduce*, akan menjadikan keadaan *even worse*. Peniaga, peruncit akan *so-called surrender*-lah, tarik diri tak mahu jual lah kalau macam banyak ini *so-called rules* untuk *control*.

Kita kena *key-in* sistem lah, kita kena runding dengan pembekal, lepas itu kena — dia boleh *control* macam tadi YB Datuk Wira cakap, *by batch*. Tapi macam mana *control*? *You* kena *through system*, *you* baru tahu *you* punya *batch* pergi ke mana. *So, batch* ini daripada pengeluar *re-packer*, pengilang *until* ke peruncit, *you* kena ada *series of key-in*, baru ada data tersebut.

Tapi, tadi macam YB cakap, ini dah tak untung, *you plus* banyak benda yang kena buat, *I think* ini akan menjadikan dekat pasaran lagi tak ada minyak. Bila tak ada minyak, *re-packer* nak lari, saya rasa tadi punya masalah dia jual kepada *hawker* lagi kuat. *So*, tidak boleh.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada soalan lain? Saya rasa tak ada soalan lain. Oh, okey YB Saratok *last question*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sikit *je*. Pada pengalaman, *your experience*, ada tak sindiket-sindiket besar yang terlibat memanipulasikan bekalan minyak masak ini? Maksud saya ada kumpulan geng-geng tertentu. Sebab, saya dengar ada dia orang bergaduh pasal minyak masak ini, kumpulan ini. Nak *control.*

Sebab penggunaannya dia jauh lebih daripada yang kita sangka. Sindiket itu? *Is it exist*?

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Sebab saya bukan daripada kerajaan, saya tak berapa berani cakap ada sindiket lah. Tapi, ketirisan ada berlaku lah. Seperti *calculation*, *I think* YB pun dah dengar saya punya *calculation 60,000 metric ton, 19,000 metric ton*. Kalau kita dapat angka tersebut, kita tahu. Apa berlaku.

Sebab kalau saya ikut belanjawan daripada YB Perdana Menteri berkaitan dengan *about RM1 billion* subsidi kepada minyak peket, market *confirm* tak ada 60,000 metrik tan dengan kiraan *the simple calculation I calculate*.

So, kalau market ada *60,000 metric ton*, *yes, confirm* ada sindiket. Tapi kalau *market* cuma macam saya punya kiraan *about 19,000 or 20,000 metric ton*, *I think* tak ada sindiket yang besar lah. Memang *market* pun tak cukup. *Market* punya *distribution* pun itu sahaja. Adapun ialah sindiket yang seperti tadi saya cakap ialah *re-packer* mungkin jual mahal sikit kepada peniaga yang lain, dia orang rela ambil. Sebab walaupun RM3.00 lebih, *I if compare with bottle* RM6.50, dia jauh jimat lagi.

So, itu mungkin berlaku. Tapi sindiket *I think* kalau YB cakap dia pergi dekat luar negara ke apa benda sindiket yang besar, *I think* kurang lah kalau pasaran cuma ada 19,000 metrik tan sahaja bekalan. Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Terima kasih, saya ucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Yong Eng Kwang, Naib Presiden *Malaysia Retailers Association* (MRA) yang mewakili Yang Berbahagia

Datuk Andrew Lim Tatt Keong, Presiden MRA begitu juga atas kedudukan dan juga kapasiti sebagai CEO di 99 Speedmart.

Jadi, kita ambil keputusan di sini, hari Khamis tak perlu datang sebab soalan yang sama juga yang akan ditanyakan dan terima kasih juga kepada Yang Berusaha Tuan Mahrus bin Mohd Faizal, Ahli Majlis daripada MRA di atas segala komitmen dan juga kerjasama yang diberikan kepada pihak PAC untuk melengkapkan lagi laporan PAC berkenaan isu yang telah pun dibangkitkan.

Itu sahaja dan kita tangguhkan mesyuarat kita pada jam 2.28 petang dan kita jumpa balik dalam jam 3.00 petang bersama dengan pihak FOMCA. *Thank you*.

Tuan Yong Eng Kwang [MRA]: Okey, terima kasih YB Pengerusi, YB Datuk Wira dan juga YB-YB yang lain bagi kita peluang untuk bagi *some* maklumat. Terima kasih YB.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.28 petang]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 26 Ogos 2025

Bil 6(f) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

FOMCA
YBrs. Dr. Saravanan Thambirajah,
Ketua Pegawai Eksekutif

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 26 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia)]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Peniolong Setiausaha Kanan (Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Chang Ching [Ketua Sektor Inter Agensi (Siasatan)]

Sumathi Padavadah [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]
PKPJ. Premraj a/l Isaac Dawson Martin Victor [Pegawai Penyiasat SPRM (Bhg. Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
En Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Puan Zirawati binti Kadir [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
En Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Imran bin Abdullah [Pengarah (Industri Perkhidmatan)]
Pn Rozalinawati binti Che Roslee [Timbalan Pengurusan (Industri Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Encik Shaleh bin Hussain [Akauntan (BPOPA)]
Puan Lailatul Fadzillah bt Ideris [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI

FOMCA
YBrs. Dr. Saravanan Thambirajah [Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan Tertinggi)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 26 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.05 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi* wabarakatuh dan selamat petang semua Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio yang turut hadir pada hari ini. Terima kasih kerana masih lagi setia sama-sama kita dalam prosiding yang kedua untuk hari ini.

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, hari ini kita akan sambung semula prosiding di bawah isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak di bawah KPDN. Ini adalah merupakan prosiding yang keenam.

Jadi, Yang Berhormat sekalian, hari ini bersama dengan kita, yang hadir untuk memberikan penjelasan kepada PAC adalah Yang Berusaha Dr. Saravanan Thambirajah iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, *Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)* yang mewakili Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Marimuthu Nadason iaitu Presiden.

Tanpa membuang masa, saya menjemput Dr. untuk memberikan pembentangan. Terima kasih.

Dr. Saravanan Thambirajah [Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan Tertinggi), Federation of Malaysian Consumers Association (FOMCA)]: Terima kasih. Selamat tengah hari dan salam sejahtera, Puan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, YB dan seterusnya.

Terima kasih kerana menjemput FOMCA untuk memberi sedikit penjelasan mengenai isu pengguna berkaitan dengan minyak masak peket bersubsidi *polybag* 1kg. Sebelum saya memulakan pembentangan saya pada hari ini, saya ingin memberi dua benda yang penting lah, okey.

Satu, input-input yang kami dapat daripada — untuk pembentangan ini, kami kumpulkan daripada wakil-wakil ahli gabungan FOMCA di seluruh Malaysia dan selain itu juga, satu lagi benda yang kita harus mengambil perhatian, di FOMCA kita

ada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional di mana, kami juga terima aduan daripada pengguna.

Selalunya, aduan-aduan berkaitan dengan harga ataupun subsidi, selalunya kita akan salurkan terus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri kerana dia di luar bidang kuasa kami *because* sebagai *non-profit organization,* kami tak ada kuasa *enforcement*-lah. Selalunya, kami akan terus salurkan kepada KPDN. Slaid seterusnya.

Hari ini, saya ada lebih kurang sembilan isu merangkumi apakah isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dalam isu minyak masak peket ya. Nombor satu adalah selalunya lah, kekurangan bekalan yang tidak konsisten.

Masalahnya ialah apabila pengguna itu pergi ke kedai untuk membeli minyak masak dan seterusnya, selalunya berdepan dengan rak kosong, pengisian semula yang tidak menentu dan selalunya, di luar-luar bandar ini, ada isu catuan dan juga, *bundling*-lah. Nanti, saya akan terangkan apa benda tersebut.

Apakah kesan lain masalah ini? Satu, *of course* isi rumah yang berpendapatan rendah seperti B40. Mereka tidak dapat mengakses minyak masak bersubsidi secara konsisten dan sekali gus, menggagalkan tujuan dasar tersebut. Contohnya, di Lembah Klang, pasar raya mengenakan catuan di mana, satu hingga dua peket setiap keluarga kerana permintaan tinggi.

Di luar bandar, contohnya di Kelantan dan Kedah, pengguna terpaksa menunggu berminggu-minggu tanpa stok dan ada juga keluarga yang terpaksa pergi jauh untuk membeli minyak peket. Namun, kadang-kadang mereka juga tidak menemui minyak peket. Akhirnya, mereka terpaksa membeli minyak botol yang mahal.

Seterusnya, di Sabah *and* Sarawak. Di Sabah, kilang pembungkusan semula sangat terhad dan kebanyakannya di Kota Kinabalu dan menyebabkan kesesakan pengangkutan jarak jauh dari Sandakan menambahkan kelewatan bekalan sampai kepada gerai-gerai, kedai-kedai yang terbabit.

■1510

Di Sarawak pula, selalunya paket habis terjual dalam beberapa jam. Beberapa jam ini kadang-kadang bukan beberapa jam, kadang-kadang dia boleh beberapa minit ya. *[Ketawa]* Sesetengah pekan juga mengalami kekurangan stok sehingga dua minggu.

Isu seterusnya, slaid seterusnya. Amalan runcit yang tidak adil ataupun *unfair retail practices*. Contohnya, masalah dia selalunya peruncit memanipulasi akses dengan mengikat jualan *bundling* ataupun menyorok stok ataupun jual terpilih. Dia mengikat jualan *bundling*.

Maksudnya, seseorang pengguna itu dia boleh beli minyak masak asalkan dia ada beli benda lain daripada kedai tersebut. Contohnya, dia kena beli gulalah ataupun bekalan sayur dan seterusnya.

Kesannya, pengguna terpaksa membayar lebih ataupun kehilangan akses, manakala subsidi hanya menguntungkan pihak yang mengambil kesempatan. Contohnya, beberapa negeri seperti di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan, pengguna terpaksa berbelanja lebih daripada RM10 untuk barangan lain bagi melayakkan membeli minyak bersubsidi ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang mana yang perlu beli? Perak?

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Perak, Kedah, Pulau Pinang *and* Kelantan. Okey. Seterusnya, di Lumut, Perak — ya, boleh saya teruskan? Ya. Boleh teruskan ya? Okey.

Seterusnya di Lumut, Perak, kedai didapati menjual secara terpilih dengan stok disimpan khas untuk pembeli tertentu. Maksudnya, dia ada senarai dialah untuk dia jual. Siapa? Mungkin *restaurant owners* ataupun kawan-kawan dia ataupun selalunya kami jumpa juga di mana selalunya yang bekerja di kedai ini warga asing. Selalunya dia simpan untuk kawan-kawan dialah. Okey. *All right.*

Di seluruh negara, selalunya peruncit menyorok stok dan mendakwa tiada bekalan, tetapi sebenarnya dialihkan kepada kawan-kawan di juga seperti di restoran ataupun pelanggan tetap. Isu — boleh berhentikan saya untuk tanya soalan. *No issues* ya. *All right*. *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Boleh tanya tak *how many cases have you found according* yang ini tadilah, kan? Yang ada yang dia sorok...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Warganegara asing.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: ... dekat Lumut katakan.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Dia...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dekat Lumut itu *and all that*.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Kebanyakannya *the case* selalunya lebih daripada 30, 40 *and* bukan semua orang akan membuat aduan. *So*, apa yang kami dapati sahaja kami boleh sampaikan ke PAC.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh tak saya tanya benda *basic*-lah? Patutnya saya tanya awal-awal tadi.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: FOMCA ini adalah gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: *Yes*, betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So*, berapa ramai dalam ahli gabungan ini?

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Okey. Kita ada ahli gabungan seramai 18 ahli gabungan. Contohnya, Persatuan Pengguna Perak, Persatuan Pengguna Kelantan, Persatuan Pengguna Johor dan ada juga di Penang dan seterusnya. Selain itu juga, kami juga ada rakan-rakan *expertise*. Contohnya, Persatuan Pengguna Tenaga dan Air, Persatuan Pengguna Standard *and so on. So,* merangkumi 18 ahli gabungan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, hasil dapatan daripada apa yang dibuat oleh Dr. pada hari ini adalah berdasarkan daripada...

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Input-input daripada ahli gabungan kami. Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ... dan mereka ini adalah dekat dengan pengguna sebab mereka mewakili pengguna-pengguna.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: *Yes.* Ahli mereka adalah penggunalah. *That means individual.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, teruskan.

Dr. Saravanan Thambirajah [FOMCA]: Okey. Seterusnya, slaid nombor empat ya, isu nombor tiga. Manipulasi harga dan penyelewengan. Selalunya, masalah dia minyak bersubsidi dijual semula melebihi harga kawalan ataupun dibuka semula untuk keuntungan. Selalunya, apa yang mereka buat, mereka membeli minyak paket ini *and then* mereka *bring back to their* gudang ataupun *warehouse*, *they will pack into bottles. All right.*

Ada sesetengah isu kami jumpa, kami pernah terima aduan, *usually Chinese and Indians will use*-lah yang untuk sembahyang. *All right. So*, kami dapati juga — *I mean, it's open for investigation. I'm not sure it's* betul atau tidak sebab kami tiada mempunyai kuasa untuk menyiasat. *They claimed it's RM2.50* punya minyak. *All right. So*, *but of course*, *we don't have that power to go and investigate. What we can do is* salurkan aduan kepada KPDN.

Seterusnya, kesan dia pengguna ditipu untuk membayar harga yang lebih tinggi. Contohnya, di Sarawak minyak bersubsidi RM2.50 dibotolkan semula ke dalam pek 3kg dan dijual pada harga RM15. Ada kes juga dicampur dengan minyak

terpakai *and this is* dapatan kami pada tahun 2009 bila kami membuat — ahli gabungan kami *which is Malaysian Association of Standard Users*.

Kami telah membuat kajian mengenai minyak masak paket *and* kami hantar sampel kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, makmal di universiti — *that means accredited lab*-lah. *And* kami dapati ada elemen-elemen minyak masak tersebut telah dipakai ya. *But that was years ago*-lah, 2009.

So, now it's already 2025. So, I'm not sure whether the issue still prevails kerana untuk membuat *testing,* harga dia sangat mahal dan *of course*, FOMCA sebagai NGO tak mampu bayar untuk *testing*-lah. *All right.*

Seterusnya, ini — *I mean we take from* media massa di mana Perak *and* Kedah, tindakan penguat kuasa pun telah pun diambil terhadap kedai yang menjual melebihi harga siling. Contohnya, mereka akan menjual pada harga RM3 ataupun RM2.80 dan seterusnya. Di Kelantan juga, ini *also we took from* media massa *which is newspaper* di mana kes melibatkan seorang lelaki mengiklankan minyak masak bersubsidi secara talian melalui *WhatsApp*, tetapi mengenakan caj RM5 per kg iaitu dua kali ganda harga kawalan. *I mean people will try to take advantage to sell these things*-lah untuk mendapatkan keuntungan.

Seterusnya, isu nombor empat. Penyelewengan ke restoran dan perniagaan. Ini *as most of us know*, memang isu ini sangat membimbangkanlah di mana paket minyak masak bersubsidi sepatutnya untuk isi rumah, *end users* atau isi rumah berakhir, tetapi digunakan oleh pihak komersial. *Of course*, kesan dia pengguna terpaksa bersaing dengan perniagaan sekali gus mengurangkan akses kepada barang keperluan.

Contohnya, di Semenanjung pekerja restoran warga asing membeli tiga paket setiap seorang. *This is very well known*-lah. *I think if you go and ask any of your restaurant friends and everything*, memang dia akan suruh pekerja dia pergi. Setiap pekerja akan diberi duit pergi beli tiga paket dan balik. *So*, kalau satu pekerja beli tiga paket, *imagine* kalau ada lima pekerja ya. Lima atau lebih. Seterusnya, mereka mengumpul bekalan pukal dan menyalurkan subsidi daripada isi rumah kepada perniagaan.

Seterusnya, ini penemuan audit seluruh negara. Lebih 55,000 kg minyak bersubsidi dijual kepada pihak yang tidak layak termasuk kedai makanan *and this is in local news*. *And Sarawak,* industri mikro *which is* kantin atau kedai makan kecil membeli keseluruhan stok, mengehadkan akses isi rumah. Okey.

Seterusnya, penyeludupan dan ketirisan. *Of course*, ini adalah isu yang paling besar kita kena mengambil perhatian di mana minyak bersubsidi diseludup ke luar

sempadan ataupun disalurkan ke pasaran ghaib. *Just a simple scenario what happened. This is what I received feedback from one of our volunteers from Perlis.*

So, orang Thailand, dia akan bawa *motorbike* masuk Malaysia. *Going back*, dia akan beli tiga paket. Tiga paket minyak masak. Dia akan letak atas bakul *motorbike* tersebut. *He is free to go. But* dia akan pergi sebanyak 10 hingga 15 kali sehari. *Okay, this is a simple case. It's just a small person. Small, one-person* punya modus operandi *and — so, I mean that issue just information for PAC members*-lah.

Kesan penyeludupan mengurangkan bekalan untuk pengguna, manakala dana subsidi kerajaan hanya menguntungkan pihak yang mengambil kesempatan. Contohnya di Kelantan, sindiket ditangkap bersama *seven* — 7,000 tan ya. 7,000 kg minyak bersubsidi dalam perjalanan ke negara jiran.

Di Miri, Sarawak pula pembekal menjual minyak bersubsidi kepada individu tidak berlesen bernilai RM5,000

■1520

Di seluruh negara *of course,* selalu kita akan jumpa di media sosial ataupun di media massa di mana rampasan berulang kali membuktikan kebocoran sistematik daripada saluran pengguna. *And of course,* saluran sistematik ini *not necessary their syndicate it can be one person modus operandi* lah. *[Ketawa] All right.* Okey.

Seterusnya isu nombor enam, beban belanjawan ini, *what is the impact to the* penggunalah. Beban belanjawan isi rumah *(household budget burden)* apabila minyak bersubsidi tidak bersedia, keluarga terpaksa membeli botol lima kg tanpa subsidi pada harga lebih daripada 30 hingga 40 peratus lebih mahal dan kesannya subsidi gagal meringankan kos sara hidup untuk golongan B40. *Very specific. All right.*

Isi rumah berpendapatan rendah menanggung tekanan kewangan yang lebih berat. Contohnya di luar bandar di Semenanjung, keluarga B40 tertekan kerana terpaksa membayar harga pasaran akibat kekurangan stok yang berterusan. Di Sabah, Sarawak pula pengguna melaporkan ada juga — tiada stok sejak awal tahun di kedai-kedai runcit kecil dan menyebabkan minyak botol menjadi satu-satunya pilihan.

And then nombor tujuh, *rural urban inequalities* ataupun ketidaksamaan luar bandar dan bandar. *Of course*, masalahnya ialah akses berbeza dengan ketara mengikut geografi di mana kalau isi rumah luar bandar dia lebih terdedah iaitu kumpulan utama yang sepatutnya dilindungi oleh subsidi. Merekalah yang paling terjejas. Di bandar selalunya stok wujud tapi dicatu, pasar raya masih menyediakan sedikit akses.

Di pinggir bandar peruncit mengambil kesempatan melalui helah iaitu jualan melalui *bundling*, jualan terpilih ataupun penyorokan stok. Di luar bandar kekurangan paling serius di mana di Sabah dan Sarawak isu struktur pembungkusan terhad, pengedaran lemah menjadikan akses tidak menentu.

Dan seterusnya isu nombor lapan ini, diharap PAC juga mengambil — kalau boleh mengambil insentif untuk memberikan info kepada rakyat. Di mana isunya kekurangan ketelusan dan kepercayaan orang awam di mana pengguna tidak dimaklumkan tentang peruntukan dan penguatkuasaan.

Kepercayaan terhadap sistem subsidi semakin terhakis di mana ia lebih menguntungkan perniagaan dan penyeludup berbanding isi rumah. Walaupun peruntukan sebanyak 60,000 tan sebulan, bekalan sering tidak sampai ke rumah. Dan selalunya pergantungan ataupun pembatalan lesen pembungkus jarang diumumkan dan pengguna mengesyaki — *I mean everybody knows* wujudnya rasuah.

Okey item nombor lapan, isu nombor lapan. Kelemahan kapasiti penguatkuasaan di mana tiada sistem pengesanan menyeluruh *traceability* daripada pengilang, pemborong dan peruncit terus kepada pengguna dan keadaan ini memudahkan kebocoran berlaku tanpa disedari. Isu ini — *another thing is* di bawah Akta Bekalan 1961, individu boleh dikenakan sehingga RM1 juta atau dipenjara tiga tahun dan manakala syarikat boleh didenda sehingga RM2 juta.

But usually, kebanyakan kes melibatkan penguasa kecil biasanya hanya dikenakan denda kompaun yang jauh lebih rendah. Ia menjadikannya menjadikan penyeludupan *is much more attractive rather than paying fine* lah, *all right. So,* dalam banyak kes pesalah berulang terus melakukan kesalahan kerana hasil tindakan penguatkuasaan tidak didedahkan secara meluas untuk mewujudkan kesan pencegahan yang nyata. *All right,* itu adalah masalah. Setakat ini kalau ada sebarang soalan boleh tanya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada soalan Yang Berhormat? Kalau tak ada kita teruskan pada *solution.*

Dr. Saravanan Thambirajah: Okey. *Solution,* cadangan FOMCA. *All right.* Walaupun ia mungkin nampak kecil tapi kami harap ia diambil perhatian. Satu lindungi akses isi rumah, laksanakan larangan terhadap penyelewengan ke restoran contohnya pekerja asing membeli secara pukal. Lakukan audit terhadap penyaluran subsidi ke kedai makan subsidi minyak masak ya, *sorry*.

So, item nombor dua, amalan runcit yang adil. Melarang ikatan jualan ataupun *sales by bundling* ataupun penyorokan stok dan penjualan melebih harga kawalan. Kenakan hukuman tegas terhadap pesalah. Jalankan penguatkuasaan

melalui pembeli misteri *(mastery shopper)* di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Seterusnya, item nombor tiga baiki rantaian bekalan Sabah *and* Sarawak, perluas bilangan kilang pembungkusan semula melebihi luar daripada Kota Kinabalu. Seterusnya, audit penipuan pembotolan semula di Sarawak. Pastikan pekan luar bandar menerima kuota yang diperuntukkan.

Nombor empat, hentikan penyeludupan dan kebocoran, perketat kawalan kepada sempadan di negeri-negeri Utara. Seterusnya, slaid nombor lima. Jamin akses luar bandar di seluruh negara. Perluaskan sistem zon bagi memastikan bekalan dihantar terus ke lokasi jualan luar bandar. Terbitkan rekod penghantaran mengikut zon mengikut tujuan ketelusan.

Nombor enam, terbitkan kemas kini bulanan peruntukan tindakan penguatkuasaan dan rampasan dan penalti dan berikan kuasa kepada pengguna untuk membuat aduan dan menjejaki hasil tindakan penguatkuasaan.

Dan nombor tujuh, memperkukuhkan sistem di mana hukuman lebih berat dan konsisten daripada denda kecil, mahkamah boleh mengenakan penalti maksimum atau membatalkan lesen perniagaan.

Seterusnya, kawalan dalam talian lebih tegas di mana bekerjasama dengan platform e-dagang untuk menyekat secara automatik iklan barangan bersubsidi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Pengerusi, sebelum apa nombor enam itu, nak tanya fasal nombor enam itu ketelusan dan kepercayaan kan. Okey apa maksud — *what exactly do you mean, "Berikan kuasa kepada pengguna untuk membuat aduan".* Okey itu fahamlah.

Dr. Saravanan Thambirajah: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dan, "Menjejaki hasil tindakan penguatkuasaan" *or what exactly do you mean? What steps?*

Dr. Saravanan Thambirajah: *Number one, of course, we don't have that kind of information* disampaikan kepada rakyat. Contohnya, di kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur, berapakah pekedai telah pun diambil tindakan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk — KPDN untuk memastikan stok sampai kepada mereka?

Selain itu juga, mungkin sebagai kementerian boleh meletakkan satu iklan kalau tak ada akses boleh laporkan aduan kepada KPDN terus. Mungkin *WhatsApp number down there, something like that. Easier for consumers to* laporkan aduan. *Now,* selalunya mengenai subsidi atau *they did not know where to call.* Pengguna selalunya tak tahu mana nak salurkan aduan tersebut. *What they do, they come,* kalau tak ada stok *then they have to go back. But that information is not going to the right person.* Tak ada stok, KPDN pun tak tahu *there is no stock* dekat sana. *So*,

kalau ada saluran aduan yang betul, katakan tak ada stok dekat sini kalau ada iklan, *just poster saying that* kalau tidak dapat akses laporkan kepada KDPN. Contohnyalah *something like that.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Related to that,* FOMCA sendiri, *how do you get the* aduan? *Is it personal WhatsApp* kah, e-mel kah, *call* kah, *or how?*

Dr. Saravanan Thambirajah: *So far, we* di bawah FOMCA, kita ada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional*. Averagely, we received around 50,000 complaints in a year. Approximate, compassing about 42 categories, talking about telecommunications, banking, utilities and so on. So, public knows about us to complain, all right, as an alternative dispute resolution. But on issues like pricing, subsidy, we don't take this kind of complaint. What we will do, we channel to KPDN. Ya, because we don't have enforcement power on that, ya.*

And of course, sorry to add, the mode of handling complaints, of course, they can walk in to our office in Kampung Tunku SS1 *or over the website,* www.fomca.org.my *or even* www.nccc.org.my*. Over phone call, we have 4 full-time staff stations in our complaint centre. And then we have legally students assisting us every day about seven to eight of them will come to our office, chambers student to assist on our complaints, ya.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, hendak apa lagi *in detail there. Okay, you are already quite established.*

Dr. Saravanan Thambirajah: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: FOMCA berada di seluruh 14 negeri *and* wilayah, seluruh Malaysia?

Dr. Saravanan Thambirajah: *Not* seluruh. *I can say half of them, half of* negeri.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *And the consumers knowledge* dan dia punya kesedaran konsumer ini adalah mungkin lebih di bandar-bandar *kut* kan?

Dr. Saravanan Thambirajah: Betul. Semestinya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kalau tadi kan masalah dekat luar bandar and *all that* tu kan*…*

Dr. Saravanan Thambirajah: *Yes, correct.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ia mungkin *less. Less* apa? *Less exposed.*

Dr. Saravanan Thambirajah: *Correct.*

■1530

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, sorry* lah *this is just to* apa, kan? Sebab kita ini dekat PAC ini, nak cuba nak *get to bottom of the problem*. Kan?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *Sure*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jadi, *from your perspective, consumers* ini dia lebih komplen dekat *you all* FOMCA kah, ke KPDN?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Okey*. If you take— I can share this. If you take 10 years ago, they don't know what is KPDN. 10 years ago, they know FOMCA. But now, after COVID, people tend to know more about KPDN. Because of their social media things, TikTok and everything. They are aware about tribunal, they are aware about their rights and everything. Especially in urban areas* lah.

Alright. But, seperti yang YB cakap tadi, kalau di luar bandar memang masih belum ada *that type of*— selalunya mereka *under the perception*, kalau saya nak buat aduan saya kena isi borang, saya kena bayar, saya kena naik turun pejabat dan *they think is* leceh lah. *Alright. But now, with* KPDN dah ada *direct WhatsApp number and everything*, dia memudahkan pengguna untuk membuat aduan terus kepada KPDN.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, you* tadi kata daripada awal tahun, sekarang nak habis bulan lapan tahu, Sabah Sarawak kah tadi?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *Yes*. Sarawak.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang tak ada bekalan?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Tak ada bekalan. *Yes*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, why?* Dia tak ada orang yang komplen kah? *They are at loss* kah? Okey, dia orang sudah *you know*, dah *give up* kah, ke macam mana itu? *What's the problem*?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *I can't explain on further details on that* YB. Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Okey. So, KPDN kena tanya.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *Because this is input* daripada *I mean, our friends, our volunteers from* Sarawak. *Alright. Maybe there is some issue with logistics or I am not sure, maybe it's a* isu terpencil. *But, this what we have today, we gathered*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dr. Saya nak merujuk kepada nombor 9, kelemahan kapasiti penguatkuasaan. Dr. nyatakan tiada sistem pengesanan menyeluruh daripada pengilang, pemborong, peruncit ke pengguna. Dan ini memudahkan kebocoran itu daripada berlaku lah.

Bagaimana dengan sistem eCOSS?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Okey. *I*, saya faham dia ada sistem eCOSS*. But I am not very familiar about the system. So, I even they give me that information, but I was not very familiar to speak about* eCOSS. Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Yang untuk daripada peruncit kepada pengguna, *direct*. Maksudnya, yang jatuh di bawah portfolio Dr. ya, sistem ini ada diperkenalkan dan dia buat dia punya *pioneer— pilot project* di Johor. Okey. Dengan *install apps* di telefon, jadi, bila pembeli nak beli, dia tunjukkan ini *then* baru dia boleh beli lah.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Menurut pandangan Dr., bagaimanakah keberkesanan sekiranya sistem itu dilaksanakan seluruh negara dari segi kepenggunaan?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Okey. *Number one*, sekarang pengguna *is very-very smart* lah. *Before they go to any* pasar raya, *they will see their pamphlets. And there are certain things they want to see. Of course,* benda-benda seperti Maggi, Milo *plays a very important vital role* dalam seseorang pengguna pergi *select* pasar raya untuk beli.

Now, if they know that melalui— *there is some apps that* beri ada maklumat *that saying that, "okey, saya boleh dapatkan barang-barang bersubsidi dekat sesetengah tempat." Of course I will choose to trust that system* lah. *But now, I don't think so its available nationwide right?* Ya.

Dia belum merangkumi seluruh negara, *if I am not mistaken*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Belum. Belum.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Ya. Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Kalau ada *then it will be very helpful. Like I can* bagi satu contoh. *During when we implement* GST, KPDN *came out with this apps or* risalah *saying that* harga sepatutnya, harga selepas GST, *there is one booklet they published was very helpful for* para pengguna pada waktu tersebut.

So, if there is similar like now, I— ramai tempat yang selalu kami pergi untuk membuat *awareness program and so on, first thing* pengguna *they know, there is PriceCatcher apps. And* selalunya, *the rural consumers they usually see, they monitor this PriceCatcher apps also* lah. Ya.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]: Ya. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Yang dibentangkan oleh Yang Berbahagia Dr. tadi ialah mengenai minyak masak paket satu kilo.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Betul.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Dan beberapa buah isu yang berlaku di sana sini termasuk di Sarawak. Saya nak bertanya sama

ada, ada aduan tak mengenai stok minyak masak yang biasa, yang bungkus satu kilo, lima kilo itu di pasaran sama ada di bandar dan di luar bandar, adakah ada aduan bahawa tidak ada stok yang sedemikian?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Ada. Ada. Memang kami ada terima aduan.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ada juga?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Ada terima aduan. Tapi, *that's the thing and we*— apabila kami terima aduan tersebut, cuma kami tak ada kuasa untuk mengambil tindakan. *So*, yang boleh ambil tindakan *is* hanya kementerian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. *So*, kami akan salurkan terus kepada KPDN.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Bermaksudnya tadi, bukan hanya stok yang satu kilo paket ini yang bermasalah lah di kawasan?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Tak. *This is very specific for* satu paket, 1KG.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tak. Soalan saya ialah bagaimana yang paket yang biasa itu?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Tak. Tak.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tak ada isu ah?

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *So far*, tak ada isu.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *So*, kalau demikian, adakah Dr. setuju bahawa kita hapuskan program satu kilo ini dan tadi pun saya ada tanya semasa prosiding yang awal tadi bahawa sebab pengedaran stok yang biasa itu memang *available, anytime, anywhere*.

Jadi, kita hapuskan yang konsep program ini dan kita buat subsidi bersasar.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Okey.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *So*, kita bayar terus kepada siapa yang layak.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *A very good question. I mean, it's a valid question. But* hanya *just to I mean, depending on only* FOMCA *data is not sufficient. Alright. Maybe there is other issues pertaining to* minyak masak *in other sectors which* mungkin FOMCA *doesn't have access as well.*

But, saying that I think we need to consider masyarakat *B40* sebelum kita mengambil sebarang usaha untuk *take out the subsidy. I mean now I think already have* bantuan SARA *and so on, maybe can take out. Maybe. It's not my recommendation. Maybe can take out the subsidy.*

But, we must have a proper study first lah *before we are saying that* untuk tarik balik subsidi. Ya. *Because B40 group were really relies on this*.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tak. Kita bukan tarik balik subsidi. Kita buat dia lebih bersasar. Itu bahawa kita bayar macam kita bayar bersasar.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: *No*. FOMCA setuju, *I mean we have been pushing for* subsidi bersasar. Memang subsidi *it's for those who really needs, there are those vulnerable*. Kami sokong on that.

So, even memperkenalkan *you buy, you must show* MyKad *to get* minyak paket, *we* sokong *that. Not an issue. As long as that subsidy* disalurkan kepada pihak yang memerlukan. Bukan untuk pihak *business* lah ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada soalan lagi? Yang lain? Tak ada. Okey. Nampaknya tak ada soalan lagi. Dr. punya pembentangan ini sebenarnya dah membantu sebenarnya kepada PAC.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Dr. selaku wakil daripada FOMCA dan terima kasih sekali daripada PAC kepada Yang Berusaha Dr. Saravan Thambirajah, Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA yang hadir pada hari ini dan juga memberikan penjelasan dan juga pembentangan dengan jelas dan pastinya dia amat membantu untuk laporan PAC berkaitan dengan isu minyak masak ini.

Untuk itu, kita tangguhkan prosiding kita pada jam 3.39 petang. Terima kasih banyak-banyak.

Dr. Saravan Thambirajah [FOMCA]: Terima kasih kepada semua ya.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.39 petang]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 27 Ogos 2025

Bil. 6(g) 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak Di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin)
(i) YBhg. Datuk Wira Ameer Ali Mydin,
Pengarah Urusan

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 27 Ogos 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] – *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan (MOF)
YBrs. Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Seksyen (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Mohd Rashdan bin Abdul Razak [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Tuan Mohamad Khairol bin Mohamad [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]
Puan Norsyahida binti Alias [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
Puan Zirawati binti Kadir [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III, Sektor Audit Prestasi)]
Puan Mastura binti Ghazali [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III, Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Puan Nazlian binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Pertanian)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Lailatul Fadzillah bt Ideris [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

SAKSI

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin)
YBhg. Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Pengarah Urusan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 27 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.02 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex officio yang datang kembali dan semua yang hadir dalam mesyuarat pada hari ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian. Hari ini kita akan sambung semula prosiding berhubung dengan isu pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak di bawah KPDN dan ini adalah merupakan prosiding kita yang ketujuh membabitkan isu ini yang mana pada prosiding yang lepas, kita telah pun memanggil KPDN, JAKIM, KDN, MEOMA, PORAM, MRA dan FOMCA telah pun hadir memberikan keterangan dan juga penjelasan kepada PAC.

Ahli Yang Berhormat sekalian, PAC berpandangan adalah penting untuk PAC mendengar penerangan daripada pelbagai pemegang taruh di setiap peringkat rantaian nilai daripada pengilang, pemborong, peruncit dan juga pengguna. Jadi, hadir di hadapan PAC pada petang ini adalah salah satu daripada peruncit terbesar di Malaysia iaitu Yang Berbahagia Datuk Wira Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad. Jadi, selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk. Datuk dah sampai pada pukul 2.30. Jadi, Datuk datang seorang. *Steady* je.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Steady.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha, *steady.* Ha, kan. YB Seputeh siap *offer* air kopi lagi pada Datuk Ameer. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Orang lain dia tak pernah *offer,* tapi dengan Datuk Ameer dia *offer.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]The first one. First one.* Tak pernah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha, *first one. [Ketawa]*

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk sudi hadir pada hari ini dan kita boleh mulakan prosiding kita. Untuk makluman Datuk, semalam kita ada prosiding dan yang hadir semalam adalah juga daripada 99 Speedmart. Jadi, banyak juga lah perkara yang dibangkitkan kepada PAC. Cuma, boleh tak Datuk jelaskan kepada PAC, bagaimanakah dengan bekalan minyak masak? Saya lihat di hadapan kita ini ada pembentangan yang mungkin Datuk nak kongsikan. Jadi, saya serahkan pada Yang Berbahagia Datuk. Terima kasih.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Pengarah Urusan, Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin)]: Terima kasih YB-YB. *Assalamualaikum,* salam sejahtera, salam satu MADANI. Okey. Saya bawa satu, dua slaid. *At least,* untuk dapat satu gambaran, *macro view,* tapi ini untuk Mydin sahaja. Tapi, saya ingat kalau kita tengok Mydin itu, maknanya lebih kurang, industri itu memang lebih kurang, dia tak akan beza sangat.

Okey, yang pertama itu, saya nak bagi *I think* semua sedia maklum sebetulnya, pembekalan minyak masak peket. Kita fokus minyak masak peket. Memang tidak mencukupi untuk dijual di pasar raya ke, kedai-kedai runcit dan rintihan selalu didapat daripada rakyat, *"Kenapa tak cukup?"* Okey, *so* untuk bagi gambaran, saya ada buat satu slaid yang ada di depan itu *and hard copies had been given,* kalau susah nak baca ini.

Sebetulnya ini semua cawangan Mydin yang saya tak masuk cawangan saya ke Sabah dan Sarawak. Ada sebab. Ada sebab ya. *So,* saya masuk semua *West Malaysian outlet.* Ada 66 cawangan. Bila kita tengok daripada atas ke bawah, Johor, Kedah, Kelantan dan kita *all the states* ada Mydin-lah, Mydin ada. *So,* bila kita tengok *the first* kolum, okey, cawangan, negeri mana, stok dihantar sebulan. *That means* satu bulan, kita dapat 510, bukan metrik tan, 510 peket sahaja. Jangan silap faham. Kita kira metrik tan tapi ini sebetulnya 510 peket. Maknanya, 30 kotak kecil. Satu kotak itu ada 17 peket sahaja. Okey, *so* satu cawangan dekat Mydin itu dapat lebih kurang 500 kilogram, 600 kilogram, 1,000 kilogram, ada yang dapat 136 kilogram, 136 peket. Kalau seorang boleh beli tiga paket, sedia maklum lah berapa orang beli. Okey, yang nombor satu, kolum pertama.

Kolum kedua ini menunjukkan sepertinya jualan minyak masak sehari. Maknanya, sebetulnya minyak masak ini, bila sampai hari ini, esok lusa dah habis. Okey, *so* kita tak dapat gambaran sebetulnya *what is the actual demand because*

kita tak tahu. Barang sampai hari ini, letak *on the floor,* dalam dua tiga jam dah habis. *Maybe* satu cawangan orang tak tahu, dia dua hari. *So,* bila kita tengok kolum kedua itu, *it is the* jualan sehari, bila minyak masak sampai itu, kata lah dia sampai 500 peket, satu hari ini di Jasin 170 peket dah habis. *So,* maknanya dalam tiga hari dah habis lah kalau 510 paket.

Okey, *if we go to the red* kolum yang saya *highlight* itu, ini menunjukkan dekat Jasin, daripada satu bulan, 27 hari itu tak ada minyak masak.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, nama dia Jasin, tapi dekat Johor eh?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ini Jasin dekat Melaka sebetulnya. Kenapa di Johor saya pun tak tahu.

[Ketawa]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nasib baik yang tanya ini orang Melaka. *[Ketawa]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak, tak. Jasin dekat Melaka.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha, Jasin, Melaka.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Dia terbalik, dia kena bawa ke mana. Okey, lepas itu Johor, Kedah macam itu. *Alright, so* stok cukup untuk tiga hari dan kita nampak bilangan hari itu. Maknanya, *this is* hari-hari *all the way you look* lebih kurang 27 hari, 28 hari itu memang dah tak ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Huh, tak ada guna lah.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So,* untuk satu dua hari je ada minyak masak. Okey. *So,* kalau kita kata purata keperluan, kalau kita pakai 170 peket satu hari, *we then multiply, we need a 5,000 packets per month*-lah. *So, that give you an indication in terms of requirement.* Okey.

Saya tak masuk — saya bagi tahu tadi, Sabah Sarawak ya. Sebab kebelakangan ini, saya ada satu cawangan di Kuching sahaja — dua dekat Kuching dan satu dekat Sandakan. Tak ada masalah. Maknanya, dia orang bagi 20,000 peket satu bulan. *So,* cukup. *So, I didn't want to put the data because if I put* yang 20,000 itu, *it will messed up the data, then you say, "Dah cukup lah itu, 40 percent not bad-lah",* okey.

Ini menunjukkan sebetulnya *fulfilment is 18 percent, 82 percent* tak ada barang. Okey, *this is my first slide*-lah. Ada *question*? Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, soalan saya. Kenapa ada perbezaan dengan jumlah stok yang dihantar? Contoh,

macam dekat Jasin, Melaka, 510 berbeza dengan Kelantan, dihantar sekali banyak 8,500. *Why*?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Okey, dia macam ini ya. *The way* KPDN *works,* okey. Kadang-kadang bila ada Jualan Rahmah contohnya. Okey. *So, they will say, "Jualan Rahmah dekat sini dekat sana, you boleh beli tak from this packer?" Special arrangements are made with the packer.*

■1510

So dia orang hantar barang kepada kita, kita dapat. *So* tetapi yang biasanya *because if you go the last column* dekat bawah sekali itu *you can see* RM1,700 yang bawah sekali — RM1,700 *it comes to our warehouse. Means* pembekal kita tiga, empat orang itu dia hantar pada *warehouse* kita. Daripada *warehouse*, kita akan hantar pada cawangan.

So hari ini dapat kita akan teruslah hantar semua orang. Tetapi kadang-kadang KPDN, *special arrangement because* sini tak ada barang *maybe* ramai sangat bising dekat situ *ke*, *maybe* Ahli Parlimen YB ada *call ke* tak tahulah. Tetapi dia cuba *their best to give some here and there to quieten the noise. But definitely it's not enough*-lah, *it's not enough...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira nak tanya Datuk — yang menghantar itu siapa? Pihak KPDN yang hantar?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Bukan, bukan, bukan. Pembekal kita.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pembungkus, pembungkus?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I mean* dia bungkuslah. *So*, kalau Saji..

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dengan arahan — KPDN lah?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Arahan KPDN. KPDN bagi kuota kepada dia orang. *We have no visibility of got on the quota given to* FELDA *ke* Saji *ke,* siapa-siapalah. *No visibility*. Yang kita tahu itu kita dapatlah, dapatlah sikit, dapat sikit, dapat sikit ha macam itu sahaja, YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pernah tak dalam situasi — maksudnya dari segi pembungkus menghantar kepada Mydin, belum pun susun barang di rak tetiba dah ada *rush* daripada pihak KPDN dan pihak Mydin pernah kena...

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Saman?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kompaun tak *because of* ada simpan stok dan sebagainya. Ada isu tak? Pernah tak?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Kita tak pernah. Sebab kita pandai sedikit. *You see*, dulu-dulu — kita buat barang sampai kita simpan dalam stor. *Because* kalau kita keluar semua, habis. *So* kita kata perlahan-perlahanlah. Keluar sekotak pagi, tunggu setengah hari, keluar sekotak. Lepas itu tengok-tengok KPDN ini sekarang pun rajin sangat masuk *TikTok*. Kita pergi sana, pergi sini dalam stor ada nampak 10 kotak sahaja dalam stor tetapi keluar *TikTok* menunjukkan *this hypermarket* ini *hiding stock*?

So we say why we should have all the headache? Barang sampai, letak sahaja dekat luar. *After all, it's* 10 karton. Letak sahajalah. *There is a sign there,* boleh ambil tiga paket. *So cashier* kita tahu boleh ambil tiga paket. Ada *sign for local only. So-called foreigners are not allowed*. Tetapi kita tak dapat tahan fasal kita tak tahu mana yang Bangla, mana yang India. *We don't ask for IC. We are not allowed to ask anyway, right?*

So that one is between whatever-lah. *But I think YB can understand obviously how fast the* minyak masak *can finish*. Orang masuk ambil sahaja. *So* kalau ada nasi kandar dekat bawah, kalau dia ada 10 orang pekerja, dia tahu kita buka pukul 8 pagi, dia nampak lori minyak masak dekat belakang dia pergi pagi-pagi hantar 10 orang. Seorang ambil tiga paket habis lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Macam Mydin Ayer Keroh lah.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So this is — I think this is the big challenge. I think* KPDN *and the government has to look at it*-lah. Saya ada satu, dua cadangan. *Any question on the slide first before I go to the next?*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Datuk Wira, adakah pihak Mydin macam yalah bila tahu dia kurang itu, pihak Mydin sendiri akan mohon untuk ditambah jumlah itu *and if not, why*?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Kita mohon selalu. *We asked, we asked. We asked but they always answer it, there is no quota. Okay, I think KPDN is very well aware and — the thing behind the scene that is happening and the retail side, this has been going on for years. Right*? *I think YB Teresa Kok is quite well aware, this is years. Seriously* kalau nak tanya dengan sistem yang baharu yang mereka nak buat *so-called the* Ecoss. Bawa IC. Minta maaflah ini semua kerja bodoh sebetulnya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kenapa Datuk kata kerja bodoh? Boleh jelaskan.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I think all this — you see*, sekarang ini kita pakai *fleet card* untuk *diesel.* Itu pun *fleet card* ini bukan semua orang boleh dapat, betul? *Restricted to this* kedai? *It supposed to be very simple mechanism*. Itu pun kalau ada baca, ada *abuses that are happening. So, this one* nak bagi orang nak beli satu, satu ini, kan? Atau beli dua, *is going to be massive headache for retailers.*

Nombor satu, dia bawa IC, kita pula nak jadi pengarah penguat kuasa cek dulu. *You qualified. You cannot imagine* dengan SARA sahaja sekarang orang beratur panjang. Itu pun sebab ada dua sistem. SARA *you have to go to that, check eligibility of the* barang lepas itu baru pergi *post system, it's not integrated*. Itu pun orang dah komplen panjang.

Imagine within that, dia bawa IC lagi. Minta maaf, saya tiga. Lepas itu kita kata minta maaf, dah tak ada dah. Eh, saya tak apalah. Tak beli lagi bulan ini. Nak bergaduh dengan siapa? Sistem tak betul. *I think with all good intention, government come out with processes with in practical purposes, doesn't work.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pernah kah pihak KPDN menjemput pihak Mydin ataupun yang lain untuk memberikan buah pandangan sebelum pelaksanaan Ecoss ini?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Saya — *I think particularly on Ecoss, no*-lah. *but in terms of implementation of the Ecoss* memang kita yang pakai dulu. Di Jualan RAHMAH di Putrajaya ke di mana ke Mydin *was the test case. So* memang *first day* pakai memang tak dapat. Lepas itu kali kedua, sekarang boleh pakai. Maknanya, bolehlah. *Time* itu dekat Johor pun dah bermula lebih Jualan RAHMAH dia bermula.

But to me it's a very messy way of trying to meet a political agenda to say I am helping the poor. It is just — to me it is a political agenda. Orang kata saya tak dapat, *"Eh you dapat tiga tengok IC you." You are not solving the industry problem. You are solving a political and you giving a political answer to solve a problem. I mean that's it.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada — ya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara] What is your suggestion?*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia masih lagi dalam *page* yang ini sebelum kita pergi ke *page* lain. Ada apa-apa soalan? Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya nak tanya Datuk Seri, ada sebuah syarikat yang datang kelmarin ya, *yesterday*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]* Speedmart 99.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Speedmart 99. Dia maklumkan kepada kita bahawa sebenarnya yang minyak masak dalam paket ini yang di-*subsidised* itu, *they are not making money.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *They are losing money. That's my next slide*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *They are not making money,* kan?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I've calculated the loss.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Losing at loss*-lah.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Yes*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Means correct*-lah? Okey, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Datuk boleh teruskan dengan *the next slide.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So when you look, I mean I don't know 99 gave me the number but I took the liberty of calculating what is the loss.*

So mere package sebetulnya harga jualan semua sedia maklum, RM2.50. Kos kita, semua orang RM2.45. *So*, sebetulnya kita untunglah lima sen. Kalau kita kira jual RM2.50, kos RM2.45, untung lima sen. Tetapi barang ini dihantar kepada macam 99 lagipun. Lagi 99 ini, Mydin macam banyak dia hantar pada *warehouse,* sama macam 99. Ada yang kata Jualan RAHMAH dia orang hantar dekat *branches*.

Tetapi *primarily we have to look at* hantar ke *warehouse*. *So* bila dia hantar ke *warehouse, logistic cost per packet is* 0.185 sen. Maknanya satu paket 20 sen. Fasal satu kotak itu, ada 17 paket. Nak *transport* satu kotak, kan? Barang itu akan hantar pada *warehouse* kita. *Central warehouse* kita.

Dia ada dua tau. Kadang-kadang antara dia akan hantar *central warehouse*, kadang-kadang kita kena pergi ambil. Kita ini *desperado* sangat terpaksa hantar lori kita pergi ambil. Fasal kalau macam itulah, *you* nak marilah. Kalau *you* tak nak tak apa. Orang lain nak. Okey, *so* kita kena pergi ambil.

So that logistic cost is 0.185 sen. *So* maknanya satu paket yang kita jual, kita pula bagi subsidi 15 sen, 14 senlah. *So*, ini kerja bodohlah untuk kita pun. *Dok* minta-

minta sebetulnya kita minta masak. Tetapi kita buat bodoh fasal — *every* paket kita dapat, kita rugi. Ini tak masuk nak masuk beg lagi. Kalau koyak, *you know it's a very lousy packing. Very easy to* koyak, pecah, jatuh pecah.

Kita akan rugi. Ini kita tidak boleh bagi balik kata siapa pembekal ini *you* minta maaf. Rosak, pecah bagi balik. *So, it is a seriously a loss-making business* minyak masak satu paket.

■1520

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Memang kalau pecah, dia punya *terms* itu memang tak boleh dipulangkan balik?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak boleh *return*. Beli pun *cash*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, nak tanya sekejap.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Dia bukan beli *cash* sahaja. Dia banyak *for corporate I mean* 99 kah, *hypermarket* kah, *the bigger players* macam mana kita nak bayar *cash*? Barang tak sampai lagi. Nak hantar deposit pada *packer*? Mana kita berani. Nak hantar tengok Abu bin Ali buka kilang dekat mana, nak hantar 20,000, 50,000 macam bagi hutang dekat dia. Makna kalau dia tak hantar barang macam mana?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk, kenapa macam Mydin dan syarikat-syarikat lain yang sanggup *business* benda ini rugi tapi masih diteruskan? Kenapa?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sambut daripada soalan itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya, okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya *if this is the reality*, adakah ini penyebab kepada *retailer* pun memang tak nak juallah? *That means* bila *retailer* tak nak jual, itu menyebabkan orang kata *in the market* tak ada, tak ada, tak ada. *Is that the phenomenal now we are facing?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Okay. For the bigger players, no.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *No. Small player.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Maybe* kalau kedai runcit Ahmad bin Ali *not worth it*, dia tak nak jual. *Maybe* ya, *because I cannot answer for them. For bigger players, we are in the business of loss making anyway*. *We have so many loss leaders*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, more of social responsibility?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I think we forget also social responsibility here. We talk about money.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang ini *duk talking about money*, *you are losing every packet, 20 cents.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, it is not — frankly, it is not the — I mean, if I want to be a politician, I would say that. It's a social responsibility.* Untuk rakyat jelata, kita kena bagi minyak masak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Maybe you are learning from a politician.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Semalam kita dapat jawapan itu.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Jawapan *politician. So* ,dia macam ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mungkin belajar daripada *politician kut* Datuk.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Can be trained to be one but not yet*. Okey, tetapi hakikatnya dalam perniagaan kita ada banyak *loss leader*. Kita akan jual barang untuk menarik *customer*. So, kalau kita tak ada... *[Dicelah]* Sebab itulah kita nak minyak masak itu fasal kalau kita tak ada minyak masak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Correct. We can attract customers.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Because* dia akan pergi kedai lain. Orang, *you see* kalau kata macam *hypermarket* besar-besar itu, *maybe* orang tak boleh pergi satu tempat tapi kalau pergi dekat Kota Bharu, dekat Kelantan kan dia orang dekat sana ini dekat-dekat sahaja. Dia pergi sini tak ada, pergi sana. Pergi sana tak ada, pergi sini. Dia akan... *[Dicelah] like that. For bigger players but* kita jual sebab *it's part and parcel of our business*. Kita nak memastikan — *because* kalau kita tak ada contohnya, orang kata, *"Oh, dia ini memang tak ada minyak masak baik saya pergi kedai 99" maybe. Maybe* dia ada kan. Dia pergi beli Milo dekat sanakah, *whatever*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi satu Datuk. *Not only bigger players, small players* pun buat macam itu. Saya selalu beli barang untuk bagi orang miskin dan sebagainya.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak beli dekat Mydin ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau kita pergi beli minyak itu, *at the same time* kita beli beras. Kita beli susu. Kita beli lain-lain masuk dalam beg kan.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Betul, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So*, dia *make money from there*. *Correct* lah itu strategi dia.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *But you know, we have to get out of this method of getting retailers to lose money.*

Seorang Ahli: *Cross subsidy. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Because your subsidy number is wrong in the sense that* kerajaan bagi RM3 bilion subsidi. Sebetulnya industri bagi berapa bilion itu orang tak tahu lagi. *I think the total subsidy — I mean it's the cost to the country which whoever pay for it.*

Seorang Ahli: *Much bigger. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Much bigger.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk, nak tanya. Tadi kata, *you want to get this because you want to attract the customers to buy something else,* kan*. Why is it that you're compromising, you're quite happy* kah, apakah. Contoh, Mydin Jasin itu tadi kan. *You got only 510 packets.* Maknanya 27 hari tu tak ada?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. *So*, macam mana *you* kata *you* nak *attract the customers 27 days when you have got only three days of* minyak? Kan 27 hari dia akan pergi ke tempat lain.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Kita jual Milo lah pula. Jual Milo rugi, jual *diaper* rugi, jual susu. *You see, I mean* kalau kita tahu macam ini. Sebetulnya, *the shoppers are ladies*. *Ladies, shopper, mom* tahu dua harga sahaja. Dia tahu harga susu bayi fasal dia kena beli seminggu sekali. Dia tahu harga *diaper*.

Mana-mana *whether it is* 99 kah, Mydin kah mana-mana, kita akan *make these two one of the loss leaders to attract customers.* Lepas itu syukur, *alhamdulillah*, belilah tudung satu, belilah baju kurung dua, kita untunglah. *[Dicelah] But this is — I think it's a normal practice everywhere.* Ada yang jual ikan murah, ada yang jual ayam murah. Sekarang kita jual ayam rugi 50 sen hari ini. *But that is attracting customers.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Seterusnya mungkin Datuk boleh teruskan kepada rekomendasi.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ini sebetulnya, *before I go to the next one*. *Actually, this* minyak masak *it's a massive problem because the ecosystem* bila

pakai, boleh pakai, *insya-Allah.* Dah belanja berjuta boleh pakai tetapi *inherently, currently, this a lot of abusers in the market.*

Nombor satu, pemborong borong mengikatkan — kalau beli gula, baru saya dapat minyak masak. *Outside. Because* kita ini Mydin ini bukan sahaja *retailer, we are wholesalers*. Tapi susah kita nak buat *those kinds of things*. Kita tak boleh jual. Dia buat beli gula, baru dapat minyak masak, kotak-kotak. Pemborong. Ramai yang buat macam itu atau dia ikatlah. *You* beli barang RM100, baru saya bagi dua paket minyak masak. *I don't think the government can ever control this. There are thousands of* kedai runcit dekat luar*. This is a very big challenge.* Nombor satu.

Kedua, KPDN *every state with their own challenges,* kadang-kadang suruh kita letak minyak masak dekat *cashier*. Fasal *so that customer* datang dekat *cashier*, barulah kita bagi minyak masak. Macam kita pula bagi *allocation*. Letak dekat *cashier*. Macam *cashier* tak ada kerja lain.

Imagine KPDN enforcement officer walked in, minyak masak. *Cashier* yang baru, dia tak tahu ada minyak masak dekat bawah. Dia kata minta maaf, tak ada minyak masak. Kena kompaun terus. Menyorok bawah kaunter. *I mean, all these things are big challenges. I think restaurant, you know, all these things.* Tapi tak apalah itu, *I think KPDN is well aware.*

The changing of suppliers, kadang-kadang *because* yang ini tak ada minyak masak, KPDN kata *you* beli dekat situ, beli dekat sini. Contohlah kan. Dia nak tolong kan. Tapi untuk kita orang ini nak beli dengan Abu, kita kena masuk dalam sistem pula. *We have to create the supplier, the term*, baru kita boleh beli.

Ada juga pembekal minyak masak dia kata, "*Saya tak ada barcode*." Tak nak letak *barcode*. Kita pula nak sangat, ambil letak *barcode* sendiri. Lagi lima sen kita rugi. *These are the challenges that we have. Anyway, I go to my next slide. Of course, the data on the next slide will not be 100 percent accurate because I don't have the government data.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry* Pengerusi. Datuk, boleh saya tanya? *In your system, can we* — sekarang kita pakai IC, SARA untuk beli barang dengan Mydin dan sebagainya.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Betul. Betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh kah sistem itu di-*design in a sense that* saya punya — satu ahli punya IC itu, dia hanya boleh beli minyak subsidi.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Boleh.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Can we cater that? So that we know with direct subsidy, we are no longer go through this kind of very messy, leakages and all this.* Lapuk. Sistem yang lapuk.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *No, because currently* pun, *nombor satu, we can restrict for us. In our system, we can restrict what people can buy.* Macam, *it's a SARA program, right? These are the 14 categories you* pergi beli barang lain masuk, dia tak akan lepas. Nombor satu.

In our system — I mean industry, I don't know. In our system, we can just restrict anything we want. Okay, because we work with zakat*, we work with NGO.* Dia kata ini musim sekolah. Saya nak dia orang beli barang-barang sekolah sahaja. Lain barang tak boleh beli. Contoh. Kita boleh *restrict in the system. I think the bigger players' system will be robust enough to manage. So,* sebetulnya, *you are 100 percent right.* Tak ada IC, masukkan Ahmad bin Ali kah apa, satu bulan dapat tiga paket minyak masak. Dia pergi sana, dia bayarlah. *That's all. We don't need another system, you know.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *The issue is the rural area. Can it be done easily?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Sekarang ini, *I think to answer the question some time ago, it was very difficult because a lot of people don't have this. But I think when we had the meeting, we had the briefing by MOF just two days ago by Datuk Johan in terms of because of the SARA implementation,* yang RM2 bilion ini, *which is on 31st August.*

■1530

So kedai-kedai *in the rural area* semya pun dah pakai SARA dah, kan? *I mean according to the Emart guy and the Borneo — somebody I mean. I'm not expert in that but there will be of course some* kampung *somewhere, somewhere it will be difficult line you know. But if we solve 90 percent of the problem, I think 10 percent we have to manage it by however you want to manage it* lah, daripada *we mess up 90 percent of the problem.* Okey.

I just wanted to— so saya satu, kena minta maaf kalau data ini tak betul *because* ini data anggaran daripada apa yang kita baca. Okey, contohnya saya tengok kerajaan *subsidises 60 million packet per month according to the some data over there* ya. *And eligible recipient, 5.8 million.* Okey. *So, subsidy given per packet* anggaran RM4.40 lah. *Why I say* RM4.40 fasal kita jual satu kilo RM6.8. Yang ini kita jual RM2.50. *So* maknanya peket subsidi RM4.40. *It doesn't matter if RM4.40 or 4 dollars* subsidi lah. *That one I think government knows better* lah— kita tak boleh.

So, total per month the subsidy RM264 million per annum subsidi katalah RM3 bilion, contohnya *and this is to answer YB's question just now.* Sebetulnya *we were also know that one household, need only five kilo oil per month.* Lima kilo je cukup. Saya dah tanya *my staff* anak berapa. Ada yang semalam tujuh orang pun

dia kata lima kilo. Yang ada empat orang pun dia kata lima kilo. Mak saya, tak tanya lah— orang rumah. *[Ketawa]* Tapi *on average,* lima kilo cukup, okey.

So kalaulah kita pakai sistem YB, semua orang dapat — IC *five kilo,* habis cerita. Harga RM6.90 kalau kita pakai *5.8 million packet*, *5.8 million recipient,* lima paket seorang, *29 million packet*, subsidi RM4.40, subsidi *RM127 million per month. Total subsidy per year only RM1.5 billion. So automatically* daripada yang kita subsidi RM3 bilion ini, kita akan untung RM1.5 bilion. *[Dicelah] A very simple mechanisme. Of course,* kita tak payah sebetulnya masuk dalam IC ini. Kalau kita— *the government can articulate out there that* saya tambah lah orang kata *five packets times RM2.50, RM7.50. Five packets times RM6.80 balance* RM4, RM22. Daripada duit SARA yang kita bagi RM100 sebulan, tambahkan RM20 untuk minyak subsidi. Lepas itu tambah lagi RM50 untuk petrol. Tak payah *another system* kat sana. Okey.

But the government refuse to listen. That's all. Okay. We have suggested it in many forums, make life easy. Why you pergi satu system kat *petrol station,* kesian lah dia orang, okey. Lepas itu *here and I think there are so many other system*— esok nak beras pula nak bagi IC pula lagi satu, okey. Apa susahnya kita kira. Kita dah tahu *the recipient 5.8 million whatever numbers you want to give.* Bagi lah dia contoh RM50 *you know. It is more easier to manage. Only thing is you have to articulate it out why you give* daripada kita bagi sumbangan RM2 bilion ini kan contohnya, kan? *It is not articulated out why are you giving the T20 that extra hundred Ringgit.*

Orang tak faham tapi kita kat Mydin dah faham, kita buat kotak SARA. *So you* tak perlu RM100. *You* pergi kat Mydin, kita dah siap kotak, kita akan ambil kotak itu kita bagi kat JKM. Kalau dapat *permission* PAC kita buat kat Parlimen. Cuma Ahli Parlimen turun beli satu kotak SARA, kita akan bagi pada JKM. *[Ketawa] I'm sure* Ahli Parlimen *donate the hundred Ringgit*-lah. *I mean this is the seriously out of the box idea and we have already got corporate* daripada *share*, daripada dialog. *These people they say*, *"eh good idea lah. My people don't need the hundred Ringgit." They should come.* Kita boleh bawa van Mydin kat sini, kita sistem kad ada, *it is all online. Tap, tap,* bagi kat JKM. Itu kita *launch it about two days ago, Deputy Minister KPDN YB Senator Datuk Fuziah came to do it.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Oh, *I see. That means those who don't need— that means and let say tomorrow I go to your supermarket, I don't need the RM100, so* saya boleh ambil satu kotak, *use my* apa itu…

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Your IC* lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Ha IC. Itu satu kotak mintak Mydin pergi hantar *[Ketawa].*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Correct. So, you have two choices. Number one, because you* tak nak pergi *shopping* lah pening kepala, kan? *You just go, the box is ready in the box. What we have done?* Kita *put essential:* beras; gula; tepung; kicap; *flour; whatever* tapi kita kat Mydin ini ada dua. Kerajaan tak fikir tapi kita fikir. Kita masuk barang IKS/PKS dalam itu. Daripada kita masuk Milo, Nescafe, kita masuk kicap Jalen, beras Faiza. *So indirectly we also help the IKS/PKS. So* daripada sasaran kita kalau kita boleh buat 200, 000 kotak contohnya, 200,000 paket Faiza akan lebih dijual atau Jalen kah, Kopi Hang Tuah kah, macam itu.

So daripada *the money from the T20 or M40* yang tak pakai, bukan saja kita salurkan kotak itu pergi pada JKM, kita akan menolong juga IKS/PKS. *So, it is two edged— both ways of helping. Not only then, you can come and take the box also.* Makna dia kata, *I don't trust you* lah. *Just give me the box, I will give it to my driver. But better give to my* kampung *or my church or whatever. Fine, you can take the box and go.*

But it saves you the headache of going through a shopping centre not knowing because especially the T20 they don't even know what qualifies. The B40 dah biasa dah. Dia tahu lah. Dia beli lah fasal dah *going on for more than one year.* Dia dah biasa. *When it was first implemented was very messy.* Orang tak tahu. Cawan ini boleh ke tak, kenapa ikan tak boleh, contohnya, kan? Tapi sekarang dia orang dah tahu. Yang baru yang tak tahu, beli kotak kat Mydin aje.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: *Good idea.* Bila promosi?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: 31 Ogos bermula, merdeka. 31 Ogos bermula. Kalau YB boleh bagi tahu ke PMX, *where is our* Merdeka pukul 12 malam, Mydin ada lori boleh pergi hantar kat sana. Suruh PM pergi pakai duit dia yang RM100 itu. Tapi Fahmi tak nak bagi tempat kat tempat Merdeka itu. *[Dicelah]*

Anyway, so this slide basically explains— I'm sure the government is well aware lah *that why give so much subsidy and* ketirisan-ketirisan, *I don't think the solution the ECOSS and all this works* lah *you know. So, this is the better way of managing money* lah *insya-Allah. But the government always knows better. Unlikely but…*

All right. Itu sahaja daripada saya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, pernah jadi mana-mana ahli persatuan pengguna ataupun forum ataupun...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: FOMCA.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Forum ataupun MEOMA?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: *No, no, no.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Siapa? Saya?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: MRA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Ha, ini FOMCA.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *No, I'm not FOMCA but...*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: MRA, *sorry.* Ada...

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I'm member of MRA, I'm a member of FMBA. I'm also a member of advisor to— pro advisor to FMBA. I think* kalau YB tahu *I'm a co-chair of PEMUDAH, right. So, I know all the headaches behind the cooking oil. I know all the thing that's happening in the government, generally because PEMUDAH* punya *is to* memudahkan, right. *So private sector— You can call me all the time. I can tell you all the problem in the world, in the private sector.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Pada pandangan Datuk, apakah sebenarnya halangan terbesar bila kalau tengok ada opsyen A, B, C yang diberikan oleh Datuk yang dah lama bergelumang dalam industri peruncitan dan ini dan tahu permasalahan yang Datuk nyatakan tadi. Apakah halangan terbesar untuk kerajaan membuat implementasi sebagaimana cadangan Datuk yang boleh macam dengan mudahnya menyelesaikan banyak masalah? *What is the biggest challenges?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Political will. That's all. Even* nak turun— nak apungkan harga ayam, contohnya. *You are also fighting battle but finally PMX listen to what I said and* harga ayam tak naik lagi sampai RM9.40 lah. Okey, tapi harga telur memang naik dah dua kali. *Very expensive now* harga telur.

■1540

I keep messaging to Mat Sabu and KSU, still harga telur naik. *So somebody is starting to funny again but* harga telur dah naik ya. A, B, C *is very expensive* ya, dah naik dah dua kali dah. Tapi *I'm surprise that no politician are brought it out.* Senyap sekarang. Saya pun tak faham kenapa, tapi tak apa lah bagus. *But I always said seriously we should take away from the subsidy because availability is more important than subsidy.* Bila kita buat semua *price control* memang ayam A, B, C tak ada so orang kena beli omega lagi mahal. *So*, sekarang ni macam mana naik harga pun orang boleh beli.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *But yesterday* Pengerusi, semalam itu siapa yang kata... *[Dicelah]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Naib Presiden.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *No, no. The* 99 Speedmart kata dia ada di Malaysia ada dua pembekal telur. *So*, bila kerajaan campur tangan nak bagi subsidi untuk telur jadi dua-dua syarikat itu gaduh dan tiba-tiba macam berlakunya *shortage of* telur. Tapi bila bagi dia apung mengikut harga pasaran ia sudah balik jadi normal. *So, I mean the conclusion is we don't need to give subsidy for* telur *let it a float according to market price. Who is your...*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *You don't need to give subsidy for anything because subsidy doesn't help the* rakyat *in anyway.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Setuju, setuju.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Alright. So, you might as well remove subsidy. You see ya, many years ago, many years ago we didn't have a choice. We didn't have the* data. Kita tak ada SARA, okey. *We have reached a stage that we have the data. I mean maybe you are wrong five, 10 percent of the people. Maybe* yang ada lah *10 percent don't deserve, not deserve* pun dapat juga, *its okey. But you — 90 percent of your problem has been solved.*

So, all you have to do it increase this amount that you're giving, where is needed, when is needed and I also suggested don't give end of the month, give on the 15th month because when you give end of the month dia orang dapat gaji *and you know I mean unfortunately* bila kita cakap orang yang kat bawah itu kadang-kadang tak pandai bajet, orang yang kaya lah pandai bajet sebab itu dia kaya. *[Ketawa] You see. So sometimes when you give them* dia dapat gaji RM2,000 lepas itu dapat sini 300, dia *might tend to overspend, overspend. So,* eloknya kita bagi pada 15 fasal semua orang kering 15 hari bulan. Walaupun 200 ke 300 kalau dia bagi 15 *it helps two people, you not only help them because, it help the industry, it help the industry because we also* dah kering pada 15 hari bulan tak da orang masuk, tak ada duit.

So, our sales also would go up and the nasi kandar*, the restaurant. I think this is serious. So, government has taken into account I was told that the STR was release on the 14th or something like that. Unfortunately, the STR when release no effect on the retail, surprisingly ya. It although government give STR yang* kedua 2 bilion itu, saya ingat dia orang dapat *cash* kan, takut pergi bayar along ke, bayar Astro ke, tak terasa.

So, in the retail industry when MySARA is release and 99 can voice for it, hari ini *release esok bisnes double. So, it shows the poverty level, the need. I mean if I give RM100 to you I don't think you going tomorrow to Mydin to buy,* nanti lah, I pergi lah nantikan. *Tapi even when the money is given on the Wednesday, the worst day*

of business that day the shop will be pack. It shows the poverty level, how much people need that money. That one who need they really need it, you see.

So, I think kalau kita boleh *is call me PM to, actually I told PM also because I see on NACCOL, so I've told him. I actually told Amir Hamzah, I said "Bagi lah 15 hari bulan…", so that at least you have a second round to spend money. It will help them, help the economy, it will multiply it will better* lah*, insya-Allah.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Macam itu Datuk Wira, kalau macam itu STR itu pun jangan bagi *by quarterly* ke apa, bagi tiap-tiap bulan lah macam Selangor buat itu.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Actually, you should never give quarterly,* ya. *You should never giver quarterly because it quarterly is very bad because when people get 500, 600 their budget* dia bagi cepat-cepatkan. *I mean, even if you look at US whatever* gaji kan*, weekly wages.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Weekly*.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Because that how people spend, how people spend. It must be weekly, it must be buy,* kalau tak payah pun sebulan sekali pun tak apa lah daripada kita nak pergi *weekly* pening kepala fasal orang kata nanti dapat RM20 pula orang marahkan. *So*, kita dah bagi RM200 saja sebulan sekali pun tak apa tapi ke tengah bulan. *Tapi the quarterly should not be given. Why? Government has all the money or government borrows all the money. Anyway, so you know.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada apa soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Then to ask calculation again. If Datuk you think you can help. PORAM, PORAM is a you know the* sawit *refinery association. They are the one that come out with the oil and then they will send to the packers,* pembungkus*. So, according to PORAM* dia kira *the population of Malaysia each one to know how many kg or what ya. The government say they give 60,000 kilo, 60,000 kg per month subsidize oil.* Dia kata kalau ikut populasi Malaysia, kita hanya makan 30,000 kg satu bulan. *So, in a way we always subsidize you know, another 30,000 kg per month. So, then the question now is, where is a 30,000 kg* pergi lah, pergi mana lah. Okey lah *it can say you go to Bangla, go to the Indon and all that* lah*. But also, apparently also go everywhere.*

So, now I think I do not know because we are not in the industry, we are not KPDN. I mean all this figures different calculation you give us calculation, PORAM give us calculation, semalam 99 Speedmart *also give us some sort like their pick, pick, pick the figure and do the calculation. Somehow, we need to put together and*

see because PAC role is to give a suggestion to the government on how to minimize a leakages you know.

So, I don't know maybe you people you know in the industry you can somehow get all the figures together and see how to you know what the call that solve the problem lah, solve the leakages. Pick up where is the problem. Because if we ask the government in that case you either you know reduce a lot to the packers then the packers may jump then they will cost them lose business.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Because the packers are crony isn't it so of course they will jump. [Ketawa] I mean packers are selected by whom*? *Basically, they all crony is anyway. So, I think we are messing up the system. Actually, these numbers that you want YB is widely available, it just mathematic. That is no complication in this. There're only 5.8 million people who need the oil, right. That's the what KPDN says. You give them five kilo they already tell you how many packets you need, that my first calculation. That's all that is required, right and you just give it to them whichever way you want to give and you will save 2 billion dollars very easily.*

A very simple. You do that for 2 billion, you do that for the petrol, you do this for this. I think you can get five, 10 billion without even thinking out of the box.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi, boleh saya tanya. Datuk *actually we know where the 30,000, 30 million, 30,000 ya…*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 30,000.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Ha, 30,000 kg.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Per month ya.*

Beberapa Ahli: Tan, tan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Ha, 30,000 tons, we all know where its goes. It goes to — you know* kedai masak *you know, the* tepi jalan, *you… [Dicelah]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *You can come to Thailand we can show you.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Ha, Thailand also. Okey, but our* kedai-kedai tepi jalan pun banyak yang menggunakan, okey*. So, my personal experience is that once when we talk about this* nak *subsidy cut the* pisang goreng *guy told me, "YB nanti kami nak naik harga ooo…", they already warned us the politician. Don't take it away because there were incurred all the prices. What is your response, okey. Will the* pisang goreng*, our* mi goreng*, our all the* kedai-kedai tepi jalan makan *what you call that economic rice, all raise prices or not? What do you think*.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *You know YB, all of us worry raise prices whatever you do also* lah, okey. *All of us worry. We are just finding excuses to raise prices and to blame somebody, okey. The easiest will be to blame the government, okey. We shouldn't be listening to* pisang goreng *people*, okey *because — alright they're first, you know to me you give where it is required. If you feel that the poor* pisang goreng *could increase the prices* okey lah, *instead of giving* SARA 150, *give* 160 lah, *10 dollar extra* lah *for you to buy the* pisang goreng *and* cucur. *Because the* harga pisang goreng dah naik 30 sen *ke*, dah naik 50 sen.

■1550

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia dah naik dulu.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak apalah, dia akan naik pun. *You* tak buat apa pun, dia naik, *you see. So, you* bagilah. *I mean the government can articulate.* Saya dah kira *you* memerlukan RM50, tapi PMX baik hati, *"Saya bagi RM70. Lebih RM20 tip". Because* pisang goreng akan naik harga. *It's okay.*

[Ketawa]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Then they will say, "RM20 sahaja. Ini maruah kami RM20 sahaja", that's another...*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Actually,* kita pun cakap, kan? PMX bagi RM100 sahaja, kan? Itu pun marah, orang kaya lagi marah dia kata.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, *my next question is a lot of time, we know there's cartel in the supply chain. So, take example, just now you raised about possible cartel of the* telur *and all this. How does it work? Can you give us some of your insight, insight along this supply chain.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *YB, Malaysia is full of cartels. Everywhere is a cartel.* Okey. *So, I don't think — I seriously think — I mean whatever MOH says, whatever FAMA says. This four or five jokers, they control the chicken industry. It's going to be very difficult to break because obviously for two things right. They control the feed and they control the DOC, the Day-Old-Chick, right, okay.*

So, unless the government through some GLCs, and we like to waste money on GLCs, can go and do something, only there are two parts. DOC and the feed. Which can be done. It's not that it cannot be done but someone needs the willpower and actually the government has to do it because to break the cartel. Otherwise, the cartel cannot be broken.

I mean beras pun, beras pun macam itu juga. *You know, all your* beras *five percent, 10 percent, 15 percent.* Siapa kata beras itu *five percent, 10 percent?* Beras

itu *20 percent. We all know that. We know, MOA know, Minister knows, everybody knows, except the politician.*

[Ketawa]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Refused to know. Including Bayan Baru.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Or pretend not to know*-lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] The former deputy. [Ketawa]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Pretend — pretend.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *No, we were mislead. [Ketawa]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, I think — I think all this, I think the — I heard YB Mat Sabu was saying that even the* beras, *they are going to do something about it.* Saya dengarlah apa akan jadi. *I think it's a very good idea. Same thing. Remove the subsidy. Remove that* SST, beras *let it go.*

Actually, unfortunately you have signed an agreement with BERNAS-lah. Beras import sekarang lagi murah daripada beras subsidi. Beras import. *If you allow me to import,* beras import *will be cheaper than* beras subsidi sekarang, sekaranglah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk, tadi *you* kata *remove* SST.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Remove* SST?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ha.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Well, I hope you will do this.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *No, remove the* subsidi beras. *Which part of the* subsidi beras?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Beras, kan? lokal tempatan, beras ini. *It's a controlled price. It's the same thing as the* ayam *and the* telur *story,* kan? Kalau kita *remove...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Apungkan harga.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *The* harga siling? Okey, *remove the* harga siling.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Apungkan harga.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Apungkan. Bukan *remove* subsidi.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Harga akan naik, bagi dia naik. *You* tambah lagi RM5, SARA. Okey, tak apa. Tambah je. *Because you — we have a focus what. You* tambah je. *You tahu* berapa orang *you* nak tolong. Daripada *you* berbilion

sini, berbilion sana. *You might as well give it to the poor and I am very happy when you give to the poor because they come to Mydin and shop. So,* kita menolong.

[Ketawa]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Kita menolong rakyat yang memerlukan. *You know, because* bila tak ada barang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Politician* takut.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Bila tak ada barang, mereka terpaksa beli yang mahal pun. *Even this so-called Pisang Goreng Lady, she's complaining but she's not getting the mere packet anyway. Where is she getting the mere packet from? Shes's complaining,* dia akan naikkan harga. Tapi, mana dia dapat *mere packet* itu? Dia tak boleh beli dekat Mydin. Tiga paket je *mere packet. So,* dia dapat dari mana? *So,* memang dia tak ada. Kalau dia dah tak ada, apa dia nak *complaint* lagi? *This all these are people make up stories to you know to get people sentiment whatever but they don't get it. YB, the industry is in a mess, YB. Please call me more often.*

[Ketawa]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *I hope, I hope.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Since you are here, since you are here, just tell us more*-lah *because we want to do a whole report.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, tadi masa Bayan Baru bangkitkan fasal 30,000 tan minyak masak itu yang digunakan. Datuk kata Datuk tahu ke mana minyak masak itu pergi.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak, *before* — saya — ada video pun nak tengok ada minyak masak dekat Thailand, dekat mana pun, ada. *It's not difficult because I have a shop in Kota Bharu, right?*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita akan pergi lawatan ke Rantau Panjang minggu depan.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ha, Rantau Panjang.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bawa kita pergi Goloklah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Pergi Golok? Tapi, KPDN pun tahu. *So,* dia pun tak bagi. Minyak masak, kita ada semua kedai, dekat Rantau Panjang Mydin memang tak ada minyak masak paket *because* KPDN *knows because* jalan depan je, kan? *So, might as well don't give.*

[Ketawa]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Itu zaman dulu. Zaman ini orang tak ada.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, but you know, I tell you, all these things,* kalau boleh *you forget because you cannot control, you cannot control. I mean, we know we are — kito ni ore Kelate and...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ore Kelate?*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ha, orang Kelantan. Mydin bermula *1957 as smugglers, okay? So, we are smugglers actually. [Ketawa]*

[Ketawa]

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Oh, no wonder, no wonder.* Hebat.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Unfortunately, PAC minutes are recorded.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *1957. My father. My late father's time.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Only a thief that can catch a thief.*

[Ketawa]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So,* kita tahu *and* kita tahu *the border, the border is not only border* kata boleh lalu sungai. *It's not* lalu sungai, YB. Lori pun boleh lalu atas jalan dengan minyak masak *because my brother have seen. Because* minyak masak ini senang sahaja, tengah-tengah minyak masak, dekat hujung semua Maggi, hantar lori, *bismillah.*

[Ketawa]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *And you know why you can go through, you know why it can go through, obviously. So, you know what, instead of wasting money on enforcement, you know this that, you know when we try to fight tobacco,* seludup *tobacco, you know all these things billions of dollars are being lost. Because when you control something, that's why you have the highest things in* Kelantan, *you know you control everything,* tak ada apa, banyak beranak dekat rumah *you know,* banyak AIDS, banyak — ini dekat mana? Dadah dekat Kelantan juga, kan? *Because the control.*

[Ketawa]

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *You control — no, when you control, it goes underground. You* ada *control web,* kan? Ha, *you control*-lah, *I want to see.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sik, Sik. Sik kena respons, Sik.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, I think — I hope the government grows up a bit and then think you know that you know — let it go, let it go, let it go and then use your money in a better place. I collect myself, not your money, our money. [Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Quite very interested* bila Datuk sebut fasal kartel itu. *You talked about chicken* punya itu, *you are talking about* DOC dengan *feed* punya isu. *What about* minyak masak? *Where is the critical* yang *need to be addressed*-lah?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *No,* minyak masak ini kan...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Minyak masak *as well as* beras. Dekat mana? Tadi, *for chicken you are talking about* DOC dengan *feed* tadi. *So, for* minyak masak *and* beras, dekat mana kartel yang boleh kita *break down* ini?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Minyak masak sebetulnya *it is* tirisan sahaja. *Because* minyak masak ini *all the big players, right? It is the price is international price you know, palm oil, you go down, you know whatever.* Okey.

The only thing about minyak masak *is* tirisan dan siapa yang *packer* semua — minta maaflah, untuk saya semua kronilah, kan? Okey, *so that is the* minyak masak.

Beras, *the problem with* beras *are also seriously very few players, very few players,* okey, *and then you have our good friend BERNAS there,* Tan Sri, *who makes billion of dollars, seriously. You know, I import basmati rice from India, every kilogram I have to pay him one dollar.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Haiyoh.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *One dollar you know* per kilogram. *So, my* beras *of* 10 kilogram kalau *you* beli, RM10 itu *I* bagi Tan Sri dulu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] One tan, RM1,000.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ya. *So, you just imagine,* itu basmati *you know. But I mean unfortunately the government with all this wisdom extended the contract, but otherwise — your hands are tight, so I cannot scold anybody here. [Ketawa]*

Hopefully, it would not be renewed-lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, *as for* beras *is concerned,* Datuk *feel that arrangement* kasi BERNAS itu *is something* yang *need to be stopped*-lah?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Of course. I mean we need stockpile. I am not saying that we don't need stockpile. It will be easier the government just pay him money to stockpile, it will be cheaper.*

■1600

You say okay, I need a stockpile of this. How big is your warehouse? How are you going to manage this? Here is my money. You stockpile for me. Is okay. I mean, of course, you must stockpile. This is beras kan. *But you are giving him an open thing. You import everybody must go through you*.

Basmathi, RM1. Kalau beras wangi RM10, *you know.* Beras harga sekarang ini *you* tengoklah, kita jual harga berapa. *Imported rice,* RM35. Sebetulnya harga dia RM25. Tetapi kita kena beli via BERNAS *anyway, right*? *We cannot bring imported rice, anyway. We can only bring* Basmathi *and* wangi, *right? We cannot bring imported rice. We have to go to* BERNAS.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *But, during* BERNAS, *I still remember they said that imported rice is more expensive.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *There was a time.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara] Last year, last year.*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *So, there was a time — so we are so scared of that eventuality, so you give people a lot of money. You might as well have a stockpile* lah. *So,* bila ada masalah, *you release stockpile, then you* tarik balik. *I mean US does it. Japan does it. All people do it. They definitely don't do through via* BERNAS lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Minta maaf, saya memang rugilah. Daripada awal cerita Datuk...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Rugi *tau.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, Datuk apa — Datuk pernah sebutlah yang tadi pun dibincang soal — disebut secara *direct* bahawa berlaku ketirisan besar subsidi minyak ini kan. *[Dicelah]* Segmen Datuk itu memang maknanya antara hujah saya lihat proses subsidi ini perlu dinilai dengan sebaiknyalah.

Jadi, di pihak *outlet* Mydin sendiri, pernah tak ada kes *diversion*? Maksudnya daripada pengimport *repack* balik ya minyak masak yang kalau diterima daripada pembekal, bawah minyak itu minyak — yang dikitar semula, dia *repack* balik minyak subsidi itu. Adakah pernah dijumpai di *outlet* Mydin? Itu satu.

Kedua, dari segi — perbandingan jualan dengan penggunaan munasabah ini? Maknanya mungkin ada pernah ke di pihak Mydin diterima satu waktu itu orang beli terlalu banyak kan minyak ini. Jadi di luar pada normal atau biasa. Adakah pernah berlaku mungkin di *outlet, outlet* Mydin ada berapa sekarang ini?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: 66.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 66 ya.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Actually* 69 lah tetapi saya tak masuk Sabah, Sarawak.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi dua benda ini pun ada pernah insiden ini berlaku di *outlet* Mydin sendiri?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Dia macam ini Yang Berhormat, sebab nombor satu, kita ini jual baru tiga paket sorang sahaja. *So*, kita tak dibenarkan jual kotak- kotak kan. *So, the chances of it been siphon off to do other things to do very unlikely* lah. Fasal kita tak jual kotak dan kita tak dibenarkan jual kotak. Tetapi orang lain tak dibenarkan juga tetapi jual kotak. *Because* kita akan ikut. *I mean, we have never been compounded and we have never been did because* kita ini baik sangat. Tetapi dekat luar ini bukan semua orang baik.

So of course, there is money to be made, orang akan jual. Kita tahu, kita tahu dekat luar ini ramai akan jual barang-barang itu pada harga yang lebih sebab *there is opportunity to be made* lah. Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Satu lagi Datuk, saya pun tak tengok data lagi penuh lagi. Cuma kalau nak buat *compare* bekalan untuk *outlet* di tiga negeri yang sempadan Thailand ini, adakah ia di satu dia berdasarkan kuota kan? Yang keduanya, adakah maknanya Mydin melihat ada perbezaan ketara?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak ada. Tak ada.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tak ada?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak ada. Tak ada. Dia — sekarang, baru-baru ini, kita dekat Kelantan dapat lebih minyak masak, lebih. Memang tak mencukupi *but when you look at the data* tadi, dekat Kelantan itu lebih sedikitkan daripada negeri-negeri lain.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kelebihan di Kelantan maksudnya kalau — pemerhatian Datuk sendiri, di Mydin sendiri, adakah memang itu keperluan normal di pihak pengguna ini ataupun...

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak ada, tak ada. Kita pun pembekal itu baik hati pada Mydin. Itu sahaja*. Nothing to do* pada keperluan. Keperluan itu memang dekat semua tempat tetapi bila kita tengok kan — kalau tengok daripada atas Jasin itu RM500 sahaja. Tetapi bila kita turun dekat Kelantan, 3,400, 8,500 kan. Jauh beza. Walaupun tak cukup tetapi jauh beza. *Right*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sekarang ini minyak masak di sebelah sempadan berapa? Dia orang kalau Mydin tahu? Kalau minyak masak yang betul dia daripada Thailand sendiri, berapa dia jual?

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Tak ada lah. Dia mana ada subsidi kan. *So,* dia akan harga pasaran. RM6 lebihlah satu kilogram.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: RM6 lebih.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Jauh beza. *You see the difference is so much*. *The incentive is so much to smuggle, so much. I mean, whatever the government want to do, the enforcement can never be there. I mean* kalau *you* pergi dekat Kelantan, beras Thailand diseludup. Bukan kita hantar dekat sana. Daripada sana dekat sini, *you can find all sorts of* beras pakai Wakaf Che Yeh dekat sana. Market sana kan *which are not approved* beras, *you know. Not the normal* Jasmine, Beras Rambutan *whatever, which is a few means supplier* kan. Dekat Kelantan banyak beras tetapi semua diseludup daripada Thailand.

We only have to pay RM5 per pack. Kalau nak saya boleh uruskan. *[Ketawa]* Dia naik motor sahaja. Bagi RM10, RM5. Orang bawa sahaja.

Seorang AhlI: Boleh *try*. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Kalau nak rasa beras daripada Thailand. Beras wangi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ketika prosiding hari itu di pihak KDN, ada jawapan daripada pegawai bahawa di pihak penguat kuasa Thailand dia tak ambil kisah sangat pun orang nak seludup beras dia masuk ke Malaysia kerana itu tak memberi kesan apa kepada dia.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: *Business*. Ya lah, *it's business for them, right?*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi betullah ya itu...

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Ya lah. *But you know, I think we have to be this one,* Thailand *is obviously more corrupted than* Malaysia lah. *I mean, there is a foregone conclusion*. Senang kira dekat sana tetapi senang kena tembak dekat sana pun. *[Ketawa]* Tetapi kita bukan nak — *I mean* kita sedia maklumlah, *however, we complain about* Malaysia, *we know* Indonesia, Thailand, Cambodia, Laos *are worse off in terms of money* lah kan. *So*, lagi senang bicara.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berbahagia Datuk Wira Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad. Terima kasih di atas penerangan, perkongsian pada petang ini untuk PAC lebih memahami isu yang telah pun dibangkitkan. Kita apa pun yang input yang diberikan, kita lihat bahawa *political will* itu sangat penting untuk melakukan perubahan. Jadi, terima kasih sekali lagi...

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Terima kasih YB.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:...Kepada Datuk Wira.

Datuk Wira Ameer Ali Mydin [Mydin]: Minta maaf kalau silap kata. Jangan marah. *Assalamualaikum* dan salam merdeka.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Waalaikumussalam*. Terima kasih. Salam merdeka juga. Ada nak ambil gambar dengan Datuk? Ambil gambar nanti.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Kalau ada beras rosak-rosak itu bolehlah buat CSR dekat kawasan kami terutama pembangkang yang tak ada peruntukan ini. *[Ketawa]*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.08 petang]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 14 Oktober 2025
Bil 6(i) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)

(i) YBrs. Encik Fakhrunniam Othman
Group Chief Executive Officer

(ii) Encik Shammim Azad Kamruzaman
Chief Executive Officer

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 14 OKTOBER 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia)]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
PsK Torina Anak Aheng [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Inter Agensi (Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
Puan Hely Herlynna binti Mohd Kassim [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Cik Lau Ling Ling [Penolong Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Erda Ezdiani binti Ahmad Toha [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI

FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)
YBrs. Encik Fakhrunniam Othman [Group Chief Executive Officer]
Encik Shammim Azad Kamruzaman [Chief Executive Officer]
Encik Mohammed Fareez Khairuddin [Special General Manager]
Encik Mohd Bakri bin Mohd Sahib [Senior Manager]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 14 OKTOBER 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.01 tengah hari

[Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat tengah hari kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan juga, Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana semua hadir dalam mesyuarat pada hari ini.

Hari ini, kita akan sambung semula prosiding berhubung dengan pengurusan kawalan harga dan juga subsidi minyak masak di bawah KPDN. Yang ini adalah merupakan prosiding yang kelapan dan pada prosiding yang lepas, KPDN, JAKIM, KDN, MEOMA, PORAM, MRA, FOMCA dan juga MYDIN telah pun hadir memberikan keterangan berkenaan dengan isu ini.

Jadi, PAC berpandangan adalah penting untuk PAC mendengar penerangan daripada pelbagai pemegang taruh di setiap peringkat rantaian nilai. Daripada pengilang, pemborong, peruncit dan juga pengguna. Jadi, hadir di hadapan PAC dalam prosiding pada hari ini adalah salah satu daripada pengeluar dan juga pembungkus minyak masak bersubsidi di Malaysia.

Jadi, selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Encik Fakhrunniam Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad dan semua yang hadir bersama dengan tuan. Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput untuk — saya difahamkan ada pembentangan ya. Jadi, saya mempersilakan. Terima kasih.

Encik Fakhrunniam Othman [Group Chief Executive Officer, FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Sri,

Datuk-datuk, Ahli-ahli PAC, semua wakil pengarah jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekalian.

Terima kasih atas jemputan. Ia nya susulan daripada surat yang diterima pada 3 Oktober berhubung perbincangan dan penerangan yang melibatkan minyak masak bersubsidi di negara, yang telah dikemukakan atau di-*highlight* di dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, ya.

Sebagai pengenalan Yang Berbahagia Datuk Wira dan Ahli-ahli PAC Yang Berhormat, saya Fakhrunniam Othman adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad. FGV Holdings Berhad merupakan syarikat perladangan negara. Kami adalah anak syarikat FELDA – Federal Land Development Authority. 90 persen dipegang oleh – *around* 90 persen*.* Tidaklah *exact.*

Kami baru-baru ini, 28 Ogos telah di nyahsenarai ataupun di-*privatise* oleh FELDA. Jadinya, kaunter kami tiada lagi di Bursa Malaysia. Tujuan nyahsenarai adalah untuk FELDA mendapatkan *maximum benefit* daripada *performance* oleh FGV Holdings, ya.

Di dalam FGV Holdings, aktivitinya agak besar dan rantaian perladanganlah, terutamanya kelapa sawit. Kita mengendalikan ladang kelapa sawit secara *gross*-nya dalam 430,000 hektar. Tetapi, secara net nya yang ekonomik, dalam 290,000 hektar. Pengeluaran kelapa sawit kami adalah kira-kira 2.9 juta metrik tan iaitu di dalam empat persen pengeluaran negara dan — pengeluaran dunia ataupun di dalam 14 persen pengeluaran Malaysia lah. Malaysia mengeluarkan di dalam 19 juta metrik tan.

Perniagaan FGV Holdings meliputi lima strim. Pertamanya, perladangan. Keduanya, *oil and fat,* minyak dan lemak. Ketiganya, logistik dan lain-lain. Keempatnya, gula di bawah MSM – Malaysia Sugar Manufacturing iaitu sebuah *listed company* dan yang kelimanya adalah *consumer products. So,* berkaitan dengan isu ataupun tajuk minyak masak bersubsidi, anak syarikat yang berkaitan adalah Delima Oil Products*,* dan Delima Oil Products adalah di bawah strim *consumer product* yang berkaitan dengan *retail* dan pasaranlah.

Saya juga ingin memperkenalkan rakan-rakan saya, Datuk Wira ya. Sebelah kanan saya, Encik Shammim adalah Ketua Pegawai Eksekutif Delima Oil Products, yang mana terletaknya minyak masak bersubsidi ini dan sebelah kiri saya adalah Pengurus Besar Kanan Delima Oil Products, yang mana terlibat di dalam pemasaran dan pengembangan pasaran minyak masak bersubsidi. Mereka akan membantu saya di dalam subjek teknikal dan seterusnyalah. Dan, hujung kanan saya adalah Encik Mohd Bakri bin Mohd Sahib iaitu *Special Officer* kepada saya.

So, Datuk Wira, tanpa melengahkan masa, saya ingin menjemput Ketua Pegawai Eksekutif Delima Product untuk memberi sedikit penerangan. Ingat, ada dalam 10 *page slides* dan seterusnya, jika ada perbincangan atau soalan, kita akan ambil. Silakan, Encik Shammim.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [Chief Executive Officer, FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Pengerusi, Datuk Wira Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Sri, Datuk-datuk, Ahli-ahli PAC, wakil kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Di sini, saya ingin memberi sedikit *background* ya ataupun latar belakang mengenai Syarikat Delima Oil Products. Ia merupakan salah satu anak syarikat di bawah Syarikat FGV Holdings Berhad. Ia bertanggungjawab dalam proses pengeluaran dan pemasaran produk FMCG ataupun produk pengguna berasaskan kelapa sawit, terutamanya minyak masak, *shortening,* marjerin dan produk hiliran yang lain.

Selain daripada itu juga, Delima Oil juga merupakan salah satu daripada ahli kumpulan FGV, memanfaatkan integrasi rantaian bekalan daripada FGV, daripada *upstream* sehingga ke *downstream,* untuk memastikan bekalan mentah dan kawalan kualiti yang konsisten. Antara jenama yang dikeluarkan oleh Syarikat Delima Oil adalah jenama seperti Saji dan juga Seri Pelangi.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu ya, yang di bawah COSS ataupun penstabilan harga minyak masak, Syarikat Delima Oil secara purata bulanan diberikan kuota sebanyak 6,674 berlandaskan slaid yang di hadapan anda semua.

■1210

Di sini kita lihat, kita mempunyai tiga *refineries* ya — satu di Pasir Gudang, satu di Kuantan dan juga satu di Tawau. Di mana kapasiti yang kita ada pada masa sekarang adalah melebihi daripada jumlah kuota yang kita telah diberikan oleh pihak kerajaan. Jadi di sini saya ingin menekankan bahawa pihak FGV adalah syarikat yang bersedia untuk proses seterusnya sekiranya diperlukan untuk menambah kuantiti yang diperlukan untuk minyak subsidi untuk bekalan rakyat.

Seterusnya mengenai laporan poin satu di mana kita ingin membincangkan apa yang telah dilaporkan oleh pihak Laporan Ketua Audit Negara. Di dalam muka surat 3 ke muka surat ke-12, kita setakat ini telah membekalkan hampir 10.6 peratus daripada jumlah minyak masak subsidi negara yang berjumlah daripada 60,000 metrik tan sebulan. Daripada itu juga, kita merupakan pembekal daripada minyak

masak subsidi dan juga pembekal minyak masak pukal subsidi kepada syarikat pembungkus.

Jadi dalam perbincangan ini juga kita akan menyentuh mengenai apa yang telah dilaporkan mengenai satu adalah caj tambahan, kilang penapis di muka surat 3 ke 34 dalam Laporan Audit Negara, kawalan pematuhan sijil, penguasaan pasaran oleh syarikat asing dan juga kelemahan Program COSS.

Kita menyentuh fasal struktur harga dan caj tambahan kilang penapis. Daripada penemuan audit Laporan Ketua Negara pada muka surat 3 ke 34, telah dibentangkan mengenai caj-caj tambahan yang telah diperkenalkan oleh beberapa *refineries* daripada caj pengangkutan, pentadbiran, kawalan kualiti dan juga caj proses.

Penemuan audit menunjukkan kaitan ini merupakan telah meningkatkan kos belian syarikat pembungkus melebihi daripada harga asas RM2,300 per metrik tan yang telah ditetapkan di dalam SOP. Di sini kami ingin menekankan justifikasi yang telah ditemukan — adalah diberitahu di bawah ini caj tambahan yang dikenakan adalah di bawah caj kawalan kualiti di mana ia telah ditetapkan daripada Gred CP10 ke CP8.

Maksud CP ini adalah *Cloud Point* ataupun gred minyak masak di mana minyak masak yang telah ditetapkan oleh KPDN adalah *CP8*. Tetapi yang telah ditetapkan dalam harga asal 2003 adalah untuk CP10. Jadi caj yang dikenakan adalah bergantung kepada beberapa faktor tapi daripada pihak FGV caj yang dikenakan adalah dalam lingkungan RM130 ke RM170.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang mana lagi baik *CP10* ataupun *CP8?*

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: CP8. *CP8* ya itu adalah sebab kita memerlukan proses *fluxing machine* yang seterusnya kosnya ya. Untuk laporan *3.0* mengenai kawalan rantaian bekalan dan peranan FGV. Penemuan audit telah menemukan beberapa poin di mana terdapat di peringkat syarikat pembungkus ataupun kita panggil mereka *repackers* ini adalah seperti tidak memenuhi syarat modal berbayar, penjualan kepada pihak yang tidak layak seperti di restoran ataupun penjaja, isu pemilikan sijil halal.

Di sini pihak FGV ingin menekankan bahawa kami merupakan sebuah syarikat yang memenuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Syarikat pembungkus sebenarnya adalah tanggungjawab mereka untuk memastikan semua operasi harian ini adalah memenuhi syarat COSS.

Pihak FGV hanya mengedarkan dan menuntut subsidi minyak kepada produk jualan yang dijual kepada syarikat yang mempunyai lesen borong kawalan ataupun

CSA yang sah, aktif dan berdaftar di dalam sistem KPDN eCOSS. Setakat kita akan pastikan kesemua barangan yang dijual ataupun kesemua pihak yang kami jual memenuhi syarat tersebut.

Di samping itu juga, kilang FGV bagi Program COSS yang di Pasir Gudang, di Tawau dan juga di Kuantan mempunyai sijil halal yang sah. Di sini juga kami ingin menyentuh beberapa *findings* yang menunjukkan beberapa jenama ataupun syarikat-syarikat di mana mereka ini adalah syarikat yang tidak memenuhi ataupun pembungkus yang tidak memenuhi daripada pihak JAKIM.

So, syarikat-syarikat ini kami pihak FGV tidak melakukan segala transaksi ataupun apa-apa transaksi dengan syarikat-syarikat tersebut. Seterusnya mengenai penemuan audit *4.0.* Di sini ditekankan bahawa penemuan Ketua Audit Negara lebih kurang hampir 67 peratus daripada jumlah bekalan 60,000 yang diberikan adalah kepada syarikat asing. Ini termasuk syarikat yang dikuasai oleh yang berinduk di Singapura dan juga di Jepun.

Cuma dua syarikat GLC terutamanya syarikat FGV dan juga Syarikat SD Guthrie ya kita dibekalkan minyak sawit berjumlah 6,154 sebulan ataupun bersamaan hanya 10.6 peratus daripada jumlah *monthly* subsidi yang diberikan. Seperti justifikasi yang ingin kami tekankan oleh pihak FGV, bekalan minyak yang kami terima berubah setiap bulan tetapi di dalam *average* ataupun dalam purata 6,077 berlandaskan kiraan terakhir dibuat pihak FGV.

Seperti yang telah dimaklumkan tadi bahawa kapasiti pengeluaran FGV buat masa sekarang kita boleh mencapai sehingga 23,000 berbanding dengan 6,000 metrik tan yang kita terima secara purata setiap bulan — dan lokasi pengilang-pengilang ataupun *refineries* kami adalah di Johor Bahru, di Kuantan dan juga di Sabah, di Tawau.

Di samping itu, berlandaskan kapasiti yang kami sedia ada kami mampu menghampirkan hampir 40 peratus daripada jumlah kuota bulanan negara.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh tak saya hendak fahamkan sikitlah yang *4.1* yang penemuan audit itu, kan? Okey, maknanya Syarikat FGV ini dan Guthrie...

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *You only 10.6 percent* bekalan minyak bersubsidi tempatan maksudnya apa benda itu? Tak faham.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Maksudnya di sini Puan, daripada jumlah 60,000 yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada semua syarikat *refineries* ya untuk dibekalkan kepada pembungkus contohnya cuma jumlahnya 6,170 lebih adalah diberikan di-*award* kepada pihak FGV. Yang selebihnya adalah

kepada syarikat lain dan juga hampir 67 peratus adalah diberikan kepada syarikat asing.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ini cerita yang minyak subsidi ya?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya *70-80 percent, 80.4 percent not your* syarikat?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Not FGV?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Bukan FGV. FGV cuma dalam 10 peratus sahaja.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Dalam 89 peratus. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: 89 peratus ya. Dalam *4.3* ataupun 4.3 di sini kami juga berlandaskan apa yang telah ditemukan dalam Laporan Audit Negara menunjukkan antara syarikat-syarikat yang diberikan di mana kita lihat daripada lokasi dan juga pemegang asal. Di sini kita lihat pemegang asal yang terbesar adalah daripada Singapura diikuti daripada negara Jepun ya. Yang selebihnya adalah syarikat yang berlandaskan syarikat yang berlandaskan *local company*.

Di sini kami ingin menekankanlah dalam pihak FGV seperti yang tertera di dalam *table* ini menunjukkan pihak kami mempunyai lebih kurang 6,000 lebih sahaja daripada jumlah 60,000 yang diberikan secara purata bulanan.

■1220

Seterusnya, mengenai poin yang kelima, kelemahan ataupun kelemahan Program COSS ataupun kawalan syarikat yang ditemukan oleh pihak Audit Negara. Pihak subsidi bersifat pukal dan tidak bersasar, warga asing dan entiti komersial turut mendapat manfaat; berlaku tidak keseimbangan agihan antara negeri dan juga ketirisan dan penjualan melebihi harga kawalan di pihak peruncit. Di sini kami ingin menekankan ini adalah kami bersetuju dengan apa yang telah ditemukan oleh pihak audit, terdapat kelemahan daripada segi pengawalan ataupun apa yang berlaku di pasaran. Di samping itu juga, kami juga ingin menekankan pihak FGV sentiasa bekerjasama dengan pihak KPDN dalam memastikan *zoning* untuk mengawal pengedaran. FGV telah bekerjasama dengan pihak KPDN Sabah dan Johor untuk memastikan projek *zoning* bagi kawalan edaran minyak, minyak masak peket berjenama Tiga Udang di bawah FGV.

Jadi keseluruhannya, kami ingin juga mengambil peluang ini Tuan Pengerusi, ingin memberitahu bahawa inisiatif COSS ini telah bermula sejak tahun 2007 adalah

untuk memastikan kestabilan harga runcit minyak masak dan juga memastikan bekalan mencukupi di pasaran. FGV sebagai pengeluar minyak masak utama negara akan sentiasa menyokong kerajaan di dalam merealisasikan objektif-objektif tersebut. Di samping itu juga, dalam melaksanakan usaha ini, FGV sentiasa proaktif untuk memastikan kualiti minyak yang dihasilkan adalah minyak yang terbaik dan juga mampan, penghantaran yang cekap serta pematuhan ketat kepada segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Buat masa sekarang, bekalan minyak subsidi FGV hanya merangkumi 27 peratus daripada jumlah kapasiti pihak kami. FGV juga sentiasa bersedia untuk meningkatkan peruntukan minyak subsidi berdasarkan keperluan negara. Di samping itu juga, kami ingin menekankan bahawa minyak masak ataupun minyak sawit yang kami peroleh adalah diperolehi daripada pihak peneroka kecil dan juga — daripada pekebun-pekebun kecil dan juga peneroka FELDA. Hampir 70 peratus minyak yang buah sawit segar yang kami beli daripada pasaran adalah untuk menolong ataupun meningkatkan taraf kehidupan peneroka dan juga pekebun-pekebun kecil.

Jadi, di sini kami ingin mengambil apa, peluang ini untuk menawarkan perkhidmatan kami dan juga mendapat juga kalau — sokongan daripada pihak PAC dari segi kapasiti kami ya, untuk memastikan bahawa subsidi adalah diberikan kepada pihak GLC ataupun syarikat tempatan untuk menolong dan pastikan ekonomi, *circular economy* berjalan dengan lebih baik. Terima kasih. Encik Niam, ada nak?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Shammim ya?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya, saya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Di atas penerangan itu tadi. Kita tengok *average* sebanyak 6,674 metrik tan ya?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya, betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Subsidi minyak masak yang diberikan kepada FGV.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sedangkan kalau kita tengok pada muka surat, muka surat mana ini, *4.3* itu. Kalau perbandingan dibuat, maksudnya ada syarikat yang lebih ya, memperolehi lebih. Malah, itu adalah merupakan syarikat daripada luar negara.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Betul.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sedangkan FGV ini memang daripada kita. Soalan saya, memang tadi ada disebut bahawa kuota itu tidak mencukupi dan kalau — adakah kalau diberikan tambahan kuota itu, adakah FGV yakin boleh melaksanakan dengan baik dan maksudnya, boleh *deliver* kepada maksud pengguna? Boleh respons kepada soalan itu dulu tak?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya, boleh. Okey, berlandaskan soalan puan, kami pihak FGV bersedia ya. Sebab kami mempunyai kapasiti, kami mempunyai segala *quality control* dan juga segala fasiliti yang ada. Kelebihan kami, kami ada di tiga lokasi. Di Johor Bharu, di Kuantan dan juga di Sabah. Jadi, kapasiti kami sedia untuk di-*roll out any, any point of time* ya, Puan Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya memang dekat rumah memang pakai minyak Saji. *[Ketawa]* Okey.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Cuma, saya nak tahu ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagaimana proses agihan minyak masak bersubsidi ini dibuat ke seluruh negara? Maksudnya daripada segi *marketing* dan sebagainya, boleh tak jelaskan kepada PAC, strategi?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ha, boleh. Okey, adakah minyak masak yang berlandaskan minyak subsidi atau minyak masak secara keseluruhannya puan?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Minyak masak bersubsidi.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Subsidi, ya. Okey, secara subsidinya, kita — satu, kita — ada dua. Satu yang kita *supply bulk* ataupun pukal kepada pembungkus yang di mana *list* pembungkus ini kita memang ada *list* daripada pihak KPDN yang telah ditetapkan untuk diberi ya. *So*, syarikat itu merupakan *all* syarikat pembungkus ini kami akan ada kuota berlandaskan daripada 6,000 lebih tadi. Di samping itu juga, kami mempunyai kuota daripada 6,000 lebih itu, 1,500 adalah daripada jenis yang pihak FGV *produce* sendiri dalam bentuk *polybag* ataupun satu kilo pek yang di mana buat masa sekarang jenamanya adalah Tiga Udang. Jadi, kami membekalkan kepada syarikat ataupun peruncit ya, ataupun pemborong yang mempunyai CSA, *that mean* lesen barang kawalan. Cuma syarikat ataupun peruncit ataupun pemborong yang mempunyai sijil CSA yang sah akan diberikan.

Jadi, strateginya adalah kita memberi kepada pemborong, kepada peruncit seperti Mydin dan sebagainya. Juga, kita juga memberikan kepada di luar bandar ya, di mana peruncit-peruncit kecil juga ya, di mana ini telah diberikan di seluruh negara. Contohnya di Sabah, contohnya di datang ini daripada — kalau di Sabah, ianya datang daripada *refinery* kami di Tawau. Di Johor dan juga di Kuantan adalah untuk seluruh Semenanjung.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Yang Berhormat Datuk, secara keseluruhannyalah, ini merangkumi lebih daripada FGV. *Re-packers* ini adalah dalam 300... *[Dicelah]* 330, seluruh negara dan dibahagikan kepada dalam 15 syarikat lah dan yang *attached* dengan FGV dalam 40... *[Dicelah]* 43.

Mungkin Yang Berhormat ingin bertanya bagaimana *re-packers* ini di-*distribute*. Dia, *company* ini bermula dengan memohon lesen daripada KPDN dan antara pertimbangannya saya rasalah dari KPDN adalah ia merangkumi seluruh kawasan di Malaysia. Bermakna, dia perlu ada utara, perlu ada selatan, timur dan barat di mana — dan penekanan lebih kepada masyarakat luar bandar ya, Sabah, Sarawak dan seterusnya. *Re-packers* ini diberi peluang untuk *nominate company* yang mana yang membekalkan dan selalunya dia akan *nominate* yang terdekat dengan kilang merekalah. Itu sedikit sebanyak pertanyaan Yang Berhormat untuk *distribution*. Saya rasa agak menyeluruh lah di seluruh Malaysia Barat, Malaysia Timur, utara, selatan, timur dan barat setakat ini yang kami *observed* lah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya ada soalan pertama yakni nak faham dulu ya. Kapasiti FELDA untuk mengeluarkan 23,000 metrik tan sebulan. Itu *at your capacity*. Yang 6,674 itu yang dihantar sebagai *subsidized* punya minyak masak. Yang lebih itu, maknanya 16,000 lebih itu, kapasiti yang ada pada FELDA itu, *you all* keluarkan juga kan, tapi cuma keluar, dijual bukan bertaraf bersubsidi lah.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Betul ya?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Buat masa sekarang, yang kami guna adalah untuk subsidi yang Yang Berhormat cakap adalah untuk minyak subsidi. Yang lain itu kita guna untuk *other purposes*.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya pengeluaran itu lebih daripada 6,674 lah? 6,674 untuk *subsidize*, yang lain dikeluarkan juga, tapi dijual bukan bersubsidi. Betul ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Betul.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya.

■1230

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Now,* lanjutan daripada persoalan itu, daripada 23,000 kapasiti boleh keluar ini, *how many percent of the capacity* yang *you* ada keluar sekarang ini? Dah sampai *100 percent* ataupun dah sampai berapa persen daripada 23,000 *your capacity* itu? Faham maksud saya tak?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)]: Saya faham, YB. Yang ini kalau kita ikutkan *23 percent* itu, kita memang jual dekat pasaran lain. Kita buat kadang *at certain time,* kita buat sampai 80 peratus dan juga ada bulan kita *fully 100 percent* habiskan. Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Boleh saya? Bahawa erti maknanya *you at certain time* itu memang *you reach your capacity*-lah?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: *Yes.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. Nak faham *the* industri. Jadi, dalam pembentangan tadi, FELDA mengharapkan sokongan daripada PAC untuk memberi lebih banyak peratusan kepada FELDA untuk dijual sebagai minyak masak bersubsidi. Betul eh?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *What advantage do you have,* apa kelebihan di mana *you* boleh jual sampai 100 peratus? Kenapa *you* nak jual menambahkan kapasiti daripada pengeluaran itu dijual sebagai minyak masak bersubsidi walhal *you* boleh jual minyak itu, minyak yang sama boleh dijual tanpa subsidi?

What advantage dalam industri ini? Kenapa *you* nak tambahkan peratusan daripada 6,674, *you* nak tambahkan peratusan yang dijual bersubsidi?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Adakah lebih menguntungkan?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ha, itu yang nak tanyalah. *What advantage?* Menguntungkan ke, apa, apa, apa. Tolong kongsikan sikit.

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Yang ini *price* kita tengok kalau macam sekarang, kalau kita tengok kita ada *ceiling price* RM30.90 untuk lima kilogram, kalau minyak lebih daripada 3,980. Kalau sekarang harga CPO dah RM4,400.

Bila kita proses minyak untuk *local production* yang harga pasaran dengan harga yang ada *price ceiling,* negatif marginlah, YB. Yang lain untuk eksport pun memang tak banyak kita cuba jual kepada lokal *and also* kita jual pukal kepada *packer, packer* lain yang menjual kepada eksport.

So, untuk margin, kita memang *very* subjektif, kalau untuk minyak masak lima kilogram dengan harga sekarang, negatif margin.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Nak penjelasan lagilah.

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, okey kalau jual yang bersubsidi, *you are paid at RM3,900* siling. Betul?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: RM2,300 punya harga *threshold,* mana perbezaan, yang itu yang akan di-*claim.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Oh, maknanya perbezaan itu.

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Perbezaan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kalau perbezaan market itu RM4,000 lebih...

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *You get the extra?*

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Ya, perbezaan itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tapi kalau *you* jual *in an open market,* yang bukan *subsidided,* bukankah itu berlandaskan pada harga pasaran semasa juga?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Ya.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Harga siling.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ha?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Betul, YB. Ada dalam apa — harga itu berlandaskan harga pasaran. *So,* harga pasaran CPO ini dia berubah-ubah setiap bulan, setiap hari, daripada dulu RM3,900, sekarang dah RM4,400.

So, kalau kita dengan harga *price ceiling* yang kita ada sekarang, kita buat dan *price ceiling* itu dia punya *threshold* minyak sawit mentah dekat RM3,980. Harga CPO sekarang RM4,400. *So,* bila kita proses dengan semua kos-kos kita tambah, *it's a* negatif margin YB.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: YB, di samping itu juga saya ingin menambah apa yang telah diberitahu oleh Encik Fareez. Memang daripada segi kapasiti, ya kita ada akses, ya memang kita ada akses dan juga daripada segi apa yang telah diberitahu sekiranya pengeluaran kami tidak konsisten. Jadi, kapasiti ini jika diberi peluang untuk subsidi ini, memang kami akan *dedicated line* sepenuhnya ya untuk minyak subsidi.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itu yang saya nak cuba nak fahamnya. Saya belum faham. Minta maaflah. *Slow* sikit hari ini.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Ya, sila, sila.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Boleh saya cuba YB? *[Ketawa]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, *what* — kalau misalnya *given* — apa diberi pilihan, *if 100 percent of your production* pergi ke minyak subsidi. *Would you prefer that?* Kalau *you prefer,* kenapa *you prefer?* Kita nak faham kenapa *you prefer your production* itu dijadikan sebagai minyak masak bersubsidi itu.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Terima kasih. Saya cuba, YB. Minyak masak Malaysia ini ada dua grup. Satu bersubsidi, satu tidak bersubsidi. *So,* kalau kita tak *operate* bersubsidi, kita akan *operate* yang lagi satulah dan yang tidak bersubsidi dia ada *price ceiling.*

Bermakna kalau lima kilogram, RM30.99. Kalau satu kilogram, dia dalam RM6.90, dua kilogram dalam RM13. Dan *price ceiling* ini ditentukan berdasarkan harga bahan mentah ataupun CPO yang diletakkan pada RM3,800. Jadinya, *price ceiling* tidak berubah daripada dulu sampai sekarang.

Pada hari ini, harga CPO adalah dalam RM4,500. *Technically,* penjualan pada pasaran luar yang ada *price ceiling* sama ada *loss-making* ataupun *very thin margin* jika *position* untuk *raw material* kita baik sedikit.

Kadang-kadang harga ini kita ada *market positioning*-lah. *Technically, it's very, very low margin* ataupun *breakeven*-lah. Saya kata *on average, is breakeven*-lah. *So,* berbanding dengan subsidi ini adalah keuntungannya jauh lebih baiklah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *So,* maknanya untuk minyak masak, kuota minyak masak bersubsidi itu tak ada silinglah? Bergantung pada nilai pasaran? Betul?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Bergantung nilai pasaran.

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, kalau — oh, *no wonder* semua berebut nak jadi *subsidised.* Okey, dah fahamlah.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *So,* jadinya YB ini adalah proses mem-*balance*-kan buku kitalah. Kalau kita dapat lebih bersubsidi, buku kita *balance*-lah untuk menampung yang kerugian dan kita ada...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Untuk sekarang?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: ...tanggungjawab sosial kepada negara nak memastikan *certain quantity* adalah di *market.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, faham. Okey, terima kasih. Jadi, saya nak tanya FELDA ada syarikat pembungkus sendiri?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ada ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Berapa syarikat pembungkus sendiri? Daripada 300 lebih itu, berapa syarikat pembungkus bawah FELDA?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Minyak masak satu...

Encik Shammim Azad Kamruzaman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada, tak ada, tak ada.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: FELDA maksudkan FGV?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: FELDA punya *group*lah.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Oh, FELDA Group.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Eh, FGV, FGV.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ha.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: FGV ada berapa syarikat daripada 300 lebih itu pembungkus minyak?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Yang *repacker* ini bukan anak syarikat dan bukan kepunyaan FGV.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, FGV tak ada...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Tak ada, tak ada.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tak ada ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Tak ada. Yang kita buat sendiri *under* Delima lah dan kita ada tiga kilang. Di Kuantan...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Kilang untuk proses *in bulk,* kan? Dari segi pembungkusan yang buat satu kilogram, kilogram ada buat juga, kan?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Bungkusan ada.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Di bawah syarikat yang sama?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Delima.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Delima.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Delima jugalah?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ha, ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, berapa persen daripada 6,674 itu...

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: 1,500, YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: 1,500 sebulan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: 1,500 yang *you pack* kecil-kecil sendiri itu, kan?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Dalam 25 persenlah. 25, 26 macam itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *All right.* Okey. Lepas itu, nak dapat *for record* je, daripada sektor FGV *as a whole*-lah, ada lima sektor ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Boleh kasi peratusan tak *your revenue* daripada kelima-lima sektor ini? Berapa persen gula? Berapa persen logistik? Dan tiga ini.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ini *revenue* ya? *Revenue* ya? Bukan *profit* ya?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Revenue*-lah.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Okey, dia naik turun. Tapi saya bagi *rough because* dia nak mengikut harga. Pada sekarang ini *plantation* dalam 70 peratus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Plantation,* 70.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *Oil and fats* di dalam 10 peratus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Saya bercakap mengenai *nett* fasal ada *intercompany,* kan? Logistik, *sugar* dalam 10 peratus, logistik *probably* lima atau enam peratus dan *last* sekali dalam tiga atau empat peratus *consumer product.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Assalamualaikum.* Datuk Wira Pengerusi, nak tanya. Kenapa isu ini kita timbulkan dalam PAC sebab ada masalah tak cukup minyak bersubsidi kata rakyat.

■1240

Jadi, ada tak FGV ini ada sistem pemantauan *your product* memang sampai ke sasaran? Dia tak sampai ke Golok, tak sampai Batam kah, manakah kan yang lain kan. Okey. *Your* Delima itu memang sendiri buat, sendiri tapis, sendiri *pack ready* dan dihantar ke *your* kedai runcit, ke mana-mana, Mydin kah mana kan.

Tapi, yang lain itu, *you all supply* minyak juga ke *repackers. So, how do you ensure that your product*, Delima punya produk sampai ke sasaran yang bantu kah, yang bersubsidi, orang susah kan dan yang lain itu? Terima kasih.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Okay. All right. [Dicelah]* Untuk minyak yang kita hantar kepada — YB, untuk yang kita hantar kepada pihak *repacker* ya, terutama pembungkus ya, ini dalam 4,000 lebih yang daripada 6,000 itu, kita pastikan mematuhi syaratlah yang mengenai kos ataupun bertauliah ya, memenuhi syarat kerajaan — yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Tetapi apa yang berlaku selepas itu, mereka akan *pack* dalam jenama mereka sendiri. *Repacker* akan *pack* minyak *polybag* itu adalah di bawah jenama mereka tersendiri dan mereka *actually* mempunyai tanggungjawab yang telah diberikan oleh kerajaan untuk memastikan yang minyak yang mereka jual kepada pihak peruncit adalah mempunyai *at least* CSA ataupun lesen barang kawalan untuk memastikan ketirisan ya.

Jadi, daripada pihak pembungkus itu, pihak FGV boleh kontrol sampai tahap pembekalan minyak pukal dan memenuhi syarat. Tapi, daripada jenama kami sendiri yang 1,500 itu, yang memang kami pastikan ia hanya dijual kepada pihak yang layak. Contohnya, peruncit *and then* sebagainya untuk dijual *direct* kepada konsumer. Itu adalah pengedaran daripada pihak Delima Oil sekarang.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Soalan saya tadi, *did you track* yang memang tidak ada ketirisan? *Your product* itu tidak ada ketirisan yang rakyat panggil ada kartellah, *on the way, on the way* itu kan, untuk sampai ke sasaran. *Is that part of your* apa ini — ada tak?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Buat masa sekarang YB, memang sukar ya. Memang sukar. Sebab pihak kami, bila kami jual dalam bentuk *bulk*, adalah dalam bentuk *bulk*. Tapi bila yang selepas dibungkus oleh pihak pembungkus ini, *repacker*, ia keluar kepada market. Itu, *no longer* di bawah kawalan kami.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi *your own product*, bawah Delima itu sendiri tadi, yang *you* memang *pack one kilo*, memang yang itu, *you can ensure?*

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Yeap*. Kami *track. Yes*, kami *track* dan kami ada setiap jualan kepada sama ada peruncit ataupun pemborong, ada lesennya, ada *copy delivery order* dan invois ya. Semuanya kami *track* dan kami *submit* kepada pihak KPDN untuk *claim* subsidi contohnya kalau — kami harus *supply* kepada pihak KPDN untuk *verification,* untuk *claim* subsidi.

Tuan Pengerusi: Tampin dah? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada *certain years* bekalan terputus, bukan hanya minyak subsidi, mahupun minyak yang *open market* ini terutama pada musim perayaan. Adakah FGV

bersedia untuk mengatasi masalah-masalah ini pada masa akan datang? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, apa pandangan FGV jika kerajaan hari ini, kita hapuskan subsidi minyak masak ini, macam mana kita hapuskan petrol, diesel dan sebagainya? Sebab, bagi saya, biarlah pasaran terbuka, tetapi bantuan itu *direct* kepada pengguna yang berhak melalui skim-skim seperti Budi, SARA, macam-macamlah eh. Supaya adakah FGV — pada pandangan FGV, sudah sampai masanya kerajaan mengubah skim-skim subsidi ini untuk mengelakkan ketirisan, mengelakkan penyeludupan, minyak masak ini banyak digunakan oleh pihak industri dan lain-lain? Terima kasih.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Saya jawab soalan yang kedua dulu ya. Mengenai penghapusan subsidi ini ya. Kalau mengikut niat asal adalah untuk penstabilan harga dan memastikan minyak pada harga yang berpatutan sampai kepada golongan-golongan yang memerlukan.

Saya rasa niat itu betul. Isunya adalah *implementation*-lah. Pada pandangan kami, mungkin jumlah subsidi agak tinggi dalam RM1.6 bilion. Ia boleh dikurangkan ya. Keduanya, *enforcement* kena lebih rapi tapi *enforcement* ini pun bukanlah perkara senang YB, pasal kita kena pergi setiap kedai runcit. Yang ketiganya, nak menjadikan dia daripada *general subsidy* kepada *targeted subsidy*.

I mean — sebagai contoh petroleum ataupun minyak diesel ataupun minyak petrol adalah sesuatu yang saya rasa perlu diteruskan untuk minyak masaklah. Tapi, kita juga faham dia bukan *light to light* untuk *copy* sebegitu. So, sebagai kesimpulannya, selagi mana ia dapat mencapai tujuan kerajaan, saya rasa boleh diteruskan. Tapi untuk mencapai tahap itu, banyak penambahbaikan dan juga *enforcement* perlu dibuat. Dan, secara kasarnya, pandangan kami pada RM1.6 bilion subsidi ia agak tinggilah. Kalau kata dapat dikurangkan separuh ialah RM800 juta, itu pun dah tinggi.

Penghapusan — seterusnya, agak radikallah pada saya. Pasal kita masih ada banyak ramai golongan yang memerlukan minyak masak pada harga RM2.50 sekilo, RM3 sekilo itu. Itu pandangan kamilah.

Yang keduanya, mengenai minyak yang tiada pada masa-masa yang berterusan — masa-masa seperti festival. Ia juga berkait rapat dengan penjelasan saya tadi, kerana minyak yang bukan bersubsidi ada *price ceiling*, dan *price ceiling* RM30.90 untuk lima kilo ini adalah berdasarkan RM3,800 harga CPO.

Jadinya, pada harga CPO sekarang, RM4,500, *technically* setiap lima kilo, setiap — sekilo, macam mana — setiap sekilo, kita rugi RM0.70. Cuma kita ada-lah *mechanism* untuk *hedging*, *positioning* yang mengurangkan tapi tidak dapat

menjadikan dia *profit*. Pada masa-masa yang teruk — susah sebegini, kilang seperti kami akan *produce* pada kuantiti yang kita dah *committed to the government*.

Kita, kalau boleh kita tak *produce* melebihi daripada komitmen. Kita *produce* juga, kita *produce* juga walaupun dalam kerugian berdasarkan komitmen kami kepada *government*. Jadinya, bila keadaan itu kena dengan festival, memang akan berkuranganlah daripada pasaran. Tambah...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey sekarang...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *Brand* kami iaitu Saji, memang diketahui ramai menjadi *demand* khususnya *during* masa-masa festivallah YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Memang ketika ini harga CPO agak tinggi. Memang *you loss*-lah kan. So mungkin syarikat mana-mana syarikat pengeluar minyak akan mengurangkan dia punya...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Kuantiti.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kuantiti. Dan, waktu CPO dia rendah, mungkin waktu itu syarikat-syarikat akan mengeluarkan lebih banyaklah, mungkin akan menyediakan lebih banyak stok. Sekarang ini buat apa nak buat stok sebab mahal kan. Itu sebablah kadang-kadang bila musim-musim tertentu, kita kekurangan bekalan.

Bukan hanya minyak subsidi ya, minyak yang biasa ini pun tak dapat terutama dalam musim perayaan ini. So, apakah langkah-langkah syarikat-syarikat pengeluar minyak masak ini untuk mengatasi masalah ini untuk menjaga kepentingan masyarakatlah di negara kita?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya. Betul, kalau masih rendah, kita buat keuntungan, bila harga naik, kita kerugian.

■1250

Tapi trendnya untuk CPO ini berdasarkan dua tahun lepas memang dah melebihi RM4,000. *[Ketawa]* Kalau dia *up and down* tu kita rasa mudah lah sikit. *Prior to* 2018 *I* rasa isu ini memang tak ada masalah kekurangan ini fasal harga dalam RM3,000 ke RM3,500. *Of late* ini semenjak 2022 ke atas memang RM4,000 ke atas, *even at one point* RM6,000 pun ada. Kalau ikut *daily highest* RM8,160 tapi itu sehari atau dua hari lah. Jadi secara umumnya memang rugi tiga atau empat tahun yang lepas. Konsep kami kita *produce* mengikut tanggungjawab kami kepada kerajaan.

Kita juga ada berbincanglah kepada kerajaan *try to explore, float the price.* Bukan kita kata buka *and* bagi *price* RM8, RM10 per kg, tak. Berdasarkan harga CPO. Bermakna kalau CPO naik kita *adjust at certain* formula yang tak memberikan kita untung yang banyak pun. Kita nak *breakeven* aje YB, kita nak *breakeven* saja. *[Ketawa]* Tapi bila harga turun kita boleh *adjust* balik. *So*, dia, kita akan — yang kita

propose formula base berdasarkan harga pasaran CPO. *So*, dia akan *fluctuation* lah, mungkin tiga bulan sekali, mungkin enam bulan sekali semua berdasarkan CPO.

Kami berjanji ini bukan lah bisnes yang kami nak *profit* banyak. Dalam *breakeven* ataupun dua tiga *percent will be good* ya. Tapi kalau kerugian itu, itu yang *production* itu kita agak berfikir panjang lah, YB. Tapi *our commitment to government* kita akan teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Boleh saya nak tanya *some clarification* ya. Adakah kerajaan tetapkan harga minyak masak yang dikeluarkan oleh pihak *refineries*. Adakah ia tetapkan, *set a ceiling?*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Buat— *ceiling price* lah.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Ceiling price, yes.* Buat masa sekarang harga yang dijual kepada pihak pengguna, itu saja.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Tapi harga yang dijualkan kepada sama ada peruncit atau pemborong tidak ditetapkan. Cuma pada harga pengguna, pengguna terakhir.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Guna terakhir — *I'm not talking about COSS* ya*, I'm talking about* yang...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Yes*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: ...Lain, macam Saji Oil. Saji Oil adakah harga silingnya adalah berapa?

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Sekarang, buat masa sekarang adalah RM30.90 untuk lima kilo. Satu kilo adalah RM6.90, dua kilo adalah RM13.30.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Kita ambil contoh lima kilo lah YB, ya.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Lima kilo ya.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: RM30.90 harga di *shelf, on shelf.*

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *On shelf.*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Atas Giant, atas Mydin *cannot be...*

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *Above*.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: ...Melebihi RM30.90, kalau rendah tak apa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh, okey, *I see.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Boleh, Datuk Wira Pengerusi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sikit, sikit.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ini ada soalan sikit di luar konteks fasal minyak masak inilah. Apabila FGV dinyahsenarai dalam Bursa dan sekarang ini di bawah *takeover by* FELDA sepenuhnya, *so* apa ada masalah yang dihadapi oleh FGV ataupun lain-lain lah? Nak tahu juga itu kan takut esok minyak tak keluar pula.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ini lari tajuk sikit dah YB ya. *[Ketawa]* Ia lebih kepada integrasi, *alignment*, penyatuan untuk bahagian perladangan ya. Isunya FELDA melalui tanah yang dipajakkan kepada FGV sebanyak 350,000 hektar. Setakat ini apabila *public listed* dikongsilah dengan *at one point 37* persen aje FELDA pegang. *So*, 63 persen, hanya 63 persen keuntungan didapati oleh FELDA. *So*, dalam masa yang sama FELDA memerlukan dana yang lebih daripada biasa.

So, ini adalah satu cara di mana keuntungan, kebajikan, nilai tambah daripada ladang yang dipajak kepada FGV diperolehi secara *direct*, secara cepat ya. Satu daripada sewaan dan keduanya daripada keuntungan atau dividen yang mana bila jadi anak syarikat *90 percent* ke atas dan dia boleh minta menerusi dividen pada frekuensi yang lebihlah. Berbanding jika *listed company* dividen adalah syarat-syaratnya yang perlu ditentukan.

Dalam masa yang sama ada sinergi dari segi penggunaan baja, *replanting, operational improvement, agronomic practice* yang mana kita boleh *exchange the skill.* Bila kita adalah dalam satu bumbung kita akan *share information*, berapa kos apa semua itu. Bila kita beroperasi *within one group* kita akan cuba minimumkan marginlah fasal kita beroperasi dengan adik-beradik ataupun satu keluarga lah.

Tapi kita mesti pastikan lah setiap bisnes mendapat keuntungan, tapi keuntungan yang pada kadar yang bersesuaianlah. *So*, lebih kepada *operational improvement*, lebih kepada sinergi dari segi perladangan dan fokusnya adalah perladangan. Dari segi *consumer product, oil and fat downstream* masih berterusan seperti biasa di dalam FGV.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Boleh? Sila, silakan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lagi satu ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tekan *mic*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya hanya bagi satu macam gambaran yang menyeluruh lah. Tadi yang kata lima KG, RM30.90. Ini adalah limit lah, kan? Maksimum, kan? Daripada *refinery*, daripada FGV lah, *refinery and* jual kepada Giant dan *supermarket* lain lah. Maksudnya, mereka ada satu margin ialah RM5, kan? *Because they can sell maximum* RM35.90. Ha, okey.

So, bagi — kalau FGV Refineries keluarkan kos COSS itu ia adalah lebih jaminan keuntungan adalah lebih terjamin, betul? Kerana apa, kerana *whether whatever the price of CPO*, kerajaan — *you* punya jualan adalah tetap.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya, betul.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Betul.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Can give me example?*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *Technically the* harganya adalah berdasarkan harga pasaran bukan harga siling.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, kalau...

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya, jika kita membeli — macam mana ya? Jika daripada RM2,300 kita akan dibenarkan untuk *claim back the difference between* RM2,300 ke RM4,500. *So, explain* sikit.

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: *I think Fareez can explain the mechanism.*

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Untuk yang subsidi ini YB, kalau sekiranya harga MPOB *final* keluar RM4,000 lah contoh, RM4,000. Subsidi dia punya *threshold* RM2,300. RM4,000 tolak RM2,300 *that will be the amount* yang kita *claim* pada kerajaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Kalau harga MPOB...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap, *off* kan dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Kerana kami bukan dalam industri *so that is why a bit* masih mahu jelaskan. Kalau harga CPO adalah RM4,000 pada hari itulah *so your cost* ialah RM2,350. *That is your fixed cost.*

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: *Sorry* YB. Yang untuk subsidi dia punya *reference price* dia adalah *palm olein* bukan CPO untuk yang subsidi itu. *So*, contoh saya bagi contoh. Hujung bulan RM4,000 harga tolak dengan RM2,300 *so the different* dia RM1,700 *that will be the amount* yang kita *claim*.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: RM2,300 itu apa.

■1300

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: RM2,300 itu *is a threshold* untuk subsidi. Kos untuk jualan minyak masak itu. Satu kilo poli beg. Di sini juga, saya *just* nak *add on* kan, contoh macam kita ambil lima kilogram *open market,* bukan yang subsidi. Contoh harga, kita ambil harga CPO pada hari ini, RM4,400.

RM4,400 dalam industri, RM450 adalah proses untuk mendapatkan CP6. Tambah dengan RM450, jadi RM4,850. Kita bahagikan jadi satu kg, jadi dia punya harga per kilo, RM4.85. Kita darabkan dengan lima kilo, jadi RM24.25. Itu adalah harga minyak, belum masuk kos bungkusan, *packaging,* pengangkutan dan selebihnya. Kalau kita ambil untuk lima kilo, ambil untuk *average* RM6.00, *you* tambah dengan RM6.00, *that* jumlah itu adalah RM30.25, *your break-even price.*

Bila kita nak jual dekat peruncit dan *buyer* yang lain, dia punya margin untuk jual itu dah tak ada. *You* tolak RM30.90, *you* ada 65 sen sahaja untuk margin yang diberikan kepada peruncit. *So,* itu sebenarnya *ceiling price* ini yang ramai peruncit-peruncit tak nak ambil, kalau harga tinggi ini, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya sikit sahaja.

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, your* sawi — sawi pula. Saji itu, Minyak Saji itu, CP6 ke CP berapa?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Saji CP6.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: CP6?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang subsidi, CP8?

Encik Mohammed Fareez Khairuddin [FGV]: Betul, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Baik.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya tadi, mungkin saya tertinggal di peringkat awal itu. Cuma, kalau dah dijawab tadi, tak perlu jawablah, ya.

Dalam Laporan LKAN 2025 itu, disebut ada lebihan jualan subsidi minyak masak ini, yang di peringkat peruncit, pembungkus dan juga, pemborong ini, jumlah ya lah. Mungkin kecillah, kalau dikirakan keseluruhan ya. 31,059 kg ya, yang maknanya tidak ada rekod perincian pembeli dalam sistem. Sebab nak beli itu, kena — seorang tak boleh beli dua kilo lebih. Begitu, kan? Dan, hanya isi rumah sahaja yang boleh beli itu. Jadi, itu isu yang disebut dalam LKAN lah, ya.

Jadi, saya nak bertanya di pihak FGV sendiri. Ini pandangan ya. Pandangan maksudnya, dalam — mungkin kelompongan ini, apa sebenarnya yang puncanya di

mana? Kalau FGV sendiri melihat, dari sudut kita kata, kelemahan soal rekod perincian itulah ya. Mungkin, sistem itu sendiri atau kaedah pun, dia susah untuk pembeli itu, dia nak rekod, penjual itu sendiri. Itu minta pandangan FGV lah.

Yang kedua, di pihak FGV sendiri, adakah ada dalam organisasi FGV itu sendiri, di peringkat pengurusan ini yang bertanggungjawab mengawal, mengawasi kepatuhan dalam penggunaan minyak subsidi masak ini? Adakah ada satu *department* yang uruskan hal ini, atau pegawai dan sebagainya? Itu di peringkat FGV lah. Itu yang pertama, soal berkaitan dengan ketirisan itu.

Yang kedua, soalan saya berkaitan dengan dalam Laporan LKAN juga, disebut soal sistem eCOSS itu ya, yang mana ada kelemahanlah ya sistem ini, dari segi soal rekod pemantauan, yang mana *real-time monitoring* ini. Jadi, di peringkat FGV sendiri, sistem ini dibangunkan macam mana sistem dia itu? Adakah ada pegawai-pegawai di situ? Ada sistem, maknanya dari segi elektronik itu, dari segi teknologi dan sebagainya, yang mungkin ada di peringkat FGV sendiri untuk bantu proses eCOSS ini lebih lancar?

Kalau maksudnya, data itu mungkin dia *real time,* FGV dapat rekod dan sebagainya sebab, ya lah. FGV ini, seperti yang saya kata, sebagai orang kata, abanglah kepada industri ini kerana kita sebagai GLC juga tanggungjawab kepada kerajaan dan kepada rakyat itu sendiri.

Yang ketiga, dalam Laporan LKAN juga, disebut soal kelemahan dalam pematuhan proses tender terbuka, pra kelayakan. Pre-Q bagi pengendalian ini. Maknanya ada disebut dalam laporan ini, ada syarikat-syarikat ini dia tak lulus dalam Pre-Q ini, tender ini. Tetapi, bila peringkat kedua itu, tiba-tiba dia dapat. Jadi, seolah-olah macam ada — ya lah, kita nak kata apa istilahnya. Mungkin, ada di tangan belakang, *under table* dan sebagainya ya. Jadi, itu yang dilihat dalam oleh LKAN sendiri.

Jadi, di peringkat FGV sendiri, saya nak tanya. Adakah makna, bagaimana proses ini dibuat dan adakah FGV, maknanya proses itu dimula daripada Pre-Q sehingga tender yang penuh dan akhirnya, dia dapat diluluskan, sehinggalah proses itu berjalan lancar ya, seperti mana dalam peraturan di pihak kementerian sendiri, dalam proses ini? Jadi, itu tiga soalan saya. Terima kasih, Pengerusi.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pemantauan kualiti ini...

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: YB, terima kasih. Mengenai soalan ini, saya cuba jawab ya, mengenai soalan yang telah diutarakan. Daripada segi FGV mengenai kawalan ataupun proses yang kita lakukan, pertamanya untuk pastikan tak ada — memastikan apa — *leakages* ya, tiada *leakages.*

Daripada segi satu adalah memang kita ada *dedicated department. Dedicated department* untuk memastikan semua minyak subsidi yang kita jual kepada pihak, sama ada kepada pihak peruncit ataupun kepada pihak pembungkus, mematuhi semua syarat. Kita ada *online system* juga, *to make sure that* dia punya kelayakan ataupun *eCOSS system* dia, ataupun dia punya CSA masih *valid.*

Contohnya, sekiranya peruncit memberi *order* kepada pihak Delima ataupun memberi *order* kepada pihak kami, kami akan *double check, verify* dalam *eCOSS system* sama ada *CSA license* dia masih *valid* ataupun tidak. Sekiranya tidak *valid,* penghantaran tidak akan dibuat.

Sebab, sekiranya kami masih lagi menghantar, kami juga akan kerugian sebab kami tidak dapat menuntut subsidi daripada pihak KPDN, sekiranya itu berlaku. Ya, jadi daripada segi itu, kami pastikan segala maklumat yang diberikan ataupun ini, ada tahap pengawasan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kami.

Kedua, daripada segi dari soalan yang diutarakan mengenai *pre-qualification.* Kami ingin maklumkan bahawa segala *repacker* yang di bawah kelolaan ataupun yang dibekalkan oleh pihak FGV adalah *repacker* yang telah ditetapkan oleh pihak KPDN. *Pre-qualification* dilakukan oleh pihak KPDN sebelum memberi kuota kepada pembungkus tersebut.

Sekiranya tahap *filtration* ataupun *verification* telah dilakukan oleh pihak KPDN dan diberikan oleh pihak KPDN barulah pihak itu, syarikat tersebut — pembungkus syarikat tersebut diberikan kepada pihak Delima untuk di-*supply.*

Jadi, pihak kami tidak melakukan *pre-qualification* untuk pembungkus tetapi itu adalah dilakukan oleh pihak KPDN, ya. *So,* setakat ini cuma pihak kami hanya pastikan dia mempunyai lesen yang sah, mempunyai sijil halal. Tetapi, daripada segi lebih contohnya modal berbayar, bukanlah di bawah tanggungjawab pihak syarikat FGV.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Adakah FGV di bawah PORAM?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya? Okey. Kami pernah jumpa dengan PORAM, wakil PORAM. Dalam pengiraan mereka, mereka mendapati yang kerajaan, kalau dari segi subsidi beri kepada kos, sebenarnya adalah terlalu kelebihan. Lebih daripada *the demand,* keperluan masyarakat kita.

Jadi, apakah pandangan FGV dalam — *actually,* tujuan kita panggil FGV juga, nak tahu dari sudut pandangan, *give an honest answer*-lah, kan. Adakah

kerajaan sebenarnya kalau nak kurangkan ketirisan, kerajaan juga perlu kurangkan kuota untuk pengeluaran kos?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *Challenging. You* jawablah.

■1310

Encik Shammim Azad Kamruzaman [FGV]: Okey. YB mengenai soalan ini soalan yang telah dibahaskan banyak kalilah daripada pihak kami juga telah diberitahu. Setahu kami daripada kekuatan 60,000 metrik tan sebulan adalah berlandaskan bersamaan dengan 60 juta paket, satu kilo ya masyarakat, rakyat Malaysia hanya lebih kurang 30 lebih juta.

So setahu — dan juga berlandaskan apa yang telah di-*finding*-kan oleh pihak Audit Negara juga banyak berlaku di mana minyak masak paket ini telah disalahgunakan sama ada oleh pihak industri ataupun penjaja mahupun oleh rakyat asing.

Jadi sekiranya satu operasi ataupun *overview* yang lebih mendalam ataupun kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan oleh sama ada pihak KPDN ataupun pihak MPOB ataupun agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk melihat satu adalah cara penguatkuasaan.

Kedua, adalah apakah jumlah titik yang bersesuaianlah ya daripada jumlah 60 juta paket adakah itu ada terlebih ataupun di mana sekiranya kita dapat mengawal *leakages* yang berlaku mungkin kuantiti yang telah diberikan buat masa sekarang berlebihan.

Salah satunya yang kita dapati sekiranya harga minyak contohnya harga minyak CPO contohnya bila berlandaskan CPO yang tinggi begini memang akan berlaku kekurangan. *That one* secara purata banyak minyak sama ada disalah guna ataupun diseludup keluar. *So,* sebab harga minyak pasaran yang tinggi jadi kalau RM2.50 satu paket berbanding dengan sebotol RM1 satu kilo RM6.90 *that's a vast different*-lah.

Jadi bila harga yang tinggi begini memang akan berlaku kekurangan secara automatik. Bila harga minyak jatuh rendah contohnya *then* kekurangan minyak paket dalam *market* akan berkurangan.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: YB, ada beberapa perspektiflah. Satu, saya setuju dengan Shammim *probably* 60,000 itu agak banyaklah. Saya rasa kalau setakat 20 persen dikurangkan itu pun masih mencukupi untuk rakyat Malaysia. Keduanya, dipanggil *threshold price* 2,300. Saya pun rasa agak rendah pada harga yang siling *price* RM6.90 dan untuk subsidi RM2.50, dia lebih kurang *almost one third,* satu per tiga.

Dan saya rasa kalaulah satu kilo ini dijual pada harga RM3.50 contoh, ia masih *justify government* punya *care about the people*-lah ya *because you* masih mengurangkan separuh daripada harga pasaran, kan? Kalau *you* kurangkan dalam 70 peratus memang *burden to the government*-lah.

So, pada pandangan saya *if* RM2.30 di-*revise* kepada RM3.50, *it's still a lot of subsidy* dan *I* rasa *the current* harga *of the* pasaran, rakyat *still appreciate the help of the government*-lah.

Ketiganya lagi YB, yang RM600 bagi *claim in comparison* dengan harga memproses itu. Kalau kos sebenar dalam RM120, RM130 dapat *claim* sebanyak RM600 itu marginnya terlalu banyaklah. *I mean* saya berkata fasal YB hendak *honest opinion*-lah. *How to balance*-lah *between government* dengan keperluan rakyat.

Yang ini menyebabkan keuntungan pihak *repacker* dan juga syarikat yang mengendalikan subsidi ini *more than what they need*-lah *in* ini. Kalaulah contohnya dikurangkan daripada RM600 ke RM500 atau RM450, *it is still workable* dan masih dikira sebagai *government* yang *care for the people*-lah. *So,* itu adalah tiga *area* yang jika saya hendak bagi cadangan yang boleh ditambah nilai yang menjurus kepada pengurangan subsidi.

Pada masa yang sama, rakyat masih merasakan yang tidak terlalu membebankan. Dan *repacker* masih lagi *making profit* ya. *So, win-win to all parties*-lah. *Of course* akan ada yang tak *happy but in general still winning*-lah, *still winning.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC Kubang Pasu]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya hendak tanya sikit je.

Pertama mengenai eCOSS ini dia salah satu cara untuk mengawal minyak yang bersubsidi ini supaya jangan hilang ataupun pergi ke tempat yang tak sepatutnya.

Adakah pihak FGV FELDA yakin dengan eCOSS ini dia akan betul-betul dapat mengawal minyak bersubsidi ini pergi kepada mereka yang betul-betul layak? Apa pandangan? Sekarang dah mula dia *implement started* dekat Johor, kan? *Pilot project?*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Kita hendak kata yakin pun pasal kita pun tahu yang ada ketirisan, ada ketirisan. *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Masih lagi? *Even* eCOSS pun ketirisan juga?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia tiris sampai ke Golok tu.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia tiris sampai Golok. Kami pergi Golok dulu tengok.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya, ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Semua kedai ada jual kita punya satu kilogram.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya. Bila sampai ke runcit, KK Super Mart, Mydin dia dalam satu hari habis, satu hari habis.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lagi satu, daripada kiraan yang dibuat banyaklah organisasi yang datang jumpa kita. Sebenarnya 60,000 itu tinggi. Patutnya dia kurang daripada 60,000 yang kalau kita kira betul-betul orang yang layak dapat ini. Adakah itu benar?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mungkin dalam 40,000 itu ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Macam saudara Shammim, 60,000 bermakna 60 juta paket satu kg.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 60 juta paket satu kilogram.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Satu kilogram. Rakyat Malaysia 30 juta dan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 2 paket seorang tapi bukan semua rakyat ya?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Kalau nak kira yang memerlukan katalah B40, kan? B40 *we can share* 10 juta je. Kumpulan sasar, kan?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ertinya kerajaan dah kerugian yang 10,000, 20,000 baki itu patutnya 40,000 tan ya sudah mencukupi.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya. Ya. Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau betul-betul dikawal dengan baiklah. Kita harap dia akan jadi selepas inilah. *Insya-Allah.*

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Memang kita bersetuju lebihlah tapi *number-wise we have to do further study*-lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul-betul.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: *Because at the end of the day* kita tak nak mereka yang berkemampuan contoh gaji RM15,000 ke atas untuk menggunakan ini. Pasal dia memang dikhususkan untuk mereka yang berpendapatan rendah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi mungkinlah selepas mereka laksanakan eCOSS ini dia boleh kontrol. Tapi selama ini saya *dok*

— bukan saya beli untuk sayalah, saya hendak bagi dekat orang kampung. Tak ada sapa tanya siapa beli pun, *mai, mai, mai* bagi sekilo, sekilo *pi* ambil jelah dia *mai* kereta apa pun kereta Mercedes kah, dia *mai pi* belilah ataupun dia ada restoran besar ya yang tak layak, kan?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ha betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia perkara ini berlaku berleluasa *so* kalau kita dapat kontrol yang ini sebaik-baiknya nanti dapat mengurangkan kos kepada kerajaan dalam memberi subsidi yang begitu banyak.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Betul, setuju.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, saya hendak ini daripada *two extremes.* Satu tadi untuk golongan marhaen yang memang memerlukan minyak bersubsidi. Yang kedua lagi di antara yang disebut saya tak tahu dia punya angka itulah, kan? Kenapa sekejap habis, masuk dalam kedai itu sekejap habis, satu hari pun boleh habis, kan? Yalah yang bukan, yang gaji RM15,000 ke atas itu bukan yang itu tapi mereka yang jual goreng pisang, apa ini karipap tepi jalan itu.

Mereka itulah yang memerlukan minyak yang murah sikit supaya untungnya adalah lebih sikit. Kalau tak dia tak berbaloi dia dah *stop*, kan? *So* ada tak *I don't know whether it is ever mentioned* keperluan mereka ini? Mungkin taklah semurah yang B40 itu, kan? Dan tidaklah setinggi macam yang *the* normal *price* lima kilo itu.

■1320

So, berapa persen di antara yang kata tiris *ke*, yang habis ini digunakan mereka yang penjaja kecil ini, peniaga kecil ini? Yang makcik ini, ibu tunggal ini yang di mana mereka ini adalah satu golongan yang saya rasa perlu perhatian. *You cannot just say that okay, so what happen? You, you* apa, *enforce*, tangkap kalau apa benda itu, dia orang beli sebegitu *and then, what happen to them?* Bagilah SARA lah, bagilah apa. Padahal yang nak bagi dia joran untuk apa, jangan bagi ikan saja kan, beri joran itu. *So*, minyak yang mampu dibeli oleh penjaja kecil ini mungkin itu adalah satu jorannya. Okey, *your honest opinion*... *[Ketawa]* Bagaimana nak menyelesaikan masalah. FGV daripada segi — ya lah, *you are one of the arms of the* kerajaan, apa semua kan. Daripada *your CSR, what from your point of view*, bagaimana *you* boleh main peranan untuk apalah, bantu mereka ini?

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Ya. *Wow, challenging question YB*. *[Ketawa]* Pertama, saya nak *reiterate*-lah yang *balancing* yang saya cakap tadi, *will help* nak mengurangkan jumlah subsidilah *from* tiga perspektif tadi. Daripada kuantiti, dari segi menaikkan daripada 2,300 *probably* mungkin 3,500 dan juga daripada RM600 kos pemprosesan turun ke 500, 400. *So*, yang YB *mentioned about the* kumpulan sasar kepada ibu tunggal yang berniaga, itu memang sepatutnyalah ini.

Tapi yang lebihnya sekarang ini, kalau yang habis dua, tiga hari ini, yang orang kata yang bukan rakyat Malaysialah *to be honest* lah. Kalau kedai-kedai Acheh apa semua itu, dia dah macam *regular*. Yang itu pun jadi isu juga, kan? Kalau macam ada jual bawah kaunter apa semua itu. *So*, bila dia dapat, letak bawah kaunter, dalam dia dah macam ada *schedule. The regulars* akan datang dan ambil. Itu yang menyebabkan dalam sejam boleh habis itu. *So*, ini YB ya.

So, saya rasa tak ada *shortcut* dari segi ini, dari segi *monitoring*-lah dan, dan penguatkuasaan, satu. Dan kena ada pusat yang ditentukan ada *big allocation* untuk *special needs* ini dan yang berdaftar ke pusat-pusat tersebut. Fasal kita tahu kalau kedai Acheh, KK Mart ini memang ketirisan itu akan berlaku Yang Berhormat. Dan kalau tak ada langsung ke KK Mart, Speedmart ini pun tak kena juga *because* orang biasa yang memerlukan memang *shopping* di situ. Tapi, ada *certain percentage* ketirisanlah.

Tapi, untuk yang spesifik ini, *probably* boleh memikirkan *certain* pusat yang dikontrol oleh *government* lah. Macam Kedai Rahmah *ke*, kedai — dulu kita ada macam 1Malaysia *ke*, yang dia dah ada nama yang memerlukan ini, dah *registered. Every month*, *every week,* dia boleh *collect*. *Little bit more work*, tapi *I* rasa berbaloilah *the effort*. *You probably start* dengan *small number*, 50 pusat dulu. *Appoint* yang mana yang bersesuaian *and then*, bila benda itu *successful*, kita naikkan ini. *So that*, yang layak adalah *somebody* yang dah *register*. *So*, dan kita bagi *certain allocation for this kind of price allocation. So, at this point of time,* itulah yang saya boleh cadangkan*. But, when it comes to retail,* memang *a bit more complicated* dan *variable* dia banyak. Ketirisan memang akan berterusan tapi kita kena *do a bit more harder work* nak mengurangkannyalah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada apa lagi soalan daripada Ahli Yang Berhormat? Tak ada? Okey, kalau tidak ada, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Fakhrunniam Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Holdings Berhad; dan seterusnya, Encik Shammim Azad Kamruzaman, CEO; Encik Mohammed Fareez Khairuddin, *Special General Manager*; dan juga Encik Mohd Bakri bin Mohd Sahib, *Senior Manager* daripada FGV. Terima kasih kerana hadir dan juga memberikan penjelasan kepada PAC berkaitan dengan minyak masak bersubsidi ini dan juga teguran daripada pihak Laporan Ketua Audit Negara. Dan kita tangguhkan mesyuarat kita pada jam 1.25 petang. Terima kasih.

Encik Fakhrunniam Othman [FGV]: Terima kasih YB Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC. Terima kasih YB.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.25 tengah hari]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 15 Oktober 2025
Bil 6(k) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

(i) Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin
Timbalan Ketua Setiausaha

(ii) Pasukan Gerakan Am (PGA)
ACP Ijid Landu Binju
Asisten Komisioner Polis
Timbalan Komander Briged Tenggara

(iii) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan
Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud
Pengarah

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 15 OKTOBER 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*

YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia)]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Huzairi bin Zainal Abidin [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
PsK Torina Anak Aheng [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Inter Agensi (Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Encik Mohd Zainal bin Othman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Ekuiti)]
Cik Lau Ling Ling [Penolong Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Erda Ezdiani binti Ahmad Toha [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI

Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar Dan Kawalan)
Tuan Azunan bin Daud [Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]
Puan Maizatul Khairumie binti Mansoruddin [Timbalan Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]
Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)]

Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)
Tuan Ismail bin Mokhtar [Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)]
Dr. Mohd Zahirin Bin Adnan [Timbalan Pengarah, (Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa)]
Puan Engku Norazimah binti Engku Mohamed Fathilullah Suhaimi [Penolong Penguasa Imigresen (AKPS Rantau Panjang, Kelantan)]

Pasukan Gerakan Am (PGA)
ACP Ijid Landu Binju [Asisten Komisioner Polis, Timbalan Komander Briged Tenggara]
ACP Rizal bin Mohamed [Penolong Pengarah Pengoperasian (Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am)]
SUPT Mannadzar bin Haji Nasib [Superitenden Polis, (Pegawai Pemerintah Batalion 9)]
DSP Mohd Sukiman bin Md. Arshad [Deputi Superitendan Polis, (Pegawai Turus Gerakan dan Risik Briged Tenggara)]

Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan
Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [Pengarah]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 15 OKTOBER 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.09 tengah hari

[Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, selamat tengah hari, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Parlimen Kelima Belas; ahli-ahli ex officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara, dan Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini. Minta maaf saya datang lewat sikit kerana baru habis ucapan di Dewan Rakyat.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, untuk makluman semua, PAC telah pun mengadakan lawatan kerja bagi isu berkaitan pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di Kelantan pada 4 September 2025 ke pangkalan haram Simpangan, pangkalan haram Nibong, pangkalan haram MCA dan Syed Agil, dan Kompleks ICQS Rantau Panjang. Semasa lawatan tersebut, PAC turut menjemput Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) KDN, Ketua Pengarah AKPS, Timbalan Ketua Polis Kelantan, PAC Negeri Kelantan, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan terlibat untuk menyertai lawatan ini.

Ini bertujuan memberi ruang kepada wakil rakyat kawasan berkaitan untuk bersama-sama dengan PAC meninjau keadaan sebenar di lapangan dan mendengar penjelasan, menyatakan permasalahan serta membangkitkan isu-isu yang mungkin memberi kesan kepada rakyat setempat khususnya berkaitan kawalan harga dan subsidi minyak masak. Justeru itu, prosiding pada hari ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit yang telah dibincangkan semasa mesyuarat yang telah diadakan di Kelantan.

Hari ini PAC Parlimen akan menyambung semula prosiding berhubung isu pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Ini adalah prosiding

kesembilan membabitkan isu ini. Pada prosiding-prosiding yang lepas, KPDN, JAKIM, MEOMA, PORAM, MRA, FOMCA, Mydin, dan FGV Holdings telah hadir bagi memberi keterangan mengenai isu ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hadir bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini adalah Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), yang menggantikan Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha; dan juga ahli-ahli delegasi daripada Kementerian Dalam Negeri yang hadir pada hari ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Haji Makhzan untuk memulakan pembentangan. Silakan.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Terima kasih Puan Pengerusi. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat pagi, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; sekretariat PAC; ahli-ahli ex officio; dan semua wakil-wakil dari KDN. Bersama saya yang hadir dari KDN ialah daripada PGA Briged Tenggara dan juga daripada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, turut hadir pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Nik Raisnan bin Haji Daud, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan yang kita jemput khas bagi membincangkan mengenai operasi perobohan jeti-jeti haram yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Seperti mana Yang Berhormat Naib Pengerusi maklum sekejap tadi, bahawa prosiding hari ini kita laksanakan berikutan lawatan — hasil daripada lawatan kita ke negeri Kelantan di sempadan Kelantan dan Thailand.

Untuk itu, pada pagi ini kita akan ada dua pembentangan iaitu pembentangan mengenai operasi PGA di sempadan negeri Kelantan dan Thailand dan juga operasi perobohan jeti-jeti haram yang akan dibentangkan sendiri oleh Yang Berbahagia Dato' Nik Raisnan daripada — Ketua Pengarah — Pengarah JKPTG Negeri Kelantan.

Oleh itu, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berusaha ACP Ijid Landu Binju, Timbalan Komander Briged Tenggara PGA, PDRM untuk meneruskan sesi taklimat pada pagi ini.

ACP Ijid Landu Binju [Pasukan Gerakan Am (PGA)]: Terima kasih. Selamat tengah hari, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC.

Saya Asisten Komisioner Ijid Landu Binju, Timbalan Komander Briged Tenggara mewakili Komander Briged Tenggara yang pada masa ini belum ada berikutan kenaikan pangkat Komander saya baru-baru ini. Hadir bersama pada hari ini, saya tidak keseorangan untuk memberi taklimat ini ialah SUPT Mannadzar daripada Pegawai Pemerintah Batalion 9 Terengganu; DSP Sukiman, Pegawai Turus Gerakan Briged Tenggara; dan ACP Rizal daripada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Jadi, kami ada empat orang pada hari ini.

Jadi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC ini, saya ingat pada 4 September yang lepas, Ahli-ahli Yang Berhormat telah melihat sendiri secara fizikal macam mana bentuk Sungai Golok, macam mana bentuk stor haram, macam mana bentuk pangkalan haram, macam mana keadaan kita sempadan dengan Thailand. Jadi, saya ingat semua maklumat itu sudah ada. Tinggal lagi pada hari ini mungkin kita lebih mengharmonikan benda-benda yang ada lagi tertinggal.

Jadi, untuk meneruskan taklimat ini — okey. Pada pertama sekali, kita melihat kepada kawasan tanggungjawab bagi Briged Tenggara. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Briged Tenggara ini okey, beribu pejabat di Kuantan, Pahang. Di bawah Briged Tenggara, kita ada tiga batalion iaitu Batalion 7 yang terletak di Kuantan, Pahang; Batalion 8 di Pengkalan Chepa di Kelantan; dan Batalion 9 di Kubang Badak, Terengganu. Jadi maknanya, untuk ketiga-tiga negeri ini jika ada keperluan untuk Pasukan Gerakan Am, maka Briged Tenggara yang akan memberi bantuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, tugas utama kita ialah di bawah kod Op Taring Wawasan Kelantan. Itulah tugas utama PGA yang mana kawasan tanggungjawab kita seluas 44.8 kilometer. Okey, kalau kita lihat bermula daripada Tumpat membawa kepada Pasir Mas dan Tanah Merah. Jadi, untuk dari segi pentadbirannya supaya lebih terkoordinasi, kita pecahkan kepada tiga sektor iaitu sektor C, B dan A.

Dari segi kawalan PGA, kita ada lebih kurang 30 bentuk kawalan kita okey, iaitu MARTEK. MARTEK itu adalah satu iaitu pusat kawalan sebab di kawasan tanggungjawab ini, setiap pengoperasian memakan masa sebulan yang mana dioperasikan oleh tiga batalion tadi secara bergilir. Jadi, dengan pegawai pemerintahnya sekali akan bergerak ke kawasan tanggungjawab ini. Jadi, kita ada MARTEK sebuah — MARTEK ini adalah pusat kawalan operasi ini yang mana dia

punya CO, Pegawai Pemerintah sendiri akan duduk di situ untuk buat kawalan. KOMTEK ada tiga iaitu setiap sektor itu ada satu elemen yang duduk di sana ...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tuan, boleh tak disebutkan apa dia maksud MARTEK *ke*, KOMTAK, MARTAK, KOMTAK itu supaya kita faham. *[Ketawa]* Kita pun tak tahu, kan? Terima kasih.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: MARTEK ini adalah satu tempat yang mana elemen HQ iaitu Pegawai Pemerintah dia sendiri akan duduk di sana selama sebulan. *[Dicelah]* Nama penuh dia Markas Taktikal, dari segi istilahnya. Ha, okey, okey, okey. Okey ya? *[Ketawa]*

Kemudian, di *para* tiga itu pos statik ini adalah bangunan yang statik sebanyak 17 pos di sepanjang 44.8 kilometer itu. Kemudian, kita ada sekat pintas. Sekat pintas ini adalah satu cara elemen kita untuk pengoperasian yang lebih berkesan sebab kalau kita duduk dalam satu tempat, tak mungkin kita dapat penyeludup-penyeludup ini.

Jadi, kita menggunakan pelbagai cara, pelbagai taktik kita. Kemudian, kita ada sekatan jalan raya, ada lima yang mana ini pun kita letak di tempat-tempat yang strategik. Di bawah tanggungjawab kita, ada tiga ICQS yang terlibat iaitu di Pengkalan Kubor, di Rantau Panjang dan Bukit Bunga.

So, kalau untuk gambaran Ahli-ahli Yang Berhormat, kita punya kawasan tanggungjawab adalah 44.8 kilometer. Kalau dalam bentuk meter, kita ada 44,800 meter. Jadi, saya mengambil gambaran begini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lebih, lebih, lebih, lebih faham ataupun lebih jelas ya. Kekuatan tempur yang ada sekarang ini, maksudnya yang sekarang ini yang beroperasi untuk kawasan ini adalah 311 orang pegawai dan anggota saya.

■1220

Bererti kalau 44,860 meter dibahagi dengan 311 kekuatan. Kalau andai katalah seandainya kita baris manusia itu sepanjang tempat pengoperasian ini, maka jarak di antara satu sama lain adalah 150 meter. Jadi memang agak jauhlah kan. Bererti dicelah-celah itu mungkin boleh elemen-elemen yang lain boleh berlaku. Kemudian, kalau kita tengok pula dari segi — saya punya tempat pengoperasian itu ada 30, saya tolaklah yang ICQS itu sebab itu *[Tidak jelas]* saja.

Jadi 44,800 meter dibahagi dengan 30, maksudnya KOMTIK, MARTIK, KOMTIK dan Pos Statik itu masih lagi ada jarak antara kedudukan pos itu dia terpaksa kawal dalam lingkungan 1,500 meter, okey. Kemudian kalau kita melihat jarak kedudukan pos itu. Okey, Pos Statik saya ada 17 pos itu, maka saya mengambil purata jarak antara pos itu paling dekat satu kilometer, paling jauh empat kilometer.

Jadi maknanya memang orang cakap kelompongan itu masih wujud. Okey. *So*, ini yang saya dapat terangkan untuk kawasan tanggungjawab untuk Briged Tenggara.

Next. So, okay. Ini adalah yang saya maklum tadi itu adalah kita punya kekuatan tempur kita. Maksudnya yang mengoperasikan sekarang ini ada 18 pegawai kanan dan 293 anggota pangkat rendah dan berjumlah 311. Inilah yang akan menjalankan tugas-tugas operasi selama sebulan. Saya ingat ini jelaslah sebab kita *by sector* iaitu Sektor A Rantau Panjang, Sektor B Jeram Perdah dengan Sektor C Pengkalan Kubor.

Tetapi kita punya kekuatan ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak tetap sebab kita mengambil kira tentang kebajikan, tentang apa — Jadi, yang ini adalah bergantung kepada penilaian pegawai pemerintah yang sedang menjalankan operasi pada ketika itu. *Next. So,* sekarang ini kita lihat tentang statistik keberhasilan.

So, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita di kawasan Op Taring Wawasan Kelantan ini penguatkuasaan kita bukan sahaja menjurus kepada minyak masak sahaja. Apa sahaja barang-barang, apa saja benda-benda yang bertentangan dengan penyalah — dengan undang-undang yang sedia ada kita akan tangkap, kita akan rampas.

Jadi ini adalah statistik yang kita boleh lihat. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Ini bermula daripada 2021 sampailah kepada 1 Januari hingga 10 Oktober 2025. Yang ini adalah rampasan pelbagai barangan dan meliputi pelbagai akta. *So*, kalau kita lihat dari segi — Di situ kita boleh nampak berapa jumlah kes yang kita rekodkan mengikutkan tahun, tangkapan mengikut lelaki dan perempuan, jumlah kenderaan yang telah dirampas, nilai kenderaan, nilai barangan dan nilai rampasan.

Untuk barang-barang yang kita rampas ini, kita melihat kepada kalau berkaitan dengan minyak masak, lepas kita tangkap dan rampas, kita akan serah kepada agensi yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Tugas kita hanya tangkap, rampas, berada di kawasan operasi kita dan kita serah kepada jabatan yang berkenaan. *Next*.

So, okey yang ini yang betul-betul menjurus kepada statistik rampasan minyak masak bersubsidi oleh Briged Tenggara, PGA bagi tahun 2021 hingga Oktober 2025. So, inilah yang telah direkodkan. Jadi kalau kita melihat kepada purata kes tangkapan minyak masak bersubsidi tahun 2025, kalau kita melihat kepada bulan, lebih kurang satu bulan hanya dua kes saja direkodkan. Dari segi rekod, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat nampak ada turun naik. Macam 2021 okey, turun kepada 2022, naik balik pada 2023 dan turun sedikit pada tahun 2024 dan pada 2025, ada

menurun. Jadi, ini adalah yang kita rekodkan mengikut apa yang kita dapat di kawasan operasi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Boleh apa tanya tuan? Tengok slaid, ini dah turun agak besar ya, jauh, *the last slide.* Tengok *the last slide.*

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Yang mana...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, ha itu ya. Okey. 2024 nilai rampasan 100 juta lebih. Untuk Januari *until 10 October, you* punya nilai rampasan 807 juta. Apa dia punya — ya lah, *what's the different?* Dia punya apa banyaklah, baru apa bulan 10 kan?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ha.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ha, banyak. Tapi yang tadi itu minyak saja kan?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ha, itu satu minyak saja, menjurus kepada minyak saja.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ha.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ha, yang ini adalah himpunan pelbagai jenis barangan yang masuk di kawasan PTG kita.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, soalan saya ialah — okey, minyak semakin turun...

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: ...Yang lain semakin meningkat. Betul *ke* tak?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey. Okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kan.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So, what — why?* Ada punya modus operandi itu lain *ke*, dia punya *players* itu lain *ke*, *ke* macam mana dia boleh *the difference.* Makna *you* boleh turunkan minyak tapi yang rampasan lain itu *means* apa — macam kenderaan itu pun banyak tu kan? Nilai kenderaan itu, ha.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: *So*, okey. Kalau saya punya sifir senang saja kan. Mungkin dia punya *player, player* itu, penggiat-penggiat penyeludup itu bukan semakin apa. Okey. Tadi yang minyak itu, kalau kita tengokkan dia semakin membawa penurunan sebab mungkin bila kita kuat kuasa ini, mungkin kesedaran itu mungkin datang dan akan melambatkan dia punya kegiatan-kegiatanlah sebab mereka pun akan berfikir juga bila mana kita banyak tangkapan, dia pun mungkinkan berhati-hati juga.

Jadi yang ini macam — pada sayalah, ini di bawah kawalan kita sebab benda ini bukan kita rancang. Ada benda yang masuk, kita tangkap. Jadi, saya ingat kalau saya punya pandanganlah lebih kurang begitu. Mungkin rakan saya daripada sana ada sedikit...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Just* dia apa — *what is* selain daripada minyak, apa yang menyebabkan dia naik, dia punya jenis?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Barangan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ha, *yes*.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey. Saya boleh sebut di sinilah salah satu.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya — boleh saya, boleh saya tambah sikit? Sebagai tambahan soalanlah. Maknanya jumlah nilai tangkapan itu, rampasan nilai rampasan itu...

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ...bertambah tinggi, sangat besar. Kalau kita lihat minyak puratanya lebih kurang, kurang daripada 100 juta kan sebelum — kurang daripada 100 juta, minyaklah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Minyak.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sebelum. Sebelum 2024 itu. Tapi bila 2025, dah naik sehingga sampai ke 700 juta ya. Betul ya?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Jadi, apa tindakan — apa sebenarnya yang membezakan sebelum-sebelum ini dengan pada tahun 2025? Langkah drastik pada saya mungkin nampak drastiklah. Itu yang pertama.

Keduanya ialah apa jenis kenderaan yang dirampas? Okey, ada dua soalan, sebagai tambahan kepada Kapar.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey. Yang — Ya, seperti yang saya maklum tadi kan, benda ini memang susah kita nak kawalkan sebab dia bukannya kita rancang, dia ada kegiatan menyeludup yang masuk, kita tangkap. Okey, tentang jenis-jenis barangan Yang Berhormat tanya tadi itu, selain daripada minyak bersubsidi, salah satunya adalah haiwan lembu diseludup. Kemudian pokok-pokok, buah-buahan yang mana ini berkaitan dengan pertanian punya dasar, okey. Rokok juga ada kita buat. Jadi pelbagai.

Kalau — Tapi saya tidak sempat dalam itu slaid ini. Jadi memang di sana itu dikira apa juga barang yang masuk kalau ada diperuntukkan mana-mana akta yang salah, kita tangkap.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kejap, saya nak faham ini. Okey, menyeludup itu *you* punya rampasan termasuk import — eh, bukannya import. Ya

lah import masuk ke dalam Malaysia dan keluar. Minyak masak ini keluar kan? Keluar daripada negara kita. *So, you* punya nilai rampasan segala kenderaan dan sebagainya, dia adalah total yang masuk ke dalam negara dan keluar daripada negara. Betul tak? *So*, kalau boleh *you* boleh pecahkan, cerakinkan lagi yang keluar daripada negara kita, yang kita nak ini ke — Minyak itu sebab yang keluarkan? Yang segala lembu itu yang masukkan?

■1230

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ada yang— lembu ini ada yang dikeluarkan ke Thailand.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Keluar juga? Ada juga? Ingat murah. *[Ketawa]*

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Dua-dua hala. Situasi kita ini, ada barang dari Thailand masuk, ada juga barang kita keluar. Lebih kurang macam itu. Jadi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So,* dia punya nilai yang masuk dan yang keluar itu, ada tak *you* punya statistik itu?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Saya ingat, buat masa ini, mungkin ini — PTG, kita ada rekod kah yang pengasingan, mana yang keluar, mana yang masuk punya untuk nilai dia, kan? *So,* macam maksud saya...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak, tak. Tetapi, Yang Berhormat Pengerusi, yang kita perlukan ialah hanya minyak subsidi sahaja. Kita nak tahu berapa banyak kilogramnya dan berapa nilai dia.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: *So,* okey. Kalau menjurus kepada minyak masak sahaja, Ahli Yang Berhormat, yang ini. Yang saya paparkan ini. Ini yang menjurus kepada minyak masak sahaja. Yang tadi itu, saja saya paparkan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih, terima kasih. Okey, terima kasih.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: *So,* ini kalau kita fokus untuk minyak masak sahaja, sebab isu yang kita bincang hari ini menjurus kepada minyak masak. Cuma yang tadi itu, saya bagi gambaran.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau minyak masak, penurunannya itu drastik juga ya, turunnya?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: 14,000? Apa sebabnya? Sebab, kita lebih — penguatkuasaan lebih aktif kah dan sebagainya?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Saya ingat, saya bersetuju dengan YB punya cadangan. Sebab bila kita semakin agresif, kemudian banyak tangkapan-tangkapan

yang kita lakukan, mereka ini pun mungkin ada rangkaian dia. Oh, dia kata, *"kita kena hati-hati sekarang ini sebab"*— lebih kurang begitu lah.

So, mereka ini pun ada dia punya para perancang juga. Jadi, benda ini kadang-kadang satu masa menurun, kadang-kadang satu masa itu menaik. Susah kita nak kawal sebab dia pemain-pemain, penggiat-penggiat penyeludup ini, memang itu dia punya trend dia. Kita tidak boleh — macam, boleh saya katakanlah. Benda ini di luar kawalan kita. Kadangkalanya, menurun. Kadangkalanya, jauh.

Macam juga, ini contohlah, kan? Macam rompakan. Kadang-kadang kita diam-diam, oh aman. Tiba-tiba, meletup. Lebih kurang begitu lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Pengerusi, saya nak sambung sikit daripada situ. Baru-baru ini, keluar dalam media elektronik dan juga akhbar, pihak kerajaan, jabatan kerajaan — saya tak pasti daripada mana. Pergi ke sebelah sana dan *check* kedai-kedai runcit di sana dan didapati kebanyakan kedai-kedai runcit itu ada minyak bersubsidi kita.

Ada keluar baru ini kan? Dalam surat khabar, ada TV. *So,* apa dia punya dapatan sebenarnya daripada lawatan mereka ke sana baru-baru ini?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: *So,* okey. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau yang ini, saya ingat lebih terkhusus kepada KPDNHEP. Saya ini lebih kepada apa yang melintas ataupun masuk di kawasan saya punya pengoperasian. Tetapi, kami pun ada operasi bersama dengan KPDN dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Macam daripada pertanian punya kementerian...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, baru ini dengan KPDN tak terlibat, ya?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Saya ingat yang, operasi yang...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia sebelah sana. Dia sebelah sana. Kita sebelah sini.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Maklumat yang YB utarakan itu, saya ingat saya tidak mahu jawab sebab saya tidak ada maklumat yang terkini. Nanti saya jawab, nanti lain dia punya...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, okey. Nak tanya KPDN. Terima kasih, baik.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Lebih kurang macam itu. *So,* tentang kita punya statistik minyak masak ini, inilah data yang ada. *So,* terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk buat penilaian ataupun apa tindakan yang seterusnyalah. Kita sebagai penguat kuasa, kita hanya menguatkuasakan apa yang telah diputuskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Parlimen. Kalau kata itu benda boleh, kita buat.

Jadi, polis itulah tanggungjawab dia, apa juga peraturan, undang-undang yang telah diwartakan dan dikuatkuasakan. Nama kita pun penguat kuasa. Jadi, maksudnya kita menguatkuasakan apa yang telah diputuskan, disarankan. Kita tidak boleh buat sesuatu yang baharu.

So, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di kawasan tanggungjawab itu, kita juga tidak bersendirian. Contoh, ini adalah sebahagian tangkapan yang dilakukan oleh pasukan polis marin. Ada Januari dengan April lah. Dia ada dua kes yang direkodkan dan dengan nilai RM23,417.50. Ini menjurus kepada minyak masak sahaja. Ini pun gambaran apa yang kita — saya paparkan tadi, tentang minyak masak sahaja.

Jadi, salah satunya yang kalau kita galakkan itu, perbandingan harga. Okey? Kalau di Thailand, RM6. Kalau di Malaysia, RM2.50. Jadi, nampak ada untunglah, kan? Kalau dia bawa ke Thailand itu, ada untung sedikit. Bukan sedikit lah. Dalam RM4 lebih.

Jadi mungkin, itu adalah satu galakan kepada penggiat-penggiat ini untuk sedaya-upaya akan membawa minyak bersubsidi kita ke seberang sana lah. Ini pun sama juga, yang marin tadi itu. *So,* ini adalah dipaparkan ialah 15 jenis jenama minyak masak yang pernah kita rampas lah, yang pernah kita temui. Pelbagai jenama.

Kemudian yang ini adalah tentang kuota lesen, mengikut kajian kita tetapi sumber ini pun kita minta daripada KPDN juga. Yang mana untuk pemegang-pemegang lesen ataupun *repackers* ini ada 18 di Kelantan, dengan kuantiti pemilikan minyak masak yang dibenarkan ialah lebih kurang 2,686 metrik tan.

So, sumber kita pun kita masih lagi berpandukan kepada KPDN punya data dan yang berwarna merah itu adalah pemborong ataupun peruncit yang betul-betul di kawasan tanggungjawab itu tadi itu, di bawah Op Taring Wawasan Kelantan iaitu ada empat. Yang lain-lain itu, di Kelantan juga. Cuma, bukan di kawasan tanggungjawab kita.

So, dari segi kuota lesen peruncit dan pemborong. *So,* ini pun — sumber pun, kita dapat daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri juga yang mana setakat yang kita dapat adalah dari segi pelesennya, lebih kurang 286. Kalau mengikut pecahan, di Pasir Mas ada 139, Tumpat ada 147 pelesen.

Kemudian, jumlah pemegang lesen borong pula 127. Di Pasir Mas, 50 dan Tumpat, 77 pelesen. Kuantiti pemilikan minyak masak yang dibenarkan ialah 589 di Pasir Mas, lebih kurang dalam 1,111 di Tumpat. *So,* ini pun sumber daripada KPDN juga. Jadi, itulah. Saya pun lihat, yang lebih mahir ataupun lebih mengetahui tentang

isu-isu ini adalah mungkin KPDN sebab kita hanya — tugas kita, tangkap mana-mana yang masuk di kawasan operasi kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tadi, saya lihat *chart* itu kan, gambar itu yang tunjukkan kg. Yang Tumpat ada 1.1 juta kg?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya. Itu yang dibenarkan lah. Dibenarkan dia punya kuota, yang daripada KPDN.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ini adalah COSS ya? Yang minyak ini, minyak masak ini, adakah yang bersubsidi atau semua?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Saya ingat, yang bersubsidi, kan? Daripada peruncit dengan pemborong. Sebab yang itu yang dibenarkan oleh KPDNHEP.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Banyak lah. Penduduk mana ada begitu ramai.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Itu di luar pengetahuan saya, YB. Sebab bukan saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *1.1 million,* satu tahun lah, kan?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Mungkin, yang ini kita lebih perlu penerangan secara detil lah daripada KPDNHEP, kan?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ya. Sila teruskan.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey, terima kasih YB. *So,* ini adalah modus operandi lah yang kita dapati, iaitu penyeludup mendapatkan bekalan minyak masak paket bersubsidi dari pemborong dan peruncit. Seterusnya, mengangkut menggunakan kenderaan persendirian. Kemudian, menyimpan di stor transit berhampiran Sungai Golok, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat kita tinjau tempoh hari.

Minyak ini seterusnya diseludup ke Thailand melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok menggunakan perahu atau bot. Kebanyakan aktiviti penyeludupan ini berlaku pada waktu malam.

Jadi, maknanya stor dan pangkalan haram ini dua entiti yang tidak boleh dipisahkan. Maksudnya, stor ini adalah pusat menyimpan barang-barang sementara. Maka, di belakang stor itu terdapat pangkalan haram untuk memudahkan kerja-kerja untuk pengagihan barangan itu ke seberang.

■1240

Jadi, itulah dia punya gambaran dalam keadaan-keadaan kegiatan-kegiatan para penyeludup kita ini dan pangkalan haram ataupun *hotspot* yang kita kenal pasti adalah seperti Stor Tualang, Stor Pak Ngah, Pangkalan Haram MCA. Sebab, itu hari

kita ada melawat lebih kurang empat sahaja pangkalan haram *so* itulah rangkaian dia itu.

So ini yang dikira kes menarik lah yang pernah kita rekodkan berkaitan dengan minyak masak. *So* memang kita operasi bersama dengan KPDN lah untuk membanteras yang minyak ini. Kemudian, faktornya seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC dan pasti tempoh hari salah satunya adalah sempadan kita, keadaan Sungai Golok yang sempit, harga minyak masak yang bersubsidi Malaysia di Thailand dan perundangan.

Next. Sempadan, dari segi sempadan pun sempadan yang terbuka memang Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh hari pun yang ada kesempatan melihat secara fizikal, melihat macam mana keadaan sempadan kita dengan Malaysia betul-betul hanya dipisahkan dengan Sungai Golok sahaja dan sempadan kita adalah di tengah-tengah sungai itu. Separuh dia punya, separuh kita punya.

Okey. Sungai yang sempit. Jadi, maknanya dalam keadaan-keadaan tertentu sungai itu kalau musim kemarau kita boleh menyeberang dengan jalan kaki sahaja pun dan semakin ke hulu dia semakin sungai itu semakin menyempit dia punya bentuk sungai, okey. Kemudian, itulah yang berbalik kepada harga yang tinggi, okey berbanding dengan di sini. Jadi, beberapa penyeludup pun mengambil kesempatan untuk menyeludup kita punya minyak masak bersubsidi dan dari segi perundangannya Akta Kawalan Bekalan dicadangkan.

Ini mungkin ini hanya cadangan daripada pihak kitalah kalau ada lagi ruang untuk tambahbaik dari segi penguatkuasaan, dari segi undang-undang yang berkaitan. *Next,* dan untuk kita punya rancangan hadapan kita mencadangkan untuk lebih menambahkan kita punya pengawalan. Mungkin kita mencadangkan untuk pemasangan CCTV yang kita cadang sebanyak 920 unit untuk sepanjang 44.86 kilometer itu. Okey, mendapat — tujuannya untuk meningkatkan pengawasan sempadan, menghalang dan mengesan penyeludupan barang subsidi aktiviti jenayah.

Tindakan undang-undang mungkin di sini boleh difikirkanlah oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang berbahas di Dewan Rakyat itu apa yang terbaik untuk kita buat ini. Bagi pihak polis kita hanya menguatkuasakan apa yang undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan kita mencadangkan supaya kalau dapat dibina pembinaan pagar tetapi ini mungkin memakan masa yang lamalah ataupun jangka panjang. Sebab, mungkin memakan kos yang begitu tinggi tapi ini adalah cadangan-cadangan kita yang kita rasa boleh menyekat kegiatan-kegiatan penyeludupan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Mungkin boleh bermula di *hotspot* kan, itu pagar?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Boleh, boleh Yang Berhormat. Kita peringkat-peringkat. Kita pun tahu kekangan-kekangan yang ada. *So,* ini adalah cadangan perobohan pangkalan haram tapi bukan pihak polis yang betul-betul jadi *lead* dia punya ini. Kita ada jabatan lain yang lebih. Untuk di kawasan tanggungjawab PJ tadi itu, kita kenal pasti mengikut rekod kita ada 128 pangkalan haram yang mana kalau mengikut sektor ada 51 buah di sektor Rantau Panjang, 27 di sektor Jeram Perdah dan 50 di sektor Pengkalan Kubor.

Tapi mungkin di bahagian JKPTG ada rekod yang lebih terperinci *so* ini adalah yang kita ini ada rekod kita. *So* seterusnya adalah kita mencadangkan untuk pemasangan *concertina wire* lah seperti mana gambar-gambar dawai itu. Jadi, kita mencadangkan sebab kalau ada halangan seperti itu mungkin ini pun salah satu bukanlah kata memutuskan langsung rangkaian penyeludup ini tapi bolehlah menyusahkan ataupun merumitkan dia.

Jadi, itu adalah cadangan-cadangan daripada kita untuk dipertimbangkan ataupun diperhalusi dan kita mencadangkan juga penambahan dron. Sebab, dron ini adalah sangat membantu kita terutamanya seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat tinjau itu. Stor-stor itu, kalau kebiasaannya bertutup itu. Kita pun tak boleh masuk. Jadi, dron ini dia boleh bantu kita untuk melihat daripada atas dan kalau ada kegiatan itu mungkin kita boleh itulah kegunaan yang salah satu elemen itu dipanggil *strike force* itu.

Sebab, memang agak-agak susah stor-stor ini bukannya terbuka. Ada yang stor tambahan ada yang milik sendiri punya. Jadi, susah kita hendak ini. Jadi, kita mencadangkanlah kalau dron ini memang sangat-sangat membantu untuk menyumbang kepada kita punya hasil, keberhasilan dan tangkapan kita. *So,* untuk pembentangan daripada Briged Tenggara itu sahaja yang dapat saya kongsikan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat tindakan susulan dan kita sebagai dipanggil sebagai tuan rumah yang mengoperasikan di sana akan memberi apa juga keperluan ataupun bantuan yang diperlukan sekiranya ada perbincangan yang lebih lanjutlah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, terima kasih kepada ACP Landu Binju.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada soalan?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Nak tanya je apa status cadangan pemasangan CCTV sekarang? Di peringkat mana sekarang ini?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Okey, yang CCTV ini yang terakhir status dia kita angkat dengan Bukit Aman, kita angkat dengan Bukit Aman lah, YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya dalam Bajet 2026 tak termasuklah? Ke masuk?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: RMK13.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: RMK13, tapi *Rolling Plan* 1 ataupun tak masuk dalam *Rolling Plan* 1?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: PTG dia lebih, dia yang memulakan daripada mula tentang hal itu. Saya punya pegawai panglima perang ini. *[Ketawa]*

DSP Mohd Sukiman bin Md. Arshad [Deputi Superitendan Polis / Y9, Pegawai Turus Gerakan dan Risik Briged Tenggara PGA]: *Assalamualaikum*, selamat tengah hari. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan untuk pemasangan di CCTV kita angkat ke Bukit Aman untuk dimasukkan ke dalam RMK13. Bukit Aman belum memutuskan untuk memasuk RP1 atau RP2. Setakat ini, setakat Bukit Aman.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi hendak tanya okey *the dron is good,* CCTV *is good. What about your personnel*? Bila dah tahu ada kegiatan *and* agak rancak *and* mungkin dia bermusim, kan? Ada masa senyap *je* tak ada aktiviti, ada masanya tiba-tiba dia kata polis pun tak ada *so* jom kita buat *business. Do you have the personnel to mobilize* sekiranya ada apa ini *that kind of thing* lah ataupun *you* kena — ya lah *import* daripada tempat lain sebab *you all* ini apa Kuantan kah apakan?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Oh yang maksud YB ini... *[Dicelah]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak penangkapan dan sebagainya. Cukupkah tidak orang, jentera, kekuatan tentera? Ya.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Oh okey. Kalau ikut saya memang tak cukup Yang Berhormat. Memang tak cukup tetapi bila kita membuat penambahan ini melibatkan perjawatan dengan JP apa semua. Jadi, apa yang kita buat adalah kita atur dalaman kita lah. Walaupun tak cukup, walaupun kurang seperti mana yang saya gambarkan tadi itu kalau kita contohnya 311 saya punya kekuatan, kalau kita berbaris pun jarak antara mereka pun masih lagi dalam 150 meter contohnya gambaran. Tapi, kalau YB tanya saya cukup tidak cukup, memang tak cukup.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Batilionkan, batalionkan?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Apa optimum perjawatan untuk berjaya menangani masalah?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB untuk makluman, untuk pengoperasian ini kita gunakan satu batalion.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya, *by* batalion.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Dengan kekuatan 551 anggota dan 551 anggota dibahagi kepada dua segmen. Segmen untuk pengurusan dan segmen untuk operasi kawalan.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Operasi kawalan.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *So,* kekuatan 551 itu batalion maknanya untuk mengoperasi ini satu batalion. Kalau perlu tambah, kita tambah dua batalion sebab bilangan batalion itu adalah satu bilangan yang telah ditetapkan jurang dia tersebut.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Perjawatan dia.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Perjawatan dia. *So* sekarang ini, di sini diletakkan satu batalion dengan 551 anggota dan Komander lah yang akan membuat pengagihan untuk tujuan operasi tersebut dari segi bilangan untuk membuat operasi dan juga untuk membuat pentadbiran.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Ya. Haah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Mungkin ada di situ, itu pengisian jawatan yang tak dipenuhi ataupun ada anggota-anggota yang perlu keluar daripada tugas-tugas lain apa semua.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Betul YB. Macam sekarang ini, sekarang ini yang sedang beroperasi adalah Batalion 7 Kuantan.

■1250

Jadi, Batalion 7 inilah yang akan catur dia punya kekuatan itu yang 500 lebih itu, dalam satu batalion itu, tidak tolak lagi yang kebajikankah, yang apakah. Jadi, contoh sekarang ini personel yang kita ada di lapangan adalah 311 sebab kalau kita ambil daripada batalion, nanti bulan depan, Batalion 8 lagi masuk. Jadi, macam mana pun kita kena atur dalaman batalion itu sendiri yang sedang beroperasi. Mungkin Tuan Rizal ada tambahan daripada Ibu Pejabat Bukit Aman?

ACP Rizal bin Mohamed [PGA]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Puan Pengerusi, saya ada tambahan sedikit. Untuk PGA Briged Tenggara Kelantan ini, dia hanya menjaga kawasan sepanjang 44.86 kilometer.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh gunakan *mic* kerana untuk rekod Hansard dan sila bagi nama. Boleh bagi nama.

ACP Rizal bin Mohamed [PGA]: Ha, minta maaf Puan Pengerusi. Ya, saya ACP Rizal daripada Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am Bukit Am, yang *last* saya bagi taklimatlah berkenaan dengan isu yang sama.

Untuk kawasan operasi KTJ PGA di Kelantan, di Briged Tenggara ini adalah sepanjang 44.86 kilometer daripada Pengkalan Kubor itu sampai ke Rantai Panjang. Tetapi, kita ter-*miss* bahawa Op Merpati 8 Briged, Angkatan Tentera Malaysia menjaga sempadan daripada Rantau Panjang hingga ke sempadan Perak, sepanjang 85.43 kilometer.

Itu kita terlepas pandang. Kita hanya fokuskan untuk kawasan yang dijaga oleh PDRM saja, oleh PGA sedangkan ada sekali ganda hampir, 85.43 kilometer adalah KTJ 8 Briged, Angkatan Tentera Malaysia yang menjaga sempadan di antara Thailand dengan Malaysia.

Kalau kita lihat, itu pun kawasan-kawasan penyeludupan juga. Kalau kita lihat pada 22 September yang lalu, di mana berlaku kes serbuan daripada IPK Kelantan daripada Pasukan Khas daripada Ketua Polis Kelantan ke jeti haram di Lalang Pepuyu yang mana telah diserang ya. *Team* daripada IPK Kelantan ini serang dan berlaku tembakan daripada negara sebelah ini, seberang ya. Tapi, tidak ada berlaku sebarang insidenlah. Cuma, satu anggota itu sesak nafas saja.

Jadi, kita tengok dekat sini, penyeludupan itu bukan di kawasan — ini yang kita jaga ini, yang PGA, PDRM jaga saja. Yang tentera jaga ini, kita tak tahu ini. Sebab apa, kebanyakannya rampasan yang masuk terutamanya di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan dan lain-lain yang mana sangkut di sekatan jalan raya yang dibuat oleh PGA, menunjukkan peningkatan yang ketara ya.

Rampasan di — apa? Oleh *snap check* oleh PGA dan juga sekatan jalan raya yang kekal yang mana dibuat oleh PGA. Barang-barang kuarantin tumbuhanlah, buah-buahanlah dan sebagainya. Haiwan, ruminan dan sebagainya. Bila kita tahan, dan kebanyakannya masuk bukan melalui kawasan yang PGA, PDRM jaga, masuk adalah kawasan yang sahabat kita jaga. Kawasan itu pula, dia punya sungai dia cetek dan sempit.

Kalau kawasan yang PGA jaga ini, sungai dia makin lama makin lebar sebab dia menghala ke kuala, sedangkan yang dijaga ini makin sempit dan makin cetek dan ada ketikanya berjalan kaki saja menyeberang sungai itu ya, tak perlu menggunakan perahu.

Jadi, kita kena tengok itu bahawa kawasan sempadan ini dia luas ya, 85.43 kilometer campur dengan 44.86 kilometer itu. Itulah sempadan Kelantan yang sebenarnya dengan Thailand, kan? *So*, kita jaga sikit saja ini, kawasan yang berpenduduk. Kawasan yang kurang penduduk ini dan tak berpenduduk ini, kita sebenarnya — berlaku juga penyeludupan di kawasan itu ya. Ada jeti-jeti haram di kawasan-kawasan itu.

Itu kita kena tengok juga ya. Kalau fokus yang ada PGA jaga saja saya kata, dia tidak boleh menyelesaikan masalah secara *total*. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ada apa soalan lagi? Ya, Bayan Baru.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Datuk Pengerusi, kalau kita boleh teruskan dengan pembentangan kedua sebab ini perobohan, mungkin ada kaitan terus dan boleh kita — minta izin.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum itu, saya nak tanya tentang pelupusan. Selepas minyak masak itu dirampas, apakah prosedur untuk pelupusan? Adakah dia dijual balikkah, ada dibakarkah, macam mana? Terima kasih.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: YB, untuk makluman Yang Berhormat, apa-apa barangan yang kita telah rujuk kepada agensi yang berkenaan. Contohnya kalau kita rampas rokok, kita bagi kepada kastam.

Proses seterusnya itu sama ada dia lupuskah macam mana, terpulang kepada jabatan yang berkenaan. Sama juga dengan minyak masak ini. Kalau kita sudah serah dengan KPDN, *so* tindakan lanjut dialah untuk nak pendakwaankah, dia kompaunkah dan sebagainya, itu sudah tanggungjawab.

Tanggungjawab kita sebagai penguat kuasa di lapangan, kita dapat, kita tangkap, kita rampas, buat dokumentasi apa semua, selesai, barang kes kita bagi kepada jabatan yang berkenaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sila, pembentangan.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kelantan]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam MADANI, Yang Berhormat Puan Pengerusi, Timbalan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya akan membentangkan mengenai status tindakan terkinilah berhubung dengan penguatkuasaan ke atas kewujudan pangkalan-pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok di bawah seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Okey, kalau kita lihat daripada segi penguatkuasaan di atas tanah rizab sungai, kita ada lebih kurang 136.59 kilometer iaitu daripada Pos Tiang Bendera sampailah kepada Pengkalan Kubor di Tumpat, lebih kurang 136.59 kilometer.

Ini adalah kedudukan pangkalan-pangkalan haram di antara kerjasama di antara pihak PTG dan juga pihak Polis Diraja Malaysia dalam mengecam kedudukan pangkalan-pangkalan haram. Daripada maklumat yang kita lihat, kita yang aktif

sekarang ini lebih kurang 136 dan tidak aktif lebih kurang 76 dan kita ada lebih kurang 212, Yang Berhormat.

Ini adalah gambar-gambar jenis pangkalan haram. Ada daripada yang kita cam itu lebih kurang 138 yang berstruktur dan lebih kurang 90 yang tidak ada struktur. Yang tidak ada struktur ini Yang Berhormat, dia buat biasalah macam dia buka tanah, biasalah dengan keadaan seperti gambar yang terteralah.

Daripada kronologi tindakan itu, kita dah buat — telah berbincang dengan pihak penguat kuasa daripada 9 Januari 2025 sehinggalah kita bawa keputusan untuk mengambil tindakan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 16 Julai dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bersetuju untuk merobohkan semua.

Ini adalah agensi-agensi yang kita buat tindakan bersepadulah di antara daripada PTG, semualah. Pihak JUPEM, JKR, PGA, PDRM, MKN, semua yang terlibat. JPS, majlis-majlis daerah dan juga pejabat-pejabat tanah. Kita akan terlibat lebih kurang empat pejabat tanah yang terlibat ya. Daripada Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan juga Tumpat.

Cadangan pelaksanaan tindakan penguat kuasa ini adalah cadangan kita dan rangka kerja kita Yang Berhormat, untuk kita laksanakan. Proses penguatkuasaan secara bersepadu di antara semua peringkat. Ini ialah kita — ini baca inilah.

Kemudian, ini adalah pembahagian tugas di antara agensi-agensi yang telah termaktub dalam senarai tugas dalam bidang penguatkuasaan. *Next. Next* lagi. Lagi, lagi.

Ini ialah status-status terkinilah. Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah sampaikan notis daripada 7 September, gerakan menyampai notis sehinggalah 7 Oktober baru ini. Notis kita matang Yang Berhormat, ialah pada 21 Oktober ini, 21 Oktober notis akan matang.

Jadi, kita akan buat *meeting* untuk penguatkuasaan tindakan ialah pada 22 Oktober pada jam 2.30 petang di pejabat PTG. Kita jangkakan tindakan penguatkuasaan perobohan ini kita akan segerakan pada 27 Oktober dan dia akan memakan masa lebih kurang enam hingga ke-10 minggulah untuk proses.

■1300

Itu pun Yang Berhormat, bergantung kepada keadaan cuaca. Kita sebab di Kelantan ini dah kira dah *start* hujanlah, kira dah mula hujan dah turun dan pergerakan MTL dah mula — kira dia angin dah kira MTL, Monsun Timur Laut bergerak. Jadi kita akan tengok berapa yang sempat dan berapa tidak sempat dalam proses cadangan kita di antara enam minggu hingga 10 minggu. Kita akan lihat di situ Tumpat lebih kurang ada 44 berstruktur dan tidak berstruktur lapan. Pasir Mas

kita ada 80, tindakan struktur ada 45. Tanah Merah kita ada berstruktur dua, tidak berstruktur 33. Jeli kita ada berstruktur 12 dan tidak berstruktur empat. Jumlah keseluruhan ialah berstruktur 138 dan tidak berstruktur ialah 90 Yang Berhormat. *Okay, next.*

Inilah cadangan pelaksanaan operasi penguatkuasaan perobohan yang kita jangka kita akan libatkan semua agensi di peringkat negeri dan kita akan buat satu mesyuarat penyelarasan pada 22 Oktober nanti. *Okay, next.* Gambar status penyampaian notis. Notis-notis ini Yang Berhormat, kita terus hantar kepada ini dan kita tampal kepada bangunan-bangunan berkenaan dan juga kita — sebab notis itu orang tidak ada Yang Berhormat. Jadi kita mengikut prosedur-prosedur mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

Okay, next. Gambar sekitar penyampaian notis, itu pun kita gerakkan. Macam mana kita tampal notis dan supaya rakyat berpuas hati macam mana kita jalankan notis-notis berkenaan. Dalam perkara ini Yang Berhormat, kita pun lihat apakah kaedah-kaedah kerana tidak ada tanah-tanah milik yang berada di pinggir sungai kerana dia terlibat dalam rizab sungai berkenaan. Rizab sungai berkenaan sebab itu kita bertindak atas seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

Maknanya dia memang — dia tidak ada tanah milik. Apabila tidak berlaku tanah milik, dia akan tidak berlaku pembayaran wang pampasan kepada rakyat dan ex gratia ataupun iaitu wang sagu hati perpindahan. Itu sahaja Yang Berhormat untuk makluman. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Apakah — Boleh saya tahu, apakah isi kandungan notis yang disebutkan oleh Pengarah?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Notis kandungan itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh baca.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]:...Maknanya — Yang Berhormat saya tak ada ini, nanti saya cuba. Sekejap, sekejap bagi masa Yang Berhormat. Dengan izin, Yang Berhormat jua. Sekejap ya, ada. Okey Yang Berhormat. Okey. Notisnya begini, okey.

"Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Notis berkenaan tindakan perobohan di bawah seksyen 426A Kanun Tanah Negara...".

Untuk makluman Yang Berhormat, 425 dan 426 ini dia berkait dua-dua itu. Jadi, *"...Kanun Tanah Negara. Binaan struktur haram di atas tanah kerajaan.".*

Apabila dia duduk di rizab tanah tebing sungai ini dia duduk atas rizab sungai. Takrif tanah rizab sungai ini ialah tanah kerajaan. Mana-mana tanah dalam sungai, tanah tepi jalan semua itu dikatakan sebagai rizab jalan ataupun rizab sungai. Rizab

sungai itulah kita katakan ia ialah tanah kerajaan. Masih ditakrifkan sebagai tanah kerajaan.

"Adalah dimaklumkan bahawa binaan/struktur didapat ini didapati dibina/berada di atas tanah kerajaan. Pembinaan di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran sah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda hingga 500,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.". Memang bersalah dah Yang Berhormat dia duduk atas rizab *jale*, dia duduk atas rizab sungai.

"Sila ambil perhatian. Notis dengan ini diberikan bahawa tindakan perobohan ke atas binaan/struktur berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 426A Kanun Tanah Negara 1965 akan dijalankan dalam masa 14 hari selepas tarikh notis ini tanpa apa-apa amaran lagi, titik."

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Titik Yang Berhormat. Ada yang tulis titik.

"Sebarang halangan ke atas tindakan ini boleh dianggap sebagai menghalang penjawat awam dan merupakan kesalahan yang di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan. Sekian dimaklumkan." Kita pun *sign*, Pengarah *sign*. Ha, itu. Jelas itu, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Ya, Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey ada dua persoalan. Satu, masa kita pergi lawatan tapak hari itu, akibat daripada hakisan sungai itu ada yang tempat-tempat yang haram tetapi di atas tanah persendirian. Macam mana kita punya pendekatan berkenaan keadaan yang macam itu? Itu soalan pertama.

Keduanya, tanah-tanah yang tanpa struktur, ya *kasi* notis. Kalau misalnya berstruktur lepas notis itu matang, kita boleh ambil tindakan robohkan. Tapi yang tempat-tempat yang tanpa struktur ini, apa yang dicadangkan untuk buatlah dekat di lokasi berkenaan?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Okey, soalan pertamanya biasanya yang ada geran ini kita dah — kita akan kenal pasti dulu sebab dalam geran ini, kita kena bayar kat dia sebab dia bergeran Yang Berhormat. Tetapi apabila kita ada tanah dalam sungai ini ya, tanah yang berada di tepi sungai ini, dia mesti berada dalam kawasan rizab sungai. Kita ada di bawah JPS itu berapa ukuran-ukuran sungai itu mengikut keluasan sungai. Itu adalah rizab sungai kita, itu kita ada garis panduan. Sekiranya terlibat dengan tanah-tanah yang ada geran *satni,* ada hak

milik itu kita akan maklum dan mungkin kita selesaikan tanah dia dulu dan kita akan buat perobohan.

Untuk kaedah yang kedua tadi, apa ini...

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Tidak berstruktur.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: ...Tidak berstruktur tadi, itu tak ada masalah, itu teruskan tindakan bawah 425 dan 426.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya lah, teruskan tindakan, tindakan dalam bentuk apa itu?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Dalam bentuk perobohanlah.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Ia tak ada struktur.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dia tak ada struktur, jadi apa? Kita akan gali ke ataupun...

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Tak, tak, tak ada. Itu maknanya tak ada apalah dah dia tak ada struktur. Kita mungkin kita bertindak untuk pagar *ke* ataupun seterusnya tindakan lanjutlah. Sekarang ini kita dalam tindakan PLSB. Dalam PLSB ini Projek Lembangan Sungai Golok dalam tindakan untuk kita selesaikan. Kerana kedudukan Rantau Panjang di bawah kita Yang Berhormat, kedudukan Rantau Panjang itu sendiri dia lebih rendah daripada kedudukan tanah geografinya daripada Golok menyebabkan dalam punca air banjir di Golok, di Rantau Panjang ini, air empangan daripada Sukhirin.

Empangan Sukhirin, keluar Empangan Sukhirin itu dia ledakan air itu menyebabkan kerajaan kita menghadapi kerugian yang besar dan sebab itu kita mempercepatkan proses PLSB Sungai Golok dengan dalam tindakan pengambilan semua tanah yang terlibat dengan pembinaan benteng-benteng di lembangan sungai berkenaan. *Insya-Allah,* dalam tindakan. Kita ada tiga perkara, PLSB, Sungai Kelantan dan juga PLSB Sungai Golok, dalam tindakan.

Semua proses pengambilan telah selesai kita ambil dan berharap dan kita dah bayar dah Yang Berhormat dalam tindakan di bawah projek PLSB Sungai Golok. Kalau kita dapat percepatkan proses pembinaan yang sebagaimana yang telah kita bina daripada Tumpat sampai ke di Rantau Panjang sekarang ini, kita dah boleh selesai masalah banjir dan juga dengan secara langsungnya penyeludupan kita dapat atasi, *insya-Allah.* Terima kasih YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itulah. Sebelum itu satu pemerhatian kita. Selalunya kita ambil tindakan bukan sahaja untuk lekat tepi sungailah. Kalau macam dekat Kuala Lumpur ini tempat-tempat yang gerai-gerai haram itu, kita ambil tindakan, kita *clear*-kan kawasan itu. Tapi oleh kerana tidak ada

perancangan yang tersusun dari segi *timeline* dia, Kita dah *clear*-kan, projek yang sepatutnya tu dilaksanakan lambat dilaksanakan, orang datang balik naikkan balik gerai-gerai itu. Jadi di sana tu kita akan ambil tindakan untuk robohkan struktur-struktur haram itu tapi kita kena memastikan bahawa *timeline* itu, garis masa itu tidak lambat. Kalau lambat nanti *kang* dibuka balik satu...

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Untuk makluman Yang Berhormat, projek pengambilan tanah semua dalam projek PLSB Sungai Golok telah saya selesaikan semua dalam masa 100 hari.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sik, ya Sik ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan pangkalan haram ini, ini perkara besar ya yang dibuat dan saya ucap tahniahlah ya kerana bukan mudah jugalah untuk nak melaksanakan operasi yang saya yakin akan ada halangan-halangan dia lah ya.

■1310

Yang pertama soalan saya, ya ada juga ditimbul tadi oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Pernah dulu 2019 yang saya baca *report* itu, pernah ada juga operasi ini ya tetapi akhirnya dia berulang balik. Maknanya, adakah dia orang ini dia punya kaedahnya roboh hari ini, kita bina pula semula minggu depan? Jadi, itu keadaannya ya.

Di pihak penguat kuasa sendiri, PTG sendiri, maknanya bagaimana— selepas proses perobohan itu, untuk nak pastikan benar-benar pemilik itu atau— bukan pemilik lah, maksudnya orang tempatan itu, dia tidak lagi membina semula itu, mungkin juga kena ada satu pelan yang kukuh lah ya. Supaya mereka tahu benda itu benda yang salah dari segi undang-undang.

Dari segi— ya lah. Mungkin juga, dari segi pendidikan juga, sebenarnya pemahaman juga. Benda itu tak boleh, kan? Dari segi agama sendiri, ya. Sebab ada sesetengah dia orang faham dia kata, *"kami buat ini bukan kami curi barang orang. Kami cuma jual di negara sebelah sahaja."* Jadi, itu *mindset* dia orang kan? Jadi, agak susah kita nak pecahkan benda itu.

Yang keduanya, dari segi pemetaan tanah rizab kerajaan itu sendiri. Tanah rizab sungai dan tanah pemilikan ini sudah pasti saya ingat PTG sudah selesai benda itu ya.

Tadi maksud saya, saya nak fahamkan lagi. Kalau ia melibatkan tanah persendirian, maknanya dia akan dibayar pampasan atas perobohan ataupun macam mana? Akan dibayar kah?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Betul, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Sebab dia ada hak milik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ada hak milik?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Walaupun maknanya pangkalan itu secara tidak sah dia dilakukan aktiviti itu?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Dia ada tanah hak milik. Kemudian, dia bina bangunan itu tanpa kebenaran daripada majlis daerah. Satu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Oh, itu kesalahan itu?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Kemudian YB, satu laginya dia berniaga pula. Haram lah, YB. Dia berniaga itu atas tanah haram, tanpa kebenaran itu. Ada juga, YB.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Oh, begitu? Okey. Yang ketiganya, dari segi — halangan tadi lah. Saya berbalik, adakah juga di pihak orang kampung ini, dia menggunakan — minta maaflah. Mungkin, jalur politik dan sebagainya untuk dia nak cuba nak menghalang isu ini? Adakah ada berlaku itu?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Tak ada. YB, kita guna ada di pejabat tanah. Kita ada penggawa, kita ada penghulu dan kita bincang dulu dengan beritahu secara baik dengan mereka lah, segala kedudukan mereka. Yang penting sekarang ini ialah kita nak menyelesaikan masalah banjir di Rantau Panjang dan dia pun tahu. Apabila kalau banjir, maknanya, kedai-kedai dia pun, stor-stor dia pun akan tenggelam, hanyut.

Jadi, untuk menyelesaikan masalah itu kita berbincang terlebih dahulu. Kita bernasib baiknya kerana PLSB itu, Sungai Golok ada peruntukan yang boleh kita menyelesaikan masalah dengan pihak rakyat. Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Di peringkat mediasi ataupun di peringkat dia berbincang dengan penduduk itu, adakah dibuat sebelum ini?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Dah, YB. Dah, daripada tahun lepas lagi. Daripada tahun 2024 — 2023, 2024, 2025 dan saya rasa, tempoh masa lebih kurang 36 bulan ini, dah kira itulah.

Daripada 2023, 2024 dan 2025 dan ini pun kita akan bincang lagi pada 22 ini, apakah halangan lagi. Yang mana yang tiada halangan, kita terus proses untuk perubahan struktur, YB. Sekiranya ada lagi yang berdegil itu, kita akan bawa bincang dengan dia orang. *Insya-Allah.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada lagi soalan? Tiada? Sik ada?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Minta maaf tadi. Yang awal tadi, mungkin saya terlepas. Di peringkat PGA sendiri, kawasan yang betul-betul kita ada pagar, pagar berduri apa semua, itu sudah ada ya? Maknanya, sepanjang sempadan itu adakah wujud benda itu ataupun semuanya tidak berpagar sampai — maknanya, hujung ke hujung itu? Macam mana?

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: *So,* untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak wujud pagar pun. Memang tidak ada. Ia terbuka, tiada pagar. Jadi, itu yang kita mencadangkan, terutamanya pangkalan-pangkalan haram ini, yang sudah dirobohkan nanti, untuk kita mengekalkan supaya tidak diulangi balik. Itu yang kita mencadangkan supaya kalau dapat satu, kita pasang dengan pagar dan pada masa yang sama pihak PGA akan buat pengawalan juga.

Sebab, betul juga. Kita roboh hari ini, esok kalau kita tidak lepas kawalan, dia akan tumbuh balik. Jadi, itu kita akan fikir. Bila kita roboh ini, kita kena fikir macam mana kita nak mengawal tempat itu supaya tidak diulangi balik oleh penggiat-penggiat ini. Jadi, salah satu yang saya nampak bila — terutama yang pangkalan itu, bila sudah diroboh, kita kena fikir kita buat pagar dawai dan akan dipantau oleh PGA lah untuk mengesan, adakah orang-orang lagi yang akan mengulangi tempat itu? Itu yang saya nampak lah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, mungkin di pihak kementerian sendiri, adakah dilihat juga contoh atau model negara-negara lain, mereka menguruskan melaksanakan pengurusan sempadan itu sendiri lah? Kita di sini mungkin agak, maknanya sederhana lah. Panjang itu, ada negara itu yang sampai 500-600 kilo.

Jadi, mungkin pernah pegawai-pegawai melihat kaedah-kaedah yang lebih efisien lah untuk kita mungkin ambil contoh dan sebagainya. Adakah telah dilaksanakan oleh kementerian?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Terima kasih, YB. Di peringkat kementerian pun, kita berbincang banyak. Cuma halangan utama adalah dari segi, satu ialah untuk dari segi peruntukan kewangan. Itu yang kita nak sebab kita jangka panjang, kita mungkin mencadangkan untuk buat tembok tetapi dua isu. Pertama, isu dari segi tanah tersebut. Yang kedua adalah dari segi peruntukan.

So, memang kita memandang berat tetapi, atas inisiatif tersebut itulah Ketua Polis Kelantan pun telah *almost lockdown* kawasan-kawasan PGA punya *area. So,* bermaknanya *lockdown meaning to say* dia akan membuat tangkapan yang dulunya

mungkin dibenarkan. Kanak-kanak bersekolah boleh menyeberangi tetapi sekarang, tidak ada lagi aktiviti-aktiviti pergerakan yang secara dulunya formal dibenarkan.

So, sekarang ini semua mesti melalui ICQS. *So,* tetapi yang berlaku inilah pergerakan-pergerakan yang tidak dibenarkan. Pergerakan haram. Yang formal, kita dah tutup dan sekarang ini yang berlaku ialah pergerakan haram. Tetapi persoalan YB, adakah tindakan jangka panjang?

Memang dibincangkan tetapi halangan utama ialah dari segi kos untuk melaksanakan tersebut dan juga dari segi struktur untuk membina. Mungkin ada satu tanah yang individu, tanah kerajaan. *So,* itu pun menjadi halangan. Walaupun halangan tak besar, tetapi halangan utama ialah kita nampak dari segi peruntukan, YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ada lagi soalan?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tadi Yang Berhormat, Datuk kata ada aktiviti yang sebelum ini mungkin kelaziman dan mungkin sejarah lama. Maksudnya, ada ya pihak tertentu yang penduduk Malaysia ini atau Thailand ini, dia seberang, dia hantar anak dia ke sekolah itu? Maknanya ada berlaku sebenarnya atau macam mana?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Untuk makluman ya YB, kalau dulu ya YB, memang itulah aktiviti harian. Selepas pada tahun 2025 ini, maknanya semua Ketua Polis Kelantan tutup terus dan dibenarkan hanya aktiviti secara sah berlaku daripada ICQ Bukit Bunga, Rantau Panjang dan juga Pengkalan Kubor. Tiga ini. Yang lain-lain, semua dianggap sebagai aktiviti yang tidak disah lah, dari segi undang-undang.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Di pihak penduduk itu ya, mungkin melihat bila ICQS yang proses yang sah ataupun *cross-border* sah itu, mungkin dia agak jauh kan, jarak dia itu. Jadi, adakah dilihat ataupun perbincangan menunjukkan pos-pos yang sah, contohnya ya?

Yang secara, maknanya tidak ada satu kompleks yang ini tetapi maknanya, dia *cross* itu, dia kena *register.* Contohlah ya, di pihak sini tetapi kena ada dua-dua belah pihak, dua-dua belah negara lah ya. Adakah itu juga dilihat satu alternatif kita, macam mana?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, kita tak ada perbincangan. Kita kena gazetkan kawasan-kawasan untuk penyeberangan itu, menyeberang antara sempadan itu mesti digazetkan. *So,* sekarang ini bilateral kita dengan Thailand, masih lagi kita mengekalkan di sempadan Kelantan, hanya tiga lagi. Tiga sahaja dan aktiviti-aktiviti penyeberangan yang tidak sah, tidak dibenarkan langsung sekarang ini.

That's why, arahan daripada Ketua Polis Kelantan tidak dibenarkan langsung dan semua pergerakan mesti melalui tiga ICQS ini. *In fact,* pelajar pun yang berjauhan, kita dah minta mereka untuk *stay* di asrama-asrama di negeri Kelantan. *So,* yang harian itu yang berkemampuan, dia akan menyeberang tetapi yang tak berkemampuan, mereka akan *stay* di asrama.

So, sebab punca utama yang kita nampak ialah kalau kita membenarkan pelajar melalui dan ada aktiviti haram akan berterusan dan ada yang membuat, mengambil peluang untuk membuat aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan seperti penyeludupan-penyeludupan ini.

So, that's why — yang isu ini telah selesai, YB dari segi apa ini — kita dah *ordering* dengan Kementerian Pendidikan, dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan dan keputusannya telah muktamad bahawa tidak ada penyeberangan antara sempadan kecuali melibatkan tiga pintu masuk yang telah diwartakan antara dua pihak, pihak Malaysia dengan Thailand.

■1320

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh saya tanya pelajar dari Malaysia ke Golok ataupun Thailand ke sini?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Pelajar daripada Thailand yang belajar di Malaysia sebab itulah. *[Dicelah]* Bilangan cukup ramai YB.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Untuk makluman YB, untuk makluman YB. Tiga per empat pelajar-pelajar daripada Golok, Golok itu dia ada *relative* di antara Rantau Panjang dengan — jadi ini *cousin*, ini *cousin* belah ini. Jadi, susahlah YB. Kita dah itu dah sejarah daripada zaman Raja Chulalongkorn lagi. *[Ketawa]* Jadi, kita hendak buat macam mana YB, dia punya *kawe*.

Untuk makluman YB, gajah pun dia kahwin. Gajah kita dengan gajah Thailand itu pun bergerak. Itu sebab cerita Gerik, gajah Gerik masuk itu semua. Itu carilah itu cari *relative* gajah, gajah yang di Gerik itu. Itu pun gajah daripada Thailand dengan gajah kita kahwin dengan gajah dia sebab umur gajah 10 tahun, YB dia akan kahwin. Dia mesti keluar daripada *family* dia untuk berkahwin, begitu. Dia pun ada naluri, kita pun serupalah YB, begitu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksud tadi, pelajar tadi dia orang ada IC kita kah atau macam mana?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Dia, dia dululah sebab ayah dia kadang-kadang ada dia beranak belah Kelantan, dia orang lahir di Kelantan. Jadi, penempatan dia dibelah Golok sebab dia gitu. Dulu sebab *cousin* ada, ada macam-macam dia. Dia dulu, satu dulu zaman — cerita zaman Patani dulu, dia sebab *related* dengan *history.* Sebab untuk makluman YB daripada Golok sampai

ke Phang Nga itu, itu negeri-negeri Melayu dulu ada empat raja dulu. Raja Kuning, Raja Jingga, Raja Hijau, Raja Ungu, itu cerita dia.

Jadi, dulukan selalu berlaku peperangan di antara Kedah, Kelantan dengan Siam, itu cerita. Panjang lagi cerita YB. *[Ketawa]*

Realiti tak putus YB sebab ada yang beranak di Kelantan kemudian duduk di Golok. Ada yang duduk di Patani, ada yang duduk di itu kalau kita tengok. Itu cerita dia. Jadi, dia lama cerita.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, saya punya soalan kita berbalik kepada pembentangan lebih awal tadi. Hendak tanyalah *put on record* dia kan, maknanya apa yang kita sedang buat sekarang kita *kasi* notis, kita akan robohkan struktur-struktur yang haram semua. Sebelum ini pernah tak tindakan sedemikian rupa pernah berlaku tak ataupun tidak sebelum ini? Ataupun ini yang pertama kali buat?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Belum. Belum berlaku kerana belum berlaku dan berlaku ini pun sejajar dengan kelulusan PLSB Sungai Golok. Maknanya, kita kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pergi tengok daripada Pengkalan Kubor sampai ke Rantau Panjang sekarang ini kita dah ada binaan benteng yang tinggi yang itu salah satu daripada untuk menghalang banjir.

Tetapi, sekarang ini kita hendak bina pula daripada Wakaf Zain sampai ke Rantau Panjang untuk menutupi dan benteng itu tinggi. Jadi, salah satu daripada untuk menyelesaikan masalah banjir dan juga penyeludupan. Kalau kita percepatkan proses itu maknanya kita boleh selesai dan ini adalah yang pertama lah, YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, boleh saya tanya satu lagi berkenaan dengan pelajar. Jadi, pelajar dari Thailand ke — yang belajar di Kelantan hanya melalui Golok sahajakan? Yang tak boleh datang dengan perahu atau apa?

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak boleh, tak boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Sekarang ini, sekiranya melepasi ambil sungai mungkin ditangkap oleh pihak berkuasalah dalam masa-masa, PGA akan tangkap.

ACP Ijid Landu Binju [PGA]: Telah dibagi kuasa untuk menangkap mana-mana yang menyeberang melalui sungai. Sekarang ini arahan yang kita dengar tidak ada lagi penyeberangan melalui sungai, semua melalui ICQS. Jadi, mana-mana pelajarkah yang melalui sungai itu beerti yang tidak digazet *so* kita tangkaplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey ya. Kuala Pilah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berbahagia Datuk saya hendak tanya sikitlah. Daripada *submission* daripada ACP Rizal sebentar tadi, jelas bahawa kawasan penyeliaan ini yang melibatkan ATM lebih besar lagi daripada apa terlibat daripada briged lah Briged Tenggara.

Jadi, adakah Yang Berbahagia Datuk bersetuju bahawa ATM juga harus dilibatkan di dalam prosiding melibatkan penyeludupan ini. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada soalan lagi?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Jawapan saya tadi... *[Dicelah]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Maksud soalan saya tadi, kalau kita lihat dari pembentangan.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Betul lah daripada kawasan-kawasan liputan antara sempadan Malaysia dengan Thailand melibatkan dua per tiga ialah di bawah kawasan tentera dan satu per tiga di bawah kawasan PGA. *So* apa ini dan seperti yang dimaklumkan kawasan tentera lebih lagi berisiko... *[Dicelah]*

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Lebih luas.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: ...kerana dia lebih cetek dan dia lebih sempit. *So* saya bersetuju kalau prosiding ini hendak diteruskan dengan menjemput Angkatan Tentera Malaysia untuk membuat pembentangan dari segi hasil tangkapan dan aktiviti penyeludupan yang berlaku di sempadan-sempadan di bawah kawalan tentera. Terima kasih.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk. Terima kasih.

Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud [PTG Kelantan]: Boleh saya tambah YB sebab — daripada sempadan Perak itu hutan sampai ke Pos Tiang Bendera di Jeli. Di Jeli ada satu Pos Tiang Bendera di Jeli itu tanah, YB dia tak ada sungai. Dia tanah, tanah sampai di *area* Wakaf Zain itu baru ada anak sungai.

Itu — sebab tentera ambil lebih kurang 91.92 kilometer itu di bawah gerakan daripada tentera dan yang selebih daripada lebih kurang 44 poin itu ialah bawah kawalan pihak polis kerana aktiviti itu aktif di kawasan lebih kurang 44.6 tadi di *area* itu 86 tadi. Itu kawasan aktif, kawasan ini hutan YB yang kawasan 91.92 itu ialah kawasan hutan, berbukit bukau dan tapi ada tanah yang sempadan itu sempadan, berbukit bukau dan tanah. Ada tanah, tanah, tanah. Kalau di kawasan 44 tadi ialah kawasan tanah, sungai dan tanah balik, itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, kalau tak ada apa-apa soalan lagi, bagi pihak PAC kami ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin, Timbalan Ketua Setiausaha

(KDN), ACP Ijid Landu Binju, Timbalan Komander Briged Tenggara PGA (PDRM) dan juga Dato' Haji Nik Raisnan bin Haji Daud, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Jadi, mesyuarat prosiding PAC berhenti pada pukul 1.28 minit tengah hari. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Terima kasih YB.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.28 tengah hari]

MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 15 Oktober 2025
Bil 6(I) / 2025

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

(i) YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar,
Ketua Setiausaha

(ii) YBhg. Datuk Azman bin Adam
Ketua Pengarah Penguatkuasa

PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 15 OKTOBER 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

Tidak Hadir *(Dengan Maaf)*
YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]

URUS SETIA

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Chang Ching [Ketua Sektor Inter Agensi (Siasatan)]
Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)
Encik Khairul Anam bin Muntalib [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Encik Sharul Azhar bin Adnan [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Ekonomi (KE)
Cik Lau Ling Ling [Penolong Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]
Mohd Zainal bin Othman [Ketua Penolong Pengarah (Pembasmian Kemiskinan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)
Puan Erda Ezdiani binti Ahmad Toha [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [Ketua Setiausaha]
YBhg. Datuk Azman bin Adam [Ketua Pengarah Penguatkuasa]
YBhg. Dato' Dr. Stanley Tan [Pengarah Kanan Sektor Barang Kawalan dan Subsidi]
Tuan Shahrudin bin Hamzah [Pengarah Seksyen Kawalan Bekalan (Bahagian Penguat kuasa)]
Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Subsidi dan Bekalan]
Tuan Azanizam Affendi bin Juri [Pengarah Seksyen Dasar dan Perancangan Strategik]

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 15 OKTOBER 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.06 petang

[Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Selamat petang. Salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex-officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat hari ini.

Sebelum itu, saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengerusi PAC yang tidak dapat hadir bagi mempengerusikan mesyuarat pada hari ini kerana terikat dengan urusan yang lain. Yang Berhormat, ahli-ahli mesyuarat sekalian, untuk makluman semua, PAC telah pun mengadakan lawatan kerja bagi isu berkaitan pengurusan kawalan harga dan subsidi minyak masak di Kelantan pada 4 September 2025 ke pangkalan haram Simpangan, pangkalan haram Nibong, pangkalan haram MCA dan Syed Agil dan Kompleks ICQS Rantau Panjang.

Lawatan tersebut turut dihadiri oleh wakil KDN iaitu Timbalan Ketua Setiausaha KDN, Ketua Pengarah AKPS dan Timbalan Ketua Polis Kelantan. PAC turut menjemput PAC Negeri Kelantan, Ahli-ahli Parlimen dan ADUN kawasan terlibat untuk menyertai lawatan ini. Ini bertujuan memberi ruang kepada wakil rakyat kawasan berkaitan untuk bersama-sama dengan PAC meninjau keadaan sebenar di lapangan dan mendengar penjelasan, menyatakan permasalahan serta membangkitkan isu-isu yang mungkin memberi kesan kepada rakyat setempat khususnya berkaitan kawalan harga dan subsidi minyak sawit.

Justeru itu, prosiding pada hari ini adalah bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit yang telah dibincangkan semasa mesyuarat yang telah diadakan di Kelantan. Ini adalah prosiding ke-10 membabitkan isu ini. Pada prosiding-prosiding yang lepas, KDN, JAKIM, MEOMA, PORAM, MRA, FOMCA, Mydin dan FGV Holdings telah hadir bagi memberi keterangan mengenai isu pengurusan, kawalan

harga dan subsidi minyak masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Yang Berhormat, ahli-ahli mesyuarat sekalian, justeru sekali lagi hadir bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan ahli-ahli delegasi daripada KPDN yang hadir pada hari ini. Jadi, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi untuk memulakan pembentangan. Silakan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio PAC, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

■1510

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada PAC kerana memberi peluang untuk kali kedua saya bersama dengan pasukan daripada KPDN hadir untuk memberi sedikit pembentangan dan juga menjelaskan isu-isu yang berbangkit dalam prosiding yang telah pun bermula sebelum ini.

Untuk hari ini, memandangkan ini kehadiran kami kali kedua, kali pertama kita telah pun membentangkan keseluruhan berhubung dengan pelaksanaan eCOSS itu sendiri dan hari ini sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi maklum tadi, pembentangan kami kali ini menjurus kepada usaha-usaha ataupun tindakan-tindakan penguatkuasaan tindakan kawalan yang dibuat khususnya melibatkan anggota penguat kuasa KPDN di sempadan bagi mengekang isu atau aktiviti-aktiviti ketirisan dan juga penyeludupan yang kita laksanakan bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain yang berada di sempadan.

Untuk itu saya mohon izin daripada Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC untuk pembentangan ini akan dibuat oleh Yang Berbahagia Datuk Azman Adam, Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN di mana pada sesi lawatan PAC ke negeri Kelantan baru-baru ini, beliau hadir di sana dan saya mohon izin untuk Datuk Azman untuk memberikan taklimat dan juga pembentangan. Silakan.

Datuk Azman bin Adam [Ketua Pengarah (Penguatkuasa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: Okey terima kasih Dato' Seri KSU. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara bagi Parlimen Kelima Belas, juga pegawai-pegawai ex officio. Seterusnya, saya akan membentangkan bagi pihak KPDN usaha dan tindakan yang kita buat ke atas — hari ini kita lebih berfokuskan

kepada minyak masak bersubsidi ataupun minyak masak *polybag* yang berharga RM2.50 dan langkah-langkah untuk mengurangkan ketirisan dan juga penyelewengan. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Jadi, tujuan utama adalah untuk memaklumkan kepada Ahli Jawatankuasa PAC ini tentang yang pertama usaha dan tindakan yang kita buat ke atas pengurusan minyak masak bersubsidi. Yang kedua langkah-langkah yang kita ambil untuk mengurangkan ketirisan dan penyeludupan dan dia melibatkan tiga kategori iaitu yang telah kita ambil, yang sedang kita laksanakan dan juga yang akan kita laksanakan, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, latar belakang. Sedikit latar belakang berkaitan dengan *presentation* saya dan juga untuk makluman semua. Minyak masak ini adalah satu barang kawalan yang mula diwartakan melalui 1973 dan diwartakan sebagai Barang Kawalan Berjadual mulai Mac 1974. Jadi, terdapat dua kategori minyak masak di bawah kawal seliaan KPDN iaitu satu minyak masak *polybag*, sekilo-sekilo yakni berharga RM2.50 sekarang. Juga, satu lagi kategori minyak masak dalam botol. Kemasan botol yang terdiri daripada satu kilo, dua kilo, tiga kilo dan juga lima kilogram. Sebelum daripada ini, kita juga turut membuat kawalan harga ke atas minyak masak sebatian tetapi minyak masak sebatian telah pun kita keluarkan daripada kawalan harga kita.

Jadi, KPDN ini melaksanakan pengurusan berkaitan dengan minyak masak ini sejak daripada 1 November 2016 iaitu penyerahan daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi kepada pihak KPDN. Pada masa tersebut, kuota minyak masak yang diberikan kepada KPDN asalnya adalah sebanyak 85,000 tetapi bila dia sampai kepada KPDN, tinggal 60,000 iaitu kuota yang ada, yang diuruskan oleh pihak KPDN sehingga sekarang.

So dari segi usaha yang telah kita laksanakan, yang pertama kita telah memperkenalkan penguatkuasaan melalui Ops Tiris 3.0 yang mana yang ini melibatkan pemeriksaan secara harian oleh pegawai-pegawai KPDN di seluruh negara yang melibatkan hampir 2,500 orang pegawai penguat kuasa. Jadi, kita cuma ada 2,500 orang pegawai di seluruh negara yang menjaga kesemua 13 akta yang dikuatkuasakan oleh pihak KPDN.

Jadi, minyak masak ini adalah satu keutamaan kami dan aduan-aduan berkaitan dengan kekurangan bekalan minyak masak ini akan disiasat mengikut piagam pelanggan kami iaitu dalam masa 24 jam. Jadi, KPDN ini terutamanya bahagian penguat kuasa memang di segi penugasan kami adalah setiap hari tanpa mengira sama ada hari raya ke, hari cuti am ke, memang ada saja pegawai-pegawai

kita yang akan bertugas seperti biasa dan akan membuat pemeriksaan, siasatan, aduan dan sebagainya.

Yang kedua di peringkat KPDN, kita ada satu Jawatankuasa Penggantungan Lesen dan juga Kuota ataupun yang kita panggil sebagai J2P2C yang dipengerusikan oleh Dato' Seri KSU selaku pengawal bekalan Malaysia untuk mengambil tindakan yang segera dan punitif ke atas syarikat-syarikat yang disyaki melakukan kesalahan.

Yang ketiga selaras dengan Dasar Pendigitalan Negara, pendigitalan pangkalan data juga dilaksanakan di mana kita di bahagian penguat kuasa membangunkan sistem IEMSbiz untuk melaksanakan *real-time monitoring* ke atas setiap rantaian pemegang-pemegang lesen minyak masak yang aktif.

Yang keempat kita telah melaksanakan sejak Januari 2021, had pembelian tiga paket seorang di bawah arahan pengawal yang kita keluarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Yang seterusnya kita telah membuat pindaan terhadap Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 iaitu yang berkaitan dengan larangan eksport berkaitan dengan dalam bungkusan *polybag*. Kalau dulu kita dapati banyak syarikat yang membuat eksport ke negara Thailand, Indonesia, *Philippine*, mereka eksport dalam bentuk *polybag*. Jadi yang ini telah menguatkan lagi dakwaan seolah-olah minyak masak subsidi kita pun dieksport. Oleh sebab itulah hasil dapatan kita, perbincangan kami dengan industri, mulai 29 Julai 2022, kita telah membuat satu peraturan yang menghalang. Kalau nak eksport dalam bentuk selain daripada *polybag*. *So* yang seterusnya kami telah membuat pewartaan ke atas harga minyak masak peket RM2.50 ini di dalam akta kita di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Sebelum ini harga RM2.50 ditetapkan secara pentadbiran.

Yang seterusnya yang ketujuh adalah meningkatkan kecekapan pemantauan menggunakan satu sistem baharu yang diperkenalkan yang dikenali sebagai sistem eCOSS yang akan membantu memantau pengedaran meliputi daripada kilang penapisan kepada pembungkus kepada pemborong dan yang terakhir kepada peruncit dan apa yang sedang kita usahakan sekarang adalah melalui *mobile* eCOSS sampai ke peringkat pengguna.

Yang kelapan adalah mengawal pengedaran minyak masak peket bersubsidi secara perundangan dengan memperkenalkan kaedah *zoning* mulai 1 Mei 2025.

Terakhir, melaksanakan program rintis jualan minyak masak peket menggunakan *mobile* eCOSS di peringkat runcit dan program ini dilaksanakan bermula di Program Jualan RAHMAH MADANI di seluruh negara dan di negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk mengadakan program ini secara

sukarela untuk membantu dan melihat sendiri ke manakah minyak-minyak masak yang diperuntukkan dalam negara tersebut diedarkan.

Jadi, itu antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak KPDN untuk memastikan hasrat kerajaan melalui kuota 60 juta kilogram sebulan ini dapat dinikmati oleh rakyat-rakyat kita umumnya.

Seterusnya *next, dashboard* ini adalah berkaitan dengan Ops Tiris yang kita laksanakan oleh pihak KPDN. Ops Tiris ini sebenarnya bermula daripada Ops Tiris 1.0 daripada 1 Mac 2023, kita laksanakan secara percubaan enam bulan ke atas komoditi diesel. *So,* kita lihat ada kemajuan yang bagus. *So* diteruskan di bawah Ops Tiris 2.0 untuk diesel juga. Tetapi Yang Berhormat Menteri dan juga Dato' Seri KSU berpandangan bahawa kejayaan yang dicapai daripada Ops Tiris 1.0 dan Ops Tiris 2.0 ini wajar di-*extend*-kan kepada komoditi lain.

Jadi melalui pendekatan Ops Tiris 3.0 berkuat kuasa 1 Januari 2024, dia telah dirangkumkan dan melibatkan lima lagi kategori selain daripada diesel iaitu melibatkan petrol RON95, LPG, minyak masak, gula dan juga tepung gandum. Jadi, Ops Tiris 3.0 mulai 1 Januari 2024 dan dia melibatkan barang-barang kawalan yang kita kenal pasti termasuklah minyak masak.

Daripada data yang kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ex officio boleh tengok sekarang, daripada situ kita boleh tengok melalui statistik *ranking* yang pertama kes-kes yang kita hasilkan, yang pertama adalah melibatkan diesel.

■1520

Kedua, melibatkan minyak masak. Minyak masak sejak daripada 1 Januari 2024, kita ada sebanyak 829 kes. Data ini sehingga 30 September 2025. Ketiga adalah LPG. Keempat adalah petrol melibatkan tangkapan sebanyak 641 orang tidak termasuk pesalah-pesalah yang terlibat dalam diesel.

Jadi, untuk minyak masak dan lain-lain komoditi ini 641 orang. Kalau kita campur dengan yang terlibat dalam aktiviti sindiket diesel ini 1,235 orang telah pun ditangkap sejak daripada kita melaksanakan Ops Tiris 3.0 pada 1 Januari 2024.

Di samping itu juga saya nak merakamkan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi sahabat kita yang turut menyumbangkan bilangan kes yang tinggi. 2,227 kes dihasilkan sejak daripada Ops Tiris 3.0 dihasilkan dengan yang paling banyak penyumbang adalah PGA sebanyak 1,085 kes diikuti oleh Pasukan Polis Marin (PPM) sebanyak 782 kes dan ketiga pihak polis sendiri daripada lain-lain bahagian di tempat yang ketiga.

Jadi, kebanyakan kes-kes yang dihasilkan oleh PGA dan PPM ini adalah melibatkan kawasan sempadan. Manakala yang dilaksanakan oleh pihak polis yang lain ini dia berada di kawasan-kawasan bandar. Jadi, itu penghasilan kes yang

melibatkan kes serahan sahaja kita melibatkan nilai rampasan sebanyak RM17.3 juta untuk tahun tersebut.

Ini kita boleh tengok aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak KPDN. Saya rasa saban hari memang akan ada sahaja berita-berita tangkapan berkaitan dengan rampasan minyak masak ini.

Ini kes antara kes yang terbaru yang melibatkan satu sindiket yang agak besar yang kami hasilkan di Kota Bharu. Sindiket ini dinamakan Sindiket Datuk John yang juga melibatkan tangkapan daripada penjawat awam yang bertugas di pintu sempadan.

Di samping kepala sindiket ini iaitu seorang ahli perniagaan yang bergelar Datuk, kita juga turut menahan beberapa orang penjawat awam yang disyaki terlibat dalam penyelewengan minyak masak di pintu sempadan. Ini kes yang berlaku di Kelantan. Siasatan lanjut kita masih lagi teruskan kerana dia melibatkan pelbagai jenama yang ditahan semasa operasi tersebut. Jadi, ini antara perkara yang terbaru.

Semalam sebenarnya ada lagi satu kes yang terbaru melibatkan hampir 100 kotak minyak masak yang pegawai risikan kami dapat tangkap. Ini orang salah itu lari. Dia meninggalkan kereta dan minyak masak hampir 100 kotak di tebingan sungai di negeri Kelantan juga. Itu yang berlaku semalam.

Apa yang saya nak maksudkan di sini, nak sampaikan di sini bahawa usaha ini adalah satu usaha yang berterusan. Setiap hari pegawai-pegawai risikan kami akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai di unit operasi dan dibantu juga oleh pegawai-pegawai daripada ibu pejabat untuk memastikan kejayaan di samping komitmen yang padu daripada agensi-agensi sempadan kita yang bekerjasama rapat dengan kita.

Okey daripada sini itu pemeriksaan yang dijalankan setiap hari. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya yang saya paparkan sekarang adalah ini adalah lapan pintu masuk ataupun pintu sempadan yang mana kami menempatkan pegawai-pegawai penguat kuasa kami di situ. Jadi, di Perlis kita ada dua tempat, di Kedah ada dua, Bukit Kayu Hitam dan juga Kota Putera, di Perak kita ada Bukit Berapit, di Kelantan ada tiga, ICQS yang melibatkan penugasan pegawai kami di sana. Pintu masuk, pintu keluar dan juga penugasan ini melibatkan sepanjang masa pintu itu beroperasi.

Jadi, kalau tengok dekat situ kita membuat pemeriksaan ke atas kenderaan asing dan juga kenderaan tempatan. Setakat ini yang kita telah laksanakan daripada tahun lepas sehingga sekarang kita telah membuat pemeriksaan hampir 150,000 buah kenderaan. Kenderaan yang paling banyak adalah kereta diikuti kenderaan pacuan empat roda, lori dan juga motosikal.

Setakat ini kes-kes yang kita dapat kesan di pintu-pintu sempadan kebanyakan yang melibatkan dua komoditi utama iaitu diesel dan juga petrol. Dekat situ kita boleh tengok betapa bebanan pegawai-pegawai yang bertugas kalau kita tengok bilangan kenderaan yang diperiksa juga agak tinggi.

Kalau kita tengok di negeri Kelantan sahaja kalau Bukit Bunga itu dah hampir 20,000. Kalau di Pengkalan Kubor, 13,000. Kalau di Rantau Panjang mencecah 25,000 buah kenderaan diperiksa. Ini adalah komitmen kami untuk memastikan pintu-pintu masuk dan juga keluar ini tidak digunakan oleh pihak-pihak untuk membuat kerja-kerja penyeludupan dan juga penyelewengan.

Ini antara contoh pegawai-pegawai kita di sempadan. Pada hari lawatan kita 4 September lalu di pintu sempadan Rantau Panjang juga kita boleh melihat beberapa pegawai KPDN sedang bertugas di situ.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya apabila pegawai kita bertugas, angka yang saya paparkan tadi bukan setakat angka yang kita kutip sahaja sebenarnya. Tak ada. Setiap pemeriksaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai kami akan direkodkan dalam sistem. *So,* setiap nombor kenderaan yang diperiksa oleh pegawai kami akan terdapat dalam sistem.

Itulah sistem pendigitalan yang dilaksanakan oleh pihak penguat kuasa. Bukan maksudnya kita kira macam itu sahaja, tak ada. Kita akan dapatkan data jenis-jenis kenderaan, nombor kenderaan, pemandu dan sebagainya. Kita akan rekodkan dalam kita punya sistem. Itu yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai KPDN di sempadan.

Seterusnya adalah penubuhan Jawatankuasa Penggantungan Lesen dan juga kuota di peringkat KPDN. Jawatankuasa ini telah kita tubuhkan pada tahun lepas. Ogos 19. Jadi, Jawatankuasa ini bersidang hanya di ibu pejabat dan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berbahagia Dato' Seri KSU sebagai pengawal bekalan.

Bidang kuasa ini adalah termasuk untuk mendengar, menimbang dan juga memutuskan permohonan pengesyoran sama ada kita nak gantung sementara, nak tarik lesen, nak tarik kuota dan sebagainya terutama bagi kes-kes yang terlibat di bawah Akta Kawalan Bekalan dan juga perundangan subsidiarinya.

Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini lesen CSA ataupun lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan yang telah ditarik ada 11 lesen borong dan 11 lesen runcit. Lesen yang kita gantung melibatkan lima pemegang lesen CSA borong dan tiga pemegang lesen CSA runcit. Kuota yang kita gantung ada lima setakat ini.

Jadi, ini melibatkan kes-kes yang dihasilkan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa di seluruh negara. Bagi memastikan mesej tersebut sampai dan juga untuk

tidak mengganggu siasatan maka kami akan melakukan pengesyoran kepada Jawatankuasa dan Jawatankuasa akan memutuskan pertimbangan yang sesuai.

Okey, yang seterusnya sebagaimana yang saya maklumkan nanti tadi *real-time monitoring* ke atas syarikat-syarikat ini. Jadi, kita telah membangunkan satu sistem yang dinamakan sebagai *IEMS business*.

Mereka ini syarikat-syarikat yang kita kenal pasti berisiko dan juga boleh membantu kita dalam sistem pemantauan kita akan daftarkan mereka. Kita akan bagi taklimat dan juga pendedahan kepada mereka macam mana untuk membuat pengisian. Daripada situ pegawai kami di ibu pejabat akan memantau rantaian edaran kepada mereka ini.

Jadi, yang ini kita telah pun laksanakan. Setakat ini dah ada hampir 800 premis yang kita kenal pasti dan ada 600 lagi yang terlibat dalam pelbagai *documentation* sebelum daripada mereka juga terlibat untuk melaksanakan sistem ini secara langsung.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh bertanya?

Datuk Azman bin Adam [KPDN]: Okey silakan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Nak tanya fasal *slide* yang fasal *slide* sebelum ini. Ada melibatkan 11 pemegang lesen ditarik, digantung dan sebagainya. Boleh kongsi tak apa kesalahan-kesalahan yang terlibat sehinggakan mereka ditarik ataupun digantung? Jenis-jenis kesalahan. Ada boleh tolong kongsi?

Datuk Azman bin Adam [KPDN]: Okey terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, kesalahan-kesalahan yang kita kesan ini. Sebenarnya kita akan tengok *degree* kesalahan, kuantiti berapa kali kesalahan dan sebagainya. Tapi kalau kita biasanya yang melibatkan penarikan terus ini adalah syarikat-syarikat yang pernah terlibat dengan kesalahan-kesalahan sebelum ini.

Contohnya kesalahan ini adalah satu kesalahan berulang. Kedua, kita dapat melihat ataupun dibuktikan melalui risikan yang kami jalankan. Maksudnya terdapat kesengajaan dari segi pelanggaran tersebut.

Ini bukan kesalahan teknikal tapi memang dia sengaja. Contohnya dia membekalkan kepada pihak yang tidak wujud. Sengaja mewujudkan invois palsu, DO palsu dan sebagainya.

■1530

Jadi, kalau benda ini kita dapat lihat daripada awal, jadi kita akan membuat penarikan, penggantungan sesuai dengan *degree of* kesalahan tersebutlah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, satu pelanggaran, apa ini invois yang tipu. Tadi kesalahan yang lain...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia ada macam — YB, macam penyelewengan. Contoh, kalau kita tangkap dalam operasi yang kita tangkap itu, kita akan melihat kepada jenama dan kalaulah siasatan itu menjurus kepada penglibatan *repacker* yang *produce that brand* itu, dalam penyelewengan itu, kita akan ambil tindakan juga ke atas *repacker* sama ada kita gantung. Kebiasaannya, kita mula dengan gantung dulu. Gantung untuk siasatan dan sekiranya siasatan itu menghasilkan kes yang kita dakwa di mahkamah dan dijatuhi hukuman dan kita akan membatalkan lesen dia atau kuota dia.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *If one single biggest* kesalahan, apa dia?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia apa ini — dia memalsukan fakta di dalam sistem eCOSS. Contoh, disebut tadi pemborong tak wujud tapi diwujudkan dalam rantaian itu. Itu kita syak itu ada penyelewengan di situ. Itu yang kita ambil tindakan serta-merta, kita gantung dan kalau terbukti memang benar tak wujud dan kita — sehingga kita menarik balik kuota merekalah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Hanya — Okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia bergantung...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itu kesalahan terbesarlah yang itu ya. Terima kasih.

Datuk Azman bin Adam [KPDN]: Disebabkan pemalsuan dokumen, tuntutan dan sebagainyalah YB. Sebab dalam pemeriksaan dan juga operasi yang kami jalankan, pernah juga kami jumpa di syarikat *repacker* ini, semua cop syarikat yang dibekalkan ada dengan dia. Maksudnya, dia ada cop sendiri. Seolah-olah dia membekalkan kepada orang tersebut, orang itu cop terima. Padahal syarikat tersebut, syarikat yang kononnya dibekalkan tidak pernah terima. Jadi, itu antara — dan melibatkan kuantiti yang besarlah biasanya. *So,* yang ini akan kita *establish*-kan melalui siasatan kamilah. Siasatan kami yang pertama, kita akan siasat di bawah Akta Kawalan Bekalan sebagai kesalahan predikat. Dan yang kedua, kami juga bergantung pada keseriusan nilai dan juga kekerapan, kesalahan, kuantiti. Kami juga boleh siasat di bawah AMLA. Jadi, itu yang kami telah laksanakan sekarang.

Okey, Datuk Pengerusi. Kita bergerak kepada slaid yang seterusnya. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Jadi, yang ini adalah kenapa kita memperkenalkan satu arahan pengawal iaitu menetapkan had pembelian minyak masak *polybag* ini kepada tiga kilogram untuk setiap pelanggan. Jadi, arahan ini telah pun mula dikeluarkan pada Januari 2021. Sebab pada masa tersebut, kita dapati harga minyak masak botol naik mendadak dan kalau kita masih ingat yang tertinggi direkodkan pada masa tersebut sebanyak RM42.50 untuk satu botol lima kilogram.

Berbeza ataupun berlawanan dengan apa yang sekarang kita kawal. Cuma RM30.90.

Jadi, oleh sebab itulah bagi memastikan semua pihak mendapatkan bekalan yang sewajarnya dan tiada pihak yang mengambil keuntungan. Jadi, kita tetapkan pada harga tiga kilogram seorang untuk sekali pembelian.

Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya sebelum daripada 2021 ini, isu minyak masak paket ini tidak begitu *obvious* sebab harga minyak masak botol adalah *relatively* rendah. Kalau kita masih ingat, sebelum daripada tahun 2020, sebelum daripada COVID-19, harga kawalan minyak masak untuk lima kilogram cuma berharga RM13.35 berbanding dengan RM30.90 yang sekarang. Jadi, pada masa tersebut untuk satu kilogram minyak masak botol cuma harganya RM3.30 maksimum tapi dijual dengan harga RM2.70, RM2.80 berbeza dengan minyak masak paket RM2.50. Jadi, oleh sebab itu sebelum daripada tahun 2020, kita dapati ramai orang masih lagi memilih untuk mendapatkan minyak masak botol dan ini tidak memberikan tekananlah kepada *polybag.*

Tetapi selepas daripada COVID-19 2021, tekanan harga yang sangat tinggi ke atas CPO menyebabkan harga minyak masak botol ini naik mendadak sehinggalah apa yang kita ada sekarang ini lebih daripada RM30.90 untuk lima kilogram ataupun untuk satu kilogram sebanyak RM6.90. *So,* itu kenapa kita menetapkan had pembelian tiga kilogram pada masa tersebut.

Next, kita juga menetapkan larangan eksport ke atas minyak masak dalam kemasan *polybag.* Yang ini kita buat pada tahun 2022. Yang seterusnya kita mewartakan minyak masak ini. Ini adalah untuk membolehkan kita mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang menjual minyak masak paket melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Jadi, RM2.50. Sebelum itu, kita kawal melalui secara pentadbiran sahaja. Tetapi apabila kita melihat banyak kes yang melibatkan — ada kes-kes yang melibatkan penjualan melebihi harga yang ditetapkan, maka kita warta harga tersebut dan kita telah mengambil tindakan ke atas 13 kes yang melibatkan penjualan minyak masak paket melebihi harga RM7.50.

Seterusnya, penggunaan sistem eCOSS untuk memantau pengedaran minyak masak paket bersubsidi. Jadi, eCOSS ini apa dia? eCOSS ini yang pertama, dia membolehkan maklumat jualan oleh syarikat pembungkus direkodkan secara *real time.* Itu yang pertama. Yang kedua, dia membolehkan analisis dibuat ke atas setiap syarikat yang membuat pembungkusan. Jadi, berdasarkan kepada data jualan dalam sistem eCOSS, satu *dashboard* dibangunkan untuk memantau prestasi setiap kilang yang terlibat dalam ekosistem minyak masak ini.

Jadi, data-data yang dikumpulkan termasuklah syarikat yang pemborong ataupun peruncit yang membeli minyak masak bersubsidi. Yang kedua, lokasi pengedaran. Yang ketiga, harga jualan. Yang keempat, jarak penghantaran. Yang kelima, perbandingan jualan mengikut kategori sama ada borong atau runcit dan yang terakhir adalah jualan mengikut zon-zon yang kita tetapkan. Jadi, semua ini boleh di-*capture* melalui sistem eCOSS yang dibangunkan oleh pihak kementerian dan sistem eCOSS ini di kementerian kami adalah di bawah seliaan sektor barang kawalan dan subsidi iaitu di bawah seliaan Dato' Dr. Stanley Tan yang di sebelah kiri Dato' Seri KSU.

So, seterusnya pelaksanaan kawalan minyak masak secara *zoning.* Ini juga antara inovasi baru yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Okey, jadi kita membuat kawalan melalui daerah. Jadi, setiap negeri diarahkan untuk menetapkan zon mulai 1 Mei 2025. Jadi, objektifnya adalah untuk memastikan bekalan yang mencukupi dan tiada lagi isu-isu melibatkan ada kawasan yang langsung tidak mendapat bekalan dan sebagainya. Jadi, sistem *zoning* ini membolehkan pihak kami, KPDN mengarahkan syarikat-syarikat tersebut untuk membuat penghantaran ke mana-mana tempat ataupun syarikat yang kami fikir perlu untuk mengatasi isu-isu kekurangan bekalan. Jadi, itu yang telah kami laksanakan.

Dan Dato' Seri KSU izinkan saya berkongsi dengan ahli mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat ini. Semalam kita ada mesyuarat jawatankuasa tatakelola peringkat kementerian. Daripada situ, maklumat yang kami dapati daripada semua pengarah negeri, selepas daripada kita melaksanakan sistem eCOSS ini, aduan-aduan berkaitan dengan kekurangan bekalan minyak masak di kawasan-kawasan yang dulunya banyak kita terima, sekarang ini dah sangat berkurangan dengan ketara. Sebab kami berfokuskan, bila kami membuat *zoning* ini kepada kawasan-kawasan yang banyak aduan. Jadi, apabila kami telah mengatasi ataupun melantik syarikat-syarikat untuk menghantar bekalan, jadi daripada situ didapati aduan-aduan berkaitan dengan kekurangan bekalan ini telah dapat dikurangkan, *alhamdulillah.*

So, seterusnya ini gambar-gambar yang apabila kita buat program eCOSS. Jadi, dan kita juga memperkenalkan *mobile* eCOSS ini setiap kali mereka nak membeli minyak masak paket ini. Kita galakkan mereka daftar *mobile* eCOSS, lepas itu mereka boleh beli melalui sistem tersebut. Dan sehingga semalam — *sorry,* sehingga hujung September, lebih 500,000 pengguna telah pun *download mobile* eCOSS tersebut dan hampir 350,000 pengguna telah pun selesai membuat KYC. Jadi, apabila mereka dah buat KYC, mereka boleh beli minyak masak paket ini di mana-mana tempat yang kita ada bekalan tersebut. Jadi, dah hampir 500,000 pengguna memuat turun *mobile* eCOSS ini.

Dan seterusnya, *next.* Kalau kita nak bercakap sikit tentang *mobile* eCOSS ini, saya rasa nanti Dato' Dr Stanley boleh tambahlah *kut* apa dia perkara-perkara baru tentang eCOSS. Tapi berdasarkan pada data yang ada pada kami, *mobile* eCOSS ini antara yang menarik daripada data yang ada termasuklah — okey, termasuklah bilangan yang paling ramai *download* adalah daripada kategori berusia 39 tahun ke atas.

■1540

Kita tengok dekat situ. Dan yang paling rendah, kategori 29 tahun ke bawah. Maksudnya orang muda masih lagi kurang *download mobile* eCOSS berbanding dengan yang berusia 40 tahun ke atas. Jadi, itu satu fakta lah. Dia mungkin dia tak pergi pasar ataupun dia orang ini beli secara *online* aje.

Jadi, yang paling banyak daftar adalah daripada kategori umur 30 hingga 39 iaitu sebanyak 132,000 *downloading.* Yang kedua, 40 hingga 49, yang ini 120,000 muat turun dan yang ketiga, umur 50 hingga 59 — ini warga dah nak pencen ini pun ramai, 78,000 orang yang *download* berbanding dengan yang muda, 20 hingga 29, tak sampai pun 70,000.

So, itu data yang kami ada sekarang. *This is very interesting* lah. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menutup *presentation* saya dengan sedikit lagi tambahan. Selain daripada *presentation* yang saya sampaikan, bukan itu sahaja usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian, khususnya di bahagian penguatkuasa dan juga sektor barang kawalan bersubsidi.

Kami juga meneruskan risikan-risikan kami setiap hari dan seperti mana yang saya jelaskan di Kelantan tempoh hari, kita ada selia waktu yang kita tetapkan untuk menghantar pegawai-pegawai kami ke negara Thailand untuk melihat sendiri apakah jenama-jenama minyak masak yang masih lagi didapati di negara seberang untuk membolehkan kami membuat *backtrack*. Kami lihat jenama apa dan kami akan menjalankan siasatan balik dalam negara kita macam mana minyak masak ini boleh sampai ke negara seberang.

So itu, tugas-tugas risikan itu sentiasa dijalankan oleh pegawai-pegawai kami sama ada di negeri-negeri sempadan dan juga termasuk pegawai-pegawai risikan daripada Ibu Pejabat lah. *So*, itu yang kami laksanakan.

Seterusnya, jalinan kerjasama kami yang terbaru yang kita ada membuat kerjasama dengan pihak AKPS, kami dah ada kunjungan hormat kepada pihak AKPS baru-baru ini dan *way forward* macam mana kami nak tambah baik lagi kawalan sempadan termasuklah di pintu-pintu masuk ini supaya isu-isu ketirisan ini dapat kita kurangkan.

Seterusnya, operasi bersepadu. Hampir setiap minggu kita ada dengan agensi-agensi tertentu terutama di negeri di sempadan dan juga kami juga di peringkat kementerian ada juga menubuhkan satu tim khas untuk melihat *syndicated crime* ini yang melibatkan *cross-border,* yang melibatkan isu-isu penyelewengan yang merentas pelbagai negeri, berbagai negeri ini. Sebagai contoh yang terakhir ini, kita ada satu operasi yang melibatkan daripada utara sampailah ke selatan — melibatkan pelbagai pihak, *repacker*, ada pihak pemborong dan *last* sekali melibatkan syarikat yang mengeksport minyak tersebut dicampurkan dengan minyak masak terpakai.

Jadi, itu antara perkara-perkara yang berterusan dilaksanakan oleh pihak KPDN. Kami juga ada *project-based* kami yang melibatkan penempatan penyamaran pegawai-pegawai kami di tempat-tempat tertentu untuk mendapatkan maklumat sebelum daripada serbuan dilaksanakan. Dan yang terakhir, baru petang semalam kami di pihak kementerian, perbincangan saya dengan Dato' Seri KSU untuk memberi amaran lagi kepada sesiapa sahaja tak kira sama ada mereka ini warganegara ataupun tidak, kami akan memasang papan tanda di pintu-pintu masuk sempadan ini.

Kalau di sempadan di Utara, Thailand, kita akan pasang dalam tiga bahasa Dato' Seri termasuk Bahasa Thailand. Ini untuk memberi kesalahan — jadi, tidak ada lagi *excuse* kepada mereka kononnya mereka tidak tahu membawa keluar barang-barang tertentu ini adalah merupakan satu kesalahan.

Jadi, itu juga antara inisiatif baharu yang sedang diuruskan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan juga Dato' Seri KSU serta semua. Dan sekiranya ada pertanyaan, *insya-Allah* saya dengan bantuan *guidance* daripada Dato' Seri KSU dan bantuan daripada Dato' Dr. Stanley, kita cuba menjelaskan lah apa-apa persoalan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Azman. Siapa nak tanya? Betong. Ya.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Selamat petang. Terima kasih Datuk di atas penerangan itu tadi. Mengenai pelaksanaan aplikasi mudah alih *mobile* eCOSS ini ya, sekiranya sistem ini dilaksanakan, saya nak tanya mengenai peniaga-peniaga kecil, status mereka. Adakah mereka ini dibenarkan untuk membeli minyak masak paket bersubsidi 1 kilogram ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kita memang telah pun mengeluarkan satu arahan pembelian terhad, maknanya tiga paket lah. Sekiranya

mereka ini adalah peniaga kecil, mereka masih perlu beli dalam kuantiti tiga paket bagi setiap pembelian lah.

Sebab *mobile* eCOSS hanya membenarkan pembelian tiga paket sahaja. Dan setakat ini, bila kita laksanakan projek ini secara rintis — macam mana yang Datuk Azman sebut tadi. Pertamanya, beberapa mekanisme penambahbaikan kita buat itu, telah pun menunjukkan satu perubahan yang positif. Dalam masa yang sama, kita pun tak pernah, tak dapat pun aduan, rungut daripada peniaga PMKS contohnya, untuk mereka mendapat bekalan lah.

Kebiasaannya kita maklum, mereka ini akan membeli berulang. Itu yang berlaku lah. Dan dalam masa yang sama, kita juga telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan kementerian yang bertanggungjawab menjaga peniaga-peniaga kecil ini. Tetapi setakat ini, kita belum ada lagi cadangan bagaimana kita boleh melihat, membantu untuk mereka mendapat bekalan kalau mereka perlu. Setakat ini tak ada isu yang berbangkit yang datang kepada kita buat masa ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tampin. Ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak tanya, daripada rekod ini, hanya lebih 500 pengguna yang dah...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: 500,000.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: 500,000 yang muat turun aplikasi ini dan hanya 345,000 yang dah disahkan. Maknanya bukanlah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan sebelum sistem ini dilaksanakan semuanya, okey.

Ya lah, kita nak *detect* daripada pemborong sehinggalah pengguna akhir. Tapi saya risau pengguna akhir itu nanti terutamanya di luar bandar, warga emas yang tak tahu nak buat aplikasi ini. So, bagaimana langkah-langkah kita untuk ini — boleh saya tahu tak, berapa kos yang diperlukan untuk mewujudkan sistem eCOSS ini. Ada kos tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, yang pertamanya, saya nak jelaskan di sini Yang Berhormat...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Siapa bangunkan eCOSS ini?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Saya nak jelaskan di sini Yang Berhormat, status *mobile* eCOSS ini masih di peringkat rintis. Yang kita laksanakan ini hanya dua. Pertamanya, di semua jualan-jualan rahmah kementerian. Yang keduanya, kerajaan negeri Johor telah pun bersetuju melaksanakan secara rintis di seluruh negeri Johor. Itu yang itu.

Sebab itu kalau kita lihat, setakat ini yang *subscribe* kepada sistem kita ini baru 500,000. Itu sebenarnya kita buat secara sukarela, *mobile* rintis. Dalam masa

yang sama, kita cuba untuk berbincang dengan MyKasih sebab kita faham kalau kita laksanakan sepenuhnya penggunaan *mobile* eCOSS, ada pihak tertentu, contohnya mereka yang di luar bandar, orang-orang tua yang mungkin tak ada kemudahan itu.

Dan kita sedar tentang perkara itu dan setakat ini masih dalam perbincangan untuk menggunakan IC sebagaimana yang digunakan di terminal SARA itu. Itu antara yang kita nak muktamadkan dengan Kementerian Kewangan. Sebenarnya kalaulah — sebab sistem ini kita bangunkan sebelum SARA, tapi SARA datang kemudian, kita terpaksa nak *integrate* dengan SARA dan saya nampak peluang itu ada untuk kita *integrate the system*.

Dalam masa yang sama kalaulah kita bergerak bersendirian pun, memang kita ada modul yang manual untuk mereka yang tidak ada kemudahan itu.

■1550

Kita dah ambil kira perkara itulah dan setakat ini kita bangunkan ini, kos dia tak mahal. Dia kos pembangunan sistem itu RM2 juta saja. Cuma, kita ada kos tambahan sebab bila kita dah mula projek secara rintis, kita perlukan pangkalan data yang besarlah, yang itu kita kena bayar kepada *Cloud* lah. Itu yang melibatkan RM8 juta untuk kita melanggan *Cloud* untuk kita simpan data kita.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dato' Seri. Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak tanya sikit. Kalau ada nak sambung lagi saya berhenti dulu. Tapi kalau tak ada, saya tanya. *[Ketawa]* Pasal kita ada data ini kan. RM2 juta nak bangunkan okey lah, tak apalah. Cuma, macam tadi kata kalau nak data yang lebih besar kena *subscribe* dengan *Cloud* pula lagi. Tidakkah, akhirnya nanti dia sepatutnya semuanya akan di-*consolidate* dan juga di-*integrate* dengan sistem PADU yang selalu disebut-sebutkan itu. Itu soalan yang pertama.

Keduanya saya tadi cuba — saya *download apps.* Lepas itu, saya cuba masuklah. Tapi bila masuk itu sampai ke satu bahagian itu, saya rasa saya memang tak layak. *So* tak jadilah *[Ketawa].* Cuma untuk disahkan, adakah dia kata pendapatan, lepas itu kan. Maknanya, mungkin ada ramai juga yang cuba nak masuk kan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sistem ini masih terbuka. Kita tidak ada hadkan kepada sesiapa kecuali warga asing saja yang tak boleh.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sistem boleh masuk, boleh disahkan tapi sama ada layak, tak layak itu... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Semua layak, semua warganegara layak.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Oh, okey.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kecuali warga asing saja yang tak layak sebab dia tak boleh buat KYC, sebab dia tak ada IC.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya, ya, ya. Okey. *So,* akhirnya nanti ke mana hala tuju KPDN dari segi sudut sinilah? Maksudnya kalau kita nak katakan yang bersasar, maksudnya yang hanya benar-benar layak dapat itu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kita akhirnya, kita ke arah pembelian itu yang kita nak rekodkan pembelian, setiap warganegara yang ini dan kita — sistem ini bertujuan untuk menghalang selain daripada warganegara daripada membeli atau mendapatkan minyak peket ini. Itu fungsi sebenarnya. Kita jangkakan sistem ini pelaksanaannya — sebenarnya jangkaan kita, kita nak laksanakan mulai tahun depan. Itu sebab... *[Dicelah]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey, sistem ini berbeza dengan PADU. PADU ini satu sistem yang pangkalan data yang dia *integrate* beberapa data lain. Kita ini adalah satu sistem merekodkan pembelian dan kita pun tidak ada *cross-check* dengan sistem PADU kerana setakat ini polisi kita, kita buka kepada semua warganegara *regardless* berapa pendapatan. Itu tak perlu kita *refer* kepada PADU untuk melihat kepada kelayakan buat masa ini.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Wangsa Maju, ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya ada tiga soalan tapi dua soalan mudah *je*. Nak *confirm je*. eCOSS ini memang tak masuk dalam sistem ekosistem, dari segi pengilang tak masuk ya?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia, eCOSS masuk.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Masuk pengilang?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sebab daripada kilang penapis, dia hantar itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh, maknanya pengilang masuk... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kita dah *capture* data itu, dan dia pergi kepada *repacker, repacker* pergi pemborong, peruncit, dan akhirnya pergi kepada pengguna. Itu melalui *mobile eCOSS.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oh, masuk semua ya. Okey *all right,* terima kasih. Yang keduanya kita balik kepada Kelantan yang kita pergi sebut tadi itu. Kita diulang-ulang bahawa macam pagi tadi pun kita ada sesi dengan KDN, wakil PGA pun datang. *So,* PGA kata dia punya kawasan di bawah PGA itu 44.9

kilometer dan selebihnya 91 kilometer lebih itu di bawah angkatan tentera. *Now,* merujuk kepada slaid yg kelima ini, ada lah *breakdown* dari segi... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Agensi penguat kuasa.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Agensi penguat kuasa ini. Jadi dekat sini sebut ATM ada 50, dan nilai rampasan 44,000. Adakah itu daripada kawasan yang 91 kilometer yang dekat Kelantan itu ataupun tempat lain?

Datuk Azman bin Adam [KPDN]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang ini di seluruh negara.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Seluruh negara. Yang dekat Kelantan ada tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh *breakdown* Kelantan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Yang saya nak bandingkan dengan PGA punya yang 44 kilometer itu berbanding dengan ATM.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Boleh tak kita bekalkan kemudian.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh, boleh.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Sebab kita kena... *[Dicelah]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Nak dapat *have some feel* sama ada penyeludupan itu berlaku di kawasan ATM itu kan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Which area.*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya, *which area.* Okey terima kasih. *Third question* ini, saya nak cuba *go to the basic* juga Dato', minta maaf. Kita ada pengilang datang. Dia kata dia kapasiti untuk *produce* 23,000 metrik tan, kapasiti dia. Dia dapat untuk mengeluarkan hanya 6,674 metrik tan untuk minyak masak bersubsidi. Lebih daripada itu, dia keluar minyak masak juga, sampai 23,000 metrik tan, tapi yang tak bersubsidi. Jadi, maknanya lebih kurang 30 peratus yang pengeluaran ke, masuk ke subsidi, yang 70 peratus tak masuk subsidi. Sebab apa nak soal? Nak faham *the basic* itu. Saya minta maaf, saya *slow* sikit bab ini.

What motivate mereka untuk memohon supaya peratusan pengeluaran dia itu di dalam pengeluaran minyak bersubsidi *as compare with* yang tak bersubsidi. Faham soalan saya? Maknanya, pengilang ini boleh cakap dia — okey, kami kapasiti 23,000. Tapi kami dapat cuma 6,674 saja untuk minyak subsidi. Maknanya dia hasrat untuk PAC menyokong mereka untuk mereka dapat peratusan untuk minyak bersubsidi ini lebih daripada yang sekarang ini. *What motivate them* untuk inginkan pengeluaran mereka itu dikategorikan sebagai minyak bersubsidi? Dia ada *explain* tapi saya nak pastikan macam mana kefahaman saya betul atau tidak. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun kalau saya *explain* ini mungkin di segi fahaman saya lah. Mungkin mereka ada fahaman yang berbeza, saya tak pasti.

Pertamanya, saya nak maklumkan bahawa kuota yang diluluskan oleh kerajaan untuk minyak masak peket bersubsidi 60,000 metrik tan sebulan. Dalam masa yang sama, kementerian juga telah diminta untuk mengurangkan kuota ini ke satu angka yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan. *So,* kalaulah mereka datang untuk mereka mendapatkan kuota yang lebih, saya rasa mereka perlu tahu bahawasanya tanggungjawab yang diberikan kepada kementerian adalah untuk mengurangkan kuota. Itu yang pertama.

Yang keduanya pada fahaman saya lah, yang saya rasa *motivate* mereka untuk mengeluarkan minyak masak bersubsidi ini lebih banyak berbanding dengan minyak kemasan botol. Sebab apa? Kemasan botol ini minyak yang tidak diberikan subsidi dan mereka terpaksa bersaing di pasaran untuk memasarkan produk-produk mereka.

Bagi minyak masak peket bersubsidi, pertamanya mereka dijanjikan memang akan dapat setiap peket itu 0.60 sen gerenti. Keduanya permintaan untuk minyak masak peket ini sangat tinggi. *So* dari segi pemasaran, tak jadi masalah. Kalau orang berniaga ini, dilihat di situlah lebih menguntungkan. Itu yang saya rasa *motivate* mereka untuk nak dapat kuota yang lebih untuk minyak masak paket ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *I think yesterday... [Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Keduanya, mereka juga dari segi bekalan yang — harga bekalan CPO yang dapat daripada kilang penapis juga telah pun disubsidikan oleh kerajaan. Di situ kos untuk mereka bungkus dah pun berkurangan berbanding dengan minyak yang tanpa subsidi, harganya lain.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Minyak yang tanpa subsidi dia ada *selling price,* siling dia tak? Ada tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ada, ada. CPO.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ada kan. Maknanya, okey untuk yang tak — okey, saya nak pastikan fahaman saya betul *je* ini. Kalau misalnya yang tak bersubsidi, *selling price* dia, siling ada. Betul? Maknanya kalau lima kilo itu, nilai dia RM30.90. Betul ya?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tetapi dia punya *benchmarking* dia untuk yang bersubsidi, dia punya CPO-nya *price.* Untuk subsidi, dia tak ada siling. Maknanya kalau sekarang ini contoh dia, CPO dia 4,500.

■1600

Jadi, sekarang ini *whatever balance* yang itu berlandas kepada 4,500. Jadi, siapa yang keluarkan minyak bersubsidi ini sekarang ini dengan harga nilai yang tinggi sekarang ini dia dapat lebih untunglah berbandingkan dengan tak bersubsidi dia tak ikut harga nilai semasa CPO. Betul tak saya punya fahaman?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia begini, YB. Untuk mereka yang mendapat kuota minyak masak peket bersubsidi harga yang mereka bayar kepada *refinery* adalah satu harga yang tetap, RM2,300. *Whatever different* harga CPO semasa itu, itu adalah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan. Kita bayar.

Keduanya setelah minyak itu pergi ke kilang dia, setiap peket yang dihasilkan itu kerajaan masih bayar 60 sen setiap peket. Kos pembungkusan dan juga pengedaran.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *So*, bagi *refinery* ialah *baseline* ialah RM2,300? Kalau harga minyak sawit itu sampai ke RM5,000 satu metrik tan CPO, jadi yang perbezaan itu memang ditanggung...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ditanggung oleh kerajaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tanggung oleh kerajaan. Jadi, selain daripada itu *repacker* juga dapat 60 sen. Setiap peket.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Setiap peket.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, bagi kos ini sebenarnya kerajaan *subsidised* banyak.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Makna kalau sekarang dengan CPO tinggi ini...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Lagi banyak tanggungan kerajaan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lagi banyak subsidinya.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itu hakikat dia.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *That means yang motivation factor* itu adalah keadaan itu.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *So* dia tak perlu menanggung kos yang tinggi untuk dia menghasilkan keuntungan. Ini macam *guaranteed profit*.

Datuk Azman bin Adam [KPDN]: Satu lagi, Dato' Seri Pengerusi. Izinkan. Dari segi *marketing* pengurusan untuk minyak masak peket ini dia tak ada kos lain dah. Sebab minyak masak itu tak siap lagi *repacking* dah ada orang beli. Berbanding dengan minyak masak botol you kena buat *packaging* elok-elok, penghantaran, lepas itu *storage* nak letak dalam rak dan sebagainya. Itu memerlukan ruang.

Satu lagi, kredit. Biasanya sampai tiga bulan, enam bulan dan sebagainya. Tapi untuk minyak masak peket ini dia sangat cepat dia punya *movement*. Jadi, tak perlu kepada isu *storage* dan sebagainya. Kadang-kadang ada juga peniaga-peniaga ini *willing to go to the premise repacker* ini ambil sendiri.

Jadi, daripada situ *repacker* ini tak perlu tanggung kos-kos yang lain dah berlawanan dengan kos minyak masak botol. Terima kasih.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih banyak.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Boleh, YB? Okey kita PM tepi. Boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ops Tiris 3.0 ini, Datuk John yang ditangkap miliki 15,000. Dia ini menyeludup. Mana daripada siasatan mana dia dapat bekalan? Adakah daripada pembungkus, pemborong ataupun peruncit ataupun dia beli sikit-sikit dekat peruncit-peruncit ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Minta maaf YB masih dalam siasatan lagi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Masih dalam siasatan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kalau nak *reveal* pun maklumat yang belum sah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sebab dia mesti dapatkan bekalan yang begitu banyak dari segi ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Betul.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tak mungkin daripada peruncit, kan? Adakah sebelum ini terdapat pemborong ataupun pembungkus yang ditarik balik lesen disebabkan aktiviti penyeludupan ini? Di Kelantan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh di Kelantan. Ada.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Berapa banyak yang di...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Itu maklumat itu kita kena bagi kemudian. Kalau saya sebut di sini mungkin tak betul kah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sebenarnya saya pernah baca selepas kami balik dari Kelantan yang salah satu kes yang mana

penyeludup itu ditangkap dia adalah *repackers* dari Negeri Sembilan. *You* punya kawan. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Brand* daripada Negeri Sembilan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Apa? *Brand* dari Negeri Sembilan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Negeri Sembilan memang agak aktif juga *brand* dia itu. Itu saya boleh sebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi maksudnya Negeri Sembilan tidak perlu begitu banyak kos, betul?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Betul. Saya setuju.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dato Sayuthi, yang kami dalam prosiding PAC ini kami pernah dengar semua rungutan dari PORAM, dari *refineries,* syarikat *refineries,* sebenarnya mereka kata kerajaan — kuota yang kerajaan bagi itu 60,000 metrik tan satu bulan itu adalah terlalu banyak.

Dia kata kalau yang penduduk Malaysia hanya 30 juta. Kalau mereka yang B40 itu *let's say* ada 10 juta juga tak dapat *consume* 60,000 metrik tan satu bulan. Mereka rasa ini kuota yang terlalu banyak diberi itu menyebabkan pembaziran, subsidi kerajaan dan juga menyumbang kepada penyeludupan ke luar negara.

Jadi, saya nak tanya sama ada KPDN, macam mana KPDN adakah mengkaji semula tentang kuota 60,000 tan yang ditetapkan itu dan juga mengambil langkah untuk mengurangkan kuota — kalau mengikut pengiraan daripada pihak PORAM dan syarikat-syarikat swasta.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Saya fikir apa yang disebut itu pun ada kebenarannya kerana kita lihat sekarang bila kita dah laksanakan beberapa penambahbaikan termasuk kita bangunkan sistem, kita telah pun ada kan mekanisme *zoning*. Kita hadkan kawasan pengedaran. Yang sebenarnya kenapa kita laksanakan *zoning* pengedaran itu sebenarnya kita nak supaya mudah kita kenal pasti jenama dari negeri mana yang popular untuk diseleweng dan diseludup.

Itu sebab kalau ikut dasar kita, hanya *repacker* dalam negeri tersebut sahaja boleh edarkan dalam negeri tersebut sahaja kecuali ada beberapa negeri yang sejak dulu kalau kita kira ikut kuotanya agak ada lebih. Itu mungkin kita benarkan untuk mereka hantar ke negeri-negeri yang ada kekurangan kuota.

Itu sebab bila kita laksanakan mekanisme *zoning* ini mudah *so* dalam kes Kelantan ini pun saya percaya ada juga jenama luar yang terlibat ini, Datuk Azman. Ada jenama luar. Mungkin daripada negeri yang disebut tadi juga. Ada jenama luar.

Untuk dari segi kuota. Kita pengiraan kuota ini kita berdasarkan jumlah penduduk Yang Berhormat. Semasa kita buat pengiraan penetapan kuota ini kita mengambil kira penggunaan setiap rakyat Malaysia ini pada kadar 1.8 kg seorang, sebulan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Seorang 1.8 kg minyak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Seorang, sebulan. Minyak. Kita tidak mengambil kira penggunaan untuk PMKS masa itu. Walaupun begitu kita dapati sekarang ini bila kita buat penambahbaikan ini, keberadaan minyak itu di premis-premis peruncit ini sekarang ini kita dapati ada. Atas sebab itu kalau kita lihat statistik aduan kita terima semakin berkurangan.

Seterusnya yang Kabinet juga telah pun membuat keputusan supaya kita mengurangkan kuota kepada 55,000 metrik tan buat masa ini. Kalau kita lihat walaupun...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pengurangan itu bila dikuatkuasakan daripada 60 ke 55 itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Bila? Kabinet bila baru ini? Silap. Minta maaf, 45,000 metrik tan. Itu yang keputusan lama. Keputusan lama dia telah minta dikurangkan daripada 60 ke 45,000 metrik tan secara berperingkat yang kita buat.

Sekarang ini kalau kita lihat daripada 60,000 metrik tan, kuota aktif kita berada pada 55,825 metrik tan. Maknanya memang kita telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kuota tersebut.

■1610

Kita percaya melalui langkah-langkah penambahbaikan yang kita buat dan dalam masa yang sama, kita kurangkan kuota. Saya rasa dari segi bekalan mungkin tidak akan berlaku masalah. Cuma, kita juga mohon kepada Kabinet supaya tindakan ini kita buat secara berperingkat bagi memastikan minyak masak peket ini tidak ada isu kurang bekalan dari pasaran. *So,* yang itu yang tindakan yang setakat ini yang kita buat di KPDN.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tak, *just* nak...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dalam konteks yang sama. Maknanya, kalau kita congak — *I mean simple* aritmetiklah. Kalau kita ada 32 juta rakyat Malaysia, satu keluarga itu empat orang, RM8 juta. Dan kalau RM8 juta ini B40, *40 percent of that. Let's say* eh, dan satu keluarga itu memerlukan lima kilogram sahaja, *so we need to subsidise.* Kalau kita bagi B40, semua dapat. Lima kilogram

satu keluarga. *That we need only 16,000* metrik tan je lah, bukan 60. *I mean there's another — this one* formula-lah yang boleh kita dipertimbangkan kan. Maknanya, kita *across the board,* B40 semua kita bagi. Apa ini *free* minyak. Secara umumnya, satu keluarga itu pakai lima kilogram, *so, we need to subsidise* 16,000 metrik tan je. *So, that could be* apa ini — mungkin formula yang *1.8 kilogram per person* itu mungkin boleh dilihat kembali.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma dalam masa sama YB, saya nak kongsikan sikit. Sebagaimana saya maklumkan tadi, kuota minyak masak 60,000 ini bukan sahaja untuk *household,* dia juga dikongsi dengan peniaga-peniaga kecil (PMKS). Dan kebimbangan kita, kalau kita apa ini — kita membuat apa ini — kita kurangkan secara drastik dan PMKS ini mereka terpaksa membeli minyak masak kemasan botol dan kita bimbang harga-harga makanan bermasak itu mungkin akan ada peningkatanlah termasuklah di gerai-gerai dan sebagainya *which is* mereka ini sebenarnya yang *supply* makan kepada golongan B40 juga.

Kalau kita tengok trend sekarang ini kenapa penggunaan gula di rumah ini berkurangan sebab kita selalunya lebih gemar makan di luar termasuklah sebab kalau bekerja ini biasa kita hanya ada masa waktu malam, mungkin pun tak sempat nak masak. Itu antara kebimbangan yang kita akan lihat secara berperingkat bagaimana kita boleh turunkan itulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *That means,* yang bagi KPDN, pengiraan anda ini walaupun ada eCOSS kah, ada semua itu, kerajaan juga sebenarnya membenarkan Mamak *stall* dan penjaja dan lain itu beli minyak subsidilah, betul? Macam mana mereka beli kalau selepas ada eCOSS? Kalau ia dilaksanakan dengan serius, penjaja tak boleh beli lagi *what.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Mereka boleh beli sebagai individu biasa, tiga paket setiap kali pembelian.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dato', saya — saya...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tapi untuk restoran — untuk makluman Ahli-ahli PAC, restoran memang sekarang dah guna minyak masak botol, mereka tak guna minyak masak peket.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Restoran — saya rasa dia orang pakai — tak pakai botol juga, dia pakai yang tong itu, tong itu kan.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ha, itu tanpa subsidilah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tanpa subsidi? Tapi mungkin ada — ia tidak semahal kemasan botol sebab dia macam — kira macam *bulk ke* sama juga?

Seorang Ahli: Ya. 17 kilogram. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: 17 kilogram. Tong, tong apa itu...

Seorang Ahli: *Jerrycan. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *Jerrycan.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Jerrycan.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Tapi dalam masa yang sama, kita — untuk makluman buat masa sekarang, harga CPO sedang meningkat, sedang meningkat. *So,* kalau meningkat pun dia ada kesanlah juga nanti, kemasan botol.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Kalau meningkat, jadi kerajaan kena *subsidise* lebih lagilah untuk COSS ini? Okey, Akmar, Akmar. Tadi slaid itu boleh tunjuk? *[Merujuk seorang pegawai]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh, ini. CSA borong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dato' KSU tengok slaid ini kan, ini adalah slaid yang kita ditunjukkan oleh KDN tadi. Tengok di Tumpat, setiap bulan guna 1.1 juta kilogram dan Pasir Mas setengah juta. Soalan saya ialah begitu banyak *ke*? Berapa penduduk dekat sana? *The — actually my intention is* saya nak tanya adakah kita *oversupply* atau kuota yang diberi terlalu banyak untuk satu tempat? Ini yang menyumbang kepada penyeludupan ke negeri Thailand.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya kalau kita lihat di situ kuantiti itu dia tak refleks kepada kuantiti minyak masak yang dibekalkan di situ. Ini — CSA ini adalah satu lesen yang diperlukan bagi peruncit, pemborong yang menjual barang kawalan itu. Salah satu barang kawalan adalah minyak masak peketlah, minyak masak. *So,* dia kena keperluan dia perlu ada CSA dan setiap CSA itu kita akan bagi kuantiti untuk satu-satu masa maksimum dia boleh simpan berdasarkan keluasan ruang penyimpanan yang ada di premis. *So, not necessary* kata dia ada 80,000 ini, dia kena setiap masa dia ada, tak.

Sebab itu yang itu yang data itu kita boleh dapat daripada IKWAS berapa sebenarnya yang sampai kepada setiap peruncit ataupun pemborong yang memegang lesen CSA. *So,* mungkin kalau orang tengok *figure* ini, mungkin kita faham, "Oh, seolah-olah banyak sangat minyak di sana".

Dan setakat ini kalau kita lihat Yang Berhormat, kuota untuk negeri Kelantan, yang kuota yang aktif adalah 2,431 metrik tan sahaja. Maknanya, dia tak ada — tadi berapa? Satu juta Tumpat, saya rasa tak sampailah ke situ. Kita hanya ada dua juta setiap bulan sahaja untuk Kelantan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dua juta untuk Kelantan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: 2,000,431 kilogram sebulan untuk Kelantan. Untuk negeri Kelantan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tumpat ada ramai penduduk *ke*? Semua sudah datang ke Selangor dan KL lah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Pengerusi, soalan sikit boleh ya? Boleh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ya, ya. Sila, sila. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dato', tadi di cerita agak panjang berkaitan dengan mekanisme kita menggunakan eCOSS ini ya. Dalam laporan audit sendiri disebut lebih 18 peratus rekod eCOSS ini tidak lengkap dan tidak sah. Dalam laporan audit itu sendiri. Iaitu sebenarnya ada di kalangan pengilang kecil ini dan pembungkus ini dia tidak membuat — dia tak *update* transaksi secara tepat masa itu ya. Dan dia situ akhirnya, data itu tidak *real time* dan maknanya di situ ada *shortage*-lah dari segi bekalan dan juga pengagihan itu sendiri.

Jadi, pihak kementerian melihat mungkin ada kelemahan di sini. Bagaimana proses yang kita nak memperbaiki sistem ini? Sebab sistem ini sangat-sangat baik saya nampak untuk kita nak *tracking* pergerakan minyak masak dan sebagainya ini, untuk yang subsidi ini. Jadi, mungkin ada sistem yang lebih kita *update* dari segi teknologi itu sendiri atau macam mana? Itu yang pertama.

Ada satu lagi soalan lain. Selepas pelaksanaan BUDI MADANI ini, maknanya subsidi bersasar inilah termasuklah yang terbaru ini BUDI95. Jadi, adakah kementerian melihat ada trend penurunan kes penyeludupan di sempadan atau macam mana?

■1620

Adakah kesan dia? Sebab sebahagian objektif utama ialah kita nak pelaksanaan subsidi bersasar ini untuk nak kekang penyeludupan di sempadan itu. Jadi, mungkin sudah ada data yang terbaru mungkin yang – sebagai kita katakan ini perkara yang baik untuk dikemas kini lagilah subsidi bersasar ini.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya berkaitan dengan eCOSS. eCOSS ini kita telah – kita mula laksanakan pada 2023, dan apa dapatan audit itu memang di peringkat awal, memang ada dari segi penerimaan pihak-pihak yang terlibat contoh *refinary, repacker*, pemborong, peruncit.

Dalam rantaian itu, peringkat awal memang ada kelemahan dari segi penerimaan dan kita dah pun membuat beberapa sesi *engagement*, tambah baik dan termasuklah kita dah mula untuk mengambil tindakan yang lebih drastik di mana, mana-mana maklumat yang tidak tepat yang dimasukkan dalam sistem itu, kita dah, bila kita siasat, kita dapati memang betul maklumat tak tepat. Kita dah buat data *cleaning*, kita nyahaktifkan mereka daripada sistem dan beberapa tindakan juga kita buat.

Macam saya sebut tadi, kita telah pun menggantung beberapa *repacker* kerana mereka memasukkan maklumat yang tidak tepat dalam sistem itu antara penambahbaikan. Saya fikir, kalau tanpa tindakan yang lebih tegas, hukuman mereka ini akan lambat menerima. Itu antara yang penambahbaikan yang kita buatlah. Dan, *insya-Allah* perkara ini kita akan teruskan penambahbaikan dan mudah sahaja YB, siapa yang tak nak masuk dalam – tak nak naik bot kami, kami tinggal. Itu prinsip yang kita pakai.

Maknanya, kalau sistem itu telah pun diperkenalkan, semua orang kena guna sistem yang sama. Tujuan kita adalah untuk kebaikan bagi memastikan program ini berjalan dengan baik dan tidak ada berlaku penyelewengan, ketirisan yang merugikan wang rakyat.

Yang kedua, bila YB tanya soalan BUDI itu, saya nak tanya Pengerusi gak, boleh saya jawab? Sebab ini forum ini, saya rasa forum BUDI mungkin forum yang berbezalah. Walaupun, tadi kita masukkan di dalam Ops Tiris itu, kita juga melihat diesel, petrol dan sebagainya.

Tapi, secara umumnya masih awal YB untuk saya menyatakan sama ada melalui BUDI ini kita dapat mengurangkan sebab pelaksanaan dia pun belum sampai sebulan. Dulu masa kita buat penyasaran diesel pun, kita akan dapat tengok dari segi kesannya selepas dua atau tiga bulan, kita dapat lihat kesan dah, maknanya, kalau diesel dulu, kita buat penyasaran memang berlaku penurunan yang agak besarlah, hampir 20 ke 30 peratus penjimatan kepada kerajaan peringkat awalnya.

Tapi yang ini pun saya percaya, bila ada kuota yang ditetapkan itu, *insya-Allah* mungkin akan ada penguranganlah dan kalau di sempadan itu, mereka terpaksa membeli pada harga pamlah, itu pun bagi kenderaan asing, kita tak benarkan sama sekali untuk mereka membeli RON95. Itu semua, mungkin rakyat tempatan itu, dia terpaksa keluar modal lebih sikitlah YB, kena beli RM2.60. Kalau tidak, dia kena jual kuota dialah, RM1.99 itu.

Tapi kita dari segi penguatkuasaan di sempadan kita bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, kita akan jalankan tugas yang sama.

Maknanya, kalau kata ada mana-mana individu pihak yang membawa keluar RON95, kita akan rampas dan kita ambil tindakan penguatkuasaan seperti biasa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. Dato' KSU, kalau kita lihat dari LKAN, dasar jualan minyak masak peket bersubsidi 1kg tidak dihadkan jualan kepada mana-mana penduduk Malaysia termasuk warga asing.

Tapi sekarang kita juga dengar yang KPDN, sekarang nak hadkan yang penjualan minyak masak bersubsidi ini kepada penduduk Malaysia sahaja. Jadi, saya nak tanya, bilakah ia dikuatkuasakan berkenaan dasar dan peraturan ini?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Untuk itu, sebenarnya, macam saya sebut tadi YB, kita dari segi perancangannya kita bercadang untuk menguatkuasakan mulai tahun hadapan. Dan, sekarang ini, kita di peringkat melaksanakan projek secara rintis bagi penggunaan *mobile* eCOSS.

So, kalau dah kita lihat sebenarnya sekarang pun, dari segi penerimaan pun kita tak terima banyak aduan berhubung dengan projek rintis kita menggunakan eCOSS di Jualan-jualan Rahmah yang kita adakan di seluruh negara. Itu sebenarnya lebih kepada kita nak memperkenalkan sistem kita dan kalaulah kita dapat *integrate*-kan dengan MyKasih bagi penggunaan IC untuk semakan pembelian.

Dan, saya fikir kalau benda itu dapat dimuktamadkan awal, *insya-Allah* kalau dalam tahun hadapan, kita dah boleh laksanakan. Tetapi, ini bergantung kepada persetujuan daripada kerajaan jugalah, kita akan bawa balik kepada Kabinet untuk mendapatkan keputusan bagi pelaksanaan pembelian menggunakan *mobile* eCOSS.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sik, ya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sikit lagi Pengerusi. Tadi pun ada juga berkaitan dengan eCOSS tadi, ada dalam saya baca berkaitan dengan Pelan Digitalisasi KPDN 2025 untuk versi eCOSS 3.0. Jadi, bila proses ini akan mula?

Dan, yang keduanya, bagaimana nak tadi kita nak pertingkatkan sistem ini agak dia sesuai dia lebih berkesanlah ya. Dia punya, maknanya *connection* dia dengan *block chain* yang dibuat – di semua di pihak kementerian itu sendirilah ya sebagai data yang lengkap dan ada kronologi dia, sistem itu termasuk maknanya proses setiap contohnya pembelian sebagainya itu. Dia kan sudah ada *match* dia antara eCOSS dengan *block chain* yang sedia ada. *Alright*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: YB, saya tak faham *block chain. Block chain* mana ini? Sistem kita ini kita tak pakai teknologi *block chain*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksud saya, sistem eCOSS ini dia ada *connection* dengan *block chain* yang sedia ada? Ataupun dia berasingan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Berasingan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksud, berasinganlah? Tidak ada lagi sistem dia – penyambungan di situ? *Block chain* itu maksudnya data-data lainlah. Termasuk yang tadi PADU yang kita nak buat...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh tak. Tak. Sebab itu saya terangkan tadi, sistem kita ini berasingan, kita tak *integrate* dengan mana-mana sistem yang lain.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang tadi, soalan awal tadi? Yang eCOSS 3.0?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Kita rasa kita tak ada menyatakan di mana-mana eCOSS 3.0.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Sistem itu yang sedia ada lah?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Yang sedia ada. Yang tadi, Ops Tiris 3.0 ada.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Okey. Baik-baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Satu soalan ialah, selepas eCOSS, mungkin pada tahun depan yang dilaksanakan itu, jadi, tanpa ada *apps*, tanpa guna IC atau apa, tak boleh beli COSS kan? Tak boleh beli minyak masak bersubsidi kan?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Adakah ini dalam perancangan KPDN?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Ya. Tiada pembelian bersasar YB, warganegara saja boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Untuk makluman Dato' KSU, semalam satu syarikat *refinery*-lah yang besar yang beritahu kami secara *closed door,* bagi dia, dalam pengiraan dia, walaupun mereka dapat untung banyak dalam bila mengeluarkan COSS, tapi mereka rasa kalau kerajaan ini 60,000 metrik tan itu, dia kurangkan sehingga 50 peratus, pun sudah cukup kalau kita nak jaga B40-lah.

So, ini pandangan. Sebenarnya, *industry player* yang lain yang kami pernah jumpa, juga rasa kerajaan beri kuota itu adalah terlalu banyak. Ini yang menyebabkan pembaziran subsidi kerajaan. *So, now*, sekarang kami dengar yang *next year* kan,

55,000 – dikurangkan kepada 55,000 metrik tan satu bulan, mungkin kalau ikut pengiraan industri *player* termasuk mereka itu syarikat rangkaian runcit – syarikat runcit itu, mereka juga rasa sebenarnya kerajaan boleh kurangkan lebih lagi berbanding – berasaskan dengan penduduk yang ada kita sekarang.

■1630

So sama ada ini dalam perancangan KPDN dan tadi saya dengar yang pengiraan KPDN ialah setiap warga penduduk ialah makan 1.8kg minyak masak, kan? Kalau saya tengah *check* yang artikel-artikel yang saya baca itu, sebenarnya adalah 1.5kg. *So,* kita ini yang KPDN 1.8kg adalah lebih banyak daripada yang sepatutnya dalam artikel-artikel penganalisaan minyak masak.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Dato', saya nak tanya tentang keberkesanan lah. Boleh ke saya kata macam ini. Kalau kita katakan bersasar dari segi diesel, kemudian RON95, kita dah buat bersasar tapi orang yang nak menyeludup ini dia masih buat lagi. Maknanya dia beli dengan harga *retail,* lepas itu — cuma dia tak untung banyaklah. Dia kurang untung kalau dia buat, kan? Tapi kalau dengan sistem eCOSS ini, adakah boleh kita katakan dia tak ada peluang untuk nak menyeludup lagi *because tracking system* itu? Boleh ke saya kata macam itu?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Dia... *[Dicelah]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ataupun dia masih boleh lagi juga dengan...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Boleh. Apa yang berlaku sekarang bila kita dah melaksanakan beberapa penambahbaikan ini, penyeludupan itu masih berlaku YB. Cuma dalam bentuk skala yang kecil dan dia memerlukan masa lah. Dia terpaksa kumpul tiga, tiga, dan dia bawa sekarang pun dia kena bawa dalam beg plastik.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tak berbaloilah kalau dia nak buat pun.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Pada kita mungkin tidak berbaloilah tapi pada mereka di sempadan, mungkin itu sajalah pekerjaan yang dia ada. Mungkin — tetapi kita yakin penambahbaikan yang kita buat ini, kita dapat mengekang penyeludupan dalam skala yang besar.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Apakah lagi halangan untuk kementerian meluaskan atau mempercepatkan sistem ini ke seluruh negara?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: eCOSS ini kalau sampai peruncit memang kita — macam saya sebut tadi, memang kita telah pun laksanakan. Cuma yang sekarang ini peringkat kita nak laksanakan untuk kitalah, masyarakat pengguna. Itu yang kita perlukan masa, *buy in,* penerimaan dan pendekatan yang kita buat itu kita perkenalkan dalam bentuk rintis melalui Program Jualan Rahmah.

So, kita tak nak nanti tiba-tiba kerajaan buat keputusan terus melaksanakan dan dia memerlukan masa penerimaan daripada ayat itu yang kita buat dan *insya-Allah* macam saya sebut tadi, buat masa sekarang kita pun tak banyak terima aduan, *complain.* Bagusnya bila kita ada *mobile* eCOSS ini, kita ada data trend pembelian. Contoh ada beberapa yang kita *trace* tapi ini di peringkat rintis lah. Kenapa individu tertentu diberi banyak minyak, itu kita boleh *trace. So,* kita tahu siapa yang banyak menggunakan minyak, kita boleh *table out* data, statistik itu.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Macam yang Dato' sebut tadi, maknanya dari segi penerimaan masyarakat yang membeli melalui Jualan RAHMAH itu macam tak banyak *complain.* Maksudnya tiada kesulitanlah secara itu ataupun... *[Dicelah]*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Cuma, tadi saya bercakap dengan Yang Berhormat Pengerusi, sebab mereka ada pilihan. Di setiap Jualan RAHMAH, kami mewajibkan penjualan minyak masak peket. Dalam masa yang sama, kita jual minyak masak botol yang kita telah pun 'RAHMAH' kan dia. *So* dari segi keselesaan mereka membeli itu untuk mereka bawa balik itu dan kuantiti yang dibeli itu boleh sampai lima kilo, dia pergi ambil yang botol lah. Kalau dia beli minyak masak peket, dia hanya dapat tiga. *So,* pilihan pertama mereka akan beli minyak masak botol, senang bawa.

Kita tengok jualan minyak masak peket kita di Jualan RAHMAH ini dia tidak serancak dulu. Bila kita dah buat kawalan, kena ada sistem, beli tiga peket. Dia tidak serancak dulu dan dia bukan *fast moving item* lagi di Jualan RAHMAH.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada soalan lagi? Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ada tidak di pihak kementerian *report* atau laporan berkaitan dengan penyeludupan yang melibatkan lori tangki ini? Maknanya secara besarlah, secara pukal dia orang. Adakah kes yang mungkin pernah direkodkan dalam penguatkuasaan itu? Di pihak KPDN sendiri adakah ada GPS *tracker* kepada lori-lori tangki ini untuk tahu pergerakan dia dan supaya dia tidak keluar daripada kawasan *area* dia *supply* minyak itu dalam kawasan, makna kita katakan *area* untuk dia bagi subsidi. Adakah ini pernah direkod dalam pihak penguatkuasaan kementerian sendiri? *Thank you.*

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Menjawab kepada soalan YB, kalau kita lihat dari segi minyak masak, setakat ini tak ada lah yang isu yang diseludup menggunakan *tanker* itu, tak ada lah. Kalau adapun mungkin yang melibatkan yang tidak bersubsidilah sebab yang bersubsidi ini kalau kita lihat di *refinery* ke hantar ke *repacker* itu dia memang ada *tracker* yang dipantau oleh MPOB. MPOB ada *tracker* dia. *So,* dia boleh tahu lori itu hantar ke mana lah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: ...kalau yang lain semua *detail* lain petrol, diesel ini ada tak?

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [KPDN]: Oh yang itu saya rasa mungkin forum lainlah YB. Di luar forum. Ini minyak masak punya forum.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Kalau tak ada apa-apa soalan lagi, prosiding kita boleh berhenti sekarang pada pukul 4.37 minit petang. Jadi, saya nak berterima kasih kepada Dato' KSU dan juga rakan-rakan daripada KPDN kerana sudi datang memberi penerangan kepada kami. Jadi, terima kasih kepada semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.37 petang]

DOKUMEN PEMBENTANGAN

Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri Dan Kos Sara Hidup

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC), PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 6(a) TAHUN 2025

Berhubung Pengurusan Kawalan Harga Dan Subsidi Minyak Masak Di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup [Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025]

5 Ogos 2025 (Selasa)
12.00 tengah hari
Bilik Jawatankuasa 1, Aras 2
Blok Utama, Parlimen Malaysia

Kandungan

1. **Program Pengurusan Kawalan Harga Dan Subsidi Minyak Masak**
   - Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS)
   - Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL)
   - Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM)
   - Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan CD - Program Penyeragaman Harga (PPH)

2. **Syor Audit**

3. **Hala Tuju**

4. **Pelaksanaan Rintis Mobile eCOSS**

Rantaian Bekalan Minyak Masak dan Program Subsidi KPDN



Sumber: KPDN

Nota:

Kilang Penapis	-	Kilang yang mempunyai lesen MPOB untuk menjalankan aktiviti menapis minyak sawit, membungkus dan mengeksport serta Lesen CSA bagi menyimpan, mengedar dan menjual kepada syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit
Syarikat Pembungkus	-	Syarikat yang memiliki Lesen CSA dan lesen MPOB yang membeli minyak sawit RBD PL daripada kilang penapis dan kemudiannya membungkus, mengedar dan menjual kepada pemborong atau peruncit berlesen CSA
Pemborong dan Peruncit	-	Memiliki Lesen CSA bagi menyimpan, mengedar dan menjual kepada pengguna

PROGRAM PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK

Perkara	Minyak Peket			Minyak Botol
	COSS	PPHSSL	PPH	MKHMM
Tahun Diperkenalkan	● 01.06.2007 - Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) - (MPOB) ● 01.11.2016 hingga kini – KPDN.	● 2014 - Dilaksanakan di bawah Program 1Malaysia 1Harga. ● 2019 - Penjenamaan semula program kepada PPHSSL.	● Dilaksanakan pada tahun 2009 hingga kini.	● Dilaksanakan pada 01.08.2021 hingga 30.06.2022.
Objektif	(i) Meminimumkan kesan kenaikan harga minyak sawit mentah ke atas harga minyak masak. (ii) Menstabilkan harga runcit minyak masak bersubsidi untuk kegunaan isi rumah tempatan. (iii) Memastikan bekalan minyak masak di pasaran tempatan mencukupi.	(i) Menyeragamkan harga jualan runcit minyak masak di Sabah, Sarawak dan Labuan. (ii) Memastikan bekalan gula, minyak masak dan tepung gandum mencukupi di Sabah, Sarawak dan Labuan. (iii) Meringankan kos sara hidup rakyat.	(i) Membolehkan penduduk di luar bandar dan pedalaman membeli tujuh barang keperluan pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, iaitu sama seperti di bandar.	(i) Bantuan kewangan kepada kilang penapis minyak sawit dan kilang pembungkus minyak masak bagi menjual minyak masak RBD PL dalam botol pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. (ii) Memastikan pengguna dapat membeli minyak masak tulen di bawah paras harga RM30 atau harga yang ditetapkan melalui Seksyen 4, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.
Lokasi/Negeri Terlibat	Seluruh Malaysia	Sabah, Sarawak dan Labuan (syarikat pembungkus yang menerima kuota COSS)	Kawasan luar bandar atau pedalaman Sabah, Sarawak, Labuan dan Semenanjung (Pahang, Kelantan, Terengganu dan Kedah)	Seluruh Malaysia
Gred Minyak	RBD PL CP8	RBD PL CP8	RBD PL CP8	RBD PL CP6

PROGRAM PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK

Perkara	Minyak Peket			Minyak Botol
	COSS	PPHSSL	PPH	MKHMM
Mekanisme Subsidi dan Kadar Subsidi	Bayaran kepada kilang penapis dan syarikat pembungkusan bagi pengeluaran minyak masak bersubsidi. Kadar subsidi: i. Pengilang [Harga Purata RBD PL Pasaran - Harga *Threshold* (RM2,300)] X Kuota ii. Pembungkus Kadar tetap: RM600/mt X Kuota	(i) Kerajaan akan menampung kos penghantaran produk dari Semenanjung Malaysia, Sabah,Sarawak serta Labuan bagi memastikan harga barangan keperluan di Sabah, Sarawak dan Labuan dijual pada harga yang lebih rendah dan seragam. (ii) Bagi minyak masak bersubsidi, kadar subsidi sebanyak RM0.25/kg adalah termasuk kos penghantaran daripada Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan atau kos pengeluaran seperti plastik dan kotak pembungkusan minyak masak peket 1kg di negeri Sabah, Sarawak dan Labuan (salah satu sahaja).	(i) PPH dilaksanakan untuk menampung kos pengangkutan minyak masak termasuk enam barangan keperluan bersubsidi daripada pembekal ke kawasan-kawasan yang terlibat. (ii) Kerajaan memilih dan melantik *Transporter* untuk menghantar barang keperluan daripada pembekal sehingga '*Point of Sales* (POS)' di kawasan pengedaran. (iii) Jarak kawasan yang layak dari punca bekalan adalah melebihi 15km. (iv) Peratus perbezaan harga sebelum dan selepas program hendaklah melebihi 15%.	(i) Bayaran kepada kilang penapis dan kilang pembungkusan bagi pengeluaran minyak masak dalam kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg. (ii) Bayaran kepada kilang penapis dan syarikat pembungkusan. Nilai *threshold* yang melayakkan CPO > RM3,700/tan (iii) Kadar subsidi (Harga Purata Bulanan CPO Pasaran - Nilai Ambang CPO) X Kuota (iv) Berasaskan Harga CPO (Siling Bergerak) untuk mengawal harga jualan runcit minyak masak botol tanpa subsidi. Mekanisme ini bermula pada 08.08.2022 sehingga kini.
Jumlah Kuota	60,000 mt/bulan Jumlah Penduduk Negeri x 1.5kg (keperluan minyak masak per kapita sebulan)	Berdasarkan kuota syarikat pembungkus di Sabah, Sarawak dan Labuan.	Berdasarkan populasi dan aktiviti harian penduduk serta tidak melebihi kuota maksimum yang dibenarkan	25,000 mt/bulan
Harga Jualan	Harga Runcit : RM2.50/kg Harga Pengilang : Nilai threshold melayakkan Harga RBD PL > RM2,300/mt	RM2.50/kg	RM2.50/kg	Harga Siling Maksimum (Seksyen 4, AKHAP 2011) 1kg : RM6.70 2kg : RM12.70 3kg : RM18.70 5kg : RM29.70

SYOR AUDIT

Syor Audit

Para	Syor Audit
7.1	Pemantapan Pelaksanaan serta Penguatkuasaan SOP dan Dasar
7.2	Pemerkasaan Sistem Pemantauan dan Pelaporan
7.3	Kajian Semula Syarat Lesen CSA dan Pemantauan Premis
7.4	Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan
7.5	Tatacara Pengurusan Minyak Masak Rosak
7.6	Kepatuhan Terhadap Pensijilan Halal
7.7	Program Bersasar Minyak Masak Bersubsidi

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
1.	**7.1 Pemantapan Pelaksanaan serta Penguatkuasaan SOP dan Dasar** KPDN perlu menyemak dan menambah baik SOP COSS secara berkala untuk menangani jurang pelaksanaan program sedia ada, termasuk pengurusan minyak masak rosak dan pemantauan pensijilan halal. Selain itu, KPDN juga perlu menetapkan dasar penyaluran bersasar agar subsidi hanya diperoleh oleh golongan isi rumah yang layak mengikut kriteria dan syarat yang ditetapkan. Maklumat berkaitan golongan sasar boleh dirujuk kepada sumber pangkalan data sedia ada seperti eKasih dan PADU. Langkah ini bertujuan menghalang akses kepada subsidi oleh warga asing atau entiti komersial yang tidak layak. Had pembelian minyak masak bersubsidi juga perlu disemak semula supaya selaras dengan keperluan sebenar rakyat dan mengelakkan pembelian berskala besar untuk tujuan komersial yang tidak termasuk dalam dasar yang ditetapkan.	SOP COSS sedang ditambahbaik : a. Mewujudkan SOP / Tatacara Pengurusan Minyak Masak Sisa (Rosak) dengan kerjasama MPOB / KKM. b. Mewujudkan SOP bagi mengawal jualan minyak masak di peringkat runcit melalui penggunaan aplikasi mudah alih Mobile eCOSS. c. Mekanisme menghadkan jualan minyak masak kepada warganegara melalui mobile eCOSS. d. Membangunkan integrasi sistem eCOSS dengan sistem MyDigital ID. e. Kesesuaian bekalan diberikan keutamaan kepada kilang penapisan tempatan. KPDN berpandangan dengan kawalan jualan melalui *mobile* eCOSS di peringkat runcit akan membolehkan : a. Anggaran keperluan sebenar minyak masak boleh ditetapkan secara lebih sistematik. b. Membolehkan suatu had pembelian ditetapkan termasuk kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaftar. c. Menghalang pembelian oleh bukan warganegara.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
2.	**7.2 Pemerkasaan Sistem Pemantauan dan Pelaporan** Penggunaan sistem digital seperti eCOSS secara menyeluruh bagi pemantauan masa nyata (*real-time*) terhadap rekod jualan dan agihan minyak masak bersubsidi untuk mengurangkan manipulasi data dan ketidakpatuhan. Pengauditan dalaman secara berkala dan pengesanan silang (*cross-verification*) terhadap buku stok dan sistem pelaporan jualan perlu diwajibkan di semua peringkat yang melibatkan kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit bagi tujuan pemantauan yang lebih komprehensif. Selain itu, Program PPH juga perlu dimantapkan dengan penetapan keperluan penghantaran laporan transaksi belian dan jualan secara berkala oleh POS dan Transporter, serta mengenakan tindakan ke atas kegagalan mematuhi syarat Lesen CSA.	Sistem eCOSS telah mula dilaksanakan sejak 1 Januari 2023 bagi pemantauan pengedaran di peringkat kilang penapisan, pembungkusan, pemborong dan peruncit. Sistem sedang ditambah baik bagi memantapkan pemantauan termasuk : a. Merekodkan pemandu dan pengambilan minyak masak bersubsidi di kilang penapisan dan penghantaran ke kilang pembungkusan. Merekodkan koordinat dan gambar pengambilan dan penyerahan. b. Merekodkan pemandu dan pengambilan minyak masak bersubsidi di kilang pembungkusan dan penghantaran ke pemborong dan peruncit. Merekodkan koordinat dan gambar pengambilan dan penyerahan. Aplikasi mobile eCOSS telah dibangunkan dan sedang dirintis bagi membolehkan pemantauan jualan dan belian di peringkat runcit.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
3.	**7.3 Kajian Semula Syarat Lesen CSA dan Pemantauan Premis** KPDN perlu melihat semula peraturan sedia ada bagi tujuan mengawal selia kepatuhan pemegang lesen seperti tindakan menggantung atau menarik balik Lesen CSA terhadap pemegang lesen yang didapati melanggar syarat termasuk mempunyai dua lesen di alamat sama. Seterusnya, tindakan untuk mewajibkan semua POS dan Transporter yang terlibat dengan program PPH untuk mendapatkan Lesen CSA dengan pengesahan lokasi dan operasi fizikal serta pelaksanaan lawatan pemeriksaan mengejut (*spot check*) secara berkala ke premis pemegang lesen bagi mengesan pelanggaran SOP.	KPDN telah mengeluarkan arahan kepada semua syarikat pembungkus (*repackers*) melalui surat bertarikh 24 Oktober 2024 mengenai Lesen Borong dan Runcit dalam 1 premis. Sebanyak 3 pembungkus yang memiliki lesen runcit di alamat yang sama dan telah dinyahaktifkan. Selain itu, bagi memastikan proses pertimbangan lesen CSA dapat dilaksanakan dengan teratur, KPDN turut memohon *change request* dibuat kepada sistem pelesenan CSA BLESS 2.0 untuk mengambil kira lokasi dalam bentuk koordinat lesen-lesen yang telah diluluskan. Ini akan memudahkan carian lesen CSA borong dan runcit yang bertindih di lokasi yang sama.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
4.	**7.4 Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan** KPDN perlu memantau harga runcit minyak masak bersubsidi secara agresif melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti PBT untuk memastikan pematuhan harga kawalan RM2.50 sepeket. Seterusnya, tindakan penguatkuasaan yang tegas perlu diambil serta-merta ke atas penjual yang mengenakan harga runcit melebihi harga kawalan termasuk denda, pembatalan lesen, dan penyitaan barang.	KPDN telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di seluruh negara memantau harga runcit minyak masak bersubsidi secara agresif termasuklah mengadakan operasi bersama agensi penguatkuasa lain seperti PDRM, ATM, APMM dan PBT. Sepanjang tahun 2024 sehingga 31 Julai 2025, sebanyak 2,512 operasi bersama agensi penguatkuasa PBT telah diadakan dan antara tujuan operasi tersebut adalah memantau bekalan serta harga runcit minyak masak di pasaran. KPDN telah mewartakan harga siling bagi jualan runcit minyak masak paket bersubsidi selari dengan pemakaian Seksyen 4, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Warta harga siling telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2025. Sejak 1 Mei 2025 hingga 31 Julai 2025 sebanyak 10 kes berjaya dihasilkan dengan jumlah kompaun sebanyak RM2,250.00 dan nilai rampasan sebanyak RM 4,647.50 Selain itu, tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan dan pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan kecekapan pemantauan bekalan serta harga minyak masak bersubsidi dipasaran. Antaranya: 1. Penguatkuasaan ke atas syarikat pemegang kuota COSS dilaksanakan melalui operasi bersepadu OPS TENERA yang dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan secara berterusan di seluruh negara dan dilaporkan terus kepada Pengurusan Tertinggi.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
4.	**7.4 Kawalan Harga dan Tindakan Penguatkuasaan** KPDN perlu memantau harga runcit minyak masak bersubsidi secara agresif melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti PBT untuk memastikan pematuhan harga kawalan RM2.50 sepeket. Seterusnya, tindakan penguatkuasaan yang tegas perlu diambil serta-merta ke atas penjual yang mengenakan harga runcit melebihi harga kawalan termasuk denda, pembatalan lesen, dan penyitaan barang.	**sambungan…** 2. Pemeriksaan dan pengauditan secara holistik di setiap peringkat rantaian pengedaran minyak masak melalui Arahan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 kepada syarikat pemegang Lesen CSA Mengilang, Borong dan Runcit yang menjalankan urusniaga minyak masak bersubsidi. 3. Pelaksanaan penggantungan Lesen CSA dan Kuota COSS melalui Jawatankuasa Penggantungan/Penarikan Lesen CSA dan Kuota COSS ke atas syarikat yang disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundangan subsidiarinya. Perincian tindakan berdasarkan risiko kesalahan dibawah Garis Panduan Penggantungan Sementara dan Penarikan Kuota COSS dan Lesen CSA ke atas syarikat yang disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 sebagai langkah tegas dan *deterrent* kepada pihak-pihak terlibat. 4. Tindakan kes akan diambil ke atas syarikat yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 (pemborong gagal menyelenggara buku stok) yang juga diklasifikasikan sebagai kesalahan berat di bawah Akta Penggubahan Wang Haram.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
5.	**7.5 Tatacara Pengurusan Minyak Masak Rosak** KPDN hendaklah membangunkan tatacara pengurusan minyak rosak yang komprehensif merangkumi kaedah pelupusan, pengesanan awal, larangan pembungkusan semula, mewajibkan pengisytiharan minyak rosak, dan pelaporan kepada KPDN bagi tujuan pemantauan dan rekod. Selain itu, kerjasama dengan agensi kesihatan dan alam sekitar juga perlu dalam memastikan pelupusan minyak masak rosak dilakukan secara selamat dan tidak digunakan semula oleh pihak tidak bertanggungjawab.	KPDN sedang memperhalusi deraf SOP minyak masak sisa/rosak bersama agensi yang berkaitan seperti Bahagian Keselamatan Makanan, KKM, Jabatan Alam Sekitar, MPOB, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Undang-Undang dan lain-lain agensi yang terlibat secara tidak langsung sebelum dimuktamadkan dan dikuatkuasakan. SOP ini akan diperkenalkan untuk memastikan penyelarasan semula subsidi berdasarkan kepada jumlah minyak masak rosak yang dilaporkan. Oleh yang demikian, semua syarikat pemegang kuota hendaklah memastikan semua minyak masak bersubsidi yang dibeli daripada kilang penapisan pada harga subsidi dibungkus dan diagihkan kepada pemborong/peruncit tanpa sebarang pengurangan.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
6.	**7.6 Kepatuhan Terhadap Pensijilan Halal** KPDN perlu meletakkan syarat wajib pensijilan halal ke atas semua syarikat pembungkus minyak masak bersubsidi sebagai salah satu syarat lesen dan melaksanakan tindakan undang-undang ke atas syarikat yang mencetak logo halal palsu mengikut peruntukan dalam Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730].	SOP COSS sedia ada telah menjelaskan tanggungjawab-tanggungjawab pemegang kuota minyak masak subsidi seperti mengemukakan pensijilan halal yang sah daripada JAKIM dalam tempoh enam (6) bulan setelah dibenarkan beroperasi. Sehubungan itu, sebarang penyalahgunaan terutama penggunaan logo halal tanpa sijil atau logo luput, boleh diambil tindakan penguatkuasaan dan mengakibatkan hukuman denda. Bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam program subsidi, pensijilan halal bukan sekadar pilihan kepada pemegang kuota tapi ianya adalah keperluan sah di bawah SOP COSS dan lesen CSA.

Syor Audit

Bil.	Syor Audit	Tindakan KPDN
7.	**7.7 Program Bersasar Minyak Masak Bersubsidi** Penyaluran subsidi melalui program bersasar seperti Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang memberi bantuan subsidi melalui Baucar Khas untuk barangan asas tertentu termasuk minyak masak bersubsidi perlu diperluaskan. Program seperti ini merupakan mekanisme kawalan yang efektif bagi memastikan bantuan Kerajaan digunakan secara berfokus untuk keperluan asas oleh golongan sasar seperti B40 dan miskin tegar. Pihak KPDN perlu menjalankan pemantauan melalui pangkalan data berpusat yang merekod setiap transaksi secara masa nyata dan pengesanan sebarang penyalahgunaan Baucar Khas dengan lebih berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, malah memastikan keberkesanan bantuan sampai kepada pihak yang benar-benar memerlukan.	Pelaksanaan *Mobile* eCOSS iaitu aplikasi mudah alih yang sedang dirintis sejak Mei 2025 adalah sebagai lanjutan kepada sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS). Ia dibangunkan untuk memperluaskan capaian sistem dari rantaian pembekalan ke tahap pembelian pengguna akhir. Dengan pelancaran *Mobile* eCOSS, KPDN bergerak ke arah subsidi minyak masak yang lebih bersasar dan telus. Aplikasi ini membolehkan pengesahan identiti dan kawalan pembelian, sekaligus memastikan subsidi hanya diakses oleh warganegara dan golongan sasar sahaja. Ia turut memperkukuh sistem audit digital dan mewujudkan dasar subsidi yang lebih telus dan berdaya guna.

Hala Tuju Minyak Masak

Hala Tuju

1. Pengagihan subsidi minyak masak yang lebih efisien melalui mekanisme subsidi bersasar iaitu penjualan kepada warganegara sahaja, sejajar dengan usaha mengurangkan ketirisan dan memastikan subsidi sampai kepada golongan disasarkan.

2. Tumpuan diberikan kepada sistem pengesanan bekalan (eCOSS) dan kawalan sepanjang rantaian bekalan subsidi dari pembungkus, pemborong, peruncit hingga ke pengguna bagi memastikan penyaluran pengedaran yang betul dan menghindari penyalahgunaan subsidi.

3. Zoning pengedaran minyak masak paket subsidi adalah langkah strategik dalam memastikan bantuan sampai kepada golongan yang memerlukan. Ia menggabungkan pengagihan kawasan berdasarkan zon geografi bersama sistem digital pemantauan (eCOSS dan aplikasi *mobile*) untuk membanteras penyalahgunaan dan meningkatkan ketelusan dalam subsidi minyak masak.

PELAKSANAAN RINTIS APLIKASI *MOBILE* eCOSS

(1) SISTEM eCOSS

Modul meliputi

- Pengurusan kuota minyak masak
- Pengurusan tuntutan subsidi minyak masak oleh kilang penapisan dan syarikat pembungkusan
- Rekod transaksi jualan dan pengedaran minyak masak di peringkat kilang penapisan dan syarikat pembungkusan



(2) Mobile eCOSS

- Menggunakan telefon pintar (iPhone, Android, Huawei) untuk mengawal dan merekodkan transaksi jualan di peringkat runcit.
- Memantau pemandu dan lori yang terlibat penghantaran minyak masak paket bersubsidi.

Bil.	Negeri	Lokasi PJRM	Tarikh Pelaksanaan	Nama Peruncit (Pelaksana)	Bil. Mendaftar eCOSS	Bil. Paket Terjual
1.	WP Putrajaya	KPDN Putrajaya	8-9 Mei	Mydin & Super Seven	496	1220
2		KPDN Putrajaya	22 Mei	St Rosyam Mart & NSK Trade City	270	813
3		KPDN & JPA Putrajaya	23 Mei	Mydin, St Rosyam Mart & NSK Trade City	374	1463
4.	Selangor	Pulau Meranti, Puchong	25 Jun	NG Grand Retail Enterprise	46	98
5.	WP Kuala Lumpur	PPR Cohchrane Perkasa	26 Jun	Muzz Gemilang Trading	23	36
6.	Johor	Dewan Muafakat Kg Bakar Batu, Johor Bahru	12 Julai	CKS Retail Sdn. Bhd.	140	242
7.		Dewan Komuniti, Kg Dato Sulaiman Menteri, Jalan Bunga Ros, Johor Bahru	13 Julai	CKS Retail Sdn. Bhd.	120	336
8.		Dewan Terbuka Kg Telok Kerang, Pontian	21 Julai	Pasaraya Qi Mart	82	164

PELAKSANAAN RINTIS *MOBILE* ECOSS NEGERI JOHOR

BIL.	FASA	BIL.POS	BIL KUOTA MM PAKET (MT)	JANGKA MASA PELAKSANAAN
1	FASA 1	17	**510.24 MT**	15 MEI 2025 - 10 OGOS 2025
2	FASA 2 (3 POS DIGUGURKAN, 15 POS BARU)	29	**720.24 MT**	11 OGOS 2025 - 10 NOVEMBER 2025

KEPERINCIAN MAKLUMAT POS MENGIKUT DAERAH

BIL.	DAERAH	FASA 1	FASA 2
1	Johor Bahru	2	3
2	Kulai	2	2
3	Pasir Gudang	0	2
4	Pontian	2	3
5	Mersing	1	2
6	Kota Tinggi	3	4
7	Muar	1	1
8	Tangkak	1	2
9	Batu Pahat	1	3
10	Segamat	2	3
11	Kluang	2	4
BIL POS		**17**	**29**

PELAKSANAAN RINTIS *MOBILE* ECOSS NEGERI JOHOR (LOKASI FASA 2)

PELAKSANAAN RINTIS *MOBILE* ECOSS

BERNAMA

Malay

taip untuk carian

Projek Rintis eCOSS Dapat Maklum Balas Positif Pengguna Di Johor

12/07/2025 04:31 PM

Pegawai KPDN, Mohd Zulkiffli Sulaiman (dua, kanan) menerangkan mengenai aplikasi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) kepada salah seorang pelanggan pada Program Jualan Rahmah Madani di Dewan Muafakat Kampung Bakar Batu hari ini.

Oleh Nur Fatin Mohmad Kadenen

JOHOR BAHRU, 12 Julai (Bernama) -- Penggunaan Sistem Skim Penstabilan Harga

BERNAMA.com | BERNAMA TV | BERNAMA Radio | BERNAMA Images | BLIS | NewsLink5

English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

Am BernamaBiz Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah Dunia

International Healthcare Week

CPHI WHX WHX Labs Medtec HIMSS

AM > BERITA

Projek Rintis eCOSS Dapat Maklum Balas Positif Pengguna Di Johor

12/07/2025 04:31 PM

menunjukkan aplikasi Sistem Skim Penstabilan
yak masak bersubsidi pada Program Jualan

Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS)
s positif pengguna yang menyifatkan inisiatif
masak paket bersubsidi.

n eCOSS di Program Jualan Rahmah MADANI
diterima baik pengunjung yang rata-rata
una.

erikan penerangan kepada golongan warga
turun di telefon.

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
istem itu.

"Saya tidak berapa pandai guna telefon, tetapi bagus sebab orang KPDN beri penerangan. Ini adalah

myMetro

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES ADDIN WM METROTV TITIPAN KASIH GALERI RADIO BANJIR #M

JustMarkets
Lebih 50 anugerah FinTech
Tham gia & Giao dich ngay!

KPDN Perak jamin bantu masyarakat daftar sistem eCOSS

BERNAMA

Kamalludin Ismail (kanan) beramah mesra bersama pengunjung pada Sesi Walkabout Jualan Rahmah Madani KPDN. FOTO L Manimaran

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak memberi jaminan akan membantu masyarakat dalam proses pendaftaran dan penggunaan sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) khususnya pada Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM).

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata pihaknya akan meletakkan pegawai dan anggota KPDN di setiap PJRM bagi membantu memudahkan proses pendaftaran dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat terutama warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

"Kita faham mungkin ada segelintir individu yang menghadapi sedikit kesukaran untuk mendaftar sistem ini namun kita beri jaminan anggota KPDN di lokasi terlibat (PJRM) akan bantu mereka mendaftar sehingga berjaya.

"Kita percaya sistem yang juga program rintis itu bukan hanya bertujuan merekod pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh pengguna yang layak malah mengelak ketirisan dan memastikan bekalan sampai kepada sasaran sebenar," katanya pada sidang media PJRM KPDN Perak di sini hari ini.

Sekian,

Terima Kasih.

KETUA PENGARAH
جابتن كماجوان إسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
ARAS 8, BLOK A, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 23,JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8870 7000
Faks : 03-8870 7042

Rujukan kami : JAKIM.700-1/4/1 ( )
Tarikh : 13 Ogos 2024

Setiausaha Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia,
Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen,
50680, Kuala Lumpur.

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBrs. Dr.,

MAKLUMAT TAMBAHAN JAKIM BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 6(b) TAHUN 2025 BERHUBUNG PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBrs. Dr. mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dijemput hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Kelima Belas sebagai saksi bagi Prosiding Bil.6(b) Tahun 2025 : Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 06 Ogos 2025 bertempat di Bilik Jawatankuasa 1, Aras 2 Blok Utama Parlimen Malaysia.

3. Melalui prosiding tersebut, terdapat maklumat tambahan yang perlu dikemukakan oleh JAKIM kepada PAC dan bersama-sama ini dilampirkan maklumat tambahan tersebut untuk perhatian PAC.

Kerjasama dan perhatian YBrs. Dr. amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)

MAKLUMAT TAMBAHAN JAKIM BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KELIMA BELAS

Prosiding : Prosiding Bil. 6(b) Tahun 2025 - Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak di bawah Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Tarikh : 6 Ogos 2025 (Rabu)
Masa : 12.00 Tengah hari

Bil.	Soalan	Maklumbalas
1.	Adakah terdapat sebarang notifikasi kepada pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi memperbaharui SPHM yang tamat tempoh.	Pemakluman atau notifikasi kepada pemegang SPHM akan dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh tamat SPHM kepada semua pemegang SPHM melalui sistem MYeHalal.
2.	Mohon kemukakan carta alir permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).	Carta alir permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) seperti di **Lampiran A**.
3.	Berapa jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari.	Statistik dan tempoh permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) seperti di **Lampiran B**.
4.	Berapa bilangan pegawai yang menguruskan permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).	Jumlah pegawai JAKIM bagi pengurusan Pensijilan Halal Malaysia adalah seperti berikut: i) 123 orang pegawai tetap ii) 37 orang pegawai kontrak iii)103 orang pegawai MySTEP Jumlah : 263 orang pegawai Jumlah pegawai-pegawai tersebut merangkumi keseluruhan pengurusan Pensijilan Halal Malalysia termasuklah pemprosesan, pengauditan, pemantauan dan penguatkuasaan.
5.	Mohon kemukakan senarai pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi produk minyak masak.	Senarai pemegang SPHM bagi produk minyak masak adalah seperti di **Lampiran C**.

LAMPIRAN A - CARTA ALIR PEMOHONAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA



LAMPIRAN B – STATSITIK PERMOHONAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA TAHUN 2025

BULAN	STATISTIK PERMOHONAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA PADA TAHUN 2025											
	JUMLAH PERMOHONAN		JUMLAH LULUS	JUMLAH TIDAK LENGKAP	JUMLAH GAGAL	JUMLAH BATAL	JUMLAH KIV	JUMLAH TOLAK	JUMLAH PROSES	TEMPOH KELULUSAN (DARI TARIKHPERMOHONAN DITERIMA DI KAUNTER SEHINGGA KEPUTUSAN MESYUARATPANEL)		
	ONLINE	DITERIMA DI KAUNTER SEKSYEN PROSES								1-30 HARI	31-60 HARI	LEBIH 61HARI
JANUARI	1399	1303	1053	0	13	1	2	217	16	789	209	65
FEBRUARI	1536	1268	989	1	21	1	0	238	17	762	206	37
MAC	1645	1505	1161	1	28	2	1	247	60	950	205	15
APRIL	1499	1244	835	1	16	1	4	234	152	723	88	0
MAY	1773	1557	717	16	8	0	13	262	541	627	1	0
JUN	1651	1414	158	170	0	0	1	169	916	86	0	0
JULAI	85	88	0	9	0	0	0	3	76	0	0	0
OGOS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SEPTEMBER	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
OKTOBER	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NOVEMBER	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
DISEMBER	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	9588	8379	4913	198	86	5	21	1370	1778	3937	709	117

Nota : Peratusan Pencapaian Permohonan Selesai (Januari-Disember) dalam tempoh 30 hari : 5307 (3937 + 1370) (Permohonan Ditolak) bahagi 6133 (Jumlah Permohonan Selesai) x 100 = 86.53%

LAMPIRAN C – SENARAI PEMEGANG SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA BAGI PRODUK MINYAK MASAK

BIL.	Nama Syarikat	Jenis Perniagaan
1	ADAM AMG TRADING	Dagangan
2	AMBANG ASLI SDN. BHD.	Dagangan
3	AMECHANUS CAPITAL SDN. BHD.	Dagangan
4	APEX CREATIVE RESOURCES SDN. BHD.	Dagangan
5	ASIA BUSINESS ALLIANCE SDN. BHD.	Dagangan
6	ASRI VEGETABLE OIL PRODUCTS SDN. BHD.	Dagangan
7	BAKO BUNTAL BAY SDN. BHD.	Dagangan
8	BAN CHAI HUAT SDN. BHD.	Dagangan
9	BP OILS TRADING	Dagangan
10	BUKIT SERIBU HOLDINGS SDN.BHD.	Dagangan
11	CARELIFE NATURAL ORGANIC SDN. BHD.	Dagangan
12	CHEF DIRECT SDN. BHD.	Dagangan
13	CHOP BOON SING	Dagangan
14	CHOP SOON HUAT	Dagangan
15	CHUAN HONG OIL MILLS SDN. BHD.	Dagangan
16	CMM MARKETING MANAGEMENT PTE LTD	Dagangan
17	CORVO NETWORK SDN. BHD.	Dagangan
18	COUNTRY FARMS SDN. BHD.	Dagangan
19	DING - DANG ENTERPRISE SDN. BHD	Dagangan
20	DYNAMIC COMMODITIES SDN. BHD.	Dagangan
21	EEZDEE INTRADE SDN. BHD.	Dagangan
22	ERAMAS MARKETING (SEA) SDN. BHD.	Dagangan
23	EZZ MAJU TRADING	Dagangan
24	FAJAR MAJESTIK SDN. BHD.	Dagangan
25	GERBANG SAWIT SDN. BHD.	Dagangan
26	GOLDEN FLOWER INTERNATIONAL PTE LTD	Dagangan
27	GREEN SYMPHONY TECHNOLOGY SDN. BHD.	Dagangan
28	GREENLOVE DISTRIBUTION SDN. BHD.	Dagangan
29	GUAN SIN TRADING CO	Dagangan
30	HOCK KEE TRADING	Dagangan
31	HUBLONG OIL & FOOD SDN.BHD	Dagangan
32	HUP HUAT EDIBLE OIL SDN. BHD.	Dagangan
33	IKIRA SDN. BHD.	Dagangan
34	INCUBE EDIBLE OIL INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Dagangan
35	INTERGLO VENTURE SDN. BHD.	Dagangan
36	JELAPANG EMAS VENTURES SDN. BHD.	Dagangan
37	KAH SOON PALM OLEIN SDN. BHD.	Dagangan
38	KENAMAKMUR SDN. BHD.	Dagangan
39	KENZENE TRADING (M) SDN. BHD.	Dagangan
40	KINSAN BROTHERS OIL MILLS SDN. BHD.	Dagangan
41	KITRA INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Dagangan

42	KONSORTIUM MAL-INDO BORDERS SDN. BHD.	Dagangan
43	KV RESOURCES SDN. BHD.	Dagangan
44	KWANG TAR EDIBLE OIL INDUSTRIES S/B	Dagangan
45	LAM SOON SINGAPORE PTE LTD	Dagangan
46	LEAN FAR TRADING	Dagangan
47	LIM SIANG HUAT PTE LTD.	Dagangan
48	MAC WORLD INDUSTRIES SDN. BHD.	Dagangan
49	MAJURA GUAR ENTERPRISE	Dagangan
50	MASHYUR LESTARI SDN. BHD.	Dagangan
51	METANOIA RESOURCES SDN. BHD.	Dagangan
52	MICO TRADING CO	Dagangan
53	MINYAK MAKAN BAN CHUAN HUAT SDN. BHD.	Dagangan
54	MISSION ESPRIT VENTURE SDN. BHD.	Dagangan
55	MUTIARA BUMI HIJAU SDN. BHD.	Dagangan
56	MYA EDARAN SDN. BHD.	Dagangan
57	NOAH FOODS TRADING SDN. BHD.	Dagangan
58	NUTRA LIPIDS (M) SDN. BHD.	Dagangan
59	NUTRI MILLS PRODUCTS SDN. BHD.	Dagangan
60	PEMBORONG KARISMA	Dagangan
61	PEMBORONG ROMAN	Dagangan
62	PERFECT PEGASUS SDN. BHD.	Dagangan
63	PERNIAGAAN JIU HONG	Dagangan
64	PERNIAGAAN SENG HUAT	Dagangan
65	PESAKA BUMI PLANTATION SDN. BHD.	Dagangan
66	PINSON ENTERPRISE	Dagangan
67	POLO ENGINEERING SDN. BHD.	Dagangan
68	PUNYAS OILS AND LOGISTICS SDN. BHD.	Dagangan
69	RASAKU MARKETING SDN. BHD.	Dagangan
70	REGAL OIL AND FATS SDN. BHD.	Dagangan
71	REXON EDIBLE OIL (M) SDN. BHD.	Dagangan
72	RH GLOBAL EMPIRE	Dagangan
73	S & M EDIBLE OIL (M) SDN. BHD.	Dagangan
74	SAMBUNG MEKAR JAYA SDN. BHD.	Dagangan
75	SEMANGAT BUMIJAYA SDN. BHD.	Dagangan
76	SIERRA MAKMUR SDN. BHD.	Dagangan
77	SIK CHEONG EDIBLE OIL SDN. BHD.	Dagangan
78	SIN HOCK SOON EDIBLE OIL SDN. BHD.	Dagangan
79	SOCMA TRADING (M) SDN. BHD.	Dagangan
80	SOON BEE HUP KEE SDN. BHD.	Dagangan
81	SOON HUP TRADING CO.	Dagangan
82	SOURICH TRADING	Dagangan
83	SOUTHERN MYANMAR COMPANY LIMITED	Dagangan
84	SYARIKAT KOON NAM SOAP FACTORY	Dagangan
85	SYARIKAT LIAN HUP	Dagangan
86	SYNERGY SUNBEST SDN. BHD.	Dagangan
87	TALASCO DAGANG SDN. BHD.	Dagangan

88	TAN & YIM EDIBLE OIL ENTERPRISE	Dagangan
89	TANJONG PAUH TRADING & CONSTRUCTION	Dagangan
90	THEONG HIN ENTERPRISE SDN. BHD.	Dagangan
91	ULTIERA GLOBAL DYNAMICS SDN. BHD	Dagangan
92	UN BROTHERS SDN. BHD.	Dagangan
93	UTUSAN SELASIH SDN. BHD.	Dagangan
94	VISESHA MANUFACTURING SDN. BHD.	Dagangan
95	WARISAN D NAR ENTERPRISE	Dagangan
96	WINNER EDIBLE OIL SDN. BHD.	Dagangan
97	YEW SUN OIL PRODUCTS SDN. BHD.	Dagangan
98	YURAISHA BRIGHT SDN. BHD.	Dagangan
99	ZARA DIVERSIFIED SDN. BHD.	Dagangan
100	3BUMI OLEO SDN. BHD. (F.K.A: MYREVE SDN. BHD.)	Pengeluaran
101	9 RECIPE SDN. BHD.	Pengeluaran
102	A.MANI ENTERPRISE	Pengeluaran
103	A1 BEST ONE FOOD INDUSTRY SDN.BHD	Pengeluaran
104	ABC OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
105	ABD HADI ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
106	ADABI CONSUMER INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
107	ADEKA FOODS (ASIA) SDN. BHD.	Pengeluaran
108	ADIGO SDN. BHD.	Pengeluaran
109	AG-SEVEN PALM OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
110	AGRO 19 BERHAD	Pengeluaran
111	AGRO 19 INDUSTRIES SDN. BHD. (F.K.A; RR INDUSTRIES SDN. BHD.)	Pengeluaran
112	AISY LAQUE SDN. BHD.	Pengeluaran
113	AISY MAJU GLOBAL SDN. BHD.	Pengeluaran
114	AJI MASAKING OIL (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
115	AKSI SENTRAL SDN. BHD.	Pengeluaran
116	AL ATTAS ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
117	AMCEE FOOD INDUSTRY SDN. BHD.	Pengeluaran
118	ARCADIA ODYSSEY SDN. BHD.	Pengeluaran
119	ARTISAN VARIASI SDN. BHD	Pengeluaran
120	ASAS GLOBAL COMMODITIES SDN. BHD.	Pengeluaran
121	ASLIMAS SDN. BHD.	Pengeluaran
122	ASSOCIATED ASIA INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
123	AURAWANA SDN. BHD.	Pengeluaran
124	B.T.N. ENTERPRISE	Pengeluaran
125	BAN HONG OIL MILL SDN. BHD.	Pengeluaran
126	BARAQAH EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
127	BAYERN ANLENE SODA FABRIC SDN. BHD.	Pengeluaran
128	BAYU MUHIBBAH SDN. BHD.	Pengeluaran
129	BENFA SDN. BHD.	Pengeluaran
130	BESETIA SDN. BHD.	Pengeluaran
131	BETA OIL PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
132	BIDARA FLOUR MILLS SDN. BHD.	Pengeluaran
133	BIDARA FLOUR SDN. BHD.	Pengeluaran

134	BINTULU EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
135	BIO CONSTANT SDN. BHD.	Pengeluaran
136	BLUE HILL OIL INTEGRATED (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
137	BORNEO DYNAMIC TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
138	BOUNTIFUL VENTURES SDN. BHD.	Pengeluaran
139	BRIDGE TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
140	C.G ENERGY RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
141	C.Y.C. HOLDINGS SDN. BHD.	Pengeluaran
142	CARGILL PALM PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
143	CAROTINO SDN. BHD.	Pengeluaran
144	CATCH UP SDN. BHD.	Pengeluaran
145	CATURAN GAMA SDN. BHD.	Pengeluaran
146	CB2U SDN. BHD.	Pengeluaran
147	CELESTIAL VENTURES SDN. BHD.	Pengeluaran
148	CEMPAKA SOLARIS SDN. BHD.	Pengeluaran
149	CHAN ERA (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
150	CHANTHIRA GLOBAL SDN. BHD.	Pengeluaran
151	CHENG HO & SONS SDN. BHD.	Pengeluaran
152	CHENJIA SDN. BHD.	Pengeluaran
153	CHOP WAN CHONG	Pengeluaran
154	CHOW BROTHER TRADING	Pengeluaran
155	COCOGATE GLOBAL SDN. BHD.	Pengeluaran
156	CONTINENTAL EDIBLE OIL INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
157	CONTINENTAL RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
158	CYWL TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
159	DAILY OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
160	DARUL HUFFAZ INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
161	DELIMA OIL PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
162	DH BENTARA SETIA SDN. BHD.	Pengeluaran
163	DIYAD GEMILANG SDN. BHD.	Pengeluaran
164	DMW INDUSTRY SDN. BHD.	Pengeluaran
165	DRO DEVELOPMENT SDN. BHD.	Pengeluaran
166	DS REZKI TRADING	Pengeluaran
167	DUTY-QUESTS SDN. BHD.	Pengeluaran
168	EAST ASIA PALM PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
169	EKA KESUMA SDN. BHD.	Pengeluaran
170	ELHAM-Q EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
171	ENAK FOOD INGREDIENTS SDN. BHD.	Pengeluaran
172	ENG HUAT OILS & RICE MILL COMPANY SDN.BHD	Pengeluaran
173	ENG KEE HUP KEE OIL & FOOD MANUFACTURING SDN. BHD.	Pengeluaran
174	ENG SOON HIN (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
175	ERA PLANTATIONS TECH SDN. BHD.	Pengeluaran
176	ES SURIA SDN. BHD.	Pengeluaran
177	ETERNATURE SDN. BHD.	Pengeluaran
178	EXCELLENT WISDOM SDN. BHD.	Pengeluaran
179	FAIZA MARKETING SDN. BHD.	Pengeluaran

180	FEDERATION OIL FACTORY (JOHORE) SDN. BHD.	Pengeluaran
181	FEDERATION OIL FACTORY SENDIRIAN BERHAD	Pengeluaran
182	FFM BERHAD	Pengeluaran
183	FGV IFFCO SDN. BHD.	Pengeluaran
184	FIELDMAN SDN. BHD.	Pengeluaran
185	FIRSTOILS TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
186	FLORIDA OILS & FATS TRADING	Pengeluaran
187	FSK GLOBAL RESOURCES (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
188	FZLYN ENTERPRISE	Pengeluaran
189	GALAKAN UPAYA SDN. BHD.	Pengeluaran
190	GEMILANG ASIAMAJU SDN. BHD.	Pengeluaran
191	GEMILANG EDIBLE OIL & FATS HOLDINGS SDN. BHD.	Pengeluaran
192	GEMILANG EDIBLE OIL (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
193	GHEE HIANG MANUFACTURING CO. SDN. BHD.	Pengeluaran
194	GINTO RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
195	GLOBAL AGARWOOD (M) SDN.BHD.	Pengeluaran
196	GLOBAL SPECIALTY INGREDIENTS (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
197	GOLD PALM OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
198	GOLD SELECTION SDN. BHD.	Pengeluaran
199	GOLDEN OIL RESOURCES (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
200	GOLDEN OILS ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
201	GOLDEN PALM OIL INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
202	GPO MARKETING SDN. BHD.	Pengeluaran
203	GREEN NATURECARE FOODS MANUFACTURER SDN. BHD.	Pengeluaran
204	HAFZ ENTERPRISE	Pengeluaran
205	HALIZA INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
206	HAN YAW ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
207	HARIBAH INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
208	HARMONY EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
209	HEALTH PARADISE SDN. BHD.	Pengeluaran
210	HENG HOCK GUAN TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
211	HEULIEZ (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
212	HMBE LEGACY SDN. BHD.	Pengeluaran
213	HOCK CHUAN LUM EDIBLE OIL & FOOD SDN. BHD.	Pengeluaran
214	HOCK HO HIAP KEE OIL MILL COMPANY	Pengeluaran
215	HOCK WENG OIL MILL SDN. BHD.	Pengeluaran
216	HOH EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
217	HOMEY FOOD MARKETING SDN. BHD.	Pengeluaran
218	HUAP HOE	Pengeluaran
219	HUGE MODE TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
220	IA GLOBAL SDN. BHD.	Pengeluaran
221	ICAH SDN. BHD.	Pengeluaran
222	IGB EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
223	INAI SANJUNG SDN. BHD.	Pengeluaran
224	INAI SETIA SDN. BHD.	Pengeluaran
225	INNOVANS PALM INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran

226	INTAN EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
227	INTELEK SAWIT RESOURCES	Pengeluaran
228	INTER-CONTI VEGETABLE OIL SDN. BHD	Pengeluaran
229	IOI PAN-CENTURY EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
230	ISHAK MIDI ENTERPRISE	Pengeluaran
231	IZUMIA ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
232	JABURAN SDN. BHD.	Pengeluaran
233	JELANG JAYA SDN. BHD.	Pengeluaran
234	JUARA SELERA SDN. BHD.	Pengeluaran
235	JUAS RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
236	JZ USAHASAMA MAJUJAYA SDN. BHD.	Pengeluaran
237	K.I.S. RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
238	KALUI (SABAH) SDN. BHD.	Pengeluaran
239	KEAN SENG TRADING CO.	Pengeluaran
240	KEAT SENG HANG SDN. BHD.	Pengeluaran
241	KEMASIK OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
242	KENG SENG CHAN TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
243	KERIS MALAYA RESOURCES SDN. BHD	Pengeluaran
244	KESEDAR PERKILANGAN SDN. BHD.	Pengeluaran
245	KETENGAH AGROSTOCK SDN. BHD.	Pengeluaran
246	KHONG GUAN VEGETABLE OIL REFINERY SDN. BHD.	Pengeluaran
247	KIANG GUAN HONG SDN. BHD.	Pengeluaran
248	KIM CHUAN FOODSTUFF & EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
249	KIM CHUAN OILS & FATS SDN. BHD.	Pengeluaran
250	KITARASA SDN. BHD.	Pengeluaran
251	KLK ALAMI EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
252	KOPERASI KELUARGA ALRIZA SELANGOR BERHAD	Pengeluaran
253	KUALITI MEKAR SDN. BHD.	Pengeluaran
254	KUNAK REFINERY SDN. BHD.	Pengeluaran
255	KWANTAS OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
256	LAM SOON EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
257	LEAN KEE CHAN SDN. BHD.	Pengeluaran
258	LEE OILMILLS SDN. BHD.	Pengeluaran
259	LIAN HUAT ENTERPRISE	Pengeluaran
260	LIAN LOCK ENTERPRISE	Pengeluaran
261	LIAN SOON EI ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
262	LIANG PANG COMPANY	Pengeluaran
263	LINACO FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
264	LINK HOLDERS PACKAGING INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
265	LIPIDCHEM SDN. BHD.	Pengeluaran
266	LOO HENG HUAT SDN. BHD.	Pengeluaran
267	LOO LEAN PANG SDN. BHD.	Pengeluaran
268	LOO LIANG TIAM SDN. BHD.	Pengeluaran
269	LOONG HENG MARKET SUPPLY SDN. BHD..	Pengeluaran
270	LOVELY FOOD MFG AND TRADING	Pengeluaran
271	LUM CHUAN SDN. BHD.	Pengeluaran

272	LYCA PALMWIN GLOBAL SDN. BHD.	Pengeluaran
273	MADU KENANGA SDN. BHD.	Pengeluaran
274	MAGRI FOODS SDN. BHD.	Pengeluaran
275	MAIMUNAH BINTI IBRAHIM	Pengeluaran
276	MEGAN EMPIRE SDN. BHD.	Pengeluaran
277	MEWAHOLEO INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
278	MIDC SDN. BHD.	Pengeluaran
279	MIE MB TRADING	Pengeluaran
280	MIGHTY OCEAN SDN. BHD.	Pengeluaran
281	MIRANDA ENTERPRISE	Pengeluaran
282	MN MILLENNIUM RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
283	MOHD POAD BIN BACHIK	Pengeluaran
284	MOI FOODS MALAYSIA SDN. BHD.	Pengeluaran
285	MQC GROUP SDN. BHD.	Pengeluaran
286	MSF OIL INDUSTRY	Pengeluaran
287	MUHIBAH PALM PRODUCTS SDN. BHD	Pengeluaran
288	MURNI MAJU SDN. BHD.	Pengeluaran
289	MUTHU & MARI TRADING	Pengeluaran
290	NG AIK NAI TRADING COMPANY	Pengeluaran
291	NOMHAZ MAJU SDN. BHD.	Pengeluaran
292	NORSUHAILEE ENTERPRISE	Pengeluaran
293	NOVA LABORATORIES SDN. BHD.	Pengeluaran
294	OXFORD UNITED SDN. BHD.	Pengeluaran
295	PACIFIC OILS & FATS INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
296	PALMA UNGGUL ENTERPRISE	Pengeluaran
297	PALMTOP SDN. BHD.	Pengeluaran
298	PASTI SETERUS SDN. BHD.	Pengeluaran
299	PEMBORONG SAKTI	Pengeluaran
300	PERNIAGAAN AWM (TWU) SDN. BHD.	Pengeluaran
301	PERNIAGAAN MINYAK MASAK SOON HOCK HIN SDN. BHD.	Pengeluaran
302	PERNIAGAAN MUDA	Pengeluaran
303	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN SIMPANG RENGGAM	Pengeluaran
304	PGEO EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
305	PHOENIX BC SDN. BHD.	Pengeluaran
306	PM ENERGY SDN. BHD.	Pengeluaran
307	PM MAHSURI SDN. BHD.	Pengeluaran
308	PNC OIL FACTORY (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
309	PREMIER OIL INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
310	PRIMA PALM PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
311	PROFES LIPID SDN. BHD.	Pengeluaran
312	PROMAC ENTERPRISES SDN. BHD.	Pengeluaran
313	PROMAC INDUSTRIES (JOHORE) SDN. BHD.	Pengeluaran
314	PROTOCOL DESIGN SDN. BHD.	Pengeluaran
315	PS SELATAN SDN. BHD.	Pengeluaran
316	PUBLIC PALM OILS TRADING	Pengeluaran
317	PURITY INTERNATIONAL SDN. BHD.	Pengeluaran

318	RAHIM PALM OIL INDS (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
319	RAJA ALI BIN ABDUL RAHMAN	Pengeluaran
320	RAZ ENTERPRISE	Pengeluaran
321	REO TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
322	RH GLOBAL EMPIRE (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
323	RINGGIT GATE MARKETING SDN. BHD.	Pengeluaran
324	RNS AQLAM (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
325	ROSHAN JAAN SDN. BHD.	Pengeluaran
326	RSBS Enterprise SDN. BHD.	Pengeluaran
327	SABARAS SDN. BHD.	Pengeluaran
328	SAHA ASIA INDUSTRIES SDN. BHD	Pengeluaran
329	SANDAKAN EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
330	SARAFIAH NATURAL RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
331	SAWIT SUCI SDN. BHD.	Pengeluaran
332	SBS ADVANCED SDN. BHD.	Pengeluaran
333	SCORES INDUSTRY SDN. BHD.	Pengeluaran
334	SD GUTHRIE INTERNATIONAL LANGAT REFINERY SDN. BHD.	Pengeluaran
335	SD GUTHRIE INTERNATIONAL PASIR GUDANG REFINERY SDN. BHD.	Pengeluaran
336	SEMANGAT DELIGASI SDN. BHD.	Pengeluaran
337	SEMAQ IQHLAS SDN. BHD.	Pengeluaran
338	SERI ERICAJAYA SDN. BHD.	Pengeluaran
339	SHAKASH AGRO (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
340	SIK WENG SDN. BHD.	Pengeluaran
341	SIN GUAN HUP OIL & RICE MILL SDN. BHD.	Pengeluaran
342	SIN SOON HOE EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
343	SIN WENG HOO TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
344	SKT SOON TRADING SDN. BHD.	Pengeluaran
345	SM AMALINA INDUSTRIES SDN. BHD.	Pengeluaran
346	SOILS SDN. BHD. (fk: MYCOMPARE SDN. BHD.)	Pengeluaran
347	SOLY MARKETING SDN.BHD	Pengeluaran
348	SOON HUAT HUNG SDN. BHD.	Pengeluaran
349	SOON HUP EDIBLE OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
350	SOON LEE & COMPANY	Pengeluaran
351	SOON LEONG ENTERPRISE	Pengeluaran
352	SOON SOON OILMILLS SDN. BHD.	Pengeluaran
353	SOP FOODS SDN. BHD.	Pengeluaran
354	SOUTHERN EDIBLE OIL INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
355	SPECIAL PLATINUM SDN. BHD.	Pengeluaran
356	SPM JATI ENTERPRISE	Pengeluaran
357	SRI SEBANYAK EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
358	SRI SUBHAM ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
359	STCK RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
360	SUBUR ASIAMAS SDN. BHD.	Pengeluaran
361	SUNRISE VICTORY PLANTATION SDN. BHD.	Pengeluaran
362	SUNTERRA EDIBLE OIL (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
363	SUPREME PRIDE SDN. BHD.	Pengeluaran

364	SWAK RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
365	SYARIKAT AUN HOE TRADING	Pengeluaran
366	SYARIKAT EKONOMI BERSATU	Pengeluaran
367	SYARIKAT EMBUN CAHAYA	Pengeluaran
368	SYARIKAT GEMILANG ENTERPRISE	Pengeluaran
369	SYARIKAT HIDAYAT	Pengeluaran
370	SYARIKAT HOI WAN (S) SDN. BHD.	Pengeluaran
371	SYARIKAT IMPIAN BUDI	Pengeluaran
372	SYARIKAT OH CHUAN AIK SESAME OIL SDN. BHD.	Pengeluaran
373	SYARIKAT PERMATA	Pengeluaran
374	SYARIKAT PERNIAGAAN KILANG MINYAK HOCK GUAN HENG	Pengeluaran
375	SYARIKAT PERNIAGAAN MAJU	Pengeluaran
376	SYARIKAT PERNIAGAAN PARI PARI	Pengeluaran
377	TAI HUA FOOD INDUSTRIES (PTE.) LTD.	Pengeluaran
378	TAN EDIBLE OIL ENTERPRISE	Pengeluaran
379	TANJONG KARANG KILANG MINYAK SDN. BHD.	Pengeluaran
380	TEGUH BINANIAGA SDN. BHD.	Pengeluaran
381	TEH BROTHERS OIL & FOOD CO	Pengeluaran
382	TENAGA PELAYARAN LEGACY (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
383	THYE HENG TRADING	Pengeluaran
384	TIJAZ CORPORATION SDN. BHD.	Pengeluaran
385	TMR LABANG SDN. BHD.	Pengeluaran
386	TONGGAK TIGA TRADING	Pengeluaran
387	TOPSELLER PTE. LTD.	Pengeluaran
388	TRINABH TRADING	Pengeluaran
389	TSEA SDN. BHD.	Pengeluaran
390	TUALANG TREE SDN. BHD.	Pengeluaran
391	UNIQUE CLEAN SDN. BHD.	Pengeluaran
392	UNITED EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
393	USAHA PRASARANA SDN.BHD	Pengeluaran
394	VS INTERNATIONAL RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
395	WAFIQ INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Pengeluaran
396	WANJIMUD SDN. BHD.	Pengeluaran
397	WANSON ENTERPRISE	Pengeluaran
398	WARISAN MAJUNIAGA SDN. BHD.	Pengeluaran
399	WEE HING TRADING COMPANY	Pengeluaran
400	WENG LEE EDIBLE OIL TRADING	Pengeluaran
401	WILEE VEGETABLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
402	WILMAR PALM PRODUCTS SDN. BHD.	Pengeluaran
403	WYN FOODS PTE LTD	Pengeluaran
404	Y&Y MUHIBAH LOGISTICS SDN. BHD.	Pengeluaran
405	YACOB TAHIR ENTERPRISE SDN. BHD.	Pengeluaran
406	YEE LEE EDIBLE OILS SDN. BHD.	Pengeluaran
407	YHL TRADING (KL) SDN. BHD.	Pengeluaran
408	YOCOOL FOOD PROCESSING SDN. BHD.	Pengeluaran
409	YONDAW SUPPLIER & GENERAL TRADING	Pengeluaran

410	YONG CHONG HONG SDN. BHD.	Pengeluaran
411	YONG WEN HOLDINGS SDN. BHD.	Pengeluaran
412	YOP ZAINAN SDN. BHD.	Pengeluaran
413	ZARITH TRADING	Pengeluaran
414	ZS AGENCY RESOURCES SDN. BHD.	Pengeluaran
415	ABLE PERFECT SDN. BHD.	Subkontrak
416	ASIA ARAB AFINI INTERNATIONAL TRADING SDN. BHD.	Subkontrak
417	BLOSSOM CHANNEL SDN. BHD.	Subkontrak
418	CHOP HOCK SENG ENG	Subkontrak
419	GOH JOO HIN PTE.LTD.	Subkontrak
420	GOLDEN ORCHID GLOBAL SDN. BHD.	Subkontrak
421	JA FOOD INDUSTRIES	Subkontrak
422	KUASANAS (M) SDN. BHD.	Subkontrak
423	LOTUSS STORES (MALAYSIA) SDN. BHD.	Subkontrak
424	MATRIX OIL (M) SDN. BHD.	Subkontrak
425	MINYAK MASAK ADIK NURR	Subkontrak
426	NGO CHEW HONG EDIBLE OIL PTE LTD	Subkontrak
427	NTUC Fairprice Co-operative Limited	Subkontrak
428	PAYUNG EMAS VENTURES (M) SDN. BHD.	Subkontrak
429	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN PENAGA	Subkontrak
430	PERTUBUHAN PELADANG NEGERI TERENGGANU	Subkontrak
431	PETROGAS ENERGY SDN. BHD.	Subkontrak
432	POCKET TRADE SDN. BHD.	Subkontrak
433	SADA INVESTMENT PTE. LTD.	Subkontrak
434	SD GUTHRIE INTERNATIONAL PROFESSIONAL SDN. BHD.	Subkontrak
435	SINCERE WHOLESALE PTE. LTD.	Subkontrak
436	SOON HONG HUNG TRADING CO. SDN. BHD	Subkontrak
437	YEE LEE OILS & FOODSTUFFS (SINGAPORE) PTE LTD	Subkontrak
438	YONG HENG GIAP SDN. BHD.	Subkontrak
439	ZUDIN ENTERPRISE	Subkontrak

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 6(C) TAHUN 2025

PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK MASAK DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

6 OGOS 2025 (RABU) | 03:00 PETANG

MALAYSIA MADANI

AGENSI TERLIBAT DI BAWAH KDN

	POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)	AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)
PERANAN	• Penguatkuasaan sempadan darat dan perairan negara melalui Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) serta Wildlife Crime Bureau/ Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) dan kepakaran nadi perisikan iaitu Bahagian E5 Cawangan Khas (CK).	• mengawal dan mengawasi perairan negara melalui rondaan udara, laut, dan radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA).	• Kawalan dan pemeriksaan serta pelepasan ke atas pergerakan pengembara (orang), barang dan kenderaan di 22 lokasi pintu masuk negara.
PUNCA KUASA	• Akta Kawalan Bekalan 1961	• Akta Kawalan Bekalan 1961 • Akta APMM 2004 dan Pindaan 2019	• Akta Kawalan Bekalan 1961

Made with GAMMA

STRATEGI KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MEMPERKUKUHKAN OPERASI PENGUATKUASAAN

- **operasi khas dan bersepadu** melibatkan inter/intra agensi seperti penyertaan dalam operasi bersepadu bersama KPDN, JKDM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

- **pengesanan dan penahanan ke atas lori, vessel, stor atau premis yang disyaki** menyimpan minyak masak bersubsidi secara haram. Jika terkesan kesalahan, tindakan diambil melalui tangkapan dan penyitaan barang kawalan, dokumen dan peralatan berkaitan.

KOLABORASI INTRA / INTER AGENSI

- **Kolaborasi bersama KPDN** bagi tujuan perkongsian maklumat perisikan tentang laluan penyeludupan dan sindiket.

- PDRM melalui JKDNKA, Cawangan Khas, JSJ, JPJKK, IPD-IPD persisir pantai sering **berkolaborasi dan berkongsi maklumat.**

Made with GAMMA

TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN OPERASI RAMPASAN

1 **Operasi Bersepadu oleh Penguatkuasa KPDN**

Op Tiris 1.0 & 2.0 (2023)

- kawasan panas sempadan negara
- menyasarkan stor-stor simpanan tidak berlesen, aktiviti pengedaran haram dan premis industri.

Op Tiris 3.0 (2024 & 2025)

- risikan strategik melibatkan kerjasama antara agensi
- PDRM menerajui Operasi Bersepadu Integrasi Strategik Intra/Inter Agensi.

2 **Rondaan dan Sekatan**

- keupayaan elemen PGA dan PPM, PDRM serta APMM melalui operasi tetap pemantauan dan pengawasan di laluan-laluan utama darat dan laut sempadan negara.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERIMA KASIH

#KDNReformasiMadani #MadaniBekerja #KDNInovasiMDN #KDNYakinMADANI

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA (FOMCA)
FEDERATION OF MALAYSIAN CONSUMERS ASSOCIATIONS (FOMCA)

ISU PENGGUNA

Minyak Masak Peket Bersubsidi (Polibeg 1kg)

26 OGOS 2025

Dr. Saravanan Thambirajah
CEO / SEC GEN

1. KEKURANGAN & BEKALAN YANG TIDAK KONSISTEN

- **Masalah:** Pengguna kerap berdepan rak kosong, pengisian semula yang tidak menentu, dan catuan.
- **Kesan:** Isi rumah berpendapatan rendah tidak dapat mengakses minyak masak bersubsidi secara konsisten, sekali gus menggagalkan tujuan dasar tersebut.
    - **Bandar Semenanjung (Lembah Klang):** Pasar raya mengenakan had (1–2 peket setiap keluarga) kerana permintaan tinggi.
    - **Luar Bandar Semenanjung (Kelantan, Kedah):** Berminggu-minggu tanpa stok; keluarga terpaksa pergi jauh atau membeli minyak botol yang mahal.
    - **Sabah:** Kilang pembungkusan semula terhad (kebanyakannya di Kota Kinabalu) menyebabkan kesesakan; pengangkutan jarak jauh dari Sandakan menambah kelewatan.
    - **Sarawak:** Peket habis terjual dalam beberapa jam; sesetengah pekan mengalami kekurangan stok hingga dua minggu.

2. AMALAN RUNCIT YANG TIDAK ADIL / UNFAIR RETAIL PRACTICES

- **Masalah:** Peruncit memanipulasi akses dengan mengikat jualan (bundling), menyorok stok, dan jualan terpilih.
- **Kesan:** Pengguna terpaksa membayar lebih atau langsung kehilangan akses, manakala subsidi hanya menguntungkan pihak yang mengambil kesempatan.
  - **Beberapa negeri seperti Perak, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan:** Pengguna dipaksa berbelanja lebih daripada RM10 untuk barangan lain bagi melayakkan membeli minyak bersubsidi.
  - **Lumut (Perak):** Kedai didapati menjual secara terpilih, dengan stok disimpan khas untuk pembeli tertentu.
  - **Seluruh negara:** Peruncit menyorok stok dan mendakwa “tiada bekalan,” tetapi sebenarnya dialihkan ke restoran atau pelanggan tetap.

3. MANIPULASI HARGA & PENYELEWENGAN

- **Masalah:** Minyak bersubsidi dijual semula melebihi harga kawalan atau dibungkus semula untuk keuntungan.
- **Kesan:** Pengguna ditipu untuk membayar harga yang lebih tinggi bagi barangan asas yang sepatutnya bersubsidi.
  - **Sarawak:** Minyak bersubsidi (RM2.50/kg) dibotolkan semula ke dalam pek 3kg dan dijual pada harga RM15; ada kes dicampur dengan minyak terpakai.
  - **Perak & Kedah:** Tindakan penguatkuasaan KPDN terhadap kedai yang menjual melebihi harga siling.
  - **Kelantan:** Kes melibatkan seorang lelaki yang mengiklankan minyak masak bersubsidi secara dalam talian (melalui WhatsApp), tetapi mengenakan caj RM5/kg, iaitu dua kali ganda harga kawalan.

4. PENYELEWENGAN KE RESTORAN & PERNIAGAAN

- **Masalah:** Peket minyak bersubsidi yang sepatutnya untuk isi rumah berakhir digunakan oleh pihak komersial.
- **Kesan:** Pengguna terpaksa bersaing dengan perniagaan, sekali gus mengurangkan akses mereka kepada barangan keperluan.
  - **Bandar Semenanjung:** Pekerja restoran warga asing membeli 3 peket setiap seorang (had individu) dan menyerahkannya kepada majikan. Restoran mengumpul bekalan pukal, menyalurkan subsidi daripada isi rumah kepada perniagaan.
  - **Penemuan Audit (Seluruh Negara):** Lebih 55,000 kg minyak bersubsidi dijual kepada pihak yang tidak layak, termasuk kedai makan dan NGO.
  - **Sarawak:** Industri mikro (kantin, kedai makan kecil) membeli keseluruhan stok, mengehadkan akses isi rumah.

5. PENYELUDUPAN & KETIRISAN

- **Masalah:** Minyak bersubsidi diseludup ke luar sempadan atau disalurkan ke pasaran gelap.
- **Kesan:** Penyeludupan mengurangkan bekalan untuk pengguna, manakala dana subsidi kerajaan hanya menguntungkan pihak yang mengambil kesempatan.
  - **Kelantan:** Sindiket ditangkap bersama 7,735 kg minyak bersubsidi dalam perjalanan ke negara jiran.
  - **Miri, Sarawak:** Pembekal menjual minyak bersubsidi kepada individu tidak berlesen bernilai RM5,700.
  - **Seluruh negara:** Rampasan berulang kali membuktikan kebocoran sistematik daripada saluran pengguna.

6. BEBAN BELANJAWAN ISI RUMAH / HOUSEHOLD BUDGET BURDEN

- **Masalah:** Apabila minyak bersubsidi tidak tersedia, keluarga terpaksa membeli botol 5kg tanpa subsidi pada harga 30–40% lebih mahal.
- **Kesan:** Subsidi gagal meringankan kos sara hidup; isi rumah berpendapatan rendah menanggung tekanan kewangan yang lebih berat.
  - **Luar Bandar Semenanjung:** Keluarga B40 tertekan kerana terpaksa membayar harga pasaran akibat kekurangan stok yang berterusan.
  - **Sabah & Sarawak:** Pengguna melaporkan “tiada stok sejak awal tahun” di kedai runcit kecil, menyebabkan minyak botol menjadi satu-satunya pilihan.

7. KETIDAKSAMAAN LUAR BANDAR & BANDAR / RURAL–URBAN INEQUALITIES

- **Masalah:** Akses berbeza dengan ketara mengikut geografi.
- **Kesan:** Isi rumah luar bandar yang terdedah — iaitu kumpulan utama yang sepatutnya dilindungi oleh subsidi — adalah paling terjejas.
  - **Bandar:** Stok wujud tetapi dicatu; pasar raya masih menyediakan sedikit akses.
  - **Pinggir Bandar:** Peruncit mengambil kesempatan melalui helah — ikatan jualan (bundling), jualan terpilih, penyorokan stok.
  - **Luar Bandar:** Kekurangan paling serius; di Sabah dan Sarawak, isu struktur (pembungkusan terhad, pengedaran lemah) menjadikan akses tidak menentu.

8. KEKURANGAN KETELUSAN & KEPERCAYAAN AWAM

- **Masalah:** Pengguna tidak dimaklumkan tentang peruntukan dan penguatkuasaan.
- **Kesan:** Kepercayaan terhadap sistem subsidi semakin terhakis; pengguna percaya ia lebih menguntungkan perniagaan dan penyeludup berbanding isi rumah.
  - Walaupun peruntukan sebanyak 60,000 tan sebulan, bekalan sering tidak sampai ke isi rumah.
  - Penggantungan/pembatalan lesen pembungkus jarang diumumkan; pengguna mengesyaki wujudnya rasuah.

9. KELEMAHAN KAPASITI PENGUATKUASAAN

- Tiada sistem pengesanan menyeluruh (traceability) daripada pengilang → pemborong → peruncit → pengguna. Keadaan ini memudahkan kebocoran berlaku tanpa disedari.
- Di bawah **Akta Kawalan Bekalan 1961**, individu boleh didenda sehingga **RM1 juta** atau dipenjara tiga tahun, manakala syarikat boleh didenda sehingga **RM2 juta**. Namun dalam praktiknya, kebanyakan kes melibatkan pengusaha kecil yang biasanya hanya dikenakan denda kompaun jauh lebih rendah, menjadikan keuntungan daripada aktiviti penyeludupan atau penjualan semula lebih menarik berbanding risiko ditangkap.
- Dalam banyak kes, pesalah berulang terus melakukan kesalahan kerana hasil tindakan penguatkuasaan tidak didedahkan secara meluas untuk mewujudkan kesan pencegahan yang nyata.

CADANGAN FOMCA / FOMCA'S RECOMMENDATION

1. **Lindungi Akses Isi Rumah**
   - Laksanakan larangan terhadap penyelewengan ke restoran (contohnya pekerja asing membeli secara pukal).
   - Lakukan audit terhadap penyaluran subsidi ke kedai makan.
2. **Amalan Runcit yang Adil**
   - Larang ikatan jualan (bundling), penyorokan stok, dan penjualan melebihi harga kawalan.
   - Kenakan hukuman tegas terhadap pesalah; jalankan penguatkuasaan melalui pembeli misteri (mystery shopper) di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.
3. **Baiki Rantaian Bekalan Sabah & Sarawak**
   - Perluaskan bilangan kilang pembungkusan semula melebihi Kota Kinabalu.
   - Audit penipuan pembotolan semula di Sarawak; pastikan pekan luar bandar menerima kuota yang diperuntukkan.
4. **Hentikan Penyeludupan & Kebocoran**
   - Perketat kawalan sempadan di negeri-negeri utara.

CADANGAN FOMCA / FOMCA'S RECOMMENDATION

5. Jamin Akses Luar Bandar di Seluruh Negara

- Perluaskan sistem zon bagi memastikan bekalan dihantar terus ke lokasi jualan luar bandar.
- Terbitkan rekod penghantaran mengikut zon untuk tujuan ketelusan.

6. Ketelusan & Kepercayaan

- Terbitkan kemas kini bulanan: peruntukan, tindakan penguatkuasaan, rampasan, dan penalti.
- Berikan kuasa kepada pengguna untuk membuat aduan dan menjejaki hasil tindakan penguatkuasaan.

7. Perkukuh Sistem

- Hukuman Lebih Berat & Konsisten: Daripada denda kecil, mahkamah boleh mengenakan penalti maksimum atau membatalkan lesen perniagaan bagi memberi kesan pencegahan lebih kuat.
- Kawalan Dalam Talian Lebih Tegas: Bekerjasama dengan platform e-dagang untuk menyekat secara automatik iklan barangan bersubsidi.

Terima Kasih

Dr. Saravanan Thambirajah
Ketua Pegawai Operasi
saravanan@fomca.org.my

LAPORAN KAN 2/2025
FGV HOLDINGS BERHAD

Pengurusan Kawalan Harga dan Subsidi Minyak Masak

Delima Oil Products Sdn. Bhd. (DOPSB)

(Anak Syarikat FGV Holdings Bhd)

Peneraju dalam pengeluaran dan pemasaran produk FMCG berasaskan kelapa sawit termasuk minyak masak, shortening, margerin dan produk hiliran lain. Sebagai sebahagian daripada Kumpulan **FGV**, DOPSB memanfaatkan integrasi rantaian bekalan **FGV** untuk memastikan bekalan mentah dan kawalan kualiti yang konsisten.

PROSES KAPASITI & PURATA KUOTA BULANAN (YTD 2025)

DOPSB PASIR GUDANG	FGV REFINERIES KUANTAN	FGV REFINERIES TAWAU
➢ **Kapasiti Pengeluaran Minyak Masak COSS** 12,000 MT / Sebulan	➢ **Kapasiti Pengeluaran Minyak Masak COSS** 8,000 MT / Sebulan	➢ **Kapasiti Pengeluaran Minyak Masak COSS** 3,000 MT / Sebulan
➢ **Purata Kuota Bulanan (YTD 2025)** 3,144 MT **26%** Dari Kapasiti	➢ **Purata Kuota Bulanan (YTD 2025)** 2,826 MT **35%** Dari Kapasiti	➢ **Purata Kuota Bulanan (YTD 2025)** 704 MT **23%** Dari Kapasiti

Jumlah Purata Kuota Bulanan VS Kapasiti	6,674 MT	VS	23,000 MT



LAPORAN KAN 2/2025
1.0 RINGKASAN LAPORAN MINYAK MASAK

1.1 KEDUDUDUKAN FGV DALAM LAPORAN

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-12
FGV Holdings Berhad (No. Syarikat: 800165-P) dikenal pasti sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang membekalkan 10.6% (6,154 MT/bulan) minyak masak bersubsidi negara.

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-11
FGV Holdings Berhad (No. Syarikat: 800165-P) merupakan syarikat penapis yang mempunyai kuota minyak masak subsidi dan pembekal minyak pukal subsidi kepada syarikat pembungkus

1.2 TUMPUAN UTAMA LKAN - FGV

Caj Tambahan Kilang Penapis. – m.s: 3-34

Kawalan Pematuhan Sijil Halal. – m.s: 3-40

Penguasaan pasaran oleh syarikat asing. – m.s: 3-11

Kelemahan Program COSS. – m.s: 3-32

LAPORAN KAN 2/2025
2.0 STRUKTUR HARGA & CAJ TAMBAHAN KILANG PENAPIS

2.1 PENEMUAN AUDIT

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-34

Kilang penapis mengenakan caj tambahan.

I. Caj Pengangkutan : RM50-RM150/MT X
II. Caj Pentadbiran : RM130-RM148/MT X
III. Caj Kawalan Kualiti : RM120-RM170/MT √
IV. Caj Proses : RM100-RM140/MT X

Ini meningkatkan kos belian syarikat pembungkus melebihi harga asas RM2,300/MT yang ditetapkan dalam SOP.

2.2 JUSTIFIKASI

I. Caj Kawalan Kualiti adalah untuk menampung kos pemprosesan tambahan bagi menukar gred minyak sawit (RBD Palm Olein) daripada CP10 kepada CP8.

II. Spesifikasi minyak gred CP8 adalah syarat mandatori yang ditetapkan oleh KPDN untuk program minyak masak bersubsidi.

III. Caj kawalan kualiti yang dikenakan oleh FGV adalah dalam lingkungan RM130 hingga RM170, tertakluk kepada asas penghantaran.

LAPORAN KAN 2/2025
3.0 KAWALAN RANTAIAN BEKALAN & PERANAN FGV

3.1 PENEMUAN AUDIT

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-42

Pelbagai kelemahan di peringkat syarikat pembungkus:

I. Tidak mematuhi syarat modal berbayar.
II. Penjualan kepada pihak tidak layak (restoran, penjaja).
III. Isu pemilikan sijil Halal.

3.2 JUSTIFIKASI

I. Syarikat pembungkus bertanggungjawab sepenuhnya keatas semua operasi harian syarikat masing masing serta memastikan semua syarat-syarat yang ditetapkan kepada pemegang COSS dipatuhi.

II. FGV hanya mengedarkan serta menuntut subsidi minyak masak keatas jualan yang dibuat kepada syarikat yang mempunyai Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) yang sah, aktif dan berdaftar didalam sistem KPDN ECOSS.

III. Kesemua kilang FGV bagi program COSS minyak masak subsidi mempunyai sijil Halal yang sah

LAPORAN KAN 2/2025
3.0 KAWALAN RANTAIAN BEKALAN & PERANAN FGV

3.3 KETIDAKPATUHAN SIJIL HALAL

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-40

SENARAI SYARIKAT TIADA PENSIJILAN HALAL DARIPADA JAKIM

BIL.	NO. SSM	JENAMA	DAERAH/BAHAGIAN	NEGERI	PENANDAAN HALAL PLASTIK PEMBUNGKUS
1.	378663-X	Cap Sea Horse	Johor Bahru	Johor	Ya
2.	819420-X	Tiga Stereng Tiga	Pasir Puteh	Kelantan	Ya
3.	1107143-T	Lapan Tiga Lapan	Kota Bharu	Kelantan	Ya
4.	199441-H	Cap Lada Bersilang	Kota Bharu	Kelantan	Ya
5.	KT 0219480-V	Cap Arnab	Pasir Mas	Kelantan	Ya
6.	1152801-K	Loong Heng	Balakong	Selangor	Ya
7.	1169606-P	707	Pasir Mas	Kelantan	Tidak
8.	KT0330562-U	101	Kota Bharu	Kelantan	Tidak
9.	988944-A	Cap Empurau	Bintulu	Sarawak	Tidak

Sumber: Lawatan Fizikal dan Semakan di Laman Web *myehalal.halal.gov.my*

LAPORAN KAN 2/2025
4.0 PENGUASAAN PASARAN OLEH SYARIKAT ASING

4.1 PENEMUAN AUDIT

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-11

Lebih 67% bekalan minyak masak bersubsidi di peringkat penapisan dikuasai oleh syarikat induk yang berpangkalan di Singapura dan Jepun.

Dua syarikat berkaitan Kerajaan, iaitu Syarikat FGV Holdings Berhad dan Syarikat SD Guthrie merupakan syarikat tempatan utama yang membekalkan minyak bersubsidi dengan jumlah kuota 6,154 mt sebulan atau 10.6% bekalan minyak bersubsidi tempatan.

4.2 JUSTIFIKASI

I. Bekalan minyak masak subsidi berubah setiap bulan mengikut jadual pembekalan dari pihak KPDN dan terkini adalah 6,877 MT pada bulan September *(Kemaskini data sehingga 9/10/2025)*.

II. Kapasiti pengeluaran maksimum FGV adalah 23,000 MT sebulan, iaitu hampir 4 kali ganda lebih tinggi daripada kuota semasa yang diberikan:
   a. Kilang Pasir Gudang, Johor : 12,000 MT
   b. Kilang Kuantan, Pahang : 8,000 MT
   c. Kilang Tawau, Sabah : 3,000 MT

III. FGV mempunyai kemampuan untuk membekalkan hampir 40% daripada keseluruhan kuota bulanan Negara (60,000 MT)

LAPORAN KAN 2/2025
4.0 PENGUASAAN PASARAN OLEH SYARIKAT ASING

4.3 DATA AGIHAN SUBSIDI MENGIKUT SYARIKAT

SENARAI KILANG PENAPIS YANG MENJADI PANEL PEMBEKAL MINYAK MASAK SAWIT BERSUBSIDI

BIL.	KTEGORI	NO. SSM KILANG PENAPIS	NEGERI	SYARIKAT INDUK TEMPATAN	NEGARA ASAL PEMEGANG SAHAM MAJORITI	KUOTA (MT/BULAN)			JUMLAH BEKALAN	
						SYARIKAT PEMBUNGKUS	KILANG PENAPIS	JUMLAH	MT	%
1	MNC - Singapura	14202-V	P.Pinang	**XXXX SDN. BHD.**	Singapura	5,253	-	5,253	29,231	50
2		28300-A	P.Pinang			3,670	-	3,670		
3		1313149-D	Selangor			5,221	-	5,221		
4		188264-X	Sarawak			4,717	500	5,217		
5		1034263-K	Pahang			3,680	-	3,680		
6		156983-K	Sabah			3,567	300	3,867		
7		14202-V	Johor			753	800	1,553		
8		14202-V	Perak			770	-	770		
9		76965-H	Selangor	**XXXX SDN. BHD.**	Singapura	8,143	-	8,143	8,921	15
10		213028-M	Johor	**XXXX SDN. BHD.**		778	-	778		
11	MNC - Jepun	62068-U	Selangor	**XXXX SDN. BHD.**	Jepun	1,291	-	1,291	1,291	2
12	GLC	23120-H	Pahang	**FGV HOLDINGS BERHAD** (800165-P)	Malaysia	2,625	-	2,625	6,154	11
13		23120-H	Johor			1,483	1,250	2,733		
14		23120-H	Sabah			546	250	796		
15		1427735-A	Selangor	**XXXX BERHAD**	Malaysia	-	GANTUNG	-		
16	Tempatan	1840-V	Selangor	**XXXX SDN. BHD.**	Malaysia	6,262	-	6,262	12,674	22
17		954412-H	Johor	**XXXX SDN. BHD.**	Malaysia	2,310	-	2,310		
18		332650-P	Perak	**XXXX BERHAD**	Malaysia	1,782	-	1,782		
19		57450-X	Sabah	**XXXX BERHAD**	Malaysia	820	250	1,070		
20		569738-H	Johor	**XXXX SDN. BHD.**	Malaysia	-	500	500		
21		538248-X	Sarawak	**XXXX SDN. BHD.**	Malaysia	400	-	400		
22		13160-W	Sarawak	**XXXX SDN. BHD.**	Malaysia	-	350	350		
23		8157-D	Johor	**XXXX BERHAD**	Malaysia	-	-	-		
JUMLAH						**54,071**	**4,200**	**58,271**	**58,271**	**100**

LAPORAN KAN 2/2025
5.0 KELEMAHAN PROGRAM COSS & KAWALAN SYARIKAT

5.1 PENEMUAN AUDIT

Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 | Muka Surat : 3-7

I. Program subsidi bersifat pukal dan tidak bersasar. warga asing dan entiti komersial turut mendapat manfaat.
II. Berlaku ketidakseimbangan agihan antara negeri disebabkan pengedaran merentas negeri.
III. Ketirisan dan penjualan melebihi harga kawalan masih berlaku di peringkat runcit.

5.2 JUSTIFIKASI

I. Bersetuju dengan penemuan Audit bahawa program ini memerlukan penambahbaikan untuk memastikan subsidi sampai kepada golongan sasar.

II. LKAN menyebut KPDN telah memulakan mekanisme "zoning" untuk mengawal pengedaran. FGV telah bekerjasama rapat dengan KPDN Sabah & KPDN Johor merealisasikan projek zoning bagi kawalan edaran minyak masak paket FGV berjenama Tiga Udang.

RUMUSAN

i. Inisiatif COSS yang telah bermula dari tahun 2007 bertujuan untuk menstabilkan harga runcit minyak masak bersubsidi serta memastikan bekalan yang mencukupi dipasaran tempatan. FGV sebagai pengeluar utama minyak sawit negara sentiasa menyokong Kerajaan didalam merealisasikan objektif-objektif tersebut.

ii. Didalam melaksanakan usaha ini, FGV sentiasa proaktif untuk memastikan kualiti minyak yang baik dan mampan, penghantaran yang cekap serta pematuhan ketat terhadap syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

iii. Buat masa ini, bekalan minyak masak subsidi oleh FGV merangkumi 27% daripada jumlah kapasiti pengeluaran. FGV sentiasa bersedia menawarkan peningkatan peruntukan minyak bersubsidi berdasar keperluan negara.

TERIMA KASIH

TAKLIMAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 6 (k) TAHUN 2025 BERHUBUNG PENGURUSAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI MINYAK DI BAWAH KPDN.

Taklimat oleh :
Briged Tenggara
Pasukan Gerakan Am (PGA)

Pada : 15 Oktober 2025

Agenda Taklimat

01	Kawasan Tanggungjawab & Kekuatan Op TARING Wawasan Kelantan (OTWK)
02	Statistik Rampasan Minyak Masak oleh PGA dan PPM Wilayah 3 Pengkalan Kubor
03	Kuota Lesen
04	Modus Operandi
05	Pengkalan Haram Hotspot
06	Kes Menarik
07	Faktor
08	Way Forward

KAWASAN TANGGUNGJAWAB (KTJ) OP TARING WAWASAN KELANTAN

JARAK KTJ	44.86 KM BERMULA DARI RUMAH API KUALA TAK BAI KE BRP BM/298 KG. BAGUS, RANTAU PANJANG

ICQS PENGKALAN KUBOR – 6.232872,102.090974

SEKAT PINTAS MENTUA – 6.206417,102.094684

MARTAK OTWK / KOMTAK P/KUBOR - 6.230896,102.094487

SJR SRI TUJOH – 6.211474,102.132725

SJR NETING – 6.209626,102.110577

POS PK 5 – 6.226400,102.082444

POS PK 4 – 6.197699,102.079251

POS PK 3 – 6.180400,102.081666

POS PK 2– 6.168032,102.085028

POS PK 1– 6.160479,102.087705

SEKTOR 'C'

TUMPAT

POS JP 8 6.142920,102.090563

POS JP 7– 6.137735,102.089805

POS JP 6– 6.120769,102.076261

POS JP 5 – 6.116378,102.079266

POS JP 4– 6.090870,102.061676

POS JP 3– 6.077312,102.04873

POS JP 2 – 6.074288,102.044486

POS JP 1– 6.062987,102.026594

SEKTOR 'B'

SJR BANGGOL KONG – 6.071334,102.059845

PASIR MAS

KOMTAK JERAM PERDAH - 6.077704,102.054102

SEKAT PINTAS BUKIT LATA – 6.062522,102.050591

SEKAT PINTAS JEJAWI – 6.040259,102.057635

SEKAT PINTAS SERONGGA – 6.016766, 102.030553

SJR CHABANG EMPAT SALAM - 6.001902, 102.016305

POS RP 4 – 6.054068,102.020199

POS RP 3 – 6.032785,101.985318

POS RP 2 – 6.027059,101.978325

ICQS RANTAU PANJANG – 6.021210,101.976364

POS RP 1– 6.011178,101.971913

SEKTOR 'A'

KOMTAK TAMAN BAKTI - 5.999603,102.000329

SJR LALANG PEPUYU – 5.876919, 101.947360

ICQS BUKIT BUNGA – 5.837916,101.894773

TANAH MERAH

KAWALAN PGA		
1.	MARTAK	1
2.	KOMTAK	3
3.	POS STATIK	17
4.	SEKAT PINTAS	4
5.	SJR	5
6.	ICQS	3
JUMLAH KESELURUHAN		33

PGA	33 KAWALAN

3

PECAHAN KEKUATAN KESELURUHAN PENUGASAN DI OTWK

MARTAK PENGKALAN KUBOR			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	MARTAK PENGKALAN KUBOR	4	22
		26	

KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT KOMPENI D LUBOK GONG			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	PEJABAT KOMPENI D LUBOK GONG	-	5

RISIK			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	SAFEHOUSE TAMAN BAKTI	1	15
		16	

SEKTOR 'A' RANTAU PANJANG			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	KOMTAK TAMAN BAKTI	1	12
	STRIKE FORCE	1	10
2	POS RP1	-	3
3	POS RP2	-	4
4	POS RP3	-	4
5	POS RP4	-	4
6	ICQS RANTAU PANJANG	-	4
7	ICQS BUKIT BUNGA	-	4
8	S/ PINTAS SERONGGA	-	6
9	SJR CHABANG 4 SALAM	1	10
10	SJR LALANG PEPUYU	1	13
11	P/SYIF SYED AGIL/MCA	-	6
JUMLAH		4	80
		84	

SEKTOR 'B' JERAM PERDAH			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	KOMTAK JERAM PERDAH	1	12
	STRIKE FORCE	1	11
2	POS JP1/ SYIF JITONG	1	7
3	POS JP2	-	5
4	POS JP3	-	3
5	POS JP4	-	5
6	POS JP5	-	4
7	POS JP6	1	7
8	POS JP7	-	-
9	POS JP8	-	3
10	SEKAT PINTAS BUKIT LATA		6
11	SEKAT PINTAS JEJAWI		6
12	SJR BANGGOL KONG	1	12
JUMLAH		5	80
		85	

SEKTOR 'C' PENGKALAN KUBOR			
BIL	LOKASI	KEKUATAN	
		PKP	PRP
1	KOMTAK PENGKALAN KUBOR	1	13
	STRIKE FORCE	1	10
2	POS PK1	-	3
3	POS PK2	-	6
4	POS PK3	-	6
5	POS PK4	-	6
6	POS PK5	-	6
7	SYIF TANJUNG	-	6
8	ICQS PENGKALAN KUBOR	-	3
9	SJR SRI TUJOH	1	13
10	SJR NETING	1	13
11	S/PINTAS MENTUA	-	6
JUMLAH		4	91
		95	

18 PKP

293 APR

311
PKP/APR

STATISTIK KEBERHASILAN BRIGED TENGGARA PGA & RAMPASAN MINYAK MASAK

STATISTIK KEBERHASILAN BRIGED TENGGARA PGA BAGI TAHUN 2021 HINGGA OKTOBER 2025

PURATA KES TANGKAPAN KESELURUHAN TAHUN 2025	1 BULAN 180 KES

BIL	TAHUN	JUMLAH KES	TANGKAPAN (OKT)		JUMLAH KENDERAAN	NILAI KENDERAAN	NILAI BARANGAN	NILAI RAMPASAN
			L	P				
1	2021	1,043	857	127	715	RM25,201,600.00	RM43,213,541.62	RM68,415,141.62
2	2022	1,008	1763	399	747	RM36,497,580	RM82,511,907.46	RM119,009,487.46
3	2023	1,262	1,535	230	963	RM48,648,800.00	RM69,981,701.97	RM118,630,501.97
4	2024	1,798	1431	173	1,000	RM11,783,300.00	RM88,539,329.65	RM100,323,129.65
5	2025 (1 JAN – 10 OKT)	1,824	1,743	156	1,043	RM100,242,220.00	RM706,870,072.62	RM807,112,292.62

STATISTIK RAMPASAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI OLEH BRIGED TENGGARA PGA BAGI TAHUN 2021 HINGGA OKTOBER 2025

PURATA KES TANGKAPAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI TAHUN 2025	1 BULAN 2 KES





STATISTIK RAMPASAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI OLEH PPM WILAYAH 3 PENGKALAN KUBOR BAGI TAHUN 2025.

BIL	BULAN	KES	NO RPT	TARIKH	TANGKAPAN		W/NEGARA	KEND	JUM MINYAK (KG)	NILAI MINYAK
					L	P				
1	Januari	1	Tumpat/1109/2025	25/01/2025	1		Melayu	1	1,632	Rm 4,080.00
2	April	1	Bunut Susu/00513/202	24/04/2025	3		Melayu	2	7,735	Rm 19,337.50
JUMLAH		**2 KES**			**4**			**3**	**9,367 KG**	**RM 23,417.50**

RAMPASAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI TAHUN 2025.


kpdnkelantan • Follow

TUMPAT, 24 OGOS 2025: Lebih 6000 kilogram barang kawalan termasuk minyak masak dari pelbagai jenama berjaya dirampas dalam satu serbuan yang dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 di sebuah rumah di Kampung Dalam Rhu Tumpat, di sini semalam.

Rampasan tersebut melibatkan anggaran 5,493 kilogram minyak masak pelbagai jenama serta 960 kilogram gula yang dipercayai disimpan di sebuah premis tidak berlesen.

Hasil siasatan awal mendapati suspek mengambil upah sebagai pembawa lor dari sebuah syarikat pembekal selain mengambil kesempatan mendapatkan bekalan barang kawalan berkenaan dari beberapa pembekal untuk dijual.


kpdnkelantan • Follow

TUMPAT, 24 OGOS 2025: Lebih 6000 kilogram barang kawalan termasuk minyak masak dari pelbagai jenama berjaya dirampas dalam satu serbuan yang dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 di sebuah rumah di Kampung Dalam Rhu Tumpat, di sini

RAMPASAN OLEH PGA
1 Jan – 10 Okt 2025

Jum. Kes

20 Kes

Jum. OKT

8

Jum. Rampasan

14,178 KG

Nilai Rampasan

RM 35,445.00

RM 6.00 ++ /Pkt

RM 2.50/Pkt

BUY

SELL

RAMPASAN OLEH PPM WILAYAH 3 PENGKALAN KUBOR TAHUN 2025

Lelaki ditahan bersama 1,632 kg minyak masak peket

HAZELEN LIANA KAMARUDIN Follow

25 Januari 2025 02:24pm

Masa membaca: 1 minit

Rampasan 96 kotak barangan bersubsidi seberat 1,632 kilogram itu dilakukan melalui Ops Bersepadu antara Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Kelantan. FOTO: PPM

Jum. Kes

2 Kes

Jum. OKT

4

Nilai Rampasan

RM 23,417.50

Jum. Rampasan

9,367 kg

RAMPASAN MENGIKUT JENAMA MINYAK MASAK BERSUBSIDI.

Bil	Jenama	Nama syarikat
1	1.1.Cap 303 1.2.Cap Athlete	LINK HOLDER PACKAGING INDUSTRIES SDN. BHD KAWASAN PERINDUSTRIAN PENGKALAN CHEPA, KOTA BHARU KELANTAN.
2	Cap DW7	TANJUNG PAUH TRADING & CONTRUCTION GELANG BULUH,BERIS KUBOR BESAR, BACHOK KELANTAN.
3	Cap Lada bersilang	INTAN EDIBLE OIL SDN BHD KG. PADANG SAKAR, SALOR KOTA BHARU KELANTAN
4	Cap 8 Global 8	IA GLOBAL SDN BHD KAW. PERINDUSTRIAN P.CHEPA 2, KOTA BHARU KELANTAN
5	Cap 3 kijang	PURITY INTERNATIONAL SDN BHD PENGKALAN CHEPA II, KOTA BHARU, KELANTAN
6	Cap Arowana	ASIA ARAB AFINI INTERNATIONAL TRADING SDN.BHD PENGKALAN CHEPA II KOTA BHARU KELANTAN
7	Cap 101	MIE MB TRADING JALAN POWER STATION LEMAL PASIR MAS, KELANTAN
8	Cap 3T	TONGGAK TIGA TRADING KG BUKIT GADING, TANAH MERAH, KELANTAN
9	Cap Seri Murni	FFM MARKETING SUNGAI BULOH, SELANGOR
10	Cap Tiga Udang	DELIMA OIL PRODUCT WISMA FGV KUALA LUMPUR
11	Cap Selasih	MAKLUMAT TIDAK DIPEROLEHI
12	Cap Keris	MAKLUMAT TIDAK DIPEROLEHI
13	Cap Kijang gold	PURITY INTERNATIONAL SDN BHD PENGKALAN CHEPA, KELANTAN
14	Cap Avena	PASIFIC OIL AND FATES SDN BHD KULAI JOHOR

15 Jenama minyak masak yang dirampas

KUOTA LESEN *REPACKERS*

18

Pemegang Lesen Repackers di kelantan

Kuantiti pemilikan (minyak masak)

2,686 MetricTan

BIL	NAMA & ALAMAT REPACKERS	KUOTA TERKINI (M/T)	JENAMA
1	TANJUNG PAUH TRADING & CONTRUCTION GELANG BULUH,BERIS KUBOR BESAR, BACHOK KELANTAN.	600 M/T	CAP DW7
2	INTAN EDIBLE OIL SDN BHD KG.PADANG SAKAR, SALOR KOTA BHARU KELANTAN	210 M/T	CAP LADA BERSILANG
3	EZZ MAJU TRADING KG KOLAM ABU, MACHANG KELANTAN	200 M/T	SUUDI
4	MIE MB TRADING JALAN POWER STATION LEMAL PASIR MAS, KELANTAN	176 M/T	CAP 101
5	PM ENERGY SDN BHD KAMPUNG TANAH MERAH, KELEWEH, MACHANG, KELANTAN	200 M/T	CAP 7 GLOBAL 7
6	CHOO CHIN HIN BAKERY & OIL MILL SDN.BHD KAMPUNG LUNDANG KOTA BHARU KELANTAN	165 M/T	CAP WAU
7	LINK HOLDER PACKAGING INDUSTRIES SDN. BHD KAWASAN PERINDUSTRIAN PENGKALAN CHEPA, KOTA BHARU KELANTAN.	150 M/T	CAP 303 & CAP ATHLETE
8	TONGGAK TIGA TRADING KAMPUNG BUKIT GADING, TANAH MERAH, KELANTAN	150 M/T	CAP TIGA TONGGAK
9	IA GLOBAL SDN BHD , KAW.PERINDUSTRIAN P.CHEPA 2, KOTA BHARU KELANTAN	140 M/T	CAP 8 GLOBAL 8
10	PURITY INTERNATIONAL SDN BHD PENGKALAN CHEPA II, KOTA BHARU, KELANTAN	122 M/T	CAP TIGA KIJANG
11	ZS AGENCY & TRADING TAMAN KESEDAR JAYA 1 GUA MUSANG KELANTAN	100 M/T	CAP CINCIN89
12	KESEDAR PERKILANGAN SDN.BHD BANDAR BARU GUA MUSANG, GUA MUSANG KELANTAN	78 M/T	CAP D GORENG
13	BLUE HILL OIL SDN.BHD MUKIM TASIK JELOR, PASIR PUTEH, KELANTAN	97 M/T	CAP 3 STERENG
14	KB BAKERY TRADING NO 625 & 626 KEDAI MELOR, KOTA BHARU KELANTAN	90 M/T	CAP 212
15	ASIA ARAB AFINI INTERNATIONAL TRADING SDN.BHD PENGKALAN CHEPA II KOTA BHARU KELANTAN	70 M/T	CAP AROWANA
16	SAFIRA ENTERPRISE KG TOK,BUAK TENDONG,PASIR MAS, KELANTAN.	46 M/T	CAP ARNAB
17	FZLYN ENTERPRISE SIMPANG TIGA GETING, PENGKALAN KUBOR TUMPAT KELANTAN.	70 M/T	CAP TUKANG MASAK
18	MOHD HANIFF BIN KAMALUDDIN KAMPUNG DALAM RHU, DEPAN SEK. KEB. TUMPAT, KELANTAN.	22 M/T	CAP BUNGA TERATAI
	JUMLAH KESELURUHAN	**2,686 M/T**	

***Sumber daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan**

KUOTA LESEN PERUNCIT DAN PEMBORONG.

Jumlah Pemegang Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA)

286 PELESEN

PASIR MAS

139 PELESEN

Kuantiti pemilikan (minyak masak)
74,171 kg

TUMPAT

147 PELESEN

Kuantiti pemilikan (minyak masak)
80,945 kg

Jumlah Pemegang Lesen Borong Barang Kawalan Berjadual (CSA)

127 PELESEN

PASIR MAS

50 PELESEN

Kuantiti pemilikan (minyak masak)
589,500 kg

TUMPAT

77 PELESEN

Kuantiti pemilikan (minyak masak)
1,111,600 kg

- ✓ **Bagi daerah Jeli dan Tanah Merah berada dibawah tanggungjawab Op Merpati sektor 8 Briged ATM**

*Sumber daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan

MODUS OPERANDI

“Penyeludup mendapatkan bekalan minyak masak peket bersubsidi dari pemborong dan peruncit seterusnya mengangkut menggunakan kenderaan persendirian kemudian menyimpan di stor transit berhampiran sungai golok. Minyak ini seterusnya diseludup ke Thailand melalui pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok menggunakan perahu atau bot. kebanyakan aktiviti penyeludupan ini berlaku pada waktu malam”



PENGKALAN HARAM *HOTSPOT*

PENGKALAN KUBOR TUMPAT

STOR TUALANG

LAT LONG 6.212078,102.080062

KUALA JAMBU TUMPAT

STOR POK NGAH

LAT LONG 6.171852,102.082183

STOR / PENGKALAN HARAM HOTSPOT

RANTAU PANJANG, PASIR MAS

STOR ADAM

LAT LONG 6.039493,101.997878

RANTAU PANJANG, PASIR MAS

PENGKALAN HARAM MCA

LAT LONG 6.019832,101.971972

KES MENARIK.

Tarikh : 24/08/2025

Sinar Harian

Pemandu lori sorok lebih enam tan minyak masak, gula dicekup

PTPTN
Hanya RM30/bulan. Ada takaful & patuh syariah. Klik & mula simpan hari ini!
BUKA

Azman (dua dari kiri) memeriksa minyak masak yang dirampas di sebuah rumah di Kampung Dalam Rhu, Tumpat pada Sabtu. Foto KPDN



kpdnkelantan • Follow

TUMPAT, 24 OGOS 2025: Lebih 6000 kilogram barang kawalan termasuk minyak masak dari pelbagai jenama berjaya dirampas dalam satu serbuan yang dilakukan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 di sebuah rumah di Kampung Dalam Rhu Tumpat, di sini semalam.

Rampasan tersebut melibatkan anggaran 5,493 kilogram minyak masak pelbagai jenama serta 960 kilogram gula yang dipercayai disimpan di sebuah premis tidak berlesen.

Hasil siasatan awal mendapati suspek mengambil upah sebagai pembawa lor dari sebuah syarikat pembekal selain mengambil kesempatan mendapatkan bekalan barang kawalan berkenaan dari beberapa pembekal untuk dijual.

No. Rpt

Tumpat Rpt : 4007/2025
Tumpat Rpt : 4008-4009/25
Jeram Perdah Rpt : 502/25

Okt

1 (L) Melayu

Jumlah Rampasan Minyak Masak

5,933 kg

Nilai Rampasan Minyak Masak

RM 14,832.50.

FAKTOR

1. Sempadan.
2. Keadaan Sungai Golok yang sempit.
3. Harga minyak masak bersubsidi Malaysia di Thailand.
4. Perundangan.



1 SEMPADAN

- **Sempadan yang terbuka. Tiada tembok / pagar sempadan.**
- **Thailand tidak menutup pagar sempadan.**

SUNGAI YANG SEMPIT

2

“Bentuk Sungai Golok yang sempit dan boleh melintasi dalam masa yang singkat”

“ketika musim kemarau boleh melintasi dengan berjalan kaki”

3

HARGA MINYAK MASAK SUBSIDI MALAYSIA DI THAILAND

Perbandingan Harga

Minyak masak bersubsidi 1kg/pkt dijual pada harga RM2.50 di Malaysia. Namun, apabila diseludup, harganya boleh mencecah RM6.00 di Thailand.

"Berdasarkan Tinjauan Lapangan Pada 26/06/2025 di kawasan Takbai, Thailand."



PERUNDANGAN

4

“Akta Kawalan Bekalan dicadangkan supaya ditambah baik dengan mencadangkan kenderaan yang dirampas perlu dilucut hak secara mandatori agar tidak digunakan secara berulang.”

WAY FORWARD.

1. Pemasangan 920 unit CCTV.
2. Tindakan undang-undang.
3. Pembinaan pagar.
4. Cadangan perobohan pengkalan haram.
5. Cadangan pemasangan *Concertina Wire.*
6. Penambahan Dron.



1 CADANGAN PEMASANGAN 920 UNIT CCTV.

“Di dalam kawasan tanggungjawab OTWK sejauh 44.86 km”.

1. Meningkatkan pengawasan sempadan.

2. Menghalang dan mengesan penyeludupan barangan subsidi / aktiviti jenayah.

2 TINDAKAN UNDANG-UNDANG.

- Tindakan lebih tegas dari agensi terlibat terhadap penyeludup, pemborong dan repacker yang didapati bersalah.
- Pemeriksaan dan operasi yang lebih kerap oleh agensi peneraju.

3 PEMBINAAN PAGAR.

Pembinaan tembok dan pagar sempadan <u>DISEGERAKAN.</u>

4 CADANGAN PEROBOHAN PENGKALAN HARAM.

128 PENGKALAN HARAM

- **51** SEKTOR ‘A’ RANTAU PANJANG
- **27** SEKTOR ‘B’ JERAM PERDAH
- **50** SEKTOR ‘C’ PENGKALAN KUBOR

5 CADANGAN PEMASANGAN *CONCERTINA WIRE.*

BIL	LOKASI	METER
1.	Dari Pos Ibrahim Pencen hingga ke Jambatan Muhibah, (ICQS Rantau Panjang)	1,800 Meter
2.	Pengkalan Haram Jitong, Jeram Perdah	220 Meter
3.	Pengkalan Haram Tanjung, Pengkalan Kubor	170 Meter
	Jumlah	2,190 Meter

Pos Ibrahim Pencen hingga ke Jambatan Muhibah

Pengkalan Haram Jitong, Jeram Perdah

Pengkalan Haram Tanjung,Pengkalan Kubor

6 PENAMBAHAN DRON

Memerlukan penambahan 4 unit dron untuk kegunaan penugasan pada waktu siang dan malam (*Thermal Imager*) mengikut penugasan bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

TERIMA KASIH

CEKAL BERANI SETIA

BRIGED TENGGARA
PASUKAN GERAKAN AM (PGA)
KEM BUKIT GALING, KUANTAN PAHANG

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac